

كوليكسي
ملايو إسلام براج

Koleksi Melayu Islam Beraja

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Terbitan oleh
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri
Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

© Hak Cipta
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri

Cetakan Pertama 2010

Semua hak cipta terpelihara.
Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini, disimpan dalam data pengeluaran semula, ataupun dipindahkan dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Dicetak oleh
Ezy Printing Services & Trading Co. Sdn. Bhd.
Negara Brunei Darussalam

ISBN : 99917-46-17-9

KANDUNGAN

Bil.	*Tajuk*	*Halaman*
1.	Prakata	I
2.	Teks *Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam* Dalam Bahasa Melayu Tulisan Jawi	II
3.	Teks *Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam* Dalam Bahasa Melayu Tulisan Rumi	III & V
4.	Teks *Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam* Dalam Bahasa Inggeris	IV
5.	Kedudukan Ugama Islam Dalam Perlembagaan	01 - 02
6.	Patriotik Islam Mempertahankan Kemuliaan Ugama	03 - 04
7.	Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan	05
8.	Nota Ringkas Mengenai Negara Melayu Islam Beraja	06
9.	Pendidikan Penting Dalam Pembentukan 'Nation Building'	07 - 08
10.	Keberkesanan Ke Arah Penerapan Konsep Melayu Islam Beraja Dalam Struktur Kerajaan dan Negara	09 - 11
11.	Bersopan Santun Identiti Kita Orang Brunei Zaman Berzaman	12 - 13
12.	Masalah dan Cabaran Terhadap Identiti Kebruneian	14 - 20
13.	Orang Berbudi Kita Berbahasa	21 - 22
14.	Melayu Islam Beraja Suatu Tinjauan Sejarah	23 - 29
15.	Prinsip Melayu Islam Beraja Tunggak Semangat Ketahanan Nasional Bangsa Yang Merdeka	30 - 32
16.	Konsep Melayu Islam Beraja Dalam Pentadbiran dan Pengurusan Negara Brunei Darussalam	33 - 40
17.	Kebudayaan Brunei Antara Identiti dan Pembinaan Bangsa	41 - 42
18.	MIB Sebagai Landasan Cara Hidup	43 - 48
19.	Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja	49 - 56
20.	Orang-orang Brunei Menerima Falsafah MIB Sebagai Landasan Pegangan Hidup	57 - 58
21.	Melayu Islam Beraja – Ideologi, Peranan Pegawai	59 - 61
22.	MIB Dalam Konteks Islam	62 - 64
23.	'National Interest' Dalam Teori Ashabiyah Ibnu Khaldun dan Hubungannya Dengan Konsep Melayu Islam Beraja	65
24.	Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pendidikan Khusus Pelajaran Melayu Islam Beraja	66 - 67
25.	Sedikit Tentang Teori Kenegaraan Al-Farabi Dalam Keunggulan Melayu Islam Beraja	68
26.	Pengisian Melayu Islam Beraja Satu Pertahanan 'Survival' Rumpun Melayu Yang Unggul	69 - 73
27.	Pembangunan Negara Selaras Dengan Falsafah MIB	74 - 75
28.	Islam Di Negara Brunei Darussalam: Kehidupan Berbangsa dan Bernegara	76 - 79
29.	Pentingnya Doa Untuk Ketua Negara Dalam Menghayati dan Mengamalkan Falsafah MIB	80 - 81
30.	Melayu Islam Beraja Tunggak Kepada Calak Brunei	82 - 83
31.	Memperkasa Remaja Dengan Siap Siaga Ke Alaf Baru	84 - 85
32.	Kaedah Projek Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Melayu Islam Beraja (MIB)	86 - 87
33.	Pendekatan Kaedah Diskusi Di Dalam Pendidikan Melayu Islam Beraja Di Sekolah-sekolah Menengah	88
34.	Unsur-unsur Pencemaran Dalam M.I.B	89
35.	M.I.B dan Nilai-nilai Luhur Yang Terkandung Di Dalamnya	90
36.	Kaedah Sokratik Dalam Pengajaran MIB	91
37.	Melayu Islam Beraja	92 - 95
38.	MIB Cemerlangkan Negara	96 - 97
39.	Falsafah MIB	98 - 99
40.	MELAYU ISLAM BERAJA. Dari perspektif sejarah Brunei	100

KANDUNGAN

Bil.	*Tajuk*	*Halaman*
1.	Prakata	I
2.	Teks *Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam* Dalam Bahasa Melayu Tulisan Jawi	II
3.	Teks *Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam* Dalam Bahasa Melayu Tulisan Rumi	III & V
4.	Teks *Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam* Dalam Bahasa Inggeris	IV
5.	Kedudukan Ugama Islam Dalam Perlembagaan	01 - 02
6.	Patriotik Islam Mempertahankan Kemuliaan Ugama	03 - 04
7.	Melayu Islam Beraja Suatu Pendekatan	05
8.	Nota Ringkas Mengenai Negara Melayu Islam Beraja	06
9.	Pendidikan Penting Dalam Pembentukan 'Nation Building'	07 - 08
10.	Keberkesanan Ke Arah Penerapan Konsep Melayu Islam Beraja Dalam Struktur Kerajaan dan Negara	09 - 11
11.	Bersopan Santun Identiti Kita Orang Brunei Zaman Berzaman	12 - 13
12.	Masalah dan Cabaran Terhadap Identiti Kebruneian	14 - 20
13.	Orang Berbudi Kita Berbahasa	21 - 22
14.	Melayu Islam Beraja Suatu Tinjauan Sejarah	23 - 29
15.	Prinsip Melayu Islam Beraja Tunggak Semangat Ketahanan Nasional Bangsa Yang Merdeka	30 - 32
16.	Konsep Melayu Islam Beraja Dalam Pentadbiran dan Pengurusan Negara Brunei Darussalam	33 - 40
17.	Kebudayaan Brunei Antara Identiti dan Pembinaan Bangsa	41 - 42
18.	MIB Sebagai Landasan Cara Hidup	43 - 48
19.	Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja	49 - 56
20.	Orang-orang Brunei Menerima Falsafah MIB Sebagai Landasan Pegangan Hidup	57 - 58
21.	Melayu Islam Beraja – Ideologi, Peranan Pegawai	59 - 61
22.	MIB Dalam Konteks Islam	62 - 64
23.	'National Interest' Dalam Teori Ashabiyah Ibnu Khaldun dan Hubungannya Dengan Konsep Melayu Islam Beraja	65
24.	Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pendidikan Khusus Pelajaran Melayu Islam Beraja	66 - 67
25.	Sedikit Tentang Teori Kenegaraan Al-Farabi Dalam Keunggulan Melayu Islam Beraja	68
26.	Pengisian Melayu Islam Beraja Satu Pertahanan 'Survival' Rumpun Melayu Yang Unggul	69 - 73
27.	Pembangunan Negara Selaras Dengan Falsafah MIB	74 - 75
28.	Islam Di Negara Brunei Darussalam: Kehidupan Berbangsa dan Bernegara	76 - 79
29.	Pentingnya Doa Untuk Ketua Negara Dalam Menghayati dan Mengamalkan Falsafah MIB	80 - 81
30.	Melayu Islam Beraja Tunggak Kepada Calak Brunei	82 - 83
31.	Memperkasa Remaja Dengan Siap Siaga Ke Alaf Baru	84 - 85
32.	Kaedah Projek Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Melayu Islam Beraja (MIB)	86 - 87
33.	Pendekatan Kaedah Diskusi Di Dalam Pendidikan Melayu Islam Beraja Di Sekolah-sekolah Menengah	88
34.	Unsur-unsur Pencemaran Dalam M.I.B	89
35.	M.I.B dan Nilai-nilai Luhur Yang Terkandung Di Dalamnya	90
36.	Kaedah Sokratik Dalam Pengajaran MIB	91
37.	Melayu Islam Beraja	92 - 95
38.	MIB Cemerlangkan Negara	96 - 97
39.	Falsafah MIB	98 - 99
40.	MELAYU ISLAM BERAJA. Dari perspektif sejarah Brunei	100

PRAKATA

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ



ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua, buku koleksi Melayu Islam Beraja (MIB) ini berjaya diterbitkan.

Kandungan buku ini merupakan bahan-bahan yang disiarkan dalam *Pelita Brunei* dari tahun 1984 hingga bulan September 2009 sama ada dalam bentuk rencana, kertas kerja mahupun ceramah. Sehubungan itu, Jabatan Penerangan menyatakan penghargaan kepada individu-individu yang berkaitan khususnya Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan; Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Pengetua Pusat Sejarah Brunei; Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, mantan Menteri Pendidikan dan Yang Mulia Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan,tokoh-tokoh akademik dan penulis tempatan seperti Prof. Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid, Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif, Haji Duraman bin Tuah, Haji Sulaiman bin Haji Duraman, M.A. Rahman dan lain-lain lagi yang tidak keberatan bahan-bahan berkaitan disiarkan dalam akhbar berkenaan.

Bahan-bahan dalam buku ini antara lain bukan setakat mentafsir makna falsafah berkenaan malah cuba memaparkan contoh-contoh pelaksanaannya serta cabaran-cabaran yang dihadapi sama ada dalam bidang pentadbiran, pendidikan dan sosiobudaya mahupun dalam kehidupan seharian masyarakat kita.

Jabatan Penerangan selaku salah sebuah agensi kerajaan amat menyedari peranannya dalam menyebarluaskan kefahaman tentang falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini khususnya generasi muda. Justeru itu akan terus berusaha mengisi dan menggunakan ruang-ruang yang sedia ada di dalam media cetak jabatan ini khususnya *Pelita Brunei* dan bahan-bahan penerbitan yang lain mahupun melalui aktiviti-aktiviti jabatan seperti ceramah-ceramah, perjumpaan-perjumpaan, kursus dan bengkel.

Setakat ini pelbagai tulisan mengenai MIB sama ada dalam bentuk artikel, kertas kerja, buku dan latihan ilmiah telah diterbitkan. Maka besarlah harapan kami, usaha penerbitan ini sekurang-kurangnya menambah koleksi bahan-bahan rujukan yang sedia ada. Tambahan pula institusi-institusi pengajian tinggi di negara kita difahamkan telah mengambil punggur ke hadapan dengan menjadikan subjek MIB sebagai kursus wajib. Dalam konteks ini, kami berharap buku ini akan menjadi salah satu bahan rujukan yang berguna kepada para pensyarah dan para penuntut di institusi-institusi berkenaan.

Dalam pada itu, Jabatan Penerangan merasakan masih banyak kekurangan yang perlu diperbaiki dalam penerbitan koleksi ini. Sehubungan itu, saranan dan pandangan yang bernas amat kami alu-alukan. Insya-Allah, buku ini akan diperbaiki dan dikemas kini dari semasa ke semasa, yang bukan sahaja bagi manfaat kita sekarang bahkan untuk generasi akan datang.

Sekian, Wasallam.

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong
Pengarah Penerangan.

Teks

Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam

Dalam Bahasa Melayu Tulisan Jawi

فمشهوران كمرديكان نكارا بروني دار السلام

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله رب العالمين، والصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين.

بهواسڽ سكارڠ تله تيبا ماسڽ باكي نكارا بروني دار السلام مڠمبيل اليه سمولا تڠكوڠجواب انتارا بڠسا دڠن سچارا فنوه سباكي سبواه نكارا يڠ بردولة لاكي مرديكا دكالڠن مشاركة نكارا انتارا بڠسا؛

دان بهواسڽ نكارا بروني دار السلام اداله تيدق فرنه منجادي تانه ججاهن تتافي ممفوباي فرهوبڠن٢ فرجنجين يڠ استموا دڠن يونايتيد كيڠدم سجق تاهون 1847 دڠن مان كمدين فد تاهون 1888 تله دفرستوجوي بهوا فرهوبڠن٢ لوار نكري منجادي تڠكوڠجواب كراجان كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا كوين باكي يونايتيد كيڠدم اوف كريت بريتن دان نورثن ايرلند؛

دان بهواسڽ ساتو فرلمبكان يڠ دكلر فرلمبكان نكري بروني 1959، تله دمشهوركن اوله سلطان سبلوم بيت يأيت مولانا سلطان سرمودا عمر علي سيف الدين سعد الخير والدين ابن المرحوم سلطان محمد جمال العالم، سلطان دان يڠدفرتوان نكري بروني دار السلام يڠكدوا فوله لافن دان منورتڽله كراجان نكارا اين دسوسن دان اي اداله منجادي اوندڠ٢ يڠ ترتيڠكي باكي كراجان نكارا اين،

دان بهواسڽ دڠن فرجنجين فرصحابتن دان كرجسام، 1979 يڠتله دبوات دانتارا بيت دڠن كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا كوين باكي يونايتيد كيڠدم اوف كريت بريتن دان نورثن ايرلند دان دڠن فرتوكارن نوتا دانتارا بيت دڠن كراجان كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا كوين مك تله دفرستوجوي بهوا اف جواكواس، كواجيفن اتو تڠكوڠجواب يڠ مونكين دفكڠ اوله كراجان كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا كوين ترهادف نكارا بروني دار السلام دباوه سموا تريتي، فرجنجين دان سوسنن يڠ ترد هولو دانتارا نكارا بروني دار السلام دڠن يونايتيد كيڠدم يڠ برتنتاڠن دڠن تڠكوڠجواب انتارا بڠسا يڠ سفنوهڽ سباكي سبواه نكارا يڠ بردولة لاكي مرديكا هندقله تمت فد 31 هاريبولن د سيمبر 1983 دان دڠن فنماتن ايت حق دان كواس كدولاتن بيت نرماسوق تڠكوڠجواب ترهادف اوروسن٢ لوار نكري اكن كمبالي كفد بيت سباكي سلطان دان يڠدفرتوان نكارا بروني دار السلام فد ساتو هاريبولن جنواري، سريبو سمبيلن راتوس لافن فوله امفت؛

مك اوله يڠدمكين، دڠن نام الله يڠمها فموره دان يڠمها مڠاسيهني، بيت، سلطان حسن البلقيه معز الدين والدولة، سلطان دان يڠدفرتوان نكارا بروني دار السلام سرت سكلين ججاهن تعلوق رنتاو دان فسيسيرڽ، دڠن اين ممشهور دان مڠاشتهاركن دڠن نام بيت دان باكي فيهق ديري بيت دان باكي فيهق فڠكنتي٢ بيت دان باكي فيهق رعية نكارا بروني دار السلام بهوا مولاي دري ساتو هاريبولن جنواري، سريبو سمبيلن راتوس لافن فوله امفت تاهون مسيحي، برسمان دڠن دوا فوله توجه هاريبولن ربيع الأول هجرة نبي محمد صلى الله عليه وسلم سريبو امفت راتوس امفت يأيت تاهون يڠكتوجه بلس بيت دأتس تخت كراجان، نكارا بروني دار السلام اداله دان دڠن ايذين سرت ليمفه كورنيا الله سبحانه وتعالى، اكن انتوق سلملماڽ ككل منجادي سبواه نكارا ملايو اسلام براج يڠ مرديكا، بردولة دان ديموقراتيك برسنديكن كفد اجارن٢ اكام اسلام منورت أهل السنة والجماعة دان دڠن براساسكن كعاديلن دان امانه دان كبيباسن، دان دڠن فتنجوق سرت كريضان الله سبحانه وتعالى جوا اكن سنتياس براوسها فد ممفراولهي كنترامن دان كسلامتن، كبجيقكن سرت كبهكنيان باكي رعية بيت، دان دمكين جوك فمليهاران فرهوبڠن فرصحابتن دكالڠن انتارا بڠسا اتس داسر ساليڠ مڠحرماتي ترهادف كمرديكان، كدولاتن، فرسمان دان كاوتوهن (كوكوه) ولايه باكي سموا نكارا يڠ بيبس دري چمفورتاڠن دري لوار نكري.

بارڠ درحماتي الله سبحانه وتعالى دان دبركاتي نبي محمد صلى الله عليه وسلم اكن نكارا بروني دار السلام ككل سلملماڽ.
آمين يارب العالمين.

كباوه دولي يڠمها مليا فادك سري بكندا سلطان
دان يڠدفرتوان نكارا بروني دار السلام

دمشهوركن دبندر سري بكاون فد ساتو هاريبولن جنواري، سريبو سمبيلن راتوس لافن فوله امفت تاهون مسيحي، برسمان دڠن دوا فوله توجه ربيع الأول، هجرة نبي محمد صلى الله عليه وسلم سريبو امفت راتوس امفت يأيت تاهون يڠكتوجه بلس بيت دأتس تخت كراجان نكارا بروني دار السلام.

Teks

Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam

Dalam Bahasa Melayu Tulisan Rumi

Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasahibihi Ajma'in.

BAHAWASA-NYA sekarang telah tiba masa-nya bagi Negara Brunei Darussalam mengambil alch semula tanggong-jawab antarabangsa dengan sa-chara penoh sebagai sa-buah Negara yang berdaulat lagi merdeka di-kalangan masharakat negara antarabangsa;

DAN BAHAWASA-NYA Negara Brunei Darussalam ada-lah tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi mempunyai perhubongan2 perjanjian yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudian pada tahun 1888 telah di-persetujui bahawa perhubongan2 luar negeri menjadi tanggong-jawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi Unitrd Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland;

DAN BAHAWASA-NYA satu Perlembagaan yang di-gelar Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 telah di-mashhorkan oleh Sultan sa-belum Beta ia-itu Maulana Sultan Sir Muda 'Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darussalam yang ka-dua puloh lapan dan menurut-nya-lah Kerajaan Negara ini di-susun dan ia ada-lah menjadi Undang2 yang tertinggi bagi Kerajaan Negara ini;

DAN BAHAWASA-NYA dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama, 1979 yang telah di-buat di-antara Beta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan dengan Pertukaran Nota di-antara Beta dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen maka telah di-persetujui bahawa apa jua kuasa, kewajipan atau tanggong-jawab yang mungkin di-pegang oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen terhadap Negara Brunei Darussalam di-bawah semua triti, perjanjian dan susunan yang terdahulu di-antara Negara Brunei Darussalam dengan United Kingdom yang bertentangan dengan tanggong-jawab antarabangsa yang sa-penoh-nya sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka hendak-lah tamat pada 31 Disember 1983 dan dengan penamatan itu hak dan kuasa Kedaultan Beta termasok tanggong-jawab terhadap urusan2 luar negeri akan kembali kapada Beta sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengasihani, Beta, Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddien Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Ta'alok Rantau dan Pesisir-nya, DENGAN INI MEMASHHOR DAN MENGISHTIHARKAN dengan nama Beta dan bagi pehak diri Beta dan bagi pehak Penggantii2 Beta dan bagi pehak ra'ayat Negara Brunei Darussalam bahawa' mulai dari Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat Tahun Masehi, bersama'an dengan Dua Puloh Tujoh haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Empat ia-itu Tahun Yang ka-Tujoh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan, Negara Brunei Darussalam ada-lah dan dengan izin serta limpah kornia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untok sa-lama2-nya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kapada ajaran2 Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjok serta keredzaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi ra'ayat Beta, dan demikian juga pemuliharaan perhubongan persahabatan di-kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaultan, persamaan dan keutohan (kukoh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari champur tangan dari luar negeri.

Barang di-rahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan di-berkati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan Negara Brunei Darussalam kekal sa-lama2-nya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di-mashhorkan di-Bandar Seri Begawan pada Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat Tahun Masehi, bersama'an dengan Dua Puloh Tujoh haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Empat ia-itu Tahun yang ka-Tujoh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Teks

Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam

Dalam Bahasa Inggeris

Proclamation of Independence Brunei Darussalam

In the Name of Allah, the Compassionate, the Merciful

PRAISE be to Allah, the Lord of the Universe and may the benediction and peace of Allah be upon Our leader Prophet Muhammad and upon all his Relations and Friends.

WHEREAS the time has now arrived when Brunei Darussalam will resume full international responsibility as a sovereign and independent Nation among the international community of nations;

AND WHEREAS Brunei Darussalam has never been a colony but had since 1847 a special treaty relationship with the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland whereby in 1888 it was agreed that external relations were the responsibility of the Government of Her Majesty the Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland;

AND WHEREAS a constitution styled the Constitution of the State of Brunei, 1959 was proclaimed by Our Predecessor Maulana Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, the twenty-eighth Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam in accordance with which the Government of this Nation is regulated and is the supreme law thereof;

AND WHEREAS by the Treaty of Friendship and Co-operation, 1979 made between Us and Her Majesty the Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and by the Exchange of Notes between Us and Her Britannic Majesty's Government it was agreed that whatever powers, obligations or responsibility Her Britannic Majesty's Government may have in respect of Brunei Darussalam under all previous treaties, agreements and arrangements between Brunei Darussalam and the United Kingdom which were inconsistent with full international responsibility as a sovereign and independent nation shall terminate on 31 December 1983 and upon such termination all the rights and powers of Our Prerogatives including the responsibility for external relations shall revert to Us as the The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam on the First day of January, Nineteen Hundred and Eighty-Four;

NOW THEREFORE in the name of Allah the Compassionate, the Merciful, We, Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and Her Territory and all Her Dependencies, do HEREBY PROCLAIM AND DECLARE in Our name and on Our behalf and for and on behalf of Our Successors and for and on behalf of the people of Brunei Darussalam that as from the First day of January, Nineteen Hundred and Eighty-Four of the Christian era, corresponding to the Twenty-Seventh day of Rabiulawal, the Hijrah of Prophet Muhammad (on Whom be the benediction and peace of Allah) Fourteen Hundred and Four being the Seventeenth Year of Our reign, Brunei Darussalam is and with the blessing of Allah (to Whom be praise and Whose name be exalted) shall be for ever a sovereign, democratic and independent Malay Muslim Monarchy upon the teachings of Islam according to Ahlis Sunnah Waljamaah and based upon the principle of liberty, trust and justice and ever seeking with the guidance and blessing of Allah (to Whom be praise and Whose name be exalted) the peace and security, welfare and happiness of Our people and the maintenance of friendly relations among nations on the principle of mutual respect for the independence, sovereignty, equality and territorial integrity of all nations free from external interference.

May Allah, to Whom be praise and Whose name be exalted and may the Prophet Muhammad (on Whom be the benediction and peace of Allah) grant his blessing to Brunei Darussalam, for ever and ever. Amen! O Lord of the Universe!

HIS MAJESTY
THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN
BRUNEI DARUSSALAM

Proclaimed at Bandar Seri Begawan this First day of January, One Thousand Nine Hundred and and Eighty-Four of the Christian era, corresponding to the Twenty-Seventh day of Rabiulawal, the Hijrah of the Prophet (on Whom be the benediction and peace of Allah) Fourteen Hundred and Four being the Seventeenth Year of Our reign.

Pelita Brunei

ڤليتا برونيي

DITERBITKAN PADA TIAP TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 1 | RABU 4 JANUARI, 1984. | رابو 30 ربيع الاءول 1404 | PERCUMA

"AKAN UNTUK SELAMA-LAMANYA KEKAL MENJADI SEBUAH NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA YANG MERDEKA"

— TITAH PEMASYHURAN.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ketika bertitah memasyhurkan kemerdekaan negara tepat dinihari 1 Januari 1984.

ALLAHU AKBAR!
MERDEKA BERDAULAT

PEMASHHORAN KEMERDEKAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

BAHAWASA-NYA sekarang telah tiba masa-nya bagi Negara Brunei Darussalam mengambil aleh semula tanggong-jawab antarabangsa dengan sa-chara penoh sa-bagai sa-buah Negara yang berdaulat lagi merdeka di-kalangan masharakat antarabangsa ;

DAN BAHAWASA-NYA Negara Brunei Darussalam ada-lah tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi mempunyai perhubongan2 perjanjian istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudian pada tahun 1888 telah di-persetujui bahawa perhubongan2 luar negeri menjadi tanggong-jawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland;

DAN BAHAWASA-NYA satu Perlembagaan yang di-gelar Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 telah di-mashhorkan oleh Sultan sa-belum Beta ia-itu Maulana Sultan Sir Muda 'Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darussalam yang ka-dua puloh lapan dan menurut-nya-lah Kerajaan Negara ini di-susun dan ia ada-lah menjadi Undang2 yang tertinggi bagi Kerajaan Negara ini;

DAN BAHAWASA-NYA dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama, 1979 yang telah di-buat di-antara Beta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan dengan Pertukaran Nota di-antara Beta dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen maka telah di-persetujui bahawa apa jua kuasa, kewajipan atau tanggong-jawab yang mungkin di-pegang oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen terhadap Negara Brunei Darussalam di-bawah semua triti, perjanjian dan susunan yang terdahulu di-antara Negara Brunei Darussalam dengan United Kingdom yang bertentangan dengan tanggong-jawab antarabangsa yang sa-penoh-nya sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka hendak-lah tamat pada 31 Disember 1983 dan dengan penamatan itu hak dan kuasa Kedaulatan Beta termasok tanggong-jawab terhadap urusan2 luar negeri akan kembali kapada Beta sa-bagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat;

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengasihani, Beta Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Ta'alok Rantau dan Persisir-nya, DENGAN INI MEMASHHOR DAN MENGISHTIHARKAN dengan nama Beta dan bagi pehak diri Beta dan bagi pehak Pengganti2 Beta dan bagi pehak ra'ayat Negara Brunei Darussalam bahawa mulai dari Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat Tahun Masehi, bersamaan dengan Dua Puloh Tujoh haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam Seribu Empat Ratus Empat ia-itu Tahun Yang Ka-Tujoh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam ada-lah dan dengan izin serta limpah kornia Allah Subhanahu Wata'ala akan untok sa-lama2-nya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kapada ajaran2 Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan dan dengan petunjok serta keredzaan Allah Subhanahu Wa'atala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi ra'ayat Beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubongan persahabatan di-kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutohan (kukoh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari champor tangan dari luar negeri.

Barang di-rahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan di-berkati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam akan Negara Brunei Darussalam kekal selama2-nya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BEGINDA
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Di-Mashhorkan di-Bandar Seri Begawan pada Satu haribulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puloh Empat Tahun Masehi, bersamaan dengan Dua Puloh Tujoh haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam Seribu Empat Ratus Empat ia-itu Tahun yang ka-Tujoh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

KEDUDUKAN UGAMA ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

MUQADDIMAH

KEMENTERIAN Pelajaran dan Kesihatan kini sedang mengungkayahkan pemahaman ke arah penerapan konsep Negara Melayu Islam Beraja di kalangan rakyat negara ini dalam matlamat Pengajian Dasar Negara yang sedang dilancarkan oleh kementerian tersebut. Beberapa ceramah telah diadakan untuk mencapai matlamat tersebut. Berikut ini ialah ceramah yang disampaikan oleh YDM Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Timbalan Kadi Besar, Brunei Darussalam.



SEBELUM kita bercakap dan menerangkan "Kedudukan Ugama Islam Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam Sebagai Cara Hidup Yang Lengkap" terlebih dahulu perlu kita 'saluk' mengapakah timbul Islam sebagai ugama rasmi bagi negara ini? Apakah automaticaly kerana kita kebetulan orang Islam? Automaticaly kerana kita kebetulan bangsa Islam? Automaticaly kerana raja kita Islam? Jawabnya tidak mesti begitu, sebab ada negara yang mempunyai ciri-ciri yang sama seperti kita, tetapi tidak menjadikan Islam sebagai ugama rasminya. Di Brunei cuma 60 hingga 70 peratus sahaja orang Islam, tetapi ada negara hingga 90 peratus penduduknya Islam, tetapi tidak menjadikan Islam sebagai ugama rasminya.

Jadi kalau begitu tentu ada ciri lain atau latar belakang lain selain daripada latar belakang yang sedia ada yang kita telah sebutkan di atas. Ciri itu pada hemat saya ialah *sifat semulajadi* orang Brunei yang taat berugama menjadi punca sehingga Islam didaulatkan dalam negara ini sebagai cara hidup dan ugama rasmi. Biasanya orang boleh mendakwa sesuatu itu melalui tulisan sejarah. Barangkali bukanlah lapangan saya untuk membuktikannya melalui fakta sejarah. Awang-awang dan Dayang-dayang boleh tanya nanti kepada YDM Pehin Orang Kaya Amar Diraja yang telah memulakan siri ceramah ini 2 hari yang lepas. Cuma saya di sini ingin membawakan bukti yang "ampai-ampai" mengapa saya katakan orang-orang Brunei kuat dan taat berugama. Cuba perhati alam semulajadi negara Brunei tidak dicemari oleh lambang-lambang kufur atau kesan-kesan kufur padahal negara ini juga tidak terlepas sejarahnya di luar Islam. Ia pernah disebut dalam riwayat China sebagai sebuah negeri tua. Dalam tahun 977 Masihi, Raja Puni (Brunei) telah menghantar utusan bersama ufti ke negeri China, bagi meminta Raja China menjaga keselamatan kapal-kapal Puni yang mungkin terdampar ke Negeri Champa. Dalam tahun 1370 Masihi utusan Maharaja China dalam Dinasti Ming singgah di Puni setelah melawat Jawa. Utusan itu telah mengingatkan Puni supaya menghantar ufti ke negeri China. Tetapi pada masa itu juga Puni di bawah takluk Majapahit yang melarang dari menghantar ufti ke negeri China. Ini semua menjadikan Puni serba salah, tetapi bagaimanapun pada tahun 1371 Masihi Puni menghantar juga ufti kepada China. Dan juga raja Brunei yang pertama sendiri Awang Alak Betatar mulanya bukan Islam.

PENGARUH BUKAN ISLAM

Semua ini alamat-alamat terang bahawa Brunei pernah di bawah pengaruh bukan Islam — China dan Majapahit. Tetapi kesan dari pengaruh-pengaruh itu amat sedikit, seperti juga tidak ada, macam kata peribahasa Arab "adanya macam tiada." Brunei tidak mempunyai Pagoda-pagoda dan lambang-lambang kufur yang kebal-kebal seperti di tempat-tempat lain. Cara hidup di Brunei menggambarkan suatu masyarakat yang sihat dan senunuh, bukan kecinaan atau kehinduan dan tidak juga kebaratan. Dan itu adalah kulitnya, sementara isinya pula lebih mengkagumkan lagi terlampau ideal — unggul. Sayangnya saya belum hidup 200 atau 100 tahun yang silam, kalau tidak banyak yang saya boleh ceritakan kepada Awang-awang dan Dayang-dayang. Bagaimanapun Alhamdulillah, sehingga umur lewat suku abad hingga membawa kepada hampir setengah abad ini, masih banyak juga yang dapat didengar daripada orang tua-tua yang berumur-berumur tentang orang-orang Brunei silam sama ada yang berkait dengan ciri-ciri kepahlawanan atau keugamaan. Tentang keugamaan kita sedikit-sedikit mendengar cerita tentang Pehin Tuan Imam Yaakub dalam zaman Sultan Mohiddin Sultan Brunei yang ke-14 kira-kira tahun 1680 Masihi. Pehin itu berasal dari Makassar, menahun dan belajar di Mekah Al-Mukarramah sebelum ke Brunei. Apabila sampai di Brunei terus 'rakat' dan digelar jadi Pehin Tuan Imam. Mengapa rakat dan digelar pula? Ini menandakan negara Brunei ini kecenderungan awalnya lagi sudah memuliakan ulama, kasih akan orang-orang alim, inilah yang menjadi sifat semulajadi orang-orang Brunei. Kerana itu jelas benar berkatnya. Raja dari turun-temurun lagi beguna kepada ulama, suka dan berhajat kepada nasihat-nasihat ulama. Kerana itulah wajah Brunei sampai sekarang wajah-wajah Islam, belum lagi bertukar wajah lain, walaupun sedikit-sedikit kadang-kadang terpakai make-up lain, tetapi sekadar make-up sahaja masih boleh dibasuh. Jangan asid berubah. Bagaimanapun jangan juga dipandang ringan berkenaan make-up ini, walaupun senang dibasuh tetapi ia kalau terbiasa boleh membentuk sikap dan identiti. Sebab itu Islam pun di samping menekankan soal akidah, soal isi ia juga mementingkan syiar: masjid perlu bisai-bisai, hebat-hebat dan pakaian jangan lupa, juga diatur oleh Allah dalam Quran. Jadi bukan kulit itu tidak penting, penting!

SUKA KEPADA ULAMA

Berbalik kepada sifat semulajadi Brunei menghormati dan suka kepada ulama, suatu gambaran dari taat berugama, inilah suatu ciri yang tidak boleh diragukan lagi mengasaskan Brunei Islam. Dari raja-raja membawa kepada rakyat jelata sangat cenderung hati mereka kepada ulama. Lihat suatu kenyataan lagi sejarah ada menyebutkan, sebelum tahun 1410 Masihi seorang bangsa Arab dari Ta'if datang ke Brunei, namanya Sharif Ali, keturunan Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam. Dia diterima baik oleh orang-orang Brunei, sehingga dengan cepat Islam berkembang di tangannya. Dia mendirikan masjid yang pertama di Brunei, dia menjadi imam dan khatib.

Sudah kita katakan tadi orang Brunei pantang datang tokoh ugama, apatah lagi sekarang keturunan seorang rasul Allah yang berjasa benar mengislamkan Brunei, Sharif Ali pasti kekal di Brunei. Orang Brunei mahu, raja Brunei ketika itu mahu. Apa caranya, Sharif Ali lalu dikahwinkan dengan Puteri Sultan Ahmad, Sultan Brunei yang ke-2. Dan belum cukup setakat itu, apabila Sultan Ahmad mangkat kira-kira tahun 1425 Masihi, orang-orang Brunei meminta Sharif Ali menaikki tahkta menjadi sultan kerana mereka sangat-sangat tertarik dengan Islam yang dibawanya dan juga kepada peribadinya sendiri lalu naiklah Sharif Ali menjadi sultan yang ke-3 Negeri Brunei dengan bergelar "Sultan Berkat."

PENGETAHUAN TENTANG HADIS

"Gelaran" ini sahaja pun menandakan Brunei sudah sekian lama mengerti dan faham dengan mendalam tentang ugama. Mereka faham konsep menghormati ulama dan raja-raja, sehingga sebagai tanda dan panggilan kehormatan diabadikanlah "lakab" atau gelar "berkat" kepada raja yang berasal dari ulama ini. Ini menunjukkan telah ada pada masa itu pengetahuan orang-orang Brunei tentang hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam yang hadis-hadis bercakap mengenai umpamanya ada hadis yang ertinya: "Muliakanlah ulama sesungguhnya mereka itu disisi Allah sangat mulia lagi dimuliakan oleh para malaikat." Sabdanya lagi yang ertinya: "Barangsiapa yang memuliakan orang alim, maka orang itu adalah memuliakan aku (Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam) dan barangsiapa yang memuliakan aku maka orang itu adalah memuliakan Allah, dan barangsiapa yang memuliakan Allah, maka tempat orang itu tiada lain melainkan syurga." Sabdanya lagi yang ertinya: "Barangsiapa yang memandang sekali pada wajah orang alim dan dia suka dengan pandangan itu, nescaya Allah jadikan seorang malaikat untuk memintakan ampun baginya (perkara ini berterusan) hingga hari kiamat."

Inilah Brunei kita. Dan sekali lagi saya suka tegaskan bahawa sikap teguh berugama, dan kasih serta gemar kepada ulama inilah dia sifat semulajadi orang Brunei, bangsa Brunei, raja-raja Brunei yang hingga ke abad ini, di zaman moden ini bertanggungjawab melahirkan *Perlembagaan Brunei 1959* dengan isi yang terpenting di dalamnya ialah mendaulatkan Islam sebagai ugama rasmi negara.

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI

Mari kita lihat sedikit isi perlembagaan itu mana-mana yang membabit ugama, sebagai ulangan sahaja kerana masing-masing saya percaya sudah pernah meneliti sendiri.

Di dalam Bahagian 11 tajuk "Ugama."

Perkara 3(1) menyebutkan: *Ugama rasmi bagi negeri ialah ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljemaah, tetapi ugama-ugama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya. (2) Ketua ugama negeri ialah sultan (3) pegawai-pegawai yang kanan sekali yang bertanggung jawab kepada sultan berkenaan dengan ugama, adat istiadat dan kebajikan negeri ialah pertama Pengetua Ugama, kedua Yang Dipertua Adat Istiadat dan ketiga Pegawai Kebajikan Masyarakat.*

Dalam Bahagian iii tajuk "Kuasa memerintah"

Perkara 4(5) — Walaupun sekarang setelah merdeka ini lain sedikit bentuknya, tetapi kita bercakap mengenai perlembagaan 1959 bahawa asas-asas itu kita yakin tidak berubah, trend masih ada kekal — iaitu menyebutkan: *"Maka tidak ada sesiapapun boleh dilantik menjadi Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan melainkan dia itu orang Melayu yang berugama Islam mengikut Mazhab Shafie Ahlis-Sunnah Waljemaah."*

Di dalam bahagian ini dari perlembagaan kita terang sikap bijaksana untuk memelihara negara ini supaya kulit dan isinya sekali tetap Islam. Islam tulen. Dari perkara akidah dan ciri-ciri amalannya, sampai kepada sistem politik negeri ini mestilah Islam dengan penekanan ketua-ketua pentadbirnya mestilah terdiri daripada orang-orang Islam.

KETEGASAN

Saya suka menarik perhatian dari ungkapan "Ugama rasmi bagi negeri ialah ugama Islam menurut Ahlis-Sunnah Waljemaah, tetapi ugama-ugama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya." Ungkapan ugama Islam menurut Ahlis-Sunnah Waljemaah maknanya yang lain-lain yang bukan dari akidah Ahlis-Sunnah Waljemaah tertolak menurut takrif ini. Kedua ungkapan "ugama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya." — Saya pernah mendengar orang mengatakan atau berpendapat bahawa di sini tidak ada ketegasan (masih samar-samar) tentang perkara bagaimana mengembangkannya? Dari sudut perkataan undang-undang barangkali benar tidak ada terdapat ketegasan. Tetapi jangan lupa selain daripada "nas" undang-undang yang sudah memang tertulis itu, di sana ada pula yang dinamakan keharusan "tafsiran" kepada undang-undang yang ada itu. Dan lebih indah lagi di dalam kaedah Islam, diiktiraf ijtihad hakim sebagai salah satu dari prinsip perundangan dalam Islam. Kalau hakim betul dalam ijtihadnya diberi ganjaran banyak. Dan kalau takdirnya pun salah dapat 1.

Jadi dalam soal ini, berdasarkan prinsip undang-undang sendiri dan juga ugama Islam, mana-mana yang kita rasa belum tegas itu,

Lihat muka 14



SEBAHAGIAN dari guru-guru yang mengikuti ceramah tersebut.

Dari muka 7

KEDUDUKAN UGAMA ISLAM DALAM PERLEMBAGAAN

tetapi faktanya ada, bolehlah kita berikan tafsirannya sehingga jelas, dan lebih-lebih lagi apabila tafsiran itu menguntungkan kepada negara, ugama dan bangsa, mengapa kita mesti ragu memegangnya? Bukankah tujuan dari undang-undang itu untuk memelihara dan mengawal kepentingan-kepentingan yang baik?

Maka berdasarkan kaedah-kaedah ini, saya secara peribadi tidak sedikit pun ragu bahawa ungkapan "ugama-ugama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya" bermakna *hanya untuk diamalkan tetapi tidak boleh dikembangkan.* Tafsiran ini bukan dari akal kita semata-mata, tetapi selaras dengan kehendak ugama, hukum ugama Islam yang maha suci, bahawa mengembangkan ugama kufur dalam negara Islam adalah haram — berdosa. Kerana itu jangan ada yang menggugat fatwa tidak membolehkan dibangunkan bangunan-bangunan baharu, rumah-rumah ibadat baharu orang-orang bukan Islam dalam negara ini besar bahayanya kepada akidah kita orang Islam. Reda kepada kufur adalah kufur.

BERLINDUNG DI NEGARA ISLAM

Sesungguhnya Islam tidak berlaku zalim kepada orang-orang bukan Islam. Mereka ada hak yang ditentukan oleh Islam. Mereka yang zimmi dan berlindung di dalam negeri-negeri Islam, darah, harta dan kehormatan mereka adalah haram. Tidak boleh diganggu atau diceroboh. Mesti dalam ibadat, mereka boleh beribadat menurut kepercayaan masing-masing. Tetapi jangan disebar dan ditayang-tayang kepada orang-orang Islam. Apa lagi yang lebih baik daripada ini? Berbanding, kalau tuan — ya cuba tanya orang-orang Islam yang tinggal di negara-negara bukan Islam itu, di negara-negara komunis sebagai misal.. Apatah lagi jika tuan bukan bangsa atau bumiputera negara itu, mesti jika bangsa sekalipun tetapi berugama Islam, tuan rasalah akibatnya. Cuba baca dan teliti kisah-kisah seperti bangsa Turkistan,..... dan sekarang Afghanistan. Dalam tahun 1976 saya menghadiri seminar di Karachi anjuran Rabitah Al-Alam Al-Islami saya 'langap-langap' melihat seorang wakil negara-negara minoriti Islam bercakap membentangkan penderitaan orang-orang Islam di bawah pengaruh dan tekanan kuasa-kuasa bukan Islam bukan sahaja kuasa Komunis. Semua ini membawa kita berfikir, betapa untung 1000 kali untung orang-orang yang turut berlindung di negara-negara Islam seperti kita ini. Apa kita tidak terfikir hal itu?.

Banyak lagi kita boleh bercakap mengenai hal ini. Tetapi cukuplah dahulu sekadar ini.

Kemudian cuba perhatikan pula Bahagian II perkara 4 (1) dalam tajuk *"Sultan dan ganti-gantinya"* berbunyi: *"Seseorang itu tiada boleh disifatkan sebagai warith yang sah kalau dia bukan laki-laki keturunan yang sah dari sebelah laki-laki dan kalau dia tidak memeluki ugama Islam."*

PEMANGKU RAJA

Selepas itu Bahagian III Perkara 12 (1) dalam tajuk: "Sultan atau Pemangku Raja tiada hadir dalam negeri," di bawah tajuk kecil "Kerajaan Pemangku Raja Semasa Sultan Tidak Berdaya Samasekali" ada menyebutkan begini: *Jika orang-orang yang berikut ini atau lapan orang daripadanya iaitu Permaisuri Sultan, Wazir2 Menteri Besar, Chief Kadhi, Kepala Cheteria dan lima orang Menteri mengisytiharkan dengan tulisan bahawa mereka berpuashati dari keterangan2 (keterangan itu hendaklah termasuk keterangan tabib2) bahawa sultan tidak berdaya menjalankan pekerjaan2 negeri oleh sebab kelemahan akal, fikirannya atau tubuh badannya, ataupun mereka berpuashati dari keterangan bahawa kerana sesuatu sebab yang tertentu sultan itu tiada boleh melakukan pekerjaan2 itu, maka hendaklah pekerjaan2 itu dilakukan atas nama sultan dan bagi pihak sultan oleh suatu jemaah Pemangku Raja yang dilantik oleh Majlis Masyuarat Di Raja,....."*

Cuba perhatikan dari dua section yang berturut ini, kedua-duanya merupakan benteng yang tegap memelihara kedaulatan Islam. Ditegaskan hanya yang sah menjadi raja itu ialah laki-laki dari keturunan yang sah dan berugama Islam. Maknanya pintu kesultanan Brunei itu tidak terbuka melainkan hanya kepada waris yang sah laki-laki dan berugama Islam. Kedua cuba perhatikan bahagian berikut mengenai penetapan Pemangku Raja oleh suatu jemaah yang turut dianggotai oleh Chief Kadi sebagai orang keempat selepas Permaisuri Sultan, Wazir-Wazir dan Menteri Besar yang kemudian selepas Chief Kadi baru diikuti lagi oleh Kepala Cheteria dan lima orang Menteri. Penglibatan Chief Kadi dalam jemaah itu menandakan kematangan penggubal dan pengasas perlembagaan ini dalam memahamkan kehendak-kehendak negara dan bahkan menandakan kefahaman yang luas dan mendalam tentang konsep khalifah atau kesultanan bagi sesebuah negara Islam itu. Sebab kadi dalam fungsinya yang sebenar, bukan yang macam dibayangkan setengah orang hanya membaca doa dan membicarakan orang-orang bersalah yang melanggar Undang-undang Majlis Ugama dan Mahkamah-mahkamah Kadi nombor 20 Tahun 1955 sahaja, bahkan lebih daripada itu. Cuba lihat ungkapan ini (Diambil dari kitab yang bernama Umar Ibnul Khattab Al-Wasiqatul Khalidah karangan As-Syeikh Abdul Karim Al-Khatib) terjemahannya seperti berikut: *"Kadhi itu ialah nama panggilan kepada tiap-tiap orang yang berdiri sebagai hakim untuk menghukumkan antara dua orang yang sedang bertelingkah, sama ada dia itu ialah Khalifah atau Sultan, atau naib atau wakil keduanya atau pun yang dilantik bagi pihak raja atau Ulil Amri untuk melaksanakan peraturan-peraturan atau undang-undang dengan bersendi shara'....."*

Dari muka 8

3199	3270	Dk. Halimah bte Pg. Besar	Sungai Lumut.
3199	3270	Dk. Noorzanah bte Pg. Besar	Sungai Lumut.
3199	3270	Dk. Mahani bte Pg. Momin	Sungai Lumut.
3199	3270	Dk. Hajijah bte Pg. Momin	Sungai Lumut.
3217	3304	Lai Tid	Simpang Empat, Labi.
3240	3325	Wong Kim Sook	Simpang Empat, Labi.
3246	3323	Poi Yang	Tunggulian, Liang.
3247	3320	Wong Look Fah	Kanapol, Labi.
3249	3331	Liew Hong Fah	Labi.
3251	3333	Lee Jun Moi & Lee Jun	Tanajor, Labi.
3267	3341	Nun Sim Moi	Tarawan, Labi.
3269	3351	Most Ram Gauttam	Keluyoh, Sg. Liang.
3277	3408	Mohamed bin Hj. Abd. Ghani	Teriam, Labi.
3280	3492	Wong Nye Moi	Simpang Empat, Labi.
3281	3491	Mohidin bin Ismail	Rampayoh, Labi.
3291	3354	Dy. Chuchu bte A. Bakar	Tanjong Penyarap, Sungai Besar, Kuala Belait.
3302	3314	Md. Daud bin Othman @ Md. Daud bin Ahmad	Keluyoh, Sungai Liang.
3337	3361	Mohd. Salleh bin Mohd. Daud	Sungai Gana, Liang.
3364	3465	Lee Bun Kion	Turunan, Labi.
3357	3421	Koo Yeok Chong	Ratan, Labi.
3395	3375	Bongsu bin Serudin	Gandongan, Bukit Sawat.
3401	3515	Duraman bin Abu Hasan	Tanjong Rangas, Kuala Balai.
3405	3514	Alli bin Yakup	Lubok Palam, K. Belait.
3409	3487	Hong Liong Kuan	Turunan, Labi.
3412	3490	Yong Khiam Lee	Gatas, Labi.
3443	3563	Awang Tamin bin Abd. Hamid	Pandan, Kuala Belait.
3507	3613	Ariss bin Alias	Tanjong Sundai, Kuala Balai.
3508	3497	Sumping Anak Sampurai	Tampinak, Melilas.
3550	3660	Mariani bte Md. Taib	Rampayoh, Labi.
3550	3660	Abd. Latif bin Md. Taib	Rampayoh, Labi.
3550	3660	Norlida bte Md. Taib	Rampayoh, Labi.

KETETAPAN HARGA-HARGA KERETA NISSAN

BERIKUT di bawah ini adalah senarai harga-harga kereta NISSAN dari SYARIKAT MOTOR TANG CHING YING yang telah diluluskan oleh Pengawal Harga seperti berikut:—

Jenis Kereta	Harga Jualan	Harga Jualan Penuh
NISAN PULSAR 1.0 5 DRS H/B. Model: RBN12LYUJ (1000 c.c) Radio	$9,700.00	$10,284.00
NISSAN PULSAR 1.5 4DR SEDAN Model: 51ZHN12GFE	$11,450.00	$12,095.00
NISSAN PULSAR 1.3 3DRS H/B Model: RPN12YUDJ Aircondition, Radio, Cassette and Safety Belts.	$11,700.00	$12,341.00
NISSAN PULSAR 1.5 4DR SEDAN (AUTO) Model: 51ZHN12GAE	$12,050.00	$12,721.00
NISSAN PULSAR 1.5. 5DRS H/B Model: RHN12LHFUD Aircondition; Radio; Cassette and Safety Belts	$12,550.00	$13,221.00
NISSAN PULSAR 1.5 5DRS H/B (AUTO) Model: RHN12LHAUD Aircondition, Radio, Cassette and Safety Belts.	$13,150.00	$13,847.00
NISSAN PULSA EXA TURBO Model: KHN12HFTUC (1500 c.c) Aircondition; Radio Cassette.	$15,950.00	$16,790.00
NISSAN PULSAR EXA TURBO (Sunroof) Model: KHN12HFTUC (1500 c.c) Aircondition, Radio Cassette; Sunroof.	$16,350.00	$17,190.00
NISSAN STANZA 5DRS H/B 1.6 GL Model: FT11FUCR Aircondition; Radio; Cassette and Safety Belts.	$14,200.00	$14,925.00
NISSAN STANZA 1.6 (G) SEDAN Model: T11DUCRW2 (1600 c.c) Aircondition; Radio/Cassette.	$14.200.00	$14.925.00
NISSAN STANZA 1.6 (SGL) SEDAN Model/ T11FUCLWS (1600 c.c) Aircondition; Radio Cassette	$15.700.00	$16.477.00
NISSAN STANZA 1.8 SGL SEDAN (AUTO) Model: PT11AUCLPRW (1800 c.c) Aircondition.	$16,400.00	$17,210.00
DATSUN C20 BLIND VAN STD BODY HIGH ROOF Model: VHC 120SNU	$11,150.00	$11,795.00
NISSAN CABSTAR Z16 FLAT BED (1 TON) Model: BF22HU	$13.400.00	$14.131.00
NISSAN PRAIRIE 1500 8 SEATERS Model: BM10 KHUC Aircondition; Radio, Seatbelts.	$15,300.00	$16.083.00
NISSAN PRAIRIE 1500 6 SEATERS Model: BM10LDUC Aircondition Radio and Safety Belts	$14,750.00	$15,533.00
NISSAN SKYLINE 2.0 SEDAN Model-: BJR30 VFUC Aircondition; Radio; Cassette and Safety Belts.	$15,500.00	$16,286.00
NISSAN SKYLINE 2.4 GT SEDAN Model: MR30H FUCL Airconditional; Radio; Cassette, Seatbelts, Power Steering.	$19,050.00	$20.052.00
NISSAN SKYLINE 2.4GT SEDAN (AUTO) Model: HR30HAUCL Aircondition; Radio; Cassette; Safety Belts; Power Steering; Power Window and Central Lock.	$19,850.00	$20,880.00
NISSAN 300ZX 2+2(AUTO) Model: HGZ31JAUC Aircondition; Radio; Cassette; Safety belts; Power Steering and Power Window.	$28,950.00	$30.403.00
NISSAN 300ZX (2 seater) TURBO Model: HZ31 JTUC Aircondition; Radio; Cassette; Safety Belt; Power Steering and Power Window.	$30.400.00	$31,885.00
NISSAN 300ZX 2+2 (AUTO) T/BAR Model: KHGZ31JAUC Aircondition; Radio; Cassette; Safety Belts; Power Steering; and Power Window.	$30,700.00	$32,218.00
NISSAN 300ZX (2+2) TURBO Model: HGZ31JTUC Aircondition; Radio; Cassette; Safety Belts; Power Steering and Power Window.	$31,300.00	$32.818.00

Orang ramai bolehlah menghubungi Pengawal Harga atau pegawai yang berkenaan nombor telefon 25555 Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam, jika sekiranya harga-harga yang mereka beli itu berlainan dari harga-harga yang telah ditetapkan di atas:

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU
5 DISEMBER, 1984

Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang

TEMA MAULUD NABI: 'MEMELIHARA ISLAM KEWAJIPAN KITA'

SAMBUTAN Maulud Nabi Salallahu Alaihi Wassalam tahun ini bertemakan 'Memelihara Islam Kewajipan Kita '

Adalah difaham tema yang sedemikian itu merupakan salah satu usaha dalam kita terus mengukuh serta mengekalkan sendi kenegaraan kita iaitulah Islam. Yang dimaksudkan ialah supaya kita pada masa ini dan generasi kita pada masa-masa yang akan datang terus-menerus menghayati ajaran Islam yang tulen dan mendapat kekuatan daripadanya yang sekali gus memperteguhkan lagi keutuhan negara kita sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

Memang diandaikan bahawa ugama Islam yang menjadi anutan turun-temurun sultan-sultan, pembesar-pembesar dan rakyat terbanyak negara ini sedia mempunyai musuh. Dalam pengalaman bangsa kita sendiri permusuhan terhadap Islam itu bukan lagi setakat andaian bahkan telah menjadi fakta sejarah di mana kuasa asing telah cuba menakluki Brunei setelah rajanya yang disertai pembesar-pembesar dan rakyat enggan menukarkan ugama Islam yang menjadi anutan dengan ugama lain. Sekali pun kenyataan sejarah mengenai hal ini sudah berlalu beberapa kurun dan berlaku dalam suasana kedatangan peneroka-peneroka dan juga penakluk-penakluk daripada Barat dan Eropah ke negeri-negeri di rantau kita ini yang mana suasana sedemikian itu sudah jauh berubah pada zaman ini namun adalah sangat penting untuk sentiasa diinsafi bahawa Islam yang menjadi teras kekuatan bangsa kita telah pernah digugut. Mujurlah Allah Subhanahu Wataala yang maha berkuasa telah menentukan yang negara kita akan terus mendapat kurnia nikmat Islam dalam ertikata sultan-sultannya, pembesar-pembesarnya dan sebilangan rakyatnya turun-temurun menerima cahaya iman dan serentak dengan itu mendapat coraknya yang sempurna sebagai umat yang bermaruah dengan sentiasa membela serta mempertahankan maruahnya itu di tanahairnya yang berdaulat.

Maka ertikata mempertahankan Islam itu dalam konteks sekarang ini ialah memelihara ketulenannya, terus-menerus memuliakannya, menegak serta meninggikannya syiarnya, dan berusaha mencapai matlamat pelaksanaan ajarannya bagi kebahagiaan kita di dunia dan di akhirat, bagi ketahanan negara dalam ertikata keteguhan kerajaan, keselamatan serta kesejahteraan segenap lapisan rakyat dan penduduknya. Sesungguhnya memelihara Islam untuk tujuan-tujuan tersebut dengan sendirinya merupakan kewajipan dalam kita bernegara dan berkerajaan. Dan sememangnya Allah Subhanahu Wataala telah menentukan mana-mana umat yang diberinya kesempatan berkuasa memerintah supaya mereka itu menegakkan ugama Allah bagi kesempurnaan ibadatnya dan muamalatnya dan seterusnya bagi mencapai tujuan-tujuan bernegara dan berkerajaan menurut yang diredai-Nya. Tidak syak lagi kita telah ditakdirkan menjadi umat yang sedemikian itu. Dan alhamdulillah sejauh ini kita telah berusaha menurut kadar keupayaan yang ada sambil meningkatkan usaha dan keupayaan itu. Sekalipun kita bersyukur telah dapat berbuat sesuatu bagi kepentingan Islam yang juga merupakan kepentingan negara kita keseluruhannya tetapi kita juga menginsafi sepenuhnya bahawa masih banyak yang patut dilakukan.

Dalam kita berusaha sambil terus menginsafi akan peranan selanjutnya itu maka sudah barang tentu kita berkehendakkan pengertian bahawa memelihara Islam itu bukanlah semata-mata kewajipan satu-satu pihak yang berkenaan dengan urusan Ugama, ia adalah kewajipan kita semua sebab kita keseluruhannya adalah sama-sama berkepentingan di dalamnya. Memang benar pihak-pihak berkenaan ugama itu mempunyai fungsi yang khusus dalam bidangnya tetapi hukum syarak menetapkan adalah kewajipan setiap kita memelihara ugama sama ada yang berkenaan dengan fardu 'ain dan juga fardu kifayah. Pemeliharaan sedemikian itu selain mempastikan ketulenan ajaran yang akan diamalkan, 'akidah yang difahami dan diikuti, ialah juga menyempurnakan tuntutan-tuntutan ugama dari segi suruhan dan tegahan yang mana serentak dengan itu akan menentukan ketaatan kita kepada perintah-perintah Allah dan rasul-Nya dan juga ketaatan kepada perintah-perintah raja (kerajaan) dalam ertikata Ulil Amri yang kita dikehendaki mentaatinya dalam perkara-perkara yang bukan maksiat menderhakai Allah Taala.

Kita percaya pengertian yang sedemikian akan sentiasa ditanam dan dikembangkan. Dan ke arah itu kita hendaknya akan sentiasa teguh serta padu di bawah kepimpinan yang bijaksana lagi salih Sultan dan Yang Dipertuan kita.

PATRIOTIK ISLAM MEMPERTAHANKAN KEMULIAAN UGAMA



MUQADDIMAH

BERIKUT ialah ucapan penuh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan Brunei dalam majlis Malam Ristaan lagu-lagu Patriotik dan Nasyid sempena Hari Kemerdekaan yang diadakan di Kafteria Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 24 November, 1984.

TERLEBIH dahulu saya sukacita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa penganjur majlis ini kerana penghormatan yang diberikan bagi saya berucap.

Sesungguhnya usaha yang dilakukan dalam rangka persiapan menyambut kemerdekaan tempuh hari merupakan suatu usaha besar yang melibatkan segenap lapisan tenaga di dalam dan di luar Kerajaan. Ia digerakkan dengan semangat bermuafakat di mana di peringkat orang-orang yang terlibat dalam persiapan sambutan hari yang bersejarah itu dari awal-awal lagi mengambil kira akan kepentingan menyemarakkan sambutan segenap lapisan rakyat dan penduduk terhadap kemerdekaan dan seterusnya menarik sebanyak yang mungkin penglibatan mereka di dalamnya.

BOLEH DITEROKA

Jawatankuasa Penyiaran dan Penerangan Sambutan Hari Kemerdekaan dan seterusnya Hari Kebangsaan telah mengenal pasti bidang-bidang yang boleh diteroka bagi menggembling sambutan segenap lapisan rakyat terhadap kemerdekaan itu. Lebih dari itu ialah pemikiran juga telah ditumpukan kepada usaha dan cara merangsang, menyemarakkan dan seterusnya menanamkan semangat serta kesedaran akan makna kemerdekaan dalam konteksnya yang khusus dengan status negara ini, sambil mengketarakan lagi unsur-unsur identiti yang dominan iaitulah corak dan isi tanahair kita yang kemudiannya telah tersimpul dalam suatu rumusan kata-kata yang berhikmat iaitu Negara Melayu Islam Beraja. Dalam hubungan inilah salah satu usaha yang sangat berperanan ialah menghasilkan lagu-lagu patriotik/nasyid yang telah diungkayahkan oleh jawatankuasa kecilnya di bawah Jawatankuasa Penyiaran dan Penerangan.

Sesungguhnya jawatankuasa kecil yang berkenaan itu adalah merupakan salah satu komponan yang aktif secara berkesan dalam bidang-bidang yang dikenal pasti oleh Jawatankuasa Penyiaran dan Penerangan. Tidak payahlah saya mensenaraikan lagu-lagu yang dihasilkan serta nama-nama pencipta, penyusun, penggubah dan bahkan juga nama-nama penulis senikata atau lyrik yang telah berjaya ditampilkan dalam suatu barisan tenaga yang memberi sumbangan dalam bidang yang mereka berkebolehan. Akan tetapi saya merasa berkewajipan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka semua sebagaimana juga kepada pengerusi, setiausaha dan ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Lagu-Lagu Patriotik/Nasyid. Sesungguhnya khidmat yang telah disumbangkan itu bukan sahaja merupakan khidmat dalam menyambut kemerdekaan dan seterusnya Hari Kebangsaan bahkan yang lebih penting lagi ia menjadi sumbangan yang sangat bererti kepada kemerdekaan itu sendiri. Mudah-mudahanlah khidmat bakti yang telah disumbangkan dengan ikhlas bagi kebajikan serta manfaat bangsa kita yang taat berugama dan beraja, bagi negara kita yang mensyiarkan ugama Allah dalam kedaulatannya akan mendapat berkat serta ganjaran yang mulia di sisi Allah dan di sisi manusia.

SEMANGAT PATRIOTISM

Cintakan tanahair adalah sebahagian daripada iman. Dalam ertikata ini, ugama kita mengajarkan supaya kita menegakkan kerajaan yang berdaulat bagi menyempurnakan tujuan-tujuan berugama, yakni menyempurnakan ibadat kepada Allah serta muamalat sesama manusia dalam batas batas hukum Allah. Tujuan tersebut adalah diikuti dengan tujuan bernegara dan berkerajaan bagi memperolehi kesejahteraan, keamanan dan seterusnya mencapai kehidupan yang mulia serta bermaruah selaku makhluk Allah yang mulia dan khalifahnya di bumi. Dalam makna inilah semangat patriotism atau apa jua yang disebutkan sebagai kepahlawanan, mestilah ada ditanamkan dan sentiasa hidup dalam sanubari kita.

Orang pada zaman ini gemar dan suka menyebut patriotism itu dan mengaitkannya dengan semangat kebangsaan atau nasionalism. Sebutan dan kaitan yang sedemikian itu hendaklah tidak akan mengkaburkan dan seterusnya mengalihkan perhatian kita kepada kehendak sebenar ajaran Islam yang mahukan umatnya menjadi umat patriotik pada mempertahankan kemuliaan ugamanya, kewarasan akalnya, keselamatan dan kesejahteraan jiwa raganya, kemurniaan atau kesucian keturunannya, dan ketinggian maruahnya, menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum Allah yang sudah barang setentunya berasaskan keadilan serta menolak sama sekali kezaliman ke atas sesama manusia dan bahkan juga ke atas makhluk-makhluk Allah yang lainnya. Patriotism yang dikehendaki oleh Allah sedemikian itu tidaklah sempit. Ia mempunyai ruang-ruang yang luas dan cukup bagi merangkumi berbagai-bagai kepentingan dan hajat manusia yang menjadi khalifah di bumi.

Dengan yang demikian patriotism Islam itu memanglah menolak faham taasub atau fanatik kebangsaan yang sempit, yang terhad dalam cara dan matlamatnya. Faham dan semangat nationalism menurut yang popular dalam sejarah bangsa-bangsa sekalipur setengahnya ternyata berkesan dalam perjuangan menentang penindasan dan penjajahan asing tetapi akhirnya sukar dikawal daripada dipergunakan untuk memusuhi sesama manusia yang berlainan bangsa dan kepercayaan, sukar dikawal daripada menjadi alat menceroboh, menindas dan seterusnya menjajah bangsa-bangsa yang lemah.

PERANG KASTILA

Dalam konteks negara dan bangsa kita sejarah kita bukan sahaja mencatatkan babak-babak yang patriotik bahkan juga memperkenalkan patriotism yang dikehendaki oleh Allah. Perang Kastila adalah bukti yang paling nyata mengenai hal ini. Dan lebih penting lagi untuk di sebutkan ialah kerajaan secara pemerintahan Melayu iaitu Raja-raja Melayu Islam telah berhasil mempertahankan dirinya sekalipun berubah daripada sebuah empayar yang besar tinggal cuma menjadi sebuah kerajaan yang terlingkung dalam batas wilayah yang kecil namun dapat diyakini bahawa apa yang tinggal itu ialah hasil dan berkat semangat dan keinsafan bagi menolak bukan sahaja penaklukan wilayah oleh kuasa asing bahkan juga percubaan menakluk dan menukarkan akidah yang turun-temurun iaitulah Islam.

TERJERUMUS

Unsur ini sangat penting dan kepentingannya itu lebih-lebih lagi dirasakan pada saat-saat menjelang pencapaian semula kemerdekaan tempoh hari di mana berbagai-bagai tanggapan, berbagai-bagai andaian dan berbagai-bagai jangkaan terdapat di kalangan sebilangan rakyat dan penduduk. Jika kurang hemat, dan jika silap langkah dalam keghairahan untuk merdeka semula itu kita akan terjerumus ke dalam suatu perangkap yang kita tidak melihatnya semata-mata kerana kita ghairah dengan semangat dan faham kemerdekaan sebagaimana bangsa-bangsa lain yang merdeka yang kebanyakannya mendapati dirinya mencapai kemerdekaan politik tetapi kehilangan isi dan coraknya yang sebenar. Dalam keghairahan untuk maju dan mengketengahkan diri menjadi anggota masyarakat antarabangsa ada bangsa yang merdeka terus-menerus hanyut dalam pergolakan antarabangsa. Tetapi lain halnya dengan kita, berkat hemat yang tinggi dalam kepimpinan negara dan Kerajaan, kita telah melangkah ke arah era kemerdekaan dengan berhati-hati sehingga membolehkan kita mengenal pasti diri kita yang sebenar sebagai satu bangsa, satu umat yang mempunyai teras dan teras itu telah dipertahankan turun-temurun sehingga tidak ada sebab bagi kita di zaman pencapaian semula kemerdekaan ini untuk tidak mempertahankannya.

Alhamdulillah, setakat yang sudah nampak, kita sesungguhnya menghargai

Lihat muka 16

JUJUR, TIDAK MENYELEWENG PENTING DALAM PERNIAGAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Berkepercayaan, jujur, serta tidak menyeleweng semasa menjalankan perusahaan perniagaan, adalah di antara ciri-ciri penting ke arah menuju apa jua jenis perniagaan syarikat.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali berkata bahawa, ketiga-ketiga ciri tersebut amat mustahak bagi setiap ahli perniagaan dan seandainya terjadi perkara-perkara yang bertentangan dalam tiga ciri tersebut ianya akan menghancurkan harapan peniaga sendiri.

Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali yang juga Pemangku Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri menegaskan dengan adanya kepercayaan pada diri sendiri, jujur, dan tidak menyalahgunakan kuasa (menyeleweng) dalam segi urusan perniagaan, sedentünya akan menaruh kepercayaan para pelanggan dan mereka yang mempunyai hubungan dengan si peniaga. Di samping itu beliau mengingatkan ahli-ahli peniaga supaya berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba memecah belahkan mereka.

MENGEMBANGKAN

Berucap sebelum Kursus Pengurusan Kerjasama anjuran Jabatan Kemajuan Kerjasama pada hari Jumaat lepas dimulakan, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali seterusnya menyeru Syarikat-syarikat Kerjasama supaya tidak terpengaruh dengan orang lain dan sebaliknya berusaha untuk mempertimbangkan perusahaan tersebut.

"Mengusahakan syarikat hendaklah bersungguh-sungguh. Bukan hanya menyuruh-nyuruh atau mengikut-ikut, kampung yang lain dengan kampung yang lain di sekitar kampung yang sudah pun mempunyai Syarikat Kerjasama tanpa meneliti seluas-luasnya sama ada mendatangkan faedah atau tidak," tegas beliau.

Dato Paduka menasihatkan apabila berjaya - janganlah berlagak atau bergaya tinggi kerana kejayaan dan kejatuhan seseorang peniaga terletak di atas usaha ikhtiarnya.

BERBAGAI CARA

Menjelaskan mengenai perniagaan, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali selanjutnya berkata berbagai-bagai cara perniagaan pada masa ini boleh dijalankan seperti membeli barang murah dan menjualnya dengan harga yang mahal serta cara tersebut adalah salah satu cara mencari keuntungan.

Dalam pada itu beliau menjelaskan terdapat juga berbagai cara untuk menarik pelanggan membeli ke tempat mereka seperti menyediakan berbagai hadiah atau komisin kepada setiap pelanggan yang banyak membeli barangan dari syarikat mereka.

KERTAS KERJA

Lebih dari 60 orang ahli Syarikat daripada Daerah Brunei dan Muara telah menghadirinya. Dua buah kertas kerja iaitu Prinsip-prinsip Kerjasama dan Pengurusan, telah dibentangkan pada hari itu. Sementara pada Ahad lepas sebanyak tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu Undang-Undang Kerjasama, Perakaunkan, dan Peranan Kerjasama Dalam Pembangunan Negara.

Kursus dua hari itu adalah bertujuan untuk memberikan sedikit fahaman dan pengetahuan terhadap pentadbiran dan pengurusan Syarikat-syarikat Kerjasama.

Selain daripada itu ianya juga dihasratkan bagi memperdalamkan lagi ilmu pengetahuan yang sedia ada pada para peserta mengenai prinsip-prinsip kerjasama, mengenalkan undang-undang dan peraturan-peraturan sebagai garis pandu berniaga dan bermasyarakat, dan memberikan pelajaran perakaunan yang betul untuk mempertinggikan lagi prestasi syarikat.

Setiap pegawai perlu kritik diri sendiri

BERAKAS. — Setiap pegawai dan kakitangan Kerajaan perlu memiliki sikap bersedia mengeritik diri sendiri, sebagai jalan meningkatkan usaha ke arah perkhidmatan yang baik dan memperbaiki diri sendiri.

Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap Pemangku Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri berkata, sikap bersedia mengeritik diri sendiri akan memberi kesempatan kepada pegawai dan kakitangan Kerjaan menilai kembali sejauh mana mereka telah menjalankan tugas-tugas mereka dalam perkhidmatan Kerajaan.

Berucap di pembukaan rasmi seminar sehari bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Perjawatan baru-baru ini, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali menjelaskan mereka juga seharusnya melengkapkan diri mereka dengan sifat-sifat jujur dan amanah dan menjalankan tugas-tugas, di mana perkhidmatan mereka itu diperlukan oleh masyarakat dan negara.

Sehubungan dengan itu, pegawai dan kakitangan Kerjaan juga diingatkan supaya menghindarkan diri dari sikap pilih kasih, melayan semua orang yang memerlukan bantuan dan bersifat peramah serta ingin membantu.

Di majlis yang berlangsung di Bilik Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali antara lain berkata, apa yang perlu diambil perhatian ialah untuk mengawasi kakitangan agar terhindar dari sebarang perkara rasuah. Pegawai dan kakitangan Kerajaan hendaklah berwaspada dari sebarang kegiatan yang boleh mengakibatkan perkara rasuah.

Seminar sehari itu telah dihadiri oleh seramai 128 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Perjawatan. Ianya mengandungi ceramah mengenai tata-tertib, perinsip Islam dalam pentadbiran awam, organisasi dan fungsi Jabatan Perjawatan, etika kerja dan dorongan.

Semangat patriotik mesti ditanam di sanubari

Dari muka 1

yang mahukan umatnya menjadi umat patriotik, pada mempertahankan kemuliaan ugamanya, kewarasan akalnya, keselamatan dan kesejahteraan jiwa raganya, kemurnian atau kesucian keturunan serta ketinggian maruahnya, menurut sebagaimana yang dikehendaki oleh hukum Allah.

"Patriotism yang dikehendaki oleh Allah sedemikian itu tidaklah sempit. Ia mempunyai ruang-ruang yang luas dan cukup bagi merangkumi berbagai-bagai kepentingan dan hajat manusia yang menjadi khalifah di bumi," ujarnya lagi.

Dengan yang demikian itu juga, jelasnya, patriotism Islam itu memanglah menolak faham taasub atau fanatik kebangsaan yang sempit, yang terhad dalam cara dan matlamatnya.

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin berkata, sejarah kita dalam konteks negara dan bangsa kita, bukan sahaja mencatat babak-babak yang patriotik, bahkan juga memperkenalkan patriotism yang dikehendaki oleh Allah, seperti buktinya Perang Kastila dan lebih penting lagi disebutkan ialah kerajaan secara pemerintahan Melayu, di mana Raja-raja Melayu Islam berhasil mempertahankan dirinya sekalipun berubah dari sebuah empayar yang besar tinggal cuma menjadi sebuah kerajaan yang terlingkung dalam batas wilayah yang kecil.

Namun diyakini, bahawa apa yang tinggal itu ialah hasil dan berkat semangat dan keinsafan bagi menolak bukan sahaja penaklukan wilayah oleh kuasa asing bahkan percubaan menakluk dan menukarkan akidah yang turun-temurun iaitu Islam.

Unsur seumpama ini, tegasnya, adalah sangat penting, dan kepentingannya lebih-lebih lagi dirasakan pada saat menjelang pencapaian semula kemerdekaan, di mana berbagai tanggapan, andaian dan jangkaan terdapat di kalangan sebilangan rakyat dan penduduk negara.

Bagaimanapun, Yang Dimuliakan Pehin menjelaskan, berkat hemat yang tinggi dalam kepimpinan negara dan kerajaan, kita telah melangkah ke arah era kemerdekaan dengan berhati-hati sehingga membolehkan kita mengenal pasti diri kita yang sebenar sebagai satu bangsa, satu umat yang mempunyai teras.

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin, yang berucap selaku tetamu kehormat di majlis malam itu juga telah menyempurnakan penyampaian cenderamata dan hadiah penghargaan kepada pencipta-pencipta senikata dan irama, dan pasukan-pasukan penyanyi lagu-lagu patriotik dan nasyid sempena Hari Kemerdekaan.

Turut menghadiri majlis malam itu ialah pegawai-pegawai kanan Kerajaan dan ketua-ketua jabatan.

Patriotik Islam

Dari muka 2

akan teras tonggak kedaulatan negara ini iaitulah Islam dan Kerajaannya yang beraja yang mensyiarkan Islam dalam kedaulatannya. Dalam hubungan itu kita mempunyai peranan seterusnya untuk dimainkan. Dan sebahagian peranan itu telah dimainkan oleh tenaga-tenaga yang menyumbangkan khidmat baktinya dalam menghasilkan lagu-lagu patriotik/nasyid sempena Sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Kebangsaan. Kerana itu tepatlah khidmat bakti sekaliannya itu diristakan dengan ristaan yang baik pada masa ini di majlis ini, dan pada masa yang akan datang di lidah serta di hati orang-orang yang terkemudian daripada kita.

RALAT

TULISAN Yang Dimuliakan Pehin Seri Maharaja siri ke-253 keluaran minggu lepas terdapat kesilapan pada ruang pertama para kedua, iaitu sebelum perkataan 'petrol' hendaklah ditambah perkataan "Lautan".

Dalam siri yang sama juga ruang kelima dalam para keempat baris ketujuh selepas perkataan 'tiadalah' hendaklah ditambah dengan "dikeluarkan dan tiada disediakan melainkan oleh orang-orang kafir itu." — Penyunting.

Buku Jadual Air Pasang Surut sedang dijual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Buku Jadual Air Pasang Dan Surut bagi perairan-perairan Malaysia, Singapura dan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1985 sekarang dijual dengan harga $7.00 senaskah.

Buku jadual tersebut boleh dibeli dari Jabatan Laut, Bangunan Kastam Diraja, Jalan MacArthur Bandar Seri Begawan atau di Jabatan Laut, Bangunan Kastam Diraja, Jalan Sungai, Kuala Belait.

Pembeli-pembeli adalah dinasihatkan bahawa ramalan tinggi air pasang pada tiap-tiap jam di Tambatan Muara, Brunei bagi tahun 1985 dicetak di dalam buku Jadual Air Pasang itu di muka 18 hingga 23.

MAKLUMAN

UNTUK makluman orang ramai terutama penduduk Kampong Kupang dan sekitarnya bahawa perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei telah pun diadakan bertempat di kawasan Kampong Kupang berhadapan dengan Sekolah Melayu Kupang pada hari Rabu, dua minggu sekali. Keterangan lanjut mengenai jadual lawatan perkhidmatan Perpustakaan Bergerak boleh dirujuk di muka lain akhbar ini.

Peperiksaan School of Music

PERSEDIAAN-persediaan sekarang sedang dibuat bagi mengadakan Peperiksaan The Royal School of Music (peperiksaan theori) di Negara Brunei Darussalam dalam bulan Mac 1985.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Lembaga Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas, Brunei mulai dari 1 Disember, 1984. Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar melalui cek atau bankdraft (matawang Sterling) dan hendaklah dibayar terus kepada The Royal School of Music, London dan bukan kepada Lembaga Peperiksaan, Brunei.

Borang-borang permohonan yang dihantar lewat dari 31 Disember, 1984 tidak akan dilayan.

Pegawai polis berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Enam orang Pegawai Polis Pangkat Rendah kini berada di Kuala Lumpur bagi menghadiri satu kursus soal siasat selama dua minggu.

Pegawai-pegawai itu ialah Sgt Haji Mohd. Roger bin Abdullah, Sgt Malai Hashim bin Syed Mohd. Mamdin, Sgt Pengiran Damit bin Pengiran Osman, Sgt Pengiran Yassin bin Pengiran Haji Said, Cpl Ak. Metassan bin Pengiran Tuah dan Cpl Ramba bin Inin.

Mereka mengikuti kursus tersebut di Jabatan Polis Diraja Malaysia sehingga 15 Disember depan.

Dari muka 5

Aku tidak sedar dan terus mengambil mereka sehingga terputus percakapanku."

Bukan saja sifat sayangkan anak cucu ini hanya ada pada manusia biasa seperti kita, tetapi pada para Nabi dan Rasul pun begitu.

Sifat sayang dan kasihan kepada anak-anak ini kadang-kadang melalaikan kita daripada tanggungjawab terhadap Allah Taala. Kadang-kadang kerana asyik bermain-main dengan anak-anak hingga lupakan sembahyang, lupakan tanggungjawab yang lain, ini juga membawa fitnah kepada kita, tetapi kalau kita cuai dalam penjagaan anak-anak tadi dan tidak ada masa untuk mendidik anak-anak juga boleh menimbulkan fitnah, sehingga mereka merasa asing dengan ibu bapanya. Kadang-kadang anak-anak itu lebih mengasihi orang lain daripada ibu bapanya. Jadi di dalam penjagaan anak-anak ini harus berhati-hati, seperti menatang minyak yang penuh, jangan sampai tumpah, kehendak dunia dan akhirat itu sama-sama dipupuk pada anak-anak supaya terhindar daripada fitnah yang timbul daripada anak-anak tadi.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

MELAYU ISLAM BERAJA — SUATU PENDEKATAN

Oleh: Mohd Salleh Abd Latiff

PENDAHULUAN

PENEKANAN titah pada 1 Januari 1984 yang memasyhurkan serta mengisytiharkan bahawa Brunei adalah sebuah negara Melayu Islam Beraja adalah merupakan logik dan kesimpulan dari susur-galur sejarah, budaya dan sosio-politik yang wujud berkembang dari era Brunei tua hingga ke era Brunei moden. Ia bukan suatu yang bersifat baharu dalam erti kata kita teraba-raba untuk menjangkaunya. Peri mustahaknya negara Melayu Islam Beraja ditegaskan dalam sempena mengambil alih semula tanggungjawab penuh antarabangsa dengan didahului oleh latar belakang perkembangan dan kemajuan politik negara ini bermula tahun 1947 hingga pencapaian semula kemerdekaan sepenuhnya itu adalah berasaskan kepada tekad, hasrat dan citarasa kita sekalian yang ingin lebih memantapkan serta mengkukuhkan negara setaraf dengan negara-negara lain.

Kandungan pengisytiharan itu adalah suatu manifestasi kedaulatan negara dalam erti kata pihak Kerajaan dan rakyat bersepadu dalam segenap sikap untuk menentukan kepentingan bersama dalam memajukan dan membangunkan Negara Brunei Darussalam menurut persefektif ketulenannya.

Melayu Islam Beraja

Setakat ini definasi kata-kata 'Melayu Islam Beraja' itu dapat dirujuk kepada Perlembagaan negara 1959, Pemasyhuran Mengangkat Raja-Raja 1959 dan Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961.

Sambutan dalam pemasyhuran bersejarah pada 1 Januari 1984 itu menegaskan lagi hasrat serta harapan yang kemerdekaan itu akan benar-benar merupakan lanjutan proses meneruskan asas-asas kenegaraan yang turun-temurun. Dalam aspek perpaduan, ia dapat diselaraskan dengan titah Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu pembukaan rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri kali ke-21 pada 21 Disember 1983 yang antara lain, "Kita memang berhajat supaya di zaman kemerdekaan nanti kita akan dapat meneruskan asas-asas kehidupan yang mesra dan bersefahaman antara berbagai puak keturunan yang mencurahkan taat setianya kepada negara ini berasaskan undang-undang dan apa jua peraturan yang telah ditetapkan dengan tidak mengenepikan hukum-hukum ugama Islam kita."

Jangka setahun dalam cucuran rahmat serta sedutan nikmat kemerdekaan semula itu telah membuktikan peningkatan kemesraan serta persefahaman antara rakyat dan Kerajaan di negara yang seluas 2,226 batu persegi ini bahawa kita adalah Bangsa Brunei yang cukup mengerti terhadap hakikat dan tanggungjawab kemerdekaan semula itu.

Kesepaduan di kalangan rakyat selayaknya dikekalkan dengan merenung kembali titah perutusan sempena menyambut tahun baru 1983 yang mana Baginda Sultan mengingatkan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, "Supaya akan sentiasa mengamalkan sikap rajin berusaha serta sentiasa memelihara perpaduan yang diredai Allah dalam erti kata bersopan-santun dan galat mengalati antara satu dengan lain yang mana sifat dan pembawaan seperti itu adalah seisi dengan identiti keBruneian yang tulen atau hidup dengan penuh beradat dan beradap zahir dan batin, yang mana sistem kehidupan seperti itu telah pun kita warisi dari zaman ke zaman."

Manakala titah perutusan menyambut tahun baru 1984 pula Baginda Sultan antara lain menitahkan, "Sekarang adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap rakyat di Negara Brunei Darussalam ini untuk memelihara dan menjamin supaya kemerdekaan negara kita Brunei Darussalam ini akan terus berkekalan dan akan dapat pula dinikmati oleh anak cucu keturunan kita di masa akan datang. Pada mencapai tujuan ini, maka rakyat dan seluruh penduduk di Negara Brunei Darussalam ini mustahaklah untuk hidup bersatu-padu dan sentiasa berwaspada terhadap apa jua anasir yang cuba untuk merosakkan keamanan, kemerdekaan serta kedaulatan negara kita Brunei Darussalam yang tercinta ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga suasana keamanan dan ketenteraman yang telah kita nikmati selama ini akan berkekalan untuk dinikmati sepanjang zaman kemerdekaan ini."

Dalam sempena lain iaitu Istiadat Mengadap Hari Keputeraan ke-38, Baginda menyerukan untuk mengekalkan perpaduan, sifat kerjasama, saling bantu membantu dan muafakat dalam mengungkayahkan usaha-usaha untuk faedah dan kebaikan bersama, "Beta juga sukacita mengambil kesempatan ini untuk berseru kepada semua rakyat dan penduduk negara ini yang Beta kasihi agar mereka dengan tidak kendur-kendur akan mengekalkan azam dan tekad mereka untuk sentiasa berganding bahu dengan Kerajaan Beta dan terus memikul tanggungjawab masing-masing sebagai rakyat dan penduduk sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik mengaulakan cintakan ketenteraman, keamanan, keselamatan negara kita Brunei Darussalam bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam dan sentiasa berusaha pada memperolehi kebajikan dan kebahagiaan serta kemajuan bagi semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini."

Natijah dari sedutan titah yang dinukilkan ialah bagi mengekalkan perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk negara ini yang terdiri dari tujuh puak keturunan Melayu — Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong — di samping kepada kaum lain yang bermastautin di bumi Darussalam yang berpenduduk lebih sedikit 200,000 nyawa. Dengan adanya perpaduan, kemantapan sebagai satu Bangsa Brunei yang teguh, bersepadu memungkinkan kita dapat memajukan negara yang serba berkebajikan ini.

Islam

Sejarah negara kita tidak mencatat tarikh tepat Ugama Islam masuk ke Brunei tetapi menurut Yura Halim dan Jamil Omar yang menulis bersama buku SEJARAH BRUNEI ada menerangkan, "Pada awal kurun Masihi XV, sebelum Kerajaan Brunei memutuskan perhubungan politiknya dengan Kerajaan Cina (Tahun Masihi 1425), Awang Alak Betatar telah mengendalikan pemerintahannya dengan teliti dengan dibantu oleh suadaranya Awang Semaun, sebagai panglima agung yang utama. Dan oleh kerana masa itu Melaka telah mulai berkembang dan banyak ditumpui oleh saudagar-saudagar Arab, Hindu dan Cina, serta ugama Islam telah berkembang dan subur sejak dari zaman Sultan Muhammad Shah (Parameswara 1414) maka Awang Alak Betatar membuat perhubungan dengan ratu Melaka. Mengikut salasilah raja-raja Brunei, Baginda Awang Alak Betatar sendiri telah berangkat ke Melaka diiringi oleh adiknya bernama Patih Merbai dan Semaun kerana hendak berkahwin dengan puteri ratu Melaka. Bila Baginda balik dari Melaka, maka Baginda mendapat gelaran Sultan Muhammad Pertama dari ratu Melaka dan adindanya bergelar Bendahara.

"Dalam masa pemerintahan Sultan Muhammad Pertama ini juga datang seorang Arab dari Makkatul Musharrafah yang berasal dari Thai ke negeri Brunei untuk mengembangkan ugama Islam. Kedatangannya ke Brunei disambut dengan baik oleh Sultan Brunei dan diberi sambutan yang secukupnya. Dengan berkat usaha dan tenaganya itu dalam masa yang singkat semangat Islam telah berkembang di Brunei dan pandangan tinggi anak negeri terhadap ugama Islam pun semakin bertambah."

Manakala A.S. Harahap dalam bukunya SEJARAH PENYIARAN UGAMA ISLAM DI TENGGARA ASIA menekankan bahawa dalam tahun 1521 Masihi pengembara Sepanyol telah menemui sebuah Kerajaan Islam di pantai Kalimantan iaitu Kesultanan Brunei.

Kata 'Islam' yang disebutkan dalam pengisytiharan itu adalah merupakan suatu yang "paling berpengaruh, paling mustahak" dalam pembentukan kedaulatan negara kerana negara kita memang sudah lama mengamalkan ugama Islam dalam setiap aspek budaya, sosio-politik kehidupan kita seperti yang dititahkan oleh Baginda Sultan pada 21 Disember 1983 sempena pembukaan rasmi Persidangan Majlis Masyuarat Negeri kali ke-21 yang antara lain, "Menegakkan hukum-hukum ugama Islam adalah juga bererti menegakkan mertabat dan harga diri kita sebagai suatu bangsa yang merdeka kerana ugama Islam itu sendiri penuh dengan ajaran-ajaran pada memelihara kemerdekaan negara dengan jalan mempastikan supaya keturunan kita akan dapat mewarisi dan meneruskan nikmat dan rahmat kemerdekaan itu dengan cara yang diredai Allah."

Sejarah telah mencatatkan bahawa keperwiraan rakyat Brunei di bawah pimpinan Pengiran Bendahara Sakam telah berjaya menghalau orang-orang Sepanyol yang hendak menggugat kesetiaan rakyat Brunei terhadap kepercayaan ugama Islam.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Md. Jamil Al-Sufri dalam bukunya CATATAN SEJARAH PERWIRA-PERWIRA DAN PEMBESAR-PEMBESAR BRUNEI jilid 2 menulis, "Pada tahun 1580 orang Sepanyol telah diusir oleh Pengiran Bendahara Sakam dari Brunei dan dibubut terus hingga ke Nausung. Kekalahan itu dikatakan berikutan dengan terbunuhnya ketua angkatan Sepanyol yang telah ditabak oleh Orang Kaya Harimau Padang Taring dengan lembing saktinya yang telah digilir di atas lidah hitam Beliau Bahuar yang kena leher ketua pasukan Sepanyol itu."

Dalam sejarah Brunei perang ini dipanggil sebagai "Perang Kastila" di waktu mana Sultan Saiful Rizal, raja Brunei ke-7 sedang memerintah.

Dapatlah kita ambil kesimpulan bahawa di zaman dahulu Islam itu telah dipertahankan dari diceroboh oleh bangsa lain oleh rakyat Brunei, jadi tidak ada sebab yang munasabah kenapa ugama Islam tidak selayaknya diangkat ke mertabah yang tinggi yang begitu dominan kepada kedaulatan negara. Tujuh puak dari keturunan Bangsa Melayu wajarlah menyedari hakikat ini terutama dari kalangan mereka yang tidak berugama Islam kerana dalam memberi dan mengisi erti kemerdekaan itu termasuklah sumbangan kita pada menegakkan hukum-hukum ugama Islam tanpa merosakkan asas-asas kehidupan yang mesra dan bersefahaman antara berbagai puak keturunan di negara ini.

Nenek moyang kita telah mempertahankan dari diceroboh oleh bangsa asing, dan kewajipan kita sekalian meneruskan pacak yang telah ditegapkan itu.

Beraja

Kesultanan Brunei sesungguhnya sudah lama bertapak iaitu bermula dari Sultan Brunei yang ke-1 yang bernama Sultan Muhammad yang sebelum Baginda memeluk ugama Islam terkenal dengan panggilan Awang Alak Betatar. Baginda diagakkan memerintah Brunei pada hujung kurun Masihi XIV.

Dalam buku CATATAN SEJARAH PERWIRA-PERWIRA DAN PEMBESAR-PEMBESAR BRUNEI jilid 1 karangan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji. Md. Jamil Al-Sufri ada menulis, "Menurut sejarah Cina pada tahun Masihi 1370 ada seorang raja Brunei bernama 'Mamosa'. Mungkin 'Mamosa' ini pilat Cina menyebut Muhammad Shah iaitu Sultan Brunei yang pertama (Awang Alak Betatar). Jika demikian, perkahwinan Sultan Muhammad 1 itu sebelum tahun Masihi 1370 iaitu selepas Majapahit lemah kuasanya atau sebelum Singapura dialahkan Majapahit tahun Masihi 1877. Tersebut dalam salasilah Brunei bahawa sesudah Awang Alak Betatar mengisytiharkan kemerdekaan dari Majapahit maka baginda pun berkahwin dengan puteri Johor dan mendapat gelaran Sultan Muhammad dari negeri itu."

Kegemilangan Kesultanan Brunei meningkat apabila di bawah Sultan Brunei yang ke-5 bernama Sultan Bolkiah yang juga dikenali dengan nama Nahkoda Ragam disebabkan oleh kegemaran Baginda membawa bersama gendang kebesaran Diraja di waktu Baginda berangkat itu. Di zaman inilah Kesultanan Brunei meliputi keseluruhan pulau Borneo, pulau-pulau Suluk, pulau Palawan hingga ke Saludang.

Dalam penemuan batu bersurat di Makam Diraja yang ditulis oleh Khatif Abdul Latif pada tahun Masihi 1807 mencatatkan antara lain, "Maka Paduka Seri Sultan itu beranakkan Sultan Sulaiman yang beranakkan Paduka Seri Sultan Bolkiah iaitu Raja yang mengalahkan negeri Suluk dan mengalahkan negeri Saludang dan nama rajanya Dato Gamban dan lagi Sultan Bolkiah beranakkan Paduka Seri Sultan Abdul Kahar yang dinamai Mahrum Keramat ...."

Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah ucapan penerimaan kemasukan Brunei Darussalam sebagai negara anggota ke-159 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu antara lain menitahkan, "Yang pertama, pengalaman. Latar belakang yang diperolehi dari sejarah lama ditempuhi dengan kesukaran. Kami merupakan sebuah negara baru, tapi juga sebuah negara purba, salah sebuah negara yang tertua di Asia. Para pelawat ke Brunei beberapa kurun yang silam menemui satu sistem sosial yang kukuh dengan kebudayaan yang kaya dan makmur. Lima ratus tahun yang lalu, di bawah kepimpinan keturunan Beta Sultan Bolkiah, sultan Islam yang ke-5 Brunei telah memainkan peranan penting dalam perkembangan ugama Islam di Asia Tenggara".

Sistem sosial kita hari ini juga bertambah kukuh di samping mengekalkan kebudayaan beradat istiadat yang dikagumi oleh pelbagai masyarakat antarabangsa selain dari taraf hidup rakyat dan penduduk yang begitu tinggi. Hari ini kita menikmati kesempurnaan kehidupan baik dari segi sosial, dari segi budaya, dari segi pendapatan mahupun dari segi tingkat persefahaman yang bersepadu, jadi, sistem kesultanan yang sudah lama bertapak turun-temurun itu adalah sewajarnya kita pertahankan dan amalkan kerana sejarah telah membuktikan di bawah sistem ini kita pernah menjadi sebuah empayar yang besar yang berwibawa serta dihormati.

Penutup

Konsep Melayu Islam Beraja bukanlah suatu fahaman yang baru, diperkenalkan, baru dicita-citakan, baru diperjuangkan tetapi adalah suatu fahaman yang pada hakikatnya sudah lama kita amalkan. Kita sungguh berbangga kerananya.

Identiti keBruneian kita tidak pernah tercemar dari dahulu hingga sekarang yang membawa pertanda bahawa kita adalah suatu bangsa — Bangsa Brunei yang berwibawa, bertanggungjawab dan tetap menyanjung tinggi konsep kenegaraan Melayu Islam Beraja.

Pelita Brunei
30 JANUARI, 1985

Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang

NEGARA KITA TIDAK MENGAMALKAN KONSEP BERBILANG-BILANG BANGSA, BUDAYA DAN UGAMA

KITA telah mencapai semula kemerdekaan. Perjuangan atau apa jua ikhtiar untuk kembali semula merdeka itu tidaklah setakat untuk kembali menguasai kedaulatan politik sepenuhnya bahkan serentak dengan itu kita mempastikan tidak akan kehilangan teras kedaulatan politik itu sendiri.

Demikianlah pencapaian semula kemerdekaan setahun yang lalu telah mengekalkan kedudukan Brunei Darussalam yang turun-temurun sebagai negara Melayu yang terbentuk dengan unsur serta pengaruh ugama Islam dan berkerajaan secara pemerintahan beraja oleh sultan-sultan Melayu yang berugama Islam. Ini telah diungkapkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan dengan sebutan 'negara Melayu Islam Beraja'. Dengan itu Brunei Darussalam bukanlah negara yang mengamalkan konsep berbilang-bilang bangsa, budaya dan ugama.

Dilihat dari sudut cita-cita nasional maka mengekalkan Brunei sebagai negara Melayu Islam Beraja itu adalah sangat penting. Ia telah diambil kira untuk menentukan corak sebenar kedaulatan kita. Syukurlah perkiraan itu dapat dibuat dengan bijaksana dan dapat dicapai tujuannya dalam suasana harmoni.

Sekarang kita berusaha menonjolkan apa yang telah dapat kita kekalkan itu. Kita menyebut dengan lantang bahawa dengan izin Allah Brunei Darussalam akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja. Penonjolannya dengan penuh tanggung-jawab selepas merdeka tidak bermaksud yang lain daripada apa yang patut dan lazim bagi sesuatu bangsa dalam memberi makna kemerdekaannya. Dan tidak perlu ada kecurigaan sebab konsep negara Melayu Islam Beraja itu telah turun-temurun mendatangkan kebajikan kepada rakyat dan penduduk dari semua latar belakang keturunan. Tambahan kepada itu kita telah memasyhurkan kemerdekaan dengan tekad akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat. Tekad tersebut menjadi sebahagian matlamat negara yang kita mempunyai komitmen bersama mencapainya.

Tidak ada apa-apa yang baharu dalam konsep negara Melayu Islam Beraja itu. Apa yang baharu ialah usaha memperjelaskannya dengan mengetengahkan kedudukan dan kenyataan (reality) sosio-politik negara kita secara berterus-terang supaya difahami, diterima dan dihormati. Ia adalah ciri utama dalam menentukan norma serta amalan yang dengannya kita mengenal diri sendiri dan dikenali oleh orang lain.

Dalam berterus-terang mengetengahkan kedudukan dan kenyataan sosio-politik itu terdapat fakta-fakta yang dikemukakan seolah-olah perkara baharu padahal ia telah lama diperuntukkan dalam undang-undang bertulis dan dalam Perlembagaan serta menerusi dasar-dasar yang telah pernah dinyatakan kepada umum. Kesemua fakta itu menegaskan dan memperkuatkan bahawa Brunei adalah negara Melayu Islam Beraja — yang dalam makna itu ia bukanlah negara yang mengamalkan konsep berbilang-bilang bangsa, budaya dan ugama menurut sebagaimana konsep yang asing itu diamalkan oleh negara-negara lain yang jauh dan yang dekat.

Penegasan bahawa Brunei Darussalam bukan negara yang mengamalkan konsep berbilang-bilang bangsa, budaya dan ugama tidaklah patut dipandang serong. Ia dibuat dengan berterus-terang sebagai merujuk kepada hakikat sosio-politik yang sepatutnya tidak lagi dilihat dengan pandangan kabur. Kita mahukan pemahaman yang betul dan penerimaan yang wajar oleh semua pihak.

Sesungguhnya kita sedia menginsafi cabaran yang mesti diatasi berikutan pencapaian semula kemerdekaan. Maka kesediaan menerima hakikat sosio-politik yang sudah lama wujud itu adalah sebahagian daripada cabaran tersebut.

BERIKUT ialah sambungan ceramah Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin yang disampaikannya dalam Seminar Konsep Melayu Islam Beraja bagi pegawai-pegawai RTB yang berlangsung pada 19 Januari yang lalu.

NOTA RINGKAS MENGENAI NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA



YANG Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin ketika menyampaikan ceramah kepada peserta-peserta kursus.

Di zaman ini kedudukan dan corak tersebut telah diperkukuhkan dengan peruntukan undang-undang bertulis dan juga Perlembagaan dalam perkara-perkara Kuasa Memerintah; dalam perkara Menaiki Tahkta; dalam perkara Perdana Menteri mestilah seorang Melayu Brunei yang berugama Islam; dalam perkara Islam menjadi Ugama Rasmi; dalam perkara Bahasa Melayu menjadi Bahasa Rasmi; dan dalam perkara Tarat Kebangsaan yang menetapkan ketulenan kepada bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak asal negara ini.

Kedudukan sosio-politik sehingga ini adalah jelas bahawa sungguhpun terdapat berbagai-bagai bangsa yang mengamalkan berbagai-bagai ugama dan kebudayaan tetapi dalam amalan rasmi negara kita Brunei bukanlah negara multi-racial, multi-religious dan multi-culture. Konsep multi-racial, multi-religious dan multi-culture tidak releven dengan Brunei yang turun-temurun sudah merupakan Negara Melayu Islam Beraja di mana sifat, corak, unsur dan pengaruh yang prominen adalah keBruneian yang kuat dipengaruhi oleh ajaran Islam dan adat-istiadat Melayu (Diraja).

Segala unsur dan pengaruh yang prominen itu selayaknya akan kekal menjadi faktor yang dominan ke atas negara ini dalam apa jua keadaan dan peringkat perkembangannya. Itulah yang menjadi sebahagian cabaran dalam memelihara kedaulatan negara ini.

Dasar kerajaan dalam perkara-perkara utama mengenai ciri kenegaraan sudah jelas. Umpamanya penduduk-penduduk yang terdiri dari orang-orang asing dan orang-orang yang bukan dari keturunan Melayu telah diserukan untuk menyesuaikan diri dengan iklim sosio-politik negara ini. Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai perkara ini boleh dirujuk di mana antaranya bagi orang-orang seperti itu untuk dapat diterima dengan tidak dicurigai oleh rakyat asal maka mereka hendaklah mengamalkan dua ciri terpenting negara ini iaitu bahasa Melayu dan adat-istiadat tempatan. Dua ciri ini adalah unsur yang kuat dalam konsep Melayu Islam Beraja. Kerana itu tidak ada sebab bagi kita meragukan kesungguhan dasar dan kepentingan mengekalkan Brunei ini sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja di mana rakyat dan penduduk di dalamnya akan terus berkehidupan harmoni menjunjung kedaulatan negara dan bersama memenuhi azam serta aspirasi nasional sebagaimana yang termaktub dalam Titah Pemasyhuran Kemerdekaan.

5. Amalan dan Sokongan

Dalam sempena Maulud Nabi tidak lama dahulu Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pernah menyerukan semua pihak di negara ini perlu mengambil langkah positif dan segera mengawal dan memelihara negara dari anasir-anasir yang bertujuan menghalang ke arah pencapaian dan penghayatan sempurna konsep Negara Melayu Islam Beraja.

Buat pertama kali titah Diraja dalam majlis umum mengenai Melayu Islam Beraja telah menggariskan dua perkara: Pertama keperluan mengambil langkah yang positif dan segera untuk mengesankan konsep Melayu Islam Beraja; kedua keperluan mengawal dan memelihara negara dari anasir-anasir yang bertujuan menghalang pencapaian dan penghayatan sempurna konsep tersebut. Pada hemat saya titah tersebut lebih dari sekadar seruan, ia dapat disifatkan sebagai satu direktif. Terserahlah kepada banyak pihak untuk menganggap direktif tersebut.

Setakat yang berhubung dengan kita dalam bidang media kerajaan maka direktif sedemikian patut ditanggapi dengan fahaman bahawa media kerajaan akan dipergunakan sebaik-baiknya bagi 'mempromote' dan mem'propagate' konsep Melayu Islam Beraja dan mengawal diri dari menyalurkan sebarang unsur yang bukan sahaja boleh menghalang bahkan juga melemahkan pencapaian dan penghayatan konsep tersebut. Saya tidak bersedia untuk bercakap lebih terperinci mengenai perkara ini. Bagaimanapun kita sedia mempunyai garis pandu bahawa sifat, corak, unsur dan pengaruh yang prominen negara kita ini ialah Islam sebagai pegangan kerajaan dan rakyat terbanyak; pemerintahan menurut sistem beraja dengan sultan adalah sebagai ruling monarch; dan beristiadat Melayu (Diraja). Semua yang sudah prominen ini menjadi faktor yang dominan ke atas negara. Maka langkah yang positif dan segera serta kawalan yang dimaksudkan dalam perkara konsep Melayu Islam Beraja adalah dapat difahamkan sebahagiannya dengan cara kita yang terlibat dalam media kerajaan akan sentiasa mengambil kira faktor yang dominan itu dengan memahami dan mengamalkan dasar bahawa Brunei bukanlah negara multi-racial, multi-religious dan multi-culture sebagaimana setengah-setengah negara lain baik yang jauh mahupun yang dekat.

RALAT

RUANG ketiga paragraf ketiga Nota Ringkas Mengenai Negara Islam Beraja keluaran minggu lepas muka surat dua terdapat kesilapan. Perenggan itu hendaklah dibaca:

"Keempat — Bahawasanya Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama tahun 1979 telah dibuat di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Baginda Queen dan Pertukaran Nota di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Kerajaan Baginda yang mana dengan Perjanjian dan pertukaran Nota itu telah dipersetujui bahawa apa juga kuasa, apa jua kewajipan....."

Peraduan membaca Al-Quran di Belait

KUALA BELAIT. — Penyertaan kini sedang dibuka bagi Peraduan Membaca Al-Quran bagi orang-orang dewasa di Daerah Belait. Peraduan tersebut akan diadakan dalam bulan Mac di Sekolah Rendah Kerajaan Lumut.

Borang-borang masuk boleh diperolehi dari Jabatan Hal Ehwal Ugama atau dari Imam-Imam Masjid di daerah berkenaan. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 14 Februari, 1985.

AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU
13 FEBRUARI, 1985

Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang

PENERAPAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA MENERUSI SISTEM PENDIDIKAN

KEMENTERIAN Pelajaran dan Kesihatan melalui Jabatan Pelajaran telah membuat panduan dalam usahanya menyesuaikan sistem pendidikan negara dengan konsep Melayu Islam Beraja. Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan dalam ucapan melancarkan perasmian sistem pendidikan negara baru-baru ini menyebutkan langkah yang diambil itu adalah dengan kesedaran bahawa alam pendidikan adalah amat sesuai untuk menjunjung maksud mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja seperti yang terkandung dalam Titah Pemasyhuran Kemerdekaan setahun yang lalu.

Sesungguhnya kita berpendapat konsep kenegaraan yang menjadi teras kedaulatan negara kita itu berkehendakkan perancangan yang sistematik bagi menjamin penghayatannya yang sempurna. Dan perancangan tersebut hendaklah dari berbagai-bagai bidang, sebab sungguhpun konsep tersebut bukan merupakan konsep baharu dari segi amalan dan kenyataan sosio-politik negara kita tetapi bagi maksud-maksud penghayatannya yang sempurna dan menjadikan teras dalam usaha membangun bangsa atau nation building maka tidak selayaknyalah ia cuma berupa sebutan. Tegasnya kesempurnaan penghayatan konsep tersebut hendaklah menerusi dukungan dan komitmen oleh semua pihak.

Maka langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran dan Kesihatan melalui Jabatan Pelajaran itu sangatlah tepat. Dari segi bidang pendidikan telah jelas sekarang bahawa konsep Melayu Islam Beraja itu akan diterapkan ke dalam dasar pendidikan negara. Ini sangatlah menggembirakan dan memberi harapan baik di masa hadapan sebab saluran pendidikan negara akan dipergunakan bagi menjamin penghayatan yang sempurna konsep tersebut.

Panduan yang disediakan oleh Jabatan Pelajaran itu menggariskan matlamat konsep tersebut dari perspektif pendidikan. Ia juga memberikan kesimpulan mengenai ciri-ciri 'Melayu', 'Islam' dan 'Beraja' — juga dipercayai menurut perspektif pendidikan. Maka 'kelslaman' dalam konsep Melayu Islam Beraja itu telah disimpulkan sebagai bertujuan akan menerapkan nilai-nilai ajaran Islam, seperti mendidik kanak-kanak supaya taat kepada Allah, setia kepada Raja dan memiliki pemikiran serta pendirian yang sihat semata-mata pada meneruskan keinginan masyarakat Brunei untuk mencapai matlamat dan pembangunan yang seimbang. Mengenai ciri 'Melayu' pula disimpulkan sebagai bertujuan mendidik kanak-kanak supaya sentiasa mengamalkan corak hidup orang-orang Melayu Brunei iaitu dengan menonjolkan sifat-sifat kehalusan budi-bicara. Sementara ciri 'Beraja' pula disimpulkan sebagai bertujuan mengenalkan secara berperingkat-peringkat betapa Raja bagi masyarakat Brunei adalah unsur perpaduan dan bukan simbolik, Raja ialah Ketua Ugama Rasmi dan bukan ceremonial; Raja adalah pemimpin yang berfungsi bagi faedah masyarakat dan negara, memberi perhatian terhadap kesejahteraan rakyat dengan penuh kasih sayang.

Kesimpulan-kesimpulan tersebut akan diterapkan ke dalam dasar pendidikan dengan matlamatnya yang jelas. Sekurang-kurangnya dapat ditegaskan bahawa menerusi pendidikan konsep Melayu Islam Beraja itu akan mengasuh generasi yang akan datang untuk seterusnya berkehidupan di atas landasan dan nilai-nilai yang sama lagi sempurna. Sudah setentunya nilai-nilai seperti hormatkan ibu bapa dan orang-orang tua serta guru-guru, beradab sopan, rajin dan tekun dalam menghadapi tugas, mencintai negara adalah nilai-nilai yang baik. Begitu juga kehalusan dalam gerak-geri, tutur-bahasa, perangai, bersifat pemalu yang dalam pemalu itu pula mempunyai sikap tegas adalah kesemuanya itu merupakan sifat-sifat yang terpuji dan dikehendaki. Sungguhpun nilai-nilai tersebut pada sebutannya adalah nilai-nilai Islam dan Melayu tetapi pemakaiannya adalah sesuai kepada semua orang. Dengan yang sedemikian kita tidak menampak sebarang alasan untuk mencurigai penerapannya ke dalam sistem pendidikan negara.

Sesungguhnya pembangunan bangsa atau nation building menerusi konsep Melayu Islam Beraja itu memerlukan keyakinan yang sungguh-sungguh. Dalam keadaan sekarang tentulah sebahagian usaha kita akan berupa usaha untuk memberi keyakinan. Tetapi kita tidak fikir rakyat dan penduduk akan sukar diyakinkan selama mana konsep Melayu Islam Beraja itu dapat terus kita buktikan faedah dan kebajikan kepada semua isi Brunei Darussalam.

Pendidikan penting dalam pembentukan "Nation Building"

BERIKUT ialah ucapan sepenuh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan semasa merasmikan Pelancaran Sistem Pendidikan Negara, di Dewan Jubli Perak Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah pada 3 Februari yang lalu.

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah yang menjanjikan bahawa sesiapa yang menolong ugama Allah, nescaya Allah akan menolong orang itu. Salawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah mengajar bahawa setiap kebajikan akan mendapat ganjaran yang baik.

Seperti yang kita sama-sama maklum, dan dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, sepanjang tahun 1984 yang lalu Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dari segi pendidikan dan pelajaran telah pun berupaya menyediakan beberapa perancangan semata-mata pada meninggikan taraf pendidikan di Negara Brunei Darussalam.

Syukur sekali lagi, pada tahun 1985 ini beberapa perancangan yang telah disediakan itu telah dapat dilaksanakan dan dihidangkan kepada masyarakat di negara kita yang dikasihi ini. Di antara yang telah berjalan ialah penubuhan Institut Pendidikan Hassanal Bolkiah dan Pelaksanaan Sistem Kegiatan Luar yang direkodkan. Mulai awal tahun 1985 ini juga secara berperingkat-peringkat dan menurut keupayaan telah pula dilaksanakan sistem Dwibahasa. Dalam pada itu pada pertengahan tahun 1984 telah dijalankan kursus meninggi taraf yang bertujuan untuk membantu guru-guru meninggikan taraf akademik mereka di samping itu peserta-peserta yang lulus akan mendapat pula satu kenaikan gaji. Di dalam Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, peserta-peserta yang lulus nanti akan mendapat ijazah Bachelor of Education. Patut juga disentuh bahawa pada awal tahun 1985 Pusat Latihan Teknikal Brunei dan Sekolah Bangunan Sultan Saiful Rijal telah dicantumkan menjadi "Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal."

Barang diingat segala langkah-langkah yang disebutkan di atas adalah membuktikan pimpinan yang bijaksana daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang mana dengan titah perkenan Baginda jua pembisaian dan pengusaian hal-ehwal pendidikan di negara ini dapatlah dilangsungkan. Dan sebagai lanjutan kepada proses sedemikian itu, maka dijangka pada pertengahan tahun 1985 peperiksaan dua kali setahun bagi peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. peringkat biasa dan lanjutan dengan izin Allah akan dapat dilaksanakan.

Dalam majlis hari ini, Alhamdulillah, saya sendiri merasa sangat sukacita dapat berhadapan dengan pegawai-pegawai yang bertanggung-jawab di bidang pelaksanaan pendidikan seperti tuan-tuan dan puan-puan yang hadir termasuklah pengetua-pengetua dan guru-guru besar. Saya juga turut merasa bahagia kerana pengetua-pengetua dan guru-guru besar dari sekolah-sekolah Misi dan China adalah hadir sama dalam majlis ini.

Sesuai dengan tujuan majlis hari ini yang bermaksud untuk membentangkan kertas-kertas dasar pendidikan Negara Brunei Darussalam yang bersangkutan dengan Dwibahasa, Konsep Melayu Islam Beraja dan Konsep Islamisasi Ilmu Pengetahuan, maka rasanya mengenai konsep Dwibahasa tidaklah perlu saya berpanjang lebar, kerana hal tersebut telah pun pernah saya sentuh beberapa waktu yang lalu. Walau bagaimanapun saya ingin menegaskan bahawa konsep Dwibahasa adalah dihasratkan supaya kedudukan Bahasa Melayu akan kekal menjadi "Dominant" bukan saja dalam sistem pendidikan bahkan dalam jangka panjang adalah diharap sistem pendidikan itu sendiri akan berupaya membantu perkembangan dan kedaulatan Bahasa Melayu bagi kehidupan rasmi dan urusan sehari-hari di negara ini dan tidaklah seharusnya pengertian Dwibahasa itu disempitkan sebagai hanya mengambil kira Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, akan tetapi pada masa-masa yang difikirkan kita berupaya, lain-lain bahasa asing yang berfaedah mungkin juga dapat kita terapkan dalam sistem pendidikan nanti dengan mengukuhkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kekal lagi dominant.

Dalam majlis hari ini, selain daripada Konsep Dwibahasa kita berharap bahawa kita akan sama-sama dapat membincangkan juga Konsep Melayu Islam Beraja dan Islamisasi Ilmu Pengetahuan dalam sistem pendidikan kita.

Sebelum itu saya sukacita merakamkan rasa penghargaan yang setinggi-tingginya kepada semua pihak yang berupaya menyusun Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972 yang mana melalui syor-syornya maka sistem pendidikan negara yang secara berperingkat-peringkat kita ungkayahkan pada masa ini adalah sentiasa disesuaikan dengan kehendak dan syor-syor Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972 itu.

Di samping itu selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam semasa pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei pada 1 Januari 1984 yang lalu yang mana Baginda telah menekankan bahawa Brunei ialah sebuah Negara Melayu Islam Beraja. Maka Kementerian Pelajaran dan Kesihatan melalui Jabatan Pelajaran ingin bersama lain-lain pihak menjunjung akan hasrat yang suci murni dari Baginda itu, dan semata-mata pada menjunjung titah sedemikian itulah maka Kementerian Pelajaran dan Kesihatan pada masa ini menurut keupayaan yang difikirkan dan secara berperingkat-peringkat sesuai dengan keupayaan yang ada telah pun berhasil menyusun kertas yang akan menjadi panduan dalam membuat langkah-langkah pada menyesuaikan sistem pendidikan negara ini dengan Konsep Melayu Islam Beraja itu. Kementerian Pelajaran dan Kesihatan juga menyedari bahawa alam pendidikan amatlah sesuai untuk menjunjung maksud yang telah dititahkan itu kerana pendidikan adalah menjadi salah satu unsur yang paling penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat atau "nation building". Selaras dengan cita-cita keislaman dalam Konsep Melayu Islam Beraja itu, dan semata-mata pada meminjam perkataan yang bersesuaian, maka Jabatan Pelajaran telah juga menyediakan kertas sebagai panduan pada memperkuat konsep Melayu Islam Beraja melalui pendidikan dengan jalan membuat langkah-langkah Islamisasi Ilmu Pengetahuan ataupun menghubungkan berbagai mata-mata pelajaran yang diajarkan di sekolah dengan pandangan-pandangan keislaman.

Sebagai bahan ringkas untuk dialog kita hari ini, saya suka menekankan bahawa Konsep Melayu Islam Beraja dalam sistem pendidikan kita adalah diselaraskan dengan matlamat pendidikan yang secara beransur-ansur bertujuan untuk membentuk manusia yang bukan saja berilmu pengetahuan tinggi dengan sains teknologinya bahkan juga manusia yang sentiasa insaf akan dirinya lebih dari sekadar selaku warga di negara yang merdeka, ini lebih dari sekadar keluarga dunia, malah yang terpenting ialah selaku makhluk dan hamba Allah. Dengan yang demikian adalah sesuai bahawa Konsep Melayu Islam Beraja itu diperkenalkan dengan sistem pendidikan kita melalui langkah-langkah yang amat berkesederhanaan.

Pada kesimpulan dalam bidang keislaman Konsep Melayu Islam Beraja akan menerapkan nilai-nilai ajaran Islam yang suci umpamanya mendidik kanak-kanak supaya sentiasa taat kepada Allah, setia kepada Raja dan memiliki pemikiran dan pendirian yang sihat semata-mata pada meneruskan keinginan masyarakat Brunei untuk meneruskan perkembangan dan pembangunan yang seimbang. Dalam sistem pendidikan kita ajaran-ajaran ugama Islam akan cuba mengasuh kanak-kanak supaya sentiasa menyelaraskan tingkah laku mereka dengan ajaran-ajaran Allah umpamanya hormat kepada orang tua, hormat kepada guru, beradap sopan, rajin dan tekun serta lutanan pada menghadapi tugas dan sentiasa mengasihi negara di samping mengamalkan hidup berbaik-baik dan seumpamanya, yang mana ajaran-ajaran Islam serupa itu amatlah berguna kepada semua peringkat kanak-kanak tanpa mengira bangsa, keturunan dan ugama.

Perkataan Melayu dalam Konsep Melayu Islam Beraja pula akan cuba mendidik kanak-kanak supaya sentiasa mengamalkan corak hidup orang-orang Melayu Brunei yakni menonjolkan sifat-sifat kehalusan dalam serba-serbi, dalam gerak-gerinya, dalam bahasanya, manis tingkah lakunya, pemalu dan dalam

Lihat muka 4

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-264

Memakai perhiasan yang bertulis Ismun Muazzam

MAKRUH membawa Ismun Muazzam (Nama Agung) seperti nama Allah dan Rasulullah dan nama Nabi dan nama Malaikat ke dalam tandas ketika buang air kecil atau besar kerana menghormatkan nama-nama yang tersebut dan kerana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam apabila Baginda masuk tandas, Baginda letakkan cincin Baginda (di luar tandas), bagaimana diriwayatkan akan asal hadis itu oleh Al-Imam At-Termidzi dan ia sahkan akan dia dan adalah cincin Baginda itu diukir dengan perkataan Muhammad Rasulullah, bagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Al-Imam Muslim akan asal hadis itu, maka zahir dari Itlak Ulama makruh membawa Ismun Muazzam ke dalam tandas.

Chincin yang diukir dengan nama Ismun Muazzam seperti nama Allah dan nama Nabi-Nabi dan Malaikat itu haram dilumurkan/dicemari dengan air kencing dan tahi dan lain-lain najis, dari itu hendaklah dipakai cincin yang sebegitu rupanya di tangan kanan, jangan di tangan kiri atau dilucutkan ketika bercebuk.

Siapa yang mengetahui akan budak-budak itu memakai cincin sebegitu keadaannya dan melumurkan dia dengan najis wajiblah di atasnya memberi ingat dan mengajarkannya seperti ibu dan bapa dan guru-guru dan seumpamanya, kerana menegah dari mungkar wajib dan Fardu Kifayah di atas umat Islam. Dan jika ia seorang diri tahukan kanak-kanak itu melumurkan cincin berukir dengan Ismun Muazzam maka menjadi Fardu Ain di atasnya melarangnya sebagaimana difahamkan dari Fathul Mu'in.

AL-QURAN DISIMPAN DI TINGKAT BAWAH DALAM BANGUNAN BERTINGKAT

MENURUT riwayat Ibnu Ishak dalam As-Siratun Nabawiyah Li Ibni Hisham: Berkata sahabat Abu Ayyub (Al-Ansari): Manakala Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam turun dan singgah di rumah saya (dari perjalanan hijrah Rasulullah dari Mekkah ke Madinah), maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam singgah dan tinggal di sebelah bawah rumah saya, dan saya dan Ummu Ayyub (isterinya) tinggal di sebelah atas rumah, maka saya berkata kepada Rasulullah: "Wahai ya Nabi Allah, demi bapa dan ibu hamba menjadi tebusan akan tuan hamba, bahawa hamba benci dan pandang berat bahawa hamba ada diam di sebelah atas, dan tuan hamba diam di sebelah bawah, mohon tuan hamba diam di atas, dan kami diam di bawah." Sabda Rasulullah: "Hai Abu Ayyub bahawa yang lebih mudah kepada kami dan kepada orang-orang yang datang kepada kami, bahawa kami diam di sebelah bawah rumah."

Katanya: Adalah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diam di sebelah bawah, dan kami diam di sebelah atas rumah, sesungguhnya pada suatu hari tempayan besar kami telah pecah di dalamnya ada air, maka kami bangun, saya dan Ummu Ayyub dengan membawa sehelai selimut, tiadalah bagi kami lain dari selimut itu, kami mengeringkan air yang tumpah itu, kerana takut air itu menitis ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan menyusahkan Baginda.

Dari hikayat Sahabat Abu Ayyub, diketahui bahawa orang-orang pada awal-awal Islam sudah diam dalam rumah yang bertingkat-tingkat, kemudian sahabat menulis ayat-ayat Quran dalam kulit-kulit dan batu-batu dan batang-batang kurma dan menyimpan tulisan-tulisan itu di rumah-rumah mereka. Kemudian zaman Tabi'en dan zaman As-Salafus Saleh mushaf-mushaf Quran dan kitab-kitab ditulis oleh umat Islam dengan banyak.

Berkata Al-Imam Nawawi yang mati tahun 677 Hijrah dalam At-Tibyan: Bahawa umat Islam telah ijma' dan sekata bahawa wajib dipelihara mushaf Quran dan wajib dihormati akannya. Berkata ulama Shafi'eah dan lain-lain ulama: Jikalau seorang Islam meletakkan mushaf Quran dalam sampah wal'iyazu billah, nescaya orang yang meletakkan mushaf Quran itu menjadi kafir. Dan haram bersandar kepada mushaf Quran bahkan haram bersandar kepada sesuatu kitab ugama.

Saya telah mencari di tempat-tempat yang difikirkan ada pada masalah orang-orang yang diam di tingkat bawah menyimpan mushaf Quran dan di tingkat-tingkat rumah itu ada orang-orang diam dan tinggal di situ, di dalam kitab-kitab Fiqeh dan Tajwid dan lain, maka saya belum berjumpa akan masalah-masalah seperti itu, padahal ulama bersungguh-sungguh membahaskan masalah-



masalah halal haram dan umat Islam dengan ijma' dan sekata bahawa mewajibkan memulia dan menghormatkan Quran.

Al-Imam An-Nawawi telah menegaskan bahawa apabila sesuatu masalah itu telah masuk di bawah umum perkataan ulama Fiqeh Shafi'eah nyatalah masalah itu telah dinukilkan oleh mereka, dan ulama telah berkata pada ayat-ayat Quran ditulis di atas siling rumah dan siling itu dijadikan tempat berjalan ke sana ke mari, maka adalah haram kerana menghinakan ayat-ayat Quran itu.

Oleh yang demikian pada zahirnya pada pendapat saya bahawa tiadalah dapat dikatakan bahawa orang-orang yang diam di tingkat atas itu menghinakan Quran yang ada di tingkat bawah itu.

WALLAHUAKLAM

Dari muka 2

Konsep M.I.B. menerapkan nilai-nilai ajaran Islam yang suci

pemalu itu pula tegas terhadap segala urusannya. Dan demikianlah seterusnya, yang mana kita percaya sifat-sifat keMelayuan seperti itu adalah menguntungkan bagi semua peringkat kanak-kanak baik apa rupa bangsa jua pun.

Konsep Beraja pula akan cuba mengenalkan secara berperingkat-peringkat betapa Raja bagi masyarakat Brunei adalah unsur perpaduan dan bukan simbolik, Ketua Ugama rasmi, dan bukan ceremonial. Sebenarnya Raja bagi masyarakat Brunei adalah pemimpin yang juga bertugas bagi faedah masyarakat dan negara, bertungkus-lumus mengorbankan tenaga, kasih sayang kepada rakyatnya yang mana hal sedemikian itu adalah selaras dengan konsep Khalifah dalam ajaran Islam.

Demikianlah sedikit gambaran dari apa yang ingin kita capai dengan konsep Melayu Islam Beraja iaitu kita ingin supaya kanak-kanak Islam akan dididik untuk menjadi orang-orang Islam yang sempurna di samping itu kanak-kanak yang bukan Islam akan dididik supaya memahami terhadap tatacara kehidupan Islam di negara ini agar mereka dapat sama-sama menikmati kemanisan yang terkandung di dalamnya. Dengan yang demikian tidaklah timbul masalah untuk mencurigai konsep nation building yang ingin kita kenalkan dalam sistem pendidikan negara kita Brunei Darussalam ini.

Kita penuh yakin dengan konsep sedemikian maka kita semua di negara ini harus dapat sama-sama mempertahankan konsep nation building dengan penuh keyakinan terhadap kebajikan dan kemanfaatannya supaya kita semua dapat berhidup kurang-kurangnya atas nilai-nilai sosial yang sempurna. Umpamanya jangan sampai kedapatan sebarang orang bermakan minum di khalayak ramai di bulan puasa, jangan terdapat orang-orang berbakini atau berseluar puntung di kaki lima, jangan diamalkan mengaga orang di waktu Maghrib, bercacau atau telefon berbunyi selepas azan, jangan diagut mengangkat binatang haram secara terdedah dan demikianlah seterusnya. Seperti yang saya sebutkan tadi dan semata-mata pada memperkuatkan lagi ideologi negara kita sebagai negara Melayu Islam Beraja, maka Kementerian Pelajaran dan Kesihatan juga berharap akan dapat menyalurkan melalui alam pendidikan suatu Konsep Islamisasi Ilmu Pengetahuan mengikut keupayaan dan menurut pelaksanaan secara berperingkat-peringkat. Kita meminjam perkataan Islamisasi Ilmu Pengetahuan hanyalah dengan maksud pada menepati usaha-usaha untuk memperkukuh Konsep Melayu Islam Beraja itu, dan Islamisasi Ilmu Pengetahuan hanyalah dengan maksud pada menepati usaha-usaha untuk memperkukuh konsep Melayu Islam Beraja itu, dan Islamisasi Ilmu Pengetahuan antara lain akan cuba menghubungkan segala mata pelajaran yang diajarkan di sekolah-sekolah secara berperingkat-peringkat dan dengan penuh kesederhanaan dengan hukum-hukum ugama Islam. Tujuan di sebalik itu antara lain ialah bagi mempastikan bahawa pembentukan masyarakat kita yang akan datang akan benar-benar menjadi manusia yang tahu batas-batas yang patut dilakukan dan tidak patut dilakukan menurut pandangan hukum. Sekali lagi kita melihat bahawa melalui Konsep Islamisasi Ilmu Pengetahuan ini, kita ingin menentukan bahawa mata-mata pelajaran yang diajarkan di sekolah akan penuh mengandungi kebajikan dan manfaat bagi memenuhi keperluan di dunia dan mencapai kebahagiaan di akhirat dan kita yakin konsep sedemikian ini adalah menjadi keinginan setiap ibu bapa dan insya-Allah akan dapat menjamin semua peringkat kanak-kanak walau apa bangsa sekalipun.

Akhirnya saya ingin berterus-terang bahawa semua usaha di bidang pendidikan yang sedang kita lakukan ini adalah memerlukan dedikasi, keyakinan dan kegigihan semua pegawai dan guru-guru yang bertanggungjawab pada melaksanakannya. Di samping itu kejayaan dari semua perancangan itu adalah jua bergantung kepada sokongan daripada orang ramai dengan jalan memberikan pandangan-pandangan yang membina di mana-mana yang perlu kerana kita yakin tidak pernah terdapat satu sistem pendidikan yang lengkap dan penuh sempurna melainkan jika semua pihak bekerjasama pada membisaikan sistem pendidikan itu secara membina. Maka dengan ini dan dengan bertawakkal kepada Allah jua, serta dengan melafazkan Bismillahir Rahmanir Rahim saya rasmikan Pelancaran Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam melalui Konsep Dwibahasa, Konsep Melayu Islam Beraja dan Islamisasi Ilmu Pengetahuan dengan harapan mudah-mudahan Sistem Pendidikan negara ini akan dapat kita lengkapkan untuk lain-lain bidang pada masa-masa hadapan, insya-Allah.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullah.

Brunei sertai Pameran ASEAN ke-4 di Singapura

SINGAPURA. — Sebanyak 28 buah karya seni dari Negara Brunei Darussalam telah dipamerkan di pesta pameran ASEAN kali ke-4 yang berlangsung di Republik Singapura pada 12 hingga 31 Januari lepas.

Hasil karya 21 orang seni lukis dan photo negara ini, 18 keping adalah dalam bentuk lukisan dan 10 yang lainnya merupakan hasil kerja seni photo.

Pameran ASEAN kali ke-4 berlangsung di Bangunan National Museum Art Gallery Singapura turut disertai oleh keenam buah negara ASEAN sebagai projek pertukaran budaya negara-negara ASEAN dalam bidang seni lukis dan photo.

Pameran selama sebulan itu bertemakan "Current Approaches in Art of The ASEAN Region" telah dirasmikan oleh Encik Teo Chong Tee, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Singapura.

Menurut perutusan perasmian, Encik Teo berkata aspek penting di pameran ini adalah memberi peluang kepada para artis, kurator dan para pentadbir bidang seni ASEAN mengadakan kerjasama yang rapat dan menyuburkan semangat ASEAN bagi meninggikan mutu budaya yang lebih bererti.

Encik Teo juga mensifatkan pameran tersebut adalah tepat pada waktunya bagi memberikan kesempatan yang banyak kepada negara-negara ASEAN untuk memperlihatkan amalan dan aspirasi semasa dalam lapangan seni lukis dan photo disamping itu pameran ini juga adalah penting dalam kontek perbedaan pengalaman antara satu sama lain.

Sementara itu keempat orang rombongan dari negara ini juga telah menghadiri satu majlis simposium dan mesyuarat yang berlangsung pada 13 hingga 17 Januari 1985.

Rombongan dari Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Pg Hashim bin Pg Haji Jadid, Timbalan Pengarah Muzium Muzium Brunei dan yang lainnya ialah Awang Osman Mohammad, Rabae Sabli dan Zakaria Haji Abd Hamid.

Lihat muka 20

KEBERKESANAN KE ARAH PENERAPAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM STRUKTUR KERAJAAN DAN NEGARA

I. LATAR BELAKANG

DALAM gerakan Penerangan menjelang kemerdekaan, usaha memahamkan orang ramai mengenai status negara ini telah dibuat dengan berhati-hati. Aspek sejarah dan politik negara ini telah dirujuk khasnya perjanjian-perjanjian dengan Great Britain, kandungan Perlembagaan 1959, Pemashoran Mengangkat Raja 1959, dan Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961. Berpandukan rujukan tersebut saya memberanikan diri menyebut bahawa Brunei yang akan mengambilalih semula kedaulatan sepenuhnya akan kekal dengan coraknya sebagai sebuah "Kesultanan Melayu Islam".

2. Dalam gerakan tersebut saya telah memperjelaskan bahawa Brunei sebagai sebuah negara bukan baru akan wujud atau didirikan dengan tercapainya semula kemerdekaan, tetapi sebaliknya Negara Brunei Darussalam telah lama wujud dengan ciri-ciri dan asas kenegaraannya yang jelas iaitu: a) adanya kuasa memerintah di tangan sultan sebagai 'ruling monarch'; b) adanya suatu susunan pentadbiran yang berkesan menguruskan hal-ehwal kerajaan dan rakyat; c) adanya suatu sistem undang-undang dan kehakiman dan d) adanya suatu sistem sosial dan politik berasaskan pemerintahan beraja, Islam sebagai agama rasmi, Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan suatu ketentuan mengenai taraf kebangsaan atau kerakyatan.

3. Waktu itu ada berbagai-bagai jangkaan, seperti jua ada berbagai-bagai tafsiran di kalangan umum mengenai kemerdekaan dan kesannya. Alhamdulillah, jangkaan dan tafsiran yang berbagai-bagai itu telah ditamatkan oleh kandungan Pemasyhuran Kemerdekaan.

Pemasyhuran Kemerdekaan

4. Pemasyhuran Kemerdekaan menyebutkan bahawa mulai 1 Januari, 1984 Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara 'Melayu Islam Beraja' yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunah Wal-Jemaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

5. Pemasyhuran tersebut didahului dengan pernyataan empat perkara ini :

Pertama — Bahawa masanya telah tiba bagi Negara Brunei Darussalam mengambilalih semula tanggungjawab antarabangsa dengan secara penuh sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka di kalangan masyarakat antarabangsa;

Kedua — Bahawasanya Negara Brunei Darussalam adalah tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi mempunyai perhubungan-perhubungan yang istimewa dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudian pada tahun 1888 telah dipersetujui bahawa perhubungan-perhubungan luar negeri menjadi tanggungjawab Kerajaan British;

Ketiga — Bahawasanya Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959 telah dimasyhurkan oleh Maulana Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien dan menurutnyalah kerajaan negara ini disusun dan ia adalah menjadi undang-undang yang tertinggi bagi kerajaan negara ini;

Keempat — Bahawasanya Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama tahun 1979 telah dibuat di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan Baginda Queen dan pertukaran nota di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan kerajaan Baginda Queen yang mana dengan perjanjian dan pertukaran nota itu telah dipersetujui bahawa apa jua kuasa, kewajipan oleh kerajaan Baginda Queen terhadap Negara Brunei Darussalam di bawah semua treaty, perjanjian dan susunan yang terdahulu di antara kedua buah negara yang bertentangan dengan tanggungjawab antarabangsa yang sepenuhnya bagi sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka hendaklah tamat pada 31 Disember, 1983 dan dengan penamatan itu hak dan kuasa kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan termasuk tanggungjawab terhadap urusan-urusan luar negeri akan kembali kepada baginda sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984.

6. Keempat-empat perkara itu adalah memberikan latar belakang mengenai perkembangan dan kemajuan politik negara sehingga membawa kepada pencapaian semula kemerdekaan sepenuhnya. Selepas pernyataan empat perkara tersebut barulah dimasyhurkan kedudukan Negara Brunei mulai 1 Januari, 1984 dengan menegaskan azam dan aspirasi nasional :

Pertama — Mengekalkannya sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik dengan bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunah Wal-Jemaah, dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan;

Kedua — Menerusi negara yang sedemikian itu dan dengan petunjuk serta keredaan Allah jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan rakyat;

Ketiga — Memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan asing.

Pencapaian Aspirasi Nasional

7. Perjuangan kemerdekaan atau apa jua ikhtiar untuk kembali semula merdeka bagi kita bukanlah setakat menguasai semula dengan sepenuhnya kedaulatan politik bahkan yang lebih penting serentak dengan itu kita mestilah tidak kehilangan teras negara yang turun-temurun iaitu Brunei adalah negara Melayu yang telah terbentuk dengan unsur serta pengaruh Islam dan berkerajaan secara berpemerintahan beraja oleh sultan-sultan Melayu yang beragama Islam. Ini adalah penting.

8. Saya tidak fikir ada di antara kita yang menolak kepentingan kedudukan ini sebagai cita-cita nasional sebelum dan selepas tercapainya semula kemerdekaan. Kita bersyukur bahawa kepimpinan yang bijaksana dan lurus di peringkat tertinggi negara dan kerajaan telah memungkinkan pencapaian aspirasi nasional sedemikian itu dalam keadaan dan suasana yang harmoni. Ini membuktikan hikmat sikap yang sangat teliti dan berhati-hati menempuh babak-babak penting dalam kemajuan perlembagaan atau dalam ertikata lain perkembangan aspek-aspek pemerintahan sehingga dalam masa ghairah sebelum menyandang semula kedaulatan itu kita terus-menerus dapat mengenalpasti dengan insaf akan diri kita dan kehendak kita yang sebenar. Kita tidak mengadakan perubahan semata-mata untuk perubahan, sebaliknya kita meneliti dan menimbang keperluannya sesuai dengan kepentingan sebenar negara dalam jangka panjang.

II. NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA

9. Status dan corak sebenar Brunei sepanjang sejarahnya tidak pernah luput daripada hakikatnya sebagai sebuah negara Melayu yang mempunyai kerajaan secara berpemerintahan beraja dengan mendapat pengaruh serta unsur yang kuat daripada ajaran Islam sebagai ciri terpenting rakyat dan kerajaannya.

10. Di zaman ini kedudukan dan corak tersebut telah diperkukuhkan dengan peruntukan perlembagaan dalam perkara-perkara kuasa memerintah dan undang-undang; dalam perkara menaiki takhta; dalam perkara Perdana Menteri mestilah seorang Melayu Brunei yang beragama Islam; dalam perkara Islam menjadi agama rasmi; dalam perkara Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi; dan dalam perkara taraf kebangsaan yang menetapkan ketulenan kepada bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak asal negara ini.



KERTAS kerja Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri yang dibentangkan dalam Kursus Kepimpinan Mahasiswa Kali Pertama pada 23 Mac, 1989 bertempat di Dewan Jubli Perak Universiti Brunei Darussalam.

11. Kedudukan sosio-politik sehingga ini adalah jelas bahawa sungguhpun terdapat berbagai-bagai bangsa yang mengamalkan berbagai-bagai agama dan kebudayaan tetapi dalam amalan rasmi negara ini ternyata Brunei tidak mengamalkan konsep multi-racial, multi-religious dan multi-cultural. Konsep multi-racial, multi-religious dan multi-cultural tidak releven dengan Brunei yang turun-temurun sudah merupakan negara Melayu Islam Beraja di mana sifat, corak, unsur dan pengaruh Melayu Islam Beraja itu adalah prominen.

12. Segala unsur dan pengaruh yang prominen itu selayaknya dikekalkan menjadi faktor yang dominen ke atas negara ini dalam apa jua keadaan dan peringkat perkembangannya. Itulah yang menjadi sebahagian cabaran dalam memelihara kedaulatan negara ini.

13. Dalam pada itu unsur dan pengaruh yang mendasari konsep MIB itu, mustahak difahami menurut perspektifnya yang tepat selain memahami bahawa konsep tersebut bukan perkara baharu. Ini bertujuan mengelakkan salah faham yang boleh menimbulkan keraguan seolah-olah unsur-unsur dalam konsep MIB itu saling bertentangan atau juga difikirkan tidak sihat dan tidak 'vival'. Maka sangat penting beberapa aspek tertentu yang berkenaan dengannya diteliti, seperti aspek kewujudan lain-lain bangsa dan lain-lain agama; konsep kebangsaan; adaptasi antara kebudayaan, pemerintahan beraja; perlantikan raja; negara Islam, dan kerakyatan.

Kewujudan Lain-lain Bangsa dan Agama

14. Bangsa dan suku bangsa adalah suatu phenomenon masyarakat manusia. Allah Subhanahu Wataala menjelaskan perkara ini dengan menyatakan bahawa manusia dijadikannya dari keturunan Adam dan Hawa Alaihissalam dan dijadikan-Nya berbangsa-bangsa dan bersuku-suku bangsa dengan maksud supaya manusia itu saling mengenali, dan dengan pernyataan bahawa yang paling mulia di antara mereka dalam pandangan Allah ialah yang terlebih bertakwa. Kejadian berbangsa-bangsa (tidak cuma satu umat atau bangsa) itu dijelaskan lagi sebagai mendorong perlumbaan dalam usaha-usaha kebaikan, dalam masa yang sama ditegaskan bahawa bagi masing-masing bangsa itu diadakan aturan dan jalan (syir'ah dan minhaj).

15. Kewujudan berbagai-bagai bangsa dengan masing-masing aturan dan jalan itu memungkinkan perbezaan-perbezaan sifat, corak, adat resam, kebudayaan dan agama. Tetapi semua perbezaan itu harus dilihat sebagai unsur yang positif yang melengkapkan tujuan at-ta'aruf (saling mengenali) dan perlumbaan dalam usaha-usaha kebaikan. Sebab pada pengertian 'saling mengenali' itu bererti juga menghormati dan memahami terhadap satu sama lain, bukan memusuhi dan benci-membenci.

16. Sementara itu tujuan mendapatkan taraf yang paling mulia menerusi takwa pula adalah mendorong manusia yang berlainan bangsa dan berlainan aturan dan jalan memilih aturan dan jalan yang murni bagi dijadikan ikutan dan pegangan. Pada peringkat ini Allah Subhanahu Wataala menegaskan pengiktirafan-Nya terhadap Islam sebagai satu-satunya agama di sisi-Nya, dan hanya menerusinya (Islam) seseorang akan beroleh pahala amalnya.

17. Kewujudan berbagai-bagai bangsa dan agama sebagai suatu phenomenon itu harus mendapat pengiktirafan sewajarnya. Sungguhpun orang-orang Islam ditegah beramal dan berkepercayaan selain daripada menurut agama Islam tetapi orang-orang bukan Islam (atau belum beragama) adalah bebas menganut dan mengamalkan kepercayaan masing-masing dengan aman dan sempurna di kalangan mereka. Ini adalah perkara dasar dalam fahaman Islam. Dan menjadi dasar Islam juga menjamin serta melindungi hak orang-orang bukan Islam di samping mana-mana hak dan tanggungjawab yang mereka diharuskan sama menikmati dan memikulnya dengan orang-orang Islam.

18. Maka konsep MIB tidak harus dilihat sebagai menolak atau mengenepikan bangsa-bangsa dan agama-agama yang lain daripada bangsa Melayu dan agama Islam. Ini didasarkan kepada prinsip ajaran Islam yang mana mengukuhkan lagi fahaman bahawa MIB tidak akan — dan tidak patut — menjadi satu doktrin politik kebangsaan yang sempit dan fanatik. Lagi pun konsepnya yang sudah diterapkan menjadi asas kenegaraan menerusi perlembagaan dan undang-undang tertentu, adalah jelas sebagai bukti bahawa MIB menerima kewujudan lain-lain bangsa dan agama dan mengiktirafnya sebagai suatu phenomenon negara ini.

Konsep Kebangsaan

19. Konsep kebangsaan antaranya menegaskan tentang kewujudan satu-satu bangsa dalam lingkungan batas satu-satu wilayah. Bangsa merupakan satu unsur yang mewujudkan negara. Perkataan 'tanahair' adalah sama makna dengan 'watan' yang difahami sebagai 'negara' dalam istilah biasa.

20. Dalam Islam terdapat saranan bahawa "kecintaan terhadap watan (tanahair — negara) itu sebahagian dari (tanda) keimanan". Maka fahaman kebangsaan dalam ertikata kasihkan negara yang mana bangsa adalah sebahagian daripada unsurnya harus dilihat dari konsep Islam yang menyarankan rasa cinta terhadap tanahair dan bangsa dalam lingkungan perkara-perkara yang diharuskan. Fahaman ini dapat dihubungkan dengan konsep at-ta'aruf (saling mengenali) dan perlumbaan dalam usaha-usaha kebajikan di kalangan bangsa-bangsa.

21. Dengan itu penonjolan bangsa 'Melayu' dalam konsep MIB tidak lebih dari sekadar menegaskan kenyataan bahawa bangsa Melayu adalah bangsa yang turun-temurun telah 'bertanahairkan' Brunei Darussalam dan menguasainya dalam makna mempunyai 'hak pertuanan' atau juga disebut kerajaan di dalam batas wilayahnya. Ini sama dengan penonjolan bangsa-bangsa lain di negara masing-masing. Tentu saja penonjolan-penonjolan itu tidak bermaksud buruk dan tidak akan membangkitkan sebarang 'upset' selama mana ia dilihat dan diterima menjadi identiti negara masing-masing yang tidak bercanggah dengan konsep at-ta'aruf dan perlumbaan dalam usaha kebaikan di kalangan bangsa-bangsa seperti yang disarankan dalam ajaran Islam.

Bersambung minggu depan

KEBERKESANAN KE ARAH PENERAPAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM STRUKTUR KERAJAAN DAN NEGARA

Sambungan minggu lalu

22. Dalam pada itu mestilah difahamkan dengan teliti bahawa pengiktirafan atas kewujudan lain-lain bangsa dan agama tidak bermakna penerimaan terhadap konsep negara berbilang-bilang bangsa dan berbilang-bilang agama dalam amalan rasmi negara. Konsep 'multi-racial' dan 'multi-religious' mengikat negara — iaitu kerajaan memakai atau mengamalkan pada peringkat rasmi berbagai-bagai nilai yang terdapat pada bangsa-bangsa yang berlainan latar belakang kebudayaan dan agama yang termasuk sebagai sebahagian dari konsep tersebut. Tegasnya nilai-nilai budaya dan agama semua bangsa berhak untuk sama diamalkan di peringkat rasmi negara.

23. Sesebuah kerajaan dalam negara yang menerima konsep 'multi-racial' dan 'multi-religious' terikat kepada dasar-dasar perseimbangan di antara semua kepentingan bangsa-bangsanya yang berlainan kebudayaan dan agama. Lain halnya penerimaan dalam pengiktirafan ke atas lain-lain bangsa dan agama sebagai suatu phenomenon dalam mana kerajaan tidak patut terikat kepada dasar-dasar persimbangan itu dan tidak terikat mengamalkan nilai-nilai yang ada pada semua bangsa. Pada hemat saya, inilah yang terjadi di Brunei. Kita tidak menerima dan beramal menurut konsep 'multi-racial' dan 'multi-religious'. Contoh-contoh mengenai hal ini boleh didapati.

Adaptasi Antara Kebudayaan

24. Kewujudan lain-lain bangsa di samping bangsa Melayu (bahkan juga kewujudan puak-puak dalam bangsa Melayu) dengan segala sifat dan corak masing-masing di negara ini memungkinkan sebarang unsur pengaruh mempengaruhi di kalangan bangsa-bangsa (dan juga puak-puak) itu.

25. Dengan tegas dinyatakan bahawa jika setakat pengaruh kebudayaan, bukan pengaruh agama, tidaklah akan sampai memaksa kita menutup pintu serapat-rapatnya. Berdasarkan bahawa orang-orang Islam (dalam konteks negara ialah kerajaan orang-orang Islam) ditegah daripada berfahaman dan beramal menurut fahaman dan amalan agama-agama lain maka sebarang pengaruh yang berunsur dan bercorak keagamaan selain daripada agama Islam wajiblah ditolak dalam sebarang proses adaptasi dalam hubungan konsep MIB.

26. Mengenai pengaruh lain-lain kebudayaan maka hal itupun mestilah bersyarat. Nilai-nilai budaya yang harus diterima dalam proses adaptasi itu mestilah setakat mana-mana yang tidak bercanggah dengan agama Islam. Syarat ini bukan saja ke atas adaptasi pengaruh kebudayaan asing ke dalam kebudayaan Melayu bahkan adaptasi setengah-setengah nilai dan corak budaya tempatan dalam lingkungan puak-puak bangsa Melayu sendiri. Sebab itu, kita tidak dapat menerima corak seni dan nilai budaya yang dikaitkan dengan fahaman kufur atau amalan maksiat dalam budaya puak-puak Melayu untuk menjadi sebahagian unsur yang boleh memperkayakan kebudayaan nasional. Sebaliknya, kita telah pun menerima (dan mengakui ada mempunyai) corak-corak kebudayaan yang berunsurkan senibina dalam kebudayaan China seperti halnya terdapat pada bentuk-bentuk bumbung bangunan, perhiasan dan kelengkapan. Yang kita terima itu ialah keindahan senibina bangsa China, bukan unsur kepercayaan agamanya.

27. Penerimaan unsur kebudayaan sedemikian dapat disamakan dengan penerimaan terhadap unsur-unsur lain yang bangsa kita pernah mengalami pertembungan dengannya. Yang ketara sekali ialah penerimaan bangsa kita terhadap sistem pentadbiran dan perkhidmatan awam yang diperkenalkan oleh British. Apa yang kita terima dan telah sebatikan itu ialah sebahagian kebudayaan (tamadun) bangsa Inggeris dalam mengurus dan mentadbirkan kerajaan, bukan nilai-nilai agamanya. Kesimpulannya, dalam konsep MIB proses adaptasi antara kebudayaan di dalamnya dan di luarnya akan terus berlangsung. Selama mana ia tidak berunsurkan agama lain selain agama Islam, dan selama mana pengaruh kebudayaan itu sesuai dengan keperluan kita serta tidak bercanggah dengan Islam maka kita dapat menerimanya, selaras dengan semangat at-ta'aruf, (saling mengenali) dan saranan berlumba-lumba dalam usaha kebaikan.

Negara Islam

28. Di permulaan tulisan ini telah disebut bahawa Brunei adalah negara Melayu yang telah terbentuk dengan unsur serta pengaruh Islam dan berkerajaan secara berpemerintahan beraja oleh sultan-sultan Melayu beragama Islam. Perkara ini dapat dilengkapkan lagi dengan menegaskan bahawa Brunei telah diperintah oleh orang-orang Islam.

29. Meskipun kenyataan di atas tidak bertujuan mendakwa bahawa orang-orang Islam telah memerintah negara ini menurut hukum-hukum Islam sepenuhnya, dalam pada itu adalah sukar untuk mengenepikan betapa syiar dan ajaran Islam menempati kedudukannya yang prominen di negara ini sehingga negara ini dikenal dengan identiti Islamnya.

30. Dengan identiti keislaman itu serta dengan kenyataan bahawa Brunei telah turun-temurun diperintah oleh orang-orang Islam maka sukar untuk tidak menamakannya sebagai negara Islam, sebab unsur terpenting bagi negara Islam ialah "diperintah oleh orang-orang Islam dan hukum-hukum Islam berjalan di dalamnya".

31. Tentang perjalanan atau kuatkuasa hukum Islam itu pula hendaklah dilihat seperti juga aspek-aspek lain dalam konsep MIB di mana dasar-dasar mengenainya perlu dirumuskan bagi tujuan peningkatannya. Tidak tepat disebabkan perjalanan hukum Islam itu belum lengkap dan menyeluruh lalu keislaman negara ini ditolak. Seperti jua halnya tidak tepat mengenepikan kemelayuan negara ini hanya kerana kita belum sepenuhnya menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi negara. Lain halnya jika tidak terdapat sebarang komitmen kerajaan terhadap hukum-hukum Islam terhadap bahasa Melayu. Pada peringkat tersebut orang pasti meragui kesahihan konsep MIB berhubung aspek kemelayuan dan keislamannya. Yang diketahui komitmen sedemikian itu ada.

32. Oleh itu sebutan bahawa Brunei sebagai negara Islam di samping sebutan negara Melayu dan negara Beraja adalah menepati hakikat yang ia diperintah oleh orang-orang Islam di mana hukum dan syiar Islam menempati kedudukannya yang prominen sebagai memberi corak identiti kepadanya. Dalam pada itu harus pula diketahui dengan jelas tentang keislaman negara ini setakat ini. Keislamannya itu harus dilihat seperti juga lain-lain aspek dalam konsep MIB yang seharusnya akan dikembangkan dan ditingkatkan.

33. Satu perkara lagi ialah kedudukan negara ini dalam konteks negara moden yang 'kewujudannya' tentu dipengaruhi oleh konsep politik moden. Hal itu khasnya dapat dikesan pada taraf kerakyatan negara ini. Maka negara ini — dan konsep MIB harus juga dilihat dari perspektif negara moden.

Kerakyatan

34. Kerakyatan negara ini menetapkan ketulenan iaitu 'rakyat sultan dengan kuatkuasa undang-undang' kepada puak-puak jati dari bangsa Melayu (Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong). Sementara bangsa-bangsa dan puak-puak lain di luar dari bangsa dan puak yang diiktiraf secara undang-undang sebagai jati itu hanya akan diterima menjadi rakyat secara pendaftaran dan penaungan di bawah syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961. Antara syarat-syaratnya menetapkan tempoh kediaman dan kebolehan berbahasa Melayu (dalam makna menguasainya dengan baik).

35. Syarat tempoh kediaman (15 tahun dan 25 tahun) dan syarat kebolehan berbahasa Melayu itu dipercayai bertujuan memungkinkan orang-orang di luar puak-puak jati Melayu (Melayu menurut taarif rakyat sultan dengan kuatkuasa undang-undang) dapat menyesuaikan diri dengan iklim negara ini yang sedia mempunyai corak dan unsur ketulenannya sebagai negara Melayu Islam Beraja. Dasar yang pernah diumumkan mengenai hal ini telah menekankan kepentingan menguasai bahasa Melayu dan mengetahui adat istiadat tempatan, bagi mengelakkan kesangsian rakyat jati terhadap mereka itu. Semua ini tentu juga bertujuan memungkinkan orang-orang yang bakal diterima jadi rakyat itu terdiri dari mereka yang sudah bersedia menyesuaikan dirinya. Penyesuaian kepada apa? Tentu saja penyesuaian kepada suasana dan iklim negara ini sebagai negara Melayu Islam Beraja.

36. Adalah jelas bahawa kerakyatan negara ini ditetapkan berdasarkan kepada konsep rakyat jati dan rakyat bukan jati. Ini memperlihatkan pengaruh konsep negara berdasarkan konsep kebangsaan (national democratic) ke atas rumusan undang-undang berkenaan itu. Dan ini juga dilihat berbeza dari konsep negara berdasarkan ideologi agama sebagaimana yang dirumuskan oleh pemikir-pemikir Islam, yang menetapkan taraf kerakyatan dalam negara Islam menurut kepercayaan agama iaitu rakyat Islam dan rakyat yang bukan Islam, tanpa mengira bangsa dan tarafnya sama ada jati atau bukan jati.

37. Oleh yang demikian sekalipun terdapat unsur yang berlainan dari konsep negara Islam dalam perkara kerakyatan namun hal itu harus dilihat sebagai gejala biasa. Hakikat bahawa negara ini telah wujud di antara negara-negara moden perlu diambil kira dalam mematutkannya memilih bentuk kerakyatan berdasarkan konsep negara kebangsaan, tidak berdasarkan konsep negara ideologi agama. Apakah ini mengurang atau menjejaskan aspek keislaman dalam konsep MIB atau tidak? Hal itu patut ditentukan dengan menilai muslihat atau kepentingan mengadakan syarat-syarat kerakyatan sedemikian.

38. Dalam jangka panjangnya, syarat-syarat yang menekankan unsur penyesuaian diri ke dalam suasana setempat itu dipercayai menuju ke arah pembentukan rakyat yang jelas komitmennya kepada idealisma negara ini. Sekalipun mereka mungkin lebih menonjol dengan sifat kebangsaannya tapi itu belum pasti menyalahi dasar-dasar Islam sebab ajaran Islam dalam hubungan kewujudan berbagai-bagai bangsa dan agama tidak sama sekali bertujuan mengenepikan sifat-sifat kebangsaan selama mana sifat tersebut dapat melengkapkan konsep at-ta'aruf dan perlumbaan dalam usaha-usaha kebaikan. Oleh kerana itu, bentuk kerakyatan berdasarkan konsep negara kebangsaan itu, sekalipun berbeza, tidak tepat diertikan sebagai berlawanan dengan konsep kerakyatan sebuah negara berdasarkan ideologi agama.

Pemerintahan Beraja

39. Negara kita turun-temurun telah diperintah secara pemerintahan beraja. Pemerintahan beraja secara tradisi itu dijelaskan dengan 'sultan' dan 'negara' dikatakan "berdiri dengan persatuan dan perpaduan hati rakyat yang telah menyerahkan kuasa diri masing-masing kepada raja (sultan) untuk menjadi hak negara dengan berdasarkan raja tidak boleh zalim dan rakyat negeri tidak boleh derhaka kepada raja".

40. Penjelasan ini mirip kepada pengertian yang negara ini tertubuh berdasarkan social contract dan mubaya'ah, di mana 'persetujuan' telah dibuat di antara rakyat dengan raja bahawa raja adalah "wakil rakyat yang mutlak dan menjadi turus negara yang tertinggi untuk mengawasi dan menjalankan pemerintahan .....". Tambahan kepada itu ditegaskan tentang pertalian raja dengan rakyat sebagai "raja untuk rakyat dan rakyat untuk raja".

Bersambung minggu depan



SEBAHAGIAN daripada mahasiswa Universiti Brunei Darussalam yang menghadiri Kursus Kepimpinan Mahasiswa Kali Pertama yang diadakan baru-baru ini.

KEBERKESANAN KE ARAH PENERAPAN KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM STRUKTUR KERAJAAN DAN NEGARA

Sambungan minggu lalu

41. Ditegaskan dalam ajaran Islam bahawa wajib dilantik seorang ketua atau pemimpin tertinggi bagi umat. Dan 'aqidah kita Ahlus Sunah Wal-Jemaah pula menjelaskan bahawa kewajipan melantiknya itu sebagai fardu kifayah ke atas orang-orang Islam menerusi sekumpulan orang-orang Islam yang berpengaruh yang disebut ahlul hilli wal'aqdi.

42. Perlaksanaan hukum tersebut telah melahirkan berbagai rupa bentuk kepimpinan tertinggi dalam sepanjang sejarah umat Islam dengan menjelma dalam berbagai nama gelaran seperti al-khalifah, al-imam, al-amirul mukminin, al-malek dan al-sultan. Hal ini menjelaskan bahawa Islam tidak menetapkan bentuk-bentuk tertentu kepimpinan tertinggi bagi umat (negara) selama mana ia berlandaskan prinsip hukum Allah, dan berfungsi melindungi agama Islam, mempertahankan keutuhan wilayah, memelihara keselamatan serta kesejahteraan umat.

43. Sementara pemerintahan beraja secara tradisi itu telah pula (setakat ini) dijelmakan berupa pengiktirafan tentang kedudukan sultan dan fungsinya sebagai raja yang memerintah (ruling monarch). Perlembagaan menyebut dengan jelas: "Kuasa memerintah yang tertinggi bagi negara adalah terletak di dalam tangan sultan". Maka, adalah jelas difahami, baik secara tradisi mahupun secara moden (menerusi perlembagaan), gelaran 'sultan' bagi negara ini menyerupai gelaran al-imam, al-khalifah, al-malek dan al-amir dalam rupa bentuk dan pengertian kepimpinan Islam selaku pemimpin atau ketua tertinggi bagi umat.

Perlantikan Raja

44. Pemasyhuran Mengangkat Raja 1959 dengan jelas menyebutkan bahawa "siapa pun tiada boleh naik takhta Kerajaan Brunei melainkan dengan persetujuan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja. Tetapi, dengan persetujuan yang sedemikian, sultan boleh juga pada masa usianya ada lagi memasyhurkan dengan pemasyhuran gantinya dan orang yang dimasyhurkannya itu akan berhak digelar Duli Pengiran Muda Mahkota".

45. Dalam ajaran Islam terdapat ketetapan hukum bahawa perlantikan al-imam (ketua tertinggi) boleh dilakukan sama ada menerusi perlantikan oleh ahlul hilli wal 'aqdi atau ketua tertinggi itu melantik bakal gantinya.

46. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja itu dapat disifatkan sebagai ahlul hilli wal 'aqdi selama mana mereka itu terdiri dari orang-orang Islam yang berpengaruh.

47. Maka perlantikan raja (sultan) di bawah peruntukan undang-undang yang berkenaan itu adalah selaras dengan ketetapan hukum syarak. Dan sultan yang dilantik sedemikian bagi "memelihara agama dan menjalankan siasah dunia wajib disokong dan ditaati".

III. PENERAPAN KONSEP MIB

Ertikata 'Penerapan' dan 'Peresapan'

48. Biasanya orang memahamkan makna 'penerapan' sama dengan makna peresapan iaitu dengan menyebut menerapkan dan meresapkan. Sebenarnya perkataan 'serap' dan 'terap' itu berlainan maknanya. Serap antaranya mengandungi erti "masuk melalui liang-liang kecil". Menyerap ialah:

1) "Masuk ke dalam melalui liang-liang kecil (benda-benda cair seperti air dan lain-lain);
2) Meresap; meresap benar (ke dalam badan, hati dan lain-lain) mesra sekali (perasaan);
3) Merasuk;
4) Menghisap benda-benda cair (kain. kertas dan lain-lain).

49. Maka peresapan bolehlah difahamkan sebagai mensebatikan sesuatu. Tetapi 'terap' antaranya bermakna acuan kuih menerap bererti membuat kuih dengan menggunakan terap (acuan). Maka penerapan dapat difahamkan sebagai membuat sesuatu menurut acuannya.

Dalam hubungan konsep Melayu Islam Beraja mungkin kedua-dua perkataan,, 'serap' dan 'terap' (penyerapan dan penerapan) itu dapat digunakan tetapi dengan membawa pengertian yang berlainan.

50. Konsep Melayu Islam Beraja adalah suatu perkara yang menjadi corak negara ini. Kerana itu kita menyebut Brunei adalah sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja. Maka konsep tersebut adalah ibarat suatu acuan. Penerapan konsep tersebut bererti membuat atau mengadakan sesuatu sesuai dan menurut acuannya yang ada iaitu segala unsur yang terdapat dalam konsep negara sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja. Bukan konsep tersebut yakni acuan yang mesti disesuaikan menurut apa yang hendak dibuat atau diadakan kerana jika konsep tersebut boleh diubahsuai maka ia tidak membawa makna yang kuat untuk mendukung hasrat sepertimana yang dititahkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan iaitu untuk mengekalkan Brunei sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja.

Hasrat Penerapan

51. Pemasyhuran Kemerdekaan yang menyebut bahawa Brunei Darussalam akan kekal untuk selama-lamanya sebagai Negara Melayu Islam Beraja adalah mengandungi hasrat dan azam supaya konsep MIB itu diterapkan dalam makna ianya menjadi acuan yang menentukan bentuk fahaman dan amalan di negara ini.

52. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pernah bertitah menyeru semua pihak di negara ini perlu mengambil langkah positif dan segera, mengawal dan memelihara negara dari anasir yang bertujuan menghalang ke arah pencapaian dan penghayatan konsep Melayu Islam Beraja. Titah tersebut selayaknya mendorongkan usaha-usaha yang positif dan segera untuk mengesankan konsep MIB itu dan juga mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengawal dan memelihara negara dari anasir yang bertujuan menghalang pencapaian dan penghayatan sempurna konsep tersebut. Hal ini menguatkan alasan untuk menerapkan konsep MIB itu menerusi berbagai-bagai bidang hidup di negara ini.

53. Oleh kerana konsep MIB bukan suatu yang baharu, penerapannya telah berlangsung sebelum pun ia disebut-sebut (contoh penerapan yang terpenting sebelum merdeka ialah peruntukan perlembagaan mengenai kuasa memerintah; agama rasmi; bahasa Melayu; dan peruntukan Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961; Pemasyhuran Mengangkat Raja 1959). Maka penerapan konsep tersebut pada zaman merdeka ini tidak sepatutnya menimbulkan sebarang 'upset' di kalangan masyarakat, khasnya di kalangan rakyat dan penduduk yang bukan Melayu dan bukan Islam.

Keperluan Dalam Usaha Penerapan

54. Perkara MIB — konsepnya dan kesannya adalah membabitkan berbagai-bagai bidang hidup di negara ini. Ia suatu rumusan yang sangat penting dalam sejarah negara mencapai semula kemerdekaannya. Sebagai suatu yang 'conceptual', bukan sahaja penerapannya memerlukan tenaga pemikir dan perancang yang 'serious' dan 'committed' bahkan huraiannya harus pula membayangkan dasar-dasar yang jelas. Kerana itu perlu ada pemikir dan perancang di peringkat tinggi kerajaan dan perlu ada kegiatan pemikiran dan penyelidikan tentang aspek-aspeknya.

55. Dalam masa yang sama, di peringkat biasa kehidupan sehari-hari penerapan konsep tersebut haruslah dilihat sebagai peningkatan unsur-unsur yang terkandung di dalamnya termasuk menghalusi corak hidup, fahaman serta sikap supaya secucuk menurut nilai-nilai murni kemelayuan dan keislaman dan pemerintahan beraja.

Contoh Penerapan

56. Mungkin contoh yang disebutkan di bawah dapat memperjelaskan makna dan cara penerapan konsep MIB itu.

57. Majoriti rakyat dan penduduk di negara ini terdiri daripada orang-orang yang 'berkebudayaan air'. Mereka bersuci daripada najis dengan 'babasuh', dan apabila meninggal dunia mereka 'dimandikan'. Perkara ini merupakan sebahagian unsur dalam konsep MIB iaitu unsur kemelayuan dan keislaman.

58. Penerapan konsep MIB dalam perkara ini ialah dengan cara mengadakan tandas (terutama tandas awam) yang dilengkapkan dengan kemudahan 'babasuh', bukan 'bapalit'. Begitu juga dengan cara rumah-rumah persendirian orang-orang Melayu Islam dan juga rumah-rumah kerajaan mempunyai bilik air (kamar mandi) yang ukurannya sesuai dan mudah untuk keperluan memandikan mayat.

59. Bagi memungkinkan penerapan itu perlulah ada kesedaran. Pada peringkat itu maka usaha-usaha menyerapkan bagi mensebatikan nilai-nilai yang ada pada konsep MIB itu ke dalam berbagai bidang yang berkenaan. Penyerapan (bukan penerapannya) ke dalam bidang pendidikan adalah lebih menjamin kesan yang mendalam untuk jangka masa yang panjang.

IV. PENUTUP

60. Tulisan ini tidak lengkap menyentuh semua aspek yang berkaitan dengan konsep negara Melayu Islam Beraja yang ramai orang dan banyak kalangan cuba mendapatkan kefahaman mengenainya. Perbincangan mengenainya, khasnya di peringkat ilmiah, diharapkan akan membantu mengenalpasti berbagai perkara yang berkaitan dan seterusnya membawa kita berfikir untuk menjelaskannya. Kesemuanya diniatkan untuk menegakkan lagi pendirian kita dalam mengekalkan Negara Brunei Darussalam ini sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja seperti yang disebutkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan, dan terusmenerus mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Memperkatakan konsep MIB dalam makna mempersoal kesahihannya sama seperti orang yang ketinggalan kapal terbang untuk ke suatu destinasi yang sudah ditentukan. Melainkan kalau orang itu mahu singgah dulu di mana-mana sebelum memutuskan untuk terus ke destinasi tersebut. Dalam hal yang sedemikian dikhuatiri orang itu sukar mendapatkan 'seat' dalam penerbangan ke destinasi yang telah ditentukan ini.

Konsep MIB itu telah banyak diperkatakan. Mengulanginya akan lebih berupa suatu usaha tambahan, bukan asasi, dalam kita menilai keberkesanan penerapannya menerusi struktur negara pada masa ini.

Apa yang dirasakan perlu ialah penulisan mengenai aspek-aspek MIB itu secara keilmuan. Kajian-kajian ilmiah berupa asas-asas sejarah, antropologi dan sistem sosial-politik negara ini perlulah diperbanyak.

Bagaimanapun tidak bermakna usaha-usaha selama ini tidak berkesan dalam memperluas kefahaman orang ramai mengenai MIB. Sekadarkan ianya perlu ditambah dengan usaha-usaha ilmiah.

Usaha-usaha ilmiah sama pentingnya dengan usaha-usaha praktikal dalam menerapkan nilai dan falsafah kenegaraan kita itu. Statement mengenai MIB harus dijiwai dengan asas-asas keilmuan bagi memungkinkan tanggapan yang tepat sekalipun tidak semestinya dari sudut yang sama.

Pada peringkat ini persoalan yang penting bukanlah sama ada struktur negara mampu menerapkan nilai MIB dengan berkesan atau sebaliknya. Struktur negara yang sedia dengan asas dan sifatnya sebagai MIB tinggal memilih cara pendekatan bagi penerapan itu. Saya tidak fikir cara itu ialah cara yang berupa paksaan.

Dan oleh kerana struktur negara itu sudah dengan asas dan sifat MIBnya maka keberkesanan penerapan MIB itu dalam kehidupan bangsa kita lebih banyak ditentukan oleh komitmen kita mendukung struktur tersebut. Saya tidak fikir kita akan memikirkan struktur lain di luar dari asas-asas struktur negara yang dikekalkan sampai sekarang ini.

Kita harus memahami bahawa struktur negara kita adalah sudah teruji kesesuaiannya sehingga bangsa kita dapat bertahan dan menjadi 'nation' yang diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Dengan MIB sebagai falsafah kenegaraan, kita berazam mengekalkan struktur itu. Saya tidak fikir kita akan melakukan perubahan semata-mata kerana mahu melihat perubahan yang belum tentu menjamin ketahanan nasional sebagai bangsa yang berfalsafah MIB.



GAMBAR merakamkan suasana ketika majlis perasmian Kursus Kepimpinan Mahasiswa kali pertama UBD yang dilangsungkan pada 23 Mac, 1989.

ANEKA انيكا Pelita Brunei

Rencana



BERIKAN layanan baik ... Kita perlu menunjukkan kemesraan dan bertutur bahasa yang lemah lembut kepada pelawat-pelawat asing yang datang ke negara ini.



PERKHIDMATAN kaunter sering menjadi tumpuan orang ramai, maka ke arah itu pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan mustahak memberikan pemedulian yang ramah mesra dan bersopan santun.

BERSOPAN SANTUN IDENTITI KITA ORANG BRUNEI ZAMAN-BERZAMAN

OLEH JAAFAR HJ IBRAHIM

PELANCARAN Kempen Bersopan Santun Peringkat Kebangsaan telah dilancarkan pada hari Ahad 13 Mei, 1990 bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Pelancaran kempen tersebut dilakukan dengan penuh warna-warni dengan melibatkan 5,000 'tenaga' yang merangkumi penuntut-penuntut sekolah, pegawai dan kakitangan kerajaan, sektor swasta dan badan-badan perniagaan serta pertubuhan-pertubuhan belia di negara ini.

Sesungguhnya kempen tersebut adalah bertepatan dan wajar kita laksanakan memandangkan negara kita yang akan menuju ke arah negara perindustrian dan pelancongan seperti yang 'hangat' kita ungkayahkan ketika ini oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. Maka dalam menuju era tersebut, kita sudah setentunya akan menarik kedatangan pelabur-pelabur asing dan juga menerima 'kebanjiran' pelancong-pelancong luar negeri untuk bertandang ke negara kita yang indah dan permai ini.

Kempen yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu antara lain mempunyai lima objektif utama:—

- Mengasuh dan mempertahankan cara-cara hidup seharian orang-orang Brunei yang bersopan santun;
- Memberikan perkhidmatan dan layanan yang sempurna, berbudi bahasa dan hormat-menghormati sama ada dalam perkhidmatan awam dan swasta:
- Mewujudkan pentadbiran yang mengamalkan sikap cekap, berkesan, jujur dan penuh amanah;
- Meningkatkan imej Negara Brunei Darussalam;
- Mempertingkatkan perhubungan pegawai-pegawai kerajaan dengan orang ramai.

Nilai murni

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah telah berkenan berangkat menyempurnakan perasmian Pelancaran Kempen Bersopan Santun Peringkat Kebangsaan itu.

Amalan bersopan santun merupakan satu nilai murni dalam masyarakat kita orang Brunei sejak zaman-berzaman. Dalam konteks pembangunan negara di mana masyarakat kita terdedah luas kepada pelbagai pengaruh budaya luar, amalan ini perlu dipupuk dan dipelihara sebagai gambaran terhadap ketinggian dan kemuliaan maruah bangsa terutama dalam kegigihan kitani bersaing di bidang pembangunan yang memerlukan kecekapan, ketepatan dan keberkesanan.

Sifat bersopan santun perlu wujud di dalam diri kita sendiri, ianya boleh diserapkan serta disemai ke dalam jiwa kita sejak dari kanak-kanak lagi sama ada melalui proses dari segi sosial, ekonomi dan kebudayaan dan juga kebajikan.

Duli Yang Teramat Mulia ketika merasmikan pelancaran kempen itu antara lain bersabda agar kempen bersopan santun ini akan dapat meletakkan bangsa kita sebagai bangsa yang kukuh, bersatu padu, berdisiplin, jujur dan cekap dalam menjalani kehidupan yang penuh dengan segala macam dugaan dan cabaran di masa hadapan yang mana melalui proses pembentukan keolahan dan sikap yang mulia dalam bersopan santun dalam kehidupan sehari-hari, kita akan dapat mencapai bersama setiap matlamat yang digariskan sepanjang kempen ini dijalankan.

"KITA ingin mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan akan perimustahaknya supaya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, sentiasa memberikan perkhidmatan yang cekap dan bersungguh-sungguh serta memberikan layanan yang baik dan bersopan santun kepada orang ramai yang berhubung dengan jabatan masing-masing." — titah.

Pemedulian

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat melawat Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kemajuan Perumahan pada 21 Jun, 1989 pernah menitahkan:

"Kita ingin mengingatkan kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan akan perimustahaknya supaya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, sentiasa memberikan perkhidmatan yang cekap dan bersungguh-sungguh serta memberikan layanan yang baik dan bersopan santun kepada orang ramai yang berhubung dengan jabatan masing-masing."

Dalam erti kata yang lain, titah baginda, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan hendaklah sentiasa memberikan

Lihat muka 3



SEBAHAGIAN daripada 5,000 orang peserta yang menyertai Pelancaran Kempen Bersopan Santun Peringkat Kebangsaan yang dilangsungkan di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien pada 13 Mei, 1990.

Rencana

DARI MUKA 2

pemedulian kepada orang ramai dengan mengamalkan sikap tidak 'camah mata' dan 'berat mulut' apabila melihat orang ramai datang ke pejabat-pejabat mereka bagi mendapatkan sesuatu penerangan ataupun perkhidmatan.

"Apa yang dikehendaki di sini ialah supaya setiap pegawai dan kakitangan bertindak serta-merta memberikan penerangan atau pun menunjukkan ke arah mana seharusnya orang ramai menuju ke bahagian-bahagian jabatan mereka apabila mereka ternampak orang awam datang ke pejabat mereka, bukannya dengan membiarkan orang-orang berkenaan mundar-mandir dan dalam keadaan serba salah," titah baginda.

Titah baginda yang merupakan 'amanat penting' ini perlu kita tanai dan laksanakan dengan bersungguh-sungguhnya sesuai dengan hasrat baginda untuk mewujudkan pentadbiran yang cekap, jujur dan penuh amanah. Kita pasti jika semua pegawai dan kakitangan kerajaan dapat menanai tugas dan tanggungjawab mereka menurut apa yang disebutkan itu, nescaya sungutan-sungutan dan aduan orang ramai yang menyatakan rasa tidak puas hati mereka terhadap perkhidmatan dan sikap setengah pegawai dan kakitangan kerajaan selama ini akan dapat diatasi, insya-Allah.

"Kepada semua pegawai dan kakitangan kerajaan beta, beta ingin mengingatkan akan perimustahaknya bagi mereka untuk lebih berdisiplin dan berdedikasi serta mematuhi peraturan-peraturan bekerja yang telah ditetapkan serta mengamalkan sikap pemedulian dan bersopan santun sejajar dengan ciri-ciri kebruneian kita," titah baginda di Istiadat Mengadap sempena ulang tahun hari keputeraan baginda ke-41 tahun yang diadakan di Lapau pada 15 Julai, 1987 yang lalu.



BERTIMBANG rasa ..... Dengan adanya layanan yang baik dan berbudi bahasa sudah barang tentu akan dapat menyenangkan fikiran seseorang pesakit seperti kelihatan dalam gambar atas. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Layanan baik

Sejajar dengan tujuan kempen tersebut ianya diperlukan memandangkan negara kita yang akan menuju ke arah sebuah negara industri, yang sudah barang setentunya akan menarik kedatangan para pelabur, para pekerja dan para pelancong asing ke negara ini, maka untuk itu adalah perlu bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan khususnya pegawai-pegawai Imigresen dan pegawai-pegawai Kastam supaya akan dapat menunjukkan keolahan serta layanan yang baik kepada pelawat-pelawat asing yang datang ke negara ini. Kerana mereka adalah golongan pertama yang bakal menerima pelawat-pelawat asing.

"Maka dalam menjalankan tugas-tugas harian dengan penuh ketegasan dan kewaspadaan, adalah amat perlu juga bagi pegawai-pegawai Imigresen untuk mengamalkan sikap bersopan santun serta bertutur bahasa yang baik dengan pelawat-pelawat ataupun pendatang-pendatang yang masuk ke negara ini melalui kawalan-kawalan Pos Imigresen," tegas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap di sesi ceramah mengenai Akta Imigresen pada 14 Mac, 1990 yang lalu.

Dari itu, amatlah bertepatan agar setiap lapisan masyarakat di negara ini mengamalkan sifat bersopan santun dengan cara bertimbang rasa, hormat-menghormati, berdisiplin, bertolak ansur, bantu-membantu, bertegur sapa, tolong-menolong, galat-mengalati pada setiap detik dan ketika baik semasa berada di rumah, di tempat kerja, di jalan raya, tempat-tempat awam, di dalam kapal terbang dan seumpamanya.

Kita penuh yakin dan merasa optimis, bahawa dengan adanya sifat bersopan santun akan dapat memupuk dan mewujudkan persefahaman, perpaduan dan mengeratkan serta mengekalkan semangat bersatu padu di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Dan yang lebih utama ianya dapat membentuk satu masyarakat yang bersatu padu, progresif dan dinamis. Keadaan ini secara tidak langsung akan dapat mewujudkan suasana aman damai dan tenteram yang mana akan membolehkan kita mengungkayahkan pembangunan negara dengan jayanya. Dan hal ini juga merupakan modal utama kita untuk menarik minat pelabur-pelabur asing untuk membuat pelaburan di negara ini.

Mengamalkan konsep MIB

Alhamdulillah, bagi negara kita sifat bersopan santun telah berakar-umbi sejak zaman datuk nenek kita lagi. Ini terbukti dengan cara dan keolahan orang kitani selama ini yang telah dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang kukuh lagi bersatu padu. Dengan mengamalkan sifat sedemikian itu telah menaikkan imej dan mengharumkan nama bangsa dan negara kita di mata dunia antarabangsa.

Semua ini kita capai berkat cara kehidupan dan nilai-nilai kebudayaan kita yang pada dasarnya berasaskan kepada konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang telah dapat mempertahankan dan 'menangkis' kita semua dari segala ancaman anasir kebudayaan negatif yang cuba menyusup masuk ke dalam kebudayaan kita.

Walau bagaimanapun sebagai sebuah negara yang sedang membangun yang tidak terkecuali menerima hambatan pelbagai pengaruh dari luar baik datangnya melalui media massa mahupun interaksi sesama individu, maka adalah perlu bagi kita mempunyai 'benteng' daya tahan yang boleh menghalang semua elemen-elemen negatif yang ingin menyerap ke dalam kebudayaan kita orang-orang Brunei.

"Untuk mendukung konsep MIB, adalah difikirkan sudah tiba masanya diungkayahkan satu panduan yang terarah bagi perkembangan kebudayaan di negara ini yang sepatutnya tidak tertumpu kepada soal tari-menari atau nyanyian dan muzik sahaja. Tetapi apa yang penting ialah aspek-aspek falsafah, nilai-nilai dan norma-norma hidup bangsa Melayu Brunei itu sendiri yang bersesuaian untuk dihayati dan dikembangkan," tegas Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain ketika berucap di Majlis Pelancaran Kempen Bersopan Santun Peringkat Kebangsaan baru-baru ini.

Bagi maksud itu, jelas Yang Berhormat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah pun menggubal draf Dasar Kebudayaan Negara yang dihasratkan untuk menjadi garis pandu bagi perkembangan kebudayaan negara ini.

"Oleh sebab itu, sifat bersopan santun, beawar begalat, hormat-menghormati dan sebagainya adalah elemen-elemen terpenting dalam budaya Melayu, maka saya sendiri berharap dengan wujudnya dasar kebudayaan negara nanti, ianya akan menjadi benteng daya tahan generasi muda kita dalam menempuh abad ini," tegas Yang Berhormat.

Maka dalam hubungan ini, kempen bersopan santun akan berjalan di atas dasar contoh teladan di mana pihak ibu bapa memberikan contoh yang baik kepada anak-anak. Ketua-ketua jabatan dan pemimpin-pemimpin masyarakat memberikan contoh teladan yang baik semasa berhubung dengan pegawai-pegawai dan kakitangan bawahan atau dalam memimpin sebuah persatuan atau syarikat swasta.

Kesimpulan

Apa yang perlu sekarang agar sifat-sifat taat kepada raja, taat beragama, bersatu padu, tolong-menolong, menghormati ibu bapa, tidak camah mata, beawar-begalat, jujur dan amanah serta mematuhi undang-undang dalam setiap perbuatan hendaklah disemai di setiap lapisan masyarakat di negara ini.

Kita penuh yakin dengan mengamalkan sifat-sifat sedemikian, bukan sahaja akan dapat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu tetapi yang penting ianya akan dapat menarik minat pelabur-pelabur dan pelancong asing ke negara ini.



KANAK-KANAK perlu dipupuk dan disemai nilai-nilai kehidupan yang baik seperti menghormati orang-orang tua, beawar begalat dan seumpamanya.



PAPAN tanda kempen bersopan santun di pasang di jalan-jalan raya utama di negara ini bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang pentingnya hidup bersopan santun. — Gambar oleh Masmaleh HMA.



SEORANG pesakit akan merasa puas dan lega walaupun berada di dalam keadaan kesakitan, jika menerima rawatan yang baik dan ramah-tamah. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

MASALAH DAN CABARAN TERHADAP IDENTITI KEBRUNEIAN

KERTAS KERJA ditulis oleh Dr. Haji Moehammad Nazir dalam Kursus Intensif Konsep MIB, anjuran Universiti Brunei Darussalam pada 16 — 21 Disember, 1989.

MUKADIMAH

KONSEP Melayu Islam Beraja yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di pengisytiharan kemerdekaan negara kita pada 1 Januari, 1984 adalah satu konsep yang memang dipraktikkan sejak dahulu lagi.

Ini adalah hasil dari ikatan yang telah terbina kuat sama ada oleh tauhid dan oleh bahasa Melayu yang berkembang pesat di bawah kekuasaan pemerintahan Sultan yang adil yang memayungi rakyat.

Sehingga kini corak hidup Melayu Islam Beraja itu sudah berakar di kalangan rakyat sebagai pandangan hidup bangsa Melayu Brunei. — PENYUNTING.

PENDAHULUAN

MENURUT cerita-cerita Legenda Brunei yang terdapat dalam *Syair Semaun*, Negara Melayu Brunei ditemukan oleh kaum Sakai, akan tetapi bila masa ditemukan itu tidak dijelaskan. Walaupun demikian, dengan wujudnya hubungan Brunei dengan China pada abad ke-6 Masihi, maka diperoleh indikasi bahawa Negara Melayu Brunei telah lahir sebelum abad ke-5 Masihi.

Dalam masa jaya-jayanya Brunei di bawah kuasa pemerintahan Sultan Bolkiah ke-V, Negara Brunei yang menghampar seluas 65,000 batu, dari Tanjung Batu Sarawak ke Sungai Si Buku Kalimantan dan ke Utara sampai ke Filipina Selatan, telah menjadi sentra perdagangan antara-bangsa dan menjadi salah satu pusat tamadun Islam di alam Melayu.

Sebelum Islam masuk ke Brunei, Negara Melayu Brunei yang mempunyai tamadun Melayu telah mempunyai nilai-nilai budaya yang cukup tinggi yang direfleksikan oleh cara hidup Melayu. Lebih-lebih, setelah Islam masuk ke Brunei pada abad ke-10 Masihi melalui pengembang agama Islam dan saudagar Arab, maka agama Islam telah memberikan nafas baru kepada tamadun Melayu, dan membangun tamadun Islam Melayu yang telah membentuk nilai-nilai, adat, akhlak, bahasa, kesenian, kesusasteraan dan cara hidup baharu yang bersandarkan kepada tauhid di rantau ini. Ikatan dalam satu rumpun Melayu Islam telah terbina dan telah dipatri kuat sama ada oleh tauhid dan oleh bahasa Melayu dan tulisan jawi. Tamadun Islam Melayu ini berkembang pesat di bawah kekuasaan pemerintah yang berada di bawah sultan yang adil yang selalu memayungi rakyat. Hal ini pula telah memberikan corak baru bagi cara hidup Melayu Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja, sehingga cara bertindak dan cara berfikir dalam konteks Melayu Islam Beraja sudah berakar di kalangan rakyat sebagai pandangan hidup bangsa Melayu Brunei.

Cara hidup Melayu Islam Beraja yang sudah berkekalan dipraktikkan sejak dahulu, kemudian dikekalkan lagi dalam Titah Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang telah diisytiharkan pada 1 Januari, 1984 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Titah pemasyhuran tersebut menekankan bahawa, insya-Allah, negara ini akan kekal untuk selama-lamanya menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

Cara hidup bangsa Melayu Brunei dalam konsep Melayu Islam beraja yang bernilai tinggi itu tidak pernah putus-putusnya dilanda cabaran perosak yang ingin mengotori bahkan menghilangkan sama sekali nilai-nilai budaya, adat istiadat, kekuasaan pemerintahan sultan, tamadun Islam dan akidah Islam dan juga eksistensi Negara Brunei Darussalam itu sendiri. Baik semasa zaman pramoden sampai kurun waktu abad kedua puluh ini, nilai-nilai budaya, agama, sistem beraja dan cara hidup bangsa Melayu selalu mendapat cabaran, serangan, susupan, infiltrasi, dari aliran-aliran perosak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada secara fizikal ataupun secara mental, iaitu dengan cara meracuni pola dan cara berfikir orang-orang Melayu. Bahkan gerakan perang falsafah (matlamat ghaswul fikri) dan gerakan perang kebudayaan (ghazuwuth thaqafi) merupakan ancaman yang telah dihalakan kepada Islam secara amnya, sehingga pola pemikiran umat menjadi fikiran Barat yang tidak Islam.

Misalnya, cabaran fizikal terhadap Brunei telah dilancarkan pada tahun 1578, ketika Sepanyol yang bertapak di Filipina menyerang Brunei dengan maksud mengembangkan agama Kristian dan menyekat perkembangan Islam ke Filipina. Masjid Agung Brunei yang sangat megah telah dibakar. Tetapi berkat pertolongan Allah Subhanahu Wataala, upaya mengkristiankan Brunei dapat dibendung dengan semangat rakyat dan kekuatan keperibadian Melayu Islam Beraja, sehingga Sepanyol dapat diusir keluar dari Brunei dalam tahun 1580.

Upaya lain untuk merosakkan nilai-nilai dan cara hidup Melayu Brunei adalah melalui pengurangan kuasa pemerintahan Sultan oleh British, sejak tahun 1888. Padahal, kekuasaan pemerintahan sultan telah menjadi tradisi dan bahagian yang tak terpisahkan dari kebudayaan Melayu Brunei. Perjanjian-perjanjian antara Brunei dan Great Britain pada tahun 1888 dan 1906, telah dirancang untuk mengurangi kekuasaan sultan dan memaksa sultan untuk menerima nasihat-nasihat dari Residen British.

Dewasa ini cara hidup Melayu pada umumnya dan Melayu Brunei pada khususnya sedang menghadapi cabaran melalui suatu krisis yang ditimbulkan oleh pengaruh hubungan global antarabangsa oleh proses pembangunan, pengaruh teknologi, modernisasi dan pengaruh kebudayaan Barat. Pengaruh kebudayaan Barat dan kebudayaan moden yang diawali dengan penguasaan bumi Melayu oleh imperialis Barat telah berjaya menyusupi tamadun Melayu Islam secara langsung ataupun dengan cara tidak langsung dengan memperkenalkan sistem pendidikan yang jauh dari Melayu dan tidak bernafaskan Islam.

Cabaran tersebut memerlukan suatu jawapan yang pasti dan salah satu di antaranya adalah dengan meramu kembali pandangan hidup Melayu Islam Beraja yang sudah mendarah daging bagi bangsa Brunei secara intelektual, menyebarluaskan konsep tersebut dan membuatnya dihayati dan dipraktikkan oleh masyarakat luas sebagai satu cara hidup kebruneian yang diredai Allah Subhanahu Wataala.

Intelektualisasi konsep Melayu Islam Beraja ini akan menjadi suatu catatan pandangan hidup yang berasas pada bumi Melayu sendiri untuk diwariskan kepada generasi yang akan datang.

Bab ini ingin menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh bangsa Brunei dari aliran-aliran dan fahaman perosak yang ingin menghancurkan identiti Melayu Brunei dan ingin membawa cara hidup kebruneian terkeluar dari konsep MIB dan ingin mengubah cara hidup Islami dengan cara hidup yang tidak sesuai dengan keperibadian Melayu Brunei. Adanya infiltrasi aliran-aliran perosak telah memperlihatkan adanya indikasi-indikasi yang telah melunturkan cara hidup Melayu Islam Beraja orang-orang Melayu dan orang Melayu Brunei.

Bab ini akan dikaji dan dihuraikan dalam 6 sub-bab, iaitu:

1. Berubahnya identiti diri Melayu Brunei dan kurang menghiraukan nilai, akhlak dan budaya Melayu.

2. Pembaratan dan pemodenan yang bersalahan dengan kebudayaan dan agama Islam.

3. Masuknya berbagai aliran agama lain dan fahaman lain yang merosakkan Islam.

4. Wujudnya sekularisme dan fahaman orientalisme yang telah merosakkan cara berfikir dan cara hidup orang-orang Melayu Brunei.

5. Kurangnya pemahaman akan falsafah hidup yang diredai oleh Allah.

6. Terdapatnya ancaman, gugatan, hambatan, sama ada dari dalam mahupun dari luar negeri mengenai cara pemerintahan Melayu.

CARA hidup Melayu Islam Beraja yang sudah berkekalan dipraktikkan sejak dahulu, kemudian dikekalkan lagi dalam Titah Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang telah diisytiharkan pada 1 Januari, 1984 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Titah pemasyhuran tersebut menekankan bahawa, insya-Allah, negara ini akan kekal untuk selama-lamanya menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

BERUBAHNYA IDENTITI DAN NILAI-NILAI BUDAYA

Salah satu upaya untuk mempertahankan maruah suatu bangsa pada umumnya adalah dengan cara mengukuhkan identiti bangsa tersebut. Demikian juga halnya dengan rumpun bangsa Melayu dan bangsa Melayu Brunei. Identiti Melayu Brunei perlu dipertahankan terus sehingga Melayu Brunei tetap merupakan suatu rumpun Melayu yang selalu diperkirakan dalam percaturan sosio-ekonomi-politik antarabangsa sebagai salah satu bangsa yang merdeka dan berdaulat.

Sekurang-kurangnya ada tiga unsur penting dalam pembentukan identiti suatu rumpun bangsa iaitu, 1) nilai yang diwarisi; 2) bahasa; dan 3. adat istiadat.

Nilai sebagai komponen identiti

Nilai merupakan suatu sifat atau matlamat dari kehidupan seseorang atau masyarakat di mana orang atau masyarakat tersebut mempunyai hasrat agar sifat atau matlamat ini seharusnya berlaku.

Nilai ini merupakan asas dari identiti suatu rumpun bangsa yang mempunyai erti penting dalam upaya untuk mempertahankan maruah satu rumpun bangsa.

Salah satu unsur penting dalam pembentukan identiti adalah nilai yang diwarisi. Nilai warisan ini pulalah yang memberikan corak kepada kekuatan dan maruah masyarakat Melayu. Jika nilai-nilai kehidupan tidak kukuh, maka identiti bangsa Melayu menjadi luntur dan mudah ditelan oleh nilai-nilai luar yang dapat merosakkan cara hidup bangsa itu sendiri.

Tata nilai orang Melayu Brunei adalah berintikan Islam. Oleh kerana itu, tata nilai orang Melayu adalah himpunan yang seimbang antara kesedaran mental, moral, estetika dan kerohanian, yang berintikan kesedaran spiritual-rasional, kerana tata nilai spiritual adalah landasan dari keperibadian dan identiti orang Melayu, maka cara hidup bangsa Melayu Brunei dibangun atas suatu sistem iman. Dengan perkataan lain, nilai Islam yang berasaskan iman dan takwa itu telah menjadi darah daging bangsa Melayu Brunei, dan nilai Islam telah menjadi nilai utama dalam komponen nilai Melayu. Di samping nilai-nilai Islam itu, terdapat nilai-nilai lain sebagai nilai tambahan yang telah wujud sekian lama dalam tamadun Islam Melayu, iaitu nilai-nilai yang berbentuk adat dan tradisi. Adat dan tradisi ini boleh ditafsirkan sebagai alat bantu dalam hubungan mesra antara individu dalam masyarakat.

LIHAT MUKA 13

MASALAH DAN CABARAN TERHADAP IDENTITI KEBRUNEIAN

DARI MUKA 12

Kerana identiti suatu bangsa tidak terlepas dari nilai-nilai yang telah hidup dalam masyarakat suatu kaum, maka nilai-nilai Islam yang menjadi inti nilai-nilai Melayu Brunei merupakan asas identiti bangsa Melayu Brunei. Nilai-nilai ini pulalah yang telah menjadi penggerak yang paling kuat dalam menghadapi cabaran perosak dari masa ke semasa.

Walaupun generasi-generasi terdahulu cukup menghayati dan mempertahankan nilai-nilai budaya yang diwarisi, tetapi akhir-akhir ini terdapat tanda-tanda bahawa nilai-nilai ini sudah mulai digoncang-goncang oleh penetrasi nilai-nilai yang asing bagi bangsa Melayu Brunei.

Nilai-nilai orang Melayu dapat dibahagi dalam dua kumpulan, iaitu:

- Nilai ùtama.
- Nilai tambahan, iaitu:
  - — Nilai awar galat.
  - — Nilai menuakan yang tua.
  - — Nilai menghormati ibu bapa.
  - — Nilai mentaati raja.
  - — Nilai menjunjung adat.
  - — Nilai lain yang melekat pada identiti Brunei.

Beberapa nilai utama bangsa Melayu Brunei yang berlandaskan nilai-nilai Islam adalah: amanah, tanggungjawab, ikhlas, inisiatif dan dedikasi, sederhana, tekun, jujur dan bersih, berdisiplin, tolong-menolong, berbudi mulia, sabar dan bersyukur, rendah diri, pemurah, nilai kebenaran, perpaduan dan nilai berhati-hati.

Nilai penting lainnya adalah nilai-nilai tambahan yang berhubungan dengan adat dan sopan santun, iaitu: 1) Nilai awar galat, 2) Nilai menuakan yang tua, 3) Nilai menghormati ibu bapa, 4) Nilai mentaati raja, 5) Nilai menjunjung adat, dan 6) Nilai-nilai lain yang melekat pada identiti kebruneian.

Beberapa perkara lain juga telah melekat pada identiti bangsa Melayu Brunei seperti majlis tahlil, cara berdikir, cara menyambut keputeraan Nabi Muhammad, cara berkahwin dan cara berkhatan. Upacara-upacara tersebut merupakan tradisi lama yang mempunyai unsur-unsur keislaman dan adat dan telah membuat kemesraan sesama Melayu dan telah digunakan sebagai iklan untuk mengenal kemesraan bermasyarakat dari orang-orang Melayu Brunei.

Bahasa Melayu sebagai komponen identiti

Salah satu komponen lain dari identiti suatu bangsa adalah bahasa. Bahasa adalah jiwa bangsa. Dalam hubungan ini, Negara Brunei Darussalam sudah pula menetapkan bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi Negara Brunei Darussalam. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah bertitah:

> "Dalam pada itu, beta ingin mengingatkan supaya usaha ke arah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara tidak akan diabaikan. Adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat dan penduduk di negara ini mengamalkan bahasa Melayu, terutama dalam urusan-urusan rasmi menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan termasuklah juga meningkatkan tulisan jawi."

Kementerian Pendidikan pun telah merancangkan konsep Dwibahasa sebagai salah satu konsep dasar pendidikan Negara Brunei Darussalam, yang dihasratkan supaya kedudukan bahasa Melayu akan kekal menjadi dominan dalam sistem pendidikan. Di samping itu, konsep Dwibahasa dapat membantu perkembangan dan kedaulatan bahasa Melayu bagi kehidupan rasmi dan urusan sehari-hari di negara ini, di samping tidak mengabaikan kepentingan bahasa Inggeris, sehingga kemahiran dalam kedua bahasa tersebut dapat dicapai dalam sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Adat istiadat sebagai komponen identiti bangsa

Adat istiadat Melayu Brunei juga merupakan identiti bangsa Melayu Brunei yang perlu terus dijaga dan dipertahankan. Unsur-unsur pemodenan telah mulai menyusup ke dalam adat istiadat Brunei, dan ingin menghilangkan adat istiadat Melayu dan menukarnya dengan adat resam Barat yang dianggap lebih moden. Oleh kerana itu, banyak penduduk Brunei yang tidak mempraktikkan adat resam yang telah turun-temurun bahkan menganggap adat adalah praktik kuno yang perlu dibuang.

Dalam konteks MIB, adat istiadat perlu dijaga, bukan saja untuk memeliharanya, tetapi juga menjaga supaya adat istiadat tidak bercanggah dengan syariat Islam.

"Dalam pada itu, beta ingin mengingatkan supaya usaha ke arah mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara tidak akan diabaikan. Adalah menjadi tanggungjawab seluruh rakyat dan penduduk di negara ini mengamalkan bahasa Melayu, terutama dalam urusan-urusan rasmi menurut peraturan-peraturan yang ditetapkan termasuklah juga meningkatkan tulisan jawi." — titah.

Masalah dan cabaran

Tetapi, dalam gelombang komunikasi dan teknologi moden yang telah melanda masyarakat Melayu, dan masyarakat-masyarakat lain di seluruh dunia, nilai-nilai utama dan nilai-nilai adat bangsa Melayu Brunei telah disusupi oleh kebudayaan Barat dan pemikiran moden, sehingga terdapat indikasi bahawa ketahanan bangsa Melayu Brunei untuk mempertahankan identiti diri dan nilai-nilai warisannya mulai terdesak. Lemahnya benteng nilai budaya orang Melayu Brunei, sama ada dalam penghayatan nilai-nilai warisan tersebut secara individu, keluarga, masyarakat ataupun hubungan antarabangsa, dapat menjurus kepada hilangnya identiti diri bangsa Melayu Brunei. Pengaruh zaman moden, pendidikan Barat, kontak antarabangsa melalui komunikasi dan teknologi yang sofistikated, telah mulai melemahkan nilai-nilai warisan sejarah, di mana nilai-nilai kebendaan Barat telah mulai merosak nilai-nilai kerohanian bangsa Melayu Brunei. Antara lain: 1. Telah ada pandangan yang menyatakan bahawa nilai utama bangsa Melayu Brunei adalah nilai-nilai yang ketinggalan zaman dan perlu diganti dengan nilai-nilai kebendaan yang menjadi inti kebudayaan Barat dan kebudayaan moden. Padahal sama diketahui bahawa nilai kebendaan kebudayaan Barat telah meruntuhkan moral kemanusiaan di negara-negara Barat sendiri. 2. Sikap jujur, amanah, berdisiplin dan nilai-nilai utama lainnya telah mulai dimudah-mudahkan perlaksanaannya. 3. Nilai kejiranan mulai layu dan mulai berganti dengan sifat individualisme, lebih-lebih lagi penduduk bandar. 4. Nilai-nilai awar galat mulai kurang dihayati oleh generasi muda dan belia. 5. Sifat menghormati orang tua, hormat terhadap ibu bapa, dan hormat terhadap guru sudah mulai kurang terpelihara.

Akhlak kanak-kanak di luar waktu sekolah masih tidak terjaga dan kerapkali termasuk dalam golongan yang mengkhuatirkan, seperti penglibatan dalam masalah dadah, minuman keras, serta pergaulan bebas yang kurang cocok atau kanak-kanak yang masih sekolah. Hal ini diakibatkan oleh kurangnya pengawasan ibu bapa terhadap kegiatan anak-anak di luar sekolah.

Sistem pendidikan yang berasaskan sekularisme dalam cara berfikir, kurikulum dan kursus yang tidak Islami, telah membuat belia-belia tidak lagi menghayati nilai-nilai utama yang telah berakar secara turun-temurun. Pelajar-pelajar akhirnya hanya dibekali dengan pelajaran-pelajaran yang tidak Islami dan tidak pernah merasai alam pendidikan yang didasarkan pada takwa.

Pelaksanaan dikir, seperti dikir Maulud, misalnya telah semakin berkurang intensitinya yang diakibatkan oleh adanya spesialisasi dan benturan-benturan dengan nilai-nilai materialisme.

Banyak cendikiawan Melayu Brunei telah mulai akomodatif terhadap nilai-nilai budaya Barat yang lama-kelamaan akan memudahkan infiltrasi nilai-nilai yang merosakkan identiti bangsa Melayu Brunei sendiri.

Larutnya nilai-nilai budaya Melayu ini perlu dibendung secepat mungkin, dan ketahanan dari bangsa Melayu Brunei terhadap infiltrasi nilai budaya perosak harus diperkukuh dengan membentuk jiwa, keperibadian dan pandangan hidup yang bangga atas identiti Melayu Brunei sebagai suatu rumpun Melayu dalam sebuah negara Melayu Islam Beraja yang berdaulat. Maruah bangsa Melayu perlu diangkat dan identiti rumpun Melayu perlu terus dipertahankan.

Salah satu cara untuk mempertahankan identiti Melayu Brunei dalam upaya mengangkat maruah Melayu Brunei adalah dengan memperkukuh ketahanan nilai, mempraktikkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dengan mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja secara lebih konsekuen.

Pemodenan dan pembaratan

Unsur lain yang telah melunturkan cara hidup dan pandangan hidup bangsa Melayu Brunei adalah gempuran-gempuran dahsyat dari budaya Barat dan pemodenan. Infiltrasi nilai-nilai budaya Barat dan budaya moden ke dalam nilai-nilai budaya, identiti dan cara hidup kebruneian, telah dipermudah oleh komunikasi dan teknologi serta hubungan antarabangsa. Daya tahan identiti Melayu seakan-akan mulai rapuh, sehingga diperlukan pemagaran kembali identiti dan pandangan hidup Melayu Brunei.

Kebudayaan moden dan pemikiran Barat telah mencuba merubah kebudayaan Melayu Islam dan memutarbelitkan pengertian Islam itu sendiri. Pemikiran Barat ingin menjadikan agama itu perkara peribadi yang tiada hubungannya dengan negara dan pemerintahan. Muamalah yang berlaku dalam Islam dipisahkan dari agama, sama seperti urusan-urusan gereja agama Kristian. Peradaban Barat yang dibina atas dasar kebendaan itu, telah diusahakan dan dipaksakan untuk diterima di alam Melayu. Diembus-embuskan pula isu-isu bahawa agama adalah penghalang kemajuan dan melambatkan pengembangan ilmu pengetahuan dan mensejajarkan ulama-ulama sebagai paderi-paderi Kristian.

Penjajahan Barat ke atas dunia Islam sejak abad ke-6 sampai dengan abad ke-20 tidak terhad kepada penjajahan politik dan ekonomi saja, tetapi termasuk penjajahan fikiran dan kebudayaan. Penjajahan fikiran, penanaman nilai-nilai dan ciri-ciri kebudayaan Barat bukanlah terjadi secara kebetulan, tetapi adalah suatu proses yang memang direncanakan semula oleh kaum penjajah.

Barat amatlah sombong mengkagumi peradaban mereka sendiri dan kerana kebanggaannya itu pula, mereka pun selalu mencampuradukkan perkataan "barat" dengan "moden", yang mereka katakan bahawa keduanya adalah sama. Mereka selalu berbicara bahawa tidak ada satu peradaban pun yang mempunyai erti di dunia ini selain peradaban mereka. Orang-orang Barat menganggap perbuatan orang-orang Timur itu statis, kerana orang-orang Barat tidak dapat membezakan antara "statis" dan "tetap pendirian", yang telah menjamin kelestarian hidup peradaban Islam dengan kudrat yang tidak dapat digambarkan dan difahami orang-orang Barat, apa lagi untuk diambil manfaatnya.

Peradaban Barat memberikan kepada wanita kebebasan yang berlebihan, turut dalam semua urusan hidup, keluar rumah bersama lelaki yang bukan muhrim. Mereka menjadikan hijab itu dalam apa bentuk pun sebagai kenangan masa lalu, di zaman kekolotan Timur dan sebagai tanda penguasaan lelaki atas perempuan. Kebudayaan Barat tidak mengindahkan riba, arak, judi, perhubungan bebas antara jantina, menghidup-hidupkan kebudayaan jahiliah kuno. Hal ini semakin bertambah nyata kerana sedikit banyak ada juga di antara pakar-pakar, kakitangan dan pengurus jabatan-jabatan yang kurang siaga terhadap sistem pelajaran Barat yang pernah dialaminya. Bahkan bagi mereka yang tidak berpeluang menerima ajaran Barat di negara-negara Barat sendiri, mereka telah menerimanya di bawah bimbingan guru-guru dan profesor-profesor yang mempunyai cara berfikir Barat dan menelan semua ini dalam kursus-kursus yang tidak bernafas Islami.

Sikap hidup kebarat-baratan dari setengah golongan, berpakaian dan berkeolahan seperti orang muda di Barat telah mulai melanda masyarakat Melayu Brunei. Golongan Western Clones atau pembiakan ala Barat ini merupakan kelkatu yang biasa berkerumun pada sesuatu yang glamour dan jika tidak dibanteras akan menularkan aspek-aspek negatif dalam kehidupan bangsa Melayu Brunei. Kecenderungan moden ini telah memperlihatkan dirinya dalam bentuk pergaulan bebas, wujudnya golongan "tuna tertib" atau golongan "kais jais", yang mengacau kestabilan masyarakat, tidak mahu menerima nasihat dan ajaran dan terus terlena dengan pancaran glamour mereka.

BERSAMBUNG MINGGU DEPAN

MASALAH DAN CABARAN TERHADAP IDENTITI KEBRUNEIAN

SAMBUNGAN MINGGU LALU

KERTAS kerja ditulis oleh Dr. Haji Moehammad Nazir dalam Kursus Intensif Konsep MIB, anjuran Universiti Brunei Darussalam pada 16 — 21 Disember, 1989.

KEBUDAYAAN Barat atau kebudayaan moden sangat bertentangan dengan kebudayaan Melayu yang berintikan Islam itu. Falsafah Barat berlandaskan sekurang-kurangnya kepada lima hal, iaitu:

1. Berasaskan materialisme dari sudut pandang metafisis.

2. Berasaskan sensasionisme (faham serba indera) secara psikologis.

3. Berasaskan kepada kemanfaatan dan nafsu syahwat dari sudut pandang etika.

4. Berasaskan individualisme, keuntungan maksimum dan eksploitasi manusia dari sudut pandang ekonomi.

5. Berasaskan pertentangan rasial dan pemisahan berdasarkan warna kulit, dari sudut pandang politik.

Asas kebudayaan Barat di atas memberikan beberapa ciri utama dari kebudayaan Barat yang sangat berbeza dengan kebudayaan Melayu dan Islam, iaitu:

● Dalam kehidupan sosial bermasyarakat, mereka berfahaman individualisme. Masyarakat adalah untuk individu, orang hidup bernafsu-nafsi, solidariti terhad dan lemah dan hubungan kekeluargaan sangat rapuh.

● Dalam bidang ekonomi, mereka berfahaman pragmatis dan kapitalis. Dalam praktik ekonomi, halal dan haram tidak jelas. Moraliti tidak menjadi dasar kegiatan ekonomi.

● Dalam bidang politik, mereka berfahaman demokrasi, yang dalam applikasinya memperlihatkan fahaman Machievallism, di mana tujuan menghalalkan cara. Kedaulatan Tuhan tidak diakui.

● Dalam bidang ilmu dan teknologi, mereka berfahaman sekular, dengan membanggakan teknologi moden.

● Dalam bidang seni, mereka menganut fahaman seni untuk seni. Segala-galanya boleh demi seni.

● Dalam bidang falsafah mereka berfahaman *hedonisme* (yang baik adalah kenikmatan dan kepuasan rasa), *utilitarianism* (yang baik adalah yang berguna) dan *vitalism* (yang baik adalah yang mencerminkan kekuatan dalam hidup manusia).

● Pandangan hidup mereka adalah *anthropocentric* (di mana manusia merupakan pusat kehidupan) dan *sekuler*.

● Dalam bidang agama, mereka menganut agama Kristian pada umumnya, tetapi pada praktiknya sebahagian besar dari mereka adalah sekuler ataupun berfahaman *agnostisisme* (percaya bahawa Tuhan itu tidak ada).

● Dalam bidang pendidikan, mereka menganut fahaman *sekularisme* (agama jangan dibawa-bawa dalam pendidikan).

Peradaban Barat yang sangat bertentangan dengan Islam dari sudut pandang mana jua ingin menguasai bukan saja tamadun Melayu Islam di rantau ini, tetapi semua tamadun lain di seluruh dunia. Dengan anak panah ilmu pengetahuan dan teknologi, peradaban Barat ini telah berhasil menembus agama Nasrani dan agama-agama serta kebudayaan non Islam lainnya.

Modenism, yang tumbuh dari kebudayaan Barat mempunyai berberapa ciri-ciri penting, antara lain:

● Menafikan atau menolak sama sekali konsep Hari Kiamat, Hari Pembalasan, dosa dan sebagainya. Oleh kerana itu, modenism menggalakkan manusia mencari keseronokan jasmani dan kebendaan semata-mata, tanpa mengambil kira tentang mengenai nilai akidah dan akhlak.

● Menjadikan manusia dan akal sebagai objek penyembahan. Penguasaan sains dari pandangan modenism dapat menguasai kekuasaan Tuhan.

● Nasionalism menjadi satu ciri penting di dalam modenism. Oleh kerana itu, modenism sangat mengagungkan dan membanggakan keistimewaan golongan tertentu dan menanamkan semangat kebencian terhadap golongan lain dan golongan minoriti.

● Modenism berusaha melemahkan institusi kekeluargaan.

Akhir-akhir ini, peradaban Barat ini secara perlahan-lahan telah mulai menyusup ke dalam tamadun Islam sendiri, tidak terkecuali ke dalam tamadun Islam Melayu di rantau ini.

MUKADIMAH

KEBUDAYAAN Barat memang bertentangan dengan tatasusila dan adat ketimuran bangsa kita begitu cepat dan mudah diikuti oleh generasi sekarang.

Kenapa perkara ini berlaku? Salah satu daripada puncanya ialah corak pendidikan generasi kita sekarang adalah jauh berbeza dan lebih maju daripada zaman datuk, nenek moyang kita dahulu. Terutamanya pengaruh-pengaruh ini dapat dilihat melalui alat-alat sebaran am seperti radio, televisyen, filem, majalah dan akhbar.

Apa yang penting bagi generasi kita sekarang khususnya di Negara Brunei Darussalam ialah sentiasa patuh kepada agama, bangsa dan negara dengan menghayati konsep negara Melayu Islam Beraja. — PENYUNTING.

Pandangan hidup Barat memang cepat mendatangkan hasil dalam mengembangkan pengetahuan yang bersifat praktis dan teknis, dalam penemuan-penemuan baru dan dalam mengeluarkan produk-produk mekanikal di pasaran. Tetapi, kebudayaan Barat tidak mampu memberikan suatu cahaya kebenaran hakiki, harapan, keyakinan, jalan keluar dari kesukaran, ketenangan, dan ketenteraman kepada manusia. Pandangan hidup Barat hanya mampu memberikan sekadar kenikmatan lahiriah dalam bentuk cinta berahi, minuman keras, perkumpulan hiruk-pikuk, main wanita dan pertunjukan-pertunjukan. Hal inilah yang telah menidurkan cendikiawan-cendikiawan Muslim setengah masak yang terus mengagung-agungkan pandangan hidup Barat, padahal manusia Barat sendiri sedang berupaya untuk membebaskan dirinya dari tekanan jiwa dan penjara materialistik. Sebenarnya peradaban moden yang berkembang di Barat sejak zaman renaissance adalah sebuah eksperimen yang telah mengalami kegagalan, oleh kerana peradaban ini ditegakkan atas landasan konsep manusia yang kosong atas hal-hal yang paling diperlukan bagi manusia itu sendiri, iaitu landasan rohani atau spiritual. Hal ini telah membuat produk-produk tanpa keseimbangan material dan spiritual. Manusia Barat itu sendiri baru menyedari krisis spiritual yang mencekam batinnya melalui krisis lingkung alam di sekeliling dirinya.

Senjata tamadun Barat yang paling ampuh dalam menghancurkan tamadun Islam Melayu adalah corak pendidikan dan alat sebaran amnya seperti radio, televisyen, filem, majalah dan akhbar. Siasat dan cara yang paling berkesan untuk membaratkan orang Timur dan orang Islam bukanlah melalui peperangan dan kekerasan, tetapi melalui pendidikan seperti diutarakan oleh Snouk Hurgonje (1857-1936), seorang penasihat Belanda dalam soal penjajahan:

"... Pendidikan dan pengajaran boleh membebaskan kaum Muslimin dari agamanya."

Lord Macaulay jelas-jelas menyatakan matlamat pendidikan Inggeris di India sebagai berikut:

"... Kita harus berusaha sedapat mungkin untuk membentuk satu golongan yang boleh menjadi perantaraan antara kita dengan jutaan rakyat peribumi yang kita perintah: segolongan orang yang masih India kulit dan darahnya tetapi sudah diinggeriskan perasaan, pendapat, moral dan pemikirannya."

Di seluruh Asia dan Afrika, semua usaha telah dilakukan oleh imperialism Barat untuk memusnahkan kebudayaan setempat. Dalam fikiran generasi baru ditanamkan bibit pemberontakan terhadap peradabannya sendiri, dan melalui pendidikan pembunuhan kebudayaan sendiri menjadi lebih sempurna. Baik di negara-negara Arab mahupun di negeri-negeri lainnya, sistem pendidikan Barat telah menyapu generasi muda Islam, yang diharapkan menjadi bunga dan harapan bangsa telah mengubah pemikiran mereka sampai kepada satu batas di mana otak mereka tidak dapat lagi menerima agama Islam yang sebenarnya, sehingga mereka tidak dapat lagi menggabungkan dirinya dan tidak dapat menjadikan dirinya sebagai salah satu bahagian di dalam masyarakat Islam.

Nilai-nilai kesenian dan kerohanian orang Melayu dan orang-orang Asia dan Afrika hampir tidak mampu secara langsung untuk menangkis senjata-senjata tersebut. Salah satu sampah peradaban Barat adalah muzik jazz dan pop. Muzik ini telah dilaungkan di radio-radio, televisyen-televisyen, alat-alat perakam suara di merata tempat dan telah dianggap sumbangan Amerika Syarikat yang amat berguna kepada kesenian dan kebudayaan antara bangsa. Sebenarnya muzik jazz ini lebih mendatangkan kerosakan kepada orang-orang Negro dan tamadunnya. Muzik jazz ini mula direka selepas Perang Dunia Pertama oleh sekumpulan bekas-bekas hamba yang terpencil dan patah semangat yang datang dari rumah-rumah pelacuran di New Orleans.

Cara lain penyusupan kebudayaan Barat ke dalam tamadun Islam Melayu adalah fatwa licik yang mengatakan bahawa Bahasa Inggeris adalah bahasa sains teknologi pembangunan dan bahasa kemajuan

LIHAT MUKA 13

SENJATA tamadun Barat yang paling ampuh dalam menghancurkan tamadun Islam Melayu adalah corak pendidikan dan alat sebaran amnya seperti radio, televisyen, filem, majalah dan akhbar. Siasat dan cara yang paling berkesan untuk membaratkan orang Timur dan orang Islam bukanlah melalui peperangan dan kekerasan, tetapi melalui pendidikan seperti diutarakan oleh Snouk Hurgonje (1857-1936), seorang penasihat Belanda dalam soal penjajahan: "Pendidikan dan pengajaran boleh membebaskan kaum Muslimin dari agamanya."

MASALAH DAN CABARAN TERHADAP IDENTITI KEBRUNEIAN

SAMBUNGAN MINGGU LALU

KERTAS kerja ditulis oleh Dr. Haji Moehammad Nazir dalam Kursus Intensif Konsep MIB, anjuran Universiti Brunei Darussalam pada 16 — 21 Disember, 1989.

MUKADIMAH

KEPERCAYAAN atau kebatinan yang tidak diakui sebagai agama tetapi hanya sebagai fahaman kebudayaan telah banyak dikesan di beberapa buah negara Islam termasuk Indonesia, Malaysia dan negara kita sendiri.

Ianya termasuklah fahaman Ahmadiah Qadian; fahaman Bahaiyah; fahaman Inkarussunnah; fahaman Bahai; fahaman ekstrem dan lain-lain lagi yang amat bertentangan pengajarannya dengan agama Islam.

Kepercayaan-kepercayaan tersebut adalah perosak akidah umat Islam serta mengancam ketenteraman masyarakat, negara dan rumpun bangsa Melayu kita.

Dari itu kita sebagai umat Islam di negara ini yang memegang teguh kepada konsep MIB wajib menghindarkan diri dari segala ancaman kepercayaan yang menyesatkan ini. — PENYUNTING.

Aliran kepercayaan

AKHIR-AKHIR ini telah muncul pula berbagai ragam aliran-aliran kepercayaan yang ajaran-ajarannya secara nyata telah keluar dari ajaran Islam. Di dalam masyarakat rumpun Melayu, aliran Kepercayaan/Kebatinan ini berasal dari Jawa, Indonesia, yang telah melahirkan pelbagai bentuk ajaran atau kepercayaan kebatinan dan ilmu ghaib. Ajaran kepercayaan, yang di Indonesia dikenal dengan nama "Aliran Kepercayaan/Kebatinan", bukan saja dapat merosak akidah umat Islam tetapi juga mengancam keharmonian dan ketenteraman masyarakat, negara dan rumpun Melayu. Bangsa Melayu Brunei perlu selalu berjaga-jaga terhadap masuknya Aliran Kepercayaan/Kebatinan ini, kerana negara jiran Indonesia, dengan jumlah penduduk beragama Islam yang begitu besar, tidak kuasa menyekat gerakan fahaman ini, walaupun pemerintah Indonesia tidak mengakui fahaman ini sebagai salah satu agama.

Aliran kepercayaan ini telah berhasil memanfaatkan Radio Televisyen Indonesia untuk menyiarkan ajaran mereka melalui media massa.

Ajaran Aliran Kepercayaan/Kebatinan ini sangat berbahaya bagi tamadun Islam Melayu, lebih-lebih dari dakwah-dakwah mereka yang selalu menyatakan bahawa ajaran mereka tidak bertentangan dengan Islam padahal, aliran kepercayaan ini sangat bertentangan dengan Islam, tidak mempercayai adanya Al-Quran dan hadis, dan fahaman ini hanya berusaha untuk mendekatkan diri pada zat yang Maha Kuasa Agung untuk mencapai kebahagiaan atau kesenangan hidup dengan cara merenung di alam rasa.

Tumbuhnya ajaran kepercayaan ini disebabkan oleh sekurang-kurangnya 3 faktor, iaitu 1) Umat Islam kurang memahami ajaran Islam di samping sikap sebahagian masyarakat Jawa yang syncretisme, yakni mencampur-adukkan pelbagai agama dan menganggap agama itu sama saja; 2) Pemimpin-pemimpin Islam tidak pernah bersatu dan tidak memberikan teladan dan sistem dakwah yang kurang menekankan aspek-aspek kerohanian; 3) Adanya rancangan yang sistematik untuk melemahkan ajaran Islam dan mengembangkan Aliran Kepercayaan/Kebatinan untuk tujuan politik.

Oleh kerana Aliran Kepercayaan/Kebatinan ini tidak mempercayakan Al-Quran dan hadis dan pedoman ajarannya sangat bertentangan dengan Islam, maka perlu dikuatkan lagi benteng ketahanan Melayu Brunei terhadap masuknya aliran sesat ini.

Aliran-aliran agama yang berbau Islam

Ada dua aliran agama dan satu fahaman yang sepintas lalu tampak berbau Islam, tetapi kenyataannya adalah aliran perosak yang ingin menghancurkan fahaman agama Islam Ahlussunnah Wal-Jamaah. Aliran ini adalah:

1. Aliran Ahmadiah Qadian yang berpusat di Qadian, India;
2. Aliran Bahai atau Bahaisme yang berpusat di kota Akka, Palestin.
3. Fahaman Inkarussunnah.

Ahmadiah Qadian. Gerakan ini didirikan pada bulan Mac 1889 oleh Mirza Ghulam Ahmad (1835 - 1908), seorang bangsawan dari keluarga keturunan Mongol dari Punjab yang pindah ke India dari Samarkand. Ahmadiah Qadian adalah aliran sesat yang menggunakan nama Islam sebagai selubung. Aliran agama ini mempercayai bahawa masih ada lagi Nabi sesudah Nabi Muhammad, iaitu Mirza Ghulam Ahmad sendiri, dan dia mengisytiharkan dirinya Messiah yang dijanjikan dalam agama Kristian, sebagai Imam Mahdi yang ditunggu-tunggu oleh agama Islam, Krishna (Neha Khalank Evater) yang diharap-harapkan oleh Hindu dan Mesio Darbahmi dari agama Zoroaster.

Fahaman ini telah mengubah dan memutarbelitkan teks-teks Al-Quran sesuai dengan kemahuan mereka. Antara lain ayat 35 Surah Al-A'raf yang diertikan fahaman tersebut sebagai ada Nabi sesudah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Erti hadis: "La nabiyya ba'di" diubah dengan erti: "Tiada ada Nabi yang membawa syariat sesudah aku, tetapi bila ada nanti, mestilah ia membawa perintah syariatku." Fahaman ini sudah banyak menjalar kerana mubaligmubalig Ahmadiah Qadian pada umumnya banyak yang pakar, lancar berbahasa Inggeris, di samping mereka mempunyai media cetak yang terorganisasikan secara baik. Di Amerika Syarikat, gerakan ini bernama The Muslim Sunrise dan mempunyai sebuah masjid The American Fazl Mosque di Washington DC.

Fahaman Ahmadiah Qadian ini mempunyai sumber kewangan yang sangat kuat dari kekuatan-kekuatan anti Islam dengan bertujuan melakukan penyesatan ajaran Islam dengan fahaman Qadiani melalui sekolah-sekolah akademi, rumah-rumah yatim dan mencetak Quran dalam berbagai bahasa di dunia dengan menyelewengkan ertinya. Konfrens Organisasi Islam Sedunia yang diadakan di Mekah Al-Mukaramah 6 — 10 April 1974 telah menyimpulkan bahawa fahaman yang sesat ini mempunyai kekuatan kewangan cukup besar dan perlu diawasi secara seksama.

Masyarakat Melayu dan Melayu Brunei perlu waspada kepada fahaman sesat ini, kerana ancaman fahaman ini masih terus ada. Kita perlu mengenal kitab-kitab mereka, sehingga cendikiawan tidak terpengaruh atas kesesatan-kesesatan yang dibawanya. Al-marhum Maulana Syeikh Mohammad Jamil Jaho Padang Panjang, Sumatera Barat, seorang ulama Islam yang terkenal telah mengarang sebuah buku bernama "Nujumul Hidayah Firraddi Ala Ahli Giwayah" (Bintang Hidayah untuk menolak kaum yang sesat) dalam upaya menentang fahaman Ahmadiah Qadian ini.

Fahaman Bahaiyah

Fahaman Bahaiyah timbul di kalangan kaum Syiah Immamiyah di Iran yang dibawakan oleh Mirza Ali Muhammad (meninggal dengan hukuman mati pada tahun 1853) yang mendakwakan dirinya sebagai "Al-Bab", yang bererti pintu bagi kaum Syiah dan seluruh umat Islam yang akan menghubungkan mereka dengan imam yang lenyap yang ditunggu-tunggu kedatangannya di akhir zaman. Murid-murid Mirza Ali Muhammad, telah mengembangkan fahaman ini di Palestin dan Turki dan dinamakannya Fahaman Babiyah yang kemudian disempurnakan oleh Mirza Ali Bahaullah dengan nama baru Bahaiyah.

Fahaman ini sangat berbahaya, kerana sebaran-sebarannya telah sampai ke seluruh dunia, dan telah dapat memikat orang-orang Amerika, Eropah dan Australia sebagai pengikut-pengikutnya. Fahaman Bahaiyah ini amat menyesatkan dan menyampaikan penyimpangan peribadatan dalam segala macam bentuk, dan ingin menyatukan agama Yahudi, Kristian, Islam dan agama-agama lain dalam satu bentuk agama antarabangsa. Fahaman Bahaiyah menganut kepercayaan kepada banyak dan serba tuhan, percaya bahawa Rasul adalah perwujudan atau penjelmaan dari tuhan dan Mirza Ali Muhammad dan Mirza Husin Ali adalah perwujudan tuhan yang lebih sempurna dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Nabi Musa Alaihissalam dan Nabi Isa Alaihissalam. Kaum Bahai mengharamkan jihad, walaupun untuk mempertahankan agama Allah. Fahaman Bahaiyah ini jelas merosakkan iktikad umat Islam, dan telah menyimpang dari ajaran Tauhid. Oleh kerana itu, Mufti Negara Brunei Darussalam telah memfatwakan pada tahun 1967 bahawa fahaman Bahai adalah sesat dan kufur.

Fahaman Bahai telah menyusup masuk ke Brunei sejak tahun 1961 yang dibawa oleh pendatang dari luar. Mula-mula masuk di Kampong Benutan, Ulu Tutong, dan pada tahun 1962 merebak sampai ke Supon Besar. Penganutnya sebahagian besar terdiri dari orang Iban dan orang Dusun.

Fahaman Inkarussunnah

Fahaman Inkarussunnah adalah fahaman yang amat berbahaya yang ingin merosakkan kemurniaan Islam secara khas dan ingin menghancurkan cara hidup dan tamadun Melayu Islam. Ajaran ini mengingkari hadis dan sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menolak sunnah Nabi untuk dipakai sebagai penentu hukum, sama ada yang berhubung kait dengan akidah, ibadat mahupun muamalah. Menurut fahaman ini, sunnah Nabi adalah perbuatan seorang manusia bernama Muhammad. Fahaman Inkarussunnah hanya berpegang kepada Al-Quran sahaja. Fahaman ini bebas menafsirkan Al-Quran menurut akal fikiran mereka sendiri dan tidak terikat dengan tafsir-tafsir yang telah diberikan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Golongan Inkarussunnah menganggap bahawa keterangan-keterangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang.

Lihat muka 13

FAHAMAN Inkarussunnah adalah fahaman yang amat berbahaya yang ingin merosakkan kemurniaan Islam secara khas dan ingin menghancurkan cara hidup dan tamadun Melayu Islam. Ajaran ini mengingkari hadis dan sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menolak sunnah Nabi untuk dipakai sebagai penentu hukum , sama ada yang berhubung kait dengan akidah, ibadat mahupun muamalah. Menurut fahaman ini, sunnah Nabi adalah perbuatan seorang manusia bernama Muhammad.

MASALAH DAN CABARAN TERHADAP IDENTITI KEBRUNEIAN

DARI MUKA 12

Sebagai konsekuensi logis dari ajaran ini, maka orang tidak perlu lagi sembahyang, puasa, zakat dan haji dengan cara dan kaifiat yang diajarkan Rasulullah, tetapi dapat diganti dengan cara-cara lain yang dipandang baik oleh akal fikiran mereka. Fahaman Inkarus-sunnah ini jelas telah keluar dari ajaran Islam dan bertujuan tidak lain dari ingin menghancurkan Islam dari dalam.

Golongan ini, yang menamakan dirinya golongan Qurany, hanya mempercaya-kan Al-Quran, tetapi dalam kenyata-annya, mereka sendiri tidak mematuhi Al-Quran, bahkan mengeluarkan penafsiran Quran menurut kehendak mereka sendiri. Fahaman sesat Inkarus-sunnah ini diperolehi oleh Profesor Dr. Goldziher (1850 - 1921) sebagai alternatif para orientalis untuk memutarbelitkan murid-muridnya. Akhir-akhir ini fahaman Inkarussunnah telah menjalar sampai ke Indonesia dan Malaysia, walaupun di kedua negara jiran tersebut, fahaman ini telah dinyatakan sebagai fahaman terlarang.

Fahaman Islam ekstrem

Fahaman-fahaman Islam ekstrem juga mulai memperlihatkan dirinya untuk merosakkan kehidupan bangsa Melayu Brunei. Fahaman Islam ekstrem tersebut tidak bersesuaian dengan mazhab agama Islam Ahlussunnah yang merupakan agama negara. Agama negara mengajak kita semua kepada jalan tengah, dan melarang berbuat ekstrem. Islam adalah jalan tengah dalam segala hal, baik dalam konsep, akidah, ibadah, gelagat, hubungan sesama manusia, mahupun dalam perundangan.

Fahaman-fahaman ekstrem yang akhir-akhir inipun telah mulai melanda falsafah hidup dan cara hidup bangsa Brunei dapat membawa masyarakat Melayu Brunei kepada sikap yang berlebih-lebihan, seperti sifat kelewat batas (ghuluw), sifat sok pandai dan sok konsekuen (tanathu) dan sifat mempersukar-sukar (tasydid) dan menjauhkan umat Islam dari sifat moderat (i'tidal).

Fahaman yang sangat ekstrem ini dapat membawa masyarakat Melayu kepada cara hidup yang bukan Islam, baik dengan mensia-siakan kehidupan material sama sekali demi mencapai kebahagiaan spiritual, ataupun mensia-siakan kehidupan rohaniah demi mengejar kepentingan material.

Islam dalam konteks MIB adalah Islam sederhana dan tidak menginginkan terciptanya manusia yang zuhud ataupun manusia-manusia yang sekuler. Fahaman Islam ekstrem dapat mengganggu kestabilan Negara Brunei Darussalam sendiri seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia:

> "Beta mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan bahawa amalan beragama di negara ini adalah mengikut lunas-lunas kesederhanaan. Oleh yang demikian, rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah sentiasa berhati-hati di dalam menerima ajaran-ajaran agama Islam yang dibawa masuk ke negara ini oleh pendatang-pendatang luar iaitu jangan sampai ianya terkeluar daripada kesederhanaan yang diamalkan dan membawa mereka ke arah jalan extremism yang mana akan memporak-perandakan ke-stabilan politik dan keharmonian sosial yang terdapat di negara ini."

Fahaman ekstrem ini lebih berbahaya lagi kerana ia telah menjadi anutan tanpa sedar oleh sebahagian orang dan bersikap ekstrem pula dalam melukiskan sikap ekstrem itu sendiri. Faham ekstrem ini dapat merosakkan sikap hidup dan pandangan hidup kebruneian dan dapat memecahbelahkan umat, kerana:

1. Fahaman yang ekstrem memper-lihatkan kefanatikan kepada suatu pendapat dan menolak pendapat yang lain;

2. Memperlihatkan sikap tidak bersa-habat dengan sesama Muslim yang tidak sefaham;

3. Memperberat yang tidak pada tempatnya seperti menjadikan perkara sunat seakan-akan wajib;

4. Memperlihatkan sikap keras dan kasar;

5. Buruk sangka terhadap kelompok lain dan khususnya terhadap pemerintah; mudah mengkafirkan sesama Muslim yang tidak sefaham.

Fahaman-fahaman ekstrem ini perlu dibasmi kerana fahaman ini akan melemahkan perkembangan masyarakat di bidang keilmuan, ekonomi, sosial dan syiah agama Islam. Fahaman ekstrem ini sampai, misalnya, mengatakan bahawa seseorang hanya boleh mencapai keredaan Allah hanya melalui tarekat. Pendapat ini jelas keliru dan bertenta-ngan dengan konsep MIB. Tarekat meng-ajar pengikut-pengikutnya mengamalkan sifat-sifat terpuji. Tetapi jikalau sudah bermegah-megah dengan tarekat, sombong dan merendah-rendahkan kumpulan yang tidak mengamalkan tarekat, iaitu kumpulan yang hanya berpegang kepada amalan-amalan fardu dan sunat biasa, maka pandangan kumpulan ini sudah bersalahan dengan fahaman agama Islam yang kita anut. Fahaman begini boleh menimbulkan sifat berpuak-puak dan perpecahan sehingga melemahkan ketahanan negara dan merapuhkan persatuan dan perpaduan.

Fahaman-fahaman Syiah juga sangat berbahaya kerana beberapa kelainan dalam doktrinnya dan juga kerana upaya mereka untuk mengimport revolusi Iran ke dalam tamadun Melayu Brunei. Selain dari 3 doktrin yang berbeza dengan Mazhab dari Ahlussunnah Wal-Jamaah, iaitu:

1. Doktrin kemaksuman imam;

2. Perkara rajah dan;

3. Kahwin mutiah, fahaman Syiah akan dapat merosakkan sistem beraja yang sudah dianuti turun-temurun di Brunei ini.

Fahaman komunisme

Fahaman komunisme sangat ber-bahaya, sama ada kerana prinsip atheis yang dianutnya, mahupun upaya mereka yang menghalalkan segala cara untuk mencapai matlamat mereka. Bagi fahaman komunis, negara adalah suatu mesin bagi suatu masyarakat untuk menindas lapisan lainnya. Untuk sampai pada suatu kekuasaan, mereka memakai segala daya upaya kekerasan dan kekejaman tanpa moral, bahkan Karl Marx mempunyai pandangan bahawa gerakan apa saja yang menuju cita-cita komunis adalah moral. Setiap agama moral yang bersifat abadi (eternal) dan mutlak (ultimate) ditolak Engel, kerana menurutnya, moral adalah suatu hasil dari tingkatan ekonomi pada suatu masa. Komunisme tidak pernah mengenal moral masyarakat mahupun ketata-negaraan yang bersifat transenden. Fahaman komunis itu sangat anti agama dan selalu melancarkan tuduhan bahawa agama adalah candu bagi masyarakat.

Doktrin Marxis kemudian diubah oleh Lenin menjadi akidah parti, dengan nama Volshivik dalam dunia politik dan Parti Komunis Antarabangsa ini pula yang telah meracuni pemikiran banyak bangsa-bangsa di dunia untuk membentuk parti-parti komunis lokal, dan menggunakan sentimen kebangsaan untuk memperluaskan pengaruh mereka. Pengalaman-pengalaman memperlihat-kan bahawa fahaman komunis ini disebarkan dengan memakai apa-apa saja, mempengeruhi pemimpin-pemim-pin dan pemimpin-pemimpin keten-teraan. Jika komunis telah merasa dirinya cukup kuat, aktiviti akhir yang akan dilakukannya adalah mengadakan revolusi untuk menumbangkan pemerintahan yang sah dengan cara yang amat kejam. Mereka tidak segan-segan melakukan pembunuhan keji dan siasat licik untuk mencapai tujuannya. Pengalaman Indonesia dan Malaysia dapat digunakan sebagai pengalaman yang amat berguna bagi bangsa Melayu Brunei dalam upaya membendung fahaman komunis ke rantau ini.

Fahaman liberalisme/ kapitalisme murni

Fahaman liberalisme yang sangat diagung-agungkan oleh negara-negara Barat sangat bersifat materialistik, sekalipun fahaman ini tidak pernah didasarkan atas falasafah materialisme dengan garis-garis yang jelas. Fahaman ini membawa sistem kapitalis yang sangat berbahaya bagi cara hidup dan pandangan hidup bangsa Melayu Brunei. Fahaman kapitalisme tidak memberikan hak hidup untuk etika dan moral di dalamnya. Bagi kapitalisme, prioriti yang paling tinggi diberikan kepada perolehan keuntungan peribadi yang sebesar-besarnya, dan kebebasan seluas-luasnya diberikan sebagai alat untuk mencapai prioriti ini. Tujuan hidup dalam fahaman kapitalis adalah kebendaan, dan setiap individu berhak berpegang kepada kemahuannya sendiri dan bebas mencari untuk berapa sahaja besarnya sesuai dengan dorongan-dorongan peribadi. Dalam usaha tersebut, seseorang bebas mengerjakan apa saja asal tidak terbentur dengan hak orang lain. Demokrasi kapitalis didasarkan pada suatu kepercayaan yang tidak terbatas kepada individu.

Sistem kapitalis murni memberikan kebebasan individu untuk memperolehi kekayaan dan meminggirkan kepen-tingan masyarakat untuk memenuhi kepentingan individu. Perekonomian kapitalis memberikan kebebasan individu untuk modal, sedangkan ikut serta pemerintah dalam mengatur perekono-mian adalah masalah yang tidak utama.

Kapitalis tidak pernah mengaitkan tujuan kegiatan ekonomi dengan unsur-unsur nilai rohani dan agama, tetapi aktiviti ekonomi semata-mata untuk memenuhi keperluan material. Kekayaan dalam sistem kapitalis dianggap sebagai kekuatan ekonomi dan sebagai alat untuk mendapatkan kekuasaan dan menak-lukkan golongan-golongan dan bangsa-bangsa lain. Pandangan kapitalisme terhadap kekayaan sangat bertentangan dengan pandangan masyarakat Melayu dan konsep MIB, kerana dalam konsep MIB yang berintikan Islam itu, kekayaan adalah amanah Allah Subhanahu Wataala, dan kekayaan yang dicari itu bukan sekadar untuk dikumpulkan, tetapi dicari untuk berbakti kepada-Nya dan untuk digunakan dalam kebaikan. Walaupun dalam prinsip Islam, kebebasan individu tetap dipertahankan, tetapi Islam tidak akan memberikan satu kebebasan mutlak, tetapi harus terdapat keseimbangan antara kebebasan individu dengan masyarakat. Islam tidak pernah mengakui monopoli individu terhadap barang-barang untuk keperluan orang banyak.

Sistem kapitalisme murni dapat memberikan kesan negatif dalam pandangan dan cara hidup menurut konsep MIB, kerana sistem kapitalis dapat mengakibatkan antara lain:

1. Timbulnya kelompok kecil yang dapat menguasai majoriti;

2. Lahirnya kolonialisme dan imperialisme dalam upaya merebut, pasar baharu bagi produk-produk industri mereka;

3. Terbuktinya jurang yang lebih luas antara yang kaya dengan yang miskin, dan

4. Terciptanya krisis lingkungan dan pencemaran alam sekitar.

BERSAMBUNG MINGGU DEPAN

FAHAMAN liberalisme yang sangat diagung-agungkan oleh negara Barat sangat bersifat materialistik, sekalipun fahaman ini tidak pernah didasarkan atas falsafah materialisme dengan garis-garis yang jelas. Fahaman ini membawa sistem kapitalis yang sangat berbahaya bagi cara hidup dan pandangan hidup bangsa Melayu. Fahaman kapitalisme tidak memberikan hak hidup untuk etika dan moral di dalamnya.

FAHAMAN-FAHAMAN ekstrem ini perlu dibasmi kerana fahaman ini akan melemahkan perkembangan masyarakat di bidang keilmuan, ekonomi, sosial dan syiah agama Islam. Fahaman ekstrem ini sampai, misalnya, mengatakan bahawa seseorang hanya boleh mencapai keredaan Allah hanya melalui tarekat. Pendapat ini jelas keliru dan bertentangan dengan konsep MIB. Tarekat mengajar pengikut-pengikutnya mengamalkan sifat-sifat terpuji.

MASALAH DAN CABARAN TERHADAP IDENTITI KEBRUNEIAN

KERTAS kerja ditulis oleh Dr. Haji Moehammad Nazir dalam Kursus Intensif Konsep MIB, anjuran Universiti Brunei Darussalam pada 16 — 21 Disember, 1989.

MUKADIMAH

DALAM siri yang lalu, Dr. Haji Mohammad Nazi telah membincangkan tentang beberapa kepercayaan kebatinan yang sama sekali menyalahi dan bertentangan dengan agama Islam dan amat dikhuatiri ia boleh merosakkan akidah Islam serta boleh pula mengancam ketenteraman masyarakat dan negara.

Dua lagi fahaman yang patut sentiasa diawasi agar umat Islam tidak terpengaruh dengannya ialah fahaman orientalisme dan sekularisme. Fahaman-fahaman ini telah berusaha dengan gigih untuk menimbulkan keraguan dan kekeliruan di kalangan orang-orang Islam terhadap hukum-hakam dan syariat Islam itu sendiri.

Penganjur fahaman ini berusaha menabur benih-benih kesesatan itu melalui berbagai sudut dan aspek kehidupan kita. Dalam siri ini usaha-usaha musuh-musuh Islam dan identiti kita itu dibincangkan secara meluas untuk renungan kita bersama — PENYUNTING.

SAMBUNGAN MINGGU LALU

Fahaman orientalisme dan sekularisme

KAJIAN-KAJIAN ilmiah dari sebahagian orientalis telah meracuni kebenaran-kebenaran Islam dengan tipu daya penulisan dan memutarbelitkan kenyataan yang sebenarnya mengenai tamadun Islam dan Islam itu sendiri.

Pengaruh orientalisme telah berhasil dalam menimbulkan keraguan-keraguan terhadap Islam di kalangan orang Muslim sendiri, bahkan ada juga yang sudah tergelincir ke dalamnya. Fahaman orientalis, bukan hanya sekadar pandangan yang keliru sebagai akibat salah pengertian terhadap Islam, tetapi juga merupakan perpaduan antara sikap anti Islam dan takut terhadap Islam yang kesemua ini dituangkan dalam langkah-langkah yang sudah direncanakan.

Kajian-kajian ilmiah dari sebahagian orientalis dalam bidang akidah, fikah, syariah, sejarah, politik, imamah, falsafah dan kemasyarakatan selalu berisi kesalahan-kesalahan yang menyesatkan dan bahayanya, benih-benih kesesatan ini terus menyebar dengan digunakannya bahan-bahan tersebut sebagai referensi yang sambung-menyambung. Kajian ilmiah dari sebahagian orientalis yang tidak benar itu telah mendapat kepercaaan ramai dari kalangan cendikiawan Muslim sendiri. Kajian orientalis yang telah mengubah kebenaran-kebenaran Islam telah dapat menipu para cendikiawan dan telah dapat diterima umum oleh kerana:

1) Penyusunan karangan cukup menarik untuk dijadikan contoh;
2) Pengaruh penjajahan dan penanaman fahaman bahawa tamadun Barat adalah tamadun yang terbaik lebih-lebih dalam bidang pendidikan;
3) Kerana kekosongan yang berlaku dalam penulisan tentang Timur dan Islam dan terdapatnya jurang yang luas antara buku-buku lama dan tuntutan penulisan buku-buku baru.

Tulisan-tulisan dan ajaran dari sebahagian orientalis telah banyak meracuni penuntut-penuntut di bawah asuhan mereka di universiti-universiti di Eropah dan Amerika Syarikat. Para orientalis telah berjaya menimbulkan keraguan-keraguan terhadap Al-Quran, terhadap Rasul Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallalm, dan terhadap Islam dan terhadap kebudayaan Islam. Sejarah Islam dirubah oleh sebahagian orientalis, diberikan andaian-andaian yang tidak tepat terhadap Islam dan digunakan riwayat-riwayat palsu. Modal utama orientalis dalam karyanya adalah menerbitkan keraguan-keraguan dan membiarkan keraguan-keraguan ini mencekam jiwa sarjana-sarjana Muslim. Supaya penuntut-penuntut di bawah asuhan orientalis ini dapat berhasil menyelesaikan studinya, penuntut-penuntut dipaksa menerima keraguan-keraguan tersebut dan mebuat kesimpulan-kesimpulan yang salah sesuai dengan bimbingannya. Karya-karya penuntut yang salah tersebut akan dibaca pula oleh penuntut-penuntut lain sehingga tersebar lagi benih-benih keraguan ini.

Gerakan Orientalisme yang sudah mulai tumbuh dalam kurun ke-14 Hijrah selepas kejatuhan khalifah. Semakin mencengkamkan kukunya di alam Melayu. Gerakan Orientalisme ini digunakan oleh Barat untuk memijak Islam ke atas pemikiran Islam, sejarah Islam melalui berbagai institusi dan cendikiawan. Al-Quran menurut sebahagian orientalis adalah khayalan Nabi Muhammad dan tak ada hubungannya dengan wahyu. Pada orientalis dalam kalangan Islam sendiri pun sudah mulai menyebarkan fahaman-fahaman yang meragukan dan buku-buku orientalis dari kalangan Islam ini sangat dialu-alukan oleh Barat dan telah memperdaya banyak cendikiawan di alam Melayu.

Golongan Orientalis cuba menimbulkan keraguan umat Islam mengenai kebenaran hadis. Mereka mengatakan bahawa hadis telah diresapi oleh unsur luar apabila hadis diriwayatkan oleh banyak perawi. Golongan Orientalis juga menyamakan pemerintahan Islam dengan pemerintahan Eropah di zaman Pertengahan. Golongan orientalis mencemari keunggulan wahyu dengan mengatakan bahawa manusia itu mesti mengalami perubahan. Menurut orientalis, konsep Hari Kiamat adalah karut semata-mata.

Orientalis dengan bertopengkan ilmu pengetahuan telah mendukung penyebaran sekularisme dan mendukung slogan pemisahan agama dan pemerintahan. Slogan-slogan ini, kemudian diulang-ulang, dikutip, disebarkan oleh cendikiawan-cendikiawan di negara Islam. Walaupun cara orientalis menyebarkan fahamannya berlainan, ada yang kasar dan kotor dan ada pula yang lemah lembut tanpa menjejaskan perasaan umat Islam, tetapi orientalis ini tetap sepakat dalam merosakkan Islam dan kebudayaan Islam dan mengusir Islam dalam kehidupan umat. Bahkan natijah-natijah yang dibawa para orientalis telah memecah-belahkan negara-negara Islam dengan aliran fikiran yang berbeza-beza.

Kebanyakan dari orientalis telah menggunakan perselisihan antara Mazhab bagi gerakan perang kebudayaan dan pembaratan terhadap Islam. Golongan orientalis amat bernafsu untuk menyemarakkan perselisihan di antara golongan-golongan dalam Islam supaya Islam menjadi berpecah belah. Golongan orientalis amat suka membangkitkan:

1) Perselisihan antara Ahlussunnah dengan Syiah;

2) Perselisihan antara Ahlussunnah dengan Wahabi.

Para orientalis sangat tertarik mempelajari mazhab-mazhab yang bermacam-macam dalam Islam kecuali Mazhab Sunnah. Pembahasan mengenai Syiah sangat terperinci bahkan orientalis-orientalis yang sangat benci kepada Islam mencampuradukkan Mazhab Syiah Ithna Asyriah dan Syiah Zaidah dengan mazhab-mazhab yang dibawakan oleh Agha Khan, fahaman hulul dengan tujuan untuk menimbulkan keributan dan perselisihan di kalangan umat Islam.

Bangsa Melayu Brunei perlu selalu awas dan waspada terhadap fahaman orientalisme ini kerana sebahagian dari penulis orientalis ini memang berhasrat untuk melancarkan pengacauan kebudayaan dan pembaratan dengan cara memupuk pertentangan golongan, menciptakan kekeliruan akidah dalam upaya mencabik-cabik kesatuan Melayu. Mereka berusaha memecah belah bangsa Melayu dengan menggunakan percanggahan fikiran, nasionalisme, bahasa dan agama Islam sendiri. Ketahanan diri bangsa Melayu Brunei terhadap pemikiran yang beracun dari sebahagian orientalis perlu lebih diperkuat lagi dengan menanamkan dalam jiwa masyarakat suatu pandangan hidup kebruneian dan mengamalkan konsep MIB sebagai cara hidup secara sedar dan dengan komitmen yang tinggi.

Fahaman sekularisme

Fahaman sekularisme dilahirkan oleh pemikir-pemikir Barat dan Orientalis yang ingin memisahkan antara kewajipan agama dan kewajipan kemasyarakatan, bahkan memisahkan antara individu dengan Tuhannya.

Sekularisme adalah awal penafsiran materialisme atas kehidupan manusia Kristian di mana negara dipisahkan dari gereja dan agama, dan berbagai cadang ilmu pengetahuan dipisahkan dari kayakinan akan adanya Tuhan.

Sekularisme mulai memasuki ilmu pengetahuan melalui ilmu biologi, yang diawali oleh upaya untuk menerangkan fenomena biologis. Kemudian baru berkembang ke dalam ilmu sosial dan ilmu ekonomi. Semakin lama, fikiran Barat semakin sekular dan semakin materalialistis, sehingga sekularisme dalam pemikiran Barat sukar dihilangkan.

Yang sangat berbahaya adalah asumsi umum dari sekularisasi yang menyatakan bahawa berkembangnya politik dan modenisasi akan membuat agama itu tidak lagi mempunyai pengaruh dan daya tarik kepada manusia. Secara objektif sosiologis, kata mereka, negara yang melakukan modenisasi, suka atau tidak suka akan mengalami proses sekularisasi.

Islam tidak memberikan tempat bagi sekularisasi kerana agama Islam memang tidak mengenal adanya dikhotomi antara kehidupan dunia dan kehidupan akhirat antara yang profene dan yang sakral, antara yang immanen dan yang transeddental. Bagi Islam, tidak dapat dipisahkan antara kegiatan ubudiyah dengan aktiviti muamalah kerana keduaduanya dalam Islam adalah ibadat. Islam tidak mengenal doktrin Kristian yang berbunyi: "Render unto Ceasar the things that are Ceaser's and render unto God the things that are God's." (Berikan kepada sang Kaisar apa yang menjadi kaisar, dan berikan kepada Tuhan apa yang menjadi hak Tuhan). Oleh kerana agama Islam menyangkut semua bidang kehidupan manusia, maka usaha untuk memisahkan agama Islam dari kehidupan am dan pemerintahan adalah sia-sia dan mustahil.

Lihat muka 13

BANGSA Melayu Brunei perlu selalu awas dan waspada terhadap fahaman orientalisme ini kerana sebahagian dari penulis orientalis ini memang berhasrat untuk melancarkan pengacauan kebudayaan dan pembaratan dengan cara memupuk pertentangan golongan, menciptakan kekeliruan akidah dalam upaya mencabik-cabik kesatuan Melayu. Mereka berusaha memecah belah bangsa Melayu dengan menggunakan percanggahan fikiran nasionalisme, bahasa dan agama Islam sendiri.

MASALAH DAN CABARAN TERHADAP IDENTITI KEBRUNEIAN

DARI MUKA 12

Fahaman sekularisme telah mulai mempengaruhi sebahagian cendikiawan Melayu dan ini sangat berbahaya oleh kerana bersamanya dibawakan keyakinan bahawa manusia hanya memerlukan rasio atau akal sahaja untuk mengatur masyarakat. Jayanya manusia adalah disebabkan oleh akal dan segala kegiatan manusia hanya perlu diatur dengan undang-undang, dan pentadbiran tanpa memerlukan dasar-dasar rohani. Sekurang-kurangnya, sekularisasi yang telah mencengkam bangsa Melayu dapat menimbulkan sekularisasi dalam 2 bidang, iaitu 1) Sekularisasi di bidang politik dan kenegaraan, dan 2) Sekularisasi di bidang ilmu pengetahuan.

Sekularisasi di bidang politik/kenegaraan

Sekularisasi di bidang politik dan kenegaraan mempunyai pandangan yang sangat merosak, kerana memisahkan agama dan negara perlu. Menurut fahaman sekular, suatu negara baru disebut moden jika wujud suatu pemisahan antara negara dan agama. Fahaman ini sangat tidak sesuai dengan pandangan hidup MIB kerana negara tidak boleh menempatkan dirinya sebagai bahagian dari kekuasaan agama, dan juga tidak sebagai bahagian dari masyarakat keagamaan. Tujuan politik negara harus hanya dengan asas duniawi.

Masuknya fahaman sekular ke dalam satu negara dapat mengaburkan struktur politik yang sudah stabil, ingin memisahkan bidang ketatanegaraan dari struktur keagamaan dan ingin mengganti legitimasi politik yang ada dengan norma-norma sekular dan ingin kekuasaan politik di bidang-bidang yang semula diatur oleh kaedah-kaedah agama.

Fahaman sekular selalu mengaitkan pembangunan negara dan modenisasi dengan sekularisasi. Tujuan fahaman sekular adalah menghapuskan legitimasi sakral dan kekuasaan politik (desakralisasi politik) dengan alasan bahawa politik adalah kotor dan korupt, dan perlu dipisahkan dari agama yang suci dan sakral. Fahaman sekular selalu menuduh bahawa anjuran yang bertujuan menyusun suatu sistem dan suatu pembangunan sosial ekonomi yang didasarkan atas metodologi yang berlandaskan agama itu, sebagai pandangan yang utopis, dan amat jauh dari kenyataan, ataupun menuduh fahaman Islam yang non-sekular sebagai reaksioner.

Yang paling celaka, banyak cendikiawan Melayu Muslim yang larut dan ikut-ikutan menerima pemikiran sekularisme ini, dan kerananya telah memberikan peluang kepada fahaman sekular untuk memasuki kehidupan bangsa Melayu Brunei.

Sekularisasi ilmu pengetahuan

Fahaman sekular yang telah dibawa oleh para orientalis selalu berusaha untuk memperluas jurang pemisah antara agama dan ilmu, antara rasio dengan etik dan iman. Fahaman sekular tidak mengakui adanya peranan rohani dalam ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan bagi faham sekular adalah pengetahuan yang dapat diterima rasio (akal) saja, dan tidak mengakui adanya unsur ghaib dalam ilmu. Yang dapat dipercayai adalah pengetahuan yang tunduk kepada percubaan. Sekularisasi ilmu pengetahuan telah meracuni manusia dengan keyakinan bahawa segala apa pun di dunia ini dapat dijelaskan secara rasional (akaliah). Segala kehidupan manusia di atas dunia ini semuanya dapat ditafsirkan, difahami dan dijelaskan dalam konteks hukum alam dengan menggunakan hanya indera yang lima. Rasonalisme adalah satu aliran yang meletakkan kepercayaan penuh kepada fikiran manusia dalam segala aktiviti sama ada dalam memecahkan masalah alam ataupun dalam menyelesaikan persoalan-persoalan lainnya. Seorang rasionalis ialah orang yang menjadikan rasionya atau akalnya sebagai sumber pengetahuan yang paling tinggi, tanpa mengindahkan etik, atau wahyu.

Perbezaan antara sains sekular dengan sains MIB terletak pada keimanan, konsep realiti dan sudut pandangan terhadap semesta. Sains dalam konteks MIB haruslah sesuai dengan konsep sains dalam Islam, di mana alam semesta adalah bentangan petanda Allah Subhanahu Wataala supaya kita memahami kebesaran dan kekuasaan-Nya dan bukan terjadi dengan sendirinya secara kebetulan seperti pandangan sains sekular. Proses ketuaan, bukanlah proses biologis semata-mata, tetapi ada kaitannya dengan kehendak Tuhan atas makhluk-Nya. Kebenaran yang hakiki adalah kebenaran yang ditunjuki oleh Al-Quran.

Faham sekular memandang kebenaran dan kenyataan di dunia ini sebagai hasil dari tradisi kebudayaan, hasil filosofis dan renungan-renungan yang bertalian dengan kehidupan duniawi. Pusat pemikiran adalah pada rasio (akal) manusia saja, dan tidak mempercayai rumusan tentang wahyu, dosa, atau kepercayaan agama. Fahaman sekular ini selalu merajakan akal fikiran dalam menilai sesuatu dan dalam menyingkap rahsia alam.

Fahaman sekular yang bertentangan dengan Islam dan tamadun Melayu itu, tidak sesuai dengan nilai hidup bangsa Melayu Brunei yang berasaskan Islam. Pandangan sekularisme secara keseluruhan merupakan pandangan yang sangat duniawi dan sama sekali tidak Islam dan bertentangan dengan Islam. Dalam Islam, yang rasional bukan sahaja yang berkaitan dengan penafsiran logis dan sistematis mengenai fakta empiris, tetapi juga percaya kepada kekuatan ghaib, dan berorientasi kepada nilai-nilai dan etik Islam. Faham Islam tidak akan dapat menghasilkan ilmu pengetahuan yang dapat memusnahkan manusia, ataupun melupakan Tauhid, kerana segala perbuatan dalam membentuk ilmu atau penyelidikan dimulai dengan niat demi pengabdian kepada Allah Subhanahu Wataala.

MASUKNYA fahaman sekular ke dalam satu negara dapat mengaburkan struktur politik yang sudah stabil, ingin memisahkan bidang ketatanegaraan dari struktur keagamaan dan ingin mengganti legitimasi politik yang ada dengan norma-norma sekular dan ingin kekuasaan politik di bidang-bidang yang semula diatur oleh kaedah-kaedah agama.

Penyebaran faham sekularisme ini semakin tajam kerana bantuan dari akhbar-akhbar dan tulisan-tulisan dari cendikiawan Muslim sendiri. Akhbar-akhbar yang berbahasa Arab dan berlambangkan bulan sabit, dengan bertopengkan menjayakan ilmu atau kecintaan terhadap Timur yang masih mundur, telah menjadi suara dan trompet sekularisme yang merosak pemikiran Islam. Sekularisme yang memisahkan agama dan kehidupan telah menggiring pemerintah dan cendikiawan untuk bersetuju mencipta undang-undang tanpa nilai-nilai Islam dan nilai-nilai Melayu.

Bangsa Melayu Brunei harus berhati-hati terhadap fahaman sekularisme ini. Fahaman sekularisme telah merubah tata kehiduapan orang Eropah, seperti telah membenarkan hubungan bebas antara lelaki dan perempuan, dan membenarkan zina atas dasar suka sama suka. Cendikiawan Islam perlu diperingati terhadap ajaran sesat yang berpendapat bahawa sekularisme tidak bertentangan dengan agama Islam dan sekularisme bukan lawan agama. Menurut mereka, sekularisme adalah antomnim dari 'dunia lain'. Bahkan ada yang menganjurkan supaya sekularisasi dilaksanakan demi kemajuan umat Islam seperti yang dicuba oleh Nurchalis Majid dan kawan-kawan di Indonesia. Nurchalis Majid menganggap bahawa dunia ini merupakan arena kegiatan manusia, tidak ada yang sakral dan tidak ada yang tabu untuk kemakmuran dan kesejahteraan dunia. Terpulanglah kepada kekuatan akal dan rasio manusia dalam memecahkan dan memahami dunia.

Hujah-hujah di atas adalah sangat menyesatkan. Ayat-ayat Al-Quran jelas menyebutkan bahawa pemisahan antara agama dan negara, misalnya, adalah suatu kesalahan yang amat besar, dan telah mencanggah perintah Allah yang telah dibawakan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sekularisme adalah suatu konsep yang amat asing dan bertentangan dengan Islam. Dalam pandangan Islam yang berdasarkan Tauhid, tidak dikenal konsep dikhotomi dan dualisme. Istilah-istilah sekular, profane, atau temporal tidak ada dalam konsep Islam. Dalam Islam, istilah duniawi, alami atau zamani tidak mengandungi pengertian seperti dalam konsep sekular. Dalam Islam, segala aktiviti manusia harus terikat kepada syariat, dan justeru itu, ia bersifat sakral. Setiap aktiviti Muslim dalam segala lapangan kehidupan dan penghidupan mereka, sama ada material mahupun spiritual, haruslah aktiviti yang diredai Allah, dan merupakan ibadat kepada Allah Subhanahu Wataala. Kegiatan ekonomi harus dijalankan dalam semangat ketakwaan dalam batas hukum syariat yang ditentukan Allah Subhanahu Wataala. Dalam Islam, kehidupan duniawi tidak terputus dari kehidupan ukhrawi, kerana kehidupan ukhrawi adalah terusan dari kehidupan duniawi. Kehidupan ukhrawi ditentukan oleh amalan manusia di dunia.

Sekularisasi dapat menjalar ke bidang pendidikan, kebudayaan dan segi-segi kehidupan yang lain yang amat membahayakan kesinambungan nilai dan cara hidup Melayu. Oleh kerana itu, pengamalan cara hidup yang sesuai dengan doktrin dan cara hidup dalam konteks MIB perlu ditingkatkan dalam upaya membendung fahaman sekularisme yang mulai mencengkam kehidupan Melayu Brunei. Lebih lanjut, program Islamisasi ilmu pengetahuan, pendidikan, kursus dan kurikulum merupakan jalan terbaik dalam memerangi sekularisasi ilmu pengetahuan.

Ancaman dan gugatan kepada gaya pemerintahan Melayu

Bangsa Melayu Brunei juga perlu meningkatkan ketahanan nasional terhadap ancaman, gugatan, dan hambatan, sama ada dari dalam negeri mahupun dari luar negeri, yang merongrong cara dan gaya pemerintahan Melayu. Seperti halnya, negara-negara yang baharu merdeka, maka Negara Brunei Darussalam yang kaya raya ini tidak terlepas dari kehadiran sebahagian kecil golongan yang belum dan tidak puas, dan ingin mengubah sistem pemerintahan Melayu yang sudah turun-temurun itu dengan sistem Barat yang pernah dibacanya cukup efektif di negara-negara Barat sana. Ancaman dan gugatan ini, kemungkinan besar didukung oleh kekuatan politik negara antarabangsa tertentu yang masih terus ingin merosakkan stabilisasi politik, sama ada di Negara Brunei Darussalam mahupun di negara-negara serantau lainnya.

Gugatan ini dapat dilakukan secara lunak, tetapi dapat juga merupakan ancaman terhadap eksistensi Negara Brunei Darussalam sendiri, dalam bentuk pemberontakan dan ancaman bersenjata.

Adanya ancaman, gugatan dan hambatan terhadap cara pemerintahan Melayu ini disebabkan oleh beberapa faktor, antara lain: 1) Adanya usaha-usaha jahat untuk merobohkan sistem pemerintahan beraja secara Islam Melayu, dan ingin menggantikannya dengan sistem demokrasi Barat ataupun sistem sosialis Timur, yang keduaduanya tidak sesuai dengan pandangan hidup orang Melayu Brunei. 2) Kurangnya pengertian masyarakat, ataupun individu, tentang cara-cara pemerintahan Melayu yang sudah turun-temurun dan sistem monarki Melayu Islam yang adil yang telah menghasilkan suatu sistem pemerintahan yang stabil di rantau ini. 3) Terdapatnya hambatan-hambatan di dalam negeri sendiri sebagai akibat dari adanya kelompok kecil yang tidak menginginkan adanya kestabilan pemerintahan, kesambungan pembangunan dan kemakmuran masyarakat, kerana kelompok ini tidak mungkin memperoleh keuntungan yang besar, jika kestabilan politik dan pemerintahan tercipta.

Ancaman, gugatan dan hambatan di atas perlu dikawal secara pasti dengan cara lebih memperkuat ketahanan nasional dan ukwah Islamiah dengan mengamalkan secara konsekuin sistem pemerintahan Melayu Islam Beraja yang sudah teruji kesaktiannya. Ketahanan nasional akan dapat ditingkatkan dengan menerapkan MIB ke dalam segi-segi kehidupan bangsa dan Negara Brunei Darussalam.

Secara historis, penerapan MIB telah berlangsung lama, seperti wujudnya perlembagaan mengenai kuasa pemerintah, agama nasional, bahasa Melayu, peruntukan Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961 dan Pemasyhuran Mengangkat Raja tahun 1959. Apa yang menjadi kewajipan utama dewasa ini adalah menulis konsep MIB secara ilmiah dan meningkatkan komitmen setiap orang Melayu Brunei untuk menerapkan MIB dalam semua aspek kehidupan berbangsa dan bernegara.

Kurangnya pemahaman akan falsafah hidup Brunei

Ketahanan nasional dalam upaya menghalang masuknya pemikiran-pemikiran perosak. Fahaman-fahaman yang tidak sesuai dan juga ancaman serta gugatan-gugatan lain yang ingin memporak-perandakan kesatuan dan perpaduan bangsa Brunei, perlu lebih ditingkatkan lagi dengan memahami falsafah hidup bangsa Melayu Brunei yang diredai Allah. Falsafah hidup bangsa Melayu Brunei yang telah turun-temurun dipunyai itu, terkandung dalam konsep Melayu Islam Beraja. Penerapan, penghayatan dan perlaksanaan konsep MIB itu telah membuat negara kita bertahan menerima ujian yang berkurun-kurun lamanya dan tetap tegak sebagai suatu bangsa yang mempunyai kebudayaan dan tradisi sendiri. Konsep MIB mempunyai banyak ruang untuk modenisasi yang tidak merosakkan tamadun Islam Melayu, sehingga dengan falsafah hidup ini, bangsa Melayu Brunei akan dapat mengejar ketinggalan-ketinggalan dalam memacu dengan kemajuan di masa-masa akan datang.

Melalui pendidikan yang mempunyai rekabentuk calak Brunei ingin dibangun masa depan generasi baharu yang mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, takwa kepada Allah dan faham, tahu, kenal dan mengambil kira unsur-unsur kebruneian yang telah turun-temurun diamalkan oleh datuk nenek, sebagai suatu penerapan dari konsep Melayu Islam Beraja, dalam upaya membangun masyarakat masa depan yang penuh takwa, tidak pernah luntur nilai-nilai budaya Melayu dan cinta kepada raja. Beriringan dengan itu, amatlah perlu diintelektualisasikan konsep Melayu Islam Beraja, dan diintensifkan penerapan, pengamalan dan penghayatannya secara konsekuin dan penuh komitmen, seperti yang telah diperlihatkan oleh generasi-generasi terdahulu dalam sejarah kita.

KELUARAN KHAS
PELITA BRUNEI

KENALI BUDAYA SENDIRI:

ORANG BERBUDI KITA BERBAHASA

MOHD. SALLEH ABDUL LATIF MENULIS . . .

KEMAMPUAN sejarah tanahair kita dalam membentuk keperibadian bangsa dan perpaduan negara yang kita nikmati dewasa ini adalah suatu hal yang tidak dapat dipandang ringan. Kalau kita anggap remeh, kesan yang diterima agak tidak menyenangkan. Atau paling sikit menimbulkan masalah: seperti kacang lupakan kulit.

Kemantapan suatu bangsa dalam mengekang nilai-nilai negatif yang tidak serasi dengan kehidupan kita patut diambil kira. Lalu kemantapan bangsa kita yang sudah sekian lama diamal wajar diterap serta dikembangkan terus agar tidak tenggelam dalam arus tamadun hari ini.

Atau kita tidak rela nilai- nilai murni yang sudah kita amal sejak dahulu turun-temurun itu dikorbankan demi mengejar kemajuan. Kemajuan apa?

Contoh mudah, perilaku awar galat. Awar galat sudah menjadi budaya bangsa kita. Lalu menjadilah kita bangsa yang bersopan santun. Bangsa yang menjunjung tinggi nilai murni yang terselit dalam iktibar awar galat itu.

AWAR GALAT

Tapi sayang, konon demi kemajuan, konon demi tamadun mutakhir, konon demi tidak ketinggalan zaman, dewasa ini sering kita nampak perilaku awar galat itu sudah semacam tidak dihiraukan. Apakah ini kenyataan. Tepuk dada, tanya hati, jangan tanya selera.

Banyak antara kita yang lupa, senghaja melupakan bahawa kita berpijak di bumi darussalam, tanahair tercinta. Bumi yang sekubit ini memerlukan warga yang tahu mengenal harga dirinya. Tahu menghargai budaya sendiri yang berakar-umbi di bumi bertuah ini.

Kalau kita sendiri, baik anak-anak, para belia, para ibu bapa dan para pemimpin enggan memahami kemurnian budaya bangsa sendiri maka akan sukar pula kita dapat memahami masyarakat dan bangsa lain. Lalu kita jadi apa?

Mungkin kita mudah menjadi buih terapung-apung, dimainkan gelombang. Tanpa haluan tanpa tujuan. Nah, dalam keadaan begini lalu secara remeh menyalahkan budaya dan bangsa kita walhal kesalahan berpunca daripada ketololan dan kecuaian diri sendiri.

CIRI KEHIDUPAN BANGSA

Dan kita diketawakan. Orang untung kita rugi. Orang tambah maju tapi kita tersungkur pilu. Orang lain tambah baik budaya mereka, kita tambah cicir! Mudah-mudahan kita lekas sedar kerana:

Beramah mesra sesama manusia
Merupakan budi orang mulia
Mengharumkan bangsa dan negara
Di mata dunia.

Ciri-ciri kehidupan bangsa kita yang berlandaskan saling bekerjasama, bersatu padu, awar galat, dan faham-memahami adalah inti kepada etika budaya bangsa yang wajar kita amal dan teruskan bagi menjamin kekukuhan bangsa agar kita tidak terpesung atau tenggelam dalam kronik tamadun dunia hari ini.

Ya, sepatutnya kita berbangga. Sepatutnya kita mempertahankan kewujudan masyarakat dan bangsa kita yang telah dapat menanai ciri-ciri bangsa yang kukuh, maju dan dinamik.

Para pemimpin, para ibu bapa, guru-guru, para belia, murid-murid dan anak-anak sama-sama punya peranan dan tanggungjawab agar keharmonian yang kita nikmati selama ini dikekal, diamal seterusnya dikembangkan dari cuba-cuba dicemari.

Ya, kalaupun ada perasaan atau fikiran untuk cuba-cuba mencemari, elok sisihkan saja. Kita tidak rela kemantapan yang berlandaskan ciri-ciri yang luhur disingkirkan. Sesungguhnya kita tidak mengizinkan.

Mari kita berganding bahu dalam terus membina nilai-nilai Islam dalam kehidupan sehari-an sesuai dengan aspirasi sebuah negara yang berlandaskan Melayu Islam Beraja. Jangan dalih-dalih.

HORMATI BUDAYA SENDIRI

Kemajuan yang kita capai bukan bererti kita tolak ke tepi nilai-nilai luhur kita. Ya, kenali budaya sendiri. Bangsa yang maju serta digalati adalah bangsa yang menghormati budayanya sendiri. Bukan bangsa yang menyingkirkan budaya leluhurnya.

Lihat kemajuan di Barat, mereka mengagungkan budaya meski budaya itu begitu tuhur dari segi moral dan nilai. Yang penting, budaya sendiri diagungkan agar orang lain menurut. Tapi kita pula jadi pak turut. Tengok budaya Barat terus ceduk.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah sambil diiringi oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan di Majlis Pelancaran Kempen Bersopan Santun Peringkat Kebangsaan baru-baru ini.

Dan dalam menceduk budaya Barat itu kita senghaja memandang rendah budaya sendiri walhal budaya bangsa sendri lebih tinggi nilai baik dari segi moral dan susila. Hanya bangsa yang tahu menghargai budaya sendiri dapat menjadi bangsa yang digalati serta dihormati, ya bangsa yang berwibawa.

Memang kadangkala di segi yang lain kita merasa gundah-gulana terhadap budaya tradisional tetapi kita tetap bertahan dari dipengaruhi oleh ciri budaya negatif yang banyak melanda dari segala sudut.

PENGARUH PENDIDIKAN

Ya, dari segi saikologi, kita sentiasa diumbang-ambingkan oleh perasaan yang tidak menentu terhadap keutuhan budaya sendiri, yang pada setengah orang, ada mengatakan sudah ketinggalan zaman.

Sebetulnya kita takut pada bayang-bayang sendiri. Itu bayang-bayang, ya, kita bimbang terhadap kemajuan teknologi serta kepesatan dunia moden lalu terburu-buru menceduk budaya orang agar dianggap setanding dengan mereka.

Serentak dengan itu kita sesungguhnya cuba membunuh secara perlahan nilai-nilai murni kita. Ya, kita terperangkap konon untuk mendabik dada. Dan yang ditabik ketawa puas. Lalu memperli atas ketololan diri sendiri. Kita mahu jadi apa?

Pengaruh pendidikan, contoh teladan baik dari para pemimpin, ibu bapa, guru-guru, ketua-ketua kampung mengambil peranan begitu penting agar kita tetap kekal dengan budaya kita yang murni yang mengutamakan ciri-ciri beradab serta beradat itu.

TAPI sayang, konon demi kemajuan, konon demi tamadun mutakhir, konon demi tidak ketinggalan zaman, dewasa ini sering kita nampak perilaku awar galat itu sudah semacam tidak dihiraukan. Apakah ini kenyataan. Tepuk dada, tanya hati, jangan tanya selera.

Tinggal berjiran di rumah pangsa
Mesti selalu bertimbang rasa
Jangan suka bersikap mudah
Orang lain menjadi susah.

Ya, jangan ambil mudah setiap nilai-nilai yang kita belum tahu hujung pangkalnya. Kalau di negara-negara maju orang berjiran tidak kenal-mengenal, apakah ini akan kita contohi. Jangan, budaya mereka lain, kita lain.

Budaya mereka memang begitu. Tidak kenal pada jiran. Jiran begitu asing. Keasingan itu menimbulkan semacam suatu kebimbangan yang penuh curiga dan syak wasangka yang bukan-bukan. Nah, budaya serupa ini bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam. Kalau mereka bersikap begitu, biarkan, kita jangan ikut-ikutan.

SALING KENAL-MENGENAL

Budaya kita lain. Jiran wajar dihormati. Jiran perlu difahami serta dikunjungi. Lagipun sudah terbukti oleh sejarah bahawa kemantapan dan keharmonian yang kita nikmati dari dahulu hingga sekarang ini adalah berkat suasana hidup bersatu padu, hormat-menghormati dan faham-memahami.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Istiadat Mengadap bersempena ulang tahun hari keputeraan baginda tahun lalu, di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman pada 15 Julai tahun lepas antara lain bertitah:

"Perkembangan dan kemajuan yang telah kita nikmati itu adalah hasil kerjasama rakyat dan penduduk negara ini yang telah mengamal dan mengekalkan suasana hidup bersatu padu, hormat-menghormati dan faham-memahami."

LIHAT MUKA III

ORANG BERBUDI KITA BERBAHASA

DARI MUKA II

Iktibar apa yang dapat kita ambil dari titah ini? Mudah dan jelas. Budaya bangsa kita tentunya. Terkandung empat ciri budaya bangsa yang tersurat serta tersirat dalam titah itu.

Pertama, hasil kerjasama rakyat dan penduduk. Kedua, suasana hidup bersatu padu. Ketiga, hormat-menghormati. Keempat, faham-memahami.

Titah ini sekaligus menggambarkan tentang sifat kejiranan atau kekeluargaan bangsa kita. Jelas kita digalak untuk saling mengenal, awar galat. Lalu mari kita sama-sama ambil iktibar pantun pertama iaitu beramah mesra sesama manusia, merupakan budi orang mulia, mengharumkan bangsa dan negara, di mata dunia. Seronok mengulang pantun dalam kempen bersopan santun.

HASIL KERJASAMA

Mari kita analisis ciri pertama budaya kita iaitu hasil kerjasama rakyat dan penduduk. Kita susur kepada pandangan atau pendekatan yang lebih luas. Elok kita teliti ciri budaya bangsa kita.

Hasil kerjasama rakyat dan penduduk ini bolehlah kita maksudkan untuk sentiasa bersedia bertolak ansur, sedia berkorban dan sentiasa bermesyuarat lalu bermuafakat dalam setiap perkara berkebajikan untuk kepentingan bersama.

Contoh mudah, penglibatan jiran-jiran, sanak saudara, suku-sakat, kawan-kawan serta kenalan dalam apa jua acara yang kecil seperti majlis doa selamat, majlis mandi belawat, majlis doa arwah mahupun majlis perkahwinan adalah salah satu mekanisme budaya bangsa kita.

Kehadiran kita dalam suatu majlis itu cukup bererti bagi orang yang mengundang. Paling tidak, kita dapat memperbaharui persahabatan yang sedia terjalin. Dan bagi yang belum saling kenal, mereka akan mula mengenali.

Tak kenal maka tak cinta. Peribahasa ini dapat jadi petunjuk. Mekanisme hubungan antara satu unit keluarga dengan unit keluarga yang lain membesar lalu apabila menyangkut hal-hal kebajikan yang melibatkan masyarakat ramai, asas awal yang sudah kita tanai tanpa ragu-ragu kita amalkan.

Apa itu? Lalu kita nampak penglibatan rakyat dan penduduk dalam acara negara seperti menyambut hari kebangsaan serta merayakan hari keputeraan baginda, kita saling bantu-membantu, saling bekerjasama demi kejayaan upacara ini. Dengan adanya kerjasama dari semua pihak, perjalanan majlis lancar dan sempurna. Ini tidak terjadi secara alamiah. Kita yang membentuknya, bermula dari kerjasama suatu unit keluarga lalu meluas kepada kelompok masyarakat.

Iktibar serupa ini dapat dikesan dari pantun: Tinggal berjiran di rumah pangsa, mesti selalu bertimbang rasa, jangan suka bersikap mudah, orang lain menjadi susah.

HIDUP BERSATU PADU

Suasana hidup suatu bangsa ditentukan oleh kehidupan bermasyarakat. Kehidupan berjiran atau bermasyarakat pula berasas kepada peraturan masyarakat itu. Orang berbudi kita berbahasa, tepat seperti tema kempen bersopan santun.

Di tempat awam kita berbaris
Dengan sabar menunggu giliran
Kerja lebih cepat biris
Hidup harmonis bila bersopan.

Lalu kita pun memahami cara-cara kehidupan berkeluarga bangsa kita. Yang tua dituakan. Awar galat, cara-cara bercakap sopan dengan orang-orang tertentu.

Lalu kita pun tahu apa itu kerja memucang-mucang. Apa itu norma sosial dan tatatertib moral bangsa kita. Kelangsungan budaya kita yang murni dan luhur ini telah membolehkan kita hidup bersatu padu.

Kekukuhan bangsa dalam bersatu padu itu penting bagi menjaga keamanan dan ketenteraman serta kesejahteraan negara. Malah bersatu padu itu amat penting bagi mendukung sikap bekerjasama yang menjadi ciri budaya bangsa kita.

Bersatu padu akan sentiasa melahirkan perasaan tabah dan semangat juang yang tinggi, kerana sama-sama mahu berbakti demi kepentingan bersama. Hal ini akan membawa kita kepada lorong bangsa yang berwibawa serta berhimah tinggi.

HORMAT-MENGHORMATI

Budaya hormat-menghormati harus kita tinjau dalam konteks yang luas. Konsep hormat menghormati itu termasuklah juga ketaatan dan kesetiaan.

Hormat dan taat beragama. Hormat dan taat kepada raja. Hormat dan taat pada negara. Ketigatiga ini memang wajar dijadikan pegangan yang kukuh dalam kita hidup bermasyarakat dan bernegara. Sekaligus menanai konsep kenegaraan Melayu Islam Beraja.

Budaya hormat-menghormati ini termasuk dalam lingkungan kekuasaan. Kuasa dalam satu unit keluarga dipegang oleh ketua keluarga misalnya nenek atau ayah. Dalam satu kumpulan kuasa dipegang oleh ketua kumpulan. Dalam persatuan kuasa diamanahkan kepada pemimpin.

Dalam sebuah negara pula kuasa sama ada dipegang oleh ketua negara atau ketua pemerintah. Lalu menjadi budaya, bukan sahaja budaya kita malah budaya sejagat bahawa ketua itu dihormati untuk ditaati.

Dalam menghormati serta mentaati negara itu pula termasuklah mentaati undang-undangnya di samping menyingkirkan sifat-sifat negatif seperti anti sosial, penyalahgunaan dadah, merosakkan harta benda awam mahupun tidak menumpukan sepenuh perhatian terhadap tanggungjawab dan tugas yang diamanahkan.

Menyentuh dengan sikap hormat-menghormati ini, bisai ditanamkan kepada kalangan para belia yang bakal menjadi pemimpin negara di masa akan datang.

Orang Berbudi Kita Berbahasa, yang jadi tema kempen bersopan santun ini, meliputi juga hormat-menghormati. Khusus mengenai penglibatan para belia dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Perasmian Jambori Nasional Kedua Negara Brunei Darussalam di Tapak Perkhemahan Pengakap, Gadong pada 22 Ogos, 1989 pernah menekankan titah:

"Para belia mestilah sentiasa mengamalkan sikap berdisiplin dan pemedulian, menghormati kepada pemimpin-pemimpin , guru-guru, ibu bapa dan orang-orang tua kerana dengan membiasakan diri kepada sifat hormat-menghormati dan perasaan sentiasa bertanggungjawab, akan melengkapkan diri belia dengan sifat-sifat yang sempurna sebagai pemimpin negara dan masyarakat yang berwibawa dan berkaliber di masa akan datang."

Para belia adalah aset yang bernilai kepada negara. Kita memerlukan para belia yang penuh dedikasi dan komitmen kepada tanggungjawab dan tugas masing-masing dalam menanai keharmonian hidup berbangsa dan bernegara.

FAHAM-MEMAHAMI

Konteks budaya kita dalam konsep faham-memahami ini meliputi penghayatan dalam amalan beragama, kesetiaan kepada raja dan semangat cintakan tanahair.

Dengan memahami serta mengetahui punca kerukunan serta keharmonian bermasyarakat maka kita akan sentiasa bersikap peka di samping waspada.

Contoh mudah, pemahaman dan pengetahuan yang luas mengenai dengan perbezaan antara pemimpin dengan yang dipimpin, antara raja dan rakyat, antara rakyat dan penduduk, antara penduduk dengan orang pendatang, antara baik dan buruk, antara positif dan negatif menunjukkan bahawa kehidupan itu sendiri mempunyai batas-batas tertentu dan pada dasar tertentu pula. Bukan ikut sesedap rasa, seenak selera, bukan!.

Apakah batas dan dasar-dasar tertentu dalam kegigihan kita memahami ini? Jawabnya mudah. Kita rujuk kepada Islam. Kita semua termasuk para pemimpin, para ibu bapa, guru-guru, ketua-ketua kampung, para belia dan diri kita sendiri hendaklah sentiasa mengawasi setiap pergerakan kita, agar tidak bercanggah dengan ajaran-ajaran Islam.

Islam adalah agama rasmi negara. Dan menjadi kewajipan kepada rakyat dan penduduk yang bukan beragama Islam di bumi darussalam ini sekurang-kurangnya memahami bahawa Islam adalah agama yang menganjurkan hidup aman damai, taat dan setia kepada raja dan negara.

Nah, kenali budaya kita. Orang berbudi kita berbahasa. Kerjasama dan sokongan semua lapisan rakyat dan penduduk yang bersatu padu, hormat-menghormati dan faham-memahami telah membolehkan kita hidup dalam suasana yang sejahtera lagi bahagia bagi kita sama-sama nikmati kemajuan dan pembangunannya.

KESIMPULAN

Keharmonian dan kemantapan berbangsa dan bernegara yang kita nikmati selama ini adalah berasas kepada ciri-ciri murni budaya kita yang bertunjang kepada sistem masyarakat yang bercirikan kebruneian dan bersendi kepada ajaran-ajaran Islam yang telah kita warisi dan amalkan.

Kerana itu kita alu-alukan kempen bersopan santun yang bertujuan untuk mengembalikan semula atau menerapkan semula ciri kebruneian itu.

Beramah mesra sesama manusia
Merupakan budi orang mulia
Tinggal berjiran di rumah pangsa
Mesti selalu bertimbang rasa
Hidup harmonis bila bersopan.



CIRI-CIRI kehidupan yang bersopan santun harus didedahkan secara meluas kepada kaum belia hari ini.

"PARA belia mestilah sentiasa mengamalkan sikap berdisiplin dan pemedulian, menghormati kepada pemimpin-pemimpin, guru-guru, ibu bapa dan orang-orang tua kerana dengan membiasakan diri kepada sifat hormat-menghormati dan perasaan sentiasa bertanggungjawab, akan melengkapkan diri belia dengan sifat-sifat yang sempurna sebagai pemimpin negara dan masyarakat yang berwibawa dan berkaliber di masa akan datang."

ANEKA انيكا Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

MELAYU ISLAM BERAJA SUATU TINJAUAN SEJARAH

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

MELAYU Islam Beraja bukanlah satu konsep yang baru bagi Negara Brunei Darussalam (NBD), ianya telah menjadi akar umbi yang tidak boleh digugat-gugat. Konsep MIB ini mula menjadi buah mulut rakyat dan penduduk negara ini apabila Negara Brunei Darussalam telah memperolehi taraf kemerdekaannya yang penuh lagi berdaulat.

MIB mempunyai suatu rahmat yang tersembunyi kerana ianya telah turut sama disytiharkan kemerdekaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-29 pada 1 Januari 1984 antara lain bertitah:

"Negara Brunei Darussalam dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka....."

Oleh itu fahaman MIB patutlah diterapkan kepada seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, sekurang-kurangnya ia dapat memberikan suatu fahaman yang positif demi mengelakkan fahaman atau pandangan yang negatif. Sehubung dengan konsep MIB ini, kita tidak lah mahu melihat hanya beberapa buah kementerian sahaja yang mahu mengungkayahkan untuk menegakkan hingga ianya benar-benar dihayati dan menjadi slogan teras kepopularitian negara.

Kita juga mestilah mengambil kira dalam jangka masa yang panjang bahawa MIB patutlah dijadikan teras perpaduan dan ketahanan nasional untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Ini bermakna semua kementerian yang dianggap sebagai jentera penggerak pentadbiran kerajaan haruslah bersama-sama memikul tanggungjawab ini bagi mencapai ke arah keberkesanan yang lebih padu dan tahan.

Kita tidak mahu MIB hanyalah sebagai permainan kata-kata yang membajir, kerana menurut hemat orang Melayu Brunei; setiap titah wajiblah dijunjung kerana ia adalah merupakan kurnia yang bermakna bagi mereka yang menganggap dirinya sebagai orang Melayu.

KITA juga mestilah mengambil kira dalam jangka masa yang panjang bahawa MIB patutlah dijadikan teras perpaduan dan ketahanan nasional untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Ini bermakna semua kementerian yang dianggap sebagai jentera penggerak pentadbiran kerajaan haruslah bersama-sama memikul tanggungjawab ini bagi mencapai ke arah keberkesanan yang lebih padu dan tahan.

MIB sebenarnya merupakan konsep yang unik jika dibandingkan dengan negara-negara dalam ASEAN, hanya negara kitalah salah satu negara yang tertua di rantau ini masih dapat mengekalkan identiti MIB, pengekalan seperti ini patutlah dipelihara dari pupus ditelan oleh keadaan masa dan pengaruh luar yang kian menggugat.

Konsep MIB yang menjadi teras kemegahan dan keagungan negara kita wajarlah di tanai bersama-sama, kalau kita melihat Negara Malaysia dengan Rukun Negara dan di Indonesia pula dengan Pancasila. Sebagai seorang rakyat jati kita melihat dari beber apa aspek ternyata konsep MIB itu mempunyai sesuatu keunikan dan keistimewaan yang luar biasa.

Keunikan dan keistimewaan ini tidak nampak oleh mereka yang mempunyai pandangan negatif atau mereka yang mempunyai pendirian terhadap nilai-nilai kebangsaan, kerana mereka lebih suka mengagungkan konsep negara lain dari negaranya sendiri, mereka yang seperti inilah harus kita bimbing dan berikan kefahaman yang betul mengenai MIB. Kalau kita mahu mengukur baju kita biarlah di badan kita sendiri janganlah mengukur baju kita di badan orang lain.

MELAYU

Apabila kita memperkatakan Melayu, ianya adalah merupakan suatu perkataan yang nampaknya mudah tetapi sebenar istilah Melayu itu sendiri masih lagi belum mempunyai pengertian yang khusus, dalam buku Kamus Dewan, Melayu bermaksud bangsa dan bahasa. Menurut Pelembagaan Negara Brunei 1959, Melayu adalah mengandungi tujuh puak jati iaitu Brunei, Belait, Bisaya, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong.

Menurut S. Husin Ali dalam bukunya "Orang Melayu Masalah dan Masa Depan" bahawa secara lahir memang senang untuk mengenali orang Melayu, mereka lazimnya berkulit warna sawo matang, berbadan sederhana besarnya tetapi tegak dan selalu berlemah lembut serta berbudi bahasa.

Mengenai kehadiran orang Melayu ke alam Melayu khususnya mengenai pembukaan Negeri Brunei terdapat perbezaan pendapat di kalangan sejarawan antaranya yang memberikan pendapat ialah: Robert Nicholl yang mengandaikan bahawa raja dan negeri ini berasal dari Tanah Besar Asia iaitu bangsa Yunan.

Apabila negeri mereka (Raja Yunan) dikalahkan oleh Raja Negeri Khamer lalu Raja Yunan berhijrah ke beberapa buah pulau di Selatan Tanah Besar dan salah sebuah kawasan ialah pulau yang besar (merujuk kepada Pulau Borneo), raja yang membawa rakyat yang taat setia ini lalu menggelarkan dirinya sebagai Raja Kamrun.

Menurut Awang Sanib Said: Pembukaan Negeri Brunei adalah berasal dari penghijrahan keluarga diraja orang-orang Sumatera yang berasal dari Pagar Ruyong. Beliau juga telah mengatakan beberapa buah tempat di kawasan ini (Pulau Borneo merujuk kepada Brunei lama) ada persamaan nama dengan dibeberapa buah tempat di Pulau Sumatera.

Menurut Sarsin seorang antropologi bahawa bangsa Melayu telah lama wujud mereka dipanggil sebagai Proto Malay, bangsa ini juga dikatakan telah berhijrah dari Tanah Besar Asia menuju ke Selatan. Oleh itu adalah diperakukan bahawa bangsa Melayu adalah merupakan sebuah bangsa yang majoritinya menduduki di kawasan alam Melayu.

Kewujudan bangsa Melayu ini juga dapat diperlihatkan dengan tertubuhnya beberapa buah kerajaan awal di nusantara seperti Kerajaan Sailendera, Sri Wijaya, Majapahit, Melaka, Tumasek, Poni dan lain-lain.

Bersambung minggu depan

KITA tidak mahu MIB hanyalah sebagai permainan kata-kata yang membajir, kerana menurut hemat orang Melayu Brunei; setiap titah wajiblah dijunjung kerana ia adalah merupakan kurnia yang bermakna bagi mereka yang menganggap dirinya sebagai orang Melayu.

SYAIR ASLI RAJANG HARI

ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah Sasterawan Diraja yang ulung. Baginda telah berjaya mencipta beberapa buah buku syair bagi memperkaya khazanah kesusasteraan tanahair, antaranya ialah Syair Asli Rajang Hari.

Dalam usaha menghayati pemikiran-pemikiran bernas itu, ruangan ini akan memetik dan memuat sepuluh rangkap secara berterusan setiap kali keluaran daripada Syair Asli Rajang Hari karangan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Syair Asli Rajang Hari ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 dan dicetak oleh M.P.H. Printers Sendirian Berhad, Singapura.

Semoga Syair Asli Rajang Hari ini mendatangkan manfaat terutama dalam kegigihan para penulis tanahair berkarya. — PENYUNTING.

Mata pelajaran suli, berakar,
ilmu pengetahuan sentiasa mekar,
di bandar, di desa, di hutan belukar,
siapa berilmu jarangkan sukar.

Tuntutlah ilmu jauh dan dekat,
ilmu kebajikan laila diikat,
ke dalam dada biar dilekat,
supaya pendapat tiada singkat.

Dua likur harinya Ahad,
bulan mengembang atas angkasa,
Allah yang Esa yang Maha Melihat,
Tuhan yang Adil dan Maha Kuasa.

Wahai anakanda laila handalan,
berjaga-jagalah mengorak jalan,
laila umpama, pepatah, bidalan,
sajakkan ia dipergaulan.

Dipergaulan berpèrundingan,
laila tekun tiada panglingan,
menghadapkan pendapat tiada runsingan,
laila tabah tiada palingan.

Laila tabah, jujur dan ihsan,
laila tekun tiada bosan,
menghadapkan pendapat laila alasan,
dipergaulan berunding kebajikan berkesan.

Tiga likur Ithnin namanya,
bulan masuk di awal pagi,
indah lafaz pada mulanya,
indah laila segenap segi.

Laila kebajikan kandil-pelita,
bagi kebahagiaan laila peta,
indah bermanfaat laila kata,
indah terhurai iaitu kota.

Indah terburai dari sebutan,
ayat tertulis di persuratan,
madah termutrai dari lipatan,
laila dikota, berpatutan.

Wajib dikota kata dan madah,
perlu ditegangkan kata terdedah,
laila dikukuhkan kata yang sudah,
pada mengkotakan ia janganlah gundah.

ANEKA انيكا Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

MELAYU ISLAM BERAJA SUATU TINJAUAN SEJARAH

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

BANGSA Melayu yang wujud di kawasan alam Melayu ini adalah merupakan sebuah bangsa yang mempunyai kebudayaan yang sangat tinggi. Menurut pandangan beberapa orang sarjana dari Barat, mereka adalah bangsa yang lemah lembut, peramah, berbudi bahasa, suka bergaul. Mereka juga diperkatakan sangat kuat beribadat, taat kepada orang tua, taat kepada raja, sentiasa tolong-menolong dan lain-lain lagi.

Setelah meneliti dari pendapat-pendapat di atas kita dapatlah memperkatakan mereka adalah mempunyai peradaban yang tinggi, tidak ketinggalan juga orang-orang Melayu Brunei; ini jelas kalau kita perhatikan dari soal keluarga; orang Melayu Brunei sangat menghormati kedua orang tua, keluarga atau jiran, tidak camah mata, suka menolong (waktu memucang-mucang), menepati janji, menghormati ketua, menghormati tamu, tidak menyimpan prasangka buruk, sentiasa bersyukur dan lain-lain lagi.

PERTAHANKAN

Apakah nilai-nilai kemelayuan yang telah kita warisi sejak zaman-berzaman ini akan kekal dan dapat kita pertahankan sebagai sebuah negara Melayu? Bagaimanakah kita mahu mengenal sebuah negara Melayu? Dalam hal ini, mari kita singkap sejarah silam negara-negara di alam Melayu ini. Terdapat beberapa ciri yang wujud dalam sesebuah negara Melayu antaranya ialah:

1. Mempunyai raja/sultan/ketua
2. Berbahasa Melayu
3. Berkebudayaan Melayu
4. Beragama Islam

Dalam konteks kebudayaan Melayu yang wujud di Negara Brunei Darussalam ini dilihat sebagai teras atau ciri-ciri yang menunjukkan negara ini sebagai negara Melayu, menurut Haji Hashim Hamid (kertas kerja "Kebudayaan Brunei. Antara Identiti dan Pembinaan Bangsa") Kebudayaan Melayu Brunei itu terbahagi kepada enam iaitu:

1. Brunei mempunyai Kesultanan Melayu
2. Brunei mempunyai adat istiadat Melayu Brunei
3. Pucuk pimpinan dipegang oleh orang Melayu
4. Mempunyai kesenian sendiri
5. Menggunakan bahasa Melayu/bahasa Melayu Brunei
6. Menganut agama Islam

Dari penjelasan mengenai kebudayaan Melayu itu, tentulah kita sebagai bangsa Melayu di Negara Brunei Darussalam tidak mahu nilai dan ciri-ciri kebudayaan Melayu yang menggambarkan sebuah negara Melayu yang tulen, tercemar atau lenyap oleh anasir-anasir yang cuba menghilangkan identiti kemelayuan yang hendak menggantikan dengan nilai-nilai kebudayaan bangsa lain.

Sebagai bangsa Melayu sepatutnya kita berbangga atas inisiatif negara kita yang telah berusaha ke arah mempertahankan nilai dan identiti kemelayuan sebagai satu konsep atau pegangan kita bagi memperlihatkan kepada masyarakat antarabangsa bahawa kita mempunyai harga diri melalui budaya kita yang tersendiri.

PENJAJAHAN

Bangsa Melayu yang ada pada hari ini terutama di kawasan alam Melayu telah tercemar oleh keadaan sosial politik. Sebenarnya keadaan seperti ini wujud adalah disebabkan penjajahan budaya Barat yang sering kita anggap sebagai suatu budaya yang membawa kemajuan besar dalam kehidupan budaya orang-orang Melayu, walhal kita orang Melayu sebagai hamba kepada mereka.

Bagaimanapun kesengsaraan orang Melayu di bawah budaya Barat ini telah mula berubah apabila kesedaran mula timbul selepas mereka memperolehi kemerdekaan dari penjajahan. Bangsa Melayu tidaklah lagi bodoh akibat penjajahan budaya Barat itu. Mereka telah setaraf dan dapat berdiri sama dengan mereka yang pernah mengaut keuntungan dari orang-orang Melayu.

Kita di Negara Brunei Darussalam berasa beruntung walaupun kita berada di bawah naungan budaya Barat namun kita tetap unggul dan dapat bertahan dengan kuatnya sebagai sebuah bangsa Melayu dengan ciri-ciri dan nilai kemelayuan yang paling kukuh.

Kekuatan ini adalah disebabkan kewujudan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang telah diasaskan oleh Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin III.

Identiti Melayu kebruneian terus diperteguhkan dan diperkembangluaskan kepada rakyat dan negara di bawah pemerintahan anak-anda Almarhum iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Perkara ini jelas dilihat semasa pengisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada awal Januari 1984 apabila baginda mahu menjadikan negara ini sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja.

Adalah wajar kita sebagai bangsa Melayu mempertahankan identiti kemelayuan kita dari terhapus oleh anasir budaya luar yang sering menggugat bangsa Melayu. Hanya kitalah satu-satunya negara Melayu di alam Melayu ini yang masih unggul dan kaya dengan identiti kemelayuan dan terus menjadi ristaan kita turun-temurun.

ISLAM

Islam telah wujud di Brunei melalui pendakwah-pendakwah dari Arab dijangkakan dalam abad ke-10, hal ini telah disebutkan dalam sumber dari China semasa pemerintahan Dinasti Sung, mengatakan: Kerajaan Brunei (Poni) ketika itu diperintah oleh Maharaja Hiang Ta telah membuat perhubungan dengan Negeri China, baginda telah menghantar satu rombongan ke Negeri China yang diwakili oleh tiga orang bangsa Arab (mereka inilah yang dikatakan mula membawa agama Islam dan berdakwah kepada rakyat) iaitu Abu Ali, Syeikh Noh/Noor dan Qadhi Kassim. Mereka ini juga telah membawa pelbagai hadiah sebagai persembahan pada tahun 977 Masihi.

Perkembangan Islam terus berkembang apabila Raja Brunei, Awang Alak Betatar telah memeluk agama Islam pada tahun 1360-an dengan menggunakan nama Sultan Mohammad Syah. Kenyataan Sultan Brunei menggunakan nama Islam ini ada disebut dalam sumber China yang mengatakan pada tahun 1370 Kerajaan Poni (Brunei) ketika itu telah diperintah oleh Sultan Mahamosa.

Agama Islam terus tersebar luas terutama di tanah-tanah jajahan Brunei dalam masa pemerintahan Sultan Bolkiah Sultan Brunei ke-5, pada masa itu Brunei juga telah menjadi sebagai pusat penyebaran agama Islam. Ini berlaku selepas kejatuhan Melaka ke tangan Portugis.

Bersambung minggu depan

SEBAGAI bangsa Melayu sepatutnya kita berbangga atas inisiatif negara kita yang telah berusaha ke arah mempertahankan nilai dan identiti kemelayuan sebagai satu konsep atau pegangan kita bagi memperlihatkan kepada masyarakat antarabangsa bahawa kita mempunyai harga diri melalui budaya kita yang tersendiri.

TENTULAH kita sebagai bangsa Melayu di Negara Brunei Darussalam tidak mahu nilai dan ciri-ciri kebudayaan Melayu yang menggambarkan sebuah negara Melayu yang tulen, tercemar atau lenyap oleh anasir-anasir yang cuba menghilangkan identiti kemelayuan yang hendak menggantikan dengan nilai-nilai kebudayaan bangsa lain.

SYAIR ASLI RAJANG HARI

ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah Sasterawan Diraja yang ulung. Baginda telah berjaya mencipta beberapa buah buku syair bagi memperkaya khazanah kesusasteraan tanahair, antaranya ialah Syair Asli Rajang Hari.

Dalam usaha menghayati pemikiran-pemikiran bernas itu, ruangan ini akan memetik dan memuat sepuluh rangkap secara berterusan setiap kali keluaran daripada Syair Asli Rajang Hari karangan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Syair Asli Rajang Hari ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 dan dicetak oleh M.P.H. Printers Sendirian Berhad, Singapura.

Semoga Syair Asli Rajang Hari ini mendatangkan manfaat terutama dalam kegigihan para penulis tanahair berkarya. — PENYUNTING.

Empat likur hari Selasa,
air sungai tenang-tenangan,
mengubah kata tentu berdosa,
hendaknya diingat wajah timangan.

Adalah salah mengubah kata,
salah mengubah kata yang nyata,
untuk kebajikan laila dipeta,
kata-kata itu ialah kota.

Laila kata-kata indah terbentang,
kata-kata kebajikan sukatan gantang,
walau badan bujur melentang,
mengubah kata adalah pantang.

Mengubah kata jadi pemali,
hidup bukan berkali-kali,
hidup dan mati hanya sekali,
laila madah mekar bersuli.

Hari Arba lima likur rajangnya,
bulan masuk di pagi hari,
ikrar lidah tasdik hatinya,
itulah pegangan kukuh tak lari.

Wahai anakanda intan dikarang,
buat kebajikan dari sekarang,
perbuatan jahat mesti dilarang,
barulah termasyhur negara terang.

Laila tenteram kemasyhuran lambang,
segala kejahatan tiada mengimbang,
aman dan makmur menghias gerbang,
laila bersunting, ingatkan serbang.

Lambang negara tenteram dan aman,
kemasyhuran negeri adil budiman,
dalamnya damai, sentosa, siuman,
rakyat dan penduduk laila pedoman.

Laila pedoman kerana kebaikan,
bagi seluruhnya kerana kebajikan,
nama yang baik dimasyhurkan,
aman laila makmur dipermegahkan.

Menjadi kemegahan laila aman,
menjadi kemasyhuran adil budiman,
menjadi galakan sentosa siuman,
jadi pujian laila berkententeraman.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

MELAYU ISLAM BERAJA SUATU TINJAUAN SEJARAH

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

SISTEM beraja kita telah menjadi warisan dari sejak negara ini mula dibuka oleh Awang Alak Betatar yang dikatakan sebagai raja yang pertama memeluk agama Islam dengan menggunakan Sultan Mohammas Syah. Sistem beraja yang wujud di negara ini begitu jelas dan kukuh kerana raja adalah sebagai ketua: Kanun dan syara, adat istiadat dan resam.

KEAGUNGAN dan kegemilangan Kerajaan Brunei awal dalam masa pemerintahan Sultan Bolkiah terhadap penyebaran agama Islam telah dirista kembali oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa bertitah di perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sempena kemasukan Brunei Darussalam ke dalam PBB sebagai ahli yang ke-159 pada 21 September, 1984 antara lain bertitah:

"Yang pertama kami dapat menawarkan pengalaman. Latarbelakang yang diperolehi dari sejarah dunia yang ditempuhi dengan kesukaan. Kami merupakan sebuah negara baru, tetapi juga sebuah negara purba: salah sebuah negara yang tertua di Asia. Para pelawat ke Brunei beberapa kurun yang silam menemui satu sistem sosial yang kukuh dengan kebudayaan yang kaya makmur. Lima ratus tahun yang lalu, di bawah kepimpinan nenek moyang beta Sultan Bolkiah, Sultan Islam yang kelima Brunei telah me mainkan peranan penting dalam perkembangan agama Islam di Asia Tenggara.

Islam terus menjadi pegangan dalam teraju pemerintahan Kerajaan Brunei awal, ini dapat dilihat dalam masa pemerintahan Sultan Hassan Sultan Brunei ke-9, baginda telah mewujudkan sebuah perlembagaan yang dikenali sebagai Hukum Kanun mengandungi empat puluh fasal yang berlandaskan agama Islam.

Kemungkinan hukum kanun ini adalah berasal dari undang-undang Melaka. Setakat ini dapatlah dikatakan agama Islam telah mengambil peranan yang penting dalam pemerintahan Kerajaan Negeri Brunei awal.

MENAIKI TAKHTA

Apabila Almahrum Sultan Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien menaiki takhta Kerajaan Brunei pada tahun 1950 baginda telah menguatkan kedudukan agama Islam, ini telah termaktub dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi.

Dengan termaktubnya agama Islam dalam perlembagaan ini maka agama Islam semakin memainkan peranan yang penting dalam pemerintahan Kerajaan Brunei (ke arah pemerintahan yang moden dan pembaharuan) hal ini jelas menjamin kedudukan Negeri Brunei yang dimiliki oleh orang-orang Melayu begitu kuat sekali.

Di dalam bab Kuasa Memerintah dijelaskan: Sultan mestilah beragama Islam, pegawai-pegawai kanan seperti Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan mestilah orang Melayu yang beragama Islam.

Kedudukan bangsa Melayu yang beragama Islam untuk memerintah negeri ini lebih jelas dan kukuh apabila wujudnya sistem kementerian iaitu selepas era kemerdekaan, jawatan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Tetap majoritinya adalah orang-orang Melayu yang beragama Islam.

Kedudukan dan kuasa orang-orang Melayu ini patutlah dipertahankan jangan sampai jarum-jarum yang cuba menghilangkan bangsa Melayu yang beragama Islam itu menyerapkan dalam negeri kita.

Untuk menguatkan kedudukan agama Islam sebelum kewujudan Perlembagaan Negeri Brunei 1959, baginda telah menubuhkan Majlis Mesyuarat Shariah pada tahun 1954 dan baginda sendiri telah menjadi pengerusinya.

Pada tahun yang sama Jabatan Hal Ehwal Ugama telah ditubuhkan tetapi bergabung dengan Adat Istiadat dan Kebajikan. Sebuah lagi badan bebas yang mempunyai fungsi yang amat penting bagi mengawasi perlaksanaan dan perkembangan agama Islam ialah Majlis Ugama Islam yang telah diwujudkan di bawah undang-undang 20/1955. Badan ini berfungsi bagi menasihatkan Almarhum Sultan Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien mengenai perkara-perkara yang berhubung kait dengan agama Islam.

Kedudukan Majlis Ugama Islam perupakan sebuah badan yang tertinggi dan berkuasa mengenai perjalanan dan perkembangan agama Islam di negeri ini.

Selepas wujudnya perlembagaan pada tahun 1959, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat dan Kebajikan telah dipisahkan menjadi dua jabatan iaitu Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Adat Istiadat dan Kebajikan.

Dengan terbentuknya Jabatan Hal Ehwal Ugama sebagai satu jabatan, tambahan pula terdapat pegawai-pegawainya yang terdiri dari anak-anak tempatan yang telah memperolehi ijazah dari Al-Azhar (Mesir), perjalanan dan perkembangan agama Islam sangat menonjol sekali. Boleh dikatakan hingga kini penghayatan agama Islam terhadap pentadbiran kerajaan, rakyat dan negara begitu berkesan.

Bagaimanapun usaha-usaha menyebarluaskan syiar Islam dalam negara ini terus dipertingkatkan melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama. Antara perlaksanaan yang telah diungkayahkan bagi menyemarakkan syiar Islam ini ialah pembinaan masjid-masjid di seluruh negara ini termasuklah kampung-kampung pedalaman, sekolah-sekolah agama, dermasiswa untuk anak-anak tempatan belajar di luar negeri, perayaan-perayaan yang bercorak keagamaan dan lain-lain lagi.

Penghayatan agama Islam sejak dahulu lagi tidak dapat dinafikan hingga kini agama Islam sering disebut-sebut sebagai ideologi negara. Agama Islam terus diperkukuhkan selepas kemerdekaan Negara Brunei Darussalam apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bertitah dalam pengisytiharan kemerdekaan pada 1 Januari, 1984: Bahawa negara ini akan terus menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang berlandaskan kepada fahaman Ahlil Sunnah Wal-Jamaah. Jelaslah kepada kita bahawa konsep kita terhadap agama Islam itu sudah berakar umbi dalam kehidupan bernegara.

BERAJA

Apabila kita memperkatakan beraja, ianya bukanlah satu perkara yang baru dan asing bagi kita dan amnya masyarakat antarabangsa. Beraja adalah melambangkan kedaulatan bagi sesebuah negara di bawah pemerintahan seorang raja yang telah wujud sejak awal abad Masihi.

Masyarakat purba menganggap raja adalah sebagai inkarnasi dari Tuhan, oleh itu raja dikatakan sebagai seorang yang mempunyai "Super Power". Bagi rakyat yang menentang/derhaka kepada raja mereka dipercayai akan mendapat kesukaran dalam hidupnya kerana raja mempunyai "daulat" hingga kini pun kedaulatan seorang raja itu masih dianggap sebagai seorang yang sentiasa membawa rahmat kepada rakyat.

Sistem beraja kita telah menjadi warisan dari sejak negara ini mula dibuka oleh Awang Alak Betatar yang dikatakan sebagai raja yang pertama memeluk agama Islam dengan menggunakan nama Sultan Mohammad Syah. Sistem beraja yang wujud di negara ini begitu jelas dan kukuh kerana raja adalah sebagai ketua: Kanun dan syarak, adat istiadat dan resam. Pengakuan kedaulatan raja sebagai tunggak negara jelas diperkuatkan semasa pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei ke-29, antara lain berbunyi:

1. Sudah dengan kehendak Allah tuanku menjadi raja dalam Negeri Brunei ini.
2. Sudah dengan kehendak Allah tuanku menjadi junjungan rakyat Negeri Brunei.
3. Sudah dengan kehendak Allah tuanku menjadi pemimpin kepada rakyat Negeri Brunei ini.
4. Sudah dengan kehendak Allah tuanku menjadi penaung kepada rakyat Negeri Brunei ini.
5. Sudah dengan kehendak Allah tuanku menjadi turus tonggak Negeri Brunei ini.
6. Sudah dengan kehendak Allah tuanku menjadi Yang Di-Pertuan bagi Negeri Brunei ini.
7. Mudah-mudahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuan Patik kekal 'Kharal' di atas singgahsana Kerajaan Brunei turun-temurun memerintah dan memimpin rakyat Negeri Brunei Darussalam, Amin ya rabbil aalamin.

Bersambung minggu depan

SYAIR ASLI RAJANG HARI

ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah Sasterawan Diraja yang ulung. Baginda telah berjaya mencipta beberapa buah buku syair bagi memperkaya khazanah kesusasteraan tanahair, antaranya ialah Syair Asli Rajang Hari.

Dalam usaha menghayati pemikiran-pemikiran bernas itu, ruangan ini akan memetik dan memuat sepuluh rangkap secara berterusan setiap kali keluaran daripada Syair Asli Rajang Hari karangan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Syair Asli Rajang Hari ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 dan dicetak oleh M.P.H. Printers Sendirian Berhad, Singapura.

Semoga Syair Asli Rajang Hari ini mendatangkan manfaat terutama dalam kegigihan para penulis tanahair berkarya. — PENYUNTING.

Wahai anakanda cahaya mata,
intan terpilih tajuk mahkota,
mastika kusayang laila juita,
laila beringat menghembur kata.

Biar buruk tapih di pinggang,
jangan buruk budi perangai,
biar gawai buruk berlinggang,
kalau bohong jahat perangai.

Kalau bohong madah bersabda,
membayangkan busuk hasrat dada,
berkata kebajikan tiada memada,
perkataan bohong mengada-ngada.

Oleh yang demikian wahai tempawan,
bohong kata-kata hendaknya dilawan,
banyak kata-kata dusta bukan bangsawan,
sekali tak dapat hati tertawan.

Enam likur Khamis rajangnya,
bulan terang di waktu subuh,
membanyakkan diayah bukan tempatnya,
tiada sihat si batang tubuh.

Banyak diayah siasah kata,
percakapan bohong bukannya peta,
memburukkan namanya dirinya nyata,
sebab selalu berkata dusta.

Wahai tempawan laila kencana,
cahaya mata anakandaku teruna,
laila berfikir yang bijaksana,
di majlis rundingan laila berguna.

Laila luas dari taksiran,
laila congak dari sifiran,
laila bermasyuarat duduk berjiran,
penuhi kepala dengan fikiran.

Indah pepatah bidalan kata,
indah bidalan pepatah kata,
indah pepatah perumpamaan kata,
seperti di bawah anakanda Mahkota.

Seekor kerbau membawa lumpur,
harus semuanya mendapat kotor,
laila muhibah duduk bercampur,
diayah siasah biarlah teratur.

ANEKA انيكا Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

MELAYU ISLAM BERAJA SUATU TINJAUAN SEJARAH

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

DALAM ciri-ciri kebudayaan orang Melayu salah satu ketetapan yang wujud ialah mempunyai raja atau sultan yang didukung oleh peraturan yang terdapat dalam struktur politik negara dan ianya menjadi semacam satu perjanjian ikatan yang sudah termaktub dalam kehidupan orang-orang Melayu khususnya Negara Brunei Darussalam antara lain berbunyi:

Raja tidak boleh zalim
Rakyat tidak boleh derhaka
Raja untuk rakyat
Rakyat untuk raja
(P.M. Yusuf: Muzium Jurnal 1975).

Dari perjanjian ikatan raja dan rakyat yang tidak bertulis itu ianya merupakan satu ikatan yang begitu kukuh dalam masyarakat Melayu dan ini dapat mencerminkan nilai-nilai yang halus, berbudi bahasa, berdaulat, silaturahim, murni dan padu. Nilai-nilai ini boleh dianggap memberikan suatu dimensi identiti keperibadian orang Melayu Brunei tulen.

WARIS

Kedudukan raja/sultan melalui proses perlantikannya dalam pemerintahan beraja yang sudah wujud sejak negara ini dibuka, terus diperkemaskinikan sebagaimana yang telah termaktub dalam Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku/Raja 1959 dalam Bab (4) ceraian (1) telah mensyaratkan bahawa:

"Seseorang itu tidak boleh disifatkan sebagai waris yang sah seperti yang tersebut dalam Bab 3 kalau dia bukan laki-laki keturunan yang sah dari sebelah laki-laki dan kalau dia tidak memeluki agama Islam."

Ketetapan yang diperuntukkan di atas telah memperlihatkan betapa pentingnya perlantikan syarat untuk menjadi seorang raja/sultan itu dalam pemerintahan Negara Brunei Darussalam. Ini juga telah dapat mempertahankan status dan imej bangsa Melayu dan agama Islam yang telah diamalkan sejak turun-temurun.

Soal taat setia kepada raja walaupun ianya tidak dicatat atau dilembagakan secara bertulis, ianya telah berakar umbi dan meresap dalam jiwa orang Melayu Brunei sejak negara ini mempunyai sultan /raja, sebab itulah perjanjian yang tidak nampak antara raja dan rakyat "Raja tidak boleh zalim dan rakyat tidak boleh derhaka". itu telah mengeratkan suatu perhubungan yang sukar dipisahkan.

Kalau kita lihat tulisan-tulisan lama ada mencatatkan bagaimana ketaatan setia kepada raja ini wujud dan menjadi warisan turun-temurun kepada orang-orang Melayu, sebagai misalan mengikut catatan dalam Sejarah Melayu yang ditulis oleh Tun Seri Lanang:-

Sebelum kedatangan agama Islam dikatakan asal usul raja-raja Melayu ini ialah dari Raja Iskandar Dzulkarnaian. Apabila Seri Teri Buana Raja Pelembang dan Demang Lebar Daun yang mewakili rakyat Melayu wujudlah suatu perjanjian antara keduanya ketika Raja Seri Teri Buana hendak memperisterikan Wan Sendari anak Demang Lebar Daun (perjanjian ini dilihat sebagai asas ketaatan setia masyarakat Melayu kepada rajanya). Lihat dialog antara kedua mereka ini sebagaimana yang tercatat dalam Sejarah Melayu:

Sembah Demang Lebar Daun, "Jika anak patik tuanku pakai, nescaya kedal ia, tetapi jika tuanku mahu akan anak patik itu mahulah Duli Yang Dipertuan berwaad dengan patik, maka patik persembahkan anak patik Kebawah Duli Yang Dipertuan."

Titah Seri Teri Buana, "Apa janji yang dikehendaki itu?"

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Tuanku segala anak cucu patik bersedia menjadi hamba Kebawah Duli Yang Dipertuan, dengan dipelihara maruahnya oleh anak cucu Duli Tuanku. Jika ia berdosa, walau besar dosanya sekalipun jangan difadhihatkan, dinista dengan kata-kata yang jahat, jikalau besar dosanya ikut hukum syarak baru dibunuh."

Titah Seri Teri Buana, "Kabullah permintaan itu tetapi dengan janji juga. Jangan sekali anak cucu bapa hamba derhaka pada anak cucu kita walau jahat dan zalim sekalipun."

TRADISI BUDAYA

Kerana itu masyarakat Melayu Brunei tidak terlepas dari nilai-nilai tradisi kebudayaan orang-orang Melayu yang menganggap raja sebagai kepala negara yang perintahnya mesti dipatuhi/dilaksanakan sehubungan dengan ini juga banyak pepatah Melayu telah wujud yang berhubung kait raja dengan rakyat sebagai misalnya:

1. Siapa pun jadi raja tangan kita ke dahi juga

2. Kerja raja dijunjung kerja sendiri dikelek

3. Pantang Melayu menderhaka kepada raja dan lain-lain.

Cuba lihat pengakuan dari hamba raja (rakyat) yang telah diperintah oleh seorang raja dalam dua period iaitu purba dan masa kini.

a. Zaman purba melalui cerita diang-dangan:

"Mana sajatah titah Duli Tuan Patik, digantung patik tinggi, dibuang patik hanyut, dibakar patik hangus."

b. Zaman masa kini:

"Dengan bertawakal kepada Allah dan berkat daulat Duli Tuan Patik. Anugerah Duli Tuan Patik itu dijunjung di atas kepala hamba Duli Tuan Patik"

(Haji Hashim Haji Abdul Hamid. "Kebudayaan Brunei antara identiti dan pembinaan bangsa" kertas kerja)

Dari contoh dua pengakuan rakyat yang berlainan period terhadap raja berhubung dengan ketaatan setia maka dapatlah kita perkatakan masyarakat Melayu khususnya di Negara Brunei Darussalam. Ianya bukanlah suatu perkara yang boleh dijual beli atau ditulis melalui sijil pengakuan seperti sijil kerakyatan yang lazimnya kita lakukan kepada penduduk yang telah diiktiraf menjadi warga Negara Brunei Darussalam.

Dalam Islam raja adalah dianggap sebagai khalifah, ini adalah melambangkan orang yang bertanggungjawab dalam penyebaran dan perkembangan agama Islam.

Bagi sistem beraja peranan raja adalah sebagai penentu yang mutlak bagi mencorakkan kehidupan rakyat yang berlindung dalam negeri ini. Apabila raja beriman rakyat pun beriman, raja beragama rakyat pun beragama, raja bertakwa rakyat pun bertakwa dan apabila raja adil maka sekalian rakyat berbahagia lagi aman sejahtera.

KETAHANAN NASIONAL

Kebanyakan masyarakat Melayu di Negara Brunei Darussalam tidak menyedari MIB yang telah wujud sekian lama itu terus hidup dan dapat bertahan dengan kukuhnya sebagai wadah ketahanan nasional negara yang unik dan mempunyai keistimewaan sejarahnya yang cemerlang.

Saya akan cuba memperlihatkan ancaman-ancaman yang hampir berjaya menghapuskan MIB disebabkan oleh anasir-anasir luar yang cuba menyebarkan pengearuh budaya mereka, tetapi dengan berkat kesucian agama Islam dan semangat dari raja-raja serta pemimpin negara yang didukung oleh rakyat khususnya orang-orang Melayu Brunei makanya kita berjaya menggagalkan cita-cita mereka itu.

PENDUDUKAN SEPANYOL

Apabila disebut Perang Kastila banyak rakyat Brunei Darussalam ini yang mengetahui dan kita mengakui Negara Brunei Darussalam ketika itu pernah ditewaskan dan wujudlah penaklukannya di atas negeri ini. Tetapi kenapa Sepanyol tidak dapat mengekalkan kuasanya di negeri ini seperti penaklukan mereka ke atas Filipina.

Bersambung minggu depan

KEBANYAKAN masyarakat Melayu di Negara Brunei Darussalam tidak menyedari MIB yang telah wujud sekian lama itu terus hidup dan dapat bertahan dengan kukuhnya sebagai wadah ketahanan nasional negara yang unik dan mempunyai keistimewaan sejarahnya yang cemerlang.

SYAIR ASLI RAJANG HARI

ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah Sasterawan Diraja yang ulung. Baginda telah berjaya mencipta beberapa buah buku syair bagi memperkaya khazanah kesusasteraan tanahair, antaranya ialah Syair Asli Rajang Hari.

Dalam usaha menghayati pemikiran-pemikiran bernas itu, ruangan ini akan memetik dan memuat sepuluh rangkap secara berterusan setiap kali keluaran daripada Syair Asli Rajang Hari karangan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Syair Asli Rajang Hari ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 dan dicetak oleh M.P.H. Printers Sendirian Berhad, Singapura.

Semoga Syair Asli Rajang Hari ini mendatangkan manfaat terutama dalam kegigihan para penulis tanahair berkarya. — PENYUNTING.

Elok diatur kata-kata yang benar,
apa yang dikata itu ditulis,
supaya terpuji ayat bersinar,
itulah dikatakan bijak majlis.

Laila bersinar majlis perjumpaan,
laila tenteram lafaz perkataan,
laila tulisan ayat rekaan,
tiada menerbitkan syak-sangkaan.

Politik bukan simbit-menyimbit,
laila kata banyak sekubit,
apa dikata itu diterbit,
syak wasangka tiada terbit.

Kalau siasah diayahnya palsu,
umpama kerbau hanya berpasu,
pahat yang tajam tak dapat disusu,
badan penat tubuh nin lesu.

Bunga cempaka luruh dipetik,
daunnya mekar banyak sulinya,
elok jangan masuk politik,
sebelum mengetahui dasar asasnya.

Sebelum memahami asas dasarnya,
sebelum mengetahui dasar asasnya,
sebelum tahukan asas hakikatnya,
sebelum fahamkan dasar hakikatnya,
jangan masuk politik.

Tujuh likur Jumaat rajangnya,
bulan terang sampai ke pagi,
untuk menjayakan hasrat hatinya,
lengkapkan pengetahuan di segenap segi.

Lengkap ilmu pengetahuan,
dapat menghadapkan segala kemahuan,
dapat menerangkan segala tujuan,
laila ilmu pada panduan.

Buktikan usaha perlaksanaan,
bukti hasrat laila kiraan,
buktikan jenis peta rekaan,
di situkan terbit kepercayaan.

Buktikan dahulu madah dan kata,
dahulu dibuktikan cadangan dinyata,
pada membuktikan laila cita-cita,
laila terbukti rancangan peta.

ANEKA انيكا Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

MELAYU ISLAM BERAJA SUATU TINJAUAN SEJARAH

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

INILAH yang tidak diketahui oleh kebanyakan masyarakat Melayu Brunei, yang mereka tahu Sepanyol tewas di tangan orang-orang Brunei di bawah pimpinan Pengiran Bendahara Sakam. Sebelum saya memperkatakan ada aspek penting yang lain telah mendorong kekalahan Sepanyol itu, ada baiknya kita melihat sejarah awalnya secara ringkas.

Negeri Brunei Darussalam dalam abad ke-16 adalah merupakan sebuah negeri yang telah mencapai zaman keagungan dan kegemilangannya bermula dari pemerintahan Sultan Bolkiah, Sultan Brunei ke-5. Penyebaran dan perkembangan agama Islam sangat ketara.

Waktu ini boleh dikatakan Brunei adalah sebagai pusat penyebaran agama Islam yang sangat berkembang sehingga ke tanah-tanah jajahan Brunei di Filipina dan Solo serta persisir pantai Pulau Borneo. Oleh yang demikian Negeri Brunei juga menjadi pusat perdagangan sehingga banyaklah pedagang-pedagang asing yang singgah di negeri ini membuat perdagangan.

Kemasyhuran dan keagungan Brunei telah membuatkan orang-orang Sepanyol ingin menakluk dan menguasainya atas dasar penyebaran agama Kristian.

Perkembangan agama Islam yang sangat menggalakkan itu khususnya di alam Melayu ini membuatkan pendakwah-pendakwah Kristian cuba menyaingi dan menguasai perkembangan agama Islam di rantau ini.

Sepanyol telah menyerang Filipina, ketika ini beberapa pulau di Filipina adalah menjadi jajahan Brunei. Orang-orang Filipina yang dibantu oleh tentera dari Brunei telah menentang habis-habisan terhadap serangan Sepanyol itu.

Akhirnya pihak Sepanyol telah berjaya menewaskan orang-orang Filipina dan memeluk agama Kristian. Atas sikap angkuh dan kesombongan orang-orang Sepanyol yang diketuai oleh Gabenor Jeneral Dr. Francisco de Sande yang begitu yakin bahawa mereka akan dapat menewaskan Brunei dan seterusnya mengkristiankan orang-orang Brunei.

Beliau telah mengutus surat kepada Sultan Saiful Rijal, Sultan Brunei ke-7 bagi memaksa baginda untuk menyebarkan agama Kristian di negeri ini dan menghentikan penyebaran agama Islam, cuba lihat petikan surat Gabenor Jeneral Dr. Franciso de Sande ini:

"Perkara yang harusnya Duli Tuanku lakukan ialah menerima pengembang-pengembang ajaran-ajaran Kristian ke negeri Duli Tuanku serta memberi jaminan keselamatan yang penuh kepada mereka untuk menyebarkan ajaran-ajaran agama Kristian dan begitu juga sesiapa sahaja di antara rakyat Duli Tuanku hendaklah diberi kebebasan dan kebenaran untuk menghadiri syarahan ajaran Kristian dan sesiapa juga yang hendak memeluk agama Kristian bolehlah berbuat demikian dengan tiada gangguan sedikit pun. Seterusnya patik menghendaki supaya Duli Tuanku jangan menghantar mubaligh-mubaligh ajaran Muhammad ke mana-mana bahagian kepulauan ini atau kepada orang-orang Tingues (orang bukit) yang masih jahiliah itu, bahkan lebih-lebih lagi ke dalam kawasan-kawasan pulau Duli Tuanku sendiri; kerana ajaran Muhammad itu adalah semata-mata palsu mengandungi ajaran syaitan belaka, hanya ajaran Kristian sahajalah yang benar suci dan baik."

Pehin Orang Kaya Amar Diraja (Dr) Haji Jamil: Catatan Sejarah Perwira-Perwira dan Pembesar-Pembesar Brunei, DBP, Brunei 1973)

Sebagai seorang Sultan yang mempunyai pendirian yang tegas dan prinsip yang teguh terhadap agama Islam dan kedaulatan negeri, baginda telah mengoyakkan surat tersebut di hadapan wakil Sepanyol.

Pihak Sepanyol merasa malu atas sikap Sultan Saiful Rijal yang telah mengoyakkan surat utusannya itu, lalu mereka menyediakan satu angkatan perang yang diketuai oleh Gabenor Jeneral Dr. Francisco de Sande yang terdiri dari 40 buah kapal, 400 orang askar Sepanyol, 300 orang askar Islam dan 1,500 orang Filipina Kristian.

Mereka telah bertolak pada 3 Mac, 1578, pada 14 April, 1578 terjadilah peperangan antara Brunei dan Sepanyol, Sepanyol akhirnya berjaya mengalahkan dan menakluk Brunei.

SEMANGAT MEMBARA

Kekalahan Brunei di tangan Sepanyol tidaklah melumpuhkan semangat orang-orang Brunei tetapi semangat orang-orang Brunei terus membara dan berkobar-kobar kerana mahu menebus kembali maruah mereka demi untuk kesucian agama, bangsa dan negara.

Pengiran Bendahara Sakam yang dianggap sebagai tokoh pemimpin yang agung dalam Perang Kastila itu telah dapat mengumpulkan kira-kira 1,000 orang tentera dan mereka membuat kubu di Pulau Ambok (sekarang ini menjadi kawasan Sekolah Rendah Pintu Malim).

Orang-orang Brunei telah menggunakan taktik ala komando untuk menewaskan orang-orang Sepanyol, mereka telah membubuh racun ke atas sumber minuman dan makanan yang digunakan oleh orang-orang Sepanyol. Kesannya banyak tentera Sepanyol yang mati dan sakit.

Dengan perasaan yang sedih Gabenor Jeneral Dr. Francisco de Sande telah membawa orang-orangnya meninggalkan Negeri Brunei pada 26 Jun, 1578. Suatu perkara yang tidak dijangkakan, sebelum mereka ini meninggalkan negeri ini mereka telah membakar masjid Brunei yang setinggi lima tingkat kerana masjid ini dikatakan tempat perkumpulan dan permesyuaratan serta penyimpanan alatan senjata untuk menewaskan Sepanyol.

Kegagalan Sepanyol ini merupakan suatu tamparan yang hebat kerana mereka hanya dapat bertahan di negeri ini selama 72 hari suatu masa pendek. Lihatlah bagaimana kepintaran bangsa Sepanyol mengatakan kekalahan mereka melalui laporan Gabenor Jeneral Dr. Francisco de Sande yang mencatatkan bahawa tenteranya banyak yang mati kerana sakit yang tidak boleh disembuhkan tambahan pula bilangan tenteranya bertambah berkurangan oleh kerana itulah mereka terpaksa meninggalkan Negeri Brunei.

Alasan ini tidak boleh diterima, yang jelas mereka tidak dapat menghadapi serangan balas dari tentera Brunei sama ada dalam dan luar kerana orang-orang Brunei telah menunjukkan sikap bersatu padu menentang kehadiran mereka, sebab itulah Sepanyol membakar masjid lima tingkat yang telah terbina di Brunei.

KEMENANGAN

Kemenangan askar-askar Brunei menewaskan Sepanyol yang hanya dapat bertahan selama 72 hari itu bolehlah kita katakan sebagai suatu kemenangan yang menggambarkan kedaulatan MIB yang telah bertapak di negeri ini.

Pertama adanya seorang Sultan yang memimpin negeri ini dengan mempunyai prinsip-prinsip yang teguh bagi menegakkan kedaulatan agama, bangsa dan negara.

Kedua, atas dasar agama Islam yang telah dianuti dan menjadi pegangan hidup orang-orang Melayu Brunei. Mereka tidak mahu menukarnya dengan agama lain khususnya agama Kristian sekalipun jiwa dan harta benda mereka hilang. Dalam Islam kematian seorang Islam demi menegakkan syiar Islam dianggap sebagai mati syahid dan telah dijanjikan untuk masuk syurga.

Ketiga, semangat nasional orang-orang Melayu Brunei terhadap bangsa, agama dan kedaulatan tanahairnya, mereka sanggup berbuat apa saja asalkan negeri ini terlepas dari cengkaman syaitan khususnya bangsa Sepanyol yang cuba menguasai negeri ini.

Ketiga-tiga unsur inilah yang telah mendorong kuat bagi pemimpin dan rakyat di negeri ini berjaya menghalau Sepanyol khususnya menggagalkan penyebaran agama Kristian dari berkembang dan bertapak di negeri ini.

NEGERI Brunei Darussalam dalam abad ke-16 adalah merupakan sebuah negeri yang telah mencapai zaman keagungan dan kegemilangannya bermula dari pemerintahan Sultan Bolkiah, Sultan Brunei ke-5. Penyebaran dan perkembangan agama Islam sangat ketara.

Bersambung minggu depan

SYAIR ASLI RAJANG HARI

ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah Sasterawan Diraja yang ulung. Baginda telah berjaya mencipta beberapa buah buku syair bagi memperkaya khazanah kesusasteraan tanahair, antaranya ialah Syair Asli Rajang Hari.

Dalam usaha menghayati pemikiran-pemikiran bernas itu, ruangan ini akan memetik dan memuat sepuluh rangkap secara berterusan setiap kali keluaran daripada Syair Asli Rajang Hari karangan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Syair Asli Rajang Hari ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 dan dicetak oleh M.P.H. Printers Sendirian Berhad, Singapura.

Semoga Syair Asli Rajang Hari ini mendatangkan manfaat terutama dalam kegigihan para penulis tanahair berkarya. — PENYUNTING.

Laila terbukti peta ciptaan,
sebagai menyaksikan laila kiraan,
dapat menyaksikan usaha rekaan,
disitulah terbit kepercayaan.

Jelas difahami yang dihajati,
laila membuktikan maksud sejati,
manakala terbit kepercayaan hati,
segala tujuan tercapai pasti.

Wahai anakanda tempawan ratna,
tajuk mahkota laila kencana,
laila tujuan niat berguna,
menimbulkan kepercayaan di sini sana.

Hari Sabtu lapan likur rajangnya,
kuda rajangnya sehari bulan,
indah jelas laila niatnya,
membuktikan bijak muda handalan.

Wahai anakanda laila berani,
kalau terbukti niat yang murni,
dipercayai orang di sana sini,
nama terpuji tiada sunyi.

Laila berani muda handalan,
laila kata madah bidalan,
menuju kebajikan sama berjalan,
jangan bohong kata bualan.

Kalau penakut laila johari,
kata-kata pembohong banyak berlari,
kata-kata benar tiada berdiri,
dusta namanya kata dan peri.

Tiap-tiap pembohong hatinya jahat,
kalau siasah patinya tak sihat,
kepadanya jangan kita subahat,
perbuatannya itu Allah melihat.

Jangan takut kerana digertak,
jangan lembut kerana dipujuk,
pegangan adil laila bijak,
tiada masuk ditikam rusuk

Perkara kebajikan hendaknya diturut,
jalan yang baik hendaklah dilkut,
jangan subahat kepada yang karut,
air pasang tiada surut.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

Sambungan minggu lalu

MELAYU ISLAM BERAJA SUATU TINJAUAN SEJARAH

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

KETIGA-TIGA unsur inilah yang telah mendorong kuat bagi pemimpin dan rakyat di negeri ini berjaya menghalau Sepanyol khususnya menggagalkan penyebaran agama Kristian dari berkembang dan bertapak di negeri ini.

Kalau tidak sudah tentu hari ini kita sendiri yang akan menjadi pengikut agama Kristian seperti yang terjadi di Flipina. Sebab itulah dasar konsep MIB yang telah kita pertahankan hingga ke hari ini patutlah ditanai dengan suatu semangat nasional yang tulen.

REJIM BROOKE

Adalah diperakui kuasa dan kedudukan Sultan Brunei dalam masa pemerintahan awal Kerajaan Brunei (sebelum kedatangan kuasa penjajah ke Alam Melayu) sangat kuat dan kukuh.

Kekuatan dan zaman kegemilangan ini jelas dilihat dalam masa pemerintahan Sultan Bolkiah dan Sultan Hassan, kerana di zaman pemerintahan tradisi ini Brunei merupakan sebuah kuasa yang besar dan kuat dengan mempunyai beberapa buah jajahan takluk rantau dan persisirnya.

Kegemilangan dan keagungan Brunei melalui pemerintahan tradisi ini meliputi dalam semua bidang sosial, politik, ekonomi dan agama Islam.

Bagaimanapun zaman kegemilangan dan keagungan Brunei tidak kekal apabila orang-orang Barat mula mencari tapak dan menjajah di kawasan Alam Melayu ini.

Kehadiran kuasa penjajah dari Barat ini telah melenyapkan beberapa buah negeri yang mempunyai pemerintahan tradisi (Sultan sebagai kepala negara) antara negeri-negeri yang hilang kesultanan ialah Melaka, Acheh, Riau, Mataram, Solo dan lain-lain lagi.

Tetapi Brunei telah dapat mempertahankannya. walaupun kuasa kesultanannya hampir-hampir hapus oleh kehadiran kuasa Barat di bawah pimpinan James Brooke. James Brooke dilahirkan dalam tahun 1803 di India pada mulanya beliau sampai ke Alam Melayu ini pada abad ke-19 hanyalah merupakan seorang pedagang syarikat Hindi Timur Inggeris. Beliau telah membeli sebuah kapal Royalist selepas menerima wang peninggalan ayahnya sebanyak 30,000 (tiga puluh ribu poun).

Beliau mula sampai ke Singapura pada tahun 1838 kemudian beliau menerbitkan sebuah prospektur mengenai pengembaraan ke Borneo bagi menjalankan penyiasatan saintifik. Brooke telah memberitahu kepada kawan-kawannya di England bahawa beliau amat berminat untuk sampai ke Brunei kerana pemerintahan negeri ini telah menunjukan unsur-unsur kemodenan, ini adalah disebabkan pertolongan Negeri Brunei ke atas anak-anak kapal Inggeris yang telah karam di kawasan Brunei.

Atas pertolongan inilah Gabenor Bonhom dari Negeri-Negeri Selat berhasrat untuk memberikan hadiah kepada kesultanan Brunei. Peluang ini telah memberikan harapan yang baik kepada Brooke untuk sampai ke Brunei.

PENGIRAN MUDA HASHIM

Brooke mula sampai di Kucing dengan kapal Royalist pada 15 haribulan Ogos 1839, buat pertama kalinya JB berjumpa Pengiran Muda Hashim (putera Sultan Kanzul Alam).

Pada waktu itu terdapat perselisihan yang mendalam antara Pengiran Muda Hashim dengan Pengiran Indera Mahkota Haji Mohd. Salleh selaku Gabenor Sarawak yang dilantik oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II. Perselisihan kedua pembesar ini telah diambil kesempatan oleh Brooke dengan menyebelahi Pengiran Muda Hashim. Brooke sebenarnya tidak menyukai Pengiran Indera Mahkota kerana beliau adalah merupakan seorang yang mempunyai semangat nasionalis dan mempunyai pendidikan yang tinggi. Kepintaran Pengiran Indera Mahkota ini telah ditulis sendiri oleh Brooke antara lain berbunyi:

"The Macota, unlike other Malay, neither smoke tabacco nor chew sireh. He sought out society, and was the first person who spoke to me on the subject of the trade. His education has been more attended to then of others his rank. He both reads and writes his own language and is well acquainted with government laws and customs of Borneo. From him I derived much information on the subject of the Dayak and the Geography of the interior: and if I have failed to put down, it is because I have departed from my general rule of never giving any native statements unless they far verity my own actual observation."

Oleh kerana itulah Brooke membuat perhubungan yang baik dengan Pengiran Muda Hashim kerana beliau mudah menerima rundingan tanpa usul periksa. Sebaliknya perbuatan Brooke ini telah dimaklumi oleh Pengiran Indera Mahkota kerana Pengiran Indera Mahkota lebih arif taktik yang digunakan oleh penjajah, oleh kerana Pengiran Indera Mahkota merasa dirinya tidak mempunyai kuasa lagi di atas kedatangan Pengiran Muda Hashim itu. Beliau hanya memerhatikan terlatah yang dimainkan oleh Brooke yang cuba mengacau- bilaukan pentadbiran negara di Sarawak.

Dari penjelasan ini ketara kepada kita bahawa kehadiran Brooke telah menambahkan lagi kekusutan pentadbiran tradisi negara. Inilah langkah yang mula dimainkan oleh Brooke terhadap campurtangannya mengenai pentadbiran tradisi Brunei.

Putar belit Brooke berhasil apabila Pengiran Muda Hashim telah menyerahkan kuasa memerintah Negeri Sarawak kepada Brooke pada tahun 1841, kemudian Brooke dilantik menjadi Raja Sarawak pada 15 haribulan Ogos 1842 setelah berusaha keras selama tiga tahun.

Brooke adalah merupakan penjajah yang pertama memerintah Alam Melayu ini dengan menggunakan gelaran Raja Sarawak atau dikenali juga sebagai Raja Putih. Kesilapan yang dilakukan oleh pemerintahan Kerajaan awal ini telah disuarakan oleh Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Mohd. Salleh dalam rakisnya:

Akan masa sekarang kini,
Negeri Sanyam terlalu sunyi,
Musuh pun datang dari sana sini,
Kota pun habis pana dan pani.

Dagang asmara fikiran sendiri
Hairan memandang di dalam negeri,
Syarak dan resam kian terdiri,
Masing-masing oleh jauhari

Hairan ku handai melihat tukang
Unggas Nuri menjadi tukang
Gunung berkisar padang berlenggang
Pipit pun sudah menjadi enggang

Setelah Brooke dapat menguasai Sarawak (Kucing) itu beliau terus berusaha untuk mendapatkan wilayah-wilayah Brunei awal satu demi satu. Pengambilan wilayah yang dilakukan oleh Brooke adalah secara tipu muslihatnya yang kononnya rakyat di kawasan itu mahukan di bawah pemerintahannya, selain itu rakyat juga telah dipengaruhi dengan diayah yang palsu hingga menimbulkan kebangkitan rakyat untuk memberontak dan tidak menyukai kepada pemerintahan.

Brooke akhirnya telah mencadangkan kepada Kerajaan British supaya mengambil Pulau Labuan dengan alasan tempat itu akan dijadikan pusat perdagangan di samping menjadi benteng pertahanan untuk menghapuskan penentang-penentang penjajah yang dianggap oleh Brooke sebagai lanun.

Kepercayaan Sultan Brunei terhadap Brooke yang pada mulanya begitu mendalam telah diabaikan oleh Brooke, Brooke sedikit pun tidak menghiraukan perjanjian yang telah dibuat dengan Sultan Brunei, kerana cita-citanya telah mencapai mengambil Pulau Labuan dalam tahun 1846.

Peringatan Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Mohd. Salleh terhadap Sultan Omar Ali Saifuddien II telah disuarakan dalam rakisnya.

Khalifah bertitah sangat majlis
Khabarnya bersahabat dengan Inggeris
Tercap surat dua belas rakis
Dengan Queen perjanjian habis

Pulau Labuan diminta segera
Akan jalan tiang bendera
Di sana tempat berkira-kira
Dari Sarawak ke Singapura

Dagang tercegang mendengarkan titah
Hati di dalam sangat gelabah
Labuan itu bukannya mudah
Alamat negeri di bawah perintah

MUSLIHAT BROOKE

Implikasi dari perbuatan dan tipu muslihat Brooke ini telah disedari oleh sebahagian rakyat Brunei dengan menimbulkan tentangan kepada penjajah, mereka terus menyokong pemerintahan kesultanan yang telah diwarisi sejak turun temurun itu.

Mereka telah menentang habis-habis walaupun nyawa dan harta benda mereka hilang, penentang ini telah diketuai oleh dua orang tokoh pahlawan Brunei yang terkenal iaitu Haji Saman dan Awang Badar.

Kedua-dua perwira ini dipercayai berasal dari Kampong Pebalat. Haji Saman dikatakan adalah merupakan seorang penasihat kepada Sultan Omar Ali Saifuddien II.

Mereka dikatakan telah membuat kubu pertahanan di Pulau Ambok. Kemarahan rakyat Brunei terhadap Brooke ini juga adalah disebabkan Brooke sebenarnya mahu Pengiran Muda Hashim menjadi Sultan dan seterusnya memerintah Brunei, kerana menurut Brooke kalau Pengiran Muda Hashim menjadi sultan, Brooke akan lebih berkuasa dan kedudukannya bertambah teguh. Angan-angannya menjadikan Pengiran Muda Hashim Sultan Brunei adalah untuk tempoh yang pendek. Kerana ini sebenarnya adalah putar belit Brooke untuk menjatuhkan semula Pengiran Muda Hashim dan kalau ini terjadi sudah tentu Brooke akan berkuasa dan menakluki Negeri Brunei sepenuhnya.

Dalam hal ini jika tercapai cita-cita Brooke ini, kita percaya Kesultanan Melayu Brunei yang wujud hingga ke hari ini sudah pasti hilang dan hanya menjadi ristaan sejarah seperti yang terjadi di beberapa buah negeri Alam Melayu yang lain seperti Melaka, Acheh, Mataram dan lain-lain lagi.

Sultan Brunei ketika itu masih mempunyai kedudukan dan kuasa yang penuh oleh kerana itu baginda tidak lagi memberikan kepercayaan kepada Brooke kerana Brooke telah gagal menunaikan janjinya untuk memberikan pertolongan kepada baginda dalam pentadbiran negeri sebaliknya Brooke cuba merampas kuasa sultan dengan menjadikan Pengiran Muda Hashim sebagai sultan.

Oleh kerana sikap sultan dan pengikutnya yang anti kepada Brooke itu telah menimbulkan kemarahan Brooke lalu mengutus surat kepada Majir antara lain berbunyi:

"Saya boleh mengganti kerugian itu sebahagiannya tetapi gulingkan sultan, hancurkan Brunei kembalikan kuasa semula kepada keluarga Muda Hashim adalah pertimbangan tidak boleh tidak ..... Saya sedang berperang dengan pengkhianat dan pemabuk ini, rasa sedih dan marah saya begitu meluap-luap sekali hingga saya mahu menusuk dada mereka itu dengan pisau sekiranya berada di hadapan saya."

(Graham Irwin : Borneo abad ke-19, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986).

Bersambung minggu depan

SYAIR ASLI RAJANG HARI

ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah Sasterawan Diraja yang ulung. Baginda telah berjaya mencipta beberapa buah buku syair bagi memperkaya khazanah kesusasteraan tanahair, antaranya ialah Syair Asli Rajang Hari.

Dalam usaha menghayati pemikiran-pemikiran bernas itu, ruangan ini akan memetik dan memuat sepuluh rangkap secara berterusan setiap kali keluaran daripada Syair Asli Rajang Hari karangan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Syair Asli Rajang Hari ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 dan dicetak oleh M.P.H. Printers Sendirian Berhad, Singapura.

Semoga Syair Asli Rajang Hari ini mendatangkan manfaat terutama dalam kegigihan para penulis tanahair berkarya. — PENYUNTING.

Memperbaiki kehidupan rakyat negara,
bagi kemajuan isi sugara,
keamanan hendak dipelihara
datunda menghubungkan persahabatan mesra.

Baginda bersahabat dengannya Inggeris,
tercap perjanjian dua belas rakis,
dengan British perundingan habis,
perjanjian disain Brunei dan Inggeris.

Pulau Labuan dikurniakan,
diserahkan kepada Kerajaan Britain,
didalam warkah ada menyatakan,
yang bertanda tangani di persuratan.

Kemudian dibuat perjanjian satu,
dengan Kerajaan Baginda Ratu,
di tanah Inggeris sama bersatu,
menghubungkan persahabatan laila tentu.

Hari Ahad namanya hari,
sembilan likur namanya bulan,
indah bijak muda johari,
jangan bohong siasah bualan.

Kalau bohong siasah berkata,
tentu kotor yang bersih lata,
haruskan rumit rancangan peta,
hasil daripada madah yang nyata.

Tiga puluh Isnin rajangnya,
puasa sembilan likur,
apa sebab mula kerananya,
kalau berlatak salin ke tingkur.

Anakanda ayah laila kencana,
emas tempawan laila teruna,
intan terpilih laila mengerna,
disalatkan kisah kalau berguna.

Sekira terpakai paduka anakanda,
disajikan kisah paduka datunda,
anakanda kepada paduka moyangda,
Temenggung Hashim nama baginda.

Temenggung Hashim nama gelarannya,
sebelum dipuspa menggantikan ayahandanya,
banyak mengalami penderitaan hidupnya,
menghadapi rusuhan bertahun-tahun lamanya,

ANEKA انيكا Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

Sambungan minggu lalu

ILMU BATIN

KEMATIAN Pengiran Muda Hashim dan keluarganya yang menyokong Brooke merupakan satu tamparan yang hebat dan ini juga telah menunjukkan penentangan rakyat terhadap campurtangan Brooke kepada Negeri Brunei. Bagaimanapun penentangan rakyat Brunei terhadap penjajah ini dapat dipatahkan oleh Brooke bersama rakan-rakannya seperti Kapten Mundy.

Kekalahan rakyat ditangan penjajah adalah ketiadaan senjata moden seperti yang digunakan oleh penjajah. Orang-orang Brunei ketika ini yakin dengan ilmu kebatinan mereka di samping mereka menggunakan alat senjata seperti parang, pisau, tumbak dan lain-lain.

Brooke sebenarnya telah berazam tidak akan pulang ke England selagi penentang-penentangnya Pengiran Anak Yusuf, Haji Saman, Awang Badar dan lain-lain pengikutnya belum dapat ditangkap.

Akhirnya dengan bantuan Kapten Mundy, Brooke telah berjaya memusnahkan kubu Haji Saman yang dibuat di Sungai Membakut. Dengan tipu muslihat Brooke dan kuncu-kuncunya, Haji Saman akhirnya dapat ditangkap dan dibunuh. Setelah merasa puas tidak ada lagi penentangannya, Brooke pulang ke England dan meninggal dunia pada tahun 1868 digantikan oleh anak saudaranya Charles Brooke yang mempunyai tabiat seperti Brooke mahu merosakkan pentadbiran tradisi Negeri Brunei serta mahu meneruskan usaha Brooke untuk menguasai Negeri Brunei sepenuhnya.

Pada masa Brunei diperintah oleh Sultan Abdul Mumin, anak saudara Brooke iaitu Charles Brooke telah menghasut rakyat Limbang yang telah mencetuskan pemberontakan pada tahun 1885.

Konsul Jeneral British di Brunei Dr Leys mencadangkan supaya kawasan Limbang ini diserahkan kepada Charles. Tetapi Treacher tidak bersetuju, Kerajaan British telah menghantar Gabenor Singapura Sir Frederick Weld untuk menyiasat keadaan yang sebenarnya.

Dengan rasa kerakusan seperti seekor singa yang lapar Charles telah membuat putar belit kepada pihak Kerajaan British lalu merampas Limbang dari Kerajaan Brunei dengan membuat pengisytiharan sendiri.

Melihat sikap Charles yang mengisytiharkan Limbang adalah sebahagian kekuasaannya itulah maka Sultan Hashim Jalilul menulis surat kepada Baginda Queen merayu dengan mengatakan:

"Limbang adalah Brunei. Brunei adalah Limbang."
(Ranjit Singh: Brunei 1839-1983 The Problems of Political Survival, Oxford University Press, 1984.)

Pihak Kerajaan British tidak membuat apa-apa tindakan kepada Charles sebaliknya hanya berdiam diri tanpa menimbulkan isu Limbang.

RUNDINGAN KOTOR

Perihal pengambilan Limbang ini Charles telah menggunakan taktik yang kotor, Treveson seorang wakil Charles telah membuat pertemuan dan rundingan dengan ketua-ketua penduduk yang dikatakan seramai 14 orang terdiri dari kaum Bisaya, orang-orang Melayu tidak mahu menghadirinya kerana tidak diberitahu.

Daerah Limbang sebenarnya mempunyai 33 orang ketua. Sebelum rundingan ini dimulakan mereka telah diberikan jamuan sehingga mereka dalam keadaan mabuk termasuklah Treveson sendiri. Hasil dari perundingan ini dikatakan 12 orang telah bersetuju mengenai penyerahan Limbang kepada Charles.

Perundingan ini nyatalah tidak sah kerana ketua-ketua penduduk orang Melayu tidak bersetuju terhadap penyerahan Limbang kepada Charles, perundingan ini pun dalam keadaan yang mabuk.

Inilah taktik yang digunakan oleh Charles dan laporan ini telah dihantar ke England, laporan ini juga telah mempengaruhi parlimen British, sebab itulah pihak British membisu apabila Sultan Hashim menulis surat mengenai Limbang kepada Kerajaan British perjanjian antara Kerajaan British dan Negeri Brunei telah dibuat pada tahun 1888 dalam perjanjian ini sultan tidak mahu menerima Residen British, bagaimanapun ia adalah merupakan satu jerat kepada kesultanan Brunei oleh pihak penjajah hal ini terdapat dalam perkara III:

" ..... sekiranya apa-apa perselisihan berbangkit di antara Sultan Brunei dan Kerajaan mana-mana negeri lain, maka Sultan Brunei bersetuju untuk mematuhi keputusan Kerajaan Baginda Queen ..."

Sebenarnya perjanjian ini secara tidak langsung telah memberi kesempatan kepada Charles untuk merampas Limbang, sebab itulah Kerajaan British berdiam diri kerana ia adalah merupakan langkah yang baik daripada jatuh ke tangan bangsa lain seperti Belanda, Turki, Amerika dan lain-lain negeri.

Kehadiran rejim Brooke ke Brunei telah menggugat kuasa kesultanan Brunei yang mana selama ini pemerintahan tradisi tidak pernah dicemari dengan campurtangan kuasa asing. Rejim Brooke melalui Charles terus merasa tidak berpuas hati apa yang telah dilakukan kepada kesultanan Brunei walaupun ianya telah memperolehi hampir kesemua wilayah-wilayah Negeri Brunei.

Selepas merampas Limbang dan Baram dengan tipu muslihatnya Charles mahu mengambil Daerah Belait dan Tutong dengan menyerahkan Limbang sebagai tukarannya. Oleh kerana usahanya gagal Charles telah menghasut ketua-ketua dan penduduk Daerah Tutong dan Belait untuk berlindung dibawah kuasa pentadbiran Charles.

MELAYU ISLAM BERAJA SUATU TINJAUAN SEJARAH

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

Di Tutong satu pemberontakan telah berlaku dalam tahun 1895 pemberontakan ini telah dapat dipatahkan oleh angkatan Brunei yang diketuai oleh Pengiran Tajuddin.

PAKSAAN

Pada 1 Julai 1901 Charles Brooke dan Heweet telah memaksa sultan untuk menyerahkan kedua-dua daerah tersebut dengan bayaran $3,000 setahun dan $4,000 jika termasuk Brooketon (Muara).

Paksaan kedua penjajah ini telah gagal kerana sultan telah menunjukkan reaksi negatif terhadap tawaran yang diberikan itu.

Pada 16 haribulan Jun 1902 sekali lagi mereka telah memaksa sultan, kali ini permintaan mereka supaya sultan menyerahkan semua wilayah-wilayah Brunei yang belum dikuasai oleh Charles termasuklah Brunei sendiri supaya dimasukkan dalam pentadbiran Sarawak.

Kenyataan di atas ini telah memperlihatkan kepada kita betapa rakus dan tamaknya sikap penjajah terutama Charles terhadap kuasa kesultanan Brunei.

Oleh kerana keadaan ekonomi Brunei yang terlalu miskin ketika itu kuasa kesultanan hampir sahaja menuju ke arah kehancuran seperti yang telah disuarakan dalam surat sultan kepada Heweet untuk menolak paksaannya itu:

" ..... apa akan jadi kepada beta, pembesar-pembesar dan keluarga beta? Beta sudah tentu tinggal seperti pokok yang dibuang segala dahan dan rantingnya."
(Karim Haji Abdul Rahman: Brunei Abad Ke-19 Satu cabaran dan Campurtangan British, kertas kerja Seminar Sejarah Brunei, 28 hingga 31 Ogos, 1989).

Pada dasarnya Pejabat Luar British memang bersetuju kepada cadangan Heweet dan Charles, kerana Brunei ketika ini telah jatuh miskin. Kemiskinan Brunei ini adalah sikap tindak tanduk Charles dan kuncu-kuncu supaya Negeri Brunei dapat dikuasai oleh mereka.

Dengan takdir Allah jua pihak Pejabat Luar British telah bertukar sikap apabila Heweet melaporkan terjumpanya minyak di Brunei pada tahun 1903.

Dalam hal ini mereka telah memikirkan bahawa kedudukan Negeri Brunei adalah amat penting dari segi sumber ekonomi.

Kerajaan British juga ketika itu amat khuatir dan curiga kepada pihak sultan untuk meminta bantuan kepada kerajaan Turki dan Amerika dan jika ini terjadi akan musnahlah harapan mereka untuk mendapatkan ekonomi melalui minyak yang telah dijumpai pada tahun 1903, oleh kerana itulah pada tahun 1905/6 satu perjanjian telah ditandatangani antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan British.

Dengan wujudnya perjanjian ini kuasa kesultanan Brunei tidak lagi diancam dan digugat oleh Heweet dan Charles yang cuba menguasai Negeri Brunei sepenuhnya.

Bagaimanapun perjanjian ini apabila dilihat ianya merupakan berat sebelah di mana pihak Inggeris sentiasa mementingkan kepentingannya dari kepentingan Negeri Brunei.

Pemerintahan tradisi juga mula beransur-ansur lenyap apabila Kerajaan Brunei mula diperkenalkan dengan Sistem Residen. Sistem Residen yang telah diperkenalkan ini secara tidak langsung telah memulihkan dan mengukuhkan kembali kedaulatan Sultan dan Negeri Brunei kerana Residen tidak boleh campurtangan mengenai adat istiadat Melayu dan juga agama Islam sehinggalah konsep Melayu Islam Beraja berkekalan tambahan pula MIB telah diperkuatkan lagi dengan terbentuknya satu Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

PERLEMBAGAAN 1959

Apabila Almahrum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien Sultan Brunei Ke-28 menaiki takhta pada tahun 1951, baginda adalah merupakan seorang sultan yang berpandangan jauh dan berjiwa rakyat telah menyuarakan supaya satu perlembagaan bagi Negeri Brunei pada tahun 1954.

"Sudah lama menjadi tujuan dan hasrat beta untuk mengemukakan kepada rakyat beta satu perlembagaan bertulis dengan cara mana syarat yang sewajarnya boleh dibuat bagi kerajaan dan kebahagiaan negeri kita Brunei ....."

Satu jawatankuasa telah pun dibentuk yang mengandungi seramai tujuh orang ahli. Jawatankuasa ini telah pergi ke kampung-kampung di seluruh negeri bagi mendengarkan cadangan dan pandangan rakyat mengenai perlembagaan.

Pada 29 September, 1959 terbentuklah sebuah Perlembagaan Negeri Brunei. Dengan kewujudan perlembagaan ini ianya telah mengukuhkan lagi kedaulatan kesultanan Brunei yang dilihat sebagai teras kepada konsep MIB di samping dapat menjamin kebahagiaan rakyat yang berlindung di dalamnya. Penegasan dan pengukuhan MIB dalam perlembagaan adalah jelas dicatatkan.

Melayu: dikategorikan sebagai rakyat Sultan. Istilah Melayu ini dirujuk kepada Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961: Melayu mempunyai tujuh puak jati Brunei iaitu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong. Penegasan ini diperkuatkan lagi dengan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negeri Bab 82 (1).

Kedudukan Agama Islam tercatat dalam Bahagian II Bab 3 (1) Agama Rasmi bagi Negeri Brunei ialah Agama Islam menurut Ahlul Sunnatu Wal-Jamaah tetapi agama-agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.

Mengenai Raja: Kuasa pemerintahan yang tertinggi negeri ini adalah terletak di tangan sultan perkara ini dicatat dalam perlembagaan Bahagian II Bab 4 (1).

Bolehlah dikatakan Perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang telah diwujudkan oleh Almahrum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien itu telah menjamin dan mengekalkan kedaulatan kesultanan Melayu Brunei dan Negeri Brunei yang selaras dengan konsep MIB.

Perlembagaan itu dengan sendirinya adalah sebagai asas bagi negeri ini meletakkan sebuah negeri yang merdeka dalam negeri dan akhirnya atas kebijaksanaan dan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei ke-29, telah dapat mengambil alih tarafnya sebagai sebuah negara yang merdeka penuh lagi berdaulat pada 1 Januari, 1984 dengan panggilan **Negara Brunei Darussalam.** Yang akan terus menjadikan dan mengamalkan konsep **Melayu Islam Beraja.**

SYAIR ASLI RAJANG HARI

ALMARHUM Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah Sasterawan Diraja yang ulung. Baginda telah berjaya mencipta beberapa buah buku syair bagi memperkaya khazanah kesusasteraan tanahair, antaranya ialah Syair Asli Rajang Hari.

Dalam usaha menghayati pemikiran-pemikiran bernas itu, ruangan ini akan memetik dan memuat sepuluh rangkap secara berterusan setiap kali keluaran daripada Syair Asli Rajang Hari karangan Almarhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Syair Asli Rajang Hari ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada tahun 1967 dan dicetak oleh M.P.H. Printers Sendirian Berhad, Singapura.

Semoga Syair Asli Rajang Hari ini mendatangkan manfaat terutama dalam kegigihan para penulis tanahair berkarya. — PENYUNTING.

Setelah memegang tampuk negara,
setelah mengalami kesulitan sugara,
berpuluh tahun setelah sengsara,
baginda terfikir laila berkira.

Laila terfikir merenungkan negeri,
setelah mengalami masa yang bahari,
berusaha untuk ke hadapan hari,
pada memperbaiki rakyat dan negeri.

Sultan Hashim Jalilul 'Alam,
Akamaddin Duli Shai 'Alam,
menghubungkan persahabatan teriti disulam,
untuk keselamatan negeri luar dan dalam.

Teriti disain Duli Khalifah,
seorang dari Wazir konon membantah,
Pemanca Mohamed Salleh nama ditatah,
dijemput ke Lapau mengadap batah.

Wahai juita laila tempawan,
untuk kebajikan jangan dilawan,
di jalan yang patut jangan berlawan,
laila kusayang juita dermawan.

Bulat air kerana alungan,
bulat manusia kerana muafakat,
ke arah kebajikan bertolong-tolongan,
benda yang berat ringan diangkat.

Setelah perjanjian ditandatangani,
laila terbukti hasrat yang murni,
hasrat datunda paduka yang sani,
daripada huru-hara laila sunyi.

Terpelihara daripada huru-hara dalamnya,
terkawal daripada musuh menyerangnya,
lanun tiada datang mengacaunya,
Brunei aman, beransur majunya.

Beransur maju negara Brunei,
beransur kemakmuran rakyatnya damai,
laila tenteram intan bercanai,
laila senang padi disemai.

Wahai anakanda laila anakan,
laila juita muda andakan,
bertawakal menuju ke arah kebaikan,
akan tercapai yang kebajikan.

PRINSIP MELAYU ISLAM BERAJA TONGGAK SEMANGAT KETAHANAN NASIONAL BANGSA YANG MERDEKA

SUDAH tujuh tahun kita merdeka, menjadi bangsa bermaruah dan negara yang penuh berdaulat. Alhamdulillah, dengan rasa penuh tanggungjawab kita mampu menanai dan memelihara serta mengisi erti kemerdekaan.

Kita hidup harmoni. Aman dan tenteram. Rakyat dan penduduk saling bantu-membantu, saling bekerjasama digandingi pula dengan kegigihan kerajaan memesatkan pembangunan dalam pelbagai bidang, ekonomi, sosial, budaya dan politik.

Kemerdekaan kita tujuh tahun yang lalu menerima penghargaan dari semua masyarakat antarabangsa. Kesederhanaan kita dalam menyambut detik kemerdekaan itu, dengan cara kita sendiri yang setentunya berunsur Islam, tidak mengurangkan minat antarabangsa untuk memberi tahniah kepada kita.

Masyarakat antarabangsa yakin kemampuan kita, bangsa Brunei untuk berhadapan dengan masalah-masalah sejagat sebagai memenuhi keperluan-keperluan negara yang merdeka lagi berdaulat itu. Kita berkebolehan memasuki era baru, era kemerdekaan dengan azam yang kuat bagi menanai kemantapan bernegara merdeka.

Kerana itu, masyarakat antarabangsa pun tahu bahawa kita adalah bangsa yang berpurihkan Alak Betatar, rumpun Melayu Bisaya. Sesungguhnya bangsa kita punya tonggak kemelayuannya Alak Betatar yang kemudiannya bergelar sebagai Sultan Muhammad.

Masyarakat antarabangsa pun tahu bahawa kita adalah bangsa yang berintikan semangat juang Islam dari baginda Sharif Ali. Kemurnian Islam ini kental menyerap dalam urat nadi bangsa kita. Sesungguhnya bumi darussalam sudah lama bertapak sebagai negara Islam.

Masyarakat antarabangsa pun juga tahu bahawa bangsa kita adalah titisan darah kepahlawanan Sultan Bolkiah atau Nakhoda Ragam yang pernah menakluki persisiran pantai Borneo dan juga sebahagian pulau-pulau Sulu. Sesungguhnya bangsa kita adalah bangsa penakluk, bukan bangsa pengecut.

Ya dari analisis ringkas itu jelas kita sejak dulu sudah bernafas dan menilai kehidupan dalam bumi, tanah, air iaitu negara Melayu Islam Beraja.

Negara Melayu Islam Beraja bukan baru. Falsafah kenegaraan ini bukan suatu yang baru. Ia sudah lama wujud tinggal lagi kita harus menyesuaikan dengan tuntutan dan keadaan serta keperluan-keperluan semasa.

Toleh kembali pada zaman Alak Betatar, yang bergelar Sultan Muhammad. Kita hentikan bayar ufti pada Majapahit bila Alak Betatar sudah mampu tadbir negara.

Ayuh kita rista kegigihan baginda Sharif Ali yang tambah mengketarakan Islam dari bumi darussalam ini. Baginda sebarkan Islam, kita tergolong sebagai negara pusat penyebaran Islam. Hingga kesultanan Pasai dan Kesultanan Melaka pada kurun itu iri hati melihat kemaraan Islam dari negara kita.

Jangan bosan dengan cerita Nakhoda Ragam atau Sultan Bolkiah yang berani mengharungi samudera untuk menakluki jajahan-jajahan yang lain. Siapa bilang bangsa kita, bangsa yang takut dipukul taufan dan badai?

Cuma mereka yang ingin berdusta pada sejarah yang menolak kenyataan ini, atau senghaja menyembunyikan untuk diketahui oleh generasi kita.

Namun kita, bangsa kita tetap megah dengan Alak Betatar. Bangga dengan baginda Sharif Ali. Kita tetap mendabik dada kerana punya purih kepahlawanan Sultan Bolkiah. Kerananya negara Melayu Islam Beraja wujud sejak dulu. Terpacak kukuh sejak dulu. Memang ada usaha cuba mencabut tonggak itu tapi gagal.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 1 Oktober 1990 jelas bertitah terhadap penekanan falsafah kenegaraan dalam konteks prinsip Islam:

"Kita ini adalah benar-benar Islam, bukan Islam sambil lewa, atau Islam ambil lepas, tetapi adalah Islam yang benar-benar mantap dan rakat di hati dan di jiwa, Islam yang ikhlas, yang diadun dengan sifat amanah serta niat semata-mata kerana Allah jua".

Penekanan titah ini menjelaskan bahawa Melayu Islam Beraja, iaitu falsafah kenegaraan kita, bukan lagi satu konsep malah telah diangkat sebagai prinsip.



MAJLIS Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah seringkali kita lakukan terutama sekali ketika hari kebesaran negara. kerana dengan berbuat demikian kita dapat memanjatkan doa kepada Allah Subhanahu Wataala untuk meminta keredaan-Nya bagi memakmurkan dan kesejahteraan negara dan segala isi di dalamnya.

MOHD. SALLEH ABDUL LATIF MENULIS....

YANG jelas sekarang falsafah kenegaraan kita Melayu Islam Beraja telah sampai masanya untuk diangkat sebagai prinsip. Ya prinsip, bukan lagi konsep. Prinsip Melayu Islam Beraja dalam konteks yang lebih peka terhadap kehidupan berbangsa dan bernegara.

PRINSIP KENEGARAAN

Prinsip falsafah kenegaraan kita itu cukup jelas iaitu Melayu Islam Beraja. Melayu Islam Beraja bukanlah lagi merupakan konsep kenegaraan. Memang sebelum merdeka dan di tahun-tahun awal kemerdekaan Melayu Islam Beraja kita gemakan sebagai konsep kenegaraan. Ini tidak dapat kita sangkal.

Soalnya apakah setelah kita merdeka lebih tujuh tahun itu kita masih berkira-kira dengan suatu fikiran yang berupa gagasan? Kenapa gagasan?

Yang jelas sekarang falsafah kenegaraan kita Melayu Islam Beraja telah sampai masanya untuk diangkat sebagai prinsip. Ya prinsip, bukan lagi konsep. Prinsip Melayu Islam Beraja dalam konteks yang lebih peka terhadap kehidupan berbangsa dan bernegara.

Kenapa kita harus panggil prinsip Melayu Islam Beraja? Kenapa tidak lagi dipanggil konsep Melayu Islam Berja walhal diawal kemerdekan kita telah terbiasa dengan panggilan konsep Melayu Islam Beraja?

Cuba kita analisis, "konsep" bermaksud "pengertian atau pendapat yang terbentuk dalam fikiran, tanggapan, gagasan atau idea". Jadi dalam konteks falsafah kenegaraan kita iaitu Melayu Islam Beraja, apakah hal ini masih merupakan konsep? Apakah Melayu Islam Beraja masih merupakan suatu pendapat yang terbentuk dalam fikiran? Apakah Melayu Islam Beraja masih suatu gagasan? Apakah Melayu Islam Beraja masih suatu idea? Apakah Melayu Islam Beraja masih suatu tanggapan?

Sudah lebih tujuh tahun kita merdeka. Tujuh tahun, apakah falsafah kenegaraan Melayu Islam Beraja masih suatu konsep! Konsep itu adalah suatu pendapat yang terbentuk dalam fikiran.

Falsafah kenegaraan kita bukan lagi merupakan suatu pendapat. Melayu Islam Beraja bukan lagi suatu idea. Melayu Islam Beraja bukan lagi suatu gagasan. Melayu Islam Beraja bukan lagi suatu tanggapan. Dan Melayu Islam Beraja bukan lagi suatu konsep.

Walhal setelah kita menjalani hidup berbangsa dan bernegara merdeka lebih tujuh tahun, falsafah kenegaraan Melayu Islam Beraja itu telah kita hayati dan serapan dalam mana-mana kesempatan yang terluang. Kita manfaatkan sebaik-baiknya bagi mengetarakan prinsip Melayu Islam Beraja itu.

Melayu Islam Beraja bukan lagi suatu pemikiran tapi sudah menjadi prinsip. Prinsip Melayu Islam Beraja. Sudah tiba masanya kita menggemakan prinsip Melayu Islam Beraja bukan lagi masih ditakuk[yang dulu iaitu konsep Melayu Islam Beraja.

Kenapa kita mesti tinggalkan konsep, lalu ubah menjadi prinsip? Apa bezanya "konsep" dengan "prinsip"? Konsep bermaksud suatu yang masih difikir-fikirkan atau yang belum dipraktikkan manakala prinsip pula ialah dasar.

Kita soal kembali, apakah dasar-dasar yang terdapat dalam falsafah kenegaraan kita? Ada tiga unsur dasar atau prinsip yang terdapat dalam falsafah kenegaraan kita. Ketiga-tiga itu ialah Melayu, Islam dan Beraja.

Pengertian "prinsip" ialah dasar yang menjadi pokok kepada suatu konsep. Kita ulang, dasar kepada suatu konsep. Konsep itu memang ada tapi yang penting ialah dasar yang ada pada konsep itu. Jadi mana yang mustahak di sini, konsep atau dasar!

Sama-sama mustahak tapi yang paling mustahak ialah dasar atau prinsip. Dasar itulah yang menjadi tulang belakang kepada suatu konsep. Jadi apakah setelah tujuh tahun merdeka kita masih lagi leka dengan konsep, kenapa tidak digemakan prinsip!

LIHAT MUKA 13

PRINSIP MELAYU ISLAM BERAJA TONGGAK SEMANGAT KETAHANAN NASIONAL BANGSA YANG MERDEKA

DARI MUKA 12

Ini pemikiran awal. Biarlah konsep Melayu Islam Beraja itu kita jadikan landasan tapi yang penting sekarang bagaimana kita menerapkan prinsip Melayu Islam Beraja yang jadi tulang belakang kepada konsep itu.

PRINSIP ISLAM

Falsafah kenegaraan Melayu Islam Beraja masih belum lewat untuk kita analisis sebagai prinsip kerana memang dalam konteks prinsip Islam, kita ya bangsa kita adalah yang sejak dahulu lagi, berkurun-kurun yang lalu umat yang beriman. Umat yang berjaya. Umat yang sempurna. Bangsa kita memang keturunan umat atau bangsa yang beriman.

Prinsip Islam dalam konteks falsafah kenegaraan kita menonjolkan kemampuan mengendalikan kehidupan berbangsa dan bernegara yang patuh kepada hukum-hukum Islam.

Dalam menegakkan hukum-hukum agama Islam adalah juga bererti menegakkan mertabat dan harga diri kita selaku satu bangsa yang merdeka kerana Islam itu sendiri penuh dengan ajaran-ajaran pada memelihara kemerdekaan negara dengan jalan memastikan keturunan kita akan dapat mewarisi dan meneruskan nikmat dan rahmat kemerdekaan itu dengan cara yang diredai Allah.

Prinsip Islam dalam konteks falsafah kenegaraan kita cukup jelas. Baginda bertitah bahawa kita ini benar-benar Islam. Bukan Islam sambil lewa. Bukan Islam ambil lepas. Kita adalah Islam yang benar-benar mantap dan rakat di hati dan di jiwa. Islam yang ikhlas, yang diadun dengan sifat amanah serta niat semata-mata kerana Allah jua.

WALHAL setelah kita menjalani hidup berbangsa dan bernegara merdeka lebih tujuh tahun, falsafah kenegaraan Melayu Islam Beraja itu telah kita hayati dan serapkan dalam mana-mana kesempatan yang terluang. Kita manfaatkan sebaik-baiknya bagi mengketarakan prinsip Melayu Islam Beraja itu.

Jelas titah ini bukan konsep tapi prinsip atau dasar. Dasar Islam kita dalam konteks falsafah kenegaraan kita apa? Prinsip Islam kita jelas iaitu kita benar-benar Islam bukan Islam sambil lewa. Kita benar-benar Islam bukan Islam ambil lepas.

Prinsip Islam dalam konteks falsafah kenegaraan kita ialah Islam yang benar-benar mantap, Islam yang benar-benar rakat di hati dan di jiwa. Islam yang ikhlas. Islam yang diadun dengan sifat amanah serta niat semata-mata kerana Allah jua.

Tinggal lagi bagaimana memastikan agar rakyat dan penduduk negara tercinta ini memanfaatkan dan mengambil iktibar dari prinsip Islam yang selayaknya bagi membuktikan bahawa kita adalah satu bangsa yang benar-benar mengerti akan hakikat dan tanggungjawab kemerdekaan.

Dengan analisis ini, masihkah layak kita panggil Melayu Islam Beraja itu sebagai konsep? Tapi masih belum lewat juga tidak terlalu awal untuk kita panggil sebagai prinsip Melayu Islam Beraja. Ayuh, mulai sekarang kita tumpukan perhatian kepada prinsip Melayu Islam beraja. Kumandangkan prinsip Melayu Islam Beraja. Jangan lagi sebut konsep Melayu Islam Beraja.

Tujuh tahun kita sudah merdeka. Dalam waktu tujuh tahun itu kita telah mampu melaksanakan prinsip Melayu Islam Beraja meskipun ada suara-suara sumbang yang cuba meragukan pelaksanaan prinsip falsafah kenegaraan kita itu. Jangan gusar, lautan mana yang tidak bergelombang!

Suara-suara sumbang yang segelintir ini tenggelam juga akhirnya. Mereka cuba menentang badai, cuba memutarbelitkan sejarah tapi syukur sekarang ini kita sepadu mempertahankan prinsip Melayu Islam Beraja. Kita gigih menanai prinsip Melayu Islam Beraja di mana Islam itu menjadi prinsip kita yang utama.

Islam adalah agama yang tinggi dan suci. Agama sejagat yang sesuai dalam semua keadaan dan semua zaman. Kita akui Islam itu sebagai agama yang sebenar.

Antara ajaran-ajaran Islam itu ialah menuju ke arah kesempurnaan akhlak kerana yang paling mustahak dalam agama kita ialah akhlak. Akhlak itu sama dengan cara yang hidup zahir dan batin. Kerana itu akhlak perlu diutamakan.

PRINSIP MELAYU

Falsafah kenegaraan kita juga menyentuh mengenai dengan prinsip Melayu. Melayu dalam konteks apa? Istilah Prinsip Melayu ini kalau dihubungkan dalam takrif Taraf Pendaftaran Kebangsaan 1961 menjelaskan bahawa terdapat tujuh puak dari rumpun bangsa Melayu.

Ketujuh-tujuh puak yang dari rumpun bangsa Melayu itu ialah Melayu Brunei, Bisaya, Belait, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong. Jadi jelas prinsip Melayu sudah ada sejak tahun 1961 lagi.

Bangsa Melayu itu bersikap lemah lembut, suka tolong-menolong, bertolak ansur serta mengamalkan sikap-sikap yang mulia di samping berhemah tinggi.

"Tidak Melayu hilang di dunia" peribahasa Melayu ini adalah suatu petua yang tidak boleh diabaikan. Peribahasa ini menggambarkan betapa bangsa Melayu itu akan terus hidup dan kekal di tengah-tengah masyarakat antarabangsa meski bagaimana hebat kemajuan dunia itu.

Tidak Melayu hilang di dunia adalah natijah daripada sikap bertanggungjawab bangsa Melayu dalam setiap perkara dengan cara mengatasi setiap perkara dan masalah itu dalam suasana yang rukun damai.

Dengan kata lain bangsa Melayu itu menyelesaikan masalah melalui permuafakatan dan perundingan. Kita adalah bangsa yang masih kekal dengan sifat awar galat, menghormati orang tua dan mengasihi kanak-kanak di samping peka terhadap keadaan keliling.

"Sebagai bangsa Melayu, kewajipan kita ialah memelayuan segala tingkah laku dan perangai kita, penuh dengan sopan santun, hormat-menghormati, kasih sayang terhadap kanak-kanak, balas kasihan kepada orang-orang lemah dan orang-orang tua. Kemudian dari sifat-sifat kemelayuan Brunei pula pada pakaiannya, pada cara bergaulnya, cara berfikir dan bertindaknya".

Demikian rumusan yang dapat kita buat mengenai prinsip Melayu dalam konteks falsafah kenegaraan kita, Melayu Islam Beraja. Rumusan ini berpandu kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Oktober, 1990 yang lepas.

PRINSIP Islam dalam konteks falsafah kenegaraan kita cukup jelas. Baginda bertitah bahawa kita benar-benar Islam. Bukan Islam sambil lewa. Bukan Islam ambil lepas. Kita adalah Islam yang benar-benar mantap dan rakat di hati dan di jiwa. Islam yang ikhlas, yang diadun dengan sifat amanah serta niat semata-mata kerana Allah jua.

Prinsip Melayu ini juga menekankan tentang sikap dan pendirian bangsa kita yang berasas kepada kemelayuan Brunei. Apa sikap kita? Apa bentuk pendirian kita dalam prinsip Melayu ini jika hendak diamalkan.

Kita dinasihatkan agar jangan kita lebih-lebihkan memakai cara orang. Jangan kita lebih-lebihkan bergaul cara orang. Kita ini bangsa sederhana. Marilah kita bersikap sederhana dalam setiap perkara. Bukan pula kita tunjuk lawa lebih dari cara orang. Bukan pula kita lagak melampau lebih dari cara orang. Bukan pula kita bebas bergaul lebih dari cara orang.

Kemudian jangan kita ikut berfikir cara orang. Cara kita berfikir ada iaitu sentiasa bermuafakat dan berunding dalam suasana yang harmoni. Jangan kita ikut bertindak cara orang. Kita ada cara kita sendiri. Kita ini adalah bangsa yang berawar galat.

Kerana jika kita lebih-lebihkan memakai cara orang, bergaul cara orang, berfikir cara orang dan bertindak cara orang dan apa bila keempat-empat unsur ini melebihi cara orang itu, nanti Brunei bukan lagi Brunei. Kita mahu dipanggil apa? Bangsa yang tidak beridentiti?

Kemudian dalam Islam dan Melayu itu terkandung prinsip akhlak. Sebab itu akhlak perlu diutamakan. Pada 1 Oktober 1990 itu jua baginda menyentuh hal ini dengan bertitah:

LIHAT MUKA 14



DOA adalah senjata orang-orang Islam di mana kita memohon kepada Allah Subhanahu Wataala untuk mendapatkan perlindungan dan keredaan-Nya bagi di dunia dan akhirat.

PRINSIP MELAYU ISLAM BERAJA TONGGAK SEMANGAT KETAHANAN NASIONAL BANGSA YANG MERDEKA



KESEDARAN beragama di kalangan penduduk-penduduk Islam di negara ini telah berakar umbi sejak dari datuk nenek kita lagi. Maka untuk itu falsafah kenegaraan kita sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja bukanlah suatu perkara yang baru.

KERANA jika lebih-lebihkan pemakan cara orang, bergaul cara orang, berfikir cara orang dan bertindak cara orang dan apabila keempat-empat unsur ini melebihi cara orang itu, nanti Brunei bukan lagi Brunei. Kita mahu dipanggil apa? Bangsa yang tidak beridentiti.

DARI MUKA 13

"Akhlak itu sama dengan cara hidup zahir dan batin. Sebab itu hanya perlu diutamakan. Bukanlah akhlak itu dalam majlis adat istiadat saja, bukan di dalam masjid saja, bukan dalam pejabat saja tetapi di mana-mana jua, di rumah-rumah, di pasar-pasar dan di tempat-tempat permainan. Semua ini kita orang-orang Melayu dan Islam adalah dikehendaki supaya beradab dan berakhlak dengan akhlak Melayu dan Islam."

Melalui titah ini prinsip Melayu dan Islam dalam konteks akhlak ini cukup jelas. Kita dikehendaki berakhlak di mana-mana saja bukan terhad di tempat-tempat tertentu.

Di antara akhlak yang sangat keji dan tidak senonoh itu ialah perbuatan meminum minuman keras. Mereka lupa Tuhan, dan lupakan Islam. Lupakan prinsip Islam. Lupakan prinsip Melayu yang berhemah tinggi.

Ada setengah orang kita meminum minuman keras ini kerana kegemaran dan tabiat. Konon kerana kegemaran dan tabiat walhal cuba meniru cara bergaul orang lain.

Kemudian ada orang beranggapan minuman keras ini adalah minuman orang-orang kenamaan dan minuman antarabangsa, konon-kononnya. Tapi apakah betul minuman keras itu minuman antarabangsa! Bukan minuman antarabangsa, bukan. Hanya sekadar kita mahu lebihlebihkan cara orang lain. Orang lain buat kita pun mahu ikut.

Ini bukan budaya fikir dan gaul bangsa kita. Bukan budaya fikir Islam. Bukan budaya gaul bangsa Melayu. Meminum minuman keras walaupun apa alasan hanya menggambarkan pemikiran yang cetek. Pemikiran yang dangkal. Pemikiran yang bukan asli Brunei.

Berpandu kepada prinsip Melayu Islam Beraja dalam konteks falsafah kenegaraan itu kita sangat mengalu-alukan langkah kerajaan menegah kemasukan semua jenis minuman keras ke bumi kita ini sejak 1 Disember, 1990 lepas.

Kemudian semua jenis minuman keras yang sudah dimasukkan atau dibuat di negara kita ini sebelum 1 Disember lepas maka lesen menjual, menghidangkan dan membuatnya sudah pun mansuh kelmarin iaitu 1 Januari, 1991.

Dianalisis lebih jauh langkah kita mengharamkan penjualan minuman keras dan mengawal kemasukannya ke negara ini sehingga ke tahap yang paling minima adalah suatu tindakan yang sangat wajar sebagai menguatkan penerapan prinsip Melayu Islam Beraja, falsafah kenegaraan kita.

Apakah langkah begini masih dianggap konsep? Tentu bukan. Ini bukan konsep. Ini prinsip. Prinsip Melayu Islam Beraja.

Kemudian penekanan baginda terhadap saranan agar hari-hari kebesaran Islam disambut dengan cara besar-besaran dan kita pun lalu melaksanakannya. Kalau dulu perarakan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bermula dengan diiringi 9 atau 12 das tembakan meriam tapi sejak tahun 1990 tembakan meriam bermulanya perarakan berdentum sebanyak 21 das. Ini semuanya prinsip falsafah kenegaraan kita bukan lagi konsep. Prinsip Melayu Islam Beraja.

PRINSIP BERAJA

Falsafah kenegaraan kita juga menekankan prinsip Beraja. Prinsip Beraja ini telah pun wujud sejak lama. Turun-temurun. Prinsip Beraja ini telah membudaya dalam kehidupan bangsa Melayu.

Bangsa Melayu tidak dapat dipisahkan dengan prinsip beraja. Lambang dan simbol bangsa Melayu dari sejak dahulu lagi ialah raja. Sebab itu negara kita sejak berkurun-kurun yang lalu telah dikenali sebagai Kesultanan Melayu Brunei atau Kesultanan Brunei.

Mengenai prinsip beraja ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Oktober, 1990 sempena sambutan Maulud Nabi antara lain bertitah:

"Akhir sekali dari elemen Melayu Islam Beraja ialah 'Beraja'. Beraja sama ertinya bersultan. Jadi tafsiran Melayu Islam Beraja itu ialah Brunei Darussalam negara Melayu Islam yang bersultan. Hal ini terjadi bukanlah dari usaha dan ciptaan kita, tetapi ialah kehendak daripada Allah. Kita tidak boleh tanya mengapa, tetapi patut bersyukur, dan sambil itu berbuat sesuatu untuk memantapan dan ketahanannya".

Oleh yang demikian prinsip Melayu Islam Beraja dalam konteks beraja bukanlah satu prinsip yang baru disebut-sebut tapi adalah satu prinsip yang sebenarnya sudah lama wujud. Sudah lama bertunjang serta berakar umbi di bumi darussalam ini.

Prinsip beraja itu sudah wujud berabad-abad lamanya. Kita amat pelihara dan sanjung prinsip beraja ini dan kerananya jua kita telah dapat menikmati kehidupan berbangsa dan bernegara dalam suasana selesa, aman dan bahagia.

KESIMPULAN

Negara Melayu Islam Beraja bukanlah perkara baru. Bukan juga suatu gagasan atau suatu idea yang masih berbentuk dalam fikiran dan angan-angan. Melayu Islam Beraja adalah prinsip. Bukan lagi konsep.

Melayu Islam Beraja yang kita gemakan sebagai suatu konsep sebelum menjelang kemerdekaan bukanlah mengemukakan suatu fahaman, suatu tanggapan bahkan sebaliknya adalah mengketarakan prinsip yang sememangnya telah menjadi kenyataan tapi tidak disebut dengan jelas dan terang sebelumnya.

Kerana itu apabila baginda menyebut dengan sebutan perkataan yang jelas dalam bentuk pernyataan rasmi sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja memberi makna bahawa corak dan keidentitian telah menjadi kenyataan.

Lalu kita semua berasa bangga menyertai dan mendukung baginda untuk mengekalkan kenyataan itu dengan izin serta limpah kurnia Allah jua.

Di negara kita ini Islam menduduki tempat yang wajar lebih daripada sekadar sebutan dalam perlembagaan agama rasmi. Kedudukan itu hendaklah dilahirkan sebagai menepati hakikat bahawa Islam telah bertapak dan berakar umbi sepanjang sejarah negara kita. Islam itu telah berpengaruh dalam cara hidup bangsa kita pada keseluruhannya.

Kerana itu kita adalah benar-benar terlibat dalam Islam. Bukan Islam sambil lewa. Bukan ambil lepas. Tapi yang benar-benar mantap dan rakat di hati dan di jiwa. Islam yang ikhlas yang diadun dengan sifat amanah serta mat semata-mata kerana Allah jua kerana falsafah kenegaraan kita. Melayu Islam Beraja bukan lagi satu konsep tapi prinsip. Prinsip Melayu Islam Beraja.

MELAYU Islam Beraja yang kita gemakan sebagai suatu konsep sebelum menjelang kemerdekaan bukanlah mengemukakan suatu fahaman, suatu tanggapan bahkan sebaliknya adalah mengketarakan prinsip yang sememangnya telah menjadi kenyataan tapi tidak disebut dengan jelas dan terang sebelumnya.



TRADISI kita orang-orang Brunei terus diambil kira di mana kewujudannya disesuaikan dengan tuntutan dan keadaan serta keperluan-keperluan semasa supaya tidak bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam.

Sastera dan Budaya

KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

OLEH HAJI DURAMAN TUAH

Definisi dan Tafsiran Melayu Islam Beraja

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dalam titah baginda di Majlis Perhimpunan dan Perarakan Maulud Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien pada hari Isnin 12 Rabiulawal 1411 bersamaan 1 Oktober, 1990, menjelaskan bahawa :

"..... tafsiran M.I.B itu ialah Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam yang bersultan. Hal ini terjadi bukanlah dari usaha dan ciptaan kita tetapi ialah kehendak daripada Allah. Kita tidak boleh tanya mengapa. Tetapi patut bersyukur dan sambil itu berbuat sesuatu untuk kemantapan dan ketahanannya."

Haji Duraman bin Tuah (Pelita Brunei — ANEKA, 2 Mei 1990, m.s. 6) mentafsirkan konsep Melayu Islam Beraja (M.I.B) sebagai :

"..... satu konsep nasional dan berunsurkan penyatuan yang merangkumi bahasa, kebudayaan dan adat istiadat Melayu, pengajaran, nilai dan undang-undang Islam; dan sistem pentadbiran Beraja yang harus dihormati atau diamalkan oleh semua orang (warganegara atau bukan warganegara) yang bermastautin di Brunei walaupun latar belakang dan kebudayaan mereka berlainan"

Konsep MIB dapatlah dirumuskan sebagai konsep yang menegakkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang berlandaskan Al-Quran dan hadis Rasulullah sebagai tunggak bagi semua kegiatan yang menyentuh kepentingan-kepentingan bangsa bahasa dan kebudayaan Melayu serta keutamaan institusi beraja (bersultan) untuk sistem pemerintahan dan pentadbiran Negara Brunei Darussalam.

Definisi dan Tafsiran "Pentadbiran" dan "Pengurusan"

Pentadbiran adalah satu proses kegiatan yang merangkumi semua aspek kerjasama manusia dengan menggunakan bermacam-macam benda dan teknologi, untuk membolehkan semua tujuan kerajaan atau organisasi dapat dicapai.

"Pengurusan" pula adalah satu proses perlaksanaan atau kefungsian oleh semua anggota organisasi (kumpulan manusia yang menjalankan fungsi tersebut) supaya pentadbiran dapat mencapai tujuan-tujuan yang sudah dikenal pasti. Pada kebiasaannya, pentadbiran dilakukan oleh sebilangan kecil manusia yang berpengetahuan, berkarisma dan mempunyai pengaruh di kalangan masyarakat setempat atau organisasi berkenaan. Segala bentuk kegiatan yang telah dipersetujui oleh manusia yang terlibat dalam pentadbiran akan dilaksanakan oleh setiap anggota organisasi yang mempunyai fungsi yang berlainan. Dalam erti kata lain, pentadbiran merangka tujuan-tujuan atau dasar-dasar, sementara pengurusan bertindak sebagai pelaksana tujuan-tujuan atau dasar-dasar tersebut.

Sejarah Pentadbiran dan Pengurusan Negara Brunei Darussalam Dalam Menegakkan Konsep Melayu Islam Beraja

Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan konsep Melayu Islam Beraja sebaik-baik sahaja Awang Alak Betatar memeluk agama Islam dan digelar Sultan Muhammad. Sultan Sharif Ali kemudian menggariskan dasar pemerintahan dan pentadbiran negara dengan bertunggakkan Islam. Di zaman Sultan Bolkiah Negara Brunei Darussalam berkembang menjadi sebuah empayar Melayu Islam yang digeruni dan disegani. Dengan jajahan takluk yang begitu luas hingga ke Pulau Luzon di utara dan Kalimantan di selatan, maka secara langsung kekayaan Brunei Darussalam ketika itu tidak dapat dinafikan. Kekayaan negara dan semangat kuat beragama orang-orang Brunei di waktu itu adalah faktor utama yang menyebabkan negara-negara kolonialis seperti Sepanyol, Belanda dan Inggeris berusaha sedaya upaya untuk mengeksploitasi beberapa orang pembesar negara supaya menjadi 'musuh dalam selimut'.

Kesempatan untuk memecahbelahkan perpaduan dan integrasi Empayar Brunei hanya tercapai setelah Sultan Bolkiah mangkat di dalam pelayaran baginda berangkat balik ke Brunei. Cerita kemangkatan Sultan Bolkiah ini sepatutnya diselidiki lebih mendalam lagi. Walaupun pada dasarnya kemangkatan itu telah berlaku.

Sampai sekarang latar belakang Puteri Laila Menchanai belum dapat dibuktikan, sementara punca sebenar kemangkatan baginda masih menjadi misteri. Mengapa Sultan Bolkiah mangkat terkena jarum sedangkan diketahui jarum belum pasti menjadi senjata yang membunuh? Mengapa dibiarkan jenazah Sultan Bolkiah menjadi busuk dan diberi alasan bau busuk datangnya dari bangkai tikus? Apakah jenazah Sultan Bolkiah sudah dianggap sama seperti bangkai tikus? Apakah kerana cinta sahaja yang menyebabkan Puteri Laila Menchanai membunuh diri?.

Kemangkatan Sultan Bolkiah bukan faktor penyebab keruntuhan Empayar Brunei. Jika disorot sejarah Negara Brunei Darussalam secara terperinci, penyebab utama keruntuhan Negara Brunei Darussalam berpunca dari sikap tamak, mementingkan diri sendiri, tidak amanah dan penyalahgunaan kuasa oleh sebilangan pembesar negara yang dipertanggungjawabkan mentadbir dan mengurus hal ehwal negara. Implikasi sikap negatif ini menimbulkan perpecahan di antara pembesar negara sendiri dan secara langsung memberi ruang bagi kolonialis-kolonialis Barat memasukkan jarum 'pecah dan perintah' mereka.

Faktor ketahanan dan survival Negara Brunei Darussalam pada keseluruhannya terletak pada ketaatan beragama dan tebalnya semangat kemelayuan di kalangan majoriti rakyat dan pembesar negara. Tidak dapat disangkal bahawa penjajah Sepanyol tidak dapat bertapak lama di Negara Brunei Darussalam semasa Perang Kastila, kerana Islam telah menjadi darah daging orang-orang Melayu Brunei ketika itu. Tambahan lagi, ketaatan rakyat kepada Sultan sebagai pemerintah dan 'payung negara' mengukuhkan lagi semangat mereka menentang pencerobok-pencerobok luar.

Di dalam mempertahankan maruah negara semasa Perang Kastila ciri yang paling menonjol ialah gaya kepimpinan yang ditunjukkan oleh kedua tokoh terpenting iaitu Sultan Saiful Rijal dan Pengiran Bendahara Sakam. Kedua tokoh ini sama sama ke hulu dan ke hilir bersama rakyat dan pembesar yang taat kepada raja dan agama. Mereka juga sama-sama terlibat dalam merancang, mentadbir dan mengurus strategi peperangan. Kebulatan tekad dan kekentalan semangat yang ditunjukkan oleh kedua pemimpin inilah yang menyatukan semua lapisan rakyat Melayu Brunei ketika itu. Perpaduan di antara pemerintah, pentadbir dan rakyat inilah juga yang dapat mematahkan serangan askar Sepanyol yang menggunakan peralatan perang yang besar dan paling canggih ketika itu. Perpaduan yang diasaskan oleh Sultan Saiful Rijal dan Pengiran Bendahara Sakam tidak kekal walaupun sultan-sultan selepas mereka seperti Sultan Hassan telah berjaya memperkenal dan melaksanakan satu sistem perundangan dan pentadbiran yang dikenali sebagai Kanun Sultan Hassan, yang sesuai dan berkesan sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien (Sultan Brunei ke-28). Punca pecahnya perpaduan ini ialah perebutan kuasa yang menjadikan kuasa pemerintahan dan pentadbiran Negara Brunei Darussalam dibahagi dua. Akibatnya Perang Saudara selama 12 tahun terjadi dan merugikan kedua belah pihak yang bersengketa. Kesudahannya Kepulauan Sulu menjadi hak orang lain dan banyak peralatan diraja hilang entah ke mana. Perang Saudara 12 tahun ini belum cukup menjadi pengajaran kepada Negara Brunei Darussalam. Sekali lagi perpecahan berlaku, tetapi kali ini ia didatangi oleh kolonialis British yang menyogokkan pihak-pihak yang terlibat dengan janji-janji kekayaan dan kuasa. James Brooke, sebagai kolonialis British yang paling bercita-cita serta rakus kepada kuasa dan kekayaan, berjaya melaga-lagakan Pengiran Muda Hashim dan Pengiran Indera Mahkota Muhammad Salleh. Secara perlahan-lahan Brooke memasukkan jarum pecah dan perintahnya. Di saat-saat begini konsep ketaatan kepada agama, raja dan bangsa tidak ada lagi di pihak Pengiran Muda Hashim. Beliau lebih mementingkan kuasa, kedudukan dan kekayaan peribadi daripada menyelamatkan Negara Brunei Darussalam dari cengkaman penjajah. Dengan menggunakan kuasa yang diberikan oleh sultan kepadanya sebagai Pengiran Bendahara iaitu jawatan pentadbir yang paling tinggi ketika itu, Pengiran Muda Hashim berjaya memujuk Sultan Omar Ali Saifuddien II untuk menyerahkan kuasa pemerintahan dan pentadbiran Sarawak kepada James Brooke pada 15 Ogos, 1842 bersamaan dengan 24 Jamadilakhir 1258. Dengan adanya kuasa pemerintahan Sarawak kepadanya dan setelah dapat mempelajari kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam semua personaliti yang memegang kuasa dan pengaruh di Brunei ketika itu, James Brooke dan keturunannya tidak segan silu merampas jajahan takluk Brunei satu demi satu. Bagi mengatasi keadaan tidak menentu, terutama dalam menghadapi pencerobohan keluarga Brooke, Sultan Abdul Mumin mengelurkan satu amanat pada tahun 1885 yang menggariskan dasar pemerintahan dan pentadbiran yang menghalang pemajakan atau penyerahan tanah bagi mengelakkan jajahan takluk Brunei hilang begitu saja. Dasar pentadbiran yang berdasarkan pembahagian dan penurunan kuasa ini, yang terkenal sebagai Kerajaan (kuasa Sultan), Kuripan (kuasa pembesar negeri yang disampiri gelaran) dan Tulen (kuasa pembesar atau wakil kerajaan bagi mentadbir dan mengurus jajahan takluk), tidak mengeluarkan hasil positif, malah ia menjadi faktor penggalak bagi tali barut keluarga Brooke untuk menyalahgunakan kuasa tersebut. Dengan diberikan bayaran lumayan bagi setiap jajahan takluk yang diserahkan, pembesar yang terlibat sudah menjadi 'putih mata'. Walaupun sudah ada perjanjian-perjanjian yang termeterai di antara sultan dan Kerajaan British sebelum ini yang bertujuan untuk melindungi Brunei dari diceroboh, namun perjanjian-perjanjian tersebut tidak pernah dihormati apatah lagi dilaksanakan oleh Brooke dan konco-konconya.

Bersambung minggu depan

FAKTOR ketahanan dan survival Negara Brunei Darussalam pada keseluruhannya terletak kepada ketaatan beragama dan tebalnya semangat kemelayuan di kalangan majoriti rakyat dan pembesar negara. Tidak dapat disangkal bahawa penjajah Sepanyol tidak dapat bertapak lama di Negara Brunei Darussalam, semasa Perang Kastila, kerana Islam telah menjadi darah daging orang-orang Melayu Brunei ketika itu. Tambahan lagi, ketaatan rakyat kepada sultan sebagai pemerintah dan payung negara mengukuhkan lagi semangat mereka menentang pencerobok-pencerobok luar.

KONSEP MIB dapatlah dirumuskan sebagai konsep yang menegakkan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam yang berlandaskan Al-Quran dan hadis Rasulullah sebagai tunggak bagi semua kegiatan yang menyentuh kepentingan-kepentingan bangsa, bahasa dan kebudayaan Melayu serta keutamaan institusi beraja (bersultan) untuk sistem pemerintahan dan pentadbiran Negara Brunei Darussalam.

Sastera dan Budaya

KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sambungan minggu lalu

OLEH HAJI DURAMAN TUAH

PENYELAMAT Negara Brunei Darussalam yang sudah hampir rapus dari peta dunia di akhir kurun ke-19, ialah Pengiran Anak Hashim, putera Sultan Omar Ali Saifuddien II. Baginda merupakan penentang kuat keluarga Brooke semasa baginda remaja sehingga ke ahir hayat baginda. Bersama-sama dengan pahlawan-pahlawan terbilang dari Kampong Saba iaitu Haji Saman dan Liau Badar, baginda menjadi penghalang utama cita-cita keluarga Brooke menjadikan Negara Brunei Darussalam sebahagian dari Sarawak.

Setelah kemangkatan Sultan Abdul Mumin pada tahun 1885, Pengiran Anak Hashim yang memegang gelaran Pengiran Temenggong telah diangkat menjadi Sultan Negara Brunei Darussalam yang ke-25. Semasa baginda menaiki takhta, keadaan politik dan ekonomi Negara Brunei Darussalam semakin meruncing. Jajahan takluk dan persisir Negara Brunei Darussalam dirampas oleh keluarga Brooke secara paksa atau digadai dengan sewenang-wenangnya oleh pembesar-pembesar yang tamak kepada keluarga Brooke. Bagi mengelakkan dari Negara Brunei Darussalam menjadi pupus, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin meminta Kerajaan British supaya Negara Brunei Darussalam diletakkan di bawah naungan Britain. Perlu diambil ingatan bahawa kesan pencerobohan keluarga Brooke terhadap jajahan takluk Negara Brunei Darussalam mempengaruhi juga tindak-tanduk yang dibuat oleh North Borneo Company. Dengan berpandukan taktik yang dibuat oleh Brooke, syarikat ini telah berani melanggar syarat-syarat perjanjian pajakan tanah, yang berakhir dengan jajahan tersebut menjadi milik syarikat berkenaan.

Perjanjian Naungan yang termenterai pada 17 September 1888 itu tidak menjamin kedaulatan Negara Brunei Darussalam seperti yang dihasratkan kepada daerah Limbang telah diduduki oleh Brooke secara paksa pada tahun 1890. Menurut beberapa orang pakar perundangan, Brooke bertindak menduduki Limbang untuk menunjukkan kekuatan ketenteraannya sambil membuat perkiraan bahawa Kerajaan British hanya akan bertindak balas jika penceroboh itu kuasa asing sedangkan pada hakikatnya Brooke ialah sebahagian daripada kuasa British. Tindakan Brooke menduduki Limbang adalah berpunca dari kelonggaran yang terdapat di dalam perjanjian tersebut. Walaupun Kerajaan British tidak bersetuju dengan tindakan Brooke menduduki Limbang, tetapi ia tidak bertindak balas menghukum Brooke dengan menghantar tentera British ke sana. Sepatutnya Kerajaan British boleh bertindak kerana Perjanjian 1888 itu memberi peruntukan baginya untuk menjaga kedaulatan jajahan takluk Negara Brunei Darussalam dan hal ehwal luar negeri. Kejujuran Kerajaan British ketika itu dalam menyelesaikan isu pendudukan Limbang adalah meragukan.

Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin mewarisi takhta Negara Brunei Darussalam yang sentiasa diancam kedaulatannya oleh kuasa asing. Dengan mempunyai jajahan takluk yang semakin susut dan tidak berpotensi untuk mengeluarkan hasil mahsul, maka secara langsung pendapatan negara semakin merosot dan ini menyebabkan banyak rakyat Melayu tempatan berhijrah ke tempat lain di luar Negara Brunei Darussalam untuk membina penghidupan baru. Keadaan ekonomi Negara Brunei Darussalam di waktu itu dianggap sebagai hampir muflis.

Menyedari akan faktor-faktor yang boleh melenyapkan Brunei dari peta dunia, Pesuruhjaya British di negeri-negeri Selat (Sir John Anderson) mengarahkan MSH Mc Arthur ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 1904 untuk menyiasat dan membuat laporan terperinci mengenai keadaan sebenar Negara Brunei Darussalam di waktu itu. Hasil laporan Mc Arthur inilah yang menggerakkan Kerajaan British merangka draf perjanjian tambahan 1905 - 1906. Sultan Hashim berkenan menandatangani perjanjian ini tanpa banyak bicara kerana baginda yakin yang masa depan dan survival Negara Brunei Darussalam akan terjamin dengan adanya perjanjian ini.

Secara menyeluruh Perjanjian 1906 memperuntukkan supaya Negara Brunei Darussalam menerima seorang pegawai British yang dipanggil Residen untuk mentadbir Negara Brunei Darussalam dan menyusun semula sistem pengurusan yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam. Kuasa mentadbir Residen ini tidak dilaratkan kepada hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu kerana Kerajaan British menyedari bahawa isu agama dan kebudayaan masyarakat tempatan akan menimbulkan konflik jika ianya disalahgunakan oleh pegawai British seperti yang terjadi di Perak di mana J.W. Birch dibunuh disebabkan peranannya yang membangkitkan kemarahan orang Melayu. Sungguhpun Perjanjian 1906 memberikan banyak kuasa kepada Residen untuk mentadbir dan mengurus negara tetapi Sultan sebagai ketua negara tetap dihormati dan dibawa berunding bagi menyelesaikan permasalahan yang berhubung kait dengan kebajikan rakyat dan penduduk.

Secara langsung Perjanjian 1906 ini telah menaikkan kembali martabat dan maruah Negara Brunei Darussalam. Malah perjanjian ini secara langsung telah menaikkan dan mengharumkan nama Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin sebagai wira negara yang bertungkus lumus sejak zaman remajanya untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu yang berteraskan Islam sebagai panduan hidup dan mengamalkan sistem pemerintahan beraja.

Cucunda Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin yang terkenal dengan gelaran Arkitek Brunei Moden telah memantapkan lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam dan berorientasikan raja dan bertindak menjadi penggerak pemerintahan, pentadbiran dan pengurusan negara.

Dengan mengisytiharkan Perlembagaan 1959 pada 29 September, 1959, Sultan Haji Omar Ali Saifuddien telah membawa Negara Brunei Darussalam menuju ke zaman kegemilangannya yang telah pudar sejak kemangkatan Sultan Bolkiah. Perlembagaan 1959 yang digerakkan sendiri oleh baginda telah mengurangkan hampir separuh kuasa pegawai-pegawai British dalam mentadbir dan menguruskan Negara Brunei Darussalam. Kuasa Residen telah bertukar tangan kepada Menteri Besar yang dilantik dari anak Melayu Brunei sendiri. Kuasa mentadbir dan mengurus hal ehwal agama Islam diserahkan kepada pegawai tempatan yang dipanggil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, sementara urusan penggubalan dasar dan perlaksanaan bahasa Melayu di dalam semua urusan pentadbiran dan pengurusan negara diserahkan kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Usaha-usaha meneruskan dan mengamalkan kehendak-kehendak yang terkandung di dalam Perlembagaan 1959 terutama yang berhubung rapat dengan kepentingan-kepentingan Melayu, Islam dan Raja diberi penekanan menerusi akta-akta, Warta Kerajaan, surat-surat keliling dan seumpamanya.

Asas-asas pentadbiran dan pengurusan yang dipelopori oleh Sultan Haji Omar Ali Saifuddien diteruskan oleh anakanda baginda, Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Di awal sehingga akhir dekad 70-an pemerintahan baginda Negara Brunei Darussalam telah dua kali membuat pindaan terhadap perjanjian-perjanjian dengan Kerajaan British yang berkisar mengenai pemerintahan, pentadbiran dan pengurusan negara terutama yang melibatkan tanggungjawab British ke atas hal ehwal dalam dan luar negeri serta pertahanan. Perjanjian 1971 secara langsung telah memberikan hak kedaulatan memerintah dan mentadbir dalam negeri sepenuhnya kepada sultan dan rakyat Negara Brunei Darussalam. Perjanjian 1979 pula memberikan peluang kepada sultan dan rakyat baginda untuk membuat persediaan-persediaan bagi mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab memerintah, mentadbir dan mengurus hal ehwal pertahanan, dalam dan luar negeri tanpa campur tangan British dan kuasa-kuasa asing. Dalam erti kata lain Negara Brunei Darussalam sudah bersedia untuk menebus maruah dan haknya sebagai sebuah negara merdeka.

Setelah empat tahun Perjanjian 1979 ditandatangani dan setelah segala persediaan ke arah pengambilan alih semula tanggungjawab sebagai sebuah negara merdeka siap dilaksanakan, maka pada pukul 12.01 pagi 1 Januari, 1984 Negara Brunei Darussalam melangkah ke dunia antarabangsa dengan membawa identiti keislaman, melalui seruan tauhid "Allahu Akbar".

Peristiwa bersejarah itu adalah satu rakaman imbas kembali yang mempunyai pertalian dengan peristiwa pengislaman Awang Alak Betatar oleh Sultan Sharif Ali. Jika Awang Alak Betatar memulakan asas Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja dengan kalimah syahadah, maka adalah paling wajar seruan tauhid "Allahu Akbar", dijadikan asas bagi semua isi di dalam Negara Brunei Darussalam termasuk pemimpin dan rakyat, untuk menebalkan semangat ketakwaan kepada Allah dan bertawakal bagi setiap usaha yang bakal dilaksanakan demi menghadapi segala macam putar belit dunia antarabangsa di dalam setiap bidang kehidupan manusia.

Pengalaman sejarah telah membuktikan bahawa setiap negara Islam yang hampir runtuh boleh tegak kembali jika pemimpin-pemimpin dan rakyat bersatu hati, bersatu tenaga dan yang paling penting, bersatu dalam ketakwaan kepada Allah. Saudi Arabia dan Indonesia, sebagai contoh, telah tegak kembali setelah pemimpin dan rakyat kedua negara Islam itu bersatu dalam tiga ciri yang dinyatakan dan berjaya menghalau, dengan semangat waja, pendudukan kuasa asing yang telah mengeksploitasikan kekayaan dan sumber ekonomi mereka sehingga bertahun-tahun lamanya.

Bersambung minggu depan

DENGAN mengisytiharkan Perlembagaan 1959 pada 29 September, 1959, Sultan Haji Omar Ali Saifuddien telah membawa Negara Brunei Darussalam menuju ke zaman kegemilangannya yang telah pudar sejak kemangkatan Sultan Bolkiah. Perlembagaan 1959 yang digerakkan sendiri oleh baginda telah mengurangkan hampir separuh kuasa pegawai-pegawai British dalam mentadbir dan menguruskan Negara Brunei Darussalam.

SECARA langsung Perjanjian 1906 ini telah menaikkan kembali martabat dan maruah Negara Brunei Darussalam. Malah perjanjian ini secara langsung telah menaikkan dan mengharumkan nama Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin sebagai wira negara yang bertungkus-lumus sejak zaman remajanya untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu yang berteraskan Islam sebagai panduan hidup dan mengamalkan sistem pemerintahan beraja.

Sastera dan Budaya

KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sambungan minggu keluaran 10 Julai, 1991

OLEH HAJI DURAMAN TUAH

PENYELAMAT Negara Brunei Darussalam yang sudah hampir raus dari peta dunia di akhir kurun ke-19, ialah Pengiran Anak Hashim, putera Sultan Omar Ali Saifuddin II. Baginda merupakan penentang kuat keluarga Brooke semasa baginda remaja sehingga ke akhir hayat baginda. Bersama-sama dengan pahlawan-pahlawan terbilang dari Kampong Saba iaitu Haji Saman dan Liau Badar, baginda menjadi penghalang utama cita-cita keluarga Brooke menjadikan Negara Brunei Darussalam sebahagian dari Sarawak.

Setelah kemangkatan Sultan Abdul Mumin pada tahun 1885, Pengiran Anak Hashim yang memegang gelaran Pengiran Temenggong telah diangkat menjadi Sultan Negara Brunei Darussalam yang ke-25. Semasa baginda menaiki takhta, keadaan politik dan ekonomi Negara Brunei Darussalam semakin meruncing. Jajahan takluk dan pesisir Negara Brunei Darussalam dirampas oleh keluarga Brooke secara paksa atau digadai dengan sewenang-wenangnya oleh pembesar pembesar yang tamak, kepada keluarga Brooke. Bagi mengelakkan dari Negara Brunei Darussalam menjadi pupus, Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin meminta Kerajaan British supaya Negara Brunei Darussalam diletakkan di bawah naungan Britain. Perlu diambil ingatan bahawa kesan pencerobohan keluarga Brooke terhadap jajahan takluk Negara Brunei Darussalam mempengaruhi juga tindak-tanduk yang dibuat oleh North Borneo Company. Dengan berpandukan taktik yang dibuat oleh Brooke, syarikat ini telah berani melanggar syarat-syarat perjanjian pajakan tanah, yang berakhir dengan jajahan tersebut menjadi milik syarikat berkenaan.

Perjanjian Naungan yang ditandatangani pada 17 September 1888 ini tidak menjamin kedaulatan Negara Brunei Darussalam seperti yang dinasihatkan. Lerana daerah Limbang telah diduduki oleh Brooke secara paksa pada tahun 1890. Menurut beberapa orang pakar perundangan, Brooke bertindak menduduki Limbang untuk menunjukkan kekuatan ketenteraannya sambil membuat perkiraan bahawa Kerajaan British hanya akan bertindak balas jika penceroboh itu kuasa asing sedangkan pada hakikatnya Brooke ialah sebahagian daripada kuasa British. Tindakan Brooke menduduki Limbang adalah berpunca dari keloggaran yang terdapat di dalam perjanjian tersebut. Walaupun Kerajaan British tidak bersetuju dengan tindakan Brooke menduduki Limbang, tetapi ia tidak bertindak balas menghukum Brooke dengan menghantar tentera British ke sana. Sepatutnya Kerajaan British boleh bertindak kerana Perjanjian 1888 itu memberi peruntukan baginya untuk menjaga kedaulatan jajahan takluk Negara Brunei Darussalam dan hal ehwal luar negeri. Kejujuran Kerajaan British ketika itu dalam menyelesaikan isu pendudukan Limbang adalah meragukan.

Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin mewarisi takhta Negara Brunei Darussalam yang sentiasa diancam kedaulatannya oleh kuasa asing. Dengan mempunyai jajahan takluk yang semakin susut dan tidak berpotensi untuk mengeluarkan hasil mahsul, maka secara langsung pendapatan negara semakin merosot dan ini menyebabkan banyak rakyat Melayu tempatan berhijrah ke tempat lain di luar Negara Brunei Darussalam untuk membina penghidupan baru. Keadaan ekonomi Negara Brunei Darussalam di waktu itu dianggap sebagai hampir muflis.

Menyedari akan faktor-faktor yang boleh melenyapkan Brunei dari peta dunia, Pesuruhjaya British di negeri-negeri Selat (Sir John Anderson) mengarahkan MSH Mc Arthur ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 1904 untuk menyiasat dan membuat laporan terperinci mengenai keadaan sebenar Negara Brunei Darussalam di waktu itu. Hasil laporan Mc Arthur inilah yang menggerakkan Kerajaan British merangka draf perjanjian tambahan 1905 - 1906. Sultan Hashim berkenan menandatangani perjanjian ini tanpa banyak bicara kerana baginda yakin yang masa depan dan survival Negara Brunei Darussalam akan terjamin dengan adanya perjanjian ini.

Secara menyeluruh Perjanjian 1906 memperuntukkan supaya Negara Brunei Darussalam menerima seorang pegawai British yang dipanggil Residen untuk mentadbir Negara Brunei Darussalam dan menyusun semula sistem pengurusan yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi Negara Brunei Darussalam. Kuasa mentadbir Residen ini tidak dilaratkan kepada hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu kerana Kerajaan British menyedari bahawa isu agama dan kebudayaan masyarakat tempatan akan menimbulkan konflik jika ianya disalahgunakan oleh pegawai British seperti yang terjadi di Perak di mana J.W. Birch dibunuh disebabkan peranannya yang membangkitkan kemarahan orang Melayu. Sungguhpun Perjanjian 1906 memberikan banyak kuasa kepada Residen untuk mentadbir dan mengurus negara tetapi Sultan sebagai ketua negara tetap dihormati dan dibawa berunding bagi menyelesaikan permasalahan yang berhubung kait dengan kebajikan rakyat dan penduduk.

Secara langsung Perjanjian 1906 ini telah menaikkan kembali martabat dan maruah Negara Brunei Darussalam. Malah perjanjian ini secara langsung telah menaikkan dan mengharumkan nama Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin sebagai wira negara yang bertungkus lumus sejak zaman remajanya untuk mengekalkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu yang berteraskan Islam sebagai panduan hidup dan mengamalkan sistem pemerintahan beraja.

Cucunda Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin yang terkenal dengan gelaran Arkitek Brunei Moden telah memantapkan lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam dan berorientasikan raja dan bertindak menjadi penggerak pemerintahan, pentadbiran dan pengurusan negara.

Dengan mengisytiharkan Perlembagaan 1959 pada 29 September, 1959, Sultan Haji Omar Ali Saifuddien telah membawa Negara Brunei Darussalam menuju ke zaman kegemilangannya yang telah pudar sejak kemangkatan Sultan Bolkiah. Perlembagaan 1959 yang digerakkan sendiri oleh baginda telah mengurangkan hampir separuh kuasa pegawai-pegawai British dalam mentadbir dan menguruskan Negara Brunei Darussalam. Kuasa Residen telah bertukar tangan kepada Menteri Besar yang dilantik dari anak Melayu Brunei sendiri. Kuasa mentadbir dan mengurus hal ehwal agama Islam diserahkan kepada pegawai tempatan yang dipanggil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, sementara urusan penggubalan dasar dan perlaksanaan bahasa Melayu di dalam semua urusan pentadbiran dan pengurusan negara diserahkan kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Usaha-usaha meneruskan dan mengamalkan kehendak-kehendak yang terkandung di dalam Perlembagaan 1959 terutama yang berhubung rapat dengan kepentingan-kepentingan Melayu, Islam dan Raja diberi penekanan menerusi akta-akta, Warta Kerajaan, surat-surat keliling dan seumpamanya.

Asas-asas pentadbiran dan pengurusan yang dipelopori oleh Sultan Haji Omar Ali Saifuddien diteruskan oleh anakanda baginda, Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Di awal sehingga akhir dekad 70-an pemerintahan baginda Negara Brunei Darussalam telah dua kali membuat pindaan terhadap perjanjian-perjanjian dengan Kerajaan British yang berkisar mengenai pemerintahan, pentadbiran dan pengurusan negara terutama yang melibatkan tanggungjawab British ke atas hal ehwal dalam dan luar negeri serta pertahanan. Perjanjian 1971 secara langsung telah memberikan hak kedaulatan memerintah dan mentadbir dalam negeri sepenuhnya kepada sultan dan rakyat Negara Brunei Darussalam. Perjanjian 1979 pula memberikan peluang kepada sultan dan rakyat baginda untuk membuat persediaan-persediaan bagi mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab memerintah, mentadbir dan mengurus hal ehwal pertahanan, dalam dan luar negeri tanpa campur tangan British dan kuasa-kuasa asing. Dalam erti kata lain Negara Brunei Darussalam sudah bersedia untuk menebus maruah dan haknya sebagai sebuah negara merdeka.

Setelah empat tahun Perjanjian 1979 ditandatangani dan setelah segala persediaan ke arah pengambilan alih semula tanggungjawab sebagai sebuah negara merdeka siap dilaksanakan, maka pada pukul 12.01 pagi 1 Januari, 1984 Negara Brunei Darussalam melangkah ke dunia antarabangsa dengan membawa identiti keislaman, melalui seruan tauhid "Allahu Akbar".

Peristiwa bersejarah itu adalah satu rakaman imbas kembali yang mempunyai pertalian dengan peristiwa pengislaman Awang Alak Betatar oleh Sultan Sharif Ali. Jika Awang Alak Betatar memulakan asas Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja dengan kalimah syahadah, maka adalah paling wajar seruan tauhid "Allahu Akbar", dijadikan asas bagi semua isi di dalam Negara Brunei Darussalam termasuk pemimpin dan rakyat, untuk menebalkan semangat ketakwaan kepada Allah dan bertawakal bagi setiap usaha yang bakal dilaksanakan demi menghadapi segala macam putar belit dunia antarabangsa di dalam setiap bidang kehidupan manusia.

Pengalaman sejarah telah membuktikan bahawa setiap negara Islam yang hampir runtuh boleh tegak kembali jika pemimpin-pemimpin dan rakyat bersatu hati, bersatu tenaga dan yang paling penting, bersatu dalam ketakwaan kepada Allah. Saudi Arabia dan Indonesia, sebagai contoh, telah tegak kembali setelah pemimpin dan rakyat kedua negara Islam itu bersatu dalam tiga ciri yang dinyatakan dan berjaya menghalau, dengan semangat waja, pendudukan kuasa asing yang telah mengeksploitasikan kekayaan dan sumber ekonomi mereka sehingga bertahun-tahun lamanya.

Persatuan pemimpin dan rakyat dalam hal ehwal pemerintahan, pentadbiran dan pengurusan negara adalah satu satu manifestasi tentang betapa perlunya setiap individu yang bernaung di negara itu diberikan peluang memberikan sumbangan fikiran, nasihat dan seumpamanya supaya semangat cintakan negara, bangsa dan ugama sentiasa dipelihara. Di atas hakikat inilah yang mendorong Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk mengisytiharkan di pagi 1 Januari, 1984 bahawa :

..... Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokraktik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunah Waljamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan .....

Intipati pemasyuharan ini secara rasmi telah mengakui konsep Melayu Islam Beraja sebagai garis pandu dan daya penggerak Negara Brunei Darussalam dalam menghadapi era baru kemerdekaan penuh, tanpa diganggu-gugat oleh anasir-anasir negatif.

Bersambung minggu depan

PENGALAMAN sejarah telah membuktikan bahawa setiap negara Islam yang hampir runtuh boleh tegak kembali jika pemimpin-pemimpin dan rakyat bersatu hati, bersatu tenaga dan yang paling penting, bersatu dalam ketakwaan kepada Allah.

Sastera dan Budaya

KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pentadbiran dan Pengurusan Brunei Darussalam Dalam Menghayati Konsep Melayu Islam Beraja Masa Kini.

OLEH HAJI DURAMAN TUAH

SEBAGAI sebuah negara yang telah mengalami bermacam-macam pahit getir dan menjalani ranjau-ranjau yang merbahaya, Negara Brunei Darussalam akhirnya berjaya mendapatkan kembali hak kedaulatan sepenuhnya tujuh tahun yang lalu. Tetapi hak tersebut hanya dapat diperolehi setelah pemimpin-pemimpin dan rakyat berganding bahu dalam mempertahankan identiti tradisi Brunei sebagai sebuah negara yang berkonsep Melayu Islam Beraja. Tidak syak lagi bahawa sepanjang sejarahnya, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mengekalkan dan menjadikan konsep ini sebagai garis panduan kehidupan bernegara dan digunakan oleh pemimpin-pemimpin dan rakyat dalam mentadbir dan mengurus kehidupan mereka.

Melayu Islam Beraja bukan satu 'political gimmick' atau dasar sementara kerana ia telah berakar umbi sejak enam kurun atau mungkin lebih dari itu.

Melayu, Islam dan Beraja sudah menjadi seisi dan sekuku dengan kehidupan orang-orang Brunei. Dalam erti kata lain salah satu perkataan itu tidak boleh dipisahkan kerana ketiga-tiganya sudah menjadi institusi yang diakui oleh pemimpin dan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Dalam menghayati konsep Melayu Islam Beraja masa kini iaitu semasa era kemerdekaan penuh, Negara Brunei Darussalam telah melaksanakan beberapa program bagi menerapkan roh dan semangat konsep ini ke dalam pentadbiran dan pengurusan negara. Huraian bagi penerapan konsep ini akan dimulai menurut keutamaan oleh institusi Islam, diikuti oleh institusi Beraja dan akhir sekali institusi Melayu.

Institusi Islam

Berdasarkan kepada hakikat bahawa Islam disebarkan dan berkembang kerana pengaruh dan mukjizat yang dibawa oleh Al-Quran serta dibantu oleh keterangan Sahih Hadis Rasulullah, maka setiap perancangan pentadbiran dan pengurusan Negara Brunei Darussalam perlu dirujuk kepada dua sumber tersebut bagi mengelakkan berlakunya salah tafsiran terhadap setiap aktiviti yang bakal dilaksanakan. Perancangan pembangunan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan elektrik, air dan telefon bukan sahaja bertujuan untuk memberi keselesaan kepada penduduk setempat bahkan kemudahan-kemudahan tersebut akan dapat membantu peningkatan ekonomi mereka.

Di dalam Islam, penyediaan kemudahan-kemudahan asas tersebut merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang mesti dilakukan oleh pemerintah, pentadbir dan pengurus negara, apatah lagi jika negara tersebut dikurniai oleh Allah kekayaan yang melimpah-ruah. Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bertuah kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyempurnakan tanggungjawab dan saranan yang dibawa oleh Islam ini.

Penghormatan yang diberikan kepada Islam oleh pentadbir dan pengurus Negara Brunei Darussalam bukan setakat menyediakan kemudahan asas sahaja. Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah dihasratkan untuk melaksanakan ajaran-ajaran, nilai-nilai dan jika ada keperluannya, undang-undang Islam di Brunei.

Semua isu dan masalah yang berkaitan dengan moral, kebudayaan, perniagaan dan pentadbiran dirujuk kepada agensi ini dan kemudian dilaksanakan oleh pihak-pihak yang terlibat setelah mendapat pengesahan melalui fatwa atau peraturan yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam.

Institusi Islam merupakan yang paling dominan di dalam pentadbiran Negara Brunei Darussalam. Selain dari Islam menurut Ahlus Sunnatu Wal-Jamaah termaktub dalam Perlembagaan bab 3 (1) sebagai agama rasmi negara, peruntukan juga dibuat dalam Perlembagaan bab 3 (2) supaya Sultan menjadi ketua bagi orang-orang Islam. Di dalam perlantikan jawatan-jawatan tinggi pentadbiran dan pengurusan kerajaan seperti jawatan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Tetap, Perlembagaan mempersyaratkan bahawa jawatan-jawatan ini mesti dipegang oleh orang-orang Islam.

Sebagai sebuah negara Islam, Negara Brunei Darussalam juga memberikan penghormatan tertinggi kepada hari-hari tertentu di dalam kalendar Islam seperti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Peristiwa-peristiwa penting yang berlaku di dalam sejarah kebangkitan dan tamadun Islam seperti kelahiran Nabi Muhammad, Israk Mikraj dan Nuzul Al-Quran juga diambil perhatian berat oleh kerajaan. Penghormatan Negara Brunei Darussalam terhadap Islam juga ditunjukkan semasa bulan Ramadan di mana semua pegawai dan kakitangan kerajaan bertugas selama 6 jam sehari. Semua kegiatan sukan di bulan tersebut yang melibatkan orang-orang Islam ditunda ke bulan lain.

Islam menggalakkan umatnya supaya memohon sesuatu yang berkebajikan kepada Allah melalui doa. Pembacaan doa ini dianggap perlu bagi memohon restu daripada Allah kerana dengan izin-Nya jua hajat atau aktiviti itu berjalan seperti dirancangkan. Sebelum memulakan sesuatu projek yang berbentuk fizikal seperti pembinaan sekolah atau pejabat, satu majlis yang disertai dengan doa mesti dimasukkan.

Di setiap pembukaan dan penutup sesuatu majlis seperti kursus, seminar, persidangan, permesyuaratan dan seumpamanya pasti diselitkan dengan bacaan doa. Semasa diadakan majlis-majlis diraja dan negara seperti Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan majlis persantapan mengalu-alukan tetamu negara dari luar negeri, acara pembacaan doa pasti dimasukkan. Kepentingan doa ini diperlihatkan juga semasa keberangkatan sultan melawat mukim-mukim, pejabat-pejabat dan ke luar negara untuk melakukan lawatan.

Kepentingan menjaga kesopanan dan maruah kaum wanita juga sudah menjadi sebahagian dari institusi Islam di Negara Brunei Darussalam. Dewasa ini hampir keseluruhan penuntut-penuntut perempuan di sekolah-sekolah kerajaan dan bukan kerajaan dimestikan memakai pakaian menutup aurat seperti baju kurung dan sejenis tudung yang dipanggil tudung dakwah. Pemakaian jenis pakaian ini dilaratkan juga kepada pegawai-pegawai dan kakitangan wanita di agensi-agensi kerajaan. Jika dibuat kajian rambang, hampir keseluruhan pegawai dan kakitangan wanita yang beragama Islam menutup aurat mereka.

Media elektronik dan cetak kerajaan merupakan saluran yang paling berkesan bagi penerapan institusi Islam di dalam pentadbiran dan pengurusan negara. Semua rancangan audio (radio) dan visual (televisyen) yang memaparkan ciri-ciri amalan dalam Islam, seperti azan; pembacaan doa sebelum penutup rancangan radio dan televisyen; penggunaan bulan-bulan Islam secara lisan dan tulisan dalam siaran radio dan televisyen serta ceramah-ceramah agama yang disalurkan melalui beberapa siri rancangan, menunjukkan satu bentuk penghayatan dan penghormatan tertinggi kepada Islam sebagai penggerak pembangunan rohani dan jasmani semua masyarakat yang berlindung di Negara Brunei Darussalam. Malah, tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa siaran secara langsung fardu Jumaat dari Masjid Omar Ali Saifuddin telah menaikkan maruah negara di dunia antarabangsa.

Akhbar 'PELITA BRUNEI' sebagai media cetak yang tertua dan berpengaruh adalah lidah rasmi kerajaan yang menyediakan dua muka penuh untuk mengisi beberapa perkara yang berkaitan dengan teori dan amalan Islam, seperti Fatwa Mufti Kerajaan, Khutbah Jumaat, waktu-waktu sembahyang dan yang seumpamanya. Rancangan-rancangan keagamaan yang disiarkan melalui media elektronik dan cetak kerajaan ini adalah satu manifestasi yang Negara Brunei Darussalam tidak berminat untuk menjadi sebuah negara sekular walaupun ada beberapa pihak telah mencuba untuk membawa negara ini ke arah itu.

Kerajaan telah menjalankan berbagai usaha untuk membaiki jentera pentadbiran dan pengurusan Negara Brunei Darussalam melalui berbagai cara termasuk menggubal dan melaksanakan Peraturan-Peraturan Am Pegawai Kerajaan 1961 yang mengandungi dua penggal-penggal A dan B. Di dalam penggal B peraturan tersebut terdapat Bab 4 (Waktu bekerja), Bab 8 (Tidak hadir bekerja dengan tidak dapat kebenaran) dan Bab 16 (Tegahan mencampuri perjalanan perniagaan) yang bertujuan untuk menanam nilai-nilai positif seperti amanah, jujur, bertanggungjawab, dedikasi dan menghargai masa. Kesemua nilai ini adalah nilai-nilai kerja yang digalakkan dan diberi penekanan oleh Islam bagi panduan umatnya yang bekerja dengan mengambil upah.

Bersambung minggu depan

INSTITUSI Islam merupakan yang paling dominan di dalam pentadbiran Negara Brunei Darussalam. Selain dari Islam menurut Ahlus Sunnatu Wal-Jamaah termaktub dalam Perlembagaan bab 3 (1) sebagai agama rasmi negara, peruntukan juga dibuat dalam Perlembagaan bab 3 (2) supaya Sultan menjadi ketua bagi orang-orang Islam. Di dalam perlantikan jawatan-jawatan tinggi pentadbiran dan pengurusan kerajaan seperti jawatan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Tetap, Perlembagaan mempersyaratkan bahawa jawatan-jawatan ini mesti dipegang oleh orang-orang Islam.

ANEKA 28 OGOS, 1991

Sastera dan Budaya

KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sambungan minggu lalu

OLEH HAJI DURAMAN TUAH

Institusi Beraja

DI DALAM Pindaan Bab 4 (1) Perlembagaan 1959 (Tambahan kepada Warta Kerajaan Bahagian II Bil. 18 31/12/1983) dinyatakan bahawa :

Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak di dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah seorang raja yang mewarisi takhta kerajaan turun-termurun dan berkuasa untuk mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan negara. Baginda berkenan menerima nasihat dari Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, Majlis Mesyuarat Diraja dan Majlis Ugama Islam bagi membantu baginda di dalam urusan pentadbiran dan pengurusan Negara Brunei Darussalam.

Selain diberikan kuasa memerintah dan menjadi ketua negara, baginda juga diberikan tanggungjawab untuk menjadi ketua pentadbir bagi perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan negara dengan memegang jawatan Perdana Menteri. Jawatan Perdana Menteri ini secara langsung memberi kuasa kepada baginda untuk memastikan bahawa setiap perkara yang melibatkan cara-cara penggubalan dan perlaksanaan dasar setiap kementerian wajib dirujuk kepada baginda untuk titah perkenan.

Sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Perdana Menteri, kuasa yang diperuntukkan oleh Perlembagaan kepada baginda adalah satu amanah yang mesti dilaksanakan demi kebajikan, kesejahteraan serta keamanan rakyat dan penduduk. Bertolak dari sinilah yang mendorong baginda untuk mengurniakan titah-titah di majlis-majlis keagamaan, awal tahun Masihi, ulang tahun hari kebangsaan dan keputeraan baginda dan semasa lawatan baginda ke mukim-mukim dan agensi-agensi kerajaan.

Titah-titah yang telah dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan selepas tercapainya kemerdekaan penuh merupakan titah-titah yang banyak menitikberatkan isu-isu pentadbiran dan pengurusan negara. Selepas pengurniaan titah-titah tersebut, agensi-agensi berkenaan membuat tindakan-tindakan susulan dengan mengeluarkan surat-surat keliling kepada semua agensi kerajaan di seluruh negara bagi memberikan penerangan lanjut dan garis panduan terperinci mengenai maksud baginda. Kebanyakan titah yang baginda kurniakan berkisar kepada pentadbiran dan pengurusan negara. Pada 15 Julai, 1988, semasa Majlis Istiadat Menghadap di Istana Nurul Iman, baginda telah menggariskan ciri-ciri pentadbiran dan pengurusan yang perlu dilaksanakan :

(i) Kekesanan sistem pentadbiran dan pengurusan negara bergantung kepada etika kerja yang berdasarkan jujur, cekap, berkesan, bersih dan amanah.

(ii) Peningkatan kualiti kerja pegawai dan kakitangan.

(iii) Memupuk dan meningkatkan kerjasama yang erat di kalangan pegawai dan kakitangan agensi kerajaan demi memberikan khidmat kepada negara dan orang ramai.

(iv) Memastikan amalan berjimat cermat dalam mentadbir dan mengurus perbelanjaan-perbelanjaan kerajaan.

(v) Pegawai-pegawai dan kakitangan hendaklah sentiasa memeduli masalah atau sungutan orang ramai dan mengamalkan bersopan santun dalam menjalankan tugas.

(vi) Maklumat-maklumat yang berfaedah dari agensi-agensi kerajaan disebarkan kepada rakyat dan penduduk bagi mengelakkan kekeliruan dan rasa kurang senang.

Dengan adanya penglibatan baginda dalam pentadbiran dan pengurusan negara, baginda secara langsung telah mencontohi gaya kepimpinan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien dan secara tidak langsung mengamalkan contoh pentadbiran yang dipelopori oleh Nabi Muhammad dan khalifah-khalifah Ar-Rasyidin.

Selain daripada pengurniaan titah-titah yang disusuli dengan tindakan-tindakan oleh kementerian-kementerian dan jabatan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak semestinya mencampuri hal ehwal pentadbiran dan pengurusan sesebuah agensi kerajaan walaupun perlembagaan memperuntukkan kuasa tertinggi kepada baginda. Di dalam perlantikan seorang rakyat baginda bagi mengisi jawatan kosong di sektor Perkhidmatan Awam, kuasa tersebut diperuntukkan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Baginda hanya memperkenankan sokongan ahli-ahli suruhanjaya jika segala keterangan memuaskan hati baginda. Begitu juga dengan perlaksanaan undang-undang yang dikhususkan bagi sesuatu agensi kerajaan. Baginda hanya akan mencampuri perlaksanaan undang-undang agensi kerajaan tersebut setelah baginda yakin bahawa agensi berkenaan tidak berfungsi dan bertindak mengikut undang-undang yang diperuntukkan.

Keistimewaan yang paling unik bagi Negara Brunei Darussalam ialah penerimaan dan penghormatan yang diberikan oleh rakyat dan penduduk terhadap institusi beraja. Sejak zaman-berzaman, raja adalah pelindung rakyat dan penduduk. Islam juga memberikan penghormatan kepada raja sebagai wakil atau khalifah Allah dalam urusan mentadbir dan mengurus manusia. Seorang raja yang menunaikan tugas, tanggungjawab dan amanah Allah sebagai ketua bagi rakyat dan penduduknya, akan sentiasa diberi petunjuk oleh Allah. Ketaatan rakyat dan penduduk kepada raja tidak perlu dimintaminta atau diperolehi secara paksa kerana ia satu proses yang memerlukan contoh dan tindakan. Sejarah telah membuktikan bahawa Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dihormati dan ditaati oleh pembesar-pembesar, rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kerana baginda mengutamakan kebajikan rakyat, sentiasa dedikasi terhadap tugas, adil dalam mengambil sebarang keputusan atau tindakan dan yang paling menonjol ialah kesediaan baginda menggunakan Islam sebagai garis panduan pemerintahan dan pentadbiran negara.

Institusi Melayu

Di dalam Bab 82 (1) Perlembagaan Negara Brunei Darussalam dinyatakan dengan jelas bahawa :

Bahasa rasmi negara ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh undang-undang bertulis.

Sejarah telah mencatatkan yang keluhuran dan kedaulatan bahasa Melayu telah diuji dan dipertahankan walaupun Negara Brunei Darussalam dieksploit dari segi politik dan ekonomi oleh kuasa-kuasa asing. Semangat cintakan bahasa Melayu masih wujud di hati pemimpin dan rakyat Melayu sekalipun pegawai-pegawai British mempraktikkan pemakaian bahasa Inggeris secara meluas di dalam semua aspek pentadbiran dan pengurusan negara, semasa Pentadbiran Sistem Residen dari tahun 1906 hingga 28 September, 1959. Bahasa Melayu telah dijadikan satu alat perpaduan pemimpin dan rakyat, yang secara langsung telah menguatkan ketahanan dan survival Negara Brunei Darussalam.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, semasa bertitah sempena menyambut ulang tahun hari keputeraan baginda yang ke-44 tahun di Daerah Belait pada 21 Julai, 1990, juga mengakui bahawa :

"Siapa pun tidak boleh menyangkal, bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita yang paling efektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti."

Titah yang dikurniakan adalah dijunjung tinggi tetapi setakat manakah pengaruh bahawa Melayu sebagai alat perpaduan bangsa masih memerlukan jawapan yang positif dan konkrit. Setakat yang tersurat dan tersirat, bahasa Melayu adalah alat perhubungan rasmi bagi semua hal yang berhubung kait dengan pentadbiran dan pengurusan negara, seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan 1959 Bab 82 (3). Tetapi berlainan halnya di sektor swasta. Jika dibuat penyelidikan secara rambang, penggunaan bahasa Melayu, terutama dalam urusan komunikasi dengan sektor kerajaan, masih di tahap tidak memuaskan. Hanya beberapa buah firma sahaja yang taat dengan penggunaan bahasa Melayu. Itu pun kerana firma tersebut mempunyai pegawai dan kakitangan Melayu. Pendek kata, dapatlah dirumuskan bahawa hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia supaya bahasa Melayu menjadi alat perpaduan yang paling efektif belum pasti dapat direalisasikan sepenuhnya tanpa penglibatan secara total pihak-pihak di luar kerajaan. Fungsi 'dominant' bahasa Melayu sebagai satu institusi diperlihatkan melalui penguatkuasaan Akta Taraf Kebangsaan Brunei, 1961. Melalui akta ini setiap pemohon kerakyatan Brunei wajib lulus satu ujian khas bahasa Melayu sebelum ia diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi rakyat baginda. Di bidang pendidikan, salah satu syarat utama bagi setiap warganegara atau penduduk tetap yang berhasrat melanjutkan pelajaran sama ada di dalam atau luar negeri ialah kelulusan yang diperolehi di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Negara Brunei Darussalam mempunyai satu keunikan yang jarang terdapat di Asia dan mungkin juga di dunia. Mengikut sejarah Brunei, adalah dipercayai asal usul keturunan raja-raja dan pengikut-pengikut setia mereka sebelum kedatangan Islam, adalah dari puak Murut dan Bisaya. Malangnya setelah Islam berkembang di Negara Brunei Darussalam, sebahagian dari pengikut-pengikut tersebut enggan menerima agama baru yang dianut oleh raja mereka, Awang Alak Betatar.

KEISTIMEWAAN yang paling unik bagi Negara Brunei Darussalam ialah penerimaan dan penghormatan yang diberikan oleh rakyat dan penduduk terhadap institusi beraja. Sejak zaman-berzaman, raja adalah pelindung rakyat dan penduduk. Islam juga memberikan penghormatan kepada raja sebagai wakil atau khalifah Allah dalam urusan mentadbir dan mengurus manusia.

Bersambung minggu depan

ANEKA Pelita Brunei

ANEKA 4 SEPTEMBER, 1991

Sastera dan Budaya

KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Sambungan minggu lalu

OLEH HAJI DURAMAN TUAH

MEREKA lebih rela untuk hidup dengan cara lama mereka. Berdasarkan teori keturunan inilah yang mendorong pihak-pihak yang berkaitan untuk memperuntukkan dalam Akta Taraf Kebangsaan 1961 bahawa puak Murut dan Bisaya tergolong dalam bangsa Melayu, sebagai tambahan kepada puak Melayu Brunei, Kedayan, Tutong, Dusun dan Belait. Ketujuh puak Melayu yang diiktiraf sebagai bangsa Melayu ini menjadikan bangsa tersebut menjadi bangsa majoriti di Brunei Darussalam. Di antara ketujuh puak Melayu ini, puak Melayu Brunei dan Kedayan mempunyai dialek yang hampir sama dan beragama Islam. Mereka ini jugalah yang mempengaruhi kehidupan sosio-politik Negara Brunei Darussalam sejak dahulu hingga sekarang. Faktor bangsa Melayu sebagai bangsa majoriti dan agama Islam sebagai agama yang dianuti oleh sebahagian besar bangsa Melayu inilah yang menjadikan Negara Brunei Darussalam dapat bertahan sebagai sebuah negara Melayu Islam yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Memandangkan puak-puak Melayu di Negara Brunei Darussalam mempunyai dialek dan latar belakang kehidupan yang berbeza, maka tidak menghairankan mereka mempunyai ciri kebudayaan yang tersendiri. Puak Melayu Brunei, sebagai contoh, mempunyai adat resam perkahwinan yang berunsurkan Hindu dan Islam. Puak Melayu Kedayan mempunyai pantang larang semasa bercucuk tanam. Pendek kata dapatlah dirumuskan bahawa ciri kebudayaan inilah yang menjadikan bangsa Melayu di Negara Brunei Darussalam satu bangsa yang unik dan perlu dipertahankan sebagai satu institusi.

Selain mempunyai ciri kebudayaan tersendiri, puak-puak Melayu di Brunei Darussalam mengamalkan juga nilai-nilai hidup tradisi yang jarang terdapat di dunia yang kini sudah dicemari oleh pengaruh kebendaan. Dua nilai hidup tradisi yang masih dikekalkan oleh bangsa Melayu utama dalam urusan pentadbiran dan pengurusan negara ialah ketaatan kepada agama, raja dan negara serta mempertahankan cara berpakaian, tingkah laku dan perangai. Ketaatan kepada agama, raja dan negara sudah menjadi darah daging kepada puak-puak Melayu Brunei, Kedayan, Tutong dan Belait. Walaupun sebahagian besar puak Murut, Bisaya dan Dusun bukan beragama Islam tetapi mereka menghormati Islam dan taat kepada raja dan negara. Cara berpakaian orang-orang Melayu Brunei, Kedayan, Tutong dan Belait hanya mengalami sedikit perubahan di segi fesyen tetapi arus perubahan yang dibawa oleh kederasan pembangunan fizikal Negara Brunei Darussalam, dengan secara perlahan-lahan, mungkin berjaya mengubah nilai ini ke satu tahap di mana bangsa Melayu Brunei akan kehilangan identiti mereka jika hal ini dibiarkan berterusan. Kekhuatiran ini pernah disuarakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan semasa mengurniakan titah di perhimpunan dan perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 1 Oktober, 1990:

"Sebagai bangsa Melayu kewajipan kita ialah memelayukan segala tingkah laku dan perangai kita, penuh dengan sopan santun, hormat-menghormati, kasih sayang terhadap kanak-kanak, belas kasihan kepada orang-orang lemah dan orang-orang tua. Jangan kita lebih-lebihkan memakai cara orang, bergaul cara orang, berfikir dan bertindak cara orang. Kerana keempat-empat unsur ini apabila melebihi cara orang itu nanti Brunei bukan lagi Brunei. Inilah yang kita tidak mahu."

Pengiktirafan Negara Brunei Darussalam terhadap institusi Melayu bukan setakat bahasa, bangsa, kebudayaan dan nilai-nilai tradisi bahkan menjangkau kepada bidang tulisan. Naskhah asal Perjanjian Perlembagaan 1959 yang ditandatangani pada 29 September, 1959 disediakan dalam tulisan Rumi dan Jawi. Tulisan Jawi juga mengalami pahit getir dan pasang surut dalam mempertahankan ketahanannya. Tanpa sokongan padu dari kalangan pemimpin dan rakyat serta usaha-usaha berterusan oleh pihak-pihak yang memperjuangkannya, tulisan Jawi mungkin pupus dengan tidak disedari. Lambang keislaman dan kemelayuan Negara Brunei Darussalam akan terus dibuktikan dengan berfungsinya tulisan Jawi sebagai salah satu alat pentadbiran dan pengurusan kerajaan. Dewasa ini penggunaan tulisan Jawi sudah menjadi perkara lumrah di sektor perkhidmatan awam terutama dalam penyediaan kain rentang bagi upacara rasmi kerajaan. Malah di sepanjang lorong dan jalan di semua bandar Negara Brunei Darussalam sudah pasti kelihatan papan-papan tanda memberi keutamaan kepada tulisan Jawi.

Agensi-agensi utama pelaksana konsep M.I.B

Ada terdapat beberapa buah agensi kerajaan yang secara langsung mendukung dan seterusnya melaksanakan konsep ini kerana penubuhan agensi-agensi ini berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan 1959 dan akta-akta yang telah dikurniakan perkenan diraja. Agensi-agensi yang paling aktif menggerakkan konsep ini termasuklah Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Radio dan Televisyen, Jabatan Penerangan dan Kementerian Pendidikan.

Jabatan Perdana Menteri

Jabatan ini merupakan agensi penggerak pentadbiran dan pengurusan negara kerana ia berfungsi untuk mengawal halehwal Perkhidmatan Awam terutama yang berhubung kait dengan dasar-dasar dan peraturan-peraturan pegawai dan kakitangan kerajaan. Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berhubung rapat dengan Perkhidmatan Awam akan diperjelaskan oleh jabatan ini secara terperinci melalui surat keliling. Hampir keseluruhan surat keliling yang dikeluarkan oleh jabatan ini merupakan hasrat kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada orang ramai dengan penekanan terhadap nilai-nilai etika kerja Islam (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 14/1984), peningkatan produktiviti kerja (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 7/1989) dan meningkatkan kecekapan pegawai melalui latihan seberang laut (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 2/1991). Selain daripada itu, Jabatan Perdana Menteri juga memastikan supaya penggunaan tulisan Jawi di seluruh negara terus dipertingkatkan (Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, Bilangan 21/1988).

Jabatan Adat Istiadat Negara

Kepentingan Jabatan Adat Istiadat Negara sebagai salah satu agensi utama pelaksana konsep M.I.B diperlihatkan melalui satu peruntukan dalam Perlembagaan 1959 iaitu Bab 3(3) yang menyatakan:

Pegawai yang kanan sekali yang bertanggungjawab kepada Sultan berkenaan dengan agama, adat istiadat dan kebajikan negeri ialah yang pertama Pengetua Agama, kedua Yang Dipertua Adat Istiadat dan ketiga Pegawai Kebajikan Masyarakat.

Secara rasmi, jabatan ini ditubuhkan pada 1 Julai, 1954 dengan fungsi utamanya untuk memberi bimbing nasihat kepada jabatan-jabatan kerajaan dan sektor swasta serta orang-orang perseorangan mengenai adat istiadat Melayu terutama yang berhubung kait dengan adat istiadat diraja. Dalam pentadbiran dan pengurusan negara, jabatan ini memberi garis panduan mengenai penggunaan "Bahasa Dalam" iaitu bahasa dan istilah yang digunakan oleh rakyat dan penduduk semasa mengadap Kebawah Duli atau berurusan dengan orang-orang yang disampiri gelaran. Semasa membuat urusan persuratan rasmi dengan Kebawah Duli, Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Pehin-Pehin Manteri, timbalan menteri, setiausaha tetap dan ketua-ketua jabatan, nasihat dan bimbingan sentiasa dihulurkan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara. Susunan kedudukan pembesar-pembesar negara di dalam majlis-majlis diraja dan upacara-upacara rasmi kerajaan memerlukan bantuan dan pengesahan jabatan ini. Pendek kata, Jabatan Adat Istiadat Negara adalah agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengekal dan mempertahankan ciri-ciri adat istiadat Melayu, Islam dan Beraja dalam semua urusan pentadbiran dan pengurusan Negara Brunei Darussalam.

Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Bagi melaksanakan dan memperkembangkan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam, kerajaan telah mempertanggungjawabkan tugas ini kepada Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Jabatan ini mengawasi penggunaan bahasa Melayu di semua kementerian dan jabatan kerajaan serta di sektor-sektor perniagaan dan persendirian terutama di dalam bentuk tulisan. Dalam penerbitan bahan-bahan bacaan tempatan seperti buku-buku ilmiah terutama yang berkaitan dengan sukatan pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan menengah, jabatan ini bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi mencapai tujuan tersebut. Selain daripada itu, Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi sumber rujukan bagi sebarang isu yang melibatkan penggunaan papan-papan tanda perniagaan serta istilah-istilah yang digunakan dalam persuratan.

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Kementerian Hal Ehwal Ugama adalah sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan penting di dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan kerajaan dan negara. Sebagai satu-satunya kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi dan memberi bimbingan tentang perlaksanaan dasar-dasar atau arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah banyak memberi kerjasama kepada agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan sektor persendirian bagi mencapai hasrat ini. Sejak penubuhannya, selepas Permasyhuran Perlembagaan 1959 kementerian ini telah banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan agama Islam di negara ini, sesuai dengan kedudukannya sebagai agama rasmi negara. Kejayaan utama kementerian ini ialah di lapangan pendidikan agama. Penubuhan Ma'had Islam dan Institut Pengajian Islam merupakan hasil usaha yang telah menaikkan imej kementerian ini.

Bersambung minggu depan

SEBAGAI bangsa Melayu kewajipan kita ialah memelayukan segala tingkah laku dan perangai kita, penuh dengan sopan santun, hormat-menghormati, kasih sayang terhadap kanak-kanak, belas kasihan kepada orang-orang lemah dan orang-orang tua. Jangan kita lebih-lebihkan memakai cara orang, bergaul cara orang, berfikir dan bertindak cara orang. Kerana keempat-empat unsur ini apabila melebihi cara orang itu nanti Brunei bukan lagi Brunei. Inilah yang kita tidak mahu.

Sastera dan Budaya

KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Radio dan Televisyen

Sambungan minggu lalu

OLEH HAJI DURAMAN TUAH

SALAH satu agensi kerajaan yang memainkan peranan aktif dalam perlaksanaan konsep M.I.B ialah Jabatan Radio dan Televisyen. Oleh kerana jabatan ini di[bawa]han di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka secara langsung jabatan ini mendapat tidak rasmi' kepada tentang yang berhubung rapat dengan penyiaran dasar-dasar kerajaan yang menyentuh kepentingan-kepentingan Melayu (termasuk bahasa dan kebudayaan), agama Islam dan sistem pemerintahan beraja serta cara-cara perlaksanaan dasar-dasar tersebut. Semua rancangan yang disiarkan oleh jabatan ini mengambil kira kepentingan-kepentingan yang dinyatakan.

Jabatan Penerangan

Jabatan Penerangan adalah juga merupakan sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan aktif dalam perlaksanaan konsep M.I.B. Ia bertanggungjawab untuk memberitahu, menjelaskan dan menjadi penghubung bagi setiap dasar kerajaan. Sebagai sebuah jabatan yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, jabatan ini memainkan peranan aktif dengan menyampaikan taklimat kepada penduduk-penduduk kampung dan mukim; menyebarkan poster-poster yang berkaitan dengan pembangunan negara; serta menerbitkan buku-buku kecil, majalah, suratkhabar mingguan dan bulanan yang memaparkan rancangan-rancangan dan kejayaan-kejayaan kerajaan dalam mentadbir dan mengurus masyarakat dan negara, dengan mengambil kira kepentingan konsep Melayu, Islam dan Beraja.

Kementerian Pendidikan

Kementerian Pendidikan ialah sebuah lagi agensi kerajaan yang boleh melaksanakan konsep M.I.B. dengan berkesan. Dua cara telah dikenal pasti oleh kementerian dalam perlaksanaan konsep ini. Satu daripadanya ialah melalui aktiviti-aktiviti luar darjah dan pengajaran mata-mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Pengetahuan Agama Islam dan Sivik. Perlaksanaan konsep ini dilakukan juga melalui perubahan-perubahan di dalam kurikuluni sekolah dan di dalam sukatan pelajaran mata pelajaran tertentu. Kementerian ini juga memberikan pertimbangan dan perhatian sepenuhnya terhadap perlaksanaan 'Konsep Dwibahasa dan Islamisasi 'Ilmu Pengetahuan' yang mempunyai kaitan rapat dengan konsep M.I.B. Kejayaan terbesar Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan dan menerapkan konsep M.I.B di bidang pendidikan ialah dengan memasukkan kurikulum Melayu Islam Beraja sebagai satu subjek yang diwajibkan bagi setiap mahasiswa Universiti Brunei Darussalam. Malah kementerian ini juga telah berjaya menubuhkan Akademi Pengajian Brunei yang berpusat di universiti tersebut bagi memantapkan lagi konsep M.I.B sebagai konsep ilmiah dan kenegaraan.

Saranan Fungsi Pentadbiran dan Pengurusan Berlandaskan Konsep M.I.B. Di Masa Hadapan

Dalam mengisi zaman pengambilan ahli sepenuhnya tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara merdeka, Brunei Darussalam perlu mempunyai 'vision' atau wawasan ke arah mana negara ini hendak dibawa. Oleh kerana penekanan dan keutamaan konsep M.I.B telah diakui oleh berbagai pihak dalam kerajaan sebagai konsep kenegaraan, maka adalah wajar supaya fungsi pentadbiran dan pengurusan Brunei Darussalam di masa hadapan berlandaskan konsep ini dengan mengutamakan Islam sebagai tunggaknya. Fungsi pentadbiran dan pengurusan Brunei Darussalam di masa hadapan ini perlu berkisar kepada dua ciri pokok iaitu keadilan sosial dan proses pentadbiran dan pengurusan menurut pandangan Islam. Kedua ciri ini akan dihuraikan satu persatu.

Keadilan Sosial

Aspek utama dalam keadilan sosial ialah memenuhi keperluan-keperluan asas individu seperti makanan, perumahan, pendidikan, kesihatan dan kemudahan infra-struktur misalnya jalan raya, bekalan air, elektrik dan telefon. Keperluan-keperluan asas ini amat perlu bagi pertumbuhan fizikal dan intelek rakyat dan penduduk negara tersebut. Di dalam konteks Negara Brunei Darussalam, keperluan-keperluan asas ini telah diungkayahkan oleh kerajaan melalui Rancangan Negara Lima Tahun. Walau bagaimanapun kesemua keperluan asas ini belum dinikmati sepenuhnya oleh rakyat dan penduduk disebabkan oleh beberapa halangan seperti kekurangan bahan binaan, kedudukan geografi tempat berkenaan, kekurangan bahan-bahan pendidikan dan yang seumpamanya. Adalah menjadi tanggungjawab pihak pentadbiran dan pengurusan Negara Brunei Darussalam untuk memastikan supaya keadilan sosial dalam pengagihan keperluan asas ini dinikmati sepenuhnya oleh setiap individu yang bernaung di negara ini.

Tidak dapat disangkal bahawa kemiskinan adalah satu gejala sosial yang menjadi fokus segala penyakit sosial yang melanda negara-negara yang sedang membangun di Asia, Afrika dan Amerika Latin. Di Negara Brunei Darussalam jurang kemiskinan di kalangan rakyat dan penduduk tidak ketara kerana negara ini dikurniakan oleh Allah dengan rezeki yang berlebihan. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar 'welfare state' (negara kebajikan), Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Bahagian Pencennya diamanahkan untuk pengagihan elaun-elaun sara hidup bagi rakyat yang kurang bernasib baik, yang mengalami penyakit-penyakit barah kering, kusta dan sebagainya serta janda janda yang menanggung anak-anak yang ramai. Peluang-peluang pekerjaan juga sentiasa ditawarkan oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan pengganguran dan kemiskinan.

Adalah menjadi wawasan Negara Brunei Darussalam supaya dasar negara kebajikan ini akan terus dikekalkan kerana Islam menggalakkan supaya tidak seorang pun umatnya hidup dalam keadaan melarat dan terbiar. Islam adalah satu-satunya agama yang banyak mementingkan keadilan sosial di kalangan umatnya.

Kerana inilah zakat harta diwajibkan sebagai salah satu rukun Islam. Pengagihan harta beberapa orang Islam yang dikurniai oleh Allah dengan nikmat ini, kepada orang-orang yang berhak bagi peningkatan ekonomi mereka, sepatutnya sudah lama diberi perhatian oleh pihak-pihak dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat di Negara Brunei Darussalam kerana setakat ini hanya pengagihan zakat fitrah yang selalu diambil perhatian. Zakat harta yang terkumpul oleh Baitulmal boleh digunakan sebagai contoh dalam pelaburan harta, supaya hasil pulangan yang diterima dapat diagihkan kepada mereka yang berhak. Secara tidak langsung, ekonomi masyarakat Islam akan dapat dimantapkan dan bangsa Melayu Brunei yang beragama Islam akan dapat bersaing dengan bangsa-bangsa lain di dalam apa saja bidang ekonomi di negara ini.

ADALAH menjadi wawasan Negara Brunei Darussalam supaya dasar negara kebajikan ini akan terus dikekalkan kerana Islam menggalakkan supaya tidak seorang pun umatnya hidup dalam keadaan melarat dan terbiar. Islam adalah satu-satunya agama yang banyak mementingkan keadilan sosial di kalangan umatnya.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai keluasan tanah dan tenaga pekerja tempatan yang terhad, penggunaan sumber-sumber ini secara maksima perlu dimanfaatkan sebagai faktor utama daya pengeluaran supaya hasilnya dapat dinikmati oleh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sesuai dengan dasar kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi sebagai alternatif kepada hasil minyak dan gas, adalah bersesuaian supaya sumber tenaga manusia diasuh dengan menitikberatkan sikap sikap kerja positif di dalam diri mereka di samping pengetahuan dan pengalaman yang telah mereka perolehi. Singapura, Hong Kong dan Jepun maju kerana negara-negara tersebut mempunyai tenaga manusia yang dedikasi, berinisiatif dan sentiasa bermuzakarah dalam menyelesaikan masalah kerja mereka. Sikap positif yang dinyatakan adalah digalakkan oleh Islam.

Dari jawatan serendah-rendahnya sehingga ke jawatan yang paling tinggi dalam pentadbiran negara, Islam menekankan supaya semua pegawai dan kakitangan kerajaan diberi peluang sama rata untuk mengambil bahagian di dalam kegiatan kerajaan dan negara terutama yang melibatkan kebajikan dan kesejahteraan negara.

Tetapi bagi pemilihan pucuk pemimpin (sama ada di pejabat atau kementerian) perlu ditekankan kriteria berikut :

(i) Ketua bagi masyarakat yang berorientasikan Islam mesti mempunyai sifat-sifat jujur dan tidak mengharapkan balasan atau hadiah daripada orang-orang yang dipimpinnya, seperti firman Allah dalam Surah Yaasiin, ayat 21 :

Ikutilah orang yang tiada minta
balasan kepadamu;
dan mereka
adalah orang-orang yang mendapat petunjuk.

(ii) Ketua yang dipilih mesti mengetahui hukum-hukum perundangan yang terdapat di dalam Al-Quran dan Sunnah Rasulullah yang dipanggil hukum hukum Syaariah.

(iii) Ketua itu mesti bersedia melibatkan diri secara langsung dalam perlaksanaan keadilan sosial dan hukum-hukum Allah seperti yang difirmankan dalam Surah An-Nisaa, ayat 105 :

Sesungguhnya Kami telah menurunkan kitab
supaya kamu menghukum antara manusia
dengan apa yang telah
Allah wahyukan kepadamu, dan janganlah
kamu menjadi penentang
(orang yang tidak bersalah) kerana (membela) orang-orang yang
khianat.

(iv) Ketua yang dipilih atau dilantik mesti mengambil atau membuat keputusan melalui sistem permuzakarahan seperti yang disarankan oleh Allah dalam Surah Asy Syuura (Musyawarat) ayat 38 :

Dan (bagi orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan
mendirikan salat, sedang urusan
mereka (diputuskan) dengan
musyawarat antara mereka, dan
mereka menafkahkan sebahagian dari
rezeki yang Kami berikan
kepada mereka.

Amalan muzakarah telah lama diamalkan oleh orang-orang Melayu Brunei menerusi konsep memuncang-muncang. Adalah diharapkan supaya amalan ini dikekalkan generasi demi generasi.

Di dalam menegakkan keadilan sosial di Negara Brunei Darussalam, semua individu yang bernaung di negara ini termasuk pemegang-pemegang jawatan yang penting dan berpengaruh, orang-orang Islam dan bukan Islam, sama ada miskin atau kaya, diberi layanan dan hak yang sama di segi undang-undang.

Bersambung minggu depan

Sastera dan Budaya

KONSEP MELAYU ISLAM BERAJA DALAM PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Proses Pentadbiran dan Pengurusan Menurut Pandangan Islam

Sambungan minggu lalu

OLEH HAJI DURAMAN TUAH

DI DALAM Islam, terdapat 4 proses utama bagi pentadbiran dan pengurusan setiap negara yang merangkumi perancangan, mengelola, kepimpinan dan kawalan.

Perancangan

Perancangan ialah satu aktiviti yang dilakukan bagi menetapkan, terlebih dahulu, objektif-objektif yang bakal dicapai oleh negara dan cara-cara mencapainya. Islam menggalakkan umatnya merancang sesuatu yang berkebajikan seperti firman Allah dalam Surah Ar-Rad, ayat 11 :

"Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."

Mengelola

Mengelola ialah satu aktiviti bagi penggemlengan tenaga dan pengagihan tugas dan tanggungjawab kepada pegawai dan kakitangan di dalam pentadbiran dan pengurusan awam.

Mengelola, dalam Islam, mempunyai tiga ciri utama iaitu pengambilan, hierarki kuasa dan adil dalam membuat pertimbangan atau tidak bersifat peribadi.

Pengambilan

Di dalam Islam, pengambilan pegawai dan kakitangan mestilah berdasarkan merit dan kebolehan yang dimiliki oleh calon seperti yang disarankan dalam firman Allah. Surah An-Nisa, ayat 58 :

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil."

Merit dan kebolehan sahaja tidak mencukupi tanpa ada sifat-sifat jujur, ikhlas, integriti dan penglibatan dalam keadilan sosial. Sifat-sifat ini dijelaskan dalam firman Allah, Surah Qasas, ayat 26 :

"Salah seorang dari kedua wanita (anak Nabi Syuaib) itu berkata : "Ya bapaku ambillah ia (Nabi Musa) sebagai orang yang bekerja (pada kita), kerana sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja (pada kita) ialah orang yang kuat lagi dapat dipercayai."

Hierarki Kuasa

Dalam teori pentadbiran Islam, hierarki kuasa mencakupi unsur ketaatan yang semestinya ada dalam diri pegawai bawahan seperti yang digariskan oleh peraturan-peraturan negara dan yang difirmankan oleh Allah dalam Surah An-Nisa ayat 59 :

"Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul-Nya, dan ulil amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian.

SEJARAH telah mencatat Islam berjaya bertapak di negara-negara Arab dan hampir ke seluruh pelosok dunia kerana kepimpinannya mengamalkan satu unsur pentadbiran yang paling berkesan iaitu muzakarah atau musyawarah. Hasil dari muzakarah ini disusuli melalui tindakan yang didahului dan diberi contoh atau teladan oleh pemimpin itu sendiri.

Adil dalam membuat pertimbangan

Islam menasihatkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan supaya mengelakkan diri dari mengamalkan pilih kasih atau benci-membenci kepada sesiapa apabila mengambil keputusan yang berkaitan dengan pentadbiran. Allah berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 135 :

"Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang yang benar-benar penegak keadilan, menjadi saksi kerana Allah biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabatmu. Jika ia kaya ataupun miskin, maka Allah lebih tahu kemaslahatannya. Maka janganlah kamu mengikuti hawa nafsu kerana ingin menyimpang dari kebenaran. Dan jika kamu memutarbelitkan (kata-kata) atau enggan menjadi saksi, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala apa yang kamu kerjakan."

Keadilan juga menjadi unsur utama semasa menjalankan pentadbiran negara seperti yang difirmankan oleh Allah dalam Surah Al-Maaidah ayat 8 :

"Hai orang-orang beriman, hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan."

Ciri keadilan dalam membuat pertimbangan atau mengambil keputusan ini bukannya dipelopori oleh pakar-pakar pentadbiran Barat. Ia telah lama diamalkan sepenuhnya sejak tertubuhnya negara Islam yang pertama di Madinah di bawah pimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan diteruskan oleh Khalifah Al-Kasyidin.

Kepimpinan

Di dalam teori pentadbiran Barat terdapat tiga gaya kepimpinan utama yang sering diamalkan oleh hampir keseluruhan pemimpin-pemimpin dunia iaitu autokraktik, demokratik dan laissez faire. Di dalam beberapa keadaan tertentu, sesorang pemimpin mencampuradukkan ketiga gaya kepimpinan ini dalam mentadbir negara.

Sejarah telah mencatat Islam berjaya bertapak di negara-negara Arab dan hampir ke seluruh pelosok dunia kerana kepimpinannya mengamalkan satu unsur pentadbiran yang paling berkesan iaitu muzakarah atau musyawarah. Hasil dari muzakarah ini disusuli melalui tindakan yang didahului dan diberi contoh atau teladan oleh pemimpin itu sendiri. Mengenai muzakarah dan kepimpinan melalui teladan ini, Allah berfirman dalam Surah Ali-Imran, ayat 159 :

Maka disebabkan rahmat dari Allahlah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepada-Nya.

Kepimpinan yang sentiasa berhubung rapat dengan orang-orang bawahan melalui muzakarah dan menunjukkan teladan yang positif akan sentiasa digalati. Dengan sendirinya segala masalah yang berbangkit akan dapat diselesaikan dalam suasana harmoni.

Kawalan

Islam memperkenalkan satu bentuk kawalan yang mempunyai tiga ciri, yang sepatutnya ada kepada pegawai bawahan iaitu :

a) Bertanggungjawab kepada pegawai atasan, melalui hierarki pentadbiran, di atas tugas dan tanggungjawab yang dijalankannya.

b) Bertanggungjawab kepada orang awam dengan mendengar dan mengambil tindakan terhadap semua aduan dan sungutan mereka, dengan tidak mengambil kira tempat dan masa aduan itu dibuat.

c) Bertanggungjawab kepada Allah di Hari Kiamat nanti tentang apa yang telah dilakukan semasa hidup di dunia.

Ciri ketiga ini jarang diambil kira oleh setiap pemimpin yang diamanahkan untuk mentadbir dan mengurus negara. Malah ada sebilangan mereka beranggapan bahawa konsep agama tidak boleh dicampuradukkan dengan konsep pentadbiran dan pengurusan negara. Sikap dan cara berfikir golongan ini, yang berterusterang menyokong konsep negara sekular, sudah jauh menyimpang dari hakikat ajaran Islam sebenar iaitu setiap yang hidup akan mati dan hanya amalan kebajikan akan membantu mereka sama ada di alam barzakh dan alam akhirat nanti.

KEPIMPINAN yang sentiasa berhubung rapat dengan orang-orang bawahan melalui muzakarah dan menunjukkan teladan yang positif akan sentiasa digalati. Dengan sendirinya segala masalah yang berbangkit akan dapat diselesaikan dalam suasana harmoni.

CIRI keadilan dalam membuat pertimbangan atau mengambil keputusan ini bukannya dipelopori oleh pakar-pakar pentadbiran Barat. Ia telah lama diamalkan sepenuhnya sejak tertubuhnya negara Islam yang pertama di Madinah di bawah pimpinan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan diteruskan oleh Khalifah Al-Rasyidin.

ANEKA — Pelita Brunei
ANEKA 5 FEBRUARI, 1992

Sastera dan Budaya

Kebudayaan Brunei Antara Identiti Dan Pembinaan Bangsa

OLEH HAJI HASHIM HAJI ABD. HAMID

RENCANA ini akan melihat ciri-ciri kebudayaan Brunei dan seterusnya melihat unsur-unsur asimilasi inovasi, adatasi, penghapusan dan pengkukuhannya.

Dan yang lebih istimewa ialah sejauh mana kebudayaan tersebut dapat digarap bagi pembinaan bangsa Brunei, iaitu yang sesuai dengan taraf negara ini sebagai sebuah negara yang baharu sahaja mencapai kemerdekaan itu.

SIRI PERTAMA

Takrif kebudayaan adalah satu pentakrifan yang amat bergantung dengan pegangan teori seseorang pengkaji, justeru itu takrif kebudayaan ini amat banyak kita temui.

Dalam konteks kita hari ini kita tak payahlah melihat takrif yang begitu kompleks memadailah kita mengatakan bahawa kebudayaan meliputi segala-gala yang terdapat dalam masyarakat (cara hidup masyarakat) termasuklah segala gagasan (idea), alatan (material) dan pengucapan (expression). Atau secara mudah kebudayaan itu adalah segala ciptaan dan warisan manusia hidup bermasyarakat.

Ciptaan atau dayacipta atau kreativiti itu lahir dari proses interaksi masyarakat tersebut dengan ekologinya bagi keperluan hidup (biologi) dan bagi menentukan kelangsungan kehidupan mereka (survival).

Proses tindak bertindak antara manusia dan alam terbitnya itulah menerbitkan unsur-unsur budaya yang bersifat gagasan (ideational), alatan (technological) dan lembaga (institutional).

Oleh sebab masyarakat itu memperolehi dayacipta dari sumber alam maka lahir pulalah **order** iaitu peraturan dan **order** yang paling tinggi dan utama ialah **polity** atau negara, di dalam peraturan negara inilah dayacipta ini mengembang sehingga mencapai taraf tamadun.

Unsur utama dalam **polity** ialah pemerintahan atau struktur politik yang sifatnya menjadi alat penentu tentang kebudayaan bangsa itu (perkembangan kebudayaan itu ditentukan oleh penguasa itu tadi).

Golongan penguasa ini biasa disebut sebagai elit yang peranannya amat besar dalam menentukan teras keseragaman budaya melalui pengaruh kuasa, dan karisma mereka ke lapisan masyarakat yang menjadi pengikut atau rakyatnya.

Golongan Elit

Dari rangka takrif di atas kita dapat membuat tanggapan bahawa dalam masyarakat Melayu, elit itu ialah golongan bangsawan yang dikepalai oleh raja atau sultan. Perilaku pada golongan ini mahu tidak mahu atau secara sedar atau tidak banyak mempengaruhi perilaku-perilaku pengikutnya dan rakyat terbanyak.

Kesusasteraan Melayu klasik cukup jelas membuktikan hal ini. Maka itu lahirlah ketetapan bahawa salah satu ciri bangsa Melayu ialah mempunyai tuan iaitu Raja/Sultan, kelahiran Raja/Sultan didukung oleh peraturan yang terdapat dalam struktur politik polity/negara itu tadi, lantas terjalin satu perjanjian bahawa raja tidak boleh zalim dan rakyat tidak boleh derhaka atau raja untuk rakyat dan rakyat untuk raja.

Dari perjanjian ini tergambar satu ciri yang masih kekal, dalam masyarakat Melayu iaitu ciri halus, tinggi, mulia, dan berdaulat, ciri-ciri inilah yang kita sebut sebagai "tradisi agung" (great tradition) dalam masyarakat Melayu.

Kelangsungan dari ciri-ciri ini lazimnya dijadikan sebagai dimensi identiti bangsa atau keperibadian bangsa itu.

Tugas kita sekarang adalah menjawab dengan jujur tentang persoalan mengenai identiti itu tadi:-

Sejauh mana kehalusan, ketinggian, kemuliaan dan kedaulatan itu masih kukuh dan bertahan baik ia dalam kehidupan formal mahupun tak formal.

Sejauh mana ciri-ciri tersebut dapat dikekalkan dengan proses pemodenan yang ada sekarang baik ia secara asimilasi, inovasi, adatasi dan penghapusan.

Sudahkah kita membuat program-program yang tersusun untuk mengekalkan pencemaran budaya murni atau tradisi agung itu.

Sampai bila kita boleh bertahan dengan istilah Darussalam atau darulislam itu.

Setahan mana kita mengekang kewujudan **sensate culture** dan **a state of nature** yang merempuh dunia sebelah sini.

Sebelum persoalan di atas dapat kita jawab perlu dicari terlebih dahulu tentang dasar kebudayaan kita. Dari maklumat nisbah penduduk kita sudah cukup jelas bahawa dasar kebudayaan itu harus.

Kebudayaan Brunei itu mestilah berasaskan kebudayaan Melayu Brunei (Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut, Tutong).

Islam mestilah dijadikan intipati kebudayaan Brunei.

Raja atau Sultan harus tegak sebagai Yang Di-Pertuan baik sebagai ketua pemerintah, pertahanan, Melayu, agama, adat istiadat, undang-undang (yang tugasnya sebagai "khalifah" dalam Islam).

Sasaran

Apakah matlamat dari dasar yang tersebut di atas, kita boleh memperkirakan sekarang bahawa dasar kebudayaan Brunei itu harus mempunyai sasaran antaranya:

Pertama, mengukuhkan solidariti bangsa Brunei, sebagai satu bangsa yang mempunyai keperibadian murni, taat kepada agama dan setia kepada Raja.

Kedua, memelihara dan mengamalkan tradisi agung orang Brunei iaitu konsep halus, tinggi, mulia dan berdaulat yang tumbuh dari dasar kebudayaan, kebangsaan dan kesinambungan sejarahnya.

Ketiga, memperkaya dan mempertinggikan nilai kehidupan orang Brunei yang seimbang antara proses penebalan kerohanian dengan pembangunan ekonomi.

Matlamat dasar kebudayaan kebangsaan ini tidak akan dapat dicapai selagi pembahagian tugas dan tanggungjawab semua pihak baik agensi kerajaan atau orang ramai tidak selaras/serasi.

Semua agensi kerajaan umpamanya mesti mengambil bahagian yang aktif untuk memberi wajah kebudayaan kita itu.

Dasar pelajaran/pendidikan selain dari mengeluarkan rakyat yang berkemahiran untuk proses kehidupan ia juga perlu mengimbangi dengan pengetahuan kemanusiaan (termasuklah yang ada hubungannya dengan sikap, keperibadian, rasa kasih dan tanggungjawab).

Tidak ada gunanya seorang rakyat yang mahir dalam pembangunan fizikal tetapi amat "babu" dalam hal-hal kemasyarakatan bangsanya seperti persoalan konsep awar galat, konsep tua dituakan, tidak meracak, pemurah dan lain-lain.

Untuk mencapai tujuan ini material pendidikan atau pembelajaran harus pula berada di tahap yang mencukupi umpamanya guru yang dedikasi, berhemah tinggi, buku teks yang menggambarkan nilai orang Brunei, suasana alam sekitar persekolahan yang boleh menghidupkan dayafikir dan dayabudi.

Kependekan dari itu semua ialah dasar pelajaran harus dapat berimbang dengan dasar kebudayaan.

Media massa harus mencerminkan keperibadian bangsa di samping fungsinya sebagai penyebar ilmu.

Perilaku hidup dalam media kerajaan (televisyen atau radio) perlu menjurus kepada proses pembinaan bangsa bukan komersil.

Penapisan media massa yang datangnya dari luar harus dilakukan sama rata.

Pusat Sejarah perlu mengembangkan fungsinya yang sedia ada kepada pusat sejarah keperibadian bangsa Brunei.

Muzium pula bukan saja fungsinya sebagai himpunan barang-barang lama, tetapi harus menjadi pusat penyelidikan dengan cara mengiklankan fungsi muzium dalam pendidikan orang Brunei (hal ini perlu ada kerjasama dari Kementerian Pendidikan).

BERSAMBUNG

KEBUDAYAAN Brunei itu mestilah berasaskan kebudayaan Melayu Brunei (Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong).

RAJA atau sultan harus tegak sebagai Yang Di-Pertuan baik sebagai ketua pemerintah, pertahanan, Melayu, agama, adat istiadat, undang-undang (yang tugasnya sebagai "khalifah" dalam Islam).

Sastera dan Budaya

KEBUDAYAAN BRUNEI ANTARA IDENTITI DAN PEMBINAAN BANGSA

Siri akhir

OLEH HAJI HASHIM HAJI ABD. HAMID

PERLU dari sekarang mempopularkan jenis-jenis permainan orang Brunei yang mempunyai unsur ilmu dan bakat, umpamanya main pasang, kuit, lumba perahu seorang dan lain-lain.

Penerokaan sub budaya dari **sub society** harus dilakukan dan jika tidak bertentang harus diresapkan kepada budaya dominan. Penyelidikan yang sungguh-sungguh dengan peruntukan kewangan yang cukup perlu dipertimbangkan.

Pendekatan kebajikan pula tidak mendorong sebahagian masyarakat Brunei untuk bersikap malas. Konsep persanakan orang Brunei perlu ditanam dalam membantu keluarga yang kurang bernasib baik.

Setakat ini agensi yang mendaulatkan bahasa mempunyai peranan yang agak berat terutama kalau kita melihat akan peranan bahasa dalam pengucapan seni/budaya itu.

Peraduan-peraduan yang diadakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka baik yang berbentuk tulisan atau lisan perlu diberi sokongan moral dan lebih-lebih lagi kewangan sesuai dengan kedudukannya sebagai nadi kebudayaan itu.

Para pegawai yang mahir dalam bidang-bidang tertentu dan latihan-latihan perlu diadakan. Kepekaan semua pihak mesti ada terhadap pertumbuhan budaya ilmu terutama penyediaan buku-buku teks dan rujukan.

Penerapan, penterapan, pendakwahan dan pemeliharaan elemen-elemen agama Islam perlu dirancang sebegitu rupa elemen agama dalam pendidikan, budaya, adat istiadat, pentadbiran, ekonomi, hubungan antarabangsa dan seumpamanya, iaitu jalan-jalan yang menuju negara Islam atau Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan berimbang.

Sehubungan dengan itu konsep "tasawwur" dalam Islam harus mencukupi dalam kehidupan dalaman dan inter-budaya.

Di pihak orang ramai pula tegasnya para ibu bapa harus memperlihatkan sesuatu yang murni kepada anak-anak.

Bentuk rumah sebuah keluarga Islam harus juga disesuaikan dengan dasar kebudayaan (Islam), contoh; pintu, tangga, dan bilik air harus besar, adat berjiran tetangga, kehidupan berkampung dan bermukim.

Semua hal tersebut merupakan sebahagian dari modus operandi dalam mewujudkan kebudayaan Brunei itu. Selaku masyarakat yang dominan di mana Islam sebagai agama bagi orang Brunei maka masyarakat Islam harus menjadi teras dalam menerapkan dan menterapkan Islam ke dalam kebudayaan Brunei.

Asimilasi, inovasi dan adatasi boleh dilakukan asalkan ia tidak membunuh maruah keaslian budaya dan tidak pula bertentangan dengan wajah bangsa orang Brunei yang beragama Islam itu.

Semua perbincangan diatas hanya mengambil kira kebudayaan Brunei sebagai identiti rata-ratanya, bagaimana pula hubungan kebudayaan itu dengan proses pembinaan bangsa yang sedang kita tuju sekarang.

Apakah faktor-faktor yang mendukung pembinaan bangsa itu? Apakah proses yang perlu dijalankan bagi menuju kesatuan pembinaan bangsa itu dengan budaya kebangsaan.

Sekarang mari kita lihat gambar rajah yang mungkin sedikit sebanyak dapat kita berkungsi pengalaman dan memperkayakan ilmu kita dalam bidang ini.

Dari gambar rajah ini dapat dirumuskan prinsip yang boleh dicabut darinya iaitu prinsip yang boleh menanai dasar kebudayaan itu tadi antaranya:

1. Tumpuan dan orientasi mental/fikiran terhadap negara.
2. Kepercayaan kepada agama Islam.
3. Pengucapan budaya termasuk komunikasi.
4. Institusi beraja.
5. Sistem ekonomi baik pemerintah mahupun swasta.
6. Sistem pendidikan.
7. Mobiliti masyarakat.
8. Sistem etika dan nilai yang tinggi dari adat istiadat.

Prinsip-prinsip di atas dapat difahami dengan ringkas seperti berikut:-

Rasa cinta kepada tanahair adalah satu hal semula jadi. Emosi inilah yang memberi makna kepada rasa nasionalis dan patriotisme, bagi menumpahkan ketaatan dan rasa bangga. Justeru itulah pengorbanan untuk mempertahankan adalah dituntut.

Oleh sebab negara ini dibangun dnegan warna dan iklim Islam maka itu ia ditanggapi dengan darulislam, tidak ada sistem lain yang boleh dicari sebagai alternatif untuk mengubah suasana budaya Islam itu.

Dengan kepercayaan Islam inilah ia menentukan batas untuk bertindak di mana hukum naqal menjadi dasar.

Pengucapan budaya dalam konteks negara ini adalah bahasa Melayu, oleh itulah ia ditekankan sebagai bahasa rasmi negara ini, sehingga pengucapan dakwah Islamiah pun memperalatkan bahasa ini, sebab penggunaan bahasa ini adalah dominan.

Memandang kepada kepentingan inilah perancangan bahasa adalah sesuatu yang wajar disegerakan bukan perancangan pesta-pestaan.

Memang hal ini dirasakan oleh agensi yang berkenaan tetapi kekurangan **man power** untuk rancangan ini menyebabkan perancangan bahasa itu semacam tidak perlu lagi, tambahan lagi Brunei bukan masyarakat majmuk.

Perlu diingat membiarkan bahasa itu berkembang begitu sahaja menyebabkan kebekuan bahasa itu sebagai budaya apatah lagi sebagai alat untuk kemahiran teknik akan menjadi sesuatu yang tidak dipandang tinggi, lantas acuan yang sudah kita bina dari detika sejarah itu akan menjadi barang antik akhirnya.

Institusi beraja amat jelas bagi negara ini. Raja adalah ketua kanun, syarak, resam dan adat istiadat. Proses perlantikan raja telah dilembagakan sebagaimana yang termaktub dalam perlembagaan.

Raja adalah puncak keadilan dan kesentosaan rakyat dan untuk menanai keadilan dan kesentosaan itulah ditubuhkan beberapa majlis bagi melicinkan pentadbiran.

Sistem ekonomi atau nilai ekonomi yang wajar kita ambil ialah kebajikan warganegara.

Sistem pendidikan harus menelurkan nilai-nilai dan kemahiran yang wajar bagi masyarakat yang matlamatnya amar makruf nahi mungkar.

Jika sistem pendidikan itu semata-mata berorientasikan sijil maka lahirlah masyarakat yang mahir tanpa dimensi budaya, kemanusiaan dan ketuhanan.

Sistem etika dan nilai yang tinggi dalam masyarakat Melayu ialah budi, budi dengan makna yang tersirat. Budi yang membawa erti berilmu, disiplin dan bijaksana. Budi yang ada hubungannya dengan pekerti — malu membuat jahat. Budi dengan sifat dermawan.

Mobiliti masyarakat dalam konteks negara ini adalah terbuka, kebolehan seseorang tidak disekat, tambahan lagi Islam telah mewarnai iklim masyarakat Brunei itu di mana konsep **par excellence** itu amat didorong oleh ajaran Islam itu sendiri.

OLEH sebab negara ini dibangun dengan warna dan iklim Islam maka itu ia ditanggapi dengan darulislam, tidak ada sistem lain yang boleh dicari sebagai alternatif untuk mengubah suasana budaya Islam itu. Dengan kepercayaan Islam inilah ia menentukan batas untuk bertindak di mana hukum naqal menjadi dasar.

SISTEM etika dan nilai yang tinggi dalam masyarakat Melayu ialah budi, budi dengan makna yang tersirat. Budi yang membawa erti berilmu, disiplin dan bijaksana. Budi yang ada hubungannya dengan pekerti-malu membuat jahat. Budi dengan sifat dermawan.

RAJAH I
Gambar Rajah Mengenai
"Proses Pembinaan Bangsa Melayu-Islam-Beraja Negara Brunei Darussalam"



Nota : NBD — Negara Brunei Darussalam.

MIB SEBAGAI LANDASAN CARA HIDUP

MELAYU Islam Beraja (MIB) yang menjadi pegangan kita sebagai konsep kenegaraan selama ini sudah terbukti mendatangkan kebaikan dan manfaat yang tidak ternilai bagi kita. Justeru itu kita perlu merancang, memikirkan dengan lebih mendalam serta mengembangkannya lagi khasnya dari segi cara-cara amali bagi memperkukuh MIB itu sebagai landasan cara hidup kita di Negara Brunei Darussalam. Untuk itu kami hidangkan makalah ini untuk kita manfaatkan bersama saranan-saranan dan pandangan-pandangan mengenainya. Makalah ini asalnya adalah sebuah kertas kerja yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dalam Seminar Melayu Islam Beraja Untuk Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dari 30 Julai hingga September 1994 anjuran Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam. — Pengarang.

Mukadimah

ELOK benar saya mulakan makalah ini dengan tiga buah petikan daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti berikut :

1. Nilai yang paling agung dan tertinggi, iaitu "Konsep Melayu Islam Beraja". Ia tidak syak lagi merupakan benih satu-satunya yang boleh tumbuh dengan suburnya di bumi Brunei Darussalam.

2. Setiap gaya dan unsur kehidupan itu hendaklah terpusat dan tidak lari daripada konsep dan semangat Melayu Islam Beraja.

3. Kita akan tetapi berpegang kepada prinsip Melayu Islam Beraja, sebagai sumber etika dan budaya orang-orang Brunei, yang telah berjaya membawa mereka sampai terbilang sebagai bangsa yang bersopan santun lagi penuh setia.

Berdasarkan petikan-petikan titah di atas dapatlah dirumuskan bahawasanya Melayu Islam Beraja itu :

1. Konsep Melayu Islam Beraja adalah suatu nilai.

2. Melayu Islam Beraja sumber etika dan budaya.

3. Melayu Islam Beraja membentuk bangsa yang berjaya, bersopan santun lagi setia.

4. Konsep dan semangat Melayu Islam Beraja hendaklah menjadi pusat setiap gaya dan unsur kehidupan.

Rumusan-rumusan ini akan cuba didekati dalam makalah ini yang di antara lain berdasarkan sumber-sumber tempatan.

Cara Hidup

"Hidup" di antara lain mengandungi maksud : Bernyawa atau bernafas, bergerak dan bekerja dengan semestinya, ia juga merupakan suatu seruan untuk menyatakan harapan agar berjaya (kekal, selamat dan lain-lain).

Menurut ajaran Islam pula bahawa setiap makhluk yang hidup di dunia ini akan mati dan sesudah mati ia akan dihidupkan kembali di alam akhirat, di sanalah manusia akan dikira amalan-amalan mereka semasa hidup di dunia, dan akan ditentukan bentuk ganjaran dan balasan amalan-amalan itu dengan rahmat dan kurnia Allah Subhanahu Wataala.

Perkataan "cara" di antara lain mengandungi maksud : Aturan (sistem, jalan) membuat sesuatu, gaya, laku, macam, ragam, adat resam, keadaan (aturan) yang lazim dilakukan dan kebiasaan.

Cara hidup itu mungkin bolehlah diertikan sebagai mengandungi maksud :

1. Aturan (sistem, jalan) hidup.
2. Ragam hidup.
3. Adat resam dalam hidup.
4. Keadaan (aturan) yang lazim dilakukan dan kebiasaan dalam hidup.

Menurut Drs. Sidi Gazalba bahawa cara hidup itu meliputi seluruh aspek kehidupan. Aspek kehidupan yang hakiki, yang selalu ada dalam tiap masyarakat dulu, sekarang dan yang akan datang disebut "cultural universal", pola kebudayaan sejagat. Apa dia cultural universal itu? Bermacam-macam terori yang menjawabnya. Teori yang diperpegangi dalam makalah ini ialah teori cultural universal yang terdiri dari : sosial, ekonomi, politik, ilmu pengetahuan dan teknik, seni, falsafah dan agama.

Cara hidup itu sebenarnya ialah kebudayaan, kerana kebudayaan ialah cara berfikir dan cara merasa yang menyatakan diri dalam seluruh kehidupan sekumpulan manusia yang membentuk masyarakat. Definisi ini dapat diperpendek dengan "cara berfikir dan cara merasa dalam kehidupan", selanjutnya masih boleh disarikan menjadi "cara hidup" (way of life).

Menyentuh perkara di atas, orang tua-tua kita berkata "hidup dikandung adat, mati dikandung tanah", adat hidup menurut budaya, nilai hidup diukur dari amal dan kerja. Allah menguji manusia, siapakah yang cemerlang dalam kerjanya, dan siapakah yang beruntung di dunia dan di akhirat berbahagia?

Landasan

"Landasan" mengandungi maksud : alas, pengalas, penahan (ketika menampa besi dan lain-lain), pelapik, dasar, jalan. Perkataan "dasar" mengandungi maksud bahagian dan lapisan yang di bawah sekali, perangai, peribadi, asas, teras, panduan (pendapat, falsafah, aturan dan lain-lain).

Berdasarkan huraian-huraian di atas dan bagi faedah-faedah makalah ini, mungkin tajuk di atas dapat dirumuskan bahawa "MIB" itu ialah sebagai dasar, asas serta teras dan falsafah kita dalam cara berfikir dan merasa dari seluruh kehidupan kita yang merangkumi : sosial, ekonomi, politik, pengetahuan dan teknik, seni, falsafah dan agama."

Sebagai yang dimaklumkan kepada penulis makalah ini bahawa antara matlamat yang ingin dicapai oleh seminar ini ialah untuk memberi pendekatan kepada para peserta bukan saja setakat lebih memahami takrif dan pengertian MIB itu, ialah juga untuk pelaksanaan dan pengalaman falsafah MIB itu dalam perkhidmatan kerajaan dan kehidupan seharian selaras dengan ianya dijadikan falsafah negara.

Matlamat ini terlalu luas, maka makalah ini hanyalah ingin mendekatinya dengan penumpuan kepada perkhidmatan kerajaan seberapa yang terdaya.

Nilai

Rumusan pertama petikan daripada titah di atas tadi berbunyi : "Bahawa konsep MIB adalah suatu nilai". Nilai mengandungi maksud darjat, kualiti, mutu, taraf, sifat ketinggian (pemikiran, agama, kemasyarakatan dan lain-lain).

Menurut Drs. Sidi Gazalba bahawa nilai ialah ukuran atau standard untuk menghukum dan memilih tindakan dan tujuan tertentu.

Saya akan membawakan lima contoh daripada "nilai dalam perkhidmatan kerajaan" berdasarkan pemikiran Arkitek Brunei Moden Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien menerusi petikan syair baginda yang bernama "Syair Nasihat". Pertama mengenai dengan agama, kedua mengenai dengan ketua negara dan ketiga mengenai rakyat. Baginda bermadah seperti berikut :

"Bendera Islam pakaian negerinya
ketua negara benar tugasnya
rakyat sekalian jadi pasaknya
barulah baik peraturannya"

"Bendera Islam pakaian negerinya" ini dipraktikkan oleh baginda dalam Perlembagaan Bertulis Negara Brunei Darussalam yang diisytiharkan oleh baginda sendiri pada 29 September, 1959 dengan menyatakan; bahawa agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah, tetapi agama-agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.

Pengertian Islam

Untuk mendekati pengertian Islam itu, Profesor Dr. Harun Din menulis bahawa :

Islam digelarkan kepada agama yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, nama ini bukanlah rekaan Rasulullah bahkan ketetapan dari Allah Taala :

Firman-Nya yang bermaksud : "Dan Aku telah rela akan Islam itu menjadi agama untuk kamu." — Surah Al-Maaidah ayat 3.

Pengertian Islam dalam segi bahasa ada terdapat berbagai-bagai makna, sebab perkataan Islam itu adalah nama terbitan, dan kata kerjanya ialah perkataan "Salam" perkataan ini mengandungi tiga makna :



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Pertama : Tulen dan suci dari sebarang kecacatan zahir dan batin.

Kedua : Damai, aman atau sejahtera.

Ketiga : Taat dan menyerah.

Pengertian Islam dari segi syarak pula ialah mentauhidkan Allah, patuh, tunduk dan jujur hati kepada-Nya serta beriman dengan ajaran Allah yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Allah Subhanahu Wataala.

Al-Syeikh Mahmud Syaltut mentakrifkan Islam ialah : agama Allah yang diwasiatkan pengajarannya baik mengenai pokok dan syariatnya kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasalam dan perintah menyampaikannya kepada seluruh manusia serta menyeru mereka itu kepada-Nya.

Menurut Profesor Dr. Harun Din lagi bahawa ajaran-ajaran Islam itu di antara lain mengandungi perkara-perkara berikut :

1. Islam menyuruh supaya setiap manusia mengenal diri masing-masing dan meyakini dengan jiwa raganya bahawa Tuhan Maha Esa itu ialah pencipta alam buana.

2. Islam memberitahu bahawa Allah Taala telah menetapkan manusia menjadi khalifah (pemimpin) di planet bumi ini. Penat lelah ia bekerja, mengolah dan memerintah alam: air, pohon, binatang dan sebagainya ia akan diberi ganjaran yang baik di akhirat. Manusia yang ingin menghidupkan fungsi ubudiyah (pengabdian kepada Allah) iaitu beriman kepada Allah Taala serta berbuat kebajikan hendaklah sesuai dengan petunjuk dan didikan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam.

3. Islam memberitahu adanya kehidupan sesudah mati, kerana manusia dihidupkan semula sesudah mati di hari akhirat, maka sudahkah difikirkan dari sekarang, apakah bekalan yang akan dibawa bersama untuk hari esok itu.

4. Islam mendidik manusia supaya setiap manusia tahu dan mahu berterima kasih bersyukur atas limpahan rahmat dan kurniaan Allah Taala yang tidak terhingga banyaknya, sehingga hidup penuh kebaktian kepada Allah sahaja. Maka dengan demikian jiwa dan raganya menjadi aman dan sejahtera.

5. Islam mendidik manusia supaya ikhlas mematuhi peraturan dan undang-undang atau hukum, baik yang datang dari Allah atau dari Nabi atau dari pihak yang berkuasa di dalam masyarakat, asalkan peraturan itu tidak berlawanan dengan lunas-lunas ajaran Allah Taala.

6. Islam mendidik manusia supaya masing-masing diri mempunyai budi pekerti yang luhur atau akhlak yang baik, iaitu hormat-menghormati dan tolong-menolong antara satu sama lain dalam usaha mencari kebajikan bersama.

7. Islam mendidik manusia supaya berani menegakkan kebenaran, kebaikan, keadilan serta takut untuk melakukan kesalahan atau pelanggaran hukum-hukum sama ada terhadap hukum Allah yang Maha Esa dan Nabi dan seterusnya terhadap negara dan sesama makhluk.

8. Islam mengajar manusia supaya menegakkan dan memperjuangkan keadilan di mana-mana sahaja. Keadilan yang dituntut itu adalah keadilan makhluk baik dalam kalangan kaum Muslimin atau di antara kaum Muslim dengan orang-orang kafir.

7. Mengenai Islam ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah : "Bahawa kita ini adalah benar-benar terlibat dengan Islam, bukan Islam sambil lewa, atau Islam ambil lepas, tetapi adalah Islam yang benar-benar mantap dan rakat di hati dan di jiwa, Islam yang ikhlas, yang diadun dengan sifat amanah serta niat semata-mata kerana Allah jua.

Baginda selanjutnya bertitah : "Bahawa yang besar mestilah kita besarkan, yang agung mestilah kita agungkan, dengan seberapa daya upaya kita. Kita tidak mengira apa pun bendanya, selama benda itu berkaitan dengan Islam, maka adalah menjadi kewajipan kita membesarkannya.

"Maka menjadi kewajipan kita mendukung nilai Islam itu, baik dalam menjalankan tugas sebagai pegawai dalam perkhidmatan kerajaan atau sebagai rakyat yang taat lagi setia."

Ketua Negara

Nilai kedua ialah mengenai "ketua negara benar tugasnya" yang terletak di atas bahu ketua negara, perkara ini mengandungi dua syarat yang utama;

1. Ketua negara itu benar-benar mengetahui dan menjalankan tugasnya.

2. Rakyat yang taat setia kepada ketua negara itu adalah menjadi pasak dan pendukung yang kuat kepada ketua negara itu.

Apakah tugas Ketua Negara? Menurut Al-Imam Yusof Al-Ardabili dalam kitabnya "Al-Anwar" bahawa kewajipan raja di atas umat Islam itu termasuklah :

1. Hendaklah ia menjaga agama menurut dasar-dasar yang termaklum dan menurut ijmak umat Islam.

2. Hendaklah ia membuat keputusan dan hukum di atas orang-orang yang berbalah.

3. Hendaklah ia menyelesaikan segala perkara pergaduhan dan perkelahian sehingga semua mendapat keadilan.

4. Hendaklah ia melindungi Islam dan negeri Islam.

5. Hendaklah ia mempertahankan batasan-batasan negeri, supaya semua orang dapat mencari rezeki dan kehidupan, dan belayar ke mana-mana dengan aman.

6. Hendaklah ia menjalankan hukuman had dan dera (seksa) supaya terpelihara segala larangan-larangan Allah.

7. Hendaklah ia membuat kubu-kubu pertahanan di pusat-pusat dan tempat-tempat di merata negeri dengan kelengkapan yang cukup kuat dan berkesan.

8. Hendaklah ia berjihad melawan siapa yang melawan Islam, sehingga pihak itu masuk Islam atau berdamai.

9. Hendaklah ia menghimpunkan harta fa'i dan harta zakat dan sedekah.

10. Hendaklah ia menentukan pemberian dan orang-orang yang berhak menerima bayaran dan pemberian dari Baitulmal, dengan tiada boros dan tiada lokek.

11. Hendaklah ia mengangkat orang-orang yang amanah, dan melantik orang-orang yang jujur dan ikhlas dalam perkara yang ditanggungkan ke atas mereka.

LIHAT MUKA 13

DARI MUKA 12

MIB SEBAGAI LANDASAN CARA HIDUP

12. Hendaklah ia sendiri melihat segala perkara, dan menyelidik segala keadaan, supaya dapat ia mengarahkan pegawai-pegawai dan dapat ia menjaga kebaikan rakyat dan umat Islam.

Untuk menjamin pemerintahan yang mantap, Imam Al-Mawardi menggariskan bahawa sendi utama yang diperlukan untuk sesebuah negara itu :

1. Agama yang ditaati.
2. Pemerintah yang berwibawa.
3. Keadilan yang menyeluruh.
4. Keamanan yang merata.
5. Kesuburan yang berpanjangan.
6. Harapan dan cita-cita yang besar.

Rakyat

Apabila ketua negara menunaikan tanggungjawabnya dengan sempurna iaitu menjaga dan memelihara agama Islam dan mengawal muslihat serta kepentingan kehidupan umat Islam di dunia sesuai dengan ajaran-ajaran dan hukum-hukum Islam sebagaimana yang digariskan di atas tadi, maka adalah menjadi kewajipan rakyat untuk menunaikan hak raja yang terkandung dalam dua perkara :

1. Taat setia.
2. Bantuan dan sokongan selama ketua negara itu tidak berubah dari syarat-syarat yang ditetapkan.

Taat setia rakyat kepada ketua negara itu adalah menjadi pasak kestabilan pemerintahan ketua negara tersebut. Seorang sahabat yang bernama Abdullah bin Omar meriwayatkan hadis Rasulullah yang bermaksud. *"Dengar dan taat (kepada ketua) adalah menjadi kewajipan ke atas orang Islam (dalam apa jua perkara pun) sama ada ia suka dan ia tidak suka selagi ia tidak diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat maka tiadalah dengar dan tiadalah taat."*

Dengan berpandunya ketua negara yang menunaikan tanggungjawabnya terhadap rakyat dan rakyat menunaikan tanggungjawabnya sebagai pasak kepada ketua negara maka negara akan menjadi aman makmur dan berbahagia, inilah nilai ketiga.

Maka berkewajipanlah pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam untuk melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan oleh raja atau oleh ketua mereka demi untuk kesejahteraan rakyat.

Bergotong-royong

Rangkap kedua berbunyi :

"Hendaklah bersama mandi menyelam
mencari mutiara permata nilam
ingatkan kewajipan siang dan malam
mudahan bercahaya tiada kelam".

Mungkin dapat difahamkan bahawa di antara maksudnya ialah bahawa ketua negara dan rakyat hendaklah menentukan matlamat yang akan dicapai, menentukan nilai-nilai yang dijunjung, mahu ke mana negara ingin dibawa, dan apa yang akan dikehendaki bagi negara itu, ia merupakan cita-cita dan harapan, itulah yang dicari dengan pelambang "Mutiara permata nilam". Dalam usaha mencari "mutiara permata nilam" itu, perancangan adalah mustahak, termasuklah kerja-kerja yang tersusun dan kewajipan-kewajipan yang akan dilaksanakan, masing-masing pihak hendaklah mengetahui kewajipannya, kewajipan itu hendaklah sentiasa berada dalam pemikiran dan sentiasa diingatkan, jangan dicuai-cuaikan dan jangan dialpakan, inilah gambaran "Ingatkan kewajipan siang dan malam".

Cara bekerja pula, perlu diingat pepatah orang tua-tua "bukit sama didaki, lurah sama dituruni, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing", dan maksud istilah orang tua-tua "beurung-urung" dan "memucang-mucang", inilah gambaran "hendaknya bersama mandi menyelam", inilah nilai yang keempat iaitu "beurung-urung, memucang-mucang".

Makanya kita hendaklah sentiasa ingatkan tugas dan kewajipan dan bekerja secara berpasukan.

Imbangan Hak dan Kewajipan

Selanjutnya baginda bermadah :

"Hak dan kewajipan hendak sebanyakan
kewajipan dibuat hak dibetulkan
bangsa negara kita jayakan
semoga dapat dilaksanakan".

Lazimnya perkataan "hak" itu diertikan sebagai milik, kepunyaan. Masing-masing pihak mempunyai hak, ketua negara dengan haknya, dan rakyat juga mempunyai haknya.

Tanggungjawab pula pada lazimnya merujuk kepada kewajipan yang dipikul oleh seseorang atau sesuatu pihak, segala yang wajib ditanggung. Dalam hal ini ketua negara mempunyai tanggungjawab terhadap rakyat, dan rakyat pula mempunyai tanggungjawab kepada ketua negaranya. Paduan daripada hak dan tanggungjawab itu jika disempurnakan oleh semua pihak maka selamatlah negara dan berjayalah sesuatu bangsa. Jika berlaku mana-mana pihak melebihkan hak dirinya, di samping itu ia mengurangkan tanggungjawabnya maka akan berlakulah ketidakseimbangan, bahkan menurut baginda "Hak dan kewajipan hendak sebayakan", inilah nilai kelima iaitu keseimbangan dalam menuntut hak dan menunaikan kewajipan.

Inilah ajaran "Nilai" dalam perkhidmatan awam yang diwariskan oleh Al-Marhum kepada rakyat Negara Brunei Darussalam.

Etika

Untuk mendekati rumusan kedua yang berbunyi "MIB" sumber etika dan budaya", maka "etika" itu bermaksud tanggungjawab dan akibat tingkah laku seseorang atau profesion terhadap masyarakat. Seorang anggota perkhidmatan awam berkewajipan memahami tanggungjawab terhadap peranan dan perilaku seseorang pekerja dalam kerajaan. Larangan dan kebenaran tingkah laku Perkhidmatan Awam adalah tertera dalam perundangan dan peraturan yang mengandungi had-had tindakan dan perilaku anggota perkhidmatan awam dalam masyarakat.

Perkataan "etika" dalam perkhidmatan awam selalu dikaitkan dengan "nilai", di Malaysia definisi nilai ditakrifkan sebagai kepercayaan yang mendorong seseorang atau sesebuah institusi untuk bertindak mengikut pemilihan yang berasaskan nilai-nilai utama masyarakat. Mengikut kajian sejarah, ilmu, kebajikan, keadilan dan iktidal (temperance) merupakan nilai-nilai utama dalam masyarakat. Penerimaan dan penghayatan nilai-nilai utama oleh masyarakat akan menjamin rakyat yang berpendidikan lengkap dalam hubungan masyarakat - perilaku etika sosial dan budaya ilmu.

Secara ringkas nilai-nilai dan etika perkhidmatan awam terkandung dalam institusi utama masyarakat yakni agama, pendidikan, keluarga dan persekitaran masyarakat yang merupakan asas rasional bagi perkhidmatan awam yang berkesan.

Bercontoh kepada huraian di atas maka setiap anggota perkhidmatan awam amatlah mustahak memahami akan pengertian dan maksud perkataan "etika dan nilai" tersebut, dan dalam amalannya mustahaklah falsafah negara iaitu MIB yang memimpin dan mendorong etika dan nilai dalam perilaku semasa menunaikan tanggungjawab.

Budaya

Mengenai dengan rumusan "MIB" sebagai sumber budaya", maka maksud perkataan "budaya" itu telah dihuraikan sebelum ini, dan juga telah dinyatakan bahawa budaya itu merangkumi hal ehwal kehidupan yang terkandung di dalamnya perkara-perkara berikut :-

1. Sosial.
2. Ekonomi.
3. Politik.
4. Pengetahuan dan teknik.
5. Seni.
6. Falsafah.
7. Agama.

1. Sosial adalah pergaulan hidup. Orang-orang Melayu menjunjung nilai-nilai tertentu dalam pergaulan hidup mereka dan nilai-nilai itu dipengaruhi dan menurut ajaran-ajaran Islam kerana Islam kepercayaan mereka. Umpamanya hidup bertolong-tolongan, hidup awar galat, hormat-menghormati, menuakan orang yang tua, mentaati pemimpin, mematuhi adat, lutanan dan adunan, sayang menyayangi dan lain-lain lagi sehingga nilai-nilai itu membentuk sikap orang-orang Melayu dalam hidup bermasyarakat.

Dalam pergaulan hidup bernegara mereka mewarisi sistem beraja, raja adalah sebagai payung keadilan atau sebagai institusi pelaksana keadilan yang diamanahkan oleh Allah kepadanya, tempat orang-orang lemah mencari perlindungan dan tempat orang-orang teraniaya mendapat pembelaan.

Timbul daripada pergaulan hidup itu ialah adanya kebiasaan-kebiasaan, adat dan istiadat dan lain-lain nilai yang mengatur cara berlaku dan berbuat di kalangan anggota-anggota masyarakat itu demi kesejahteraannya.

2. Dalam pada itu, demi kemakmuran, keperluan-keperluan hidup perlulah diusahakan seperti makanan, pakaian, perumahan dan lain-lain, maka bidang ekonomi memainkan peranannya. Di antara ciri tradisi masyarakat Melayu Brunei dalam bidang ini ialah hidup bergotong-royong, memucang-mucang, dahulunya mereka hidup bercucuk tanam dan berpadi, di laut mereka memancing dan menangkap ikan serta mengembara dan berniaga dengan meneroka lautan dengan kapal-kapal yang besar. Sehingga terdapat gelaran "Pengiran Shahbandar" dan "Pehin Orang Kaya Shahbandar" dalam susunan pentadbiran tradisi kerajaan Brunei yang mana mereka itu bertanggungjawab mengenai dengan hal ehwal perniagaan dan perdagangan melalui laut. Menurut Sir Regial Edward Stubbs "The functions of the Shahbandar are those of a minister of commerce".

3. Masyarakat perlu diatur dan aturan-aturan itu perlu pula diawasi supaya ia berjalan dengan lancar dan ditaati, pengawas itu perlu kepada kekuasaan, maka politik memainkan peranannya. Budaya Melayu Brunei dalam bidang politik menurut sejarah adalah menganut sistem beraja. Ungkapan yang selalu digunakan dalam hubungan ini ialah "raja hendaklah adil" dan "rakyat hendaklah taat". Di bawahnya budaya sistem politik beraja itulah bangsa Melayu Brunei, sesudah datangnya Islam ke rantau ini termasuklah Brunei yang terbukti lebih lima kurun yang lalu masih tegak dan bertahan daripada pengaruh-pengaruh luar yang ingin memporak-perandakannya, bahkan kini telah mula melangkah ke arah kecemerlangan.

4. Berilmu dan berpengetahuan adalah budaya yang boleh mengatur kehidupan yang lebih baik dalam bidang sosial, ekonomi dan politik. Ilmu pengetahuan itu meningkat menjadi ilmu sains dan teknik sehingga timbullah teknologi. Sejarah Brunei tiada kurang dengan budaya ilmu dan teknik itu, penulis Barat Pigafetta semasa melawat Brunei pada tahun 1521 mengisahkan kemajuan Brunei dan tamadunnya, termasuklah keadaan bangunan-bangunan, kelengkapan perang, alat-alat kebesaran dan perhiasan diraja serta adat istiadat, semuanya ini tiada akan lahir kecuali didukung oleh ilmu dan teknik yang tinggi, yang mana di antara lain perkara ini timbul daripada pengalaman yang luas "lama hidup banyak dirasa, jauh perjalanan luas pemandangan". Inilah yang dilakukan oleh Sultan Bolkiah hasil daripada pelayaran baginda, dan inilah hasil perkahwinan Sultan Ahmad, Sultan yang kedua dengan puteri China sehingga terbinanya Kota Batu yang merintangi Sungai Brunei, yang mana ilmu pengetahuan dan teknologi dari China yang digunakan, "Kanun Brunei", yang dikatakan peninggalan Sultan Hassan, Sultan yang kesembilan merupakan undang-undang bertulis yang terawal bagi Negeri Brunei, inilah lambang keilmuan dan tamadun yang mewakili zamannya.

5. Manusia memerlukan kesenangan, kesenangannya dalam berbagai bentuk iaitu suka, mesra, merasa puas, nikmat, enak, gembira. Kepuasan itu terdapat dari ciptaan-ciptaan dalam bentuk-bentuk yang menyenangkan, inilah yang dikatakan seni, maka seni dalam sejarah Brunei yang masih kita nikmati adalah seni yang menjunjung kemurnian, sebagai misal ia menggambarkan suasana alam seperti ukiran "air mulih". Bagi nelayan pada zaman dahulu mereka senang dengan "lumba perahu". "Seni suara" dalam membawakan "dikir" yang memuji-muji Nabi dan pembacaan Al-Quran.

6. Yang ingin dicapai oleh fikiran ialah kebenaran dan kebenaran itu digali oleh falsafah setakat yang termampu oleh akal manusia, dan falsafah itu juga memikirkan nilai-nilai seperti etika dan moral, yang mana nilai-nilai yang sedemikian yang dibentuk oleh akal adalah menurut pandangan kebudayaan. Falsafah orang-orang Melayu sesudah datangnya agama Islam adalah dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Islam itu, perkara ini dapat digali dari khazanah buku-buku dan kitab-kitab peninggalan para pujangga dan alim ulama silam.

7. Dari segi agama, budaya kita terarah ke alam ghaib mengenai dengan perkara-perkara rahsia yang tidak dapat dicapai oleh akal, oleh ilmu dan oleh teknologi, perkara-perkara ghaib itu diterangkan oleh Allah melalui rasul-rasul-Nya. Maka hubungan kita dengan alam ghaib itu adalah melalui Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. ajaran-ajaran Allah yang disampaikan oleh Baginda iaitu agama Islam adalah mengandungi akidah, syariah dan akhlak, inilah kepercayaan kita dan inilah juga yang mencerminkan budaya kita, budaya yang dijiwai oleh ajaran-ajaran Islam. Dan kini, di samping itu, ajaran agama adalah dijadikan pendorong untuk hidup cemerlang di dunia sesuai dengan ajaran-ajaran Al-Quran, kerana dunia adalah merupakan ladang untuk hidup di akhirat nanti.

Perkara-perkara di atas diringkaskan oleh Drs. Sidi Gazalba seperti berikut :

1. Sosial : tatahubungan manusia dengan manusia.
2. Ekonomi : tatahubungan manusia dengan benda.
3. Politik : tatahubungan manusia dengan kekuasaan.
4. Pengetahuan dan teknik : tatahubungan manusia dengan alam dan kerja.
5. Seni : tatahubungan manusia dengan bentuk-bentuk yang menyenangkan (pleasure).
6. Falsafah : tatahubungan manusia dengan kebenaran dan nilai.
7. Agama : tatahubungan manusia dengan Tuhan.

MIB Membentuk Bangsa Yang Berjaya

Perkara yang ingin ditampilkan sebagai contoh dalam makalah ini ialah perubahan-perubahan besar yang dibawa oleh beberapa orang Sultan Brunei, seperti berikut :

i. Sultan Mohammad, Sultan Pertama (1363 - 1402).

a. Diislamkan oleh Sultan Johor bersempena dengan perkahwinan baginda dengan puteri Johor; maka Islam pun berkembang di Brunei.

b. Mengukuhkan hubungan Brunei dengan China dan meminta perlindungan daripada China;

c. Mengukuhkan tali persaudaraan dengan Kerajaan Johor;

d. Mengisytiharkan kemerdekaan Brunei dari takluk Majapahit.

e. Mempunyai Cap Mohor Kerajaan Brunei yang dibuat pada zamannya selepas perkahwinannya dengan puteri Johor;

ii. Sultan Ahmad, Sultan Ke-2 (1408 - 1425).

a. Membuat Mahkota Asli bagi Sultan Brunei, diperbuat oleh tukang-tukang Cina yang dipanggil khusus dari negeri China.

iii. Sultan Sharif Ali, Sultan Ke-3 (1425 - 1432).

a. Mengembangkan agama Islam di Negara Brunei Darussalam sejak dari zaman pemerintahan Sultan Mohammad dan Sultan Ahmad;

b. Menguatkuasakan Hukuman Syarak dalam menjalankan pemerintahan;

c. Orang yang mula-mula membangun masjid di Negara Brunei Darussalam, baginda sendiri membaca khutbah dan menjadi imam;

d. Mencipta beberapa Alat Perhiasan Diraja di antaranya;

1. "Panji-panji Brunei yang mempunyai tiga sayap, di atasnya terletak "Tunggul Alam Bernaga". Panji-panji itu sebagai lambang semangat dan syiar Islam, tafsiran tiga sayap itu di antaranya merujuk kepada iman, Islam dan ihsan. Manakala "Tunggul Alam Bernaga" merujuk kepada lambang kuasa sultan yang tertinggi yang menjalankan perintah Allah.
2. "Pedang Si Bongkok" yang dibawa oleh baginda dari Taib, Mekah;

iv. Sultan Sulaiman, Sultan Ke-4 (1432 - 1485).

a. Meneruskan usaha pada mengembangkan agama Islam;

b. Memulakan kerja membangun sebuah kota di Kuala Sungai Brunei dari Pulau Kaingaran menuju ke Pulau Cermin bagi maksud pertahanan dari serangan musuh yang menggunakan jalan laut.

v. Sultan Bolkiah Ke-5 (1485 - 1524).

a. Menyudahkan kerja-kerja pembinaan kota dari Pulau Kaingaran menuju ke Pulau Cermin;

b. Suka berlayar bagi tujuan-tujuan berikut :

1. Berdakwah;
2. Meluaskan pandangan dan pemerintahan;

LIHAT MUKA 14

DARI MUKA 13

MIB SEBAGAI LANDASAN CARA HIDUP

8. Membawa balik "Oleh-oleh" dari luar negeri untuk dijadikan bahan kemajuan negeri Brunei termasuklah membawa balik kemahiran dan kepandaian-kepandaian dalam bidang pertukangan tangan dan ukiran.

c. Membangunkan kota dan Bandar Brunei dengan indah dan tersusun hingga mengkagumkan pelawat Eropah, seperti catatan Pegafetta yang melawat Brunei pada tahun 1521.

d. Kuasa Brunei meliputi ke seluruh Pulau Borneo, Suluk, Saludang (Luzon), pulau-pulau Palawan, Balayan, Mindaro, Balabak, Balambangan. Ada di antara negeri-negeri yang ditakluki itu menyerahkan diri meminta perlindungan disebabkan oleh keadilan Sultan Bolkiah;

e. Menambah alatan Kebesaran Diraja umpamanya :

1. Kenaikan bergajah yang dihias indah;

2. Pedang dan Tumbak.

f. Aturan-aturan dalam Adat Istiadat yang berjalan di Lapau termasuklah menerima tetamu luar negeri;

g. Melantik beberapa orang pembantu-pembantu utama dalam menjalankan suatu tugas dan kewajipan sebagai wakil baginda;

vi. Sultan Abdul Kahar, Sultan Ke-6 (1524 - 1530).

a. Mengadakan gelaran "Duli Pengiran Muda", dan dikurniakannya kepada anakandanya "Pengiran Muda Saiful Rizal",

b. Mengadakan gelaran "Seri Begawan" dan digunakannya ketika baginda turun dari takhta kerajaan kerana terlalu tua;

c. Di antara hasil utama Brunei ketika itu ialah lada hitam dan kapur barus;

d. Pedagang-pedagang Barat mula berniaga di Brunei dengan giatnya;

e. Sudah ada "Kanun" dan "Adat Istiadat", baginda mengenalkan "Resam" yang mana Resam itu berjalan di samping Kanun kerana kuasa Kanun berjalan dengan tidak menilik kepada suatu keadaan, baginda fikirkan cara itu tidak mencukupi, maka hendaklah ada resam yang di antara lainnya bersendikan kepada perundingan dan permuafakatan;

vii. Sultan Saiful Rizal, Sultan Ke-7 (1533 - 1581).

a. Menolak mentah-mentah permintaan Raja Sepanyol melalui gabenornya di Manila untuk membuat hubungan diplomatik, tetapi sebenarnya bertujuan hendak mengembangkan agama Kristian di Negara Brunei Darussalam dan melarang orang-orang Brunei mengembangkan agama Islam di Filipina;

b. Berlakunya Perang Kastila (Brunei-Sepanyol) dan Brunei ditakluki oleh Sepanyol (pada 20 April, 1578). Pahlawan Brunei, Pengiran Bendahara Sakam mengepalai pasukan Brunei dan berjaya menghalau Sepanyol dari Brunei;

c. Mengadakan gelaran "Raja Bendahara" sebagai bakal ganti Sultan, dikurniakan kepada Pengiran Bendahara Sakam yang berjasa menghalau Sepanyol dari Brunei;

d. Memperkenalkan adat "Pengantin Perempuan Bertutup Muka" semasa istiadat bersanding;

e. Makam Sultan Bolkiah ditembak oleh Sepanyol dalam Perang Kastila, makam itu dibuat oleh 40 orang tukang dari Jawa dan China;

viii. Sultan Mohammad Hassan, Sultan Ke-9 (1582 - 1598).

a. Memperbaiki keadaan dan Pentadbiran Brunei selepas pencerobohan Sepanyol dan selepas Perang Kastila;

b. Bersemayam di Tanjung Kindana, baginda membuat jambatan dari Tanjung Kindana ke Pulau Cermin;

c. Baginda mempunyai empat keutamaan;

1. Mengemaskan pentadbiran; sebelum baginda, sultan-sultan dahulu dibantu oleh dua orang wazir iaitu Pengiran Bendahara dan Pengiran Temenggong, untuk mengemaskan pentadbiran baginda mengadakan dua gelaran wazir yang baru iaitu Pengiran Digadong dan Pengiran Pemancha. Dan melengkapkan gelaran-gelaran iaitu wazir, cheteria dan manteri, di samping menyusun tugas-tugas bagi setiap gelaran-gelaran itu.

2. Mengemaskan susunan Adat Istiadat; Menyusun Adat Istiadat dan baginda menjalankannya dengan kerasnya,. baginda melengkapkan segala alat kebesaran dan perhiasan diraja termasuklah juga mengadakan seperti payung obor-obor, pisang-pisang, dadu, sumbulayang, ola-ola, payung tinggi,Payung Alam Bernaga, payung besar, sapu-sapu ayeng dan lain-lain.

3. Mengembalikan negeri-negeri takluk yang terlepas;

4. Mengemaskan undang-undang Islam dengan memperbaiki lagi isi Hukum Kanun Brunei berdasarkan ajaran-ajaran Islam;

d. Memberikan nama kepada meriam-meriam tertentu di keliling istana seperti Si Gantar Alam, Seri Naga, Raja Hindi dan lain-lain.

x. Sultan Abdul Jalil Al-Akbar Sultan Ke-10 (1598 - 1659).

Baginda mempunyai adik bernama "Pengiran Muda Tengah" yang diputerakan sesudah ayahandanya (Sultan Hassan) dipuspakan. Pengiran Muda Tengah berniat pula untuk menaiki takhta kerana ia diputerakan sesudah ayahandanya dipuspakan itu. Kehendaknya itu tidak dizahirkannya tetapi disamar-samarkannya dengan gila-gila bahasa bagi mencari sebab perselisihan dengan sultan. Atas kebijaksanaan sultan, Pengiran Muda Tengah dilantik menjadi "Raja Sarawak".

xi. Pada zaman pemerintahan Sultan Saiful Rizal (1533 - 1581) dicatatkan oleh "Megat - China" (Jurubahasa utusan Gabenor Sepanyol di Filipina ke Brunei) dalam tahun 1578 bahawa seorang pegawai di Istana Sultan Brunei yang bergelar "Khatib" secara tidak langsung mempunyai pengaruh yang besar terhadap tindakan-tindakan Kerajaan Brunei sehingga akhirnya Sepanyol tidak dapat bertapak untuk mengembangkan pengaruh dan agama Kristian di Brunei.

xii. Sultan Hashim Jalilul Alam Akamaddin, Sultan Ke-25 (1885 - 1906) menandatangani perjanjian dengan British pada tahun 1906, menjadikan Brunei terletak di bawah perlindungan British tetapi langkah itu adalah untuk memelihara kawasan Brunei yang sudah tinggal sedikit daripada terus dirampas dan dikuasai oleh James Brook dan sekutu-sekutunya.

Kesan daripada perjanjian tersebut Brunei mula menerima perubahan dan kemajuan, umpamanya seperti berikut :

a. Berdirinya Pejabat Pos dalam bulan Oktober, 1906;

b. Tertubuhnya Pasukan Polis pada tahun 1907;

c. Wujudnya persekolahan bersistem pada tahun 1911;

d. Wujudnya undang-undang mewajibkan kanak-kanak hadir ke sekolah dalam tahun 1929;

e. Kemudahan telegraf radio tahun 1921;

f. Dan lain-lain.

Bersopan Santun

Rumusan "MIB berjaya membentuk bangsa yang bersopan santun", perkara ini secara ringkasnya terpancar dalam percakapan dan keolahan dan timbullah kata-kata "usul menunjukkan asal", sopan santun orang-orang Brunei mengandungi unsur-unsur kehalusan budi yang bertatatertib dalam percakapan umpamanya :

i. Menggunakan gantinama-gantinama yang sesuai.

ii. Tidak mengangkat suara sehingga melebihi ketua, dan kanak-kanak tidak digalakkan mencampuri percakapan orang tua-tua.

iii. Percakapan itu dialas oleh tamsil ibarat bagi menyatakan maksud.

iv. Merendah diri dan tidak mengada-ngada, memperkecilkan kebolehan diri dan kedudukan diri sendiri.

Dalam keolahan dapatlah dilihat perkara-perkara berikut :

i. Menurut adat yang terpakai, kerana hidup dikandung adat, supaya janganlah menjadi seperti yang dikatakan sebagai "kera sumbang".

ii. Jangan melintas di mua orang, kalaupun terpaksa hendaklah memohon maaf dalam keadaan tunduk dan tangan di kebawahkan.

iii. Di dalam majlis duduk bersila dengan tertib.

Bersopan santun adalah merujuk kepada akhlak, mari kita ikuti petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam :

"....Akhlak itu sama dengan cara hidup zahir dan batin. Sebab itu ianya perlu diutamakan. Bukanlah akhlak itu dalam majlis adat istiadat saja, bukan di dalam masjid saja, bukan di dalam pejabat saja, tetapi di mana-mana jua, di rumah-rumah, di pasar-pasar dan di tempat-tempat permainan.

Semuanya itu, kita orang-orang Melayu dan orang-orang Islam, adalah dikehendaki supaya beradab dan berakhlak dengan akhlak Melayu dan Islam. Ini tidak, setengah orang kita, hanya di masjid dan di majlis-majlis beristiadat saja mereka berakhlak, sementara di tempat-tempat lain, lebih-lebih lagi di tempat-tempat permainan, mereka tidak memakai akhlak Melayu dan akhlak Islam, mereka seolah-olah lupa Tuhan dan lupakan Islam. Inilah suatu tragedi bangsa yang mesti diatasi.

Di antara akhlak yang sangat keji dan tidak senonoh itu, ialah perbuatan meminum minuman keras. Ianya boleh dilakukan oleh siapa jua dari berbagai-bagai peringkat di kalangan orang. Ada yang meminumnya kerana kegemaran dan tabiat, sementara setengahnya pula kerana kemegahan. Kononnya minuman ini ialah minuman orang-orang kenamaan dan minuman antarabangsa. Walhal semua itu hanyalah menggambarkan pemikiran yang cetek dan bukan asli Brunei."

Setia

Rumusan "MIB berjaya membentuk bangsa yang setia" dapat dilihat dalam tradisi rakyat Melayu Brunei, mereka adalah setia kepada raja kerana raja itu adalah penaung dan pemimpin mereka. Setia kepada tanahair kerana di sanalah tempat tumpah darah mereka, dan setia kepada agama kerana itulah pegangan hidup mereka. Ini dapat dilihat dalam peristiwa orang-orang Brunei menghalau orang-orang Sepanyol yang menduduki Brunei pada zaman Sultan Saiful Rizal di bawah pimpinan Pengiran Bendahara Sakam, mereka setia kepada raja dan sanggup berkorban untuk mengembalikan kekuasaan raja mereka yang dirampas oleh Sepanyol. Mereka setia kepada tanahair, kerana mereka tidak rela negeri mereka dijajah dan dikuasai oleh orang lain yang bukan daripada kalangan mereka, mereka setia kepada agama mereka kerana mereka tidak rela mendengar seruan agama Kristian, apatah lagi untuk menukar agama mereka; daripada Islam kepada Kristian, mereka berperang "Fisabilillah".

Maka bersopan santun dan berkhidmat dengan setia hendaklah menjadi amalan sehari-hari, baik dalam perkhidmatan awam mahupun dalam hidup bermasyarakat.

Pusat Setiap Gaya

MIB sebagai konsep dan semangat yang menjadi pusat setiap gaya dalam mengharungi kehidupan hendaklah ditekankan kepada kepentingan-kepentingan MIB itu sendiri. MIB hendaklah diutamakan dalam menentukan sikap, dalam meraih kemanfaatan dan keuntungan, jangan dibelakangkan MIB. Ertinya dalam setiap pemikiran, perundingan, setiap keputusan yang dibuat, setiap tindakan yang diambil hendaklah diutamakan kehendak-kehendak dan kepentingan-kepentingan Brunei, yang mendukung konsep dan falsafah Melayu Islam Beraja.

Untuk tidak menimbulkan salah faham, keutamaan-keutamaan sedemikian adalah nilai yang mesti didukung, yang mesti didahulukan, sebagaimana jua mendahulukan kepentingan umum daripada kepentingan diri sendiri, bukan ertinya kepentingan diri sendiri tidak dipedulikan. Maka dalam hal ini bukan ertinya kepentingan orang-orang bukan Melayu tidak dipedulikan, bukan ertinya kepentingan-kepentingan orang yang tidak beragama Islam tidak dipedulikan, bahkan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara, ia akan melindungi rakyat dan penduduk yang bernaung di dalamnya, dan memeduli kehendak-kehendak dan kepentingan-kepentingan mereka, dalam pada itu kepentingan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja hendaklah sentiasa dipelihara dan dipertahankan, serta diutamakan. Janganlah sampai terjadi ungkapan-ungkapan berikut :

1. Ayam di kepok padi mati kelaparan, itik di air mati kehausan.

2. Kera di hutan disusui, anak sendiri kelaparan.

3. Sungguh malang nasib Pak Kaduk , ayam menang kampong tergadai.

Kita hendaklah selalu ingat akan perkara ini.

Unsur Kehidupan

MIB sebagai unsur kehidupan. Salah satu unsur kehidupan ialah asuhan, pelajaran dan pendidikan, maka MIB hendaklah menjadi teras dasar pendidikan negara kerana ia akan menentukan corak generasi yang akan datang, generasi itulah yang menjadi penyambung kelanjutan hidup orang-orang Brunei, merekalah yang akan meneruskan perjuangan ke arah kecemerlangan Brunei Darussalam di masa-masa akan datang.

Dasar sedemikian mustahak disusun dengan teratur dan kefahamannya hendaklah jelas di kalangan tenaga pelaksana, supaya natijahnya akan dapat dinikmati menurut acuannya.

Unsur kehidupan yang sama pentingnya dengan pendidikan ialah soal ekonomi, perkara ini akan dibincangkan kemudian dalam bentuk perbandingan.

Kepegawaian

Dalam zaman pemerintahan tradisi bagi Negara Brunei Darusalam, raja mempunyai pembesar-pembesar negara yang terbahagi kepada tiga peringkat iaitu wazir, ceteria dan manteri-manteri, mereka menjalankan kewajipan terhadap negara dengan kekuasaan yang dijalankan oleh mereka itu adalah semata-mata kuasa sultan mengikut darjah gelaran masing-masing.

Pembesar-pembesar negara itu diberi gelaran-gelaran yang tertentu. Sebelum seseorang itu dikurnia gelaran, dia hendaklah mempunyai syarat-syarat yang tertentu bagi menyesuaikan taraf gelaran itu dengan keadaan orang tersebut serta kebolehan-kebolehannya, khasnya supaya kewajipan-kewajipan gelarannya itu dapat ditunaikan dengan sempurna bagi menjaga dan memelihara nama baik sultan.

Syarat-syarat Lantikan

Secara umum syarat-syarat itu, menurut suratan yang dititahkan oleh Paduka Seri Sultan Mohammad Tajuddin kepada Tuan Haji Abdul Latif bahawa pada zaman Sultan Hassan; apabila segala raja-raja akan berbuat manteri dan hulubalang atau pegawai, maka hendaklah :

Pertama : Orang berbangsa.

Kedua : Orang yang bijaksana lagi berakal.

Ketiga : Orang berani lagi perkasa pada barang pekerjaannya.

Keempat : Adalah orang itu takut akan rajanya dan hormatnya.

Maka jikalau ketiadaan salah satu syarat yang tertentu di atas maka tiadalah sempurna dijadikan 'wazir atau menteri atau hulubalang atau pegawai.'

Sebab pun pembesar-pembesar negara itu, sebelum mereka dilantik, diperhatikan terlebih dahulu mengenai dengan syarat-syarat gelarannya ialah kerana mereka itu pada lazimnya boleh dibawa berunding oleh sultan. Perkara ini ada disebutkan dalam 'Syair Rakis' seperti berikut :

Rakis pertama mula disurat
akannya dalil tamsil ibarat
seberang negeri dagang melihat
berbuat sekolah tempat menyurat.
mesyuarat dengan Cheteria Menteri
serta Imam Khatib dan Haji
merunding rakyat menguasai negeri
supaya masyhur khabar zamani.
Sembah dagang hina lata
ke bawah kadim Duli Mahkota
jikalau tuanku mengikut kata
barulah karal di atas takhta.

Syarat-syarat lantikan tersebut ada dinukilkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam "Syair Perlembagaan Brunei" karangan baginda yang berbunyi :

"Syarat pertama bangsawan namanya
bukan sahaja pangkat keturunannya
berbaik-baik meningkat bangsanya
hormat kepada saudara handainya"

"Syarat kedau hartawan namanya
bukan sebab banyak harta bendanya
di sini dimaksudkan ialah fikirannya
akal yang sempurna takada bandingannya.

"Ketiga dermawan syaratnya disebut
bukan hanya menderma beragut-agut
menegur bermadah berlemah-lembut
mendermakan nasihat tenaga berturut"

"Keempat kesetiaan dagang sebutkan
nilainya tinggi tak dapat dikatakan
senang disebut payah dikerjakan
hendaklah dicari serta didapatkan"

Pengiran Shahbandar Mohammad Salleh dalam "Syair Rakisnya", ada menekankan mengenai dengan kebijaksanaan berfikir dan taat setia kepada raja seperti berikut :

"Ayuhai Tuanku Duli Muktabar
patik nin ada mendengar khabar
di tanah subarang (seberang) rajanya besar
menteri budiman rakyatnya jauhar.

Akan khabarnya sudah sekarang
di Negeri Johor terdiri tiang
sebab Cik Muntel hatinya terang
jadi berani mencabut pulang.

Cik Mutel itu peranakan rakyat
akalnya besar hatinya kuat
kepada rajanya terlalu taat
dengan kompeni merati sangat.

Asalnya bukan orang berbangsa
tiada tentu di dalam desa
daripada henderek lagi biasa
kepada rajanya berbuat jasa."

Inilah 3 suratan tempatan sebagai contoh dan teladan dalam perkhidmatan awam dari segi kepegawaian dan syarat-syarat lantikan.

BERSAMBUNG

MIB SEBAGAI LANDASAN CARA HIDUP

MELAYU Islam Beraja (MIB) yang menjadi pegangan kita sebagai konsep kenegaraan selama ini sudah terbukti mendatangkan kebaikan dan manfaat yang tidak ternilai bagi kita. Justeru itu kita perlu merancang, memikirkan dengan lebih mendalam serta mengembangkannya lagi khasnya dari segi cara-cara amali bagi memperkukuh MIB itu sebagai landasan cara hidup kita di Negara Brunei Darussalam. Untuk itu kami hidangkan makalah ini untuk kita manfaatkan bersama saranan-saranan dan pandangan-pandangan mengenainya. Makalah ini asalnya adalah sebuah kertas kerja yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam dalam Seminar Melayu Islam Beraja Untuk Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dari 30 Julai hingga September 1994 anjuran Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam. — Pengarang.

Tanggungjawab Pegawai

DARI sudut agama, adapun tugas dan tanggungjawab wakil raja, pembantu raja dan semua orang yang menjalankan tugas kerajaan, maka Syeikh Tajuddin Abdul Wahab As-Subki menyatakan seperti berikut :-

"Kewajipan-kewajipan wakil-wakil raja, iaitu pegawai-pegawai yang menjaga jajahan dan daerah yang menjadi wakil raja pada menjalankan kerja-kerja negeri dalam satu-satu jajahan di antara kewajipan mereka itu adalah seperti berikut :-

1. Hendaklah mereka menyembahkan kepada raja mengenai sesuatu perintah raja yang pada fikirannya berlawanan dengan sesuatu maslahat (kepentingan Islam dan umat Islam) :-

2. Hendaklah mereka memerhati hal ehwal rakyat, sama ada peringkat bawah dan atas, yang mulia dan yang hina, yang kaya dan yang fakir, dan melihat kampung-kampung dan desa-desa dan melihat hasil-hasil dan lain-lain seumpama itu.

3. Hendaklah mereka menyampaikan segala hak kepada yang punya hak; kepada orang atas, orang bawah dan orang-orang pertengahan.

4. Mengisikan jawatan-jawatan dengan orang-orang yang layak.

5. Jika wakil raja atau pegawai-pegawai itu mengatakan bahawa mereka tiada masa yang mengizinkan untuk berbuat begitu, maka kita berkata kepadanya dan kepada orang lain, "kamu dikehendaki membuat tiap-tiap sesuatu yang diperintahkan kepada kamu membuatnya, dengan sekadar yang terdaya oleh kamu dan wajiblah di atas kamu bersungguh-sungguh dan berusaha dan Allah akan menolong kamu."

6. Hendaklah mereka mengembalikan hukum-hukum kepada syarak, kerana tiadalah ada hakim melainkan Allah Taala jua. Dan akal manusia tidak dapat berbuat sesuatu.

7. Apabila kamu melihat orang yang suka mencacat pegawai atau wakil raja yang cenderung kepada agama dan dengan sebab itu ia menjadi lembik dan lemah, maka hendaklah kamu ketahui bahawa ia (pencacat itu) ditakuti termasuk ke dalam golongan yang berhati batu, telah dicapkan oleh Allah dengan kejahatan, tidak akan menerima kebaikan, dan kesudahan pencacat-pencacat itu amatlah buruk. Bahkan wajib di atas tiap-tiap orang Islam reda akan hukum Allah Taala, dan menerimanya dengan tenang. Dan barang siapa tiada membuat hukuman dengan menurut apa yang telah diturunkan oleh Allah Taala, maka orang itu fasiq atau zalim atau kafir.

8. Mereka hendaklah menolak kejahatan ahli bidaah (orang yang membuat perkara yang berlawanan dengan ajaran-ajaran agama dan Ahli Sunnah Wal-Jamaah), dan kejahatan orang-orang yang mengikut pendapat orang-orang yang bukan Islam yang berlawanan dengan Islam. Hendaklah mereka berusaha bagi membasmi kejahatan dan fitnah yang dilakukan ke atas orang-orang Islam itu, dan janganlah mereka sabar dalam perkara agama apabila mereka mendengar orang memaki atau hamun akan Khalifah-khalifah Sayidina Abu Bakar atau Sayidina Omar, dan apabila mereka melihat orang-orang yang merosak ajaran-ajaran Islam, dan akidah orang-orang Islam, bahkan wajib mereka berlaku keras ke atas mereka itu menurut hukum-hukum yang terdapat dalam mazhab-mazhab Islam.

9. Mengawal perkara orang-orang jahat seperti perompak, pengganas, penyamun dan lain-lain. Hendaklah mengambil tindakan yang keras ke atas mereka kerana menjaga maslahat, bukan mengikut suka-suka dan mencari nama dan suka membalas dendam, kerana berbuat suka-suka dan suka membalas dendam itu adalah suatu perkara gila.

10. Hendaklah mereka itu memerhatikan gerak-geri setiausaha-setiausaha dan penolong-penolong mereka yang rapat, kerana banyak kerosakan datang dari pihak mereka dalam keadaan wakil-wakil raja itu lalai akan kelakuan setiausaha-setiausaha dan penolong-penolong mereka. Maka hendaklah mereka berjaga-jaga dari perkara setiausaha-setiausaha itu, bahkan hendaklah mereka mencari keterangan dan latar belakang daripada kawan-kawan dan pengiring-pengiring yang baik dan jujur. Kerana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud:-

"Tiap-tiap raja atau pegawai-pegawai raja itu ada mempunyai dua jenis penasihat, satu jenis penasihat menyuruh berbuat baik dan menggalakkan raja kepadanya, dan satu penasihat yang lain menyuruh raja berbuat jahat dan menggalakkan raja padanya."

Sikap pegawai-pegawai

Mengenai dengan sikap pegawai-pegawai, Syair Rakis ada mencatatkan ingatan seperti berikut :-

"Dagang asmara fikiran sendiri



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

hairan memandang di dalam negeri
syarak dan resam kian terdiri
masing-masing olah jauhari.

Hairanku handai melihat tukang
unggas nuri menjadi kukang
gunung berkisar padang berlenggang
pipit pun sudah menjadi enggang.

Nampaknya pengarang Syair Rakis sangat runsing memikirkan sesuatu yang akan menimpa Negara Brunei Darussalam dan rakyatnya pada masa akan datang; kerana keadaan pada masa itu, yang mana syarak dan adat beranasur-ansur tidak diambil perhatian berat, sebab pembesar-pembesar yang bertanggungjawab terpengaruh orang fahaman asing, dan keimanan mereka terhadap ajaran Allah pun terlalu nipis. Kalau perkara ini tidak diawasi maka mungkin syarak dan adat itu akan jadi sebut-sebutan sahaja, kerana mereka itu masing-masing dengan olahnya.

Kebijaksanaan orang asing dalam mempermainkan syarak dan adat itu adalah melalui orang-orang Brunei yang berlagak seperti orang yang berpengetahuan atau orang yang boleh dijadikan alat, kerana mereka itu kurang mengetahui hukum-hukum Islam dan adat istiadat, mereka dengan mudah sahaja tunduk mengalah kepada orang yang pandai-pandai itu.

Pengarang Syair Rakis menelaah bahawa pada masa akan datang orang-orang yang pandai akan lebih berkuasa dan lebih baik penghidupannya. Orang-orang yang dahulunya berkuasa pula akan terhad kuasanya jika mereka tidak berusaha dan mereka akan tunduk pula kepada orang yang lebih berkuasa itu. Kepintaran dan kepandaian boleh menggoncangkan pemikiran orang lain dan menimbulkan kegemparan. Pada masa itu orang yang dianggap rendah tarafnya akan bertukar corak, dan kedudukannya.

Garis Pandu Pentadbiran

Pengarang Syair Rakis selanjutnya membuat perbandingan kepada Negeri Sambas, beliau menulis :

"Negeri Sambas terlalu aman
rajanya budak lagi budiman
serta wazir menteri sekalian
laksana bunga kembang ketaman.

Negeri kecil orangnya banyak
empat perkara rundingan bijak
empat perkara lawan bertolak
memeliharakan orang yang banyak.

Pertama jangan memakai tegahan
kedua jangan bersalah-salahan
ketiga muafakat serta sekalian
keempat mesyuarat membicarakan."

Pengarang itu membandingkan keluasan Negeri Sambas yang dianggap kecil dengan keluasan Negara Brunei yang berganda-ganda luasnya, tetapi masa itu rakyat Negeri Sambas lebih ramai dari rakyat Brunei. Menurut pendapat beliau, kelebihan itu disebabkan oleh Negeri Sambas mempunyai banyak orang bijak pandai, orang bijka itu ialah orang-orang yang menolak segala tegahan Tuhan dan memeliharakepentingan orang ramai. Kesimpulan dari tafsiran itu mengandungi empat perkara :

i. Pertama, menjauhi segala yang ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala sepertimana yang disebutkan dalam Al-Quran dan hadis dan hadis atau kitab-kitab.

ii. Kedua, menjauhi diri dari bersalah-salah fahaman antara satu sama lain, terutama sekali di kalangan pembesar-pembesar negara kerana bersalah-salahan itu memberikan peluang kepada orang-orang yang hendak merosakkan negeri mencelah masuk.

iii. Ketiga, segala rakyat bermuafakat menjadi satu, baik dalam hal pemikiran, fahaman dan cita-cita.

iv. Keempat, segala sesuatu yang hendak diputuskan hendaklah dibawa ke dalam permesyuaratan, supaya sesuatu yang tidak sesuai dapat diperbaiki bersama-sama dan sesuatu kesimpulan yang akan ditetapkan dapat ditapis dengan sehalus-halusnya.

Panduan

Selanjutnya pengarang Syair Rakis mengemukakan fatwa yang mengandungi empat perkara untuk dijadikan panduan dan amalan, perkara-perkara itu boleh dipelajari dalam sekolah atau di mana-mana tempat pengajian, insya-Allah dengan fatwa itu masalah yang dihadapi akan dapat diselesaikan beliau bermadah :

"Pertama "kepala" yang bangsawan
kedua "mulut" yang dermawan
ketiga "kedudukan" yang hartawan
keempat "hati" yang setiawan."

Menurut Pehin Dato (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri bahawa fatwa yang empat itu ialah :

i. Pertama, kepala yang bangsawan, yang bermaksud bahawa tiap-tiap orang yang menjadi ketua itu bernilai tinggi, baik dari segi ilmu pengetahuannya, pemikirannya, ataupun akhlaknya dan walih daripada orang lain.

ii. Kedua, mulut yang dermawan, yang bermaksud tutur kata orang itu ringan atau suka ramah mesra atau suka memberikan sesuatu pertolongan kepada orang lain.

iii. Ketiga, kedudukan yang hartawan yang bermaksud dapat menjadi tempat bersandar bagi orang ramai, terutama orang susah, di samping itu sentiasa berhati-hati dalam membelanjakan harta, tidak boros dan tidak pula karit dan sentiasa pula berusaha untuk mendapatkan harta yang halal sebanyak-banyaknya supaya dapat menemui kehendak-kehendak pembiayaan yang diperlukan.

iv. Keempat, hati yang setiawan, yang bermaksud sesuatu yang dibuat adalah semata-mata kerana Allah, tidak menyeleweng dari hukum-

LIHAT MUKA 13

KEBIJAKSANAAN orang asing dalam mempermainkan syarak dan adat itu adalah melalui orang-orang Brunei yang berlagak seperti orang yang berpengetahuan atau orang yang boleh dijadikan alat, kerana mereka itu kurang mengetahui hukum-hukum Islam dan adat istiadat, mereka dengan mudah sahaja tunduk mengalah kepada orang yang pandai-pandai itu.

DARI MUKA 12

MIB SEBAGAI LANDASAN CARA HIDUP

hukum yang telah ditentukan. Oleh kerana punca kesetiaan ini dari hati, maka hati manusia perlu dipelihara untuk mengelakkan timbulnya sesuatu kekecewaan, kerana kalau hati rosak binasa sukar untuk membaikinya. Pemeliharaan terhadap hati ini memerlukan latihan-latihan dan pimpinan yang bersesuaian supaya hati itu sentiasa terpelihara.

Perubahan

Pengarang Syair Rakis mempunyai pandangan yang jauh, sungguhpun beliau berpegang kepada adat dan tradisi, tetapi beliau menggunakan pengalaman dan pandangan orang untuk dijadikan pengajaran, beliau memerhatikan perubahan-perubahan, kerana tanpa perubahan, hidup akan menjadi beku, maka keadaan hidup hendaklah disesuaikan dengan perubahan dengan syarat perubahan itu tidak melanggar ajaran-ajaran syarak, beliau bermadah :

"Hendaklah ingat karangan baharu
kitani jangan lagi keliru
jangan dipakai adat dahulu
tatkala masa betara guru".

Menurut Pehin Dato (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, bahawa rancangan baru, peraturan baru, pengajian baru yang sentiasa tumbuh untuk mengambil alih peraturan lama adalah berlainan daripada keadaan yang lama. Maka perkara ini perlu difahamkan sedalam-dalamnya, supaya orang Brunei jangan jadi keliru, perubahan itu hendaklah dipelajari atau dikaji untuk dijadikan alat bagi mengatasi sesuatu masalah yang ditempuhi. Beliau mengingatkan juga supaya orang Brunei jangan seterusnya memakai dengan keadaan masa dan peredaran zaman. Kalau penyesuaian ini tidak diambil berat atau ditangguh-tangguhkan, maka dikhuatirkan orang Brunei sendiri akan ketinggalan dari asas perubahan dan kemajuan. Apabila bangsa lain yang diam di Brunei ini terus maju dan berkuku di negeri ini sudah tentu sukar bagi orang Brunei menguyungnya.

Landasan Yang Kukuh

Bagi menghadapi masa depan yang penuh dengan cabaran dan ancaman, kita memerlukan landasan yang kukuh, usaha-usaha hendaklah dibuat bagi mengukuhkan cara hidup yang berlandaskan MIB itu.

BERAJA

Bagi mengukuhkan sistem beraja di antara lain ada 5 perkara yang perlu diperhatikan :

1. Kefahaman mengenai konsep raja menurut istilah politik Islam, iaitu raja sebagai khalifah, sultan dan imam.

2. Raja adalah contoh yang baik, "uswatun hasanah" kepada rakyatnya.

3. Raja adalah adil, tempat bernaung dan berlindung.

4. Raja adalah mengawal agama dan agama punca kekuatan raja.

5. Adanya pembantu-pembantu raja yang baik lagi jujur.

Untuk mendekati kelima-lima perkara di atas, akan dibawakan hadis-hadis dan pendapat-pendapat yang boleh dijadikan renungan:-

i. Menurut Dr. Siddiq Fadil bahawa Islam dan revolusi budayanya telah membawa perubahan ideologikal yang cukup mendasar dalam ketatanegaraan Melayu. Dalam hubungan ini konsep raja telah mengalami transformasi makna perubahan konseptual apabila istilah raja itu dirujuk dan dipadankan dengan peristilahan politik Islam seperti khalifah, sultan dan imam. Sebagaimana yang disebut oleh Raja Ali Haji dalam Thamarat Al-Mahammahnya bahawa raja boleh diertikan sebagai khalifah yang membawa makna pengganti dan pelanjut pemerintahan nabawi yang berlandaskan Al-Quran, Al-Hadis dan Al-Ijmak. Boleh juga diertikan sebagai sultan yang membawa makna penguatkuasa keadilan hukum yang bersumberkan ajaran Allah dan Rasul-Nya. Seterusnya boleh pula diertikan sebagai imam yang membawa maksud kepimpinan dan keteladanan.

ii. Syeikh Ismail bin Mohammad Al-Jarahi membawakan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berserta dengan pendapat-pendapat beberapa ulama mengenai raja adalah dipetik seperti berikut, hadis tersebut yang bermaksud : **"Orang ramai adalah mengikut agama raja mereka."**

Menurut Syeikh An-Najm : "Saya berpendapat, bahawa yang paling jelas dan terang akan makna hadis di atas, ialah bahawa orang ramai akan cenderung kepada keinginan sultan, jikalau sultan inginkan sesuatu jenis ilmu, orang ramai juga akan cenderung kepada ilmu itu, atau mana-mana jenis ilmu sastera dan perubatan, seperti ilmu kepandaian menaiki kuda, ilmu memanah, orang ramai juga akan beralih kepada ilmu ini."

Kemudian Syeikh An-Najm berkata : "Yang lebih jelas lagi maknanya ialah perkataan Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang berbunyi : "Bahawasanya sultan itu umpama pasar, maka apa-apa (jenis barang) yang laris padanya, (maka jenis barang itulah yang) akan dibawa kepadanya".

Syeikh As-Sakhawi menyalin dari Kitab "Tsalits Al-Mujalasah" bahawa Sayidina Umar bin Al-Khattab apabila didatangkan kepadanya mahkota Maharaja Parsi bersama gelang-gelangnya, baginda membalik-baliknya dengan kayu yang ada di tangannya, lalu berkata : "Demi Allah, sesungguhnya orang yang membawa ini adalah orang kepercayaan." Seorang yang hadir berkata, "Wahai Amiril Mukminin, Tuan adalah orang kepercayaan Allah, mereka membawa kepada tuan apa yang tuan tunaikan kepada Allah, maka jika tuan khianat, mereka juga akan khianat."

Tersebut dalam kitab Mafakhir Al-Muluk, berkata Al-Qasim bin Muhkhaimirah : "Sesungguhnya keadaan zaman kamu dicorakkan oleh keadaan sultan kamu. Apabila sultan kamu baik, maka baiklah zaman kamu. Dan apabila rosak sultan kamu maka rosaklah zaman kamu."

Syeikh Al-Baihaqi meriwayatkan daripada Kaab Al-Ahbar yang berbunyi : "Sesungguhnya bagi setiap zaman itu ada raja yang dibangkitkan Allah ke atas hati para manusia zaman itu, maka apabila Allah menghendaki kebajikan untuk mereka, Allah akan membangkitkannya sebagai pembawa kebajikan, dan apabila Allah bertujuan untuk membinasakan mereka, Allah akan membangkitkan orang-orang mewah dari kalangan mereka."

Menurut sebuah hadis Marfu' yang disebutkan At-Tabarani dalam kitab Al-Kabir dan Al-Ausat daripada Abi Umamah yang berbunyi : "Jangan kamu cerca para pemimpin, hendaklah kamu doakan mereka dengan perkara kebajikan kerana baiknya mereka itu adalah kebaikan kamu juga."

iii. Al-Imam Assuyuti meriwayatkan sebuah hadis daripada Ibnu Umar yang bermaksud : Sultan itu adalah naungan Allah di bumi, setiap orang yang teraniaya dari hambanya, akan berlindung kepadanya, maka jikalau raja itu adil, adalah baginya ganjaran pahala dan rakyat hendaklah bersyukur, Dan jikalau ia curang atau tidak adil atau menganiaya, adalah ke atasnya dosa dan rakyat hendaknya bersabar. Dan apabila para pemimpin berbuat dosa, hujan tidak akan turun. Dan apabila zakat tidak dikeluarkan, binatang ternak akan binasa. Dan apabila zina sudah merebak, kepapaan dan kemiskinan akan muncul. Dan apabila dibatalkan perjanjian akan mendapat bantuanlah orang kafir.

iv. Al-Imam Ghazali memberikan pendapatnya mengenai raja dan agama seperti maksud berikut : Dunia itu adalah tempat bercucuk tanam bagi akhirat, maka tidaklah sempurna agama itu melainkan dengan adanya dunia. Raja dan agama adalah umpama dua anak kembar, agama itu adalah asal dan akar umbi, dan raja itu pula ialah pengawal. Sesuatu yang tidak mempunyai asal dan akar umbi pasti akan roboh dan sesuatu yang tidak mempunyai pengawal pasti akan hilang. Kerajaan dan kepastian hukum tidak akan sempurna melainkan dengan adanya sultan. Dan jalan kepastian hukum untuk menyelesaikan perkara-perkara pemerintahan adalah dengan ilmu fikah.

v. Dalam menjalankan tugasnya, raja itu memerlukan pembantu-pembantu yang baik lagi jujur, perkara ini ada tersebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Sayidina Aishah yang bermaksud : "Apabila Allah menghendaki kebajikan dengan seseorang raja, Allah menjadikan untuknya menteri yang jujur, jikalau raja itu lupa, menteri itu akan memberi ingat, dan jika raja ingat, menteri itu akan membantunya. Dan apabila Allah menghendaki yang sebaliknya pula dengan raja, Allah jadikan untuknya menteri yang jahat; jikalau raja lupa, menteri itu tidak memberi ingat, jikalau raja ingat, menteri itu tidak membantunya."

vi. Raja itu mempunyai kedudukan yang tertentu di sisi Allah, ini dapat diperhatikan daripada sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Said yang bermaksud : "Manusia yang paling dikasihi Allah dan yang paling dekat dengan Allah pada Hari Kiamat ialah : Ketua negara yang adil, dan manusia yang paling dimurkai Allah pada Hari Kiamat dan yang paling dahsyat seksanya, ialah ketua negara yang zalim."

MELAYU

Bagi kelanjutan hidup Melayu Brunei yang dihormati dan bermaruah di antara lain ada 4 perkara yang mustahak diperhatikan :

1. Kemelayuan Brunei hendaklah menjadi budaya yang diamalkan, ia tergambar dalam akhlak, pakaian, cara bergaul, cara berfikir dan cara bertindak.

2. Jangan meniru-niru cara orang dengan membuta tuli, dan melebih-lebihkannya.

3. Mengukuhkan kedudukan ekonomi orang-orang Melayu Brunei.

4. Orang-orang Melayu Brunei hendaklah menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepandaian dalam bidang-bidang kehidupan, sebagai pengeluar, pemberi khidmat dan pengusaha.

Untuk mendekati perkara-perkara tersebut saya ingin mengemukakan beberapa petikan yang boleh menjadi bahan berfikir :-

i. Saya ingin memetik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti berikut :

Sebagai bangsa Melayu, kewajipan kita ialah memelayukan segala tingkah-laku dan perangai kita, penuh dengan sopan santun, hormat-menghormati, kasih sayang terhadap kanak-kanak, belas kasihan kepada orang-orang lemah dan orang-orang tua. Kemudian dari sifat-sifat kemelayuan Brunei itu, tergambar atau terpapar pula pada pakaiannya, pada cara bergaulnya, cara berfikir dan bertindaknya. Jangan kita lebih-lebihkan memakai cara orang, bergaul cara orang, berfikir dan bertindak cara orang. Kerana keempat-empat unsur ini apabila sudah melebihi cara orang itu, nanti Brunei bukan lagi Brunei. Inilah yang kita tidak mahu.

ii. Kekuatan sesuatu bangsa di antara lain didukung oleh kekuatan ekonominya. Dalam hal ini saya ingin membuat perbandingan dengan meninjau keadaan di Semenanjung Tanah Melayu (sebelum ia menjadi Malaysia) berdasarkan tulisan S. Husin Ali yang saya petik seperti berikut :

a. Di kampung-kampung orang-orang Melayu melihat orang-orang Cina yang menjadi tauke, dan orang-orang India yang menjadi pemberi hutang, lebih senang hidupnya, dan sering pula dianggap sebagai mencabar hidup setengah-setengah orang kampung itu. Di bandar-bandar, orang Melayu yang diam di sana sebagai pegawai-pegawai pertengahan atau bawahan, melihat juga orang-orang keturunan Cina, India dan juga Arab telah membolot sebahagian besar dari ekonomi negeri.

b. Syarikat-syarikat yang dimiliki atau dikuasai oleh Inggeris telah dilancarkan untuk mengendalikan ladang-ladang getah, lombong-lombong bijih dan gedung-gedung perniagaan. Modal Inggeris di sini bertambah dengan cepatnya, hingga berjumlah kira-kira $1,680 juta pada sekitar tahun 1920-an, dan lebih kurang separuh daripadanya tertanam dalam perladangan getah (H.G. Callist, 1942). Perkembangan perladangan, perlombongan dan perdagangan ini memperkuatkan asas-asas sistem ekonomi kapitalis di negeri ini. Sistem ini telah meluas perlahan-lahan. Penyertaan ketiga-tiga jenis perusahaan yang dibolot secara besar-besaran oleh Inggeris memang diketahui mendatangkan keuntungan besar, apatah lagi kerana getah dan bijih timah sangat-sangat dikehendaki dalam pasaran dunia; perusahaan ini telah menarik orang-orang dan syarikat-syarikat Cina dan India untuk turut menyertainya; tetapi oleh kerana modal mereka terhad tentulah penyertaan mereka terbatas juga.

LIHAT MUKA 14

SEBAGAI bangsa Melayu, kewajipan kita ialah memelayukan segala tingkah-laku dan perangai kita, penuh dengan sopan santun, hormat-menghormati, kasih sayang terhadap kanak-kanak, belas kasihan kepada orang-orang lemah dan orang-orang tua. Kemudian dari sifat-sifat kemelayuan Brunei itu, tergambar atau terpapar pula pada pakaiannya, pada cara bergaulnya, cara berfikir dan bertindaknya.

DARI MUKA 13

MIB SEBAGAI LANDASAN CARA HIDUP

"... UMAT Islam, terutama kita di Brunei ini, mestilah berjaga-jaga daripada sebarang ajaran yang boleh memesongkan akidah kita, iaitu akidah yang telah kita pegang sekian lamanya daripada aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Hanya ini sahaja yang akan dipegang dengan menolak sebarang bentuk kurafat atau bidaah yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Al-Quran dan As-Sunnah."

c. Dalam perdagangan pula, terutama di pusat-pusat bandaran yang mulai timbul dengan cepat, syarikat-syarikat atau lebih tepat kedai-kedai menjalankan perniagaan barang-barang yang diperlukan oleh anggota-anggota masyarakat. Kebanyakan kedai-kedai dan syarikat-syarikat kecil ini dipunyai dan dikelolakan oleh orang-orang Cina dan India juga. Penyertaan orang Melayu dalam perladangan dan perniagaan ini, walaupun secara sederhana dan kecil-kecilan saja, boleh dikatakan hampir tiada. Ada dua sebab maka hal ini berlaku. Pertama orang-orang Melayu kebanyakannya diam di kampung-kampung dan terikat kepada pertanian kecil secara tradisional. Mereka bukan saja tidak mempunyai modal, bahkan tidak punyai kepandaian untuk berniaga. Kehidupan di kampung memenuhi segala keperluan mereka. Tetapi sebaliknya orang-orang Cina dan India merupakan peneroka yang meninggalkan kampung halaman untuk mencari rezeki yang lebih, dan mereka akan mencuba apa saja kegiatan yang boleh mendatangkan banyak rezeki dan cepat. Keduanya, ada di antara bakal-bakal peniaga Cina menjadi anggota-anggota pertubuhan suku atau 'sei' masing-masing, yang selalu bersedia untuk memberi pinjaman atau bantuan modal kepada anggota-anggotanya bagi memulakan perniagaan. Akan tetapi kemudahan modal seumpama ini tidak terdapat di kalangan orang Melayu.

d. Memang sudah diakui bahawa kemiskinan merupakan satu masalah yang besar dalam negeri ini. Berdasarkan laporan kerajaan sendiri, pada tahun 1970 di seluruh Semenanjung ini didapati bahawa daripada 1,606,000 keluarga sebanyak 791,800 adalah miskin : ertinya kadar kemiskinan ialah 49.3 peratus. Mengikut anggaran bagi tahun 1975 pula jumlahnya ialah 835,100 daripada 1,901,500 atau kadar kemiskinannya ialah 43.0 peratus. Berdasarkan angka-angka bagi tahun 1975 saja, didapati bahawa daripada semua 835,100 keluarga yang miskin itu 729,900 (atau 87.4 peratus) adalah di kampung-kampung. Nyatalah dari semua ini bahawa kemiskinan paling meluas sekali di kampung-kampung. Bila kita memperkatakan kemiskinan kampung, maka yang dimaksudkan terutamanya ialah kemiskinan orang Melayu, kerana sebahagian besar daripada orang-orang kampung (kira-kira 67 peratus) terdiri daripada orang Melayu. Sebanyak 74 peratus dari semua orang miskin di Semenanjung adalah orang-orang Melayu, dan 65 peratus daripada semua orang Melayu adalah miskin. Ini tidak pula menafikan wujudnya orang-orang bukan Melayu di kampung dan ada juga di antara mereka yang miskin.

iii. Bagaimana kedudukan ekonomi orang-orang Melayu Brunei di tanahairnya sendiri? Kita memerlukan perangkaan dan statistik yang jitu dalam hal ini, daripadanya dapatlah ahli-ahli ekonomi kita menganalisa dan membuat rancangan-rancangan untuk kepentingan orang-orang Melayu Brunei demi kelanjutan hidup mereka yang terhormat dan bermaruah.

iv. Orang-orang Melayu Brunei hendaklah menyedari akan pentingnya ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepandaian. Mereka hendaklah menguasai ilmu di bidang-bidang kehidupan, mereka hendaklah menjadi pengeluar dan pemberi khidmat serta pengusaha, bukan hanya sebagai pengguna. Jika tidak, akibatnya tentulah akan mengecewakan kita sendiri.

ISLAM

Untuk mengukuhkan Islam di Brunei, di antara lain ada 6 perkara yang mustahak diperhatikan :

1. Pegawai-pegawai kerajaan sebagai wakil pihak raja hendaklah menjaga muslihat Negara Brunei, orang-orang Islam Brunei dan agama Islam.

2. Raja adalah lambang perpaduan umat Islam di Brunei maka berkembangnya agama Islam di Brunei menguatkan kedudukan raja.

3. Memelihara akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan menjauhkan diri dari menghalang akidah yang bertentangan dengannya.

4. Mempertingkatkan penerangan agama Islam melalui berbagai-bagai saluran.

5. Memesatkan dakwah, secara lebih jelas, lebih kuat dan lebih tajam.

6. Mengukuhkan peranan pendidikan Islam, dan institusi-institusi Islam bagi menjamin kemurnian dan keberkesanan ajaran-ajaran Islam.

Maka untuk mendekati perkara-perkara itu, saya ingin membuat petikan-petikan seperti berikut :

i. Menurut Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Umar Abdul Aziz bahawa "Pegawai-pegawai kerajaan adalah menjadi wakil bagi pihak raja bagi menjaga muslihat Negeri Brunei, orang Islam Brunei dan agama Islam.

Menjaga muslihat negeri dan orang Islam dan agama Islam tidaklah dapat diabaikan atau dipermudahkan kerana dengan diabaikan atau dipermudahkan sama ada dengan cara langsung atau tiada langsung, akan melemahkan agama Islam dan orang Islam dalam Negeri Brunei.

Kiranya dibiarkan orang bukan Islam mengembangkan agama kufur dengan hujah-hujah kebebasan beragama, adalah salah di sisi perlembagaan, kerana perlembagaan membenarkan orang bukan Islam beragama dengan agama mereka, bukan mengembangkan agama kufur itu kepada orang kafir atau kepada orang Islam.

Islam tiada membenarkan orang bukan Islam mengembang agama kufur kepada orang bukan Islam atau kepada orang Islam, kerana kufur itu memang salah dan batil dan dosa pada pandangan Islam.

Segala agama Allah yang dibawa oleh rasul-rasul sebelum agama Islam semuanya agama Allah itu membatalkan kufur dan menyeru pada mengesakan Allah Taala.

Dengan berkembang agama Islam di antara penduduk Brunei, maka menguatkan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan "Aiiyada Hullahu Taala", sebagai lambang perpaduan umat Islam dalam Negeri Brunei dan dengannya satu fahaman di antara rakyat Brunei dan ada satu matlamat di antara mereka, maka umat Brunei akan sentiasa teguh dan kuat. Dan dengan ada berbagai-bagai fahaman agama dalam Negeri Brunei dan banyak bilangan orang yang bukan Islam akan melemahkan kedudukan raja sebagai lambang perpaduan dan kekuatan Islam.

ii. Sekarang saya ingin membuat petikan sebahagian daripada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam :

a. "....umat Islam, terutama kita di Brunei ini, mestilah berjaga-jaga daripada sebarang ajaran yang boleh memesongkan akidah kita, iaitu akidah yang telah kita pegang sekian lamanya daripada aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Hanya ini sahaja yang akan dipegang, dengan menolak sebarang bentuk khurafat atau bidaah yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Al-Quran dan As-Sunnah."

b. "Kita amatlah mengambil berat berita-berita yang sering tersiar di akhbar-akhbar tertentu, mengenai tersebarnya ajaran-ajaran salah di beberapa bahagian rantau kita ini.

Beta berpendapat, satu cara untuk membanterasnya, selain daripada mengadakan peraturan dan arahan, ataupun menguatkuasa sebarang peruntukan daripada akta-akta yang berkaitan, maka juga mustahak dipertingkatkan ialah penerangan-penerangan melalui berbagai cara, seperti melaui khutbah-khutbah, ceramah-ceramah, seminar dan termasuk juga tulisan-tulisan dalam bentuk risalah atau buku."

c. ".... sifat dakwah juga perlulah lebih jelas dan lebih kuat, serta lebih tajam bagi mempengaruhi pendirian umum. Sehingga apa yang disampaikan itu nanti tidaklah sia-sia, malahan berhasil sebagai wadah pembentuk akhlak ummah."

iii. Menurut Banci Penduduk 1991, bahawa dalam tahun 1991 seramai 175,000 orang iaitu melebihi dua pertiga daripada jumlah 260,000 penduduk orang adalah beragama Islam. Dalam tempoh antara banci kadar pertumbuhan purata tahunan orang-orang Islam adalah lebih tinggi dari kadar pertumbuhan penduduk. Dalam tahun 1991, terdapat lebih besar bilangan dan perkadaran bangsa-bangsa Dusun, Murut, puak asli lain dan Cina yang beragama Islam jika dibandingkan dengan tahun 1981. Kira-kira 13 peratus daripada jumlah penduduk negara adalah beragama Buddha, 10 peratus beragama Kristian dan 10 peratus penganut lain-lain agama atau tidak beragama.

iv. Untuk mengukuhkan landasan dalam bidang ini peranan pendidikan Islam serta institusi-institusi Islam mustahaklah dikemas dan diperkukuh supaya ia berkesan dalam memainkan peranannya sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna di Negara Brunei Darussalam.

Orang Luar

Yang dimaksudkan dengan orang luar ini ialah orang yang bukan rakyat, menurut pemerintahan tradisi Brunei bahawasanya kepentingan orang luar itu adalah dipeduli oleh raja sehingga wujud dalam susunan pentadbiran tradisi Brunei menurut adat istiadat diraja, apa yang dinamakan sebagai "Menteri Dagang" (orang luar). Pada zaman dahulu tiga orang "Menteri Dagang" dilantik seperti berikut :

i. Pehin Datu Temenggung :

a. Menjadi ketua yang tertinggi bagi pihak orang-orang Cina Brunei.

b. Menjadi wakil sultan untuk menjaga hal ehwal orang-orang Cina yang tinggal di Brunei.

ii. Pehin Kapitan Cina :

a. Menjadi pengawas keamanan orang-orang Cina yang tinggal di Brunei.

b. Menjadi pembantu kepada Pehin Datu Temenggung.

iii. Pehin Datu Saudagar :

a. Menjadi ketua bagi orang-orang keling yang tinggal di Brunei.

b. Menjadi wakil sultan untuk menjaga hal ehwal orang keling yang tinggal di Brunei.

Dengan kenyataan di atas dapatlah diambil kesimpulan bahawa Brunei Darussalam adalah memeduli kepentingan orang luar yang ingin dengan ikhlasnya turut berhidup di negara ini.

Panduan Hidup

Seorang sarjana Melayu, Profesor Dr. Mohd. Taib Osman membuat ulasan mengenai konsep Melayu Islam Beraja ini seperti berikut :

a. Di Brunei ini, gagasan seperti Islam Melayu Beraja merupakan satu wawasan seperti juga wawasan 2020 di Malaysia. Gagasan Islam Melayu Beraja ini memberi satu panduan hidup sosial yang berlandaskan sejarah sosial negara Brunei sendiri dan memberi asas kepada masyarakat Negara Brunei yang merdeka lagi berdaulat. Selain daripada faktor Islam dan faktor Melayu, soal beraja merupakan faktor yang maha penting bagi menjamin kesejahteraan Melayu Brunei. Pentingnya itu ialah pendidikan, bukan sahaja bermakna pendidikan dari segi menyediakan tenaga kerja semata-mata tetapi melalui konsep Islam Melayu Beraja, pendidikan memainkan peranannya dalam memberi asas pengetahuan sosial untuk hidup sebagai sebuah masyarakat yang utuh.

b. Faktor kesinambungan yang maha penting ialah agama Islam. Wawasan Melayu Islam Beraja yang berada di Brunei sangat tepat. Dengan menekankan Islam dahulu kita menjamin bahawa nilai-nilai hidup kita akan terjamin dan nilai hidup yang kita perlukan dalam masa kita mengejar sains dan teknologi atau pendidikan pengurusan akan tetap utuh. Maka itu agama merupakan pegangan dalam hidup kita yang membolehkan kita menangani masalah-masalah yang akan datang dengan tenteram lagi mantap.

c. Kita tidak dapat lari dari ilmu pengetahuan bercorak sains dan teknologi, dan kita hendaklah menguasai bidang ekonomi dan perdagangan antarabangsa.

Di harap makalah ini akan membantu dalam mendekati tajuk yang dibincangkan khasnya mengajak para peserta seminar untuk memikirkan dengan lebih mendalam lagi khasnya dari segi cara-cara amali bagi memperkukuhkan MIB itu sebagai landasan cara hidup kita di Brunei ini.

SEMINAR MELAYU ISLAM BERAJA

PERLAKSANAAN DASAR NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA



MUKADIMAH

FALSAFAH Melayu Islam Beraja (MIB) yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984 itu memang telah diamalkan terus-menerus oleh sultan-sultan Brunei sejak Negara Brunei Darussalam menjadi negara Islam dan mengamalkan ajaran Islam untuk dijadikan dasar negara. Dengan kata lain MIB itu bukanlah satu dasar yang baru bagi Negara Brunei Darussalam, hanya cahayanya yang kabur itu perlu digosok dan digilap supaya kelihatan cemerlang.

Demikian antara lain pandangan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja' dalam Seminar Melayu Islam Beraja anjuran bersama Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dari 30 Julai hingga September 1994.

KONSEP Melayu Islam Beraja (MIB) yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 1 Januari, 1984 itu memang telah diamalkan terus-menerus oleh sultan-sultan Brunei sejak Negara Brunei Darussalam menjadi negara Islam dan mengamalkan ajaran Islam untuk dijadikan dasar negara. Sebelum itu dasar yang diamalkan ialah negara Melayu Beraja. Setelah Perjanjian Brunei-British ditandatangani pada tahun 1906, dasar tersebut masih diiktiraf oleh pihak British, tetapi tanpa disedari konsep itu dipengaruhi dengan idea sekularisme yang diresapkan secara beransur-ansur ke dalam peraturan kerajaan sehingga kedudukan dasar itu menjadi kabur.

Walaupun isi perjanjian Kerajaan Brunei-Kerajaan British tahun 1906 itu tidak mencampuri bidang agama Islam, namun melalui penyusunan undang-undang pihak British telah menyelitkan juga perkara yang berlawanan dengan hukum syarak. Dengan sebab kebijaksanaan penyalurannya, tanpa disedari maksud yang berlawanan dengan perjanjian yang telah dimeteraikan itu tidak kelihatan. Apabila penyelewengan ini tidak menghadapi sebarang halangan maka perkembangannya pun terus-menerus dijalankan dan rancangan untuk maksud itu satu demi satu disusun dan dijalankan. Kemudian usaha itu pula disebarkan melalui pegawai-pegawai kerajaan dan persekolahan. Sebagai misal, arak yang menjadi tegahan Islam dijadikan sajian dalam jamuan, dan undang-undang Islam diganti dengan undang-undang yang dicipta oleh manusia. Di samping itu, sesuatu yang dirancang disertai pula dengan penerangan untuk mempengaruhi jiwa orang ramai supaya memberi sokongan terhadap maksud itu.

Dalam perundingan penubuhan Perlembagaan di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dengan Secretary of State di London pada hari Isnin 30 September, 1957, baginda telah menimbulkan perkara ini dan suatu persetujuan telah dicatatkan bahawa Kerajaan Baginda Queen bersetuju kedudukan taraf Negara Brunei dikekalkan menjadi sebuah negara MIB. Maka dengan demikian pengiktirafan British terhadap negara MIB bagi Brunei masih tetap dan maksud MIB dalam Pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah pada 1 Januari, 1984 itu boleh difahamkan sebagai menguatkan kedudukan MIB yang telah ditetapkan pada masa yang lalu itu. Dengan kata lain MIB ini bukanlah satu dasar yang baru bagi Brunei, hanya cahayanya yang kabur itu perlu digosok dan digilap supaya kelihatan cemerlang.

Pentafsiran

Antara lain titah pengisytiharan itu, *"Insya-Allah, Negara Brunei Darussalam ini akan kekal untuk selama-lamanya menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat, dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah."*

Oleh kerana maksud titah tersebut sangat padat, maka bagi pihak yang kurang memahami memang akan ragu-ragu dan memikirkan titah itu kurang jelas dan memerlukan tafsiran huraian yang lebih nyata supaya tidak timbul sesuatu yang bercanggah. Sebenarnya maksud titah hendak mengekalkan Negara Brunei sebuah negara MIB itu sudah jelas; hanya pihak yang ragu-ragu sahaja yang tidak dapat menyelami apakah maksud yang tersirat di dalamnya. Kalau dikaji dan difahamkan satu-persatu dengan bersungguh-sungguh maksud makna perkataan yang terkandung di dalamnya akan dapat diketahui bahawa baginda berhasrat hendak menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) ini menjadi negara Melayu, negara Islam dan negara Beraja.

Corak NBD yang dimaksudkan itu jelas tiga jenis iaitu : Menjadi negara Melayu, menjadi negara Islam dan menjadi negara Beraja. Apakah rupa bentuk ketiga-tiga corak itu? Ketiga-tiga corak itu bentuknya berdemokratik, tetapi bersesuaian dengan hukum-hukum Islam menurut Ahli-Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Syafie. Maksudnya, segala konsep dan peraturan yang terkandung di dalam demokrasi itu sebelum digunakan terlebih dahulu dirujuk kepada hukum-hukum Islam, jika bersesuaian barulah perkara itu dapat dijadikan dasar atas asas rujukan. Daripada tafsiran ini jelaslah perkara yang diragukan itu hanyalah perlaksanaan usaha-usaha yang hendak dijalankan. Rancangan perlaksanaan perlu disusun, manakala bentuknya terpulang kepada kepintaran, kepandaian, kebolehan, kebijaksanaan dan ilmu pihak yang ditugaskan untuk merancangnya asalkan tidak berlawanan dengan dasar utama. Dalam merangka sesuatu rancangan itu tempohnya perlu ditetapkan, kerana sama seperti kewajipan salat juga, sesuatu pekerjaan itu ada permulaannya dan ada akhirnya, dan ia mesti dilakukan mengikut tertibnya. Misalnya, jika ditetapkan bahawa segala perancangan perlu disempurnakan dalam tempoh 10 tahun, maka selepas 10 tahun NBD sudah terkenal di seluruh dunia sebagai sebuah negara MIB. Oleh itu segala usaha yang gigih perlu dikembangkan dalam tempoh 10 tahun itu untuk mencapai matlamat MIB. Jikalau tidak ditetapkan tempoh waktunya, akan berulanglah keadaan seperti sekarang ini, di mana walaupun perisytiharan titah telah dikeluarkan pada tahun 1984, tetapi dasar ini masih lagi terumbang-ambing.

Menjadi Negara Melayu

Jika hendak mengekalkan Melayu, maka perlulah disusun satu rancangan khas yang mengandungi maksud bagaimana hendak mengekalkan NBD ini menjadi negara Melayu yang tulen dan isi kandungan rancangan itu disesuaikan dengan rupa bentuk yang mengandungi ciri-ciri Melayu dan keperluan Melayu sesuai dengan keadaan zaman. Kalau dahulu NBD itu bandarnya di Kampong Ayer atau di tepi sungai tetapi NBD yang akan dibangun sekarang akan ditempatkan di darat, dihiasi dengan jalan-jalan raya dan bangunan-bangunan termasuk kemudahan yang diperlukan. Sesuatu yang dibangun itu pula seberapa boleh hendaklah berorientasikan budaya dan pemikiran orang Brunei dan diselenggarakan oleh orang Brunei sendiri; dengan kata lain jika dipandang sepintas lalu negara yang dibangun itu hendaklah kelihatan dan dikenal sebagai negara Melayu yang mempunyai peradaban tinggi. Orang-orang Melayunya menunjukkan sifat-sifat kemelayuannya seperti beradab, bersopan santun, berbudi bahasa, bekerja bersungguh-sungguh, bermaruah, tidak mudah diperalatkan seperti 'Ali Baba' dan taat kepada Allah dan Rasul serta taat setia kepada sultan.

Di samping itu, bahasa Melayu akan terus digunakan secara keseluruhannya dalam berbagai bidang seperti pendidikan, perindustrian, perdagangan, pembangunan, ekonomi dan teknologi, bersesuaian dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Rasmi Negara. Untuk menyesuaikan taraf bahasa Melayu itu dengan kedudukannya, usaha untuk meninggikan kesempurnaannya akan sentiasa dijalankan terutama oleh pihak yang dipertanggungjawabkan. Kalau didapati sesuatu kesukaran dalam penggunaan bahasa Melayu bukan keadaan dijadikan kata pemutus yang menentukan bahasa Melayu tidak berkelayakan, tetapi diusahakan dan dicari jalan untuk menyelesaikan masalah itu. Jika perlu perkataan bahasa lain yang diperlukan itu boleh terus digunakan bersama-sama bahasa Melayu ataupun diubahsuai.

Orang Melayu yang terdiri daripada tujuh kaum yang menjadi rakyat jati seperti yang tersebut di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bukan menjadi tukang tengok atau pemerhati kepada kemajuan negaranya, tetapi merekalah yang menjadi tuan punya dan mengambil peranan penting dalam menjalankan keseluruhan urusan negara. Perubahan atau transformasi menyeluruh perlu diusahakan supaya mereka menguasai bidang-bidang ekonomi, kebudayaan, pendidikan dan undang-undang. Kalau mereka itu belum berkebolehan atau belum berkemampuan, hendaklah diasuh dan dididik dengan ilmu pengetahuan yang sesuai dan diperlukan untuk melayakkan mereka menjalankan tugas di negara sendiri sehingga bangsa Brunei setaraf dan sebanding dengan bangsa-bangsa lain yang bernegara dan maju di dunia ini. Didikan yang dimaksudkan itu termasuk juga cara berfikir yang waras, bukan sebagai bangsa yang tahu berbelanja sahaja, tetapi hendaklah memahami juga bagaimana cara hendak mendapatkan sumber kewangan yang diperlukan untuk membiayai sesuatu yang dihajatkan.

Soal Melayu bodoh atau Melayu tidak berkemampuan atau Melayu tidak berkebolehan tidak perlu ditimbulkan kerana setiap manusia itu dijadikan Allah sama kejadiannya. Setiap manusia itu dilahirkan dari perut ibu dalam keadaan tidak berpengetahuan sesuatu apa jua pun; hanya usahalah yang perlu dijalankan untuk mencapai sesuatu pengetahuan itu bagi mendapatkan sesuatu kemajuan yang dimaksud. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran, Surah An-Nahl, ayat 78, tafsirnya :

"Dan Allah mengeluarkan kamu dari dalam perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu apa pun, dan Dia (Allah) memberi kamu pendengaran, penglihatan dan hati agar kamu berterima kasih (bersyukur)."

Perkara yang penting, bangsa Melayu Brunei hendaklah menonjol sebagai bangsa yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman dan hukum Islam; sanggup menghadapi segala cabaran; Melayu yang dapat bersaing dan mampu berdikari serta tidak mudah terasa diancam dan mudah berputus asa. Apa pun taraf orang Melayu itu, sama ada sebagai ahli perniagaan atau pentadbir atau guru dan sebagainya biarlah dikenal sebagai Melayu Brunei yang berilmu, berdisiplin, jujur, amanah dan cekap, serta rasional; iaitu bangsa yang mampu mengeksport bahasanya dan adat resamnya ke taraf budaya antarabangsa.

Untuk mencapai maksud-maksud yang disebutkan itulah yang perlu diusahakan dan dirancang untuk dijalankan oleh pihak yang bertanggungjawab dalam tiap-tiap kementerian dan jabatan supaya NBD benar-benar menjadi negara Melayu. Selagi tahap yang diperlukan itu belum dapat dicapai, maka selagi itu pula usaha itu perlu diteruskan dengan cara apa jua pun. Jika sesuatu rancangan itu belum berhasil, dicari lagi rancangan yang lebih sesuai atau kalau ada alat jenteranya yang didapati rosak, hendaklah diusahakan untuk diperbaiki atau ditukar ganti untuk disesuaikan dengan perjalanannya, tetapi bukan pilih-pilih langsat.

Adat-istiadat dan kebudayaan Melayu yang diamalkan turun-temurun dijadikan teras kebudayaan negara yang unggul atau disifatkan sebagai pakaian negara sehingga ternyata ciri-ciri Melayu itu terpancar keindahannya. Gambaran corak kebudayaan yang akan diamalkan untuk dijadikan cara hidup orang Melayu yang dimaksudkan itu boleh didapati daripada hasil pengkajian terhadap kebudayaan-kebudayaan yang telah dicipta oleh datuk nenek orang Brunei dahulu. Maka daripada hasil penyelidikan yang didapati itu, dapat diketahui yang mana satu masih boleh diketengahkan dan yang mana satu perlu diganti dengan sesuatu yang sesuai. Kebudayaan luar yang baik dan sesuai, secocok dengan citarasa masyarakat Brunei, boleh diambil untuk mengganti sesuayu yang tidak sesuai supaya kita dapat bersama-sama bersaing dan berinteraksi dengan masyarakat antarabangsa.

Pemilihan terhadap perkara yang disebutkan ini dijalankan semata-mata untuk mendapatkan faedah daripadanya supaya kesempurnaan kebudayaan Melayu Brunei lebih lengkap dan lebih bernilai, asalkan perkara yang diimport itu tidak berlawanan dengan hukum Islam. Pokoknya, kebudayaan yang akan digunakan menjadi cara hidup itu bersesuaian dengan ajaran Islam, kemajuan bangsa dan negara yang akan ditempuh; khususnya untuk menjadikan bangsa Brunei dapat hidup dengan sempurna dan bukan sahaja dapat menjalankan usaha di negaranya sendiri dengan aman makmur dan bahagia, tetapi juga dalam lingkungan masyarakat antarabangsa.

Menjadi Negara Islam

Maksud menjadi negara Islam, memang sudah jelas bentuknya kerana hukum-hukum Islam yang menjadi panduan itu telah ditentukan di dalam Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

LIHAT MUKA 12

PERKARA yang penting, bangsa Melayu Brunei hendaklah menonjol sebagai bangsa yang mempunyai budaya yang sesuai dengan aliran zaman dan hukum Islam; sanggup menghadapi segala cabaran; Melayu dapat bersaing dan mampu berdikari serta tidak mudah terasa diancam atau mudah berputus asa. Apa pun taraf orang Melayu itu, sama ada sebagai ahli perniagaan atau pentadbir atau guru dan sebagainya biarlah dikenal sebagai Melayu Brunei yang berilmu, berdisiplin, jujur, amanah dan cekap, serta rasional; iaitu bangsa yang mampu mengeksport bahasanya dan adat resamnya ke taraf budaya antarabangsa.

SEMINAR MELAYU ISLAM BERAJA

PERLAKSANAAN DASAR NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA

DARI MUKA 11

Dalam masalah ini corak atau bentuknya, termasuk cara hidup yang akan diamalkan juga tidak perlu dipersoalkan kerana sesuatu yang hendak dijalankan telah ditentukan hukumnya. Begitu juga akhlak yang akan diikut telah jelas juga iaitu menurut sesuatu yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kerana akhlak Baginda itu ialah Al-Quran. Perkara ini pernah dikatakan oleh Sayidatina Aisyah Radiallahuanha, "Akhlak Baginda Rasulullah itu Al-Quran". Tersebut dalam Al-Quran, Surah Al-Ahzab, ayat 21, tafsirnya :

"Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu teladan yang baik bagi kamu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) Hari Kiamat dan dia banyak berzikir (mengingati Allah)."

Yang perlu diusahakan lagi ialah bagaimana cara hendak menyampaikan ajaran Islam itu kepada rakyat dan penduduk NBD dengan cepat dan lebih mudah difahamkan, supaya tiap-tiap orang dapat mengetahui dan mematuhi hukum-hukum Islam yang diperintahkan oleh Allah itu dengan jelas tanpa sesuatu keraguan, kerana kepercayaan terhadap ajaran Islam ini dikehendaki tahqik dengan sepenuhnya. Sebab itu segala hukum-hukum itu perlu dipelajari dengan sepenuhnya, supaya tidak timbul sesuatu keraguan dalam amalan. Perkara ini memang sudah diketahui dan dikaji oleh pihak yang berkenaan, terutama pihak setiausaha tetap dan ketua jabatan kerana mereka ini yang ditugaskan untuk melaksanakan dasar Islam dalam MIB ini. Kalau hukum Islam ini tidak diketahui oleh pihak yang ditugaskan untuk menjalankan MIB, sudah tentu negara Islam yang dihasratkan untuk dibentuk itu tidak akan dapat diwujudkan dengan sempurna.

Bagi orang Melayu (rakyat jati Brunei) yang di antaranya belum memeluk agama Islam, sejak zaman dahulu lagipun tidak dipaksa menukar agama masing-masing melainkan tertakluk kepada hasrat mereka sendiri, dan sebaliknya mereka tidak dilarang mempelajari hukum-hukum Islam, bahkan diberi peluang dan galakan kepada mereka yang hendak mengetahuinya supaya mereka dapat memahami dan mengikuti perjalanan ajaran Islam yang wajib diketahui oleh sekalian manusia yang mukalaf. Dengan adanya pengetahuan dan pemahaman mengenai ajaran Islam itu, apa juga yang mereka lakukan akan dapat disesuaikan dengan hukum Islam supaya ajaran Islam yang telah difahami itu dapat menimbulkan kesedaran kepada mereka bahawa ajaran Islam itu daripada Allah Subhanahu Wataala. Jika mereka telah menyedari, dengan izin Allah masyarakat Brunei akan lebih mudah bersatu padu dan boleh hidup bersama dalam aman dan tenteram.

Panduan utama untuk melaksanakan dasar MIB ini ialah Al-Quran dan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mengenai perkara ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah :

"Adapun setakat yang beta timbulkan ini, barulah dua tiga contoh sahaja. Masih banyak lagi perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kehidupan. Pendeknya tidak ada yang terlepas daripada Al-Quran itu, sesuai dengan sifatnya selaku petunjuk daripada Allah Taala.

"Jadi, selaras dengan hasrat kita untuk menghayatinya, maka sukalah beta menyarankan di sini, supaya semua pihak dalam kerajaan beta akan segera dapat melihat, bahawa mana-mana jua ajaran Al-Quran yang boleh diterapkan dalam pentadbiran negara, hendaklah dipakai dan dijalankan.

Beta tidak ragu, bahawa dengan izin Tuhan serta pertolongan-Nya, niat kita yang baik ini akan segera berhasil, insya-Allah."

Memandang kepada ajaran Islam yang terkandung dalam Al-Quran dan hadis untuk dijadikan panduan kepada perlaksanaan dasar MIB ini sangat luas, maka untuk memudahkan fahaman terhadap hukum-hukum dalam ajaran tersebut dapat dikategorikan kepada empat bahagian iaitu : Syariat, makrifat, tarekat dan hakikat. Maka tiap-tiap bahagian yang disebutkan perlu dipelajari dan difahamkan maknanya supaya dapat diikut dan disempurnakan maksudnya.

Syariat

Syariat ialah sesuatu ilmu yang mengandungi hukum syarak untuk menentukan sesuatu perkara yang diperbuat oleh jin dan manusia sama ada perkara itu wajib, haram, sunat, makruh atau harus, kerana sesuatu yang dilakukan itu tidak terlepas daripada hukum yang disebutkan, melainkan ada sesuatu hukum yang menentukannya. Hukum-hukum itu wajib diketahui dan difahamkan maksudnya untuk memastikan hukum terhadap sesuatu perkara yang dibuat itu sama ada haram atau wajib atau sunat atau makruh atau harus, supaya perintah Allah Subhanahu Wataala yang disebutkan dapat diikuti dan dijauhi larangan-Nya.

Hukum yang ditentukan oleh syariat bagi fardu ain wajib diketahui dan diikuti oleh tiap-tiap orang Islam seperti rukun Islam, rukun Iman, hukum bersuci dan sebagainya; manakala bagi fardu kifayah wajib diketahui oleh seluruh orang Islam di negara itu, tetapi apabila seorang sahaja daripada orang Islam di negara itu mengetahui bahagian yang diperlukan itu maka terlepaslah wajib itu seperti ilmu pentadbiran, ilmu kedoktoran, ilmu pertanian, ilmu perusahaan, ilmu perekonomian, ilmu perdagangan, ilmu perindustrian atau apa jua ilmu yang mendatangkan manfaat kepada orang Islam dan sebagainya iaitu sesuatu yang diperlukan oleh orang-orang Islam menurut hukum syarak. Walau bagaimanapun, adalah lebih baik jika banyak orang Islam yang mengetahui fardu kifayah itu.

Maka hukum-hukum yang terkandung di dalam syariat yang diajarkan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam inilah yang menjadi ikutan dan panduan kepada orang Islam untuk mencapai keredaan Allah Subhanahu Wataala. Di dalam ilmu tersebut termasuklah hukum alam (natural law) yang menentukan hukum sesuatu terhadap sesuatu benda seperti api bersifat menghanguskan dan air pula merupakan suatu cairan dan sebagainya kerana perkara ini termasuk di dalam ilmu yang diperlukan bagi fardu kifayah.

Makrifat

Makrifat ialah pengenalan terhadap Allah Subhanahu Wataala untuk mengetahui sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah Subhanahu Wataala termasuk sifat yang wajib, mustahil dan harus bagi rasul-rasul Allah Alaihimusalatu Wasallam. Sifat-sifat yang disebutkan wajib diketahui dan difahamkan dengan tahfik (menurut yang sebenarnya) supaya keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala itu kukuh. Sesuatu yang berlaku itu juga dapat diketahui dan difahamkan sejelas-jelasnya sehingga dapat diyakinkan bahawa perkara itu berlaku semata-mata menurut kehendak dan kuasa Allah Subhanahu Wataala, dan sebaliknya tiada sesuatu itu akan berlaku tanpa izin Allah Subhanahu Wataala. Walaupun pada zahirnya sesuatu yang berlaku itu disebabkan oleh sesuatu, menurut ketepatan hukum adat tetapi hakikat sebenarnya perkara itu adalah kehendak Allah Subhanahu Wataala itu jua kerana sesuatu itu dijadikan oleh Allah Subhanahu Wataala dan perjalannya diatur oleh Allah jua. Maka tiadalah sesuatu yang berlaku itu terlindung daripada pengetahuan Allah Subhanahu Wataala. Pendapat setengah ahli sains yang mengatakan bahawa alam ini jadi dengan sendirinya adalah mustahil melainkan dijadikan dan diatur oleh Allah Subhanahu Wataala; sesuatu ilmu yang baru dijumpai itu bukan baru dicipta oleh manusia atau diadakan sesuatu perkara baru. Maka bagi yang berusaha insya-Allah akan dapat mencapai atau mengetahuinya.

Tarekat

Tarekat ialah sesuatu aturan atau perjalanan yang menjadi panduan ikutan bagi menyampaikan sesuatu yang dimaksud supaya sampai kepada matlamat yang dituju atau sesuatu yang akan dilakukan untuk membuat sesuatu perkara, tetapi jika jalan yang diikut itu salah atau menyimpang daripada jalan yang sebenar, maka orang yang mengikuti itu tidak akan sampai ke tempat yang dituju itu, atau kesampaiannya itu dalam keadaan salah. Tarekat yang menjadi panduan bagi umat Islam ialah tarikat yang sah, yang diambil daripada ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu tarekat yang boleh menyampaikan orang yang mengikutnya itu kepada keredaan Allah Subhanahu Wataala. Orang yang mendapat keredaan-Nya itu ialah orang yang beriman dan berjiwa tenang yang semata-mata mengingat Allah Subhanahu Wataala seperti yang tersebut dalam Al-Quran Surah Al-Fajr, ayat 27-30, tafsirnya :

"Hai orang yang berjiwa tenang pulanglah kepada Tuhanmu yang reda kepada orang yang diredai-Nya dan masuklah ke dalam kumpulan hamba-Ku itu dan masuklah dalam syurga-Ku."

Jalan untuk menjadikan diri seorang yang berjiwa tenang inilah yang diikut oleh ahli terikat untuk sampai ke matlamat yang dituju dengan berpandukan ajaran tasawuf. Ajaran tasawuf ialah hukum terhadap perasaan yang timbul di hati manusia untuk menjadi panduan bagi mendapatkan keredaan Allah dan mencapai maksud hakikat. Ia disertai dengan zikir tertentu yang diijazahkan oleh guru-guru yang khas melalui sanad yang bersambung-sambung hingga kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sesuatu zikir yang diamalkan untuk mengisi masa itu sama ada disebut dengan lidah ataupun dalam hati semata-mata untuk menurut perintah Allah dan faedah zikir itu menenangkan hati seperti yang tersebut dalam Al-Quran Surah Ar Ra'd ayat 28 taksirnya :

"Bukankah mengingat Allah itu menenangkan hati."

Zikir yang dilakukan ini sebaik-baiknya berterusan dan tidak putus-putus supaya pemikiran orang yang mengamalkannya sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wataala dan menjunjung segala perintah-perintah-Nya dengan menunaikan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Walaupun telah ditentukan dalam syariat bahawa sesuatu amal ibadat yang dilakukan itu akan mendapat balasan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wataala, tetapi menurut hukum Tasawuf amal ibadat itu bukan dimaksudkan untuk mendapat balasan yang disebutkan melainkan semata-mata kerana hendak menurut perintah Allah, maka terserahlah kepada Allah Subhanahu Wataala jua yang menentukan. Yang penting, sesuatu perkara atau amal ibadat yang dilakukan hendaklah dengan tulus ikhlas dan semata-mata mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wataala jua.

Keadaan mengingat Allah itu dapat dimisalkan seumpama orang menaiki kapal terbang yang mula berlepas dari sesuatu lapangan terbang akan diikuti oleh perhubungan melalui control tower hingga sampai ke lapangan terbang tempat itu runduk. Selepas kapal terbang runduk maka penumpang itu akan disambut oleh orang tertentu untuk dibawa ke tempat penginapan. Maksudnya, dari mula menjalani tarekat dan mengamalkan zikir tertentu itu orang yang dimaksudkan akan terus-menerus mengingati Allah hingga ke akhir hayat dan di akhirat nanti akan dialu-alukan oleh Allah seperti yang tersebut dalam Al-Quran Surah Al-Fajr, ayat 27-30 itu.

Hakikat

Hakikat ialah ketentuan kehendak dan kuasa mutlak Allah Subhanahu Wataala terhadap sesuatu yang berlaku tanpa sesuatu batasan, sama ada berlawanan dengan hukum syarak atau hukum adat, melainkan sesuatu yang dikehendaki-Nya itu akan tetap berlaku dan tiada siapa pun yang mengetahuinya melainkan Allah Subhanahu Wataala jua. Dengan kata lain siapa pun tidak boleh menentukan sesuatu menurut kehendaknya sendiri tanpa izin Allah Subhanahu Wataala. Sesuatu hukum adat yang ditentukan oleh Allah Subhanahu Wataala itu tidak semestinya akan berlaku menurut ketetapan adat kebiasaannya tanpa izin Allah Subhanahu Wataala.

Sebagai misal, tatkala Nabi Ibrahim Alaihissalam dimasukkan ke dalam api oleh Raja Namrud, pada lazimnya menurut hukum adat baginda akan hangus terbakar oleh api itu, tetapi dengan kehendak Allah Subhanahu Wataala, api yang bersifat membakar itu tidak mendatangkan kesan kepadanya, kerana Allah Subhanahu Wataala menghendaki Nabi Ibrahim Alaihissalam selamat daripada bahaya api itu.

Begitu juga hukum-hukum yang telah ditentukan dalam hukum syarak boleh ditukar oleh Allah Subhanahu Wataala kerana Allah Subhanahu Wataala itu berlaku sebarang kehendak-Nya, tetapi Allah Subhanahu Wataala tidak akan mengubah sesuatu yang telah dijanjikan-Nya. Kalau Allah Subhanahu Wataala hendak memasukkan orang derhaka itu ke dalam syurga, diubah-Nya perangai atau kelakuan orang itu terlebih dahulu. Sebab itu orang Islam selalu menggunakan perkataan 'insya-Allah' di akhir sesuatu yang dimaksudnya, kerana telah diketahui bahawa dirinya sendiri tidak berkuasa sama sekali terhadap sesuatu tanpa izin Allah Subhanahu Wataala.

Sifat dan kelakuan Ahli Sufi yang bertakwa itu telah disebutkan dalam Al-Quran, Surah Ali Imran, ayat 190-195, tafsirnya :

"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi dan pertukaran (silih bergantinya) malam dan siang untuk perbandingan kepada orang-orang yang berakal. Iaitu orang-orang yang mengingat Allah (zikrullah) sambil berdiri atau duduk dalam keadaan berbaring dan mereka itu memikirkan tentang percintaan (kejadian) langit dan bumi sambil berkata, "Ya, Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia (tidak berguna), Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada seksa neraka. Ya Tuhan kami, sesungguhnya sesiapa yang Engkau masukkan ke dalam Neraka, maka sungguh Engkau telah hinakan dia, dan tiada bagi orang zalim itu seorang penolong (yang boleh membela dia). Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mendengar seruan yang menyeru kepada iman iaitu : Berimanlah kamu kepada Tuhan, maka kami pun beriman (percaya). Ya Tuhan kami, ampunilah bagi kami dosa-dosa kami dan hapuskanlah dosa daripada kesalahan-kesalahan kami, dan wafatkanlah kami bersama orang yang berbuat bakti (baik). Ya Tuhan kami, berilah kami apa yang telah Engkau janjikan kepada kami dengan perantaraan rasul-rasul Engkau. Dan janganlah Engkau hinakan kami di Hari Kiamat, sesungguhnya Engkau tidak menyalahi janji." Maka Tuhan mereka mengkabulkan permohonannya dengan berfirman : Sesungguhnya Aku tiada mensia-siakan amal perbuatan orang yang beramal di antara

LIHAT MUKA 13

BAGI orang Melayu (rakyat jati Brunei) yang di antaranya belum memeluk agama Islam, sejak zaman dahulu lagipun tidak dipaksa menukar agama masing-masing melainkan tertakluk kepada hasrat mereka sendiri, dan sebaliknya mereka tidak dilarang mempelajari hukum-hukum Islam, bahkan diberi peluang dan galakan kepada mereka yang hendak mengetahuinya supaya mereka dapat memahami dan mengikuti perjalanan ajaran Islam yang wajib diketahui oleh sekalian manusia yang mukalaf.

SEMINAR MELAYU ISLAM BERAJA

PERLAKSANAAN DASAR NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA

SISTEM Negara Beraja yang diamalkan di Brunei ini bukanlah suatu perkara baru, tetapi sudah lama wujud sejak zaman-berzaman dipusakai turun-temurun menjadi warisan bangsa. Sebelum agama Islam tersebar di Alam Melayu pun sistem sedemikian telah digunakan oleh orang Melayu Brunei. Perkara ini pernah disebutkan oleh riwayat China pada tahun Masihi 516, 521, 618, 669 dan 977 yang mengatakan bahwa Poli, Polo atau Puni (Brunei) pernah menghantar utusan ke China. Menurut kelaziman negara yang menghantar utusan ke sebuah negara yang lain itu adalah dilakukan oleh raja. Setelah agama Islam menjadi agama rasmi di Brunei maka sistem itu telah disesuaikan dengan nama negara MIB.

DARI MUKA 12

kamu, baik laki-laki atau perempuan. Kamu semuanya sama menerima balasan di atas amal kamu. Maka orang yang berhijrah, yang diusir daripada kampung halamannya, yang disakiti pada jalan-Ku, yang berperang dan yang dibunuh pastilah akan Kuhapuskan kesalahan-kesalahan mereka dan pastilah Aku masukkan mereka ke dalam syurga yang mengalir sungai-sungai di bawahnya sebagai pahala daripada Allah. Dan di sisi Allah itu ada pahala yang baik."

Sebahagian ulama mengatakan bahwa syariat itu diumpamakan sebuah kapal dan tarekat itu diumpamakan lautan yang di dalamnya terdapat permata (hakikat) yang tinggi nilainya. Maka tidaklah permata itu boleh didapati melainkan di dalam lautan jua dan tidaklah akan sampai ke lautan melainkan dengan kapal jua. Berkata Imam Al-Qusairi : *"Setiap ilmu syariat tanpa didukung oleh ilmu hakikat, maka ianya tiadalah diterima dan setiap hakikat tanpa bergantung dengan ilmu syariat maka tiadalah berhasil atau tercapai apa yang dimaksud."* Berkata lagi sebahagian ulama, *"Siapa yang hanya mengamalkan syariat dan tidak mengamalkan hakikat maka ianya adalah fasiq dan siapa yang mengamalkan hakikat dan tidak mengamalkan syariat maka ianya adalah zindik."*

Berkata juga Syeikh Abu Madiyan di dalam kitab Al-Hikam, *"Siapa yang hanya semata-mata beribadat tanpa mengerti ilmu fikah maka ianya terkeluar daripada jalan yang lurus dan dianggap sebagai bidaah dan siapa yang hanya semata-mata mengerti ilmu fikah atau beramal dengan ilmu fikah tanpa bersifat warak maka ianya itu tertipu atau terpedaya."* Maksudnya siapa yang menyembah Allah Subhanahu Wataala tanpa mengerti ilmu fikah adalah terkeluar daripada jalan yang lurus kerana tidak mengetahui cara-cara ibadat yang diterima atau ditolak.

Untuk mewujudkan negara Islam itu memang bukanlah suatu perkara yang mudah, tetapi keadaan sedemikian jangan dianggap pula sesuatu perkara yang tidak boleh dilaksanakan melainkan diusahakan pencapaiannya dan diselesaikan masalah yang terkandung di dalamnya. Untuk menyempurnakan maksud ini syarat-syarat yang diperlukan oleh sesuatu rancangan hendaklah diketahui terutama hukum-hukum Islam yang hendak dijadikan panduan itu. Selain daripada itu cara melaksanakan sesuatu yang hendak dilakukan itu juga perlu dipelajari. Kalau banyak kesukaran yang dihadapi semasa melaksanakannya bukanlah dianggap sebagai halangan atau had usaha itu diberhentikan, melainkan dicari jalan keluarnya sehingga tercapai kejayaan. Perkara ini telah disebutkan dalam Al-Quran Surah At-Talaq ayat 2, tafsirnya :

"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah nescaya diadakan jalan keluar baginya."

Dengan demikian sesuatu usaha yang hendak dijalankan itu hendaklah diteruskan dan disertai dengan takwa. Insya-Allah masalah yang dihadapi itu akan didapati penyelesaiannya.

Mengekalkan Negara Beraja

Sistem Negara Beraja yang diamalkan di Brunei ini bukanlah suatu perkara baru, tetapi sudah lama wujud sejak zaman-berzaman dipusakai turun-temurun menjadi warisan bangsa. Sebelum agama Islam tersebar di Alam Melayu pun sistem sedemikian telah digunakan oleh orang Melayu Brunei. Perkara ini pernah disebutkan oleh riwayat China pada tahun Masihi 516, 521, 618, 669 dan 977 yang mengatakan bahwa Poli, Polo atau Puni (Brunei) pernah menghantar utusan ke China menurut kelaziman negara yang menghantar utusan ke sebuah negara yang lain itu adalah dilakukan oleh raja. Setelah agama Islam menjadi agama rasmi di Brunei maka sistem itu telah disesuaikan dengan nama negara MIB.

Tatkala Sultan Sharif Ali dijunjung menaiki takhta kerajaan oleh pembesar-pembesar negara dan rakyat Brunei seluruhnya kerana Sultan Ahmad, ayahanda mertua baginda tidak mempunyai putera, maka sebelum menaiki takhta itu Sultan Sharif Ali telah meminta kepada orang Brunei supaya mereka taat setia kepada pemerintahan baginda dan mengikut hukum-hukum Islam. Apabila permintaan itu telah disanggupi, maka barulah baginda menerima permintaan itu. Inilah yang mengukuhkan semangat taat setia orang Melayu Brunei kepada sultan.

Asas utama yang menjadi penjalin ikatan antara raja dengan rakyat yang diamalkan sejak zaman-berzaman itu raja untuk rakyat dan rakyat untuk raja iaitu raja kasihkan rakyat dan rakyat taat setia kepada raja seperti aur dengan tebing hidup sandar-menyandar, kukuh aur kerana tebing, tebing teguh kerana aur (tebing tempat aur tumbuh dan aur menjadi benteng kepada tebing). Semakin subur hidup aur itu semakin kukuh tanah tempat aur itu tumbuh. Oleh kerana inilah rakyat NBD ini sentiasa menumpukan taat setia kepada rajanya dan raja sentiasa kasih sayang kepada rakyatnya dengan mengadakan berbagai-bagai usaha berkebajikan untuk kemakmuran NBD, di samping mengamalkan pemerintahan yang adil supaya kemakmuran yang dihasilkan dapat dinikmati bersama oleh raja dan rakyat.

Apabila ajaran Islam telah tersebar luas di Brunei dan Brunei menjadi negara MIB maka semakin bertambah kukuhlah lagi taat setia rakyat kepada raja itu kerana perkara ini telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wataala seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah An-Nisaa, ayat 59 tafsirnya :

"Wahai orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah, dan taatlah kamu kepada Rasul-Nya dan orang yang memerintah kamu Ulil Amri dan jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (Sunnahnya) dan jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan kepada hari kemudian (Hari Kiamat). Kembali kepada Al-Quran dan sunnah itu adalah sebaik-baik pedoman kepada kamu dan sebaik-baik kesudahan kepada kamu."

Menurut hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ibnu An-Najjar daripada Abu Hurairah :

"Sultan adalah payung Allah di bumi ini, tempat bernaungnya orang-orang lemah, memberi pertolongan terhadap orang-orang yang teraniaya. Barangsiapa memuliakan sultan Allah di dunia ini, Allah akan memuliakannya pada Hari Kiamat."

Menurut hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwiyatkan oleh Al-Baihaqi dan Al-Hakim daripada Ibnu Omar.

"Sultan adalah payung Allah di dunia, tempat bernaungnya hamba-hamba Allah yang kena zalim (aniaya). Maka seandainya sultan itu adil baginya pahala, dan wajib bagi rakyatnya untuk berterima kasih. Dan seandainya dia (sultan) itu zalim atau khianat atau menyeleweng dia berdosa, dan rakyat mestilah bersabar. Dan apabila para penguasa itu aniaya maka langit tidak akan menurunkan hujan. Apabila mereka tidak membayar zakat binasalah binatang ternak dan tanaman. Apabila zina itu berleluasa timbullah kemiskinan, dan apabila perjanjian dibatalkan musuh-musuh bertindak jahat."

Menurut hadis lain yang diriwayatkan oleh Ibnu Abi Syaibah daripada Sayidina Abu Bakar As-Siddiq :

"Sultan yang adil dan merendahkan diri adalah payung dan tombak Allah di dunia. Allah akan mengangkatnya sebagai 70 orang-orang yang benar."

Memandangkan kepada sesuatu yang dihasratkan itu bukan dibiarkan begitu sahaja melainkan memerlukan usaha dan rancangan untuk memelihara kesempurnaan dan keelokannya, maka telah menjadi tanggungjawab kepada orang Brunei memelihara negara beraja yang telah dipusakai turun-temurun ini dan sentiasa mengkaji sesuatu yang bersangkutan dengannya supaya yang dipusakai itu dapat dikekalkan, diperelokkan, diusai dan dibisaikan terutama kepada pihak yang berkenaan atau yang ditugaskan melaksanakan maksud ini.

Untuk mengukuhkan kedudukan negara beraja, sesuatu yang boleh menggugat atau mencemarkan tradisi beraja itu perlu diusahakan untuk menjauhkannya dan sesuatu masalah yang didapati perlu diselidik tanpa berlengah-lengah atau untuk mencari penyelesaian sama ada dengan menyusun peraturan-peraturan tertentu atau mengadakan sesuatu rancangan untuk mengatasi perkara itu termasuk penyusunan pentadbiran dan penempatan pegawai-pegawai yang sesuai dengan pengetahuan dan kebolehannya supaya perjalanan pemerintah kerajaan sentiasa stabil dan sesuatu yang dibuat mendatangkan manfaat. Sesuatu yang disembahkan kepada sultan perlu dikaji dengan teliti, kerana perkara itu sedikit sebanyak akan menjadi sesuatu yang akan dititahkan dan titah itu menjadi dasar utama untuk rujukan. Pernah disabdakan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, *"Seorang manteri itu bukan semata-mata untuk menjunjung titah sahaja, tetapi menjulungkan sembah apa yang patut dititahkan."*

Perubahan dunia dan pengaruh yang timbul daripadanya perlu diambil perhatian untuk menjadi contoh teladan atau iktibar kerana perkara yang timbul daripadanya boleh menyebabkan pemikiran dan pendapat manusia turut berubah mengikut arus perubahan itu. Kadang-kadang sesuatu yang timbul daripada keadaan itu dijadikan kesempatan untuk menyalurkan sesuatu maksud. Sebab itu sesuatu kejadian yang berlaku perlu diambil perhatian dan dikaji, kemudian hasil kajian itu diselaraskan dengan sesuatu yang tidak sesuai itu supaya sistem beraja yang menjadi pusaka bangsa Brunei ini sentiasa sesuai dengan apa jua keadaan.

Adat istiadat diraja yang diamalkan turun-temurun juga perlu disebarkan supaya diketahui dan difahami oleh rakyat dan penduduk negara ini dan isi kandungan dan maksud-maksudnya dapat difahamkan untuk dijadikan panduan dan dihayati. Demikian juga sesuatu peraturan yang terkandung di dalamnya sentiasa dikaji untuk diselaraskan dengan maksud MIB supaya pihak yang berkenaan lebih mudah menghayatinya. Contoh baik mengenai semangat taat setia kepada raja dapat diperhatikan daripada sejarah orang Brunei yang kukuh taat setia kepada rajanya disebabkan mereka memahami adat istiadat diraja dan ciri-ciri yang bersangkutan dengan sistem beraja itu.

Tanggungjawab Yang Bertugas

Sejak titah yang berhasrat NBD ini menjadi negara MIB diisytiharkan, di samping menerima dengan perasaan gembira ada juga tertanya-tanya apakah bentuk MIB yang dimaksudkan dan siapakah yang akan menentukan bentuknya dan menjalankannya. Antara lain ada yang mengatakan dasar itu tidak jelas dan belum ada ketentuan lumih-lumihnya. Masalah ini tidak perlu ditanya pihak manakah yang akan menjalankan tugas tersebut kerana menurut adat Brunei yang lazim diamalkan sejak zaman dahulu, sesuatu yang dititahkan tidak dipersoalkan dan tidak dimalamkan tetapi terus diusahakan untuk mendapatkan jalan atau cara melaksanakannya; lebih-lebih lagi kalau sudah ada orang yang dilantik untuk melaksanakannya, maka pihak yang bertanggungjawab itulah yang menjalankan usaha itu dan memikirkan apa patut dibuat kemudian menghadapkan sesuatu rancangan yang hendak dijalankan.

Pada umumnya setiap warganegara Brunei yang taat setia berkewajipan mengambil bahagian untuk menjunjung titah itu dan melaksanakan kewajipan diri masing-masing terhadap hasrat baginda menjadikan NBD ini menjadi negara MIB melalui tugas yang ditentukan menurut kemampuan dan kebolehan masing-masing.

Di antara semua lapisan masyarakat itu yang lebih utama berkewajipan untuk menjalankan tugas itu ialah semua negara dan jentera pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri, daripada yang tertinggi hinggalah yang terendah sekali. Peringkat tertinggi seperti Menteri dan Setiausaha Tetap Kementerian perlu mengorak langkah merancang dan menyempurnakan perlaksanaan dasar MIB di NBD ini. Mereka ini yang akan mengaturkan perkara-perkara yang akan dibuat oleh ketua-ketua jabatan masing-masing untuk menjalankannya menurut tanggungjawab jabatan masing-masing sama ada mengadakan undang-undang atau peraturan atau membuat rancangan yang akan diaturkan.

Perkara yang akan dijalankan oleh tiap-tiap kementerian atau jabatan itu memang berlainan kerana masing-masing mempunyai bidang tugas yang tertentu, tetapi semuanya menuju kepada matlamat yang satu. Begitu juga pihak swasta akan berkewajipan menjalankan tugas mereka menurut lapangan sesuatu usaha yang patut dijalankannya iaitu tertakluk kepada persetujuan yang telah diaturkan kepada mereka dan kemampuan serta kebijaksanaan masing-masing; asalkan sesuatu tugas yang akan dijalankan itu semata-mata dihasratkan untuk menjadikan Brunei ini negara MIB.

Menyempurnakan Tugas

Sebagaimana yang telah disebutkan sesuatu urusan atau pekerjaan sangat memerlukan ilmu pengetahuan yang bersesuaian dengan keperluan pekerjaan atau tugas itu. Dalam melaksanakan perkara yang disebutkan, tiap-tiap orang, rakyat dan penduduk NBD ini perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh sesuatu urusan atau pekerjaan supaya tanggungjawab masing-masing dapat dilaksanakan dengan sempurna. Ilmu pengetahuan yang diperlukan itu bukan setakat memenuhkan syarat sahaja, tetapi dapat menyelesaikan apa juga masalah yang dihadapi. Di samping itu selain daripada mendapatkan ilmu pengetahuan yang khusus bagi sesuatu tugas atau pekerjaan itu, tiap-tiap orang yang ditugaskan perlu mengetahui hukum-hukum yang terkandung di dalam ajaran Islam yang akan menjadi panduan dalam menjalankan sesuatu urusan pekerjaan yang dimaksudkan terutama bagi pihak yang menjadi ketua seperti setiausaha tetap, ketua-ketua jabatan dan ketua-ketua dalam sesuatu bahagian perkhidmatan supaya sesuatu urusan atau kerja yang dilaksanakan itu bersesuaian dengan maksud hukum Islam yang menjadi asas pencapaian matlamatnya. Perkara ini bolehlah dimisalkan kepada tukang yang akan membuat sesuatu barangan, jika tukang itu berkemahiran membuat sesuatu barangan itu akan lebih sempurnalah barangan yang dihasilkan. Usaha untuk memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang dikehendaki oleh tugas itu dihasratkan semata-mata untuk membolehkan sesuatu yang ditugaskan itu akan berhasil dan memuaskan kerana sesuatu yang hendak dibuat itu bukan tidak boleh dilaksanakan kecuali pihak yang melaksanakannya tidak tahu menjalankannya.

BERSAMBUNG

SEMINAR MELAYU ISLAM BERAJA

SAMBUNGAN MINGGU LEPAS

PERLAKSANAAN DASAR NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA



MUKADIMAH

FALSAFAH Melayu Islam Beraja (MIB) yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984 itu memang telah diamalkan terus-menerus oleh sultan-sultan Brunei sejak Negara Brunei Darussalam menjadi negara Islam dan mengamalkan ajaran Islam untuk dijadikan dasar negara. Dengan kata lain MIB itu bukanlah satu dasar yang baru bagi Negara Brunei Darussalam, hanya cahayanya yang kabur itu perlu digosok dan digilap supaya kelihatan cemerlang.

Demikian antara lain pandangan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja' dalam Seminar Melayu Islam Beraja anjuran bersama Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dari 30 Julai hingga September 1994.

DI KALANGAN orang-orang yang tidak mengetahui hukum-hukum Islam memang sukar bagi mereka melaksanakan rancangan MIB ini kerana maksud sesuatu hukum dan gambaran sesuatu matlamatnya tidak difahami. Dengan demikian timbullah berbagai-bagai sungutan yang mengatakan dasar ini tidak boleh dijalankan atau sebagainya. Inilah yang menjadi masalah utama yang perlu diselesaikan dalam melaksanakan dasar MIB ini. Kalau perkara ini tidak diambil perhatian berat, dikhuatiri pihak yang ditugaskan untuk melaksanakan sesuatu maksud yang dihasratkan tidak dapat menyempurnakan pekerjaan yang dihasratkan atau dengan kata lain perkara itu dikatakan tidak boleh dilaksanakan. Yang sebenarnya bukan perkara itu tidak boleh dilaksanakan, tetapi yang melaksanakannya itu sama ada tidak tahu atau tidak mahu menjalankannya.

Sebagaimana yang telah disebutkan bahawa dalam melaksanakan maksud MIB ini, tanggungjawab tiap-tiap kementerian dan cara melaksanakannya memang berlainan. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan masing-masing dan kesempurnaan hasil yang dilaksanakan juga akan tertakluk kepada kebijaksanaannya dan pengetahuan yang melaksanakannya. Begitu juga cara melaksanakannya akan tertakluk juga kepada kepintaran masing-masing menurut bentuk rancangan yang diadakan, asalkan maksudnya semata-mata menuju untuk menjadikan NBD itu menurut yang dihasratkan oleh baginda. Untuk memudahkan fahaman terhadap perlaksanaan yang dimaksudkan, gambaran garis kasar cara melaksanakan sesuatu perkara yang akan dijalankan oleh tiap-tiap jabatan atau pertubuhan itu dapatlah dimisalkan perbandingannya seperti berikut :

Angkatan Bersenjata

Bagi angkatan bersenjata selain daripada memberi latihan yang lazim untuk menyempurnakan kehendak-kehendak yang diperlukan oleh seseorang askar supaya sentiasa sedia, cekap, cergas, gempal, kuat, pandai menggunakan senjata dan memahami ilmu ketenteraan agar dapat memelihara bangsa dan negara daripada penceroboh, maka mereka perlu juga memahami hukum-hukum Islam terutama sekali mengenai maksud tugas askar terhadap negara yang semata-mata kerana menyempurnakan perintah Allah. Sebab itu di kalangan askar Islam lazimnya perkataan iman, takwa, jihad dan fisabilillah dijadikan cogan sebagai perangsang kepada mereka dalam menghayati ajaran Islam. Demikian juga pandangan Islam terhadap perajurit, yang sangat dihargai dan tinggi nilainya iaitu kalau menang dapat kebahagiaan di dunia dan akhirat, manakala kalau tewas mati syahid, perlu dijelaskan dan difahamkan kepada mereka. Jika maksud perjuangan yang semata-mata untuk mendapatkan keredaan Allah dapat difahamkan dengan sepenuhnya, insya-Allah semangat berani akan timbul di kalangan askar, lebih-lebih lagi kalau mereka telah mengetahui hakikat mati itu adalah di tangan Allah dan telah ditentukan masanya.

Jika telah difahami bahawa tiap-tiap yang hidup itu mesti mati dan ketentuan mati itu di tangan Allah, manakala mati yang tinggi nilainya itu mati syahid, insya-Allah semangat keberanian yang luar biasa akan lebih berkobar lagi di dada askar itu. Perkara itu dapat diketahui daripada sejarah peperangan yang pernah dijalankan oleh orang-orang Islam pada zaman dahulu seperti peperangan zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, zaman sahabat-sahabat dan zaman kerajaan Islam yang berikutnya. Kemasyhuran tentera Islam pada zaman itu adalah disebabkan mereka mengetahui perkara-perkara yang dilakukannya. Kedudukan perkara ini perlu diketahui oleh askar kita supaya mereka sentiasa berani menghadapi musuh atau penceroboh. Selain daripada mengukuhkan mental dan fizikal, usaha dan ikhtiar untuk menjaga diri perlu dijalankan juga seperti melengkapkan diri dengan ilmu hikmah atau mengamalkan zikir tertentu atau sebagainya, kerana mengamalkan zikir-zikir tertentu itu dengan izin Allah boleh menimbulkan keberanian kepada yang mengamalkannya, kerana mengingat Allah serta berserah kepada-Nya dengan sepenuhnya itu adalah suatu cara menghampirkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala.

Di samping menguatkan keimanan dan takwa itu, segala pantang larang syarak perlu dijauhkan seperti minum arak atau bergaul dengan perempuan yang tidak dihalalkan. Walaupun perkara tersebut dianggap oleh pihak lain sebagai pendulur kepada askar-askar mereka, tetapi agama Islam menganggap perkara seperti itu adalah suatu tegahan kerana perbuatan itu berlawanan dengan hukum Islam. Perlu difahamkan kepada askar-askar sejelas-jelasnya bahawa taat setia kepada Allah, Rasulullah dan raja yang memerintah adalah suatu perintah Allah seperti yang tersebut di dalam Al-Quran, Surah An-Nisaa' ayat 59, sebagaimana yang telah dinyatakan. Dengan jalan demikian, insya-Allah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menjadi lebih kukuh dan lebih bersemangat dalam mempertahankan agama, bangsa dan tanahair.

Polis Diraja

Sebagaimana yang dihasratkan kepada pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, begitu juga bagi Pasukan Polis Diraja ini selain daripada memberikan latihan yang lazim untuk menyempurnakan keperluan polis supaya mereka sentiasa sihat, cekap, cergas, gempal, kuat, selalu siap sedia dalam menghadapi sesuatu keadaan, pandai menggunakan senjata dan memahami ilmu kepolisian, mereka juga perlu memahami hukum-hukum Islam terutama sekali mengenai tugas polis yang perlu berkhidmat dengan jujur dan amanah semata-mata kerana Allah untuk memelihara keselamatan orang ramai terutama dalam menyelidikan sesuatu kes supaya seseorang yang dituduh tidak teraniaya; lebih-lebih lagi dalam mencegah pencerobohan yang merosakkan keamanan negara supaya orang ramai sentiasa di dalam keadaan aman, tenteram dan mendapat perlindungan.

Dalam melaksanakan tugas yang disebutkan memerlukan kebijaksanaan dan semangat berani menghadapi apa jua pun. Sebab itu kebijaksanaan dan semangat berani perlu ditanamkan kepada mereka terutama sekali dalam menghadapi jenayah. Untuk menguatkan semangat mereka, pemahaman terhadap hukum-hukum Islam perlu dijelaskan terutama hukum Tauhid dan Tasawuf supaya mereka mengetahui dan memahami tugas mereka menjaga keamanan itu adalah sebahagian daripada amal salih dan sesuatu kejadian itu tidak akan terjadi tanpa izin Allah Subhanahu Wataala. Ini boleh menjadikan mereka tidak merasa takut dalam menghadapi sesuatu kerana mereka telah mengetahui, bahawa tugas yang dijalankan oleh mereka itu adalah perkara yang disuruh oleh Allah dan sesuatu yang berlaku itu adalah ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Semasa menghadapi musuh, bahaya akan menimpa memang terasa tetapi kalau mereka memahami bahawa suatu kematian dalam menjalankan tugas itu adalah suatu kemuliaan di sisi Allah dan suatu yang berlaku itu ditakdirkan oleh Allah Subhanahu Wataala, insya-Allah semangat keberanian mereka akan lebih kukuh lagi. Jika hendak menambahkan kekuatan semangat keberanian ini, hendaklah digalakkan mereka mengamalkan zikir-zikir tertentu supaya mereka sentiasa mengingati Allah dan tugas yang dijalankan mendapat keredaan-Nya.

SEBAGAIMANA yang telah disebutkan bahawa dalam melaksanakan maksud MIB ini, tanggungjawab tiap-tiap kementerian dan cara melaksanakannya memang berlainan. Ini terpulanglah kepada kebijaksanaan masing-masing dan kesempurnaan hasil yang dilaksanakan juga akan tertakluk kepada kebijaksanaan dan pengetahuan yang melaksanakannya. Begitu juga cara melaksanakannya akan tertakluk juga kepada kepintaran masing-masing menurut bentuk rancangan yang diadakan, asalkan maksudnya semata-mata menuju untuk menjadikan NBD itu menurut yang dihasratkan oleh baginda.

Jabatan Perdana Menteri

Untuk melaksanakan maksud dasar MIB ini Jabatan Perdana Menteri memang sentiasa akan meneliti sama ada tiap-tiap kementerian telah mengambil langkah positif untuk membuat perancangan mengenai pencapaian maksud MIB ini dan dari satu masa ke satu masa perancangan yang dimaksudkan memang akan diteliti lagi untuk mengetahui sejauh mana pencapaian yang telah dilaksanakan kerana jabatan ini seharusnya mempunyai daya pemikir dan perancang, daya penggerak dan monitoring. Selain daripada itu tugas yang akan dijalankan oleh jabatan-jabatan yang di bawah Jabatan Perdana Menteri memang diaturkan juga supaya jabatan-jabatan itu sentiasa menyempurnakan maksud MIB seperti misal yang disebutkan di bawah ini:

Radio Televisyen Brunei

Sebagaimana yang telah diusahakan siaran-siaran yang diterbitkan telah diselaraskan dan disesuaikan dengan maksud MIB, umpamanya membanyakkan perkara-perkara yang menonjolkan unsur kemelayuan, ajaran Islam dan tatasusila beraja termasuk membanyakkan slot drama dan cerpen yang mengandungi unsur pendidikan yang berlatarbelakangkan kebudayaan seni Melayu dan pengajaran Islam untuk menyeimbangi filem-filem dari Barat yang tidak bersesuaian. Nyanyian-nyanyian asli dan lagu-lagu Melayu diperbanyakkan secara beransur-ansur supaya tidak terasa penukaran itu kepada penonton. Isi kandungan ceramah atau forum diperbanyakkan perkara yang mengandungi unsur pendidikan dan ajaran Islam yang menuju kepada pencapaian maksud MIB. Penyaluran pendidikan yang lebih berkesan lazimnya melalui drama kerana pengaruh percakapan dalam drama lebih mudah meresap. Begitu juga syarahan-syarahan yang mengandungi maksud-maksud MIB elok juga disiarkan dalam RTB supaya dapat memudahkan pemahaman orang ramai terhadap maksud MIB terutama syarahan-syarahan yang diberikan oleh menteri-menteri, setiausaha-setiausaha tetap dan ketua-ketua jabatan. Perlu diambil perhatian juga bahawa muzik dan tarian adalah menjadi kegemaran ramai dan menjadi hiasan utama kepada siaran televisyen, sedangkan perkara ini adalah berlawanan dengan hukum Islam. Maka masalah ini perlu dicari penyelesaiannya supaya selaras dengan maksud penyiaran yang hendak menyempurnakan maksud MIB. Perkara yang disebutkan ini adalah sebagai misalan sahaja, manakala rancangan-rancangan yang selanjutnya akan terpulanglah kepada pihak yang bertugas masing-masing asalkan maksud itu menuju pencapaian matlamat MIB.

Jabatan Penerangan

Jabatan ini telah menyusun penerangan-penerangan mengenai sesuatu perkara yang telah berlaku dan akan berlaku atau sesuatu yang memerlukan penerangan yang selanjutnya supaya perkara ini dapat difahamkan oleh orang ramai dan tidak menimbulkan sesuatu perasaan syak wasangka. Dengan kata lain, daripada penerangan itu boleh meyakinkan orang ramai terhadap sesuatu yang dijalankan oleh kerajaan terutama perkara yang berhubungkait dengan dasar perlaksanaan MIB. Maksud penerangan ini memang sangat luas, maka kesimpulannya dapat dikatakan bahawa suatu yang dijalankan itu diberikan penerangannya untuk lebih memudahkan kepada pihak yang hendak menjalankannya. Perkara ini juga akan terpulang kepada pihak yang bertugas untuk mengaturkan perkara-perkara yang patut diberi penerangan asalkan kesempurnaan maksudnya dituiukan ke arah pencapaian MIB.

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Memandangkan kepada perhubungan antara sebuah negara dengan sebuah negara sangat diperlukan untuk

LIHAT MUKA 12

SEMINAR MELAYU ISLAM BERAJA

DARI MUKA 11

PERLAKSANAAN DASAR NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA

menjalin silaturahim antara negara-negara di seluruh dunia, maka inilah yang menyebabkan NBD telah mengadakan perwakilannya di manamana tempat yang difikirkan sesuai untuk memudahkan perhubungan itu dilakukan. Dengan adanya perwakilan sedemikian dapatlah NBD mengetahui pendirian negara tersebut terhadap Brunei dan negara-negara yang dimaksudkan dapat juga mengetahui hal ehwal Negara Brunei Darussalam yang sebenarnya; seumpama sejarahnya, kebudayaannya, kemajuan perniagaannya dan sebagainya terutama mengenai pendirian Brunei yang suka berbaik-baik dengan negara lain supaya maklumat yang diberikan itu dapat meyakinkan negara-negara lain supaya maklumat yang diberikan dasar MIB ternyata mencintai keamanan, ketenteraman dan keadilan. Di samping itu diselajurkan juga bagaimana cara hendak mengatur strategi perniagaan Brunei dengan negara itu. Sebab itulah pegawai-pegawai yang akan ditugaskan diberi latihan tertentu supaya bersesuaian dengan kehendak-kehendak perwakilan itu dan mereka dapat menyampaikan maklumat-maklumat mengenai gambaran sesuatu yang diarahkan. Dalam mengatur penempatan sesuatu duta itu, perlu diambil perhatian juga kemampuan Brunei mengadakan sesuatu duta itu dan faedah yang didapati daripadanya.

Kementerian Kewangan

Kewangan memang merupakan nyawa kepada sesebuah kerajaan. Maka itulah sebabnya kementerian ini berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan sumber kewangan yang sebanyak-banyaknya, mengukuhkan kedudukannya dan berjimat cermat yang sebanyak-banyaknya, mengukuhkan kedudukannya dan berjimat cermat membelanjakannya atau dengan kata lain, kementerian ini sentiasa berusaha mencari jalan bagaimana hendak mendapatkan sumber penghasilan yang sebanyak-banyaknya untuk menampung perbelanjaan negara, sama ada melalui pelaburan atau sebagainya supaya kedudukan kewangan negara sentiasa stabil dan dapat menampung perbelanjaan yang diperlukan kerana rupa bentuk kesempurnaan sesuatu yang hendak dijalankan oleh kerajaan tertakluk kepada keadaan kewangan. Cara menimbangkan sesuatu yang hendak dibiayai juga perlu diambil perhatian supaya sesuatu yang dibiayai itu benar-benar kena pada tempatnya dan mendatangkan faedah. Walau bagaimanapun, cara mendapatkan penghasilan itu seberapa boleh berasaskan hukum-hukum Islam dan terpelihara daripada sesuatu yang berunsur riba kerana riba itu dosa besar yang ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah Ali Emran, ayat 130 tafsirnya :

"Wahai orang yang beriman janganlah kamu memakan riba dan bertakwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan."

Dalam Surah Al-Baqarah ayat 275 tafsirnya :

"Keadaan orang-orang yang memakan riba itu tidak dapat berdiri melainkan berdiri seperti orang yang dimasuki syaitan."

Untuk memelihara kekukuhan dan kestabilan kedudukan kewangan Brunei, perlu diambil perhatian juga bahawa penghasilan Brunei pada masa ini hanya tertumpu kepada minyak dan gas yang pada masa nanti akan berkurangan dan boleh jadi akan habis. Maka dengan sebab itu, semasa modal masih ada, usaha untuk mengekalkan penghasilan itu perlu dijalankan dengan bersungguh-sungguh untuk mencari sumber lain atau sebagainya supaya kemakmuran sekarang dapat dinikmati terus-menerus. Dasar fizikal sistem kewangan menurut hukum Islam perlu diusahakan menurut lunas-lunas hukum Islam termasuk sistem Banking dan dasar ekonomi yang realistik dan suci daripada segi sesuatu yang berlawanan dengan hukum Islam. Perkara ini seterusnya menjadi amalan kerajaan dan pimpinan itu diluaskan kepada sektor swasta.

Untuk maksud ini pegawai-pegawai yang terdiri daripada rakyat Brunei sendiri perlu dilatih dalam bidang kepakaran di tiap-tiap bahagian kewangan, kerana urusan pengendalian kewangan ini memerlukan kepakaran yang terdiri daripada bangsa sendiri supaya urusan selok-belok kewangan Brunei tidak terdedah. Begitu juga sesiapa yang terbukti kepakarannya digalakkan menambah pengetahuan dan meluaskan pengalaman dalam sesuatu bidang kepakaran yang sedia supaya tidak memerlukan pakar dari luar. Di samping itu, sejarah kemelesetan kewangan Brunei pada masa lalu perlu diketahui dan dikaji supaya bahaya itu tidak berulang lagi.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Keamanan dan ketenteraman NBD ini adalah suatu perkara yang perlu dicapai. Ini adalah menjadi tanggungjawab utama kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana pencapaian kemakmuran dan kemajuan berpunca daripada adanya keamanan dan ketenteraman ini. Maka sebab itulah kementerian yang berkenaan sentiasa menyusun rancangan yang berkesan termasuk penyusunan pentadbiran yang rapi dan penempatan pegawai yang cekap pada tempatnya yang sesuai dengan keperluannya untuk mengawasinya. Pentadbiran yang hendak disusun itu perlu disesuaikan jua dengan jiwa orang-orang yang diam di Brunei ini yang bukan hanya terdiri daripada orang Brunei sahaja, tetapi juga para pendatang yang mempunyai bermacam-macam tingkah laku dan perangai yang berlainan. Untuk mengawal mereka yang disebutkan sangat memerlukan kajian terhadap kelakuan, gerak-geri dan perangai mereka masing-masing itu supaya keadaan mereka mudah dikenal pasti dan perancangan yang disusun itu dapat mengawal mereka. Pintu keluar masuk ke dalam negara ini juga perlu dikawal dengan rapi supaya penyeludupan tidak berlaku terutama kemasukan pendatang haram melalui sempadan, kerana mereka ini lazimnya banyak melakukan jenayah. Untuk mencapai maksud ini memang sukar, tetapi sesuatu masalah yang ditemui, mesti diusahakan untuk mendapatkan penyelesaiannya terutama sekali masalah jenayah.

Pencapaian rancangan ini bukan dilaksanakan dengan cara menyeru orang ramai membuat sesuatu sahaja tetapi yang pentingnya grass-root organization diperkuatkan iaitu disalurkan melalui pegawai-pegawai daerah, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung serta majlis-majlis perundingan kampung. Daripada saluran tersebut dasar kerajaan akan dapat disampaikan dan hasrat rakyat dapat ditimbang dan dihalusi melalui semangat MIB. Masalah pengangguran juga perlu diambil berat kerana perkara inilah yang selalu menimbulkan kekacauan. Sebab itu latihan-latihan yang sempurna untuk sesuatu pekerjaan perlu diberikan kepada rakyat dan penduduk NBD supaya memudahkan mereka mendapatkan mata pencarian dan oleh kerana mereka mempunyai sesuatu kebolehan dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan, majikan juga senang menerima mereka dengan membayar gaji lebih.

Kementerian Pendidikan

Usaha utama yang perlu dijalankan oleh Kementerian Pendidikan menjadikan rakyat dan penduduk NBD ini manusia kamil, yang memahami tanggungjawab dirinya terhadap Allah, iaitu manusia yang sentiasa mengingat Allah dan menjalankan ibadat dengan sempurna kerana jin dan manusia dicipta oleh Allah Subhanahu Wataala semata-mata untuk beribadat kepada-Nya seperti yang dimaksudkan oleh Al-Quran, Surah Adz-D-Zaariyaat, ayat 56 tafsirnya :

"Tidak akan dijadikan jin dan manusia itu melainkan untuk menyembah Aku (beribadat)."

Untuk menggalakkan manusia kamil itu sentiasa beribadat sebagai persediaan untuk bekalan yang akan dibawa ke akhirat, maka maksud ini memerlukan perancangan penyusunan pengajaran yang tertentu sesuai dengan sesuatu yang hendak dijadikan bekalan di bawa ke akhirat itu nanti. Lumih-lumih pengajaran yang diperlukan inilah yang perlu disusun untuk disampaikan kepada pihak yang dididik itu. Rupa bentuk acuan didikan itu boleh dirujuk kepada Al-Quran dan hadis; manakala akhlak Nabi Muhammad sendiri menjadi contohnya sebagaimana yang tersebut dalam Al-Quran, Surah Al-Ahzab ayat 21 tafsirnya :

"Sesungguhnya telah ada (pada diri) Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagi kamu iaitu orang yang mengharapkan (rahmat) Allah dan (kedatangan Hari Kiamat) dan orang yang banyak menyebut Allah (berzikir) sebanyak-banyaknya."

Walau bagaimanapun, di samping membuat persediaan itu Allah telah mengingati manusia supaya jangan pula melupakan nasib mereka di dunia ini seperti yang disebutkan dalam Al-Quran, Surah Al-Qashash ayat 77 tafsirnya :

"Dapatkanlah apa yang akan menjadi persediaan untuk menghadapi Hari Akhirat tetapi jangan kamu lupa nasibmu di dunia."

Daripada ayat di atas dapat diambil kesimpulan bahawa manusia dikehendaki juga melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk hidup di dunia ini supaya membina kehidupan dan mensesuaikan diri dengan keperluan kehidupan untuk menjadikan dunia sebagai jambatan tempat lalu untuk menyampaikan ke akhirat. Persediaan untuk melengkapkan diri dan mengusai dunia yang menjadi jambatan tempat lalu itu perlu diusahakan dengan sedaya upaya yang boleh dan dibina dengan sekukuh-kukuhnya supaya perjalanan semasa lalu di jambatan itu tidak tergendala dan kalau jambatan tempat lalu itu lebih kukuh, akan lebih senang melaluinya dan kehidupan di dunia dapat bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Perlu diambil perhatian bahawa jambatan yang dibina sekukuh-kukuhnya itu bukan dimaksudkan untuk tempat tinggal selama-lamanya, melainkan tempat lalu sahaja. Dengan sebab itu pengajaran yang disusun hendaklah disesuaikan dengan hukum-hukum Islam dan cara-cara mendidik pelajar-pelajar yang dimaksud seberapa boleh berasaskan ajaran Al-Quran dan hadis agar mereka yang dididik itu dapat menghayati hukum-hukum Islam dan sesuatu yang dilakukan itu seberapa boleh diniatkan untuk dijadikan ibadat kepada Allah Subhanahu Wataala iaitu semata-mata untuk mencapai keredaan-Nya, termasuk mengukuhkan semangat Brunei jati yang sentiasa taat setia kepada sultan yang memerintah.

Untuk maksud tersebut sistem pendidikan akan disusun syallabusnya berpandukan MIB termasuk mencari jalan bagaimana hendak menyampaikan ilmu pengetahuan kepada penuntut-penuntut dengan semudah-mudahnya dan seberapa cepat yang mungkin supaya masa yang diuntukkan itu dapat diisikan dengan ilmu pengetahuan yang sebanyak-banyaknya. Ilmu pengetahuan yang dimaksudkan itu pula hendaklah meliputi perkara-perkara yang dikehendaki oleh kehidupan sehari-hari termasuk kemajuan sains dan teknologi untuk membolehkan rakyat dan penduduk NBD ini dapat menggunakan sumber hidup kurnia Allah yang ada di bumi sendiri dan dapat diusahakan sendiri supaya hasil kemakmurannya dapat dinikmati sendiri turun-temurun selama-lamanya. Semua pelajaran baik sains dan teknologi dan lain-lain yang diajarkan hendaklah disalurkan kepada proses pengislaman ilmu pengetahuan itu (Islamisation of knowledge) dan menghindarkan daripada semua sifat-sifat sekular; sama ada daripada segi kurikulum mahu pun kegiatan luar. Dengan kata lain, semua yang diajarkan itu diselaraskan dengan ajaran Islam supaya pelajar-pelajar tidak terkeliru dengan pendapat yang mengatakan bahawa sesuatu itu terjadi dengan sendirinya.

Kementerian Hal Ehwal Ugama

Bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama bukan hanya ajaran Islam itu disebarkan seluas-luasnya kepada rakyat dan penduduk NBD ini, tetapi pemahaman terhadap maksud ajaran Islam juga akan dijelaskan sehingga mereka mengetahui dan memahami selok-belok hukum-hukum Islam dengan sempurna; sekurang-kurangnya sesuatu yang dilakukan itu dapat ditentukan hukumnya. Dengan demikian, orang-orang Islam dapat menghayati pengajaran Islam yang disampaikan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan ajaran itu diikut dengan sepenuh keimanan sehingga tidak dapat dipengaruhi oleh ajaran sesat. Di samping itu, dari satu masa ke satu masa kementerian ini juga akan mengusahakan cara-cara menyampaikan ajaran Islam dengan lebih mudah dan senang difahamkan oleh pihak yang dihasratkan mengikut peringkat kemampuan masing-masing, supaya ajaran itu dengan senang diterima oleh rakyat dan penduduk NBD ini yang bukan hanya lumih-lumihnya diketahui, tetapi juga terus diamalkan dengan penuh keyakinan untuk mendapatkan keredaan Allah.

Perlu ditekankan bahawa semua ajaran Islam yang dilakukan adalah ibadat termasuk cara hidup yang meliputi segala aspek kehidupan harian. Tidak ada suatu lapangan pun yang dibuat oleh umat manusia yang tidak diliputi dan dikawal oleh Islam. Dengan sebab itu kementerian berkenaan sentiasa berusaha untuk membimbing rakyat dan penduduk negara ini mengamalkan sesuatu yang diaturkan oleh ajaran Islam supaya aspek-aspek ibadat seperti sembahyang, puasa, selawat dan seumpamanya itu boleh memudahkan kehidupan setiap hari terutama sekali dalam menghadapi beberapa cabaran di dunia ini. Kementerian ini juga mesti menyambut baik usaha-usaha orang-orang Islam bagi mengembangkan Islam di negara ini dan memimpin pihak yang berkenaan ke arah yang dimaksudkan oleh MIB.

Selain daripada itu, perkara yang boleh merosakkan akidah juga perlu diterangkan sejelas-jelasnya kepada orang Islam, kerana perkara itu sangat mudah berlaku tanpa disedari akibatnya. Sebagai misal, aurat perempuan itu termasuk menutup rambut. Bagi orang perempuan yang suka hendak menunjukkan kecantikan rambutnya boleh jadi akan menyifatkan hukum itu berlawanan dengan hasratnya. Jika hasrat itu telah mempengaruhi jiwa seseorang, tanpa disedari akan dikatakannya membuka tudung itu tidak salah atau bertudung bagi perempuan itu dikatakannya suatu perkara yang menyusahkan. Jika diiktikadkan sedemikian, maka perbuatan itu boleh menjadikan orang itu murtad. Masalah murtad ini pula akan melibatkan beberapa perkara lain seperti gugur talak, putus waris dan lain-lain lagi. Jika kemungkaran itu terus-menerus berlaku dan tidak rujuk kembali kepada ajaran Islam, orang sedemikian akan terkeluar daripada agama Islam; padahal perkara itu bukan dihasratkan sedemikian.

Memandang kepada penghayatan ajaran Islam itu memerlukan kesucian jiwa, maka penjualan permakanan kepada orang-orang Islam perlu dikawal supaya semua makanan yang dijual kepada mereka terjamin halalnya dan terselamat dari bahaya memakan makanan yang tidak halal termasuk makanan di restoran kerana orang yang memakan makanan yang tidak halal itu tidak diterima doanya selama 40 hari. Seperti yang tersebut dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas Radiallahuanhu :

"Sesungguhnya hamba Allah yang memasukkan sesuap benda haram ke dalam perutnya maka tiada diterima amalnya selama 40 hari."

Perkara ini dapat difahamkan juga daripada maksud hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Muslim. :

"Ada seorang yang kusut-masai, berdebu serta sentiasa mengembara dalam berbagai-bagai perjalanan, keadaan makanannya adalah penuh keharaman, pakaiannya penuh keharaman, dibesarkan dengan kekayaan daripada keharaman. Dia lalu mengangkat kedua tangannya sambil mengucapkan : "Ya Tuhanku, Ya Tuhanku." Tetapi bagaimana orang yang sedemikian itu akan dapat dikabulkan permohonannya."

Masalah ini perlu diambil perhatian berat kerana doa itu adalah senjata utama kepada orang Mukmin dan jika doa itu selalu tidak diterima sudah tentu akan menjejaskan amalan yang dikerjakan. Untuk mengelakkan bahaya makanan tidak halal itu (supaya tidak dimakan oleh orang-orang Islam), maka perlulah dicari penyelesaian yang berkesan terhadap masalah-masalah yang sedemikian itu.

BERSAMBUNG

SEMINAR MELAYU ISLAM BERAJA

PERLAKSANAAN DASAR NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA



MUKADIMAH

FALSAFAH Melayu Islam Beraja (MIB) yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984 itu memang telah diamalkan terus-menerus oleh sultan-sultan Brunei sejak Negara Brunei Darussalam menjadi negara Islam dan mengamalkan ajaran Islam untuk dijadikan dasar negara. Dengan kata lain MIB itu bukanlah satu dasar yang baru bagi Negara Brunei Darussalam, hanya cahayanya yang kabur itu perlu digosok dan digilap supaya kelihatan cemerlang.

Demikian antara lain pandangan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja' dalam Seminar Melayu Islam Beraja anjuran bersama Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dari 30 Julai hingga September 1994.

SAMBUNGAN MINGGU LEPAS

Kementerian Undang-Undang

UNTUK melaksanakan pencapaian maksud MIB ini memang menjadi tanggungjawab utama kepada kementerian ini meneliti undang-undang yang sedang berjalan sama ada bersesuaian dengan hukum Islam atau sebaliknya; mana-mana undang-undang yang belum mengikut hukum-hukum Islam inilah yang akan diselaraskan dengan hukum-hukum yang telah disebutkan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran, kerana orang yang melanggar hukum ini telah ditentukan hukumannya oleh Allah Subhanahu Wataala seperti yang tersebut dalam Al-Quran iaitu dapat Surah Al-Maa-idah, ayat 44 tafsirnya :

"Barangsiapa tiada menghukum menurut undang-undang yang diaturkan oleh Allah Subhanahu Wataala, maka mereka itu termasuk di dalam golongan orang kafir."

Dalam Surah Al-Maa-idah ayat 45 yang tafsirnya :

"Barangsiapa tiada menghukum menurut undang-undang yang diaturkan oleh Allah Subhanahu Wataala, maka mereka itu termasuk di dalam golongan orang zalim."

Dan dalam Surah Al-Maa-idah, ayat 47 tafsirnya :

"Barangsiapa tiada menghukum menurut undang-undang yang diaturkan oleh Allah Subhanahu Wataala, maka mereka itu termasuk di dalam golongan orang fasiq."

Ketiga-tiga kategori hukum ini sangat besar dosanya, lebih-lebih lagi jika hukum-hukum Allah itu diiktikadkan tidak sesuai dengan zaman, maka orang tersebut akan menjadi murtad, terkeluar daripada agama Islam. Oleh itu untuk mengelakkan bahaya yang sedemikian inilah kementerian tersebut perlu mengambil langkah positif untuk menyelesaikan masalah ini. Memang disedari bahawa hampir-hampir seluruh dunia pada masa ini menggunakan undang-undang yang dicipta oleh manusia sendiri dan ada di antara orang Islam yang terpengaruh dengan undang-undang ini menganggap bahawa undang-undang itulah yang sesuai dengan perikemanusiaan sehingga mereka berani mengatakan undang-undang ciptaan Allah itu sudah ketinggalan zaman dan ada yang mengatakan kejam. Anggapan yang sedemikian ini sangat merbahaya kerana orang yang tidak percaya hukum Allah dalam Al-Quran itu jika dengan iktikad yang putus, orang itu boleh jadi murtad.

Dalam melaksanakan undang-undang menurut ajaran Islam ini telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan seperti tersebut :

"Di tangan umat Islam terdapat kemahiran dan kekayaan, termasuklah kemahiran dalam melaksanakan hukum. .... Atas realiti inilah pula, kita bertambah yakin bahawa dunia pada suatu masa kelak akan menyaksikan hukum Islam itu berjalan lebih menyeluruh lagi sebagai cara hidup yang syumul dan lengkap dalam semua aspek kehidupan. Dan atas asas inilah juga makanya, Negara Brunei Darussalam pada masa ini, sedang rancak bergerak ke arah mengislamkan undang-undangnya."

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

Memang menjadi tanggungjawab kepada kementerian ini berusaha untuk mencapai kemakmuran dan kestabilan perekonomian negara kerana sesuatu kemajuan itu sangat bergantung kepada penghasilan yang didapati oleh negara seperti perindustrian dan sumber-sumber perekonomian. Contohnya, negara-negara yang kukuh dan stabil perekonomiannya, kebanyakan terdiri daripada negara yang mempunyai perindustrian yang dapat menggunakan sumber-sumber utamanya menjadi barangan siap untuk dieksport dan dipasarkan. Untuk menjayakan maksud ini bukan hanya memerlukan modal besar, tetapi juga memerlukan kepakaran dan kepintaran dalam bidang usaha yang akan dijalankan itu. Dalam melaksanakan maksud MIB ini, sesuatu usaha yang dijalankan pula bukan hanya keuntungan yang akan diperolehi yang menjadi matlamat utama, tetapi yang sangat penting usaha itu dijalankan oleh rakyat dan penduduk NBD ini sendiri; sekurang-kurangnya dapat menjadi suatu mata pencarian kepada mereka yang disebutkan. Perlu diambil perhatian juga, bahawa dalam usaha ini lazimnya menghadapi persaingan dalam pemasaran dan penjualan sesuatu barangan terutama daripada segi kualiti dan persesuaian harganya. Untuk mengatasi perkara ini barangan yang dihasilkan seberapa boleh lebih baik daripada barangan orang lain; sekurang-kurangnya sama kualitinya dengan barang yang dihasilkan oleh orang lain dan harganya pula lebih murah. Perhitungan seperti ini sangat memerlukan kepakaran dan kemahiran kerana untung rugi tertakluk kepada keputusan yang ditetapkan; lebih-lebih lagi sesuatu perusahaan yang akan dijalankan itu bukan hanya untuk mendapatkan keuntungan sahaja, tetapi yang pentingnya usaha itu dapat menjadi mata pencarian rakyat dan penduduk NBD ini.

Kementerian ini antara lain bertanggungjawab juga terhadap perlaksanaan hal perekonomian negara. Walau bagaimanapun, dalam menuju ke arah keuntungan yang maksima hendaknyalah berhati-hati supaya cara mencapai keuntungan itu bersih daripada penyelewengan dan perkara yang diharamkan Islam dan demikian juga keuntungan yang dicapai hendaknyalah menurut lunas-lunas hukum. Dalam sistem sekular, cara mencapai keuntungan itu tidak kira sama ada melalui tipu muslihat atau seumpamanya asalkan keuntungan maksima dapat dicapai. Inilah perbezaan di antara perekonomian Islam dengan perekonomian sekular. Selain daripada itu, cara perindustrian dan perusahaan Islam yang lebih baik dan lebih menguntungkan daripada cara sekular hendaklah ditunjukkan melalui perlaksanaan dan dijalankan secara berhati-hati. Oleh yang demikian, dalam sesuatu persaingan akan nyata cara Islam itu merupakan satu alternatif yang lebih baik.

Dalam bahagian pertanian, seberapa boleh usaha yang akan dijalankan ditumpukan kepada barang-barang permakanan yang dikehendaki oleh negara dan usaha itu dijalankan oleh orang-orang Brunei sendiri sebagai suatu mata pencarian utama kepada rakyat dan penduduk NBD kerana kalau perkara ini semata-mata berharapkan orang lain atau dari luar akibat daripada kelalaian seperti ini boleh mendatangkan kesusahan kepada orang Brunei sendiri seperti yang telah dialami semasa Perang Dunia II yang mana orang Brunei hampir kebuluran. Dengan sebab itu sesuatu barang permakanan yang diperlukan itu mustahak diusahakan di negara sendiri. Walaupun sesuatu barang itu pada masa ini mudah didapat, tetapi dalam masa darurat atau dalam masa kesusahan berlainan keadaannya. Perkara ini kalau tidak dikaji memang dipandang remeh, tetapi setelah dirasa akibatnya barulah diakui nilai keperluannya itu. Dalam masa mewah ini memang usaha seperti ini disangka tidak perlu, kerana sesuatu yang dikehendaki serba ada asalkan ada wang; lebih-lebih lagi Brunei sudah menjadi pusat pemasaran hasil tanam-tanaman dari negara jiran, tetapi kalau barang yang diperlukan sesudah tiada wang pun tidak berharga.

Memandang kepada keadaan yang disebutkan, penyelidikan dan pengkajian teliti untuk mendapatkan faktor-faktor yang tertentu dan penyelesaian masalah penghasilan yang tidak mencukupi termasuk pemasaran yang tidak stabil perlu dijalankan. Begitu juga barang yang dihasilkan sama ada disukai oleh pihak pengguna atau sebaliknya, perlu diketahui kedudukannya. Penghasilan yang tidak stabil inilah yang menjadikan petani-petani meninggalkan kerjanya kerana hasil yang mereka dapati tidak seimbang dengan kelelahan mereka. Sebagai misal, jika penanam padi yang menanam padi dua kali setahun yang bekerja bersungguh-sungguh hanya dapat menghasilkan setinggi-tingginya 4,000 gantang padi atau 2,000 gantang beras, tentulah penghasilan seperti itu tidak mencukupi jika dibandingkan dengan perbelanjaan diperlukan; sedangkan kerja yang dibuatnya terlalu berat, tidak setimpal wang yang didapati dengan kelelahannya. Perkara ini perlu diambil perhatian untuk dikaji.

Jika petani ini hendak digalakkan terus-menerus bekerja menanam padi bukanlah dengan cara menggesa mereka sahaja, tetapi mestilah diadakan suatu skim rancangan yang bersesuaian dengan matlamatnya seperti diadakan tali air yang sempurna, mesin-mesin yang bersesuaian dan subsidi yang berpatutan untuk menggalakkan petani itu terus berusaha. Di samping itu, pimpinan untuk meningkatkan taraf pengetahuan teknikal mereka perlu diusahakan supaya dapat memajukan kerjaya mereka itu.

Perkara yang disebutkan ini sangat memerlukan perhitungan yang tepat, umpamanya berapa ekar padi boleh dikendalikan oleh seseorang dengan menggunakan mesin yang dimaksudkan dan berapa lama mesin tersebut boleh digunakan dan berapa banyak keuntungan yang akan didapati daripada penggunaan mesin itu termasuk harga memeliharanya sama ada perbelanjaan yang telah dilakukan itu dapat memberikan keuntungan kepada usaha itu atau sebaliknya. Daripada hasil yang didapati itu pula dapat diketahui berapa luas tanah yang diperlukan untuk penanaman padi ini supaya hasilnya dapat memenuhi kehendak-kehendak negara. Jika ketentuan daripada pengkajian dan penyelidikan itu telah didapati barulah petani-petani itu diarahkan menjalankan kerja itu. Begitu juga halnya dengan buah-buahan, sayur-sayuran dan binatang ternakan perlu dikaji dengan teliti juga berapa banyak diperlukan dan berapa banyak tanah dikehendaki untuknya dan berapa banyak hasil boleh didapati daripadanya, sama ada boleh menjadi mata pencarian lumayan atau sebaliknya atau boleh memenuhkan kehendak negara supaya Brunei dapat hidup dengan menggunakan usaha sendiri.

Bagi perusahaan kayu-kayuan juga perlu dikaji berapa banyak kayu yang disimpan dan berapa lama kayu-kayu itu boleh digunakan dan bagaimana pula cara menanam semula bagi kayu yang baru untuk menjadi pengganti kepada kayu yang telah ditebang. Jenis-jenis kayu yang hendak ditanam semula pun memerlukan pengkajian juga untuk memilih sesuatu yang bernilai tinggi supaya kayu yang ditanam semula itu dipilih daripada jenis kayu yang lebih menguntungkan dan dapat menghasilkan pendapatan yang boleh menambahkan hasil negara. Pada zaman kemajuan ini kayu-kayuan itu tidak pula semuanya sesuai dijual sebagai papan, tetapi sebahagiannya perlu dijadikan benda siap daripada kayu-kayu itu lebih banyak keuntungan daripada yang lazim. Usaha ini pula memerlukan kualiti tukang yang hendak membuatnya supaya penjualannya bersesuaian dengan maksud pengguna. Matlamat utama dalam perkara ini, sesuatu yang diusahakan itu boleh menarik perhatian rakyat dan penduduk NBD ini supaya suka menggunakan alat-alat perkakas yang dihasilkan oleh orang Brunei sendiri.

Mengenai masalah perikanan, jabatan berkenaan akan berusaha untuk menyelidiki di mana ikan-ikan itu boleh didapati sama ada di sungai atau di laut dan bagaimana kehidupan ikan-ikan itu sama ada boleh dipelihara secara ternak atau sebagainya termasuk cara mengelakkan perkara yang boleh merosakkan kehidupan ikan-ikan itu. Kalau ikan-ikan itu dikehendaki berkumpul di satu tempat, boleh juga diadakan keadaan yang disukai oleh ikan-ikan seperti mengumpul bekas tayar di satu tempat untuk tempat ikan itu bermain, maka di tempat itu yang akan ditulus. Jika pengkajian itu hendak diluaskan lagi, tempat ikan-ikan berkumpul di suatu jenis lapisan air yang bersesuaian dengan sesuatu jenis ikan juga perlu diketahui supaya dapat ditentukan tempat ikan-ikan itu boleh didapati termasuk cara menangkapnya dengan mudah untuk mendapatkan hasil yang lebih banyak dan dapat menampung keperluan yang dikehendaki termasuk cara pemasarannya sekali.

Untuk memenuhi kehendak yang mencukupi untuk diperlukan supaya tidak berharapkan ikan-ikan dari luar, usaha penangkapan ini boleh diluaskan ke laut yang dalam, tetapi usaha ini memerlukan kajian dan perhitungan yang terperinci untuk menentukan apa jenis kapal yang hendak digunakan termasuk alat-alatnya sekali bagi membolehkan penangkapan ikan itu mendapat hasil yang banyak. Modal yang dikehendaki juga perlu dibandingkan dengan keuntungan yang akan diperolehi termasuk harga pemeliharaan kapal dan jentera-jentera yang hendak digunakan. Selain daripada itu perlu juga diambil perhatian bahawa sesuatu usaha yang hendak dijalankan itu semata-mata dimaksudkan untuk menjadi mata pencarian kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam ini. Rancangan yang disebutkan ini memerlukan latihan khas supaya nelayan yang dihasratkan dapat mencapai hasil yang sempurna.

Menurut Jeniffer Elkin dalam artikelnya yang bertajuk 'Observations of Marine Animals in the Coastal Water of Western Brunei Darussalam' terdapat lebih kurang 39 jenis hidupan laut khususnya ikan di sekitar kawasan garisan bujur timur 114° dan garisan lintang utara antara 49° 56" sehingga 5° 15". Ikan kecil terlalu banyak dan bermacam-macam jenis. Di antara ikan besar yang didapati ialah ikan yu, pari termasuk penyu. Kebanyakan hidupan liar ini berkumpul di kawasan batu karang yang terdapat di kawasan ini. Kepastian tempat ikan bermain-main di kawasan perairan Brunei ini perlu diketahui supaya senang nelayan Brunei menulus tempat itu.

BERSAMBUNG

"DI TANGAN umat Islam terdapat kemahiran dan kekayaan, termasuklah kemahiran dalam melaksanakan hukum. .... Atas realiti inilah pula, kita bertambah yakin bahawa dunia pada suatu masa kelak akan menyaksikan hukum Islam itu berjalan lebih menyeluruh lagi sebagai cara hidup yang syumul dan lengkap dalam semua aspek kehidupan. Dan atas asas inilah juga makanya, Negara Brunei Darussalam pada masa ini, sedang rancak bergerak ke arah mengislamkan undang-undangnya."

SEMINAR MELAYU ISLAM BERAJA

SAMBUNGAN MINGGU LEPAS

MENGENAI usaha menternak ayam yang dijalankan oleh orang-orang tempatan sudah tentu diusahakan peningkatan pengeluaran hasilnya supaya dapat memenuhkan keperluan orang ramai dan pemasarannya terjamin agar kemasukan ayam dari luar negeri yang kebanyakannya tidak halal dapat dielakkan kerana perkara ini berlawanan dengan hukum Islam. Begitu juga halnya dengan daging-daging yang tidak disembelih dan tidak halal perlu dicegah juga supaya tidak dimasukkan lagi. Perkara ini boleh diusahakan dengan cara mengaturkan penyembelihan sendiri sama ada dijalankan oleh satu badan perniagaan yang diaturkan oleh Kerajaan Brunei sendiri atau sebagainya kerana Brunei ada mempunyai sebuah ladang sapi di Australia yang boleh menampung kehendak-kehendak yang diperlukan oleh Brunei dan yang selebihnya boleh dijual ke negara-negara jiran atau sebagainya. Kemasukan daging yang tidak halal itu tidak boleh dibiarkan terus-menerus kerana perkara ini banyak mendatangkan masalah terutama sekali masalah permakanan sekolah dan pembekalan makanan di majlis-majlis perkahwinan kerana pihak pemborong lazimnya sentiasa mencari keuntungan tanpa mengira hukum-hukum yang berlawanan dengannya atau orang lain juga akan terlibat.

Mengenai perusahaan perlombongan minyak bukan terhad kepada penapisan minyak sahaja, tetapi bahan-bahan yang didapati daripada hampas minyak yang telah diproses itu perlu diusahakan juga untuk menjadi sesuatu penghasilan seperti membuat minyak tar untuk jalan, barang-barang plastik dan baja atau lain-lain.

Usaha yang dijalankan oleh Taiwan yang tidak mempunyai lombong minyak tetapi dapat mengusahakan benda-benda yang disebutkan menggunakan minyak mentah yang dibelinya daripada Arab Saudi boleh dijadikan contoh ikutan. Usaha ini boleh menjadi mata pencarian juga kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Kementerian Pembangunan

Untuk menyempurnakan maksud dasar MIB, dalam usaha membangun negara, kementerian ini sememangnya telah menjalankan rancangan perkembangannya sedaya upaya yang boleh menurut kemampuan yang sesuai dengan kemajuan zaman dan kedudukan kewangan negara untuk menjadikan NBD ini dapat bersaing dengan negara lain di dunia ini. Pembangunan yang dihasratkan ini bukan hanya tertumpu kepada rupa bentuk bangunan atau kemajuan yang akan dilaksanakan, tetapi yang sangat penting, faedah yang akan didapati daripada sesuatu pembangunan itu dapat dinikmati oleh rakyat dan penduduk Brunei sendiri, termasuk kerja-kerja yang dijalankan dapat menjadi mata pencarian kepada mereka. Penyelesaian masalah inilah yang menjadi tanggungjawab kementerian ini untuk memikirkan bagaimana cara hendak membentuk pembangunan yang akan dilaksanakan itu sesuai dengan maksud yang disebutkan.

Memandang kepada sesuatu pembangunan itu memerlukan wang begitu besar dan pekerja-pekerja yang mahir, maka perbelanjaan yang digunakan itu seberapa boleh dijimatkan serendah-rendahnya menurut harga yang sebenarnya, sesuai dengan kualiti sesuatu yang dibangun itu kerana banyak perkara yang hendak dibangun lagi dan memerlukan wang yang banyak pula. Kalau dibandingkan kekayaan Brunei yang ada sekarang ini dengan jumlah perkara-perkara yang akan dibangun; wang yang ada belum mencukupi. Perlu difahamkan juga bahawa sesuatu yang murah itu bukan bererti sesuatu yang dikehendaki tidak berkualiti, tetapi murah yang dimaksudkan itu terhindar daripada penipuan. Begitu juga pekerja-pekerja yang diperlukan sebarapa boleh diambil daripada rakyat dan penduduk Brunei ini, kerana maksud pembangunan itu sebahagian besarnya untuk menyediakan pekerjaan bagi rakyat dan penduduk NBD ini. Sebab itu latihan kepada mereka yang dimaksud sangat diperlukan untuk diusahakan.

Perkara tersebut memang sukar untuk dilaksanakan kerana pekerja-pekerja yang akan melaksanakan sesuatu itu bukan dapat diambil dengan sewenang-wenangnya daripada bangsa sendiri kerana orang Brunei pada masa ini belum banyak yang mempunyai kemahiran. Walau bagaimanapun, usaha untuk mengatasi perkara inilah yang perlu dipesatkan terutama mengadakan latihan kemahiran mengendalikan sesuatu pekerjaan dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan yang diperlukan. Pencapaian terhadap usaha ini memang mengambil masa panjang kerana mendapatkan sesuatu ilmu yang dikehendaki itu bukan semudah sebutan, lebih-lebih lagi penuntut-penuntut yang dilatih itu bukan semuanya akan mendapat kelulusan, kadang-kadang ada juga di antaranya yang gagal.

Perlu diambil perhatian juga bahawa sesuatu pembangunan itu bukan terus terbuka kepada sesiapa saja yang difikirkan mampu melaksanakannya. Langkah seperti ini memang cepat, tetapi boleh menimbulkan masalah pada kemudian hari, kerana manfaat pembangunan seperti itu tidak akan dapat dinikmati oleh orang Brunei sendiri. Perkara ini telah menjadi kelaziman dan dapat diketahui daripada sejarah bahawa orang yang melaksanakan sesuatu atau mengambil bahagian dalam sesuatu pembangunan itulah yang akan mendapat faedahnya. Sebab itulah sesuatu dasar perancangan untuk melaksanakan sesuatu pembangunan itu perlu berasaskan MIB dan dasar ini perlu dimulakan dari sekarang; bukan menunggu orang Brunei yang sedang belajar balik daripada penuntutannya. Maka masalah inilah yang akan dipertimbangkan oleh kementerian tersebut bagaimana cara menyusun rancangan yang bersesuaian untuk menyelesaikan masalah kesempurnaan MIB ini.

PERLAKSANAAN DASAR NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA



MUKADIMAH

FALSAFAH Melayu Islam Beraja (MIB) yang diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984 itu memang telah diamalkan terus-menerus oleh sultan-sultan Brunei sejak Negara Brunei Darussalam menjadi negara Islam dan mengamalkan ajaran Islam untuk dijadikan dasar negara. Dengan kata lain MIB itu bukanlah satu dasar yang baru bagi Negara Brunei Darussalam, hanya cahayanya yang kabur itu perlu digosok dan digilap supaya kelihatan cemerlang.

Demikian antara lain pandangan Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja' dalam Seminar Melayu Islam Beraja anjuran bersama Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dari 30 Julai hingga September 1994.

Oleh kerana pembangunan itu sangat meluas, maka pemilihan utama terhadap sesuatu yang akan didahulukan sebagai infrastrukturnya memerlukan pertimbangan yang sangat teliti jua. Sesuatu yang hendak dirancang memerlukan pandangan jauh untuk masa hadapan; jangan sampai sesuatu yang dibangun itu jika didapati tidak sesuai, baru saja dipindahi sudah sempit dan terpaksa diadakan tambahan baru, dan kalau sesuatu yang telah dibangun didapati tidak sesuai dengan keadaan masa akhirnya terpaksa diroboh semula. Sebab itulah pihak yang ditugaskan untuk menjalankan sesuatu perancangan ini perlu diratik dan diteliti kebolehannya supaya sesuatu yang dirancang itu dapat dijalankan dengan sempurna.

Masalah penyelewengan dalam pembangunan adalah suatu perkara yang lumrah kerana perkara ini sudah menjadi kelaziman kepada pengusaha untuk mendapatkan keuntungan yang sebesar-besarnya tanpa mengira sesuatu akibat yang akan terjadi. Dari itu pemilihan terhadap pengusaha-pengusaha yang akan menjalankan sesuatu yang dibangun itu perlu diratik dengan teliti untuk mendapatkan orang yang bersikap jujur dan amanah. Di samping itu pekerjaan-pekerjaan mereka itu sentiasa dimata-matai dari semasa ke semasa supaya tidak timbul perbuatan yang curang atau penipuan. Contoh teladan akibat curang dan penipuan ini dapat diketahui daripada perkara yang terjadi kepada beberapa bangunan yang tinggi-tinggi yang telah runtuh dan mengakibatkan beberapa nyawa yang terkorban disebabkan penipuan itu.

Kementerian Kesihatan

Kementerian ini memang sudah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk melahirkan rakyat dan penduduk NBD sentiasa dalam keadaan sihat walafiat; jauh daripada segala penyakit terutama penyakit yang boleh menggangu kehidupan supaya mereka dapat hidup di negara sendiri dengan sihat afiat, aman tenteram, dalam kemakmuran dan dapat menjalankan ibadat kepada Allah Subhanahu Wataala. Untuk menjayakan maksud ini bukan hanya mengadakan doktor-doktor yang mencukupi, rumah-rumah sakit yang cukup lengkap dan klinik yang banyak berselerak di sana sini, tetapi yang lebih utama rakyat dan penduduk NBD ini dididik dengan pengajaran kesihatan yang betul, terperinci dan bersesuaian dengan kehendak hidup rakyat dan penduduk NBD ini sendiri. Faktor utama untuk menjayakan maksud ini ialah setiap rakyat mesti mempunyai pekerjaan yang sesuai dan boleh mendapatkan sesuatu hasil yang dapat digunakan untuk membiayai hidupnya dan memelihara diri daripada diserang oleh penyakit-penyakit termasuk menyediakan rumah yang teratur dan selesa, makanan yang berkhasiat, pergerakan badan yang perlu untuk kesihatan dan pergaulan yang mendatangkan manfaat kerana penyakit-penyakit itu lazimnya didapati melalui kepincangan perkara yang disebutkan.

Untuk mencapai perkara yang disebutkan seberapa boleh tiap-tiap orang hendaklah menjaga kesihatan dirinya sendiri supaya keadaan diri masing-masing sentiasa sihat. Dengan demikian kalau ada penyakit yang terpaksa diubati saja yang akan dibawa ke rumah sakit atau klinik untuk mendapatkan rawatan. Dengan keadaan demikian bukan hanya masalah kekurangan doktor dapat diatasi, bahkan perbelanjaan yang diperlukan termasuk ubat-ubat juga dapat dikurangkan. Langkah ini bersesuaian dengan perumpamaan Inggeris, Prevention is better than cure.

Memandangkan kepada akhir hayat bagi orang-orang Islam itu perlu disertai dengan kalimah syahadat dan bacaan Surah Yaasiin maka sangatlah mustahak doktor yang didapatkan itu seberapa ramai terdiri daripada orang-orang Islam kerana mereka itu mengetahui selok-belok keperluan orang-orang Islam yang akan berakhir hayatnya. Begitu juga sesuatu perkara yang hendak dibuat sedikit sebanyak akan dimulakan dan disertai dengan nama Allah. Yang lebih penting lagi untuk difahamkan kepada pesakit-pesakit bahawa sesuatu penyakit itu ditakdirkan oleh Allah dan sembuhnya daripada Allah juga; manakala doktor dan ubat adalah menjadi sebab yang dihasilkan oleh sesuatu usaha. Begitu juga sesuatu penyakit yang memerlukan pembedahan, jika hendak mendapatkan persetujuan daripada pihak yang berkenaan ada baiknya dikatakan sebagai sesuatu ikhtiar sahaja; bukan dikatakan kalau pembedahan itu tidak dilakukan boleh mendatangkan maut kerana sesuatu ketentuan itu adalah semata-mata kuasa Allah. Perkara ini hanya boleh disampaikan oleh doktor yang berpengetahuan agama Islam. Untuk membanyakkan doktor-doktor seperti ini, penuntut Islam perlu digalakkan mempelajari ilmu kedoktoran ini dengan memberikan keistimewaan yang tertentu yang setimpal dengan masa dan kesukaran menuntutnya.

Selain daripada itu ubat-ubat yang didapati daripada tumbuh-tumbuhan yang pernah digunakan oleh orang dahulu kala perlu diselidik isi kandungannya sama ada boleh digunakan untuk mengubat pesakit-pesakit sekarang atau sebaliknya. Jika ini berjaya, ia boleh mengurangkan perbelanjaan membeli ubat yang didatangkan dari luar. Dalam hal ini perlu diambil perhatian bahawa suatu penyakit itu ada ubatnya kecuali mati, dan ubat-ubat itu memang disediakan oleh Allah Subhanahu Wataala di tempat yang berhampiran dengan orang yang sakit itu sendiri; sekadarkan kita tidak mengetahuinya tempat adanya ubat-ubat itu. Di Amerika, doktor-doktor telah mula menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan ubat-ubat daripada sayur-sayuran dan tumbuh-tumbuhan yang akan diberi makan kepada pesakit-pesakit untuk mengubati penyakit masing-masing kerana pengubatan yang sedemikian ini dapat menyembuhkan pesakit-pesakit tanpa menimbulkan kesan sampingan (side effect). Usaha seperti ini boleh dijadikan contoh. Selain daripada itu doa-doa yang pernah dipakai oleh alim ulama pada zaman dahulu untuk dibacakan kepada orang sakit perlu diselidiki juga supaya perubatan yang sedemikian itu dapat digunakan untuk mententeramkan perasaan pesakit-pesakit itu dan juga mengurangkan perbelanjaan.

Kementerian Perhubungan

Dalam zaman sains dan teknologi ini perhubungan adalah sesuatu perkara yang sangat diperlukan dan menggunakan jenis-jenis alat yang lebih canggih yang bersesuaian dengan keadaan masa supaya maklumat-maklumat yang diperlukan dapat diterima dan dihantar dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Untuk menyediakan perkara-perkara yang disebutkan memerlukan perbelanjaan yang sangat besar kerana alat yang diperlukan ini boleh dikatakan sebahagian besarnya didatangkan dari luar negeri. Jika alat yang sedemikian itu dipunyai oleh satu syarikat saja akan lebih mendatangkan masalah lagi kerana pihak yang punya alat itu akan menentukan harga menurut maksudnya sendiri. Maka masalah yang sedemikian inilah yang perlu diusahakan oleh kementerian ini untuk memikirkan cara yang membolehkan rakyat dan penduduk NBD ini dapat menyelenggarakan sesuatu yang diperlukan itu, sama ada dengan memberi latihan untuk menyempurnakan kehendak perhubungan ini atau mempelajari cara membuat sesuatu alat yang dapat dibuat sendiri. Usaha mempelajari ilmu pengetahuan yang bersangkutan dengannya sangat mustahak, dan begitu juga cara membuat sesuatu alat yang diperlukan; sekurang-kurangnya dapat memperbaiki alat ganti yang rosak.

Jika pihak Brunei berharapkan orang luar sahaja, pada suatu ketika nanti akan timbul masalah yang sangat rumit yang bukan hanya memerlukan perbelanjaan besar, tetapi juga rahsia-rahsia perhubungan pula diketahui oleh orang lain. Hal ini perlu diambil perhatian besar oleh pihak yang berkenaan supaya dapat membuat rancangan yang boleh mengatasi perkara ini dan dapat diselenggarakan oleh rakyat dan penduduk NBD ini. Mengenai kenderaan yang diperlukan seperti kereta atau motobot atau kapal atau sebagainya perlu diambil perhatian juga bagaimana cara hendak membekalkannya, sekurang-kurangnya membuat alat ganti bagi sesuatu mesin. Sesuatu usaha yang boleh diperbuat sendiri seberapa boleh hendaklah diikhtiarkan supaya dapat dilakukan sedemikian; jangan sampai sesuatu yang diperlukan semuanya didatangkan dari luar dan terpaksa dibeli saja kerana cara yang sedemikian itu boleh menjejaskan perekonomian negara.

Bagi makanan yang dihidangkan dalam kapal terbang RBA seeloknya makanan Me-

LIHAT MUKA 18



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin semasa melancarkan majalah 'INTAN' baru-baru ini. — Gambar oleh Amat HM.

Penampilan syarikat tempatan terbitkan bahan-bahan bacaan amat digalakkan

Oleh
Adanan HI

GADONG, 27 November. — Penampilan syarikat-syarikat penerbitan tempatan dalam menerbitkan lebih banyak lagi bahan-bahan bacaan seperti majalah atau buku-buku yang berbagai bentuk adalah amat digalakkan.

Sehubungan dengan itu, satu majlis pelancaran sebuah majalah diadakan hari ini yang berlangsung di Pusat Pengurusan ASEAN-EC di sini.

Majalah tersebut bernama 'INTAN' yang diterbitkan oleh Azza Publisher and Distributor sebuah syarikat tempatan.

Tetamu kehormat di majlis itu bagi melancarkan majalah berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwara Abdul Rashid.

Dato Paduka dalam ucapannya berharap apa juga bahan yang dimuatkan dalam majalah berkenaan akan mengambil kira sensitiviti masyarakat tempatan di samping menjadikan falsafah MIB sebagai landasan dan sumber inspirasi dalam memajukannya.

"Bahan-bahan yang akan digarap dalam majalah itu nanti hendaklah benar-benar menepati hasrat kita bersama iaitu untuk menyampaikan 'message' dan pendidikan kepada para pembacanya yang terdiri dari semua peringkat dalam masyarakat di samping sebagai pengetahuan dan sumber maklumat mengenai perkembangan terkini dunia hari ini," saran beliau.

Semoga kemunculan majalah tersebut menurut Dato Paduka menepati sebutan namanya serta memberi gambaran dan pengertian yang indah, seindah sebentuk cincin yang bertatahkan 'intan' walaupun harganya mahal tetapi tetap diminati dan digemari kerana mutunya yang tinggi.

Dato Paduka juga berharap agar majalah berkenaan akan terus hidup bagi sama-sama membina masyarakat yang menjunjung tinggi nilai-nilai agama, ilmu dan budaya yang luhur dan murni.

"Janganlah hendaknya ia patah di tengah jalan atau layu sebelum berkembang, kerana jika terjadi sedemikian sedikit sebanyak ianya akan menjejaskan nama baik bangsa kita dalam penglibatan mereka di bidang perusahaan dan perniagaan," tegas Dato Paduka.

Juga berucap di majlis tersebut ialah pengerusi majlis, Awang Haji Ahmad bin Husain yang juga merupakan Editor Perunding majalah INTAN. Sementara komentar INTAN disampaikan oleh Dr. Haji Winarno.

Bagi memberkati majlis pelancaran majalah berkenaan doa selamat dibacakan oleh Awang Abdul Wahab bin Haji Mohd. Daud, Imam Masjid Sufri Bolkiah, Berakas.

Majalah INTAN berharga B$3.90 senaskhah dan diterbitkan tiga bulan sekali. Penerbitannya bertujuan untuk menyediakan wadah kepada belia termasuk orang ramai dalam artikel yang berbagai bentuk yang berkisar mengenai agama, kebudayaan, sejarah, ekonomi dan lain-lain bidang yang difikirkan bersesuaian dengan selera dan citarasa masyarakat Brunei. Di samping itu ia juga dihasratkan untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan remaja dan masyarakat.

Golongan pelajar bakal pewaris pembangunan negara

Oleh
Adanan HI

TUTONG, 19 November. — Pegawai Penerangan Kanan Jabatan Penerangan, Awang Haji Junaidi bin Orang Kaya Setia Negara Haji Mohd. Safar berkata, golongan pelajar adalah bakal pewaris generasi akan datang yang digelar sebagai aset ataupun khazanah negara.

Khazanah negara ini, kata Awang Haji Junaidi adalah tenaga manusia dari golongan pelajar yang sudah remaja untuk membangun bangsa dan negara.

"Ini kerana pelajar-pelajar sekarang adalah merupakan orang yang akan menerajui pentadbiran Negara Brunei Darussalam di masa akan datang serta penerus segala cita-cita dan harapan bersama bagi menggantikan generasi pada masa ini," jelas Awang Haji Junaidi ketika berucap di Majlis Perjumpaan Ramah Mesra Penerangan Dengan Para Pelajar dan Murid-murid Sekolah Rendah Muda Hashim yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan di sini.

Awang Haji Junaidi seterusnya berharap, "Bagi mencapai cita-cita tersebut tanggungjawab para pelajar dan murid-murid yang penting, mustahak dan didukung ialah belajar."

Proses pembelajaran menurut beliau bukan setakat 10 tahun tetapi ia sekurang-kurangnya mengambil masa 20 tahun untuk betul-betul menjadi manusia yang boleh dipergunakan sebagai aset membangun bangsa dan negara tersebut.

Menurut beliau lagi belajar itu bukan hanya tertumpu setakat di sekolah sahaja, tetapi ianya juga boleh dilakukan di rumah. Belajar juga tambah beliau boleh dibuat dengan pembacaan buku-buku yang mendatangkan faedah di samping bergaul dengan kawan-kawan yang mana ini juga boleh menambah ilmu pengetahuan. Dengan syarat harus pandai memilih mana satu ilmu yang baik dan tidak baik.

"Sebab ilmu yang berguna atau yang baik itu dapat membentuk akhlak sebagai insan yang kamil, insan yang lengkap, insan yang sempurna dan insan yang akan menjadi warganegara bangsa kitani," jelas beliau lagi.

Kalau mahu menjadi warganegara yang baik, tegas Awang Haji Junaidi maka dalam pembentukan dan proses pembelajaranlah kita boleh membentuk akhlak dan kepimpinan, sebab umur yang 10 tahun dan 12 tahun pada masa ini perlu betul-betul dijiwai untuk menjadi pemimpin di masa hadapan.

Maka asas yang penting sekali untuk menjadi pemimpin menurut beliau ialah akhlak yang baik, taat kepada ibu bapa, guru-guru, bangsa, negara, pemimpin dan raja itu perlu ada kerana di sinilah bermulanya nilai-nilai asas yang menjadi insan yang kamil.

"Kemudian jika sudah sempurna ilmu yang diperolehi dan pelajaran yang dipelajari maka itulah yang dikatakan aset negara," tambah beliau.

Awang Haji Junaidi seterusnya berharap kepada para pelajar dan murid-murid berkenaan akan menjadi aset negara yang paling berharga untuk bangsa dan negara.

"Akhirnya mudah-mudahan kamu sebagai pelajar dan murid-murid akan berjaya menjadi satu bangsa yang kuat, berdisiplin dan berilmu agar dapat memimpin sendiri Negara Brunei Darussalam menggunakan ilmu yang kamu pelajari pada masa ini untuk kejayaan masa depan," beliau berharap.

Selepas itu para pelajar sekolah berkenaan kemudian mendengar satu ceramah penerangan bertajuk 'Penerapan Nilai-nilai Sivik Asas Membentuk Keperibadian Yang Baik' yang telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim.

Majlis pada hari itu juga diadakan sesi soal jawab dengan para pelajar dan guru-guru Sekolah Rendah Muda Hashim, Tutong.

Seminar Melayu Islam Beraja

Dari muka 11

layu sebagai pengganti makanan orang asing kerana perkara ini boleh menaikkan imej NBD dan penumpang-penumpang lebih suka kepada jenis makanan Melayu ini; lebih-lebih lagi orang Melayu dan orang beragama Islam yang kebanyakannya menjadi penumpang. Bagi penumpang lain pun banyak juga orang yang sukakan makanan Melayu ini asalkan mutunya dikawal dan jenis masakannya dipilih. Kalau diperhatikan keadaan makanan Melayu pada masa ini tidaklah perlu diragukan lagi, kerana sudah setanding dengan makanan antarabangsa.

Memandangkan kepada belia-belia itu adalah bakal menjadi pemimpin dan rakyat yang akan datang, maka perlulah mereka itu diasuh dengan pendidikan yang sempurna bersesuaian dengan kehendak MIB kerana mereka itu akan menjadi harapan kepada bangsa dan negara pada masa akan datang. Dengan demikian inilah yang menyebabkan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berusaha menyusun rancangan yang sesuai bagi melatih dan memimpin belia-belia itu supaya menjadi insan yang kamil dan berdisiplin; memahami tanggungjawab mereka terhadap bangsa dan negara yang bukan hanya melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan, tetapi akan menggunakan ilmu pengetahuan itu untuk menyempurnakan sesuatu urusan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh. Di samping itu mereka juga perlu mengetahui ajaran-ajaran Islam untuk memenuhi maksud-maksud MIB. Rancangan-rancangan yang perlu dibuat itu tertakluk kepada kebijaksanaan pihak yang bertanggungjawab.

Begitu juga halnya dengan kebudayaan, memang memerlukan penyusunan dan pimpinan yang sesuai dengan keadaan zaman kerana pembentukan kebudayaan bagi sesuatu bangsa dan negara itu memerlukan calak yang tertentu dan pimpinan yang berasaskan MIB. Untuk mendapatkan sesuatu bentuk kebudayaan yang sesuai itu penyelidikan perlu dijalankan supaya rupa bentuk kebudayaan itu sentiasa berasaskan corak MIB. Begitu juga perkembangan bahasa dan persejarahan yang menjadi latar belakang perkembangan kemajuannya perlu diusahakan juga perkembangannya. Sejarah Brunei yang masih di peringkat pengumpulan dan penyusunan perlu diusahakan dengan secepat mungkin supaya bahan-bahan sejarah itu jangan sampai hilang ditelan zaman. Dalam pengkajian sejarah ini bukan hanya khas bagi sejarah Brunei sahaja, tetapi sejarah negara-negara jiran dan sejarah dunia yang ada hubungkaitnya dengan Brunei perlu dikaji juga dan dibukukan untuk menjadi satu daripada pengajaran sejarah yang perlu diketahui oleh rakyat dan penduduk NBD ini.

Sayugia diingat apa yang dicatatkan ini adalah suatu misalan sahaja untuk menjadi gambaran singkat kepada perancangan perlaksanaan dasar MIB ini, kerana telah diketahui bahawa orang yang bijak dan berpengalaman dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan seperti menteri-menteri, timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap dan ketua-ketua jabatan sudah tentu menyediakan perancangan, wawasan dan strategi masing-masing mengenai MIB ini. Adalah dipercayai bahawa segala apa yang disebutkan ini berkemungkinan ada di antaranya telah dilaksanakan oleh kementerian dan jabatan yang berkenaan kerana sesuatu titah itu adalah tanggungjawab kepada pihak yang disebutkan. Apa yang perlu difikirkan bersama sekarang ialah perahu sudah dihilir, dayung sudah di tangan, maka terpulanglah kepada kita sama ada mahu atau tidak kita mendayung perahu itu untuk menuju ke arah yang dihasrat oleh titah pemasyhuran pada 1 Januari, 1984 iaitu untuk mengusahakan supaya NBD selamanya akan kekal menjadi sebuah negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.



PEGAWAI Penerangan Kanan, Awang Haji Junaidi bin OKSN Haji Mohd. Safar ketika hadir di Majlis Perjumpaan Ramah Mesra Penerangan dengan para pelajar dan murid-murid Sekolah Rendah Muda Hashim Tutong.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

قيتا برونى
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

21 DISEMBER, 1994 BERSAMAAN 18 رجب، 1415

دڠن نام الله يڠمها
فموره دان مها فڤايڠ

BUTA AL-QURAN MEMALUKAN DAN MERUGIKAN

SALAH satu tanggungjawab atau kewajipan umat Islam dalam menanai agama ialah mengembangkan syiar dan menjaga serta memelihara kemurnian agama Islam itu sendiri. Jika masih ada anggapan yang mengatakan bahawa tanggungjawab menjaga syiar dan memajukan Islam itu adalah hanya tanggungjawab orang-orang yang bekerja secara khusus dalam hal ehwal agama semata-mata maka pendapat dan sikap tersebut mesti dibetulkan. Kerana anggapan sedemikian itu akhirnya akan melahirkan golongan masyarakat yang berfikir mereka boleh hidup seunggul-unggul. Maju mundurnya agama Islam adalah tanggungjawab dan maruah bersama seluruh umat Islam yang wajib menanai dan menjaga bersama-sama. Memang diakui dari segi penerangan hukum-hakam dalam syarak adalah tugas utama pihak berkuasa agama.

Di antara syiar Islam yang wajib kita jaga dan pelihara kemurnian serta sebarkan ialah Al-Quranul Karim. Kerana Al-Quran itu adalah salah satu mukjizat yang mempunyai banyak hikmat dan boleh menjadi penawar serta senjata kepada umat Islam. Dari itu ajaran-ajarannya wajib kita anuti, hayati dan seterusnya kita sebarkan sebagai salah satu wadah dakwah dan hidangan rohani. Tetapi bagaimana boleh kita menghayati dan apatah lagi untuk menyebarkan isi kandungannya kalau kita tidak pandai membacanya atau tidak mengamalkannya. Di negara kita kerajaan sentiasa berusaha menggalakkan orang ramai supaya mempelajari Al-Quran itu dengan menyediakan berbagai kemudahan sehingga kerajaan sanggup memberikan secara percuma kitab suci Al-Quran kepada setiap ketua keluarga Islam di negara ini. Mengikut pengumuman kerajaan baru-baru ini pemberian Al-Quran iaitu Mushaf Brunei Darussalam yang menjadi kebanggaan kita itu akan ditambah lagi dengan hasrat semata-mata untuk memudahkan lagi rakyat membaca dan belajar Al-Quran. Bidang pembelajaran dan pengajian Al-Quran telah dibukakan seluas-luasnya bermula dari sekolah rendah agama hinggalah ke peringkat tinggi, di masjid-masjid, surau-surau dan malahan kita sudah mempunyai Institut Tahfiz Al-Quran yang khusus untuk melahirkan lebih ramai lagi anak watan yang hafaz Quran. Orang perseorangan dan swasta juga telah turut memainkan peranan dengan mengadakan kelas-kelas belajar membaca Al-Quran dan bahkan sudah ada yang berjaya menubuhkan sekolah khusus belajar Al-Quran. Pendek kata tidak ada alasan bagi sesiapa yang tidak pandai membaca Al-Quran kerana kesukaran untuk mendapatkan tempat dan kemudahan untuk belajar, bak kata pepatah kalau hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Walau bagaimanapun kita patut bersyukur, kerana usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selama ini telah membuahkan hasil yang baik. Orang-orang Islam yang pandai membaca Al-Quran semakin bertambah ramai setiap tahun dengan adanya kesedaran terutamanya di kalangan ibu bapa sendiri yang sentiasa menggalakkan anak-anak mereka mempelajari Al-Quran. Kegigihan kerajaan sangat jelas bukan sahaja dalam menggalakkan umat Islam mempelajari, membaca dan menyebarkan ajaran-ajaran Al-Quran malahan juga dalam bidang yang lebih besar dan amat penting iaitu tahfiz Al-Quran. Lahirlah al-hafiz pertama negara beberapa tahun lalu merupakan satu kejayaan besar bagi umat Islam dan negara dan kini kita sudah mempunyai dua orang al-hafiz dengan munculnya al-hafiz kedua baru-baru ini.

Buta Al-Quran atau tidak pandai membaca Al-Quran adalah satu penyakit yang memalukan dan merugikan umat Islam. Kerana itu matlamat kerajaan sekarang ialah memerangi penyakit tersebut dengan mempertingkatkan lagi usaha agar menjelang tahun 2000 semua orang Islam di negara ini pandai membaca Al-Quran.

Hasrat murni ini membayangkan betapa tingginya harapan kerajaan kepada rakyat yang beragama Islam supaya mereka mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu Al-Quran dan ini juga membuktikan betapa pentingnya Al-Quran itu dipelajari dan dihayati. Hasrat ini hanya akan tercapai dengan adanya kesedaran dan kesungguhan rakyat untuk sama-sama menjayakannya. Mereka hendaklah menjadikan kepandaian membaca Al-Quran dan menghayati ajaran-ajarannya itu sebagai suatu budaya bangsa. Inilah cara berkesan untuk mewujudkan budaya sihat yang akan mendapat berkat dan keredaan Allah Subhanahu Wataala.

ORANG-ORANG BRUNEI MENERIMA FALSAFAH MIB SEBAGAI LANDASAN PEGANGAN HIDUP

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



UCAPAN Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Majlis Penutupan Rasmi Seminar Kesultanan Melayu Brunei Di Nusantara pada hari Khamis 13 Jamadilakhir, 1415 bersamaan dengan 17 November, 1994, di Pusat Persidangan Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam.

ALHAMDULILLAH, syukur jua kita kepada Allah, yang telah memberikan taufik dan hidayat-Nya di mana tiga hari yang lalu kita telah bersama-sama menghadiri pembukaan Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei Di Nusantara, dan pada petang ini dengan rahmat-Nya jua kita berkumpul untuk majlis penutupan rasmi. Saya percaya selama empat hari para pembentang kertas kerja dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia, Republik Filipina, Republik Singapura, United Kingdom, Amerika Syarikat, Republik Rakyat China, Republik Jerman dan negara Jordan telah membentangkan, membincangkan dan mengemukakan pandangan dalam daya pemikiran yang dinamis dan membina yang dapat membuka minda peserta seminar ini untuk memahami kesedaran dan peranan kita terhadap kebudayaan Melayu khususnya. Pembentangan dan perbincangan kertas-kertas kerja ini juga, saya percaya, akan menjadi satu titik-tolak ke arah satu perancangan dan pengungkayahan terhadap tema seminar antarabangsa ini, iaitu 'Kesultanan Melayu dan Identiti Bangsa'.

Jika kita mengimbas sejarah dan kebudayaan bangsa Melayu di Nusantara ini, peranan sultan-sultan amatlah penting dalam membentuk satu kerangka identiti budaya. Seorang sultan bukan saja menjadi lambang ketuanan bangsa Melayu, menjadi 'balan' atau indung mengikut istilah Brunei, malah menjadi ketua dalam segala ciri kehidupan orang Melayu. Malangnya dalam zaman teknologi yang canggih dan serba moden ini, budaya Melayu yang menjadikan seorang sultan sebagai ketua, baik yang mempunyai kuasa mutlak atau berperlembagaan, telah menghadapi cabaran yang genting. Pertama, cabaran itu datangnya dari pembangunan dan pemodenan sosioekonomi dan politik yang sentiasa mahu 'menungap' aspek-aspek kehidupan dan kebudayaan tradisi, dan mahu mengikut sistem kehidupan moden yang sejagat yang banyak kali kita tidak fahami sepenuhnya termasuk latar belakang budayanya. Cabaran yang kedua ialah kita lebih suka cuba mengikut sistem kehidupan bangsa lain kononnya demi untuk pembangunan, dan kita juga cuba mengamalkan cara hidup yang berjauhan dari naluri kita sebagai orang Melayu. Akibatnya, seperti contoh-contoh yang telah kita saksikan, sistem kesultanan Melayu dan beberapa buah kerajaan Islam telah menghadapi keruntuhan ataupun kemalapan dan kuasa seorang sultan telah diperkecilkan malah ada pula yang telah dihilangkan.

Jika kita menyorot perbincangan sepanjang Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei Di Nusantara dari sejak tiga hari yang lalu, pastinya kita akan dapat membuat beberapa kesimpulan, yang patut kita jadikan pengajaran, iktibar dan sebagai titik-tolak kepada satu rangka pengkajian atau pengajian mengenai sistem Kesultanan Melayu di Nusantara ini. Pertamanya, agama Islam mengambil peranan yang penting bukan saja dalam mengubah corak dan pemikiran orang Melayu sejak kedatangannya, tetapi juga mempengaruhi sistem pemerintahan negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi. Lebih-lebih lagi pada ketika ini penerapan nilai-nilai Islam telah dirasai perlu untuk membisaikan lagi sistem pentadbiran kerajaan. Kedua, dalam hubungkait di antara ulama dan umara atau raja, ulama merupakan tenaga yang memberi 'check and balance' asalkan ulama itu berani bertawakal untuk berterus terang menyatakan hukum Islam sekiranya seorang ketua pemerintah menyimpang dari garis-garis pemerintahan yang adil, supaya sistem pemerintahan tidak lari dari landasan Islam. Di sinilah kita nampak bahawa dalam pemerintahan sesebuah negara Islam tidak ada perpisahan di antara kuasa politik yang menyumbang nilai fizikal dengan kuasa agama yang menyumbangkan nilai-nilai kerohanian.

Merujuk kepada pengamalan falsafah Negara Brunei Darussalam, iaitu Melayu Islam Beraja, MIB, rangkaian kepada ketiga-tiga unsur ini telah dilengkapi sejak penerimaan agama Islam oleh raja-raja Brunei. Dan dari sejak enam kurun yang lalu, kita rakyat di negara ini telah menerima falsafah MIB sebagai landasan kepada pegangan hidup orang Brunei. Walaupun MIB hanya diisytiharkan sejak tahun 1984 sewaktu negara ini menyambut Hari Kemerdekaannya, namun fenomena ini bukanlah suatu yang baru wujud. Ia telah berakar umbi dalam kehidupan orang Brunei yang taat setia kepada raja dan mengamalkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap. Walaupun negara-negara di Nusantara ini mengamalkan falsafah atau ideologi negara yang mungkin berbeza, menurut calak dan acuan sistem pemerintahan negara itu yang merujuk kepada sejarah dan budaya bangsa, kebanyakan falsafah atau ideologi itu berlandaskan kepada kepercayaan beragama. Agama adalah intipati yang memberi kesejahteraan, keamanan dan kebahagiaan hidup. Walaupun pada zahirnya sistem pemerintahan ini merupakan 'authoritative' tetapi telah berjaya memberi kehidupan yang sejahtera, aman dan bahagia yang mana adalah lebih baik dari pemerintahan yang dikatakan berunsur kebebasan dan hak individu tetapi menimbulkan keruntuhan moral dan kegiatan budaya negatif seperti yang dapat kita saksikan berlaku di kebanyakan dunia waktu ini.

Jika kita mengatakan istana raja Melayu merupakan pusat perkembangan tamadun Melayu, pusat penyebaran budaya dan keintelektualan bangsa Melayu serta pusat perkembangan agama Islam, mungkin ada yang menganggap bahawa pernyataan itu sudah lapuk, atau ketinggalan zaman. Tetapi sejarah telah membuktikan bahawa kegemilangan peradaban bangsa Melayu adalah lahir dari payung kesultanan seperti yang ditunjukkan dalam Kesultanan Melaka, Kesultanan Acheh dan Kesultanan Brunei. Kesultanan-kesultanan ini telah melahirkan tokoh-tokoh kesusasteraan, tokoh intelektual, peniaga atau nakhoda handalan, pujangga Islam, malah raja-raja yang alim-alim. Kesultanan Melaka melahirkan Hang Tuah, sementara Kesultanan Aceh melahirkan Sultan Iskandar Muda. Dalam sejarah Brunei, Sultan Sharif Ali, Sultan Brunei yang ke-3, bukan saja merupakan seorang alim yang menguatkan syariat Islam dalam pentadbiran negara, malah baginda disifatkan sebagai seorang ahli sufi dan adalah dari keturunan pancir Nabi besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sultan Bolkiah, sultan Brunei yang ke-5, adalah seorang nakhoda yang masyhur dengan mengadakan hubungan perdagangan dengan negara-negara sekitar Nusantara.

Baginda mengembangkan agama Islam dan meluaskan wilayah sehingga keluasan Brunei meliputi seluruh Pulau Borneo dan selatan Filipina. Dan dari Istana Darul Hana di Negara Brunei Darussalam ini, telah muncul seorang anak raja

LIHAT MUKA 3

Sentiasa nilai perkhidmatan yang diberikan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu ketika berucap merasmikan Mesyuarat Pertama Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial Kementerian Kesihatan.

Oleh
Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Disember. — Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar menyeru para pentadbir, ketua jururawat dan ketua bahagian supaya akan sentiasa peka dan benar-benar menilai sama ada perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai itu memenuhi kehendak yang dihasratkan ke arah mempertingkatkan daya usaha bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai.

Ekspektasi orang ramai terhadap perkhidmatan yang diberikan jelas Yang Berhormat didapati semakin meningkat dari masa ke semasa mengikut peredaran masa dan perkembangan ekonomi dan sosial.

Yang Berhormat menekankan bahawa dalam memenuhi kehendak orang ramai itu komitmen kakitangan adalah amat penting dalam sama-sama menuju ke arah memberikan perkhidmatan yang memenuhi kehendak pelanggan.

Teks ucapan Yang Berhormat ini telah dibacakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu selaku wakil peribadi Yang Berhormat ketika melancarkan Mesyuarat Pertama Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial Kementerian Kesihatan yang berlangsung di Kompleks Sukan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, dalam memberikan perkhidmatan perawatan yang bermutu ianya bergantung kepada beberapa faktor utama di antaranya ialah kemudahan, peralatan, persekitaran yang selesa dan kakitangan yang berkemahiran dan berhemah tinggi dari sudut kemanusiaan dalam perawatan.

"Walaupun kita diberikan sebaik-baik kemudahan, peralatan, persekitaran kerja dan kemahiran kakitangan, jika sudut kemanusiaan kurang diambil perhatian, dengan sendirinya akan menjejaskan penilaian orang ramai terhadap perkhidmatan yang diberikan malah ia juga boleh mengurangkan keyakinan dan kepercayaan mereka," jelas Yang Berhormat.

Di hospital-hospital dan klinik-klinik tambah Yang Berhormat, orang ramai akan menilai perkhidmatan yang diberikan bukan saja dari sudut rawatan tetapi juga dari segi layanan. Layanan sifat pemedulian, bersopan santun dan berbudi bahasa dari semua peringkat kakitangan terutama sekali kepada mereka yang berada di barisan hadapan yang berhubung terus dengan orang ramai dalam menjalankan tugas-tugas seharian.

Perpaduan di antara pegawai dan kakitangan adalah juga satu nilai budaya kerja yang amat penting bagi perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja-pekerja kesihatan, kata Yang Berhormat.

"Rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan yang bermutu memerlukan kerjasama dan usaha padu di antara pegawai dan kakitangan yang berbagai disiplin di semua peringkat yang mana nilai-nilai sedemikian hendaklah ditanamkan dan dijadikan sebagai budaya kerja," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berharap dengan tertubuhnya badan kebajikan ini akan dapat menuju ke arah metlamat bagi menyatupadukan pegawai dan kakitangan di kementerian ini melalui berbagai aktiviti seperti yang telah termaktub dalam perlembagaan badan kebajikan itu.

Mesyuarat pertama penubuhan badan tersebut telah dipengerusikan oleh pengerusi sementara Dr. Awang Haji Abdul Latif, Pemangku Pengarah Perubatan dan Kesihatan.

Lebih 100 orang telah mendaftarkan diri mereka sebagai ahli secara rasmi mulai hari ini.

Mesyuarat hari itu antara lain untuk melantik ahli jawatankuasa tertinggi badan tersebut.



SEBAHAGIAN daripada jururawat yang hadir di pembukaan rasmi Mesyuarat Pertama Badan Kebajikan, Sukan dan Sosial Kementerian Kesihatan. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

FALSAFAH MIB SEBAGAI LANDASAN PEGANGAN HIDUP ORANG BRUNEI

Dari muka 2

yang bukan sahaja menjadi tokoh kesusasteraan sebagai penyair diraja, seorang pendekar dalam seni mempertahankan diri, tokoh budayawan, tokoh adat istiadat diraja dan seorang raja Brunei yang alim, malah dalam arena politik, baginda adalah seorang 'political statesman of modern time'. Baginda ialah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Dalam pada itu, tidaklah adil kalau zaman kegemilangan Kesultanan Melayu itu tidak menghadapi zaman kemalapan. Dan dari sejarah juga kita mengetahui bahawa sejak kedatangan orang-orang Eropah, kegemilangan kebanyakan negara-negara Kesultanan Melayu telah mulai menurun. Ada negara yang besar wilayahnya luntur menjadi bilik. Sama ada ini terbit dari kebebalan kita bangsa Melayu sendiri, atau dari kepintaran orang Eropah yang mengamalkan sistem 'gun boat diplomancy' kita mestilah mengambil iktibar untuk faedah masa-masa hadapan kita.

Kedudukan negara-negara Melayu di Nusantara pada masa ini adalah terletak dalam kawasan yang strategi baik dari segi pembangunan ekonomi, perdagangan dan pertahanan. Dan pada masa ini pembangunan ekonomi yang pesat di negara-negara ASEAN yang boleh bertahan dan stabil selama beberapa tahun adalah disifatkan sebagai suatu 'keajaiban ekonomi'. Tetapi, jika kita membuat pengkajian yang teliti bahawa fenomena keajaiban ekonomi ini bukanlah merupakan suatu perkara yang baru. Kegemilangan Kesultanan-kesultanan Melaka, Acheh dan Brunei banyak bergantung kepada sistem perdagangan yang maju dan teratur, Lautan-lautan Sulu, Sulawesi, Jawa, China Selatan dan Selat Melaka, bukan saja merupakan perairan perdagangan yang penting yang menghubung antara timur dan barat, antara tamadun-tamadun dunia yang besar, malah lebih penting mempunyai kekayaan sumber alam semula jadi yang menjadi rebutan kuasa besar baik pada masa dulu mahupun masa sekarang. Inilah kekuatan dan sumber tenaga yang semestinya kita pertahankan.

Dunia dewasa ini adalah bertemakan pembangunan ekonomi. Malah ada yang berpendapat jika sesebuah negara itu ingin mencapai taraf negara maju mestilah ikut serta dalam ekonomi globalisasi, jika tidak negara itu akan menghadapi kemunduran. Islam menyuruh dan menggalakkan umatnya maju dan meningkatkan pembangunan ekonominya. Maka, kemajuan ekonomi itu tidak patut dipersoalkan. Yang menjadi persoalan institusi-institusi Islam di beberapa buah negara di Nusantara ini hendaklah menuju ke arah 'pengislaman ekonomi'. Kenapa ekonomi Islam? Jika kita lihat sejarah Peperangan Dunia Kedua adalah pada asasnya disebabkan oleh corak ekonomi sekular yang mewujudkan perasaan rakus, tamak dan dengki yang mana antara lain bangsa Yahudi telah menjadi sasarannya. Krisis-krisis dunia hari ini yang sama-sama kita saksikan seperti keruntuhan negara-negara sosialis, krisis-krisis di Timur Tengah dan pengaruh-pengaruh sekarang yang diamalkan oleh kuasa-kuasa besar adalah tidak berbeza; semuanya atas sebab dan kepentingan ekonomi sekular bagi faedah-faedah negara-negara yang berkenaan. Dengan sebab itulah cara keluar dan sebagai satu solution kepada masalah dunia ialah ekonomi yang berasaskan Islam kerana dalam Islam, cara mencapai keuntungan maksima hendaknyalah sehalal dengan keuntungan maksima yang akan dicapai itu. Sebaliknya corak ekonomi sekular pada masa ini tidak kira cara mencapainya, yang pintar membuyuk yang bebal, yang berilmu menipu yang jahil, yang kuat menakluki yang lemah, asalkan keuntungan maksima dapat dicapai. Sebab itu ekonomi sekular itu tidak akan dapat menyelesaikan masalah, malah penyelesaian masalah itu pula akan mewujudkan masalah baru.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, pengamalan falsafah Melayu Islam Beraja, bukan saja bertujuan untuk mendudukkan martabat suku-suku Melayu untuk berdaya maju dan berpatisipasi dengan perkembangan dan pembangunan globalisasi, tetapi juga untuk mengukuhkan kestabilan, perpaduan serta kemakmuran Negara Brunei Darussalam yang mempunyai raja yang berdaulat di dalamnya iaitu sebagai ketua pemerintah yang memegang amanah Allah Subhanahu Wataala di dunia ini. Kita merasakan bahawa oleh kerana falsafah Melayu Islam Beraja itu adalah merupakan suatu kesinambungan cara hidup orang Brunei yang telah diamalkan beratus-ratus tahun lamanya, yang sudah titih dan ratih serta season menghadapi cabaran dalaman dan luaran, tetapi masih dapat bertahan, wujud dan hidup dalam rangkaian sistem kesultanan yang terus-menerus, maka tiadalah sepatutnya kita pertikaikan pengamalan falsafah Melayu Islam Beraja itu sebagai landasan cara hidup orang Brunei.

Kita sedari setengah-setengah foreigners ragu atau sengaja ragu terhadap MIB. Kepada mereka itu, I would like to say that they must realise that MIB is not to be equated with Nazi ideologi to prosecute specific races such as Jews. That is how unfortunately some foreign observers are trying to impute on our motives and discredit MIB. Rather MIB is a cofification of universal values which are common to Malay, Chinese, Dusun, Murut, Tutong, Bisayas, Belait dan all others resident in the country. These universal values include primarily loyalty to the state, its Ruler, respect to the elders, sympathy and support to the needy and the infirm, and ability to stand on one own feet.

If you study our curriculum designed to inculcate such universal values you may detect a hostof such values common to all our inhabitants. As such there is no need to fear that MIB is imposed forcibly or designed to deprive one group's privilege to the other. I am giving these assurances to dispel any misunderstandings. As far as I am concerned, by adhering to the universal values imminent in our Bruneians culture, we can survive as self-respecting nation by ensuring security and prosperity. Therefore MIB is nothing but a different expression for peace, security, happiness and prosperity to our people.

Our foreign friends, they should not view MIB only as a conservative ideology always going back to the past to highlight our value system. MIB is designed primarily as a means to propel the Bruneian forward to meet the challenges of the twenty first century. As it is developed, one can see it as a source of our vision, mission and goal. Nonetheless since we are a small state, and technologically dependent on the advanced countries, it is necessary that our future should not be mortgaged to the technological progress per se. It is not easy to contain the whirlwind of cultural crosswinds, which if not contained would sweep us off our feet.

Our homes now have windows to the world, but if too much hot air is blown in, we cool ourselves by switching on our air-condition system and similarly, if too much cold wind blows in, we shut our windows until such time we keep ourselves warm; I see the MIB's role is precisely that. Our foreign friends need not be unduly anxious about our national philosophy. Brunei had been resilient in the past, and insya-Allah it would continue to be resilient in the future. MIB is a filter that would take in which is the most necessary from foreign influences for what is most necessary for continued prosperity and happiness.

Akhirnya, saya penuh berharap semoga Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei Di Nusantara ini dapat menghasilkan kejayaan dan menjadikannya sebagai titik-tolak pengkajian unsur-unsur kebudayaan bangsa Nusantara. Tetapi harapan ini tidak akan berjaya sekiranya tidak mendapat sokongan penuh dan jiwa yang dedikasi daripada cendekiawan dan budayawan dari luar negeri mahupun tempatan yang telah berseminar selama empat hari ini. Tugas kita ialah untuk menyatupadukan semula budaya Nusantara Melayu yang telah dipecahbelahkan atau dilunturkan oleh kolonialisma dan oleh minda pembaratan dan pemodenan sekular.

Dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim' serta dengan bersyukur kepada Allah, saya dengan sukacitanya menutup rasmi Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Brunei Di Nusantara ini.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

انيكا ANEKA | ڤليتا بروني Pelita Brunei

ANEKA 4 JANUARI, 1995 MUKA 3

Sastera dan Budaya سستر دان بودايا

MELAYU ISLAM BERAJA – IDEOLOGI, PERANAN PEGAWAI

OLEH M. A. RAHMAN

SIRI PERTAMA

ESEI ini akan memperkatakan mengenai dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan peranan pegawai dalam melaksanakan tanggung-jawab terhadap Melayu Islam Beraja.

Dalam esei ini falsafah negara Melayu Islam Beraja dari sudut pendidikan tidak akan disentuh secara khusus, hanya sedikit sahaja dari sudut dasar. Hal ini bukanlah bererti bidang pendidikan tidak penting.

Hanya dalam esei ini diperkatakan dari sudut ideologi dan peranan pegawai dalam Melayu Islam Beraja, bagi memudahkan dan supaya bidang yang disentuh ini tidak terlalu luas.

Melayu Islam Beraja menjadi falsafah negara secara rasmi telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah, semasa Pemasyhuran Kemerdekaan Brunei pada 1 Januari, 1984 seperti petikan berikut :

"Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah".

Dari titah tersebut dapat dikatakan bahawa Melayu Islam Beraja sebagai satu dasar Negara Brunei Darussalam. Atau dengan kata lain sebagai ideologi negara yang dapat dijadikan suatu falsafah negara.

Dalam hal ini rakyat dan penduduk negara Brunei beruntung kerana Melayu Islam Beraja itu sudah kena pada tempatnya memandangkan negara belum lagi mempunyai ideologi secara khusus, lebih-lebih lagi konsep tersebut diberikan sempena kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Pemasyhuran tersebut pula bukanlah dalam keadaan negara yang tidak stabil atau keadaan dalam negeri yang disebabkan satu-satu hal yang tidak diingini.

Walaupun konsep Melayu Islam Beraja yang telah diisytiharkan tersebut hanyalah berupa inti yang mustahak dari keseluruhan konsep tersebut, tetapi hal ini tidaklah akan membuat rakyat dan penduduk negara ini akan tidak tahu segalanya, ini adalah disebabkan konsep yang telah diperkenalkan itu sudah ada sedia asas segala yang terkandung dalam konsep itu, hanya tinggal lagi pengesahannya secara terbuka.

WALAUPUN konsep Melayu Islam Beraja yang telah diisytiharkan tersebut hanyalah berupa inti yang mustahak dari keseluruhan konsep tersebut, tetapi hal ini tidaklah akan membuat rakyat dan penduduk negara ini akan tidak tahu segalanya, ini adalah disebabkan konsep yang telah diperkenalkan itu sudah ada sedia asas segala yang terkandung dalam konsep itu, hanya tinggal lagi pengesahannya secara terbuka.

AKADEMIK

Selain itu adalah juga diharapkan segala rakyat dan penduduk negara ini akan sama-sama dapat memikirkan supaya konsep ini akan benar-benar menjadi falsafah negara dalam erti kata yang sebenarnya. Dan tidaklah menjadi suatu perkara yang mustahil jika konsep ini dari satu ideologi negara menjadi satu bidang akademik suatu masa nanti.

Jika dibandingkan dengan negara jiran Indonesia misalnya, falsafah negara tersebut iaiatu Pancasila juga telah diisytiharkan semasa negara Republik Indonesia itu mencapai kemerdekaan setelah sekian lama dikuasai oleh Belanda. Cuma Pancasila ada dengan dasar-dasar yang tertentu supaya dapat memudahkan rakyat mengetahui dasar ideologi negara tersebut.

Sedangkan konsep negara kita Brunei Darussalam yang ada hanyalah setakat dasar yang benar-benar dasar sahaja, tetapi hal ini tidaklah menjadikan kita tidak dapat berbuat apa-apa.

Lain halnya pula di Malaysia, sama-sama kita maklumi bahawa Malaya mencapai kemerdekaan dari Inggeris pada tahun 1957 setelah sekian lama berada di bawah kuasa luar. Setelah itu terbentuk Persekutuan Malaysia yang telah diwujudkan pada tahun 1963.

Peristiwa yang tidak dapat dilupakan oleh sekalian rakyat dan penduduk Malaysia ialah peristiwa berdarah 13 Mei, 1969 rusuhan kaum, yang dari sebab peristiwa tersebut telah diwujudkan Majlis Gerakan Negara bagi memulihkan negara kepada keadaan seperti sedia kala.

Berpunca dari peristiwa 1969 inilah yang telah mewujudkan ideologi negara yang dikenal dengan nama Rukun Negara. Dasar yang dibentuk ini ada dengan dasar-dasar yang tertentu terdapat beberapa penjelasan bagi rakyat dan penduduk mengetahui Rukunegara tersebut.

Dalam Melayu Islam Beraja terdapat beberapa kelebihan dan kekurangan jika dibandingkan dengan Pancasila dan Rukun Negara berdasarkan hakikat dan keadaan yang wujud.

Hal ini tidak menjadikan kita putus asa dan tidak mahu berusaha bagi mencapai hasrat yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia pada awal tahun 1984 tersebut.

Bahkan hendaklah dianggap sebagai satu daya pendorong yang kuat bagi menjadikan Melayu Islam Beraja ini sebagai satu konsep yang lengkap dan sempurna bagi negara yang kita cintai ini.

LANDASAN

Memang tidak dapat dinafikan bahawa sebelum wujud konsep Melayu Islam beraja ini, telah ada asas-asas yang tertentu bagi landasan kepada konsep negara kita. Misalnya dapat diambil contoh Laporan Suruhanjaya Pelajaran tahun 1972 dan Perlembagaan Negara 1959 serta titah-titah yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Jadi ada baiknya sebelum dihuraikan berhubung Konsep Melayu, Konsep Islam dan Konsep Beraja yang terkandung dalam Melayu Islam Beraja itu bagi memudahkan kita dalam pembicaraan konsep ini sebagai satu ideologi negara.

Sebagaimana yang telah diperkatakan awal tadi dalam Melayu Islam Beraja ini sudah ada asas yang terdahulu, hanya tidaklah sebagai konsep negara atau merangkumi sebagai satu konsep negara dan sebutan seperti yang telah dititahkan.

Asas yang paling penting mengenai dengan konsep negara secara langsung dan tidak langsung terbabit dalam konsep negara ialah seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Negeri 1959.

Kita sedia maklum perlembagaan adalah bermula dari "Perjanjian Persahabatan" Tahun 1959 antara Brunei dengan Inggeris, bagi menggantikan Perjanjian Tahun 1906.

Dengan termeterinya Perjanjian Persahabatan Tahun 1959 tersebut telah dengan mudah terbentuk Perlembagaan Tahun 1959 yang telah diusahakan pada masa Sultan Omar Ali Saifuddien dan telah ditandatangani pada 29 September, 1959 dengan penuh adat istiadat di Lapau Bandar Brunei. Perlembagaan Tahun 1959 adalah sebagai sebuah perlembagaan yang tidak dapat dinafikan sebagai wujudnya Brunei dalam arena politik seperti negara-negara lain di dunia ini.

DENGAN termeterinya Perjanjian Persahabatan Tahun 1959 tersebut telah dengan mudah terbentuk Perlembagaan Tahun 1959 yang telah diusahakan pada masa Sultan Omar Ali Saifuddien dan telah ditandatangani pada 29 September, 1959 dengan penuh adat istiadat di Lapau Bandar Brunei. Perlembagaan Tahun 1959 adalah sebagai sebuah perlembagaan yang tidak dapat dinafikan sebagai wujudnya Brunei dalam arena politik seperti negara-negara lain di dunia ini.

Melalui Perlembagaan Tahun 1959 dapat dilihat dengan jelas, Brunei sebuah negara walaupun masih dalam kekuasaan British dari segi hubungan luar dan pertahanan.

Tetapi sangat jelas bahawa melalui Perlembagaan Tahun 1959 Brunei sudah merupakan sebagai sebuah negara dengan ideologi yang mendukung Melayu Islam Beraja dari segi Konsep Melayu, Konsep Islam dan Konsep Beraja.

Ertinya asas Melayu Islam Beraja ada dalam Perlembagaan Tahun 1959 cuma bukan sebagai konsep kerana belum diberigakan.

Tadi telah diperkatakan mengenai dengan Perlembagaan Negeri Tahun 1959 sebagai asas Konsep Melayu Islam Beraja. Satu lagi asas yang tidak kurang penting dalam asas konsep negara ini ialah Laporan Suruhanjaya Pelajaran Tahun 1972.

Majlis Belia-Belia Negeri Brunei (MBB) telah mengadakan Seminar Pendidikan pada 1 Ogos, 1969. Dari seminar tersebut telah dibuat beberapa keputusan yang merayu kepada kerajaan supaya membentuk satu Sistem Pelajaran Kebangsaan yang dapat dikatakan sebagai sistem dalam erti kata yang sebenarnya. *(Yahya M. S., 1969, "Belia-Belia Dalam Pergerakan Pendidikan" dalam Beriga, Bil 2, jilid 3, 1969).*

Bersambung...

MEMANG tidak dapat dinafikan bahawa sebelum wujud konsep Melayu Islam Beraja ini, telah ada asas-asas yang tertentu bagi landasan kepada konsep negara kita. Misalnya dapat diambil contoh Laporan Suruhanjaya Pelajaran tahun 1972 dan Perlembagaan Negara 1959 serta titah-titah yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sastera dan Budaya

MELAYU ISLAM BERAJA – IDEOLOGI, PERANAN PEGAWAI

OLEH M. A. RAHMAN

SIRI KEDUA

BERIKUTAN dari Seminar Pendidikan tersebut kerajaan telah membentuk satu Suruhanjaya Pelajaran. Suruhanjaya Pelajaran tersebut telah menyiapkan satu laporan yang lengkap untuk sistem pelajaran di Brunei. Laporan tersebut dikenali untuk sistem pelajaran di Brunei. Laporan tersebut dikenali dengan Laporan Suruhanjaya Pelajaran Tahun 1972.

Laporan Suruhanjaya Pelajaran Tahun 1972 telah dapat menyediakan suatu dasar bagi Sistem Pelajaran Negeri Brunei seperti berikut :

1. Dasar 1 : *Untuk menjadikan secepat mungkin Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah Kebangsaan sesuai dengan kehendak Perlembagaan.*

2. Dasar 3 : *Untuk lebih menitik beratkan pelajaran agama Islam sesuai dengan kehendak Perlembagaan.*

Dari Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972 dapat disimpulkan bahawa tidak dapat dinafikan lagi Laporan Suruhanjaya Pelajaran Tahun 1972 adalah asas konsep Melayu Islam Beraja.

Jadi adalah lanjutan Perlembagaan Tahun 1959 yang juga asas Melayu Islam Beraja.

Sekarang ada baiknya dihuraikan mengenai dengan Melayu Islam Beraja sebagai satu ideologi negara.

Huraian ini akan ditumpukan kepada satu-satu konsep iaitu konsep Melayu, konsep Islam dan konsep beraja dengan berpandukan kepada asas-asas yang ada dan telah dibincangkan tadi dengan berasaskan kepada Perlembagaan Tahun 1959 dan Laporan Suruhanjaya Pelajaran tahun 1972.

Mula-mula ditinjau dari Melayu Islam Beraja ini dari segi konsep Melayu. Di sini akan ditumpukan perhatian kepada pandangan konsep Melayu ini dari sudut bangsa Melayu dan bahasa Melayu.

Menurut undang-undang taraf Kebangsaan Brunei Tahun 1961 ada mencatatkan seperti berikut :

Bahagian 3 : Mencatatkan seorang rakyat Sultan akan mempunyai taraf kebangsaan negeri Brunei.

Bahagian 4 : Ceraian 1 bahagian a :

Mencatatkan rakyat Sultan dengan kuat kuasa mutlak undang-undang sahaja seorang dari salah satu puak jati dari bangsa Melayu berikut, iaitu Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong.

ERTI MELAYU

Dari apa yang telah dicatatkan dengan tegas menyatakan bahawa yang ditafsirkan bangsa Melayu ialah salah satu dari tujuh puak yang telah disebutkan.

Ini bermakna dengan erti Melayu adalah apa yang mereka amalkan dengan tidak bertentangan dengan adat, budaya dan agama Islam.

Dalam hal ini misalnya satu dari puak yang diistilahkan mengikut undang-undang tersebut adalah diistilahkan Melayu tetapi jika bertentangan dengan agama Islam hendaklah diambil kira dari segi kepentingan agama dan kebudayaan misalnya, supaya tidak bertentangan dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Mengenai dengan dari segi bahasa dalam konsep Melayu ini maka ada tercatat dalam Perlembagaan Tahun 1959, bahawa melalui Bab no. 82 ceraian 1. dengan tegas mencatatkan bahasa rasmi negeri ialah bahasa Melayu. Bahasa yang ditetapkan dari segi bahasa rasmi, oleh itu ketegasan hendaklah diambil oleh sesiapa pun dalam hal penggunaan bahasa Melayu ini.

Dalam hal ini melalui Perlembagaan Tahun 1959 sudah memperuntukkan bahasa Melayu, sebagai bahasa rasmi pada peringkat negara.

Oleh itu perletakkan bahasa Melayu pada taraf yang tinggi sebagai ideologi negara hendaklah dijunjung tinggi disebabkan, termaktub dalam Perlembagaan Tahun 1959 dan ditegaskan lagi melalui titah Permasyhuran Kemerdekaan.

Sebelum itu sama-sama kita maklumi bahawa Dasar Pelajaran Tahun 1972 telah menegaskan mengenai penggunaan bahasa Melayu kerana bersesuaian dengan kehendak Perlembagaan.

Sekarang beralih kita kepada konsep Islam dalam konsep negara Melayu Islam Beraja ini. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa agama Islam telah lama bertapak di Brunei dengan, Sultan sebagai orang yang menjadi ketua dalam agama ini.

Hal mengenai ini telah ditegaskan lagi dalam Tahun 1955 melalui peruntukkan undang-undang no 20/54 bagi perubahan dan perlaksanaan agama Islam di Brunei.

Dalam Perlembagaan Negeri Brunei ada mencatatkan bahawa dalam bahagian 11 mengenai agama.

Bab 3 ceraian (1) ialah agama rasmi bagi Negeri Brunei ialah agama Islam menurut Ahlul Sunnah Waljamaah. Ertinya agama Islam sebagai agama yang utama di Brunei bagi amalan penduduknya yang beragama Islam.

Dalam hal ini agama lain boleh diamalkan sebagai menurut perlembagaan, dengan aman oleh mereka yang mengamalkannya sahaja. Dari penegasan ini dapat disimpulkan agama lain hanya layak diamalkan tetapi tidak boleh disebarkan.

Dalam Perlembagaan tersebut juga telah ditegaskan bahawa Sultan adalah ketua bagi agama negeri. Oleh itu betapa perkara agama ini benar-benar ditempatkan pada tempat yang tinggi dan mulia di Negara Brunei Darussalam, adalah satu hal yang memang wajar meletakkan agama pada tempat yang memang layak dan sewajarnya.

Duli Yang Maha Mulia Sultan melalui titah 1387 hijrah telah menegaskan betapa agama Islam akan dijadikan sebagai ideologi, dan cara hidup yang lengkap adalah sebagai menolong kehendak Perlembagaan 1959 dan Perlembagaan ini memang kena pada tempatnya dan sudah sewajarnya.

Perkara penegasan ini diulang lagi semasa titah Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984.

Oleh itu perkara agama ini menjadi satu ideologi negara tidak perlu kita pertikaikan lagi, memandangkan memang agama Islam adalah telah lengkap dan sempurna yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sepertimana yang tersebut dalam Al-Quran dan Hadis.

Mengenai dengan konsep beraja pula, sebagaimana juga yang telah ditegaskan dalam awal rencana ini berpandukan kepada titah kemerdekaan tersebut memang dengan tegas ada sebagai satu tradisi di Negara Brunei Darussalam berhubung dengan beraja ini sebagai suatu amalan yang dijunjung tinggi.

Mengikut T. Iskandar bahawa dalam *Sejarah Melayu* ada mencatatkan satu perjanjian sebagai satu konsep antara rakyat dan Sultan dalam satu negara. Dalam konsep tersebut raja tidak boleh menganiaya rakyat, manakala rakyat tidak boleh derhaka terhadap raja. *(Iskandar, 1988, "Historiografi Melayu : Antara Nilai Sastera dan Sejarah" Seminar Manuskrip Melayu dan Sejarah, 12 Oktober)*

Sudah dibincangkan mengenai dengan Melayu Islam Beraja dari konsep yang sudah ada. Dalam huraian seterusnya ini konsep tersebut tadi akan dibincangkan dari sudut Melayu Islam Beraja, sebagai satu ideologi negara yang telah dititahkan.

MENENTUKAN ARAH

Negara kita sudah ada dasar melalui Melayu Islam Beraja sebagai satu ideologi negara. Dengan erti kata ideologi adalah sebagai satu falsafah negara juga sebagai satu sistem politik yang dapat menentukan arah, bukan sahaja dalam negeri bahkan juga luar negeri.

Dengan kata ideologi, kita hubungkan Melayu Islam Beraja ini dari segi, kebudayaan dan sistem kemasyarakatan yang diamalkan yang diwarisi sejah dahulu dan menjadi tradisi dalam kehidupan, masyarakat Brunei.

Cuba kita tinjau Pancasila di Indonesia yang menjadi ideologi negara, bukan sahaja dalam segi ideologi tetapi sudah sampai kepada bidang akademik dalam erti kata yang sebenarnya. Ini adalah disebabkan ideologi negara tersebut sebagai asas kerohanian negara atau dengan kata lain sebagai satu ideologi. *(Slamet Sutrisno, 1989, "Pancasila : Dari ideologi Negara Sampai Orientasi Akademik," dalam Ilmu dan Budaya, September).*

Kita tinjau pula Rukunegara di Malaysia sebagai satu ideologi negara, adalah memandangkan betapa perlunya bagi Malaysia berikutan rusuhan dan melipatgandakan lagi, sebagai usaha untuk membina bangsa dan negara dalam erti kata yang sebenarnya.

Selain itu telah digariskan prinsip-prinsip Rukunegara seperti berikut :

1. Kepercayaan kepada Tuhan.
2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara.
3. Keluhuran Perlembagaan.
4. Kedaultan Undang-Undang.
5. Kesopanan dan Kesusilaan.

Jelas kepada kita bahawa di Malaysia rukunegara sejak peristiwa 1969 adalah sebagai satu ideologi negara bagi membina satu bangsa dan negara yang bersatu padu untuk kesejahteraan, penduduk Malaysia bukan sahaja masa kini juga masa yang akan datang.

BERSAMBUNG

MENGENAI dengan konsep beraja pula, sebagaimana juga yang telah ditegaskan dalam awal rencana ini berpandukan kepada titah kemerdekaan tersebut memang dengan tegas ada sebagai satu tradisi di Negara Brunei Darussalam berhubung dengan beraja ini sebagai suatu amalan yang dijunjung tinggi.

MENGENAI dengan dari segi bahasa dalam konsep Melayu ini maka ada tercatat dalam Perlembagaan Tahun 1959, bahawa melalui Bab no. 82 ceraian 1. dengan tegas mencatatkan bahasa rasmi negeri ialah bahasa Melayu. Bahasa yang ditetapkan dari segi bahasa rasmi, oleh itu ketegasan hendaklah diambil oleh sesiapa pun dalam hal penggunaan bahasa Melayu ini.

DALAM Perlembagaan tersebut juga telah ditegaskan bahawa Sultan adalah ketua bagi agama negeri. Oleh itu betapa perkara agama ini benar-benar ditempatkan pada tempat yang tinggi dan mulia di Negara Brunei Darussalam, adalah satu hal yang memang wajar meletakkan agama pada tempat yang memang layak dan sewajarnya.

ANEKA — Pelita Brunei

ANEKA 18 JANUARI, 1995 MUKA 3

Sastera dan Budaya

MELAYU ISLAM BERAJA – IDEOLOGI, PERANAN PEGAWAI

OLEH M. A. RAHMAN

SIRI AKHIR

SEKARANG ada baiknya perhatian kita tumpukan kepada konsep Melayu Islam Beraja, dalam satu dasar yang menuju kepada ideologi negara kita.

Setelah memperkatakan mengenai dengan konsep negara, dibandingkan dengan Pancasila dan Rukunegara maka tidak ada satu bentuk batu penghalang, bagi kita untuk benar-benar menegakkan negara ini dengan ideologi yang diasaskan Melayu Islam Beraja.

Sehubungan dengan ini dipetik pendapat Awang Haji Hashim bin Haji Abd. Hamid mengenai ketidakraguan beliau, Konsep negara Melayu Islam Beraja sebagai satu ideologi negara seperti berikut : *(Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid, 1989, "Pentadbiran Negara Brunei (Hubungan Dengan Konsep MIB), "Dalam Seminar Antarabangsa Tamadun Islam Di Alam Melayu, 1 - 5 Jun).*

"Maka itu dapat dikatakan bahawa ideologi negara merupakan dasar dan alat utama untuk integrasi nasional seperti yang telah dilakukan di negara-negara lain. Sehubungan dengan ini konsep MIB dapat dikatakan sebagai ideologi negara/ ideologi politik bagi Negara Brunei Darussalam."

Dari huraian dan penerangan sudah tidak diragukan lagi ideologi negara Melayu Islam Beraja ini, menjadi ideologi negara yang dapat menentukan hala yang boleh membawa negara ini menjadi satu negara yang bersatu padu, tanpa menjejaskan segala aspek kepercayaan dan budaya segala rakyat dan penduduk negara ini.

Sudah tentu konsep ini adalah sebagai satu alat penting perpaduan, melalui Perlembagaan dan Dasar Pelajaran yang telah diasaskan pada tahun 1972. Dan sudah tentu konsep ini mencapai segala hasrat titah kemerdekaan yang telah diterangkan tadi.

Sekarang kita sudah tidak ragu lagi mengenai dengan kandungan konsep Melayu Islam Beraja, sebagai satu ideologi negara dalam erti kata sebenarnya.

Ini adalah disebabkan asas Perlembagaan 1959 dan Dasar Pelajaran 1972. Juga dengan adanya konsep tersebut dari ideologi negara dan sampai kepada tingkat akademik yang sebenarnya, bagi membolehkan sebagai satu disiplin ilmu yang dapat diamalkan dan menjadi satu kesinambungan bernegara seterusnya.

Dalam hal ini ada suatu alat yang sangat penting bagi memastikan falsafah negara ini berjalan. Antaranya ialah para guru, pegawai dan lain-lain golongan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dalam esei ini yang akan dibincangkan hanyalah pegawai-pegawai dalam memeduli dan mematamatai keberkesanan konsep Melayu Islam Beraja ini.

Pegawai dan Peranannya

Sebagaimana yang telah diterangkan tadi bahawa negara Melayu Islama Beraja, dalam erti kata yang sebenarnya, adalah dari dasar-dasar yang ada dalam negara, seperti dasar Melayu, dasar Islam dan dasar Beraja.

Maka dari dasar inilah yang menjadi konsep negara. Konsep negara dari dasar menjadi kepada satu ideologi.

Kalau dasar dapat difahamkan mengandungi falsafat berupa etnik, moral dan lain-lain lagi. Manakala ideologi dapat diertikan sebagai politik yang bersumber dari dasar yang wujud tadi. Ideologi ini pula tidak mustahil yang berhubung dengan kebudayaan, masyarakat dan lain-lain lagi.

Sekarang kita membincangkan mengenai dengan Melayu Islam Beraja, yang berupa dasar dan ideologi tadi dengan hubungan peranan para pegawai, dalam erti kata yang sebenar di mana sahaja pegawai itu berada, seperti dalam perkhidmatan kerajaan, swasta dan lain-lain lagi.

Dengan erti kata sebutan pegawai ini adalah sangat luas, mengandungi sebutan elit politik, ekonomi, tradisional, birokrat dan lain-lain lagi. Golongan pegawai ini mempunyai peranan dan bidang kuasa yang sangat luas dan berpengaruh sekali.

Abdullah Sanusi Ahmad telah menggariskan antara lain bahawa golongan pegawai ini mempunyai peranan, seperti menjadi satu adaya pendorong, tidak dapat dinafikan juga sudah tentu menyampaikan segala dasar sesuatu institusi.

Selain itu juga menjadi ejen perubahan, terutama dalam negara yang sedang membangun termasuklah negara kita. Juga satu hal yang tidak terkecuali lagi adalah sebagai mata dan telinga kepada kerajaan. Tujuannya dapatlah dikatakan sebagai tidak lain untuk memastikan pembangunan, dalam hal ini bagi memastikan Melayu Islam Beraja itu akan dapat dijadikan benar-benar diserapkan menjadi falsafah negara.

Pegawai sebagai seorang yang membuat keputusan dan akan melaksanakan sesuatu keputusan, hendaklah terlebih dahulu memahami sungguh-sungguh erti dan matlamat sesuatu yang hendak dijayakannya itu.

Begitulah dalam melaksanakan sesuatu itu juga hendaklah akan melihat kesannya supaya tidak akan menjadi ikutan sesuatu yang bertentangan dengan apa yang dikehendaki.

Di Brunei, seorang pegawai yang dilantik dengan perkhidmatan kerajaan, adalah boleh disifatkan sebagai tulang belakang kepada keseluruhan perkhidmatan kerajaan. Oleh itu pengambilan pegawai yang berbangsa Melayu dan yang beragama Islam hendaklah dapat menanai peranan dalam memelihara dan mengembangkan Melayu Islam Beraja ini.

Tadi telah dihuraikan mengenai dengan konsep-konsep yang ada dalam konsep Melayu, Islam dan Beraja. Sebagai satu konsep yang sudah sampai pada satu peringkat ideologi. Sudah tentu peranan ini akan dipikul oleh pegawai yang benar-benar menghayati konsep ini dan melaksanakannya dalam urusan yang berhubung dengan negara.

Negara kita beruntung kerana pada awal permulaan sebelum satu dekad, konsep ini sudah menjadi satu dunia akademik seperti yang terdapat di Universiti Brunei Darussalam dan menjadi satu mata pelajaran di peringkat sekolah menengah. Hal ini sungguh menguntungkan terutama lebih-lebih lagi didedahkan kepada pelajar untuk mengetahui konsep ini.

Mengenai dengan dasar Melayu dalam konsep ini, selain mengenai bangsa dan bahasa Melayu sebagaimana yang sudah dibincangkan sudah tentu menyentuh, hal yang menjadi dasar Melayu seperti awar-galat, menghormati orang tua, dan segala yang berhubung orang Melayu yang tidak bertentangan dengan agama dan bangsa.

Mengenai dengan agama Islam, sudah tentu yang mustahak adanya perimbangan antara dunia dan akhirat, dalam kita menghadapi hidup seharian ini. Selain ini bukan dengan pertimbangan akal sahaja, tetapi hendaklah selaras dengan kehendak agama dan sudah tentu hukum Islam. Dalam hal ini seorang pegawai beragama Islam dalam tindakannya seperti mengembangkan agama kufur dalam negara Islam adalah haram - kufur. *(YDM PTI Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 1987, "Kedudukan Agama Islam Dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam," dalam Beriga Bil. 16, hal. 34.*

Dalam dasar Beraja dalam konsep Melayu Islam Beraja ini, sudah tentu adanya dasar mengambil tahu hak masing-masing konsep derhaka dan aniaya yang telah diterangkan, kerana dasar derhaka sudah tentu bukan dasar dalam konsep ini.

Sehubungan lagi mengenai dengan peranan pegawai, terutama dalam ideologi negara Melayu Islam Beraja ini adalah seperti hal-hal yang tersebar melalui bahan cetak, sebaran awam dan lain-lain lagi.

Umpamanya seperti yang akan diambil kira seperti dalam sesuatu urusan hendaklah bersesuaian dengan dasar negara ini. Misalnya majlis meletakkan batu asas mendirikan sesuatu bangunan, hendaklah kita sendiri yang memulakan membangunkan asas tiang yang berkenaan, bukannya pemborong yang bukan Islam mendirikan dan kita hanya menuang simen sahaja setelah tiang asas bangunan didirikan.

Begitulah halnya dengan sesuatu majlis dengan doa selamat, tetapi juga mengandungi memotong kek yang sangat bertentangan dengan agama Islam, walaupun kehendak hanya untuk antarabangsa disiarkan melalui media cetak dan elektronik kepunyaan kita. Hal ini boleh dielakkan dengan tidak akan mengadakan memotong kek berkenaan.

Akhirnya tidaklah dapat dinafikan lagi bahawa untuk melahirkan pegawai yang menanai konsep Melayu Islam Beraja, boleh dilahirkan melalui pendidikan kebangsaan yang berteraskan Perlembagaan dan Laporan 72. Kerana sama-sama dimaklumi betapa pentingnya peranan pegawai dalam konsep negara Melayu Islam Beraja sebagai satu ideologi.

DARI huraian dan penerangan sudah tidak diragukan lagi ideologi negara Melayu Islam Beraja ini, menjadi ideologi negara yang dapat menentukan hala yang boleh membawa negara ini menjadi satu negara yang bersatu padu, tanpa menjejaskan segala aspek kepercayaan dan budaya segala rakyat dan penduduk negara ini.

NEGARA kita beruntung kerana pada awal permulaan sebelum satu dekad, konsep ini sudah menjadi satu dunia akademik seperti yang terdapat di Universiti Brunei Darussalam dan menjadi satu mata pelajaran di peringkat sekolah menengah. Hal ini sungguh menguntungkan terutama lebih-lebih lagi didedahkan kepada pelajar untuk mengetahui konsep ini.

MENGENAI dengan agama Islam, sudah tentu yang mustahak adanya perimbangan antara dunia dan akhirat, dalam kita menghadapi hidup seharian ini. Selain ini bukan dengan pertimbangan akal sahaja, tetapi hendaklah selaras dengan kehendak agama dan sudah tentu hukum Islam. Dalam hal ini seorang pegawai beragama Islam dalam tindakannya seperti mengembangkan agama kufur dalam negara Islam adalah haram - kufur.

KERTAS KERJA .... KERTAS KERJA .... KERTAS KERJA ....

MIB DALAM KONTEKS ISLAM



MUKADIMAH

MELAYU Islam Beraja (MIB), ketiga-tiganya M.I.B. adalah berkaitan. Ia tidak terpisah dari segi konsep mahupun ajaran agama sendiri. Kewujudannya cukup unik. Negara Brunei Darussalam yang kecil, di tengah-tengah alam Nusantara yang luas ini, barangkali ciri MIB yang dimilikinya sama seperti sebuah hiasan indah yang paling mengkagumkan. Kerana di mana-mana Nusantara ini, hanya Negara Brunei Darussalam sahaja satu-satunya yang masih tulen memiliki ciri tersebut. Kertas kerja ini ditulis oleh Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

SEBENARNYA ketiga-tiga : M,I dan B itu telah ditakdirkan jagi kembar dari ibu yang satu. Ketiga-tiganya dirujuk sebagai agama atau berhubungan langsung dengan agama. Yakni M ada dalam agama, I memang sendirinya ia agama, dan B pula juga terdapat dalam agama.

Jadi ketiga-tiga huruf sakti MIB ini memanglah ia dari agama, berhubungan antara satu sama yang lain, bersentuhan, berkaitan dalam konteks tafsirannya yang sebenar.

Akan kita buktikan secara ringkas.

HURAIAN

M - Melayu. Apakah itu Melayu? Ia ialah nama satu bangsa, bangsa 'berkulit kekuningan.' Satu teori mengatakan ia dari rumpun Mongol. (Akan kita bincangkan lagi kemudian).

Kemudian apakah pula bangsa? Mengapa disebut bangsa? Dan apa sikap agama mengenai bangsa dan kehidupan berbangsa?

'Bangsa' menurut beberapa kamus dan ensiklopedia bererti satu kumpulan besar manusia yang sama asal usulnya, bahasanya dan adat resamnya, bahkan juga nasib dan penanggungannya.

Pembahagian bangsa itu biasanya berdasarkan alam atau ilmu bumi. Kerana itu ia mudah diketahui dan difahami. Orang India umpamanya tidak mungkin boleh jadi orang putih. Orang Melayu Brunei jadi orang Eskimo dan lain-lain.

KEBANGSAAN MENURUT AL-QURAN

Urutan asal terbentuknya umat dan bangsa ialah apabila Nabi Adam Alaihissalam dan isteri Baginda, Hawa dikurniakan zuriat oleh Allah Subhanahu Wataala. Mula-mula diperanakkan Qabil dan seorang saudara perempuannya yang kembar bersama-samanya. Kemudian menyusul Habil bersama saudara kembarnya pula, iaitu juga seorang perempuan. Apabila mereka baligh mempunyai keinginan untuk berkelamin, Nabi Adam bapa mereka - dengan perintah Allah - telah menetapkan saudara perempuan kembar Qabil berkahwin dengan Habil, sementara saudara perempuan kembar Habil berkahwin dengan Qabil. Tetapi Qabil menolak untuk kahwin dengan adik Habil, dia mahu berkahwin dengan adik kembarnya sendiri kerana adiknya itu lebih cantik dari adik Habil. Qabil sampai bertindak membunuh adiknya (Habil) itu.

Maka bermula dari sinilah berkembangnya zuriat manusia itu sehingga melahirkan beberapa banyak umat, bangsa dan puak.

Apa tujuan bangsa-bangsa dan puak-puak itu diciptakan?

Jawapannya oleh Al-Quran sendiri ialah, firman Allah yang tafsirnya : *"Wahai manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menciptakan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)."*

Dari ayat ini, nyatalah bangsa-bangsa itu dengan sengaja dicipta, bukan ia terjadi secara mujur atau kebetulan. Penciptaannya ialah melalui proses yang tidak mungkin dapat diketahui dengan detail. Ini berpandukan sendiri kepada penjelasan Allah melalui penggunaan kalimat yang bererti 'Kami jadikan kamu'.

Tujuannya supaya mereka (bangsa-bangsa dan puak-puak) itu saling kenal mengenali antara satu dengan yang lain, dalam makna berkomunikasi sambil mengambil manfaat dan faedah dari perkenalan tersebut dan bukannya untuk saling membanggakan keturunan atau nasab, kerana kemuliaan dan kebanggaan itu hanya dinilai dari sudut takwa jua, sebagaimana sambungan ayat :

Tafsirnya : *"Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa."*

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA TURUT MEMPERJELAS

Kemudian tujuan penciptaan bangsa-bangsa dan puak-puak itu turut juga diperjelas oleh bentuk perhubungan antarabangsa hari ini, yang dikendalikan oleh Badan Dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Peperangan secara besar-besaran yang dikenali sebagai 'Perang Dunia' turut mengilhami dan membuka minda manusia untuk mengadakan suatu macam perikatan antarabangsa, bagi mengelakkan kemungkinan adanya bahaya dari pakatan-pakatan yang dibuat secara bersendirian untuk melancarkan peperangan.

Kesedaran ini mulai timbul sesudah manusia mengalami pahitnya bencana 'Perang Dunia Pertama'. Lalu pada tahun 1920, lahirlah suatu bentuk kesatuan antarabangsa yang diberi nama 'Pakatan Bangsa-Bangsa'. Tetapi pakatan ini gagal, tidak berjaya menyelamatkan dunia dan manusia dari satu lagi malapetaka perang yang dikenali sebagai 'Perang Dunia Kedua.'

Pada tahun 1939 - 1945 'Perang Dunia Kedua' telah meletus. Entah oleh kerana dorongan keinsafan ataupun disebabkan takut, manusia sampai tidak tahan menunggu sehingga perang berakhir, lalu mereka pun mengambil langkah ke arah pembentukan sebuah lagi pertubuhan antarabangsa yang mempunyai tujuan yang sama dengan 'Pakatan Bangsa-Bangsa'. Pakatan baru ini dikenali sebagai 'Pengisytiharan London' (Jun 1941).

Dua bulan selepas itu (Ogos 1941), satu perisytiharan baru pula dibuat di antara Franklin D. Roosevelt, Presiden Amerika dan Winston Churchill, Perdana Menteri British ketika itu. Perisytiharan diberi nama dengan 'Piagam Atlantik', mengambil sempena ianya dibuat dalam sebuah kapal perang di Lautan Atlantik.

Piagam ini bukanlah merupakan suatu perjanjian di antara kedua buah kuasa besar itu, tetapi lebih merupakan asas cita-cita dan panduan ke arah pembentukan Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu tiga tahun kemudiannya, iaitu hasil dari persidangan berpuluh perwakilan dari beberapa buah negara di seluruh dunia, pada 24 Otkober, 1945, yang membawa kepada penerimaan terhadap Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu. Maka dengan ini, bermakna sahlah tertubuhnya badan dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu mulai dari tarikh tersebut.

Dari cara dan tujuan badan dunia ini dibentuk, nyatalah ia menepati konsep 'perkenalan' yang dijelaskan oleh ayat tadi, dan dengan sekaligus membuktikan bahawa konsep 'bangsa' dan 'berbangsa' itu adalah kukuh dan utuh sebagai sunnatullah yang tidak boleh ditolak-tolak atau disangkal-sangkal kewujudannya.

SIAPA MELAYU ITU?

Masalah sekarang sudah jelas, bahawa 'Bangsa' dan 'Kebangsaan' itu memang benar-benar ada. Ia juga bukan satu (satu jenis bangsa sahaja) tetapi banyak (terdiri dari bangsa-bangsa). Di antara yang banyak itu satu daripadanya ialah 'Bangsa Melayu'.

Apakah itu Melayu? Benarkah ada bangsa yang bernama Melayu? Jika benar ada, apakah ciri-cirinya? Dan di mana mereka?

Semua persoalan ini sebenarnya bukanlah baru, tetapi telah lama dikaji dan dijawab orang. Cuma sebagaimana lazim, masalah ini tidak mesti terhenti kepada satu-satu pendapat sahaja, malahan akan terus berkembang dan meluas sebagai sifatnya bahan ilmiah.

Maka demikianlah, dalam kertas ini, saya tertarik sebuah untuk merujuk rencana yang ditulis oleh seorang tokoh wartawan, sasterawan dan budayawan terkenal dari Republik Indonesia, H. Rosihan Anwar yang bertajuk 'Kibarkan Bendera Kemelayuan'. Rencana ini saya kira paling mutakhir setakat ini mengenai dengan soal 'Melayu', iaitu berbangkit dari Musyawarah Wartawan Nusantara III yang berlangsung di Pontianak pada 17 - 21 Julai, 1994 baru-baru ini. Saya tidak pasti adakah ia juga turut dihadiri oleh Brunei ataupun tidak.

Apa yang menarik dalam tulisan ini ialah perbincangan mengenai istilah 'Melayu'. Menurut seorang perwakilan dari negara Malaysia : 'Melayu itu ditunjukkan oleh bahasanya bahasa Melayu dan agamanya agama Islam.

Perkara ini nampaknya sukar diterima oleh perwakilan dari Republik Indonesia berasaskan terdapat banyak kelainan agama di Republik Indonesia, padahal nama bangsa juga

LIHAT MUKA 14

KEMUDIAN tujuan penciptaan bangsa-bangsa dan puak-puak itu turut juga diperjelas oleh bentuk perhubungan antarabangsa hari ini, yang dikendalikan oleh Badan Dunia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Peperangan secara besar-besaran yang dikenali sebagai 'Perang Dunia' turut mengilhami dan membuka minda manusia untuk mengadakan suatu macam perikatan antarabangsa, bagi mengelakkan kemungkinan adanya bahaya dal pakatan-pakatan yang dibuat secara bersendirian untuk melancarkan peperangan.



SEBAHAGIAN para pegawai kanan kerajaan ketika menghadiri salah satu siri ceramah Melayu Islam Beraja anjuran Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Akademi Pengajian Brunei.

KERTAS KERJA .... KERTAS KERJA .... KERTAS KERJA ....

MIB DALAM KONTEKS ISLAM



SEMINAR Melayu Islam Beraja anjuran jabatan dan institusi tertentu memberi peluang para peserta mengenal dan memahami lebih jelas sejarah dan sumbangan falsafah itu dalam perkembangan negara kita.

DARI MUKA 13

adalah satu - Melayu. Ini, tentu sahaja merupakan hakikat dari sudut etnologi dan prasejarah.

Gelombang pertama perpindahan manusia (migration) menurut Rosihan Anwar, terjadi kira-kira 2,000 tahun sebelum Masihi iaitu dengan kedatangan kumpulan manusia dari Yunan menuju Nusantara melalui Tonkin, Semenanjung Melayu, Sumatera terus ke timur. Dan Jepun, Formosa, Republik Filipina, Sulawesi terus ke timur dan selatan.

Mereka ini adalah bangsa Austronesia, juga disebut bangsa Proto Malay (Melayu Kuno).

Gelombang kedua terjadi kira-kira 500 tahun sebelum Masihi dengan kedatangan bangsa Austronesia dari Tonkin tersebar hingga ke berbagai pulau Nusantara. Mereka disebut bangsa Deutro Malay (Melayu Kedua). Bangsa inilah yang berkembang menempati pulau-pulau Nusantara itu. Dari satu rumpun, mereka kemudian menjadi beraneka ragam akibat pengaruh dari luar seperti pengaruh Hindu pada abad ke-4 dan 5 Masihi sehingga membawa lahirnya kerajaan-kerajaan Hindu Nusantara seperti Kerajaan-kerajaan Sriwijaya dan Majapahit yang mempunyai daerah-daerah kekuasaan masing-masing yang luas.

Kemudian pada abad-abad ke 11, 12 dan 13 datang pula agama (Islam) yang sekaligus membawa lahirnya Kerajaan-kerajaan Islam Nusantara seperti Melaka, Samudera Pasai, Acheh, Mataram, Ternate, Bugis.

Pada masa itu, Islam dan dakwah Islam turut disebarkan dengan menggunakan bahasa Melayu yang sekaligus menjadi bahasa perdagangan dan juga bahasa perhubungan antarabangsa.

Kemudian di masa inilah (sesudah Islam datang) orang-orang Barat pula menyusul dengan membawa agama Nasrani sambil bertujuan menjajah bangsa-bangsa Nusantara itu.

Walaupun berbagai pengaruh dan tamadun memasuki Nusantara, dari Hindu kepada Islam dan Barat, namun pada akhirnya yang tampil ke depan ialah bangsa Melayu berbahasa Melayu dan beragama Islam.

Menurut Rosihan Anwar, penonjolan Melayu dan Islam sebagai ciri utama Nusantara ini tidak begitu disenangi oleh setengah kalangan yang beragama Hindu dan Nasrani, kerana ini akan membawa mereka tersisih atau excluded. Padahal bukan itu maksudnya.

Kita tinggalkan tulisan Rosihan Anwar. Kita kembali kepada persoalan asal tentang bangsa Melayu, iaitu berpandukan kepada sejarah, nyatalah mereka itu pernah dan bahkan masih wujud sampai sekarang. Mereka ialah penduduk Nusantara yang luas di Asia Tenggara, yang ada bahasa Melayu seperti Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam, Filipina Selatan dan Thailand Selatan.

Jadi kewujudan bangsa ini adalah muktamad, suatu fakta yang tidak boleh ditolak-tolak lagi.

RAJA DAN ISLAM

Raja dan Islam memang berkaitan. Berkata Al-Ghazali, "Bahawa Allah Subhanahu Wataala memilih dari kalangan manusia itu dua golongan, iaitu golongan pertama terdiri daripada nabi-nabi dan rasul-rasul Alaihimussalatu Wasallam. Mereka ini dipilih dengan hikmat dan tujuan untuk menjelaskan kepada manusia peri wajibnya menyembah Allah Yang Maha Esa dengan dalil-dalilnya sekali, sementara golongan kedua pula ialah raja-raja untuk mengawal dan memelihara segala muslihat dan kepentingan manusia itu."

Kedua-duanya wajib diikuti dan ditaati, seperti firman Allah yang tafsirnya : *"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul, Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan kepada Ulul Amri yakni pemerintah dari kalangan kamu, iaitu apabila mereka itu menyuruh kamu dengan kebajikan."*

Siapakah Ulul Amri?

Dari pendapat dan huraian ulama, bahawa Ulul Amri itu, setelah wafat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ialah khalifah-khalifah, raja-raja atau imam-imam, pemerintah-pemerintah, amir-amir, gabenor-gabenor dan pegawai-pegawai yang berkuasa.

Dari Kamus Idris Al-Marbawi 'Ulul Amri' termasuk : Pemerintah, kepala, ketua dan ulama.

Mengapa dinamakan Ulul Amri?

Kerana di tangan mereka itulah terletak semua urusan umat. Perkataan 'Ulu' atau 'Uli' berasal dari 'Wali' yakni pemerintah atau penguasa, dan 'Al-Amr' pula ialah perkara atau urusan. Jadi apabila dipasangkan keduanya akan mengandungi makna 'pemerintah atau penguasa yang memegang serta mengendalikan segala perkara atau urusan umat.'

RAJA dan Islam memang berkaitan. Berkata Al-Ghazali, "Bahawa Allah Subhanahu Wataala memilih dari kalangan manusia itu dua golongan, iaitu golongan pertama terdiri daripada nabi-nabi dan rasul-rasul Alaihimussalatu Wasallam. Mereka ini dipilih dengan hikmat dan tujuan untuk menjelaskan kepada manusia periwajibnya menyembah Allah Yang Maha Esa dengan dalil-dalilnya sekali, sementara golongan kedua pula ialah raja-raja untuk mengawal dan memelihara segala muslihat dan kepentingan manusia itu."

HUKUM ISLAM DALAM PERKARA MELANTIK RAJA

Dari sudut sejarah, apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam wafat, umat Islam telah lebih dahulu melantik raja atau khalifah yang akan menggantikan Nabi, sebelum lagi Nabi dikebumikan. Begitulah pula perkara yang sama telah diikuti juga oleh mereka yang datang kemudian, iaitu apabila khalifah-khalifah dan raja-raja itu meninggal dunia.

Mengapa begitu duduknya perkara? Kerana banyak urusan-urusan yang wajib dalam agama itu, tertanggung ke atas raja.

Berkata Al-Imam 'Omar bin Muhammad An-Nasafi yang meninggal pada tahun 537 Hijrah :

"Orang-orang Islam itu mestilah mereka melantik seorang raja untuk menjalankan hukum-hukum Islam, mendirikan hukum seksa (ta'zir) dan dera (hudud) serta menguatkan pusat-pusat dan tempat-tempat pertahanan di sepanjang sempadan negeri menyiapkan bala tentera, mengumpulkan zakat, membanteras penjahat-penjahat, pencuri dan perompak, mendirikan sembahyang Jumaat dan raja, menyelesaikan perbalahan di antara umat Islam, menerima saksi yang ada kaitan dengan berbagai-bagai hak di antara manusia, mengkahwinkan (menjadi wali) bagi kanak-kanak kecil dan mereka yang tidak mempunya wali-wali khas, dan membahagi-bahagikan harta tawanan."

Al-Imam Ibnu Hajar Al-Haitami Asy-Syafe'i yang meninggal pada tahun 973 Hijrah, berkata : "Melantik raja hukumnya fardu kifayah seperti melantik kadi."

Al-Imam Asy-Syarbini Al-Khatib Asy-Syafe'i yang meninggal pada tahun 976 Hijrah, dan Syeikhul Islam Zakaria Al-Ansari yang meninggal pada tahun 926 Hijrah juga menjelaskan : Bahawa bagi umat Islam itu mestilah mempunyai seorang imam (raja) yang akan menjalankan urusan-urusan agama, menguatkan ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, membela orang-orang yang teraniaya dari penganiayaan dan yang menyempurnakan segala hak serta meletakkan hak-hak tersebut pada tempatnya.

Semua pendapat ulama dalam perkara ini seperti sudah terkumpul dalam penjelasan Al-Imam Sa'duddin At-Taftazani seorang ulama terkenal dalam ilmu Tauhid, ilmu Arabiah, ilmu Usul Fe'qih dan lain-lain, yang meninggal pada tahun 791 Hijrah. Penjelasan beliau itu terkandung dalam Syarah Al-'Aqaid An-Nasafiah karangan Al-Imam Omar bin Muhammad An-Nasafi, berbunyi :

".... (Secara am) menurut ijmak umat Islam bahawa melantik raja itu adalah wajib ...., kemudian mazhab Ahlus Sunnah Wal-Jamaah pula bahawa wajib ke atas umat Islam melantik raja itu dengan berdalilkan Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : *"Barangsiapa mati dan dia tidak kenalkan raja yang ada pada masanya iaitu, nescaya matilah dia secara mati jahiliah."*

Penjelasan ini boleh pula dianggap sebagai rumusan dari keterangan yang lebih awal oleh seorang alim besar yang melimpasi 300 tahun sebelumnya, iaitu Al-Mawardi (meninggal tahun 450 Hijrah) yang berkata :

"Apabila sabit hukum melantik raja itu, maka wajib di sini ialah wajib atau fardu kifayah seperti wajib berjihad melawan musuh Islam dan wajib menuntut Ilmu."

Ertinya, jika tidak dilantik raja itu bagi satu-satu kalangan, atau jemaah, atau bangsa Islam, tetaplah menjadi dosa yang akan ditanggung secara beramai-ramai.

Demikian hukum melantik raja dalam pandangan Islam.

RUMUSAN

Dari keterangan-keterangan di atas dapatlah kita rumuskan bahawa ketiga-tiga M.I dan B itu adalah berkaitan. Ia tidak terpisah dari segi konsep mahupun ajaran agama sendiri.

Kewujudannya cukup unik, Brunei yang kecil, di tengah-tengah alam Nusantara yang luas ini, barangkali ciri MIB yang dimilikinya sama seperti hiasan indah yang paling mengkagumkan.

Kerana di mana-mana dari bahagian Nusantara ini, hanya Negara Brunei Darussalam sahaja satu-satunya yang masih tulen memiliki ciri tersebut, yang lain-lain itu sudah berakhir ataupun ibarat gigi ada yang sudah rumpang.

BERSAMBUNG

KERTAS KERJA .... KERTAS KERJA .... KERTAS KERJA ....

SAMBUNGAN MINGGU LEPAS

MIB DALAM KONTEKS ISLAM



GAMBAR hiasan..... Kesedaran dalam menghayati ajaran-ajaran agama Islam di negara kita semakin meningkat dan berkembang melalui kegiatan-kegiatan yang diungkayahkan sama ada oleh pihak kerajaan, institusi pendidikan mahupun orang-orang perseorangan.

SIKAP KITA

Soalnya di mana kita dengan aset yang berharga ini? Ia adalah warisan sejarah yang sukar dipertahankan, tetapi alhamdulillah, Brunei berjaya mengekalkannya. Ia wujud mengiringi sejarah kita. Ia adalah umur Brunei dan umur bangsa kita.

Saya tidaklah sependapat dengan orang yang mengatakan MIB itu baru setahun jagung. Tarikh lahirnya ialah pada 1 Januari, 1984. Pendapat ini ternyata bercanggah dengan fakta sejarah. Ia sudah lama wujud, cuma penamaannya sahaja baru sekarang.

Jika ia kita umpamakan sebagai anak kecil, maka tarikh 1 Januari, 1984 itu ialah tarikh pendaftarannya di pendaftaran beranak. Tetapi bilakah ia dilahirkan, tidaklah mesti pada hari yang sama dengan hari pendaftaran itu. Mungkin juga sudah seminggu atau dua minggu dia dilahirkan, namun sebelum didaftarkan, kita masih tak kisah tentang namanya.

Saya masih ingat, dalam Seminar MIB pada 20 Oktober, 1992 dahulu, ada pendapat seakan-akan mempertikai MIB itu bukanlah keseluruhannya. B (Beraja) dipersetujui, tetapi M dan I masih cuba dipersoalkan.

Mengapa diterima B dan ditolak MI? Mengapa tidak ditolak keseluruhannya?

Di sinilah nampak keanehan cara berfikir itu.

Bukankah raja itu wujud apabila ada bangsa? Ada bangsa baru ada raja. Cuba sama-sama kita camkan contoh-contoh ini : Raja Cina (Cina itu bangsa), Maharaja Jepun (Jepun itu bangsa), Raja British (British itu bangsa), Raja Arab Saudi (Arab Saudi itu bangsa), Raja Siam (Siam itu bangsa) dan begitulah dengan Raja Melayu (Melayu itu bangsa). Jadi jika 'Melayu' tidak ada, tidak disebut, maka raja apa itu?

Begitulah juga dengan 'Islam. Islam itu ialah agama raja dan agama bangsa, mengapakah mesti disorok-sorok? Bukankah Islam itu pembuka tirai cahaya? Dari kehidupan tidak bertamadun kita jadi bertamadun yang dibawa oleh Islam. Sebelum Islam, entah bagaimana keadaan kita, Wallallahu Aklam. Tetapi sesudah Islam, kita tidak lagi makan bangkai, tidak lagi kahwin macam haiwan kahwin, tidak lagi mencuri, minum arak dan sebagainya.

MELAYU BANGSA YANG BAIK HATI

Jadi tidak ada sebab mengapa takut menonjolkan bangsa dan Islam itu. Mengenai dengan bangsa, kita patut berbangga jadi bangsa Melayu. Semua ciri-ciri kemelayuan patut ditonjolkan. Jangan tapuk dan jangan segan-segan mempamerkannya.

Kita mesti melangkah menarik perhatian dunia, bahawa bangsa Melayu ialah bangsa yang agung, yang terhormat dan bertamadun. Paparkan keunggulan bangsa ini. Salah satu dari ciri-ciri kemelayuan yang paling establish ialah, baik hati, humble dan pemurah. Kata Allahyarham Profesor Sutak Ali Shahbana : Budaya Melayu ialah 'Budaya tidak banyak berkira.' Contohnya, jika buah-buahan di halaman rumah dikebas orang, kita masih dengan tenang berkata ' 'Ah, tak apalah.' Dan kerana 'tak apa' itulah biasanya hak-hak mereka tergadai.

Jadi terhadap bangsa yang begini baik itu, orang perlu takut apa lagi?

ISLAM AGAMA RAHMAT

Bangsa Melayu di satu pihak, yang memang sudah sedia terkenal baik itu, kemudian ditambah lagi dengan agamanya Islam, maka bertambah-tambah lagilah baiknya. Kerana agama Islam bukanlah seperti yang digembar-gemburkan oleh musuh sebagai agama yang kejam dan tidak mempunyai belas kasihan, tetapi inilah 'agama rahmat' yang menjadi penyelamat dan pelindung sekalian makhluk.

Bukan sahaja hak si Ahmad yang dilindungi dan dihormati, bahkan juga hak si Ah Chong, si Robert dan lain-lain, hatta hak-hak binatang, adalah semuanya itu ditunaikan menurut batas masing-masing. Sayidina Umar Ibnu Al-Khattab Radiallahuanhu menangis apabila melihat kambing-kambing yang kurus, kerana takut didakwa di akhirat kelak bahawa Umar dan pemerintahannya tidak berhasil menggemukkan kambing-kambing itu, dalam makna lain tidak dapat menyediakan makanan yang cukup.

Ini dia Islam dan sila fahamkan makna isi hadis ini : "Orang-orang yang mempunyai belas kasihan itu, Allah Taala mengasihi mereka. Kasihanilah oleh kamu penduduk bumi nescaya akan kasihan kepada kamu siapa yang di langit."

AWAS JERANGKAP SAMAR ....

Mengakhiri kertas kerja ini, kita semua mengharapkan kesedaran tulen untuk menyedari tentang usaha-usaha yang negatif pihak musuh bagi mengaburkan kebaikan-kebaikan Islam itu. Kita tidak patut terjerat dengan usaha-usaha ini. Awas kaki kita, jangan sampai terkena jerangkap sama mereka, dan lebih-lebih lagi jerangkap samar 'di medan pemikiran dan sikap', ketanya di kawasan itu. Ertinya baru sedang mencari dan menyiasat. Tetapi dengan tidak sabar, sebagai suatu kesempatan keemasan, pemimpin-pemimpin Barat sudah membuat tuduhan terhadap orang Islam.

Tidakkah cara ini memberi implikasi yang amat negatif terhadap imej Islam sendiri? Dengan memang secara semberono pada akhir-akhir ini, apa sahaja yang melibatkan keganasan dan pengeboman, orang Islamlah yang akan jadi mangsa, yang akan dituduh melakukannya tanpa sebarang prosedur perundangan yang sahih.

Kalau adapun, itu bukanlah kerana dia orang Islam,bukan kerana Islamnya, Islam tidak boleh dilibat. Itu soal perilaku manusia, orang di luar Islam pun lebih teruk lagi.

Contohnya, dalam bulan Ogos lalu, dunia hairan apabila tentera pelindung PBB dan NATO akan berundur dari Bosnia jika pengganas Serb menyerang mereka. Dan lebih pelik lagi ancaman mereka itu termasuklah juga jika sekatan senjata terhadap Bosnia ditamatkan, yang membawa makna akan memboleh-kan Bosnia mendapatkan bekalan senjatanya bagi mempertahankan diri.

Mengapa kerana dua perkara ini meraka akan berundur? Bukankah serangan NATO dan menarik sekatan senjata terhadap Bosnia itu suatu langkah boleh menipiskan ego dan nafsu serakah pengganas Serb yang memang sudah diketahui oleh dunia sebagai pembunuh beratus ribu rakyat Bosnia itu? Mengapa mesti undur? Bukankah adil menghukum orang yang zalim? Kalau ke atas Iraq kita buat, mengapa ke atas pengganas Serb tidak?

Ini namanya silap mata yang kedapatan di hujung. Ala kulli hal, tembelang-tembelang hitam sudah terbuka. Tetapi kasihan, dalam pada itu pun, masih ada juga orang Islam yang tidak faham, atau pura-pura tidak faham.

Sepatutnya jika tidak faham itu, kita menumpang faham kepada orang yang faham, adalah suatu alternatif yang terpuji. Wallahu Aklam.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullah Wabarakatuh.

KITA mesti melangkah menarik perhatian dunia, bahawa bangsa Melayu ialah bangsa yang agung, yang terhormat dan bertamadun. Paparkan keunggulan bangsa ini. Salah satu dari ciri kemelayuan yang paling establish ialah, baik hati, humble dan pemurah. Kata Allahyarham Profesor Sutak Ali Shahbana : "Budaya Melayu ialah 'Budaya tidak banyak berkira." Contohnya, jika buah-buahan di halaman rumah dikebas orang, kita masih dengan tenang berkata : 'Ah, tak apalah.' Dan kerana 'tak apa' itulah biasanya hak-hak mereka tergadai.

BANGSA Melayu di satu pihak, yang memang sudah sedia terkenal baik itu, kemudian ditambah lagi dengan agamanya Islam, maka bertambah-tambah lagilah baiknya. Kerana agama Islam bukanlah seperti yang digembar-gemburkan oleh musuh sebagai agama yang kejam dan tidak mempunyai belas kasihan, tetapi inilah 'agama rahmat' yang menjadi penyelamat dan pelindung sekalian makhluk.

Sastera dan Budaya

'NATIONAL INTEREST' DALAM TEORI ASHABIYAH IBNU KHALDUN DAN HUBUNGANNYA DENGAN KONSEP MELAYU DALAM MIB

Oleh
Drs. Khaerudin Rofi'I

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut perayaan ke-11 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada 23 Ramadan, 1415 bersamaan 23 Februari, 1995, antara lain bertitah :

"Apa yang patut menjadi pegangan kita ialah meletakkan kepentingan kebangsaan atau 'national interest' itu di atas sebali. Kita hendaklah menyingkirkan tabiat suka mementingkan diri sendiri, kerana tabiat ini boleh menggagalkan usaha-usaha pembangunaan. Kita tidaklah mahu undur ke belakang hanya disebabkan kesilapan seperti ini."

'National interest' merupakan perkara yang penting dalam sebuah negara yang sedang membangun menuju kejayaan yang gilang-gemilang, sehingga langkah Baginda Sultan mengambil berat hal ini sangat tepat sekali, kerana 'national interest' yang lahir dari rasa kebangsaan atau kebruneian akan menjadi benteng yang utama dalam mencapai kejayaan Negara Brunei Darussalam di masa-masa yang akan datang.

Dengan rasa kebangsaan atau kebruneian yang kuat akan membentuk suatu kelompok solidaritas, kelompok bangsa yang lebih mengutamakan 'national interest' dibandingkan dengan kepentingan sendiri. Oleh yang demikian, mestilah penduduk dan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia tahu dan faham akan pentingnya rasa kebangsaan atau kebruneian yang menurut Ibnu Khaldun disebut teori Ashabiyah.

Istilah Ashabiyah oleh Profesor Franz Rosenthal diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai 'Group Feeling'. Dalam bahasa Melayu dapat diterjemahkan : rasa satu kelompok yang bermaksud sebagai solidaritas kelompok seperti Melayu Brunei yang sedar akan kepentingan rasa kebangsaannya dengan solidaritasnya itu membentuk 'national interest' dengan berdasarkan Melayu Islam Beraja.

Menurut Ibnu Khaldun semua orang memiliki kebangsaan akan keturunannya. Rasa saling kasih-mengasihi, sayang-menyayangi, hormat-menghormati, dan bantu-membantu antara mereka yang mempunyai hubungan darah dan keluarga merupakan watak alami (semula jadi) yang ditempatkan oleh Allah Subhanahu Wataala pada tiap hati manusia.

Itulah yang melahirkan semangat saling mendukung dan saling membantu, serta rasa ikut malu dan tidak rela kalau di antara mereka yang mempunyai hubungan darah, satu keturunan atau keluarga, mendapat perlakuan yang kurang adil atau hendak dihancurleburkan, dan adanya keinginan untuk berbuat sesuatu untuk melindungi pihak yang terancam dan dalam keadaan bahaya itu. Itulah yang dimaksudkan dengan teori Ashabiyah.

Dalam kaitannya dengan pentingnya Ashabiyah yang sangat berperanan dalam pembentukan negara dan kejayaannya itu, beliau menerangkan dengan panjang lebar dalam buku karangannya yang terkenal 'Muqoddimah', yang menurut Haji Munawir Sjadzali MA. Tokoh Mal Hijrah 1415 Hijrah Malaysia dalam bukunya 'Islam dan Tata Negara' menyimpulkan seperti berikut :

1. Solidaritas kelompok itu terdapat dalam watak manusia. Dasarnya dapat bermacam-macam : ikatan darah atau persamaan keturunan, bertempat tinggal berdekatan atau bertentangan, persekutuan atau aliansi, dan hubungan antara pelindung dan yang dilindungi. Pembangkit Ashabiyah itu adanya rasa malu pada tiap manusia kalau terjadi perlakuan tidak adil atau penganiayaan atas mereka yang mempunyai hubungan berdasarkan satu atau lebih dari ikatan-ikatan tersebut.

2. Adanya solidaritas kelompok yang kuat merupakan suatu keharusan bagi bangunnya suatu dinasti atau negara besar. Oleh kerana jarang terjadi suatu dinasti dapat berdiri di suatu kawasan di mana terdapat beraneka ragam suku. Sebab dalam keadaan yang demikian masing-masing suku mempunyai kepentingan dan aspirasi yang berbeza-beza satu sama lain, dan tiap-tiap kepentingan dan aspirasi suku-suku tersebut didukung oleh Ashabiyah suku, atau dengan perkataan lain dinasti yang besar dan kuat hanya dapat berdiri apabila terdapat homogenitas, sehingga menimbulkan solidaritas kelompok yang kuat.

3. Seorang kepala negara : Raja atau sultan, agar mampu secara efektif mengendalikan ketertiban negara dan melindunginya, baik terhadap gangguan dari dalam mahupun terhadap ancaman dari luar, harus memiliki wibawa yang besar dan kekuatan fizik yang memadai. Untuk itu ianya memerlukan solidaritas kelompok yang besar dan kuat berupa loyalitas dari kelompoknya dalam menghadapi tentangan, baik dari dalam mahupun dari luar negara terhadap otoritas dan kekuasaannya. Oleh kerananya, dari berbagai Ashabiyah atau solidaritas kelompok yang terdapat di negara itu, kepala negara; raja atau sultan harus berasal dari solidaritas kelompok yang paling dominan.

4. Banyak dinasti atau negara besar yang bangun dari atau kerana agama, oleh kerana kekuasaan yang dimiliki oleh penguasa; raja atau sultan itu berkat adanya keunggulan. Keunggulan tercapai kerana adanya solidaritas kelompok yang kuat, dan hanya dengan pertolongan Tuhan dalam menegakkan agama maka manusia sepakat untuk tidak mendesakkan kemahuan atau ambisinya masing-masing, dan sebaliknya bersatu hati untuk mengusahakan tujuan-tujuan yang lebih mulia.

Dengan telah adanya solidaritas kelompok; rasa kebangsaan; jiwa kebruneian yang melekat kuat dalam tubuh penduduk dan rakyat negara ini, maka akan dapat lebih dipertingkatkan lagi dengan mengembangkan sikap hidup 'national interest' sebagai salah satu asas utama untuk tetap mengekalkan keamanan dan kejayaan negara, sesuai titah yang tersebut di atas.

Lebih dari itu terdapat satu pengamatan Ibnu Khaldun yang cukup menarik dalam hal hubungan antara agama dan solidaritas kelompok. Menurut Ibnu Khaldun bahawa dakwah agama tidak akan berhasil tanpa dukungan solidaritas kelompok, sesuai dengan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang mengatakan: *"Tuhan tidak mengutus seorang Nabi yang tidak mendapat perlindungan dari rakyatnya."*

Kalau demikian halnya dengan para nabi, yang merupakan tokoh yang paling mampu melakukan hal-hal yang luar biasa, apa lagi mereka yang bukan nabi. Mereka tidak dapat diharapkan untuk mencapai sukses atau keunggulan tanpa solidaritas kelompok. Agama dapat memperkukuh solidaritas kelompok dan menambah keampuhannya. Tetapi agama saja tidak dapat ditegakkan tanpa solidaritas kelompok. Dari konteks inilah kita barangkali dapat memperoleh jawapan tentang ketepatan dan kebenaran konsep MIB yang mendahulukan Melayu, dan bukan Islam Melayu Beraja, tetapi Melayu Islam Beraja (MIB).

HUBUNGAN DENGAN KONSEP MELAYU DALAM MIB

Menurut Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dalam tulisannya yang bertajuk 'MIB Dalam Konteks Islam' menyebutkan : 'Melayu Islam Beraja (MIB), ketiga-tiganya M.I.B. adalah berkaitan, ia tidak terpisah dari segi konsep mahupun ajaran agama sendiri. Kewujudannya cukup unik, Negara Brunei Darussalam yang kecil, di tengah-tengah alam Nusantara yang luas ini; barangkali ciri MIB yang dimilikinya sama seperti sebuah hiasan indah yang paling mengkagumkan. Kerana di mana-mana Nusantara ini, hanya Negara Brunei Darussalam sahaja satu-satunya yang masih tulen memiliki ciri tersebut.

Dalam konteks Ashabiyah; solidaritas kelompok dalam alam kemelayuan di Negara Brunei Darussalam ini menurut penulis bahawa istilah Melayu itu ditunjukkan oleh bahasanya Melayu dan agamanya agama Islam sesuai dengan pendapat peserta dari Malaysia dalam Musyawarah Wartawan Nusantara III di Pontianak pada 17 Julai, 1994. Kerana ianya mewakili majoritas orang-orang Brunei dan juga Malaysia yang Melayu itu pada umumnya beragama Islam. Dan MIB ini sangat sesuai sekali keberadaannya di Negara Brunei Darussalam, di mana unsur Melayunya - sangatlah menonjol sejak zaman-berzaman.

Mengenai bagaimana menjadi negara Melayu yang berkaitan erat dengan rasa kebangsaan yang menurut Ibnu Khaldun dinamakan teori Ashabiyah ini, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri dalam kertas kerjanya yang bertajuk 'Pelaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja' menjelaskan :

"Jika hendak mengekalkan Melayu, maka perlulah disusun satu rancangan khas yang mengandungi maksud bagaimana hendak mengekalkan NBD ini menjadi negara Melayu yang tulen dan isi kandungan rancangan itu disesuaikan dengan rupa bentuk yang mengandungi ciri-ciri Melayu dan keperluan Melayu sesuai dengan keadaan zaman. Kalau dahulu NBD itu bandarnya di Kampong Ayer atau di tepi sungai tetapi NBD yang akan dibangun sekarang akan ditempatkan di darat dihiasi dengan jalan-jalan raya dan bangunan-bangunan termasuk kemudahan yang diperlukan. Sesuatu yang dibangun itu pula seberapa boleh hendaklah berorientasikan budaya dan pemikiran orang Brunei dan diselenggarakan oleh orang Brunei sendiri; dengan kata lain jika dipandang sepintas lalu negara yang dibangun itu hendaklah kelihatan dan dikenal sebagai negara Melayu yang mempunyai peradaban tinggi. Orang-orang Melayunya menunjukkan sifat kemelayuannya seperti beradap, bersopan santun, berbudi bahasa, bekerja bersungguh-sungguh, bermaruah, tidak mudah diperalatkan seperti Ali Baba dan taat kepada Allah dan Rasul serta taat setia kepada Sultan.

Dengan mengembangkan sikap kemelayuan yang berbudi luhur sesuai dengan falsafah MIB dan mempertahankan budaya Melayu Brunei yang unggul maka akan terwujudlah 'national interest' yang akan membawa kejayaan Negara Brunei Darussalam.

"KALAU demikian halnya dengan para nabi, yang merupakan tokoh yang paling mampu melakukan hal-hal yang luar biasa, apa lagi bagi mereka yang bukan nabi. Mereka tidak dapat diharapkan untuk mencapai sukses atau keunggulan tanpa solidaritas kelompok. Agama dapat memperkukuh solidaritas kelompok dan menambah keampuhannya. Tetapi agama saja tidak dapat ditegakkan tanpa solidaritas kelompok. Dari konteks inilah kita barangkali dapat memperolehi jawapan tentang ketepatan dan kebenaran konsep MIB yang mendahulukan Melayu, dan bukan Islam Melayu Beraja, tetapi Melayu Islam Beraja (MIB)."

DENGAN rasa kebangsaan atau kebruneian yang kuat akan membentuk suatu kelompok solidaritas, kelompok bangsa yang lebih mengutamakan 'national interest' dibandingkan dengan kepentingan sendiri. Oleh yang demikian, mestilah penduduk dan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia tahu dan faham akan pentingnya rasa kebangsaan atau kebruneian yang menurut Ibnu Khaldun disebut teori Ashabiyah.

DALAM konteks Ashabiyah; solidaritas kelompok dalam alam kemelayuan di Negara Brunei Darussalam ini menurut penulis bahawa istilah Melayu itu ditunjukkan oleh bahasanya Melayu dan agamanya agama Islam sesuai dengan pendapat peserta dari Malaysia dalam Musyawarah Wartawan Nusantara III di Pontianak pada 17 Julai, 1994. Kerana ianya mewakili majoritas orang-orang Brunei dan juga Malaysia yang Melayu itu pada umumnya beragama Islam. Dan MIB ini sangat sesuai sekali keberadaannya di Negara Brunei Darussalam, di mana unsur Melayunya - sangatlah menonjol sejak zaman-berzaman.

ANEKA
Pelita Brunei
ANEKA 9 OGOS, 1995

Sastera dan Budaya

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM PENDIDIKAN KHUSUS PELAJARAN MELAYU ISLAM BERAJA

SIRI PERTAMA

OLEH
HAJI SULAIMAN
HAJI DURAMAN

RENUNGAN :

"UNTUK hidup di dunia perlukan ilmu, untuk berjaya, di akhirat perlukan juga ilmu dan untuk kedua-duanya perlukan juga ilmu. Dengan itu pastilah hujah yang mengatakan untuk melakukan sesuatu tugas dan hidup, manusia perlukan ilmu atau pengetahuan dan kemahiran." (A.B. Rahim Selamat, Belajar Cara Belajar, 1992, halaman 1).

Rencana ini ditulis adalah dengan niat semata-mata kerana Allah, bagi menangani permasalahan dalam pengajaran dan pembelajaran pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB). Penulisan juga berdasarkan dari pengalaman dan pengetahuan yang ada di dalam diri penulis sejak berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai guru hinggalah kepada Pegawai Pelajaran.

Sebagai salah seorang yang diamanahkan dalam membentuk kurikulum dan perkembangan mengenai pelajaran MIB maka sudah tentulah penulis cuba sebeberapa daya upaya yang boleh memberikan khidmat dalam memberigakan serta mengembangkan dan mengemaskinikan pelajaran MIB bagi memberikan bekalan dan pendedahan ilmu untuk diungkayahkan oleh guru-guru sebagai pelaksana dan kepada pelajar-pelajar sebagai penerima (generasi-generasi yang bakal menjadi pemimpin negara ini).

Dalam penghuraian mengenai pengajaran dan pembelajaran khusus pelajaran MIB, ini hanyalah sekadar bahan yang boleh dijadikan titik tolak sebagai mengingatkan kepada guru-guru bagi mempelbagaikan cara penyampaian pengajaran yang memang sudah sedia ada dalam pengalaman dan pengetahuan guru-guru sebagai pendidik kecuali mereka yang baharu menceburi diri dalam profesion perguruan.

Setelah memerhati pengajaran dan pembelajaran pelajaran MIB selama tiga tahun lebih (sejak pelajaran ini dikenalkan pada tahun 1992), terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki dan diperkemaskinikan dalam pengajaran bagi mata pelajaran MIB.

Kita menyedari bahawa peranan dan tanggungjawab seorang guru atau pendidik itu sangatlah berat, tanggungjawab ini akan menjadi ringan jika ada kerjasama dari ibu bapa dan pelajar. Kejayaan pembentukan masyarakat melalui pendidikan adalah terletak di atas kerja sama dari ibu bapa, sekolah (guru-guru dan pentadbir) dan pelajar-pelajar.

Dalam hal ini kurikulum yang cukup lengkap dan teratur tidak boleh menjamin kemajuan pembangunan negara kalau guru-guru sebagai pelaksana tidak mempunyai kreatif dan inovatif.

Tetapi guru-guru yang mempunyai kreatif, inovatif, dedikasi dan mempunyai semangat nasional yang tinggi dapat membentuk dan memajukan masyarakat dalam sesebuah negara untuk menuju ke arah kecemerlangan walaupun kurikulumnya tidak teratur dan kemas. Sebagai contoh Jabatan Perkembangan Kurikulum hanyalah sebagai penyedia bahan resipi masakan kepada guru-guru (sebagai tukang masak). Guru-guru (tukang masak) yang berkemahiran akan dapat mempelbagaikan masakan melalui pengetahuan dan pengalaman dalam masakan untuk menyelerakan pelanggannya.

Dalam hal ini adalah disarankan kepada guru-guru yang berkenaan untuk mempelbagaikan pengajaran dan pembelajaran khususnya pelajaran MIB. Sebelum saranan ini dibuat ada baiknya kita renung kembali ucapan Pemangku Pengarah Sekolah-sekolah (Datin Hajjah Misli binti Haji Awang) ketika penyampaian sijil kepada peserta yang telah menamatkan sesi taklimat menengah I, II dan III pada 1 Disember, 1993 antara lain berkata :

"Guru-guru yang mengajar pelajaran Melayu Islam Beraja 'MIB', hendaklah sentiasa berusaha mencari bahan-bahan sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada kurikulum yang disediakan."

(Berita Pendidikan, Kementerian Pendidikan, April 1994).

SIKAP DAN KECENDERUNGAN GURU

Sebagai seorang guru yang mempunyai peranan penting dalam pendidikan, maka seorang guru itu mestilah melengkapkan dirinya dengan pelbagai perkaedahan, pengalaman dan pengetahuan sebagai pertahanan diri untuk menghadapi pelajar-pelajarnya.

Oleh yang demikian guru mestilah mempunyai sikap dan kecenderungan menghayati apa jua mata pelajaran yang diajarnya serta memikulnya dengan penuh keikhlasan dan kesabaran, bukan dengan keluhan kerana tidak bersedia atau tidak mempunyai keyakinan tentang kebolehan mengajar terhadap pelajaran yang telah diamanahkan kepadanya.

Sikap dan kecenderungan guru dalam pengajaran dan pembelajaran ini juga jangan hanya mementingkan pelajaran yang mudah diajar. Setahu saya tidak ada pelajaran yang mudah diajar kecualilah guru itu mengajar sekadar melepaskan batuk di tangga.

Dalam pengajaran dan pembelajaran ini yang penting ialah bagaimana kita mahu menarik minat pelajar itu supaya berminat dengan pengajaran yang kita ajarkan. Sebab itulah guru yang kreatif dan inovatif sentiasa berusaha keras dalam pengajarannya supaya pelajar-pelajar akan dapat menghayati pengajaran dengan berkesan.

Sikap guru yang tidak mahu menunjukkan minat untuk mengajar sesuatu pelajaran yang diajarkan, hanyalah mendatangkan kebencian dan kebosanan pelajaran yang diajarkan. Inilah sikap negatif pelajar-pelajar yang kita tidak ingini, oleh itu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu dan berwawasan serta mempunyai akhlak yang tinggi, guru-guru mestilah menunjukkan sedaya upaya mereka tentang sikap dan kecenderungan terhadap pelajaran yang telah diamanahkan kepada mereka.

Cuba kita renungkan bersama pendapat salah seorang pakar dalam pendidikan yang antara lain berbunyi :

"Pendidik perlu sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan umum, tugas penyeliaan dan ilmu-ilmu pendidik profesional ke suatu tahap yang selari dengan segala jenis perkembangan-perkembangan kemajuan dan inovasi dalam masyarakat dunia. Pendidik harus ingat bahawa kuasa ilmu dan ketrampilan seseorang manusia itu lebih penting dan lebih mempengaruhi daripada kuasa jawatan. Kuasa jawatan tanpa ilmu dan ketrampilan dalam bidang keguruan tidak banyak memberi makna."

(Wan Mohd. Zahid Mohd. Noordin, Wawasan Pendidik Agenda Pengisian 2020, 1993, halaman 106).

SYARAHAN DAN KULIAH

Dalam pengajaran dan pembelajaran kaedah bersyarah atau kuliah dalam kelas adalah suatu kelaziman dan penting untuk mendedahkan apa jua ilmu yang akan disampaikan kepada pelajar-pelajar.

Ada dua implikasi yang akan timbul dalam kaedah ini pertama bagi seorang guru yang pandai menarik perhatian pelajar untuk mendengar apa yang diajarkan serta diterangkan memanglah kita akui kesannya terhadap pengajaran dan pembelajaran amat baik. Tetapi keadaan akan berubah apabila guru yang bersyarah itu tidak dapat menarik minat dan kecenderungan para pelajar untuk menghayati apa yang diajarkan.

Maka terjadilah kebosanan dan kebencian pelajar terhadap pelajaran yang diajarkan serta tidak berminat langsung untuk mengikuti pelajaran itu. Dalam hal ini berkemungkinan besar pelajar juga akan membenci guru itu.

Kalaulah ini terjadi maka harapan kita untuk melahirkan generasi yang berilmu dan berakhlak tinggi tidak akan tercapai.

Kerana itulah tugas dan tanggungjawab seorang guru itu sangat berat, selain dari bersyarah, guru boleh mengemukakan berbagai soalan, perbincangan, perlawanan kumpulan (kuiz), lakonan dan lain-lain. Dalam perkaedahan pendidikan melalui kelas ini sukalah saya menarik perhatian guru-guru terhadap ucapan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan (Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Mohd. Daud) yang telah melahirkan kekecewaan mengenai dengan sikap guru yang selalu menggunakan perkaedahan pengajaran yang bergantung kepada 'Chalk' dan 'Talk'. Cuba kita perhatikan ucapan beliau ini :

"Sikap guru-guru yang masih terus-menerus menggunakan kaedah pengajaran yang bergantung semata-mata kepada 'chalk and talk' (bercakap dan menulis pengajaran di papan hijau sahaja) dan tidak begitu mengambil perhatian yang sepatutnya dalam penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran.

.... kesannya ialah guru-guru tidak akan dapat mencapai kualiti pengajaran yang dihasratkan dan murid-murid tidak memperolehi pengetahuan dan pengalaman pembelajaran yang bermakna."

(Pelita Brunei, 29 Jun, 1994, halaman 16).

Sehubungan dengan ini kita sering menyarankan semasa mengadakan taklimat pengajaran bagi pelajaran MIB dan mendedahkan penggunaan alat bantu serta sedikit sebanyak perkaedahan pengajaran.

LAWATAN

Salah satu cara untuk menarik dan memperkembangkan minda pelajar dalam pendidikan, maka seseorang guru haruslah merancang untuk mengadakan lawatan pada tempat-tempat yang menarik serta mempunyai hubungkait dengan pelajaran yang diajarkan. Di dalam sukatan pelajaran MIB banyak tempat-tempat lawatan yang boleh dilakukan untuk pelajar-pelajar mendekati secara rasional seperti taman rekreasi, pejabat-pejabat kerajaan, Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja dan lain-lain. Ini terserahlah kepada guru-guru.

Kita menyedari lawatan ini mengambil masa yang panjang dan perbelanjaan yang banyak, oleh itu dicadangkan seelok-eloknya lawatan diadakan pada masa yang sesuai. Sebelum melakukan lawatan guru-guru bolehlah memberikan penerangan kegiatan yang patut pelajar lakukan semasa mereka membuat lawatan, antaranya ialah :

a. Mencatat penerangan atau taklimat.

b. Bertanya atau menemuduga.

c. Menyediakan laporan.

d. Mendengar dengan memberikan perhatian kepada penyampai taklimat.

e. Kalau boleh mengambil gambar atau mengenal pasti akan objek yang menarik perhatian pelajar.

Dalam menyediakan hasil tawaran pada tempat yang dirancang, guru-guru hendaklah menyediakan format membuat laporan. Catatan format lawatan ini terpulanglah kebijaksanaan guru-guru. Format yang dicadangkan :

a. Nama tempat yang dilawati.

b. Tarikh dan masa lawatan.

c. Ketua rombongan dan ramai ahli rombongan.

d. Membuat catatan atau laporan ringkas.

e. Pencatat laporan.

f. Dan lain-lain.

Setelah menerima catatan laporan ini, guru bolehlah mengadakan perbincangan dengan pelajar. Melalui rancangan lawatan berkala ini saya percaya pelajar-pelajar akan dapat meminati pelajaran MIB, kerana keseronokan dan perasaan pelajar akan dapat dirasakan jika pelajar-pelajar itu didedahkan terlebih dahulu tujuan, objektif dan hasil lawatan yang akan dibuat itu dapat dinilai melalui catatan laporan mereka. Di sinilah kita melihat sejauh mana ketajaman dan perkembangan minda pelajar-pelajar yang dianggap sebagai berdikari.

BERSAMBUNG

SALAH satu cara untuk menarik dan memperkembangkan minda pelajar dalam pendidikan, maka seseorang guru haruslah merancang untuk mengadakan lawatan pada tempat-tempat yang menarik serta mempunyai hubungkait dengan pelajaran yang diajarkan. Di dalam sukatan pelajaran MIB banyak tempat-tempat lawatan yang boleh dilakukan untuk pelajar-pelajar mendekati secara rasional seperti taman rekreasi, pejabat-pejabat kerajaan, Bangunan Alat-alat Kebesaran Diraja dan lain-lain. Ini terserahlah kepada guru-guru.

SIKAP guru yang tidak mahu menunjukkan minat untuk mengajar sesuatu pelajaran yang diajarkan, hanyalah mendatangkan kebencian dan kebosanan pelajaran yang diajarkan. Inilah sikap negatif pelajar-pelajar yang kita tidak ingini, oleh itu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu dan berwawasan serta mempunyai akhlak yang tinggi, guru-guru mestilah menunjukkan sedaya upaya mereka tentang sikap dan kecenderungan terhadap pelajaran yang telah diamanahkan kepada mereka.

Sastera dan Budaya

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM PENDIDIKAN KHUSUS PELAJARAN MELAYU ISLAM BERAJA

SIRI AKHIR

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

SATU keistimewaan terhadap pengajaran dan pembelajaran MIB ialah penilaian dari sudut amali pelajar itu sendiri. Penilaian ini adalah suatu penilaian yang agak sukar dilakukan kerana sejauh ini belum ada sekolah-sekolah yang melakukannya. Tetapi ia tidak mustahil kita boleh melakukan penilaian amali terhadap diri pelajar melalui pelajaran MIB.

UNTUK memperkemaskan lagi pengajaran dan pembelajaran MIB melalui membuat rujukan ini, adalah elok pelajar-pelajar itu dibawa ke bilik sumber (perpustakaan). Kita mintalah pegawai bilik sumber itu untuk memberikan penerangan mengenai bagaimana cara mereka membuat rujukan atau kata lain bagaimana cara mereka menggunakan bilik sumber tersebut. Saya kira ini juga satu perkaedahan yang baik bagi kita untuk memperkayakan pengalaman dan ilmu pengetahuan pelajar.

ALAT BANTU

DALAM pengajaran dan pembelajaran alat bantu mengajar memainkan peranan yang penting. Dengan adanya alat bantu mengajar ini pelajar-pelajar akan mengambil perhatian dan dapat menghayati pelajaran yang diajarkan.

Sehubungan dengan alat bantu ini bahagian MIB sejak mula pelajaran MIB dikenalkan, telah berusaha mengumpul dan mencari bahan-bahan sokongan untuk menangani permasalahan guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran pelajaran MIB dengan lebih baik dan berkesan. Setakat ini sambutan dari guru-guru adalah baik.

Antara alat bantu yang terdapat dalam bahagian MIB ialah kaset tv, kaset radio, filem slaid, buku-buku rujukan dan lain-lain. Bahagian MIB juga setakat ini telah pun berhasil menerbitkan buku MIB Menengah I dan MIB Menengah II serta lima poster sebagai bahan sokongan untuk mengajar pelajaran MIB, iaitu alat perhiasan pengantin, alat muzik tradisi, kuih-muih tempatan, anyaman dan alat kebesaran diraja.

Mengenai alat bantu ini banyak teknik dan persembahan yang boleh guru-guru lakukan, tentu guru-guru masih ingat bagaimana cara membuat alat bantu semasa dalam latihan mengajar. Sikap kita semasa dalam latihan mengajar yang banyak menggunakan alat bantu, itulah yang menjadi harapan kita supaya guru-guru akan dapat meneruskan dalam pengajaran dan pembelajaran mereka melalui pelajaran MIB.

CERAMAH

Dalam perkaedahan pengajaran dan pembelajaran MIB. Satu usaha yang baik dan sangat digalakkan ialah mengadakan ceramah dengan mengundang penceramah dari luar. Ceramah yang disampaikan itu mestilah bertitik tolak kepada pelajaran yang terkandung dalam MIB.

Guru-guru bolehlah mengundang pegawai-pegawai berkenaan seperti polis, Biro Kawalan Narkotik, Biro Mencegah Rasuah, adat istiadat, Pusat Da'wah Islamiah dan lain-lain. Mungkin untuk mengadakan ceramah ini terpaksalah melibatkan semua pelajar atau perkumpulan, dalam hal ini peranan pengetua sangat penting untuk memilih masa yang sangat sesuai.

Ceramah ini juga boleh memberikan kesan yang baik kepada pelajar, kerana pelajar akan dapat menimbulkan sikap berani bertanya, memperolehi pengalaman dan pengetahuan melalui ceramah, pelajar-pelajar juga dapat membuat catatan ringkas untuk mengingati apa yang telah diceramahkan.

Selepas ceramah ini guru-guru boleh mengadakan perbincangan atau membuat ulasan dalam darjah mengenai intipati ceramah yang telah disampaikan itu.

MEMBUAT RUJUKAN

Salah satu cara yang perlu diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran ini ialah pelajar-pelajar digalakkan membuat rujukan di bilik sumber dengan kata lain 'galakan membaca'.

Dari pengalaman yang saya rasakan semasa berada dalam universiti ialah kelemahan pelajar-pelajar kita yang tidak tahu membuat esei dengan menggunakan sumber rujukan. Mengapa terjadinya begini? Pada pendapat saya, kemungkinan pelajar-pelajar kita tidak pernah didedahkan kaedah seperti ini. Sepatutnya kita sekarang mencari jalan bagaimana kita mahu menggalakkan supaya pelajar-pelajar kita tidak semata-mata bergantung kepada syarahan atau kuliah dari guru sahaja.

Maka dalam hal ini saya sarankan supaya pelajar-pelajar khususnya menengah bawah ini didedahkan lebih awal, bagaimana cara mereka membuat esei yang baik dengan berasaskan rujukan yang tepat atau sesuai. Kebaikannya juga akan dapat dirasakan oleh pelajar itu sendiri apabila mereka berada di pusat pengajian tinggi.

Sebagai asas yang patut diajarkan kepada pelajar-pelajar untuk memilih sumber rujukan ini ialah :

a. Mencari buku-buku yang sesuai dengan tajuk yang diarahkan.

b. Mencatatkan isi yang akan digunakan dalam penulisan esei.

c. Mencatat nama pengarang.

d. Mencatat nama buku yang digunakan.

e. Mencatat penerbit.

f. Mencatat tahun penerbitan.

g. Mencatat halaman pada petikan yang akan digunakan.

Untuk memperkemaskan lagi pengajaran dan pembelajaran MIB melalui membuat rujukan ini, adalah elok pelajar-pelajar itu dibawa ke bilik sumber (perpustakaan). Kita mintalah pegawai bilik sumber itu untuk memberikan penerangan mengenai bagaimana cara mereka membuat rujukan atau kata lain bagaimana cara mereka menggunakan bilik sumber tersebut. Saya kira ini juga satu perkaedahan yang baik bagi kita untuk memperkayakan pengalaman dan ilmu pengetahuan pelajar.

Untuk perjelas cara membuat rujukan ini, di sini saya berikan contoh, apabila guru mengarahkan pelajar-pelajarnya membuat satu esei mengenai 'Berbuat baik kepada ibu bapa'.

"Kami perintahkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya. Ibunya telah menghamilkannya dengan susah payah dan kemudian melahirkannya dengan susah payah pula".

(H.Luqman Hakim, Cara Hidup Muslim, Al-Masyhur, 1992, halaman 14).

Untuk menyusun bibliografinya boleh dibuat seperti contoh di atas iaitu dalam kurungan. Secara tersusun biblografi itu mengandungi :

a. Nama pengarang.

b. Nama buku.

c. Penerbit.

d. Tahun terbitan.

e. Halaman.

Pendedahan bagaimana cara mengajarkan membuat rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran ini banyak sekali. Penerangan yang saya berikan ini hanyalah berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman, saya harap guru-gurulah yang akan melebarluaskan perkaedahan ini sejauh mana ia dapat digunakan dan memberikan kesan dalam pengajaran dan pembelajaran.

PENILAIAN

Pada masa pelajaran ini mula diperkenalkan, guru-guru kebanyakannya tidak mengadakan penilaian terhadap pelajaran MIB kerana tidak mendapat arahan daripada pihak berkenaan. Alasan ini menyebabkan para pelajar tidak dapat mengikuti secara bersungguh-sungguh ataupun tidak memberikan tumpuan terhadap pelajaran MIB dengan baik.

Dalam hal inilah pihak Bahagian MIB di Jabatan Perkembangan Kurikulum semasa membuat lawatan ke sekolah-sekolah di seluruh negara, telah pun menyarankan kepada semua guru-guru dan pihak sekolah supaya membuat dan mengadakan penilaian secara dalaman sahaja. Keputusan dari penilaian itu bolehlah dimasukkan dalam rekod para pelajar sebagai catatan sahaja dan tidak dimasukkan dalam jumlah peperiksaan penggal.

Dari segi kepentingan pengajaran dan pembelajaran, kita mengakui penilaian adalah amat penting untuk mengetahui dan menilai kembali sejauh mana pelajaran itu dapat diikuti dan dihayati. Penilaian ini juga menjadikan salah satu cara mendorong para pelajar untuk mengikuti dan meminati terhadap pelajaran yang diajarkan oleh guru.

Dalam penilaian dari segi pengajaran dan pembelajaran terhadap pelajaran MIB ada dua cara penilaian yang boleh kita lakukan iaitu :

i. Penilaian berbentuk peperiksaan/ujian.

Penilaian berbentuk peperiksaan atau ujian dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran merupakan satu kaedah yang lazim digunakan oleh guru-guru. Berbagai teknik yang dilakukan atau dibuat oleh guru-guru dari segi format membuat soalan.

Perbezaan format membuat soalan, ini bukanlah satu permasalahan yang besar kerana tujuan dan objektif kita dalam memberikan penilaian melalui peperiksaan atau ujian ialah untuk menguji sejauh mana kebolehan minda dan hasil pengajaran kita yang telah diberikan kepada para pelajar.

ii. Penilaian amali (diri pelajar)

Satu keistimewaan terhadap pengajaran dan pembelajaran MIB ialah penilaian dari sudut amali pelajar itu sendiri. Penilaian ini adalah suatu penilaian yang agak sukar dilakukan kerana sejauh ini belum ada sekolah-sekolah yang melakukannya. Tetapi ia tidak mustahil kita boleh melakukan penilaian amali terhadap diri pelajar ini melalui pelajaran MIB.

Antara penilaian yang boleh kita lakukan untuk menilai diri pelajar dari perlakuan seharian di sekolah ialah :

a. Penghormatannya terhadap guru.

b. Sikap pemeduliannya terhadap kebersihan diri dan sekitarnya.

c. Caranya berfikir.

d. Cara pergaulannya dengan kawan-kawan.

e. Dan lain-lain.

Kepentingan penilaian diri pelajar ini dalam pelajaran MIB. Saya berpendapat ia adalah perlu diwujudkan kerana untuk melahirkan pelajar-pelajar itu bukan hanya kita melihat dari sudut ketinggian akademiknya. Di samping kita memberikan pendedahan keilmuan kepada para pelajar, kita juga ingin melihat pelajar-pelajar yang kita asuh dan didik itu mempunyai akhlak yang tinggi. Dalam prinsip pendidikan melalui pelajaran MIB ini kita mahu melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu dan berakhlak tinggi.

Dalam pengajaran dan pembelajaran sangat luas dan banyak kaedah yang boleh dilakukan oleh guru-guru, semakin guru itu lama berkhidmat maka semakin luas dan banyaklah pengalaman yang diperolehinya. Dalam hal ini guru-guru yang berdedikasi akan dapat menggunakan pengetahuan dan pengalamannya itu dalam pengajaran dan pembelajaran. Kepada guru-guru yang baru menceburkan dirinya dalam profesion pendidikan, kita berharap mereka akan lebih berusaha dengan penuh dedikasi dalam menangani permasalahan yang terdapat dalam pengajaran dan pembelajaran pelajaran MIB.

Pengajaran dan pembelajaran pelajaran MIB yang saya tuliskan ini hanyalah sejemput sahaja, ini pun berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan saya. Untuk memperkayakan pengetahuan dan pengalaman guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran, terserahlah kepada kebijaksanaan guru-guru itu sendiri. Kerana guru-gurulah yang akan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah.

"Di sinilah kaum guru itu sangat-sangat dikehendaki untuk menyampaikan maksud dan tujuan pendidikan, iaitu membentuk generasi yang berkualiti, tetapi dalam masa yang sama juga tidak mengabaikan nilai-nilai budi dan akhlak yang tinggi. Maka ke arah ini, negara adalah memerlukan guru-guru yang cemerlang yang berjiwa besar yang dapat membawa perubahan, dedikasi bersemangat tinggi dan berbudi mulia, yang penyayang, pemikir dan progresif serta bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala."

(Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Sambutan Hari Guru pada 23 September, 1991, bertempat di bangunan Pusat Persidangan Antarabangsa).

Sastera dan Budaya

SEDIKIT TENTANG TEORI KENEGARAAN AL-FARABI DALAM KAITANNYA DENGAN KEUNGGULAN MELAYU ISLAM BERAJA

OLEH DRS. KHAERUDIN ROFI'I

DALAM pemikiran ketatanegaraan Islam, Haji Munawir Syazali MA. Tokoh Maal Hijrah 1415 Hijrah di Malaysia, dalam bukunya, 'Islam dan Tata Negara' membagi pemikiran ketatanegaraan Islam di kalangan ulama dan cendekiawan Muslim kepada tiga kategori :

Pertama, Islam sebagai agama sempurna yang merangkumi kehidupan manusia dan Tuhan; hablum minallah wa hablum minannas, yang bermaksud Islam berkaitan dengan masalah politik kenegaraan.

Hal ini sesuai dengan kesempurnaan agama Islam yang diterangkan dalam Al-Quran Surah Al-Maa-idah ayat : 3 yang bermaksud :

"Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu dan telah Ku cukupkan kepadamu nikmat-Ku dan telah Ku redai Islam itu jadi agama bagimu."

Tokoh-tokoh dalam kategori pertama ini antara lain : Al-Farabi, Sayyid Quthb, Syeikh Muhammad Rasyid Ridha dan Maulana Abul-A'la Al-Maududi.

Kedua, Islam diertikan sebagai pengertian orang Barat yang hanya menyangkut manusia dengan Tuhan, hablum minallah sahaja, kerana misi Islam adalah kembali kepada kehidupan yang mulia. Tokoh-tokoh dalam kategori yang kedua ini adalah Dr. Thana Husein dan Ali Abd. Al-Raziq.

Ketiga, Islam bukan dalam pengertian orang Barat yang hanya menyangkut manusia dengan Tuhan; hablum minallah dan bukan dalam pengertian kategori pertama, Islam tidak ada sistem ketatanegaraan, adanya etika hidup bernegara. Tokoh dalam kategori ketiga ini adalah Dr. Muhammad Husein Haikal.

Menurut penulis yang munasabah adalah dalam kategori yang pertama yang menyatakan bahawa Islam sebagai agama yang sempurna yang menyangkut segala aspek kehidupan termasuk dalam ketatanegaraan sesuai dengan yang diamalkan oleh Negara Brunei Darussalam yang mempunyai konsep Islam yang tercantum dalam Melayu Islam Beraja (MIB).

Dalam tulisan ini sedikit akan disentuh mengenai teori Kenegaraan Al-Farabi dalam kaitannya dengan MIB, sebagai dasar, ideologi dan falsafah Negara Brunei Darussalam.

Al-Farabi yang nama aslinya Abu Nasr Muhammad bin Muhammad bin Tarkhan bin Awzalagh Al-Farabi adalah tokoh pemikir Islam yang terkenal terutamanya di bidang falsafah pada abad pertengahan, yang diberi gelar 'Al-Mu'allimu - Al-Thani' iaitu bermaksud guru yang kedua, dinisbatkan guru yang pertama iaitu Aristoletes.

Beliau lahir pada 870 Tahun Masihi di suatu tempat yang bernama Wasij di dalam daerah Farab, Transoxiana, di Turki. Dan wafat pada tahun 951 Tahun Masihi. Beliau meninggalkan berbagai karya besar, tidak kurang dari 100 buah buku dalam berbagai bidang keilmuan; ilmu Mantiq, ilmu alam, ilmu perubatan, kimia, ilmu tauhid, sains umum dan lain sebagainya.

Yang jelas dalam bidang siasah Akhlak dan teori kenegaraan tidak kurang dari tujuh buah kitab, antara lain :

1. Kitab Al-Siasah Al-Madaniyah.
2. Kitab Jawami' Kuth Al-Nawamis Li Aflatun.
3. Kitab Al-Aftatuniyah Wa Takunu Al-Siasah Al-Malukiyah Wa Al-Akhlaq.
4. Kitab Fi Al-Ijtima'at Al-Madaniyah.
5. Kitab Al-Fahs Al-Madani.
6. Risalah Ibn Nasr Al-Farabi Fi Al-Siasah.
7. Kitab Ara'ahl` Al-Madinah Al-Fadilah.

Kitab yang terakhir iaitu Kitab Fi Mabadi Ara'Ahl Al-Madinah Al-Fadilah inilah yang merupakan karya Al-Farabi yang paling cemerlang yang dihasilkan pada akhir hayatnya yang dikagumi oleh pemerintah Hamadan, Sayf Al-Dawlah dan membenarkan Al-Farabi untuk mempraktikkan gagasan tentang teori kenegaraan beliau, tetapi sayang sebelum gagasan itu terwujud beliau lebih dulu dipanggil Tuhan, pulang ke rahmatullah.

Gagasan dan pemikiran beliau yang dibina menurut kemahiran sendiri itu, berupa teori tentang kenegaraan dijelaskan secara garis besar oleh Idris Zakaria dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bukunya 'Teori Politik Al-Farabi dan Masyarakat Melayu' antara lain sebagai berikut :

1. Falsafah kenegaraan Al-Farabi adalah hasil usaha seluruh umat manusia di dalam sesebuah negara yang semuanya bermatlamatkan kepada pencapaian kebahagiaan, kesejahteraan dan juga keselamatan sejagat. Daripada individu tertentu bermulanya titik kepatuhan kepada pemerintah secara kolektif.

2. Dalam menjalani kehidupan seharian, setiap ummah perlu memahami kelebihan dan kekurangan yang ada pada diri mereka. Dengan pengetahuan ini mereka akan dapat mengeratkan lagi interaksi sosial itu melalui sifat-sifat kerjasama, saling hormat-menghormati dan bersefahaman. Keharmonian akan tercapai apabila ciri-ciri ukhuwah Islamiah ini dilaksanakan dengan sempurna.

3. Dalam ukuran umum, konsep kenegaraan Al-Farabi itu terbahagi kepada dua bahagian, iaitu apa yang beliau istilahkan sebagai negara sempurna dan negara tidak sempurna. Klasifikasi ini ditentukan oleh kriteria-kriteria tertentu.

4. Al-Farabi menyamakan (tasybih) teori kenegaraannya dalam hubungan dengan rakyat, adalah seperti sturktur tubuh badan yang sempurna sama ada anggotanya atau kesihatannya. Apabila berada dalam situasi ini semua anggota badan tersebut menjalankan tugas masing-masing sesuai dengan fitrah mereka. Begitulah gambaran ummah dalam negara terbaik. Masing-masing bekerja untuk kepentingan negara.

5. Tujuan dan matlamat negara yang paling asas tidak lain dan tidak bukan, adalah untuk membimbing warga-negaranya untuk mengenali Tuhan pencipta alam ini.

6. Dasar asal kepemimpinan Al-Farabi ini ialah : Aristrokrasi, iaitu hanya seorang sahaja pemimpin yang berkuasa. Padanya berpunca segala urusan sosial dan kenegaraan. Teori ini bertepatan dengan teori emanasi (Al-Faid) iaitu segala perkara dalam kategori makhluk ini dari segi kejadiannya, ialah bersumber kepada kuasa teragung iaitu Allah Subhanahu Wataala. Hubungan ini adalah kiasan terhadap hubungan masyarakat dengan ketua negara.

7. Setiap ummah perlu mempunyai kepercayaan yang kukuh terhadap agama serta juga ideologi-ideologi mulia, yang mendasari seluruh niat dan amalan mereka.

8. Dasar, ideologi dan falsafah yang baik adalah yang menggabungkan antara kepentingan dunia dan akhirat.

Demikianlah sedikit mengenai teori pemikiran kenegaraan Al-Farabi dan selanjutnya untuk sampai kepada suatu kesimpulan tentang keunggulan MIB, lebih dulu dijelaskan sedikit sebanyak tentang keberadaan MIB di Negara Brunei Darussalam.

Keberadaan MIB di Negara Brunei Darussalam sudah lama diamalkan oleh orang-orang Brunei, sejak zaman-berzaman, iaitu dari mula berdirinya Kerajaan Melayu Beraja di Brunei ini. Dan kemudian dengan masuknya agama Islam secara rasmi di Negara Brunei Darussalam kurang lebih dalam K.M. XIV. - yang ditandai dengan masuk Islamnya Sultan Muhammad Shah (Awang Alak Betatar) setelah baginda berkahwin dengan Puteri Johor (Singapura Tua) kira-kira dalam tahun Masihi 1368, maka sempurnalah menjadi negara Melayu Islam Beraja.

MIB secara rasmi diisytiharkan sebagai dasar dan ideologi Negara Brunei Darussalam, iaitu pada waktu perisytiharan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari tahun Masihi 1984, sepertimana yang terkandung dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antara lain bahawa :

".... Mulai dari satu haribulan Januari, seribu sembilan ratus delapan puluh empat tahun Masihi, bersamaan dengan dua puluh tujuh haribulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seribu empat ratus empat iaitu tahun yang ketujuh belas beta di atas Takhta Kerajaan - Negara Brunei Darussalam adalah dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahlissunah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wataala juga akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat beta dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling menghormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan keutuhan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan luar negeri."

MIB yang mengandungi bangsa Melayu Brunei yang telah terbukti taat setia membela kedaulatan raja dan negara dengan tanpa berbelah bahagi sesuai dengan jatidirinya yang telah mengamalkan konsep 'Cinta Tanahair Sebahagian Daripada Iman'.

Islam yang merupakan satu-satunya agama yang benar dan diterima serta diredai Allah Subhanahu Wataala yang mengatur kehidupan yang sentosa dari dunia sampai akhirat.

Beraja yang merupakan satu sistem pemerintahan yang diakui kesahihannya di Negara Brunei Darussalam dan telah terbukti membawa kejayaan Negara Brunei Darussalam sehingga menjadi sebuah negara yang aman dan makmur.

MIB sebagai Dasar, Ideologi dan Falsafah Negara Brunei Darussalam kalau ditinjau dari sudut pemikiran kenegaraan - Al-Farabi mempunyai keunggulan tersendiri, antara lain :

1. MIB sebagai Dasar, Ideologi dan Falsafah Negara mengandungi tujuan yang sangat unggul, iaitu menuju kejayaan dunia dan akhirat. Di mana menurut Al-Farabi bahawa sebuah negara terbaik adalah negara yang mahukan memberikan kebahagiaan kepada rakyatnya untuk dua kehidupan iaitu dunia dan akhirat.

2. Menurut Al-Farabi manusia sebagai makhluk Allah memerlukan hidup secara 'community' dan bekerja sama secara 'collective' semata-mata untuk mencapai kesempurnaan hidup dan itu akan terjadi jalinan kehidupan yang lebih erat apabila terdiri dari satu rumpun bangsa sepertimana Melayu yang tercantum dalam konsep MIB, yang menurut Ibnu Khuldun dinamakan teori 'Ashabiyah'; rasa kebangsaan yang kuat yang menjalan kerjasama, saling bantu-membantu dalam mencapai kejayaan negara.

3. Rasanya sangat bertuah bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang memiliki salah satu kesultanan yang tertua di dunia, yang mampu berdiri tegak kekal karar dalam kurun waktu yang begitu sangat lama dalam ukuran usia manusia. Sehingga ianya membawa kegemilangan dan kejayaan dalam membangun negara dan kiranya patut menjadi ristaan sejarah dunia.

4. Puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala haruslah kita panjatkan, atas kurnia-Nya sebuah pemerintahan beraja yang sangat-sangat memperhatikan dan mendukung kemajuan agama Islam.

Dalam kesungguhannya Kerajaan Negara Brunei Darussalam membela agama Islam yang beraliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah ini, terkandung dalam Syair Perlembagaan Negeri Brunei (SPNB) yang dikarang oleh Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien (Sultan Haji 'Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei yang ke-28), antara lain :

Siasah agama bukannya sempit
tak dapat dikatakan hanya sekubit
sebegitu luas bumi berlangit
lebih luas agama terbit.

Agama tiada menyekat kemajuan
tiada melarang segala pekerjaan
ikhtiarkan dari segala jalan
asalkan sahaja memberi kebajikan.

Kitab pilihan undang-undang Allah
di dalam Quran semuanya terjumlah
jangan percaya kata dimadah
kecuali di dalam kitab yang sah.

Jika berlainan tujuan maksudnya
terkeluar dari ijmak ulamanya
jangan sekali kita memakainya
bukan ahli Al-Sunnah Wal-Jamaah namanya.

Jika terkeluar dari mazhab empat
terkeluar dari tujuh puluh satu iktikad
walau banyak kitab berpangkat huraian pengajaran hanyalah muslihat.

Dengan adanya dasar Islam yang terkandung dalam MIB yang beraliran hanya Ahli Al-Sunnah Wal-Jamaah sahaja yang boleh hidup di Negara Brunei Darussalam akan dapatlah menjaga stabiliti dan keamanan negara dengan begitu sempurna, serta akan semakin jayalah Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Islam.

ANEKA
Pelita Brunei
ANEKA 24 APRIL, 1996

Sastera dan Budaya

PENGISIAN MELAYU ISLAM BERAJA SATU PERTAHANAN SURVIVAL RUMPUN MELAYU YANG UNGGUL

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

SIRI PERTAMA

KITA telah banyak mendengar dan mengikuti beberapa taklimat atau seminar yang dianjurkan oleh beberapa institusi kerajaan yang membicarakan mengenai falsafah negara iaitu Melayu Islam beraja (MIB).

Setelah melihat dan mengamati pendapat pembentang-pembentang kertas kerja serta orang ramai, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa pembicaraan mengenai falsafah negara itu menjurus kepada sejarah, sosial dan budaya masyarakat orang Brunei itu sendiri.

Selaku seorang rakyat yang bernaung dan berlindung di dalam bumi Brunei Darussalam yang bertuah ini, adalah menjadi hak individu untuk mengemukakan sebarang pendapat atau pandangan yang bersesuaian melalui ruangan ini bagi renungan bersama, jika ia baik buatlah pertimbangan dan jika tidak baik diketepikan saja.

Sebelum membicara lebih jauh dan luas mengenai pengisian falsafah negara Melayu Islam Beraja, ada baiknya diamati dan direnung semula titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (KDYMMPSBSHH-BMW), ketika mengisytiharkan kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1984 antara lain baginda bertitah :

".... Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala akan selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat, demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan dan kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat beta."

Dalam menuju ke arah falsafah Melayu Islam Beraja, baginda telah memperkenankan pembentukan sebuah Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja, untuk mengungkayahkan serta mengemaskinikan dasar atau prinsip MIB ketika baginda bertitah sempena menyambut hari keputeraan baginda yang ke-44 di Daerah Belait pada 21 Julai, 1990. Antara lain titah baginda :

"....beta baru-baru ini telah memperkenankan penubuhan sebuah badan peringkat nasional, konsep Melayu Islam Beraja. Konsep ini sebenarnya bukanlah baru, tetapi sudah lahir semenjak beberapa abad lagi. Ianya tidak lebih dari menunjukkan bentuk dan corak Kerajaan Brunei Darussalam yang tulen : Kerajaan Melayu Islam Bersultan atau Beraja."

TAKRIF MELAYU ISLAM BERAJA

Sejak mula falsafah Melayu Islam Beraja diperkatakan oleh setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam telah membuat berbagai-bagai tafsiran.

BERBAGAI pendapat telah pun diluahkan oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk sama ada dari dalam mahu pun dari luar. Secara kesimpulannya menurut pandangan penulis pengisian Melayu Islam Beraja adalah untuk memakmurkan dan menjamin kebajikan serta kebahagiaan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Takrif falsafah Melayu Islam Beraja ini telah pun diberigakan dalam buku atur-cara Seminar Melayu Islam Beraja Untuk Pentadbir Sekolah yang dianjurkan oleh Majlis Tertinggi Kebangsaan kelolaan Akademi Pengajian Brunei pada 6 hingga 9 Rabiulakhir, 1416 bersamaan 2 hingga 5 September, 1995 halaman iii, berbunyi :

"Melayu Islam Beraja adalah falsafah kenegaraan Negara Brunei Darussalam. Ianya membawa erti bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang berpandukan kepada akidah Islam dengan Raja yakni Sultan menjadi pemerintah tertinggi Negara."

Melayu Islam Beraja adalah tiga unsur komponen penting atau ingral yang memperakui :

Melayu : Hak bangsa Melayu terdiri dari tujuh puak jati bangsa Melayu dengan nilai-nilai luhur kebudayaan Melayu yang dinamik dan dominan menjadi sandaran kehidupan beraja, berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Islam : Agama rasmi negara menurut akidah Ahlus Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Syafie yang dihayati menjadi cara hidup yang lengkap sempurna dan unggul.

Beraja : Pemerintahan beraja di mana Sultan selaku pemimpin dan penaung kepada rakyat baginda adalah memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara.

PENGISIAN MELAYU ISLAM BERAJA

Berbagai pendapat telah pun diluahkan oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk sama ada dari dalam mahupun dari luar. Secara kesimpulannya menurut pandangan penulis pengisian Melayu Islam Beraja adalah untuk memakmurkan dan menjamin kebajikan serta kebahagiaan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Kita selalu menyebut falsafah Melayu Islam Beraja, sehinggakan di mana saja kita berada kalau perlakuan kita tidak senonoh atau tidak manis dipandang mata akan lahirlah pengucapan 'ia tah MIB ni'.

Sesetengah kitani secara sedar dan menginsafi diri kita selama ini, kita tidak mengindahkan ataupun mengambil tahu secara mendalam kandungan titah baginda semasa pengisytiharan kemerdekaan negara kita. (Sila lihat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di awal penulisan ini).

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam kertas kerjanya bertajuk Melayu Islam Beraja Masa Kini dan Masa Depan semasa Kursus Melayu Islam Beraja Untuk Pentadbir Sekolah.

Beliau telah pun membuat ulasan mengenai titah baginda yang berhubungkait dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja antara lain berbunyi :

".... kita merasa sangat perlu untuk menuangkan aspirasi nasional ke dalam watikah pemasyhuran :

Pertama : Mengekalkan Brunei sebagai negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik dengan bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahlus Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan;

Kedua : Menerusi negara yang sedemikian itu dan petunjuk Allah jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan rakyat;

Ketiga : Memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara bebas dari campur tangan asing."

Pada pendapat penulis, pengisian Melayu Islam Beraja sebagai satu pertahanan survival rumpun Melayu yang unggul. Terdapat beberapa ciri pengisian Melayu Islam Beraja dalam watikah pengisytiharan kemerdekaan yang telah diisytiharkan oleh baginda iaitu : merdeka, berdaulat, demokratik, Ahli Sunnah Wal-Jamaah, keadilan, keamanan dan kebebasan.

Pengisian ciri Melayu Islam Beraja ini dihasratkan untuk memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Negara Brunei Darussalam.

Perhatikan rajah pengisian falsafah Melayu Islam Beraja seperti yang digambarkan di bawah ini :

BERSAMBUNG



DALAM menuju ke arah falsafah Melayu Islam Beraja, baginda telah memperkenankan pembentukan sebuah Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja untuk mengungkayahkan serta mengemaskinikan dasar atau prinsip MIB ketika baginda bertitah sempena menyambut Hari Keputeraan baginda yang ke-44 di Daerah Belait pada 21 Julai, 1990.

Sastera dan Budaya

Sambungan minggu lepas

PENGISIAN MELAYU ISLAM BERAJA SATU PERTAHANAN SURVIVAL RUMPUN MELAYU YANG UNGGUL

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

SIRI KEDUA

KEMERDEKAAN

DALAM Kamus Dewan Edisi Baru terbitan Dewan Basa dan Pustaka, Malaysia. Merdeka bermaksud 'bebas daripada penjajahan, kurungan, naungan dan lain-lain'.

Dalam buku 'Kemerdekaan' terbitan Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam menekankan bahawa kemerdekaan dalam konteks Brunei sebagai 'negeri' yang sedia mempunyai kerajaannya.

Kemerdekaan dalam konteks kita hidup bermasyarakat antarabangsa adalah menunjukkan corak, stail kepimpinan atau pemerintahan bernegara yang bebas berdiri di atas kaki sendiri, orang lain tidak perlu campur tangan.

Maka dalam hal ini saya tidak akan membicarakan mengenai corak pemerintahan negara dalam konteks masyarakat antarabangsa, tetapi kita akan melihat pengisian erti kemerdekaan dalam konteks bermasyarakat 'orang Brunei'.

Apabila kita bercakap mengenai kemerdekaan, seringkali kita akan mendengar suara-suara sumbang atau rintihan dari mereka yang kecewa tanpa mensyukuri nikmat Allah kepada hamba-Nya.

Kerana kekecewaan inilah mereka menabur fitnah dan cuba memesong fikiran orang ramai dari menghargai dan melihat secara positif pembangunan dan kemajuan yang telah dicapai dan dinikmati oleh rakyat dan negara.

Sikap golongan-golongan seperti ini, baginda pernah bertitah sempena menyambut perayaan ulang tahun ke-4 Hari Kebangsaan pada 22 Februari, 1988 yang berbunyi :

".... terdapat juga golongan yang cuba menggugat kestabilan sosial dan politik di negara ini dengan memesongkan dan mengelirukan pemikiran rakyat dengan dakyah-dakyah politik mereka yang mana mereka sendiri tidak jelas dan pasti dengan apa yang mereka hendak capai, tetapi cuba meniru-niru apa yang dibuat oleh orang lain." (Titah-titah , Jabatan Penerangan, Tahun 1991).

Bagi mengisikan falsafah negara Melayu Islam Beraja, budaya semua negara atau masyarakat itu tidak sama, maka dalam hal ini perlulah kita ingat bahawa budaya kita tidak sama dengan budaya orang Barat, Utara dan Selatan.

Keunikan budaya kita adalah salah satu keunggulan yang luar biasa dan kalau kita tidak memelihara budaya kita ini siapa lagi yang akan mempertahankannya.

Justeru itulah apabila kita bercakap dalam konteks kemerdekaan ini, haruslah kita melihat latar belakang Negara Brunei Darussalam sebagai bangsa Melayu yang 'BERAWAR GALAT'.

Walaupun negara kita telah merdeka, tidaklah semestinya kita menuntut hak kebebasan sepenuhnya. Tidak adà di dalam dunia ini orang yang bebas dalam erti kata yang sebenarnya.

Dalam Islam sendiri melihat kebebasan itu mempunyai batas atau had yang tersendiri. Bayangkan saja kalau anak-anak remaja kita diberikan kebebasan yang tidak dikawal, implikasinya tidak ada yang menguntungkan, melainkan kerugian besar juga kita terima, kerana anak-anak menjadi liar dan sering melakukan kegiatan antisosial seperti dadah, pemugut, penjenayah dan lain-lain.

Mungkin ada sesetengah orang melihat kemerdekaan di negara Barat sebagai satu model yang terbaik, pada hemat penulis sebenarnya kebebasan di negara Barat itulah yang menghancurkan sistem kemasyarakatan atau nilai murni dalam kekeluargaan.

Mari kita renungkan petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, sempena Hari Raya Aidilfitri 1415 Hijrah/1995 Masihi, yang berbunyi :

"Dalam usaha melahirkan ummah dan generasi yang baik, maka peranan keluarga amatlah mustahak. Ia tidak boleh sama sekali mengamalkan budaya nafsi-nafsi, tetapi sebaliknya perlu berpegang kepada konsep muafakat, kasih sayang dan nasihat-menasihati. Inilah yang sedang dicari dan dinilai semula oleh masyarakat antarabangsa pada hari ini. Mereka sudah pun mula menyedari, bahawa banyak penyakit sosial di dunia ini, khususnya yang melibatkan kaum remaja, adalah berpunca dari sikap memandang ringan terhadap peranan institusi keluarga itu. Maka bersabit dengan inilah, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisytiharkan tahun 1994 sebagai Tahun Antarabangsa Keluarga yakni 'International Year Of The Family'. Langkah ini tentu sahaja bertujuan untuk menyedarkan masyarakat antarabangsa, betapa mustahaknya kehidupan berkeluarga sebagai landasan untuk melahirkan generasi yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Jika ini tercapai, bermakna sebahagian dari langkah mengubati penyakit-penyakit masyarakat itu telah terlaksana."

Kita melihat pengisian falsafah negara melalui kemerdekaan bukan menjurus kepada satu bidang, bagaimanapun dalam tulisan ini saya memusatkan pengisian kemerdekaan dalam skop yang kecil.

Kita hendaklah melihat dalam pelbagai aspek kehidupan politik, sosial, ekonomi, budaya dan lain-lain. Perkara ini terpulanglah kepada andaian seseorang yang mahu memperkatakan pengisian kemerdekaan ke dalam falsafah negara kita.

Tentu saja kalau kita melihat kemerdekaan yang diperolehi oleh sesetengah negara lain terlalu mahal dengan mengorbankan darah dan nyawa. Cuba renungkan titah baginda sempena sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-7 pada 23 Februari, 1991 yang berbunyi :

"Sesungguhnya, kemerdekaan bukanlah murah untuk dibeli dan memangnya ianya tidak boleh dibeli. Kerana itulah kadang-kadang orang terpaksa menebusnya dengan harga yang paling mahal sekali iaitu dengan darah dan nyawa." (Titah-titah, Jabatan Penerangan, Tahun 1992).

Kenikmatan dalam erti kata kemerdekaan ke arah pengisian falsafah negara kita bukanlah dicapai dengan sekelip mata sahaja tetapi ia memakan masa yang panjang.

Bagaimanapun kita patutlah berbangga dan bersyukur kerana kita telah menjadi sebahagian masyarakat antarabangsa yang berdiri setelah kita menikmati kemerdekaan ini ialah kemampuan kita dalam mengendali tanggungjawab di dalam dan di luar negara dengan berkesan dan berjaya.

Cuba kita lihat titah baginda sempena sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-6 1990 yang berbunyi :

"Kemerdekaan kita telah pun jelas di mata dunia. Kita diiktiraf oleh semua negara. Kita mampu menunaikan tanggungjawab antarabangsa. Dan lebih penting lagi ialah kita mempunyai kerajaan yang berkesan dalam erti kata mampu mengendalikan negara, melindungi dan memimpin rakyat serta penduduk ke arah kesejahteraan yang dihasratkan sebagai bangsa yang merdeka." (Titah-titah, Jabatan Penerangan, Tahun 1991).

BERDAULAT

Berdaulat menurut pengertian dalam Kamus Dewan Edisi Baru terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia membawa maksud 'bertuah, berbahagia', 2. Mempunyai kuasa (yang tertinggi) : raja yang.

Dalam konteks bernegara, berdaulat bermaksud kuasa dan persempadanan yang telah diperakui oleh masyarakat antarabangsa, tidak boleh dicerobohi oleh manamana kuasa lain yang cuba menghancurkan kedaulatan sesebuah negara.

Pencerobohan kuasa atau wilayah ke atas sesebuah negara yang berdaulat oleh mana-mana negara sama ada besar atau kecil, merupakan satu tindakan atau perlakuan yang menceroboh.

Ini bertentangan dengan kehendak Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah mengiktiraf setiap ahli pertubuhannya tentang kedaulatan kuasa dan persempadanan wilayah sesebuah negara.

Untuk melihat kepastian kedaulatan kuasa dan persempadanan sesebuah negara kita ambil contoh dengan pemilikan sebidang tanah. Seseorang yang mempunyai sebidang tanah ia boleh melakukan sesuatu perkembangan ke atas tanah yang dimilikinya, yang perlu diberi perhatian ke atas tanah itu ialah tanda sempadan dan nama pemilik tanah tersebut.

Jika nama pemilik dan sempadan tidak diketahui, tentulah amat sukar untuk kita memastikan bagi memajukan tanah tersebut, akhirnya menjadi beban kepada pihak yang berkenaan.

Sehubungan dengan masalah kedaulatan ini, sukalah saya mengambil contoh yang telah menjadi isu dunia seperti Palestin, bekas negara Yugoslavia, Kashmir dan lain-lain.

Mungkin kita masih ingat bagaimana Iraq mencerobohi Kuwait yang akhirnya menerima nasib malang akibat tekanan dan sekatan dari negara-negara antarabangsa.

Begitu juga permasalahan Pulau Spartley yang kaya dengan sumber buminya menjadi rebutan kepada negara-negara ASEAN, China dan Kemboja ini adalah disebabkan masalah persempadanan, siapa yang sebenarnya memiliki Pulau Spartley. Bagaimanapun permasalahan Pulau Spartley dibawa ke meja permuafakatan bukan dengan kekerasan dan peperangan.

Peperangan telah menjadikan isu bagi mencari penyelesaian kuasa dan persempadanan, kerana masing-masing mengaku hak dan kedaulatan mereka terhadap tanah tumpah darah mereka. Sebab itulah untuk mendapatkan kedaulatan hak sesebuah negara terpaksalah mengorban berjuta-juta jiwa manusia.

Pada pandangan penulis setiap rakyat dan penduduk yang bernaung dalam negara ini, semestilah menjaga hak dan kedaulatan negara jangan sampai orang lain cuba memusnahkan apa yang telah wujud dan dinikmati serta membawa kebahagiaan hingga ke hari ini.

Kita tidak mahu sejarah James Brooke wujud kembali, maka dalam ini ada baiknya kita renung semula ungkapan Syair Rakis karangan Pengiran Indera Mahkota Haji Mohammad Salleh yang berbunyi :

Hairanku sangat terbalik-balik
Negeri yang besar seperti bilik
Udang Galah jadi cenculik
Harimau yang garang dapat dimilik.

Sudah kehendak Tuhan yang kaya
Gunung yang tinggi menjadi paya
Pari menjadi kura-kura
Bingkarung sudah jadi buaya.

Bersambung

DALAM Islam sendiri melihat kebebasan itu mempunyai batas atau had yang tersendiri. Bayangkan saja kalau anak-anak remaja kita diberikan kebebasan yang tidak dikawal, implikasinya tidak ada yang menguntungkan melainkan kerugian besar juga kita terima, kerana anak-anak menjadi liar dan sering melakukan kegiatan antisosial seperti dadah, pemugut, penjenayah dan lain-lain.

MUNGKIN ada sesetengah orang melihat kemerdekaan di negara Barat sebagai satu model yang terbaik, pada hemat penulis sebenarnya kebebasan di negara Barat itulah yang menghancurkan sistem kemasyarakatan atau nilai murni dalam kekeluargaan.

UNTUK melihat kepastian kedaulatan kuasa dan persempadanan sesebuah negara kita ambil contoh dengan pemilikan sebidang tanah. Seseorang yang mempunyai sebidang tanah ia boleh melakukan sesuatu perkembangan ke atas tanah yang dimilikinya, yang perlu diberi perhatian ke atas tanah itu ialah tanda sempadan dan nama pemilik tanah tersebut.

Sastera dan Budaya

سستراداں بودایا

Sambungan minggu lepas

PENGISIAN MELAYU ISLAM BERAJA SATU PERTAHANAN SURVIVAL RUMPUN MELAYU YANG UNGGUL

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

SIRI KETIGA

DEMOKRATIK

APABILA bercakap mengenai demokratik atau demokrasi, ia telah mengingatkan kepada penulis untuk mengimbas kembali sejarah silam orang yang mempelopori demokrasi iaitu Socrates yang berasal dari Negara Greek. Demokrasi menjadi sistem pemerintahan negara Barat setelah pelopornya mati dihukum bunuh.

Hasil daripada penjajahan orang-orang Barat inilah makanya banyak negara yang merdeka telah mengamalkan sistem ini, kononnya ia membawa kebaikan. Sebenarnya dalam pemerintahan bernegara ini apa pun dasar atau sistem yang paling baik ialah rakyat bahagia, sejahtera, negara makmur, aman dan selamat.

Bagi pengisian falsafah negara kita Melayu Islam Beraja, sebagai sebuah negara menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara tentulah sistem atau corak pemerintahan yang paling unggul ialah berdasarkan sistem Islam iaitu berpegang kepada Al-Quran dan Al-Hadis.

Justeru itulah konsep demokrasi yang dilaungkan atau menjadi anutan kepada sesetengah negara di Barat tidak boleh diterima tanpa melihat kepada dasar Islam. Dalam hal ini Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri berkata :

"Bagi orang Islam, konsep demokrasi tidak boleh dijadikan suatu ajaran yang mesti diikuti, kerana hukum-hukum bagi sesuatu perkara itu telah diaturkan oleh Allah Subhanahu Wataala, sedangkan konsep demokrasi ini direka oleh manusia sendiri."

Keunikan dasar atau sistem pemerintahan negara kita sudah jelas dan menampakkan keunggulannya kerana rakyat dan penduduk negara ini, hidup dengan aman dan mati kemakmuran negara yang telah dilimpahkan oleh Allah jua kepada bumi Brunei Darussalam.

Sikap sesetengah negara baru merdeka yang suka meniru-niru sistem pemerintahan orang lain boleh sahaja menimbulkan berbagai masalah dan keadaan yang tidak stabil dalam jangka panjang. Sehubungan dengan ini baginda bertitah antara lain berbunyi :

BAGI pengisian falsafah negara kita Melayu Islam Beraja, sebagai sebuah negara menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara tentulah sistem atau corak pemerintahan yang paling unggul ialah berdasarkan sistem Islam iaitu berpegang kepada Al-Quran dan Al-Hadis.

"Perbuatan meniru-niru sistem yang terdapat di negara-negara lain boleh sahaja menyebabkan berbagai masalah timbul dan ketidakstabilan berlarutan dalam jangka panjang. Keadaan sedemikian sering sahaja berlaku bukan sahaja di kalangan negara yang baru merdeka bahkan juga di kalangan negara-negara yang telah lama mencapai kemerdekaan. Ianya disebabkan oleh sistem pemerintahan yang tidak menentu. Alhamdulillah, keadaan sedemikian itu dapat kita elakan sejak dari awal-awal lagi disebabkan sudah terwujudnya sistem pemerintahan Brunei yang unik dan terbukti keunggulannya yang dapat memberikan kesejahteraan yang berterusan kepada rakyat jelata." (Pelita Brunei, Jabatan Penerangan, bertarikh 6 Mac, 1996, halaman 2).

Menurut pandangan Islam apabila pemimpin yang menyeru kepada kebaikan hendaklah kita ikuti dan patuhi. Sehubungan dengan ini sukalah penulis mengimbas kembali akan titah baginda di Mesyuarat Majlis Agama Islam pada 25 September, 1995 yang berbunyi :

"Sejauh yang dapat beta perhatikan selama ini terdapat kementerian yang kurang serius dalam mengendalikan rancangan-rancangannya. Perkara ini beta percaya, berpunca daripada pemimpin-pemimpinnya yang pasif, tidak kreatif, yang tidak mempunyai vision atau pandangan jauh. Mereka hanya mampu menjalankan perkara-perkara rutin saja. Mereka takut berhadapan dengan rancangan-rancangan besar di luar rutin itu. Mereka kurang berkeyakinan pada diri, suka mencongak-congak atau mengirangira apa yang belum tentu terjadi, semata-mata dengan berdasarkan kepada prasangka-prasangka yang tidak berasas, umpamanya takut mengemukakan cadangan-cadangan dan pandangan-padangan istimewa jika cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan itu ialah perkara-perkara baru.

"Mereka berfikir, bahawa adalah lebih selamat jika mereka tidak mengemukakan cadangan-cadangan dan pandangan-pandangan itu. Cukuplah setakat yang sudah sedia ada dan yang biasa saja, nanti jika bercadang, akan banyak pula tanya dan inquiry. Jadi yang lebih baik dan selamat fikir mereka, ialah memilih jalan pendek atau short cut. Sifat pemimpin-pemimpin yang seumpama ini amatlah merugikan. Mereka berani hanya di kalangan orang-orang bawahan saja. Mereka tunjuk pandai dan tunjuk kuasa kepada orang-orang bawahan semata-mata. Terhadap orang-orang bawahan ini, kata-kata dan tindak-tanduk mereka bukan lagi merupakan pemimpin tetapi lebih mirip kepada ancaman dan gertak yang melemahkan jiwa.

"Mereka tidak sedar, bahawa dari sikap dan pembawaan yang kasar itu, boleh mendatangkan akibat atau implikasi yang buruk kepada tenaga-tenaga bawahan itu, boleh menumpulkan daya kreatif mereka dan boleh menyebabkan hancurnya semangat dan bakat pekerjaan mereka, sebab apa yang dibuat serba tidak kena dan tidak betul. Padahal, sekecil-kecil peranan mereka itu adalah sungguh bererti kepada kerajaan, kerana pada hakikatnya, merekalah yang banyak membuat kerja-kerja, seperti mesin layaknya dan menjadi tenaga pelaksana. Dan bukan itu saja, kadang-kadang idea-idea daripada kalangan bawahan itu juga, ada yang bernas dan baik, malahan mungkin juga belum terdapat kepada pemimpin-pemimpin itu sendiri.

Jadi, semua ini perlulah diambil ingatan untuk ditimbangkan, bukan mentah-mentah ditolak dan diketepikan begitu saja, semata-mata kerana ianya pandangan orang bawah, atau kerana tidak sebulu dan tidak menepati kehendak-kehendak kita." (Titah-titah, Jabatan Penerangan, Tahun 1991, halaman 43/4).

Dari petikan titah di atas ini banyak iktibar yang boleh kita ambil dalam melaksanakan pengisian falsafah negara Melayu Islam Beraja melalui amalan demokrasi yang berteraskan kepada Islam. Untuk melaksanakan sebarang pekerjaan atau penyelesaian sebarang permasalahan iaitu melalui permuzakarahan.

Permuzakarahan adalah satu amalan yang dituntut oleh Islam dan inilah dasar demokrasi secara Islam yang pada hemat penulis untuk mengisikan falsafah negara ini.

Sehubungan dengan permuzakarahan ini, baginda telah bertitah sempena kedatangan Tahun Baru Masihi 1991 di Istana Nurul Iman antara lain berbunyi :

"Tahun 1991 ialah Tahun Muzakarah dan Kerjasama Di Antara Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Dalam Kerajaan. Mudah-mudahan dengan cara ini, kita akan lebih teguh, lebih selamat dan lebih maju dengan beroleh kemakmuran, keamanan serta kesejahteraan yang berpanjangan, yang dapat dinikmati oleh sekalian rakyat dan penduduk sebagai limpah kurnia serta rahmat daripada Allah Subhanahu Wataala." (Titah-titah, Jabatan Penerangan, Tahun 1992, halaman 8).

AHLUS SUNNAH WAL-JAMAAH

Menurut Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, dalam bukunya bertajuk : Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah Dasar-dasar Ahli Sunnah Wal-Jamaah Dalam Pentadbiran Negara, Pusat Da'wah Islamiah, Tahun 1994, halaman 29.

Bermaksud perkataan 'Ahli' ialah pengikut-pengikut. Perkataan 'Sunnah' ialah perjalanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan perjalanan sahabat-sahabat Rasulullah Radiallahuanhum. 'Sahabat' iaitu siapa yang berjumpa dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan ia beriman dengan Rasulullah dan ia mati di dalam keadaan ia beragama Islam.

'Jamaah' iaitu berhimpun dan bersatu padu dalam perkara iktikad dan tauhid dan mengesakan Allah Taala.

'Ahli Sunnah Wal-Jamaah' iaitu orang-orang yang mengikut perjalanan Nabi kita Sayidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menggunakan segala hadis-hadis yang sahih dan sabit daripada Nabi kita dan mereka yang mengikut perjalanan sabahat-sahabat Radiallahuanhum dan menggunakan segala perkataan-perkataan sahabat yang betul dan sabit yang datang daripada sahabat-sahabat itu.

Dalam menghadapi cabaran arus dan liku-liku kehidupan manusia memanglah amat berat, apa lagi masa kini kita sering berhadapan dengan manusia-manusia ilmuan dan cendekiawan serta syaitan yang bertopengkan manusia.

Pegangan akidah kita ternyata lebih unggul dan menepati sasaran kita ke arah pengisian falsafah negara. Zaman yang dianggap moden dan maju ini, bermacam karenah dan telatah manusia sering kita dengan dan lihat melalui media-media massa, seperti zikir Allah, tarekat yang dibawa oleh Abdul Razak Muhammad, Pertubuhan Al-Arqam dan baru-baru ini golongan antihadis dan lain-lain.

Kegiatan-kegiatan ini telah diharamkan oleh kerajaan kerana terdapat penyelewengan yang boleh memesongkan akidah umat Islam di negara kita.

Bagi mereka yang cuba membawa ajaran-ajaran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah memanglah tidak ada tempat dan pengaruh untuk mereka membuat 'foundation' di negara ini. Menyebut kedudukan orang-orang yang menyelewengkan akidah ini baginda telah bertitah :

BAGI orang Islam, konsep demokrasi yang tidak boleh dijadikan suatu ajaran yang mesti diikuti, kerana hukum-hukum bagi sesuatu perkara itu telah diaturkan oleh Allah Subhanahu Wataala, sedangkan konsep demokrasi ini direka oleh manusia sendiri.

"Apa pun yang berlaku kepada orang lain, namun bagi kita di negara ini, beta suka menegaskan, bahawa tidak ada tempat bagi sesiapa jua yang ingin mengacau-bilaukan akidah umat Islam, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan pokok pegangan umat Islam, iaitu Al-Quran dan Al-Hadis." (PELITA BRUNEI, bilangan 34, tahun 1995).

Ke arah pengisian falsafah negara ini, alangkah eloknya kita menoleh sejarah kita tentang kekuatan pegangan akidah orang-orang Brunei terhadap ulama-ulama ketika itu. Maka dalam hal ini baginda telah menekankan supaya :

"Rakyat dan penduduk negara ini mengingat kembali sejarah kita yang indah bahawa Brunei adalah sebuah negara Islam yang mantap, yang kukuh pegangan akidahnya yang harmoni serta patuh kepada pimpinan istimewa pimpinan agama walaupun misalnya pimpinan itu cuma datang dari sebuah badan yang kecil namun ia tetap dihormati dan dipatuhi." (PELITA BRUNEI, bilangan 23, Tahun 1995).

PEGANGAN akidah kita ternyata lebih unggul dan menepati sasaran kita ke arah pengisian falsafah negara. Zaman yang dianggap moden dan maju ini, bermacam karenah dan telatah manusia sering kita dengan dan lihat melalui media-media massa, seperti zikir Allah, tarekat yang dibawa oleh Abdul Razak Muhammad, Pertubuhan Al-Arqam dan baru-baru ini golongan antihadis dan lain-lain.

Bersambung

Belia dan Sukan بليا دان سوكن

Sambungan minggu lepas

PENGISIAN MELAYU ISLAM BERAJA SATU PERTAHANAN SURVIVAL RUMPUN MELAYU YANG UNGGUL

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

SIRI KEEMPAT

KEADILAN

APABILA memperkatakan keadilan sebagai pengisian falsafah negara, ini telah mengingatkan kita akan tokoh negarawan yang ulung iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien III.

Dalam masa pemerintahan baginda terdapat satu slogan yang berbunyi 'Adil Laila Bahagia'. Penulis melihat konsep keadilan ini terus dipegang oleh paduka anakanda Al-Marhum untuk memimpin negara bagi membawa kemakmuran, kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sebagai seorang yang daif dalam memberikan pemikiran dan wawasan bagi mengisikan falsafah negara kita, dalam konteks ini mari kita lihat pendapat seorang ilmuan, iaitu Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman, dalam bukunya bertajuk 'Ciri-Ciri Pentadbiran Islam : Dasar dan Perlaksanaan', terbitan Institut Perkhidmatan Awam, tahun 1995, halaman 69. Di dalam mukadimah berbunyi :

"Islam menentang kezaliman dalam apa bentuk sekalipun. Penentangan Islam terhadap kezaliman ini bukanlah kerana tunduk kepada kehendak masyarakat atau ingin mendapat sokongan mereka tetapi ianya lebih murni dari itu iaitu untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wataala dan mendapat keredaan-Nya."

Terdapat banyak firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Al-Quran mengenai keadilan. Di antaranya Surah An-Nisaa, ayat 135 yang bermaksud :

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi kebenaran kerana Allah."

Dalam Surah Yunus ayat 13, Allah Subhanahu Wataala berfirman bermaksud :

"Dan sesungguhnya Kami telah membinasakan umat-umat yang terdahulu daripada kamu semasa mereka berlaku zalim padahal telah datang kepada mereka rasul-rasul, mereka masih juga tidak beriman, demikian Kami membalas kaum yang melakukan kesalahan."

Apabila kita bercakap mengenai keadilan sebagai pengisian falsafah negara, kesan dari keadilan itu sudah dapat memberi gambaran akan wujudnya nilai-nilai murni yang amat berharga kepada masyarakat negara ini ke arah mengisikan falsafah negara yang unggul dan unik itu.

Antara nilai-nilai murni yang kita maksudkan itu ialah kasih sayang, bertanggungjawab, jujur, tidak rasuah, menepati janji, tolong-menolong dan lain-lain. Kesan dari amalan nilai-nilai murni ini akan teguhlah kepercayaan serta penghormatan yang tinggi bukan hanya dari setiap individu atau kumpulan masyarakat tetapi juga kepada wargadunia.

ANTARA nilai-nilai murni yang kita maksudkan itu ialah kasih sayang, bertanggungjawab, jujur, tidak rasuah, menepati janji, tolong-menolong dan lain-lain. Kesan dari amalan nilai-nilai murni ini akan teguhlah kepercayaan serta penghormatan yang tinggi bukan hanya dari setiap individu atau kumpulan masyarakat tetapi juga kepada wargadunia.

Bagaimanapun semua yang kita perkatakan dan rancang ini hanya dengan keredaan Allah Subhanahu Wataala jua.

Kita ambil contoh sikap bertanggungjawab, kita menyedari sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, tanggungjawab kita bukan hanya di dalam negara tetapi penglibatan kita dalam dunia antarabangsa demi untuk menegakkan keadilan adalah jelas dan ketara sekali. Dalam hal ini baginda bertitah :

"Adapun hasrat ini kita suarakan dengan niat baik lagi suci sebagai sifat kita menjadi wargadunia yang bertanggungjawab. Tidak ada maknanya kita sendiri sahaja yang sedap dan senang sedang wargadunia yang lain menderita di dalam kancah peperangan." (Titah-titah, Jabatan Penerangan, tahun 1992).

AMANAH

Dalam buku Kamus Dewan Edisi Baru, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, amanah bermaksud amanat sesuatu yang dipercayakan kepada orang (diserahkan untuk disimpan dan lain-lain).

Amanah yang kita maksudkan dalam konteks pengisian falsafah negara kita, bukanlah melihat secara yang tersurat, seperti seseorang yang menyuruh menyimpan sesuatu atau beramanat kepada seseorang kerana hendak meninggalkan tempat kediamannya, kemudian diserahkan semula setelah ia kembali atau tiba waktunya. Tetapi kita melihat amanah itu adalah suatu kewajipan yang dituntut serta diredai oleh Allah.

AMANAH yang kita maksudkan dalam konteks pengisian falsafah negara kita, bukanlah melihat secara yang tersurat, seperti seseorang yang menyuruh menyimpan sesuatu atau beramanat kepada seseorang kerana hendak meninggalkan tempat kediamannya, kemudian diserahkan semula setelah ia kembali atau tiba waktunya. Tetapi kita melihat amanah itu adalah suatu kewajipan yang dituntut serta diredai oleh Allah.

Sebelum penulis menghuraikan amanah ini secara meluas, cuba kita renungkan hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang berbunyi :

"Apabila amanah telah disia-siakan, maka tunggulah kehancuran. Sahabat bertanya : Bagaimana mensia-siakannya? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menjawab : Apabila sesuatu jawatan diserahkan kepada orang-orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah saat kehancurannya." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Apabila kita memperkatakan amanah, biarlah kita memperkatakan secara global. Amanah yang kita maksudkan dalam pengisian falsafah negara ialah tanggungjawab, kejujuran, kepercayaan, kesetiaan, tidak mungkir janji dan lain-lain.

Sesuatu kejayaan dan kecemerlangan dalam membangun dan memakmurkan negara, bergantung kepada sikap tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada seseorang sama ada ia terdiri daripada kalangan pemimpin atau pengikut dalam menjalankan pelbagai bidang pengurusan dan pentadbiran dengan jujur dan ikhlas.

Sehubungan dengan ini, ada baiknya kita merenungkan kembali titah baginda sempena tahun baru pada 1 Januari, 1987 yang antara lain berbunyi :

"Kepada semua peringkat dan lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, tidak kira sama ada pegawai-pegawai kerajaan, anggota pasukan-pasukan keselamatan, pihak-pihak swasta, guru-guru dan pelajar, hendaklah sentiasa menumpukan sepenuh perhatian mereka kepada tugas dan tanggungjawab masing-masing dan sentiasa menanamkan semangat untuk memajukan dan meninggikan lagi taraf prestasi dan produktiviti masing-masing. Setiap sumbangan yang diberikan hendaklah dibuat dengan keazaman untuk membangun dan memajukan serta membela nasib rakyat dan negara yang tercinta. Sumbangan yang beta nyatakan ini adalah tidak lengkap jika tidak disertai dengan kejujuran, keikhlasan dan penuh amanah semata-mata kerana Allah jua." (Titah-titah, Jabatan Penerangan, tahun 1990).

KE ARAH PENCAPAIAN YANG DIHASRATKAN

Dari huraian ringkas tujuh ciri yang kita maksudkan sebagai pengisian falsafah negara, maka akan lahirlah suatu harapan ketenteraman atau keamanan, keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Bersambung

SESUATU kejayaan dan kecemerlangan dalam membangun dan memakmurkan negara, bergantung kepada sikap tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada seseorang sama ada ia terdiri daripada kalangan pemimpin atau pengikut dalam menjalankan pelbagai bidang pengurusan dan pentadbiran dengan jujur dan ikhlas.

Sastera dan Budaya سستراداںبودايا

Sambungan minggu lepas

PENGISIAN MELAYU ISLAM BERAJA SATU PERTAHANAN SURVIVAL RUMPUN MELAYU YANG UNGGUL

SIRI AKHIR

OLEH HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

DASAR falsafah kita mestilah disokong dengan padu, kerana tidak ada orang lain yang mengangkat martabat kita sebagai sebuah bangsa merdeka, bertamadun dan maju. Bangsa 'Maju Negara Permai' itulah mutu pengisian Melayu Islam Beraja satu pertahanan survival rumpun Melayu yang unggul.

KETENTERAMAN/KEAMANAN

KEAMANAN adalah merupakan salah satu objektif yang dimahukan oleh semua negara. Keamanan yang dimaksudkan dalam pengisian falsafah negara bukan bererti kepada zahirnya iaitu tidak berlakunya peperangan, demonstrasi, huru-hara yang membawa kepada pertumpahan darah.

Pada hemat penulis keamanan merupakan suatu yang universal, sebagai contoh keamanan dimaksudkan ialah bebas dari sebarang gangguan atau pencemaran.

Katakan negara kita dicemari dengan alam persekitaran yang kotor, kalau sudah negara kita demikian rupanya tentulah keadaan ini tidak menjadi aman dan selesa, ini boleh menimbulkan masalah kepada masyarakat di dalamnya. Keamanan maksud penulis ialah kebersihan persekitaran.

Dalam hubungan ini ada baiknya kita merenung akan titah baginda, sempena hari keputeraan baginda yang ke-46 di Istana Nurul Iman pada 15 Julai, 1992 yang berbunyi :

"Keamanan tidak sahaja bermaksud sunyi daripada peperangan dan huru-hara, tetapi juga suasana yang selesa yang membawa damai di mata dan di hati kita, adalah juga keamanan namanya. Kerana itulah, sejajar dengan kebimbangan antarabangsa mengenai dengan isu-isu alam sekitar ...., maka kerajaan beta turut mengambil perhatian berat untuk meningkatkan lagi usaha dan kesedaran orang ramai terhadap pentingnya persekitaran yang bersih dan indah, yang jauh daripada pencemaran." (Titah-titah, Jabatan Penerangan, 1993).

Bercakap mengenai kebersihan ini, biarlah secara global 'Kebersihan' dilihat daripada pelbagai sudut seperti kebersihan diri, hati, pakaian, makanan dan lain-lain. Dalam Islam ada disebut bahawa 'kebersihan adalah sebahagian daripada iman.'

Apabila kita menyebut 'iman', penulis cuba menghubungkaitkan dengan kebersihan hati dalam diri kita. Hati yang gundah-gulana adalah menunjukkan kepada kita satu pendirian yang tidak menentu dan ini boleh dianggap sebagai ke mana angin bertiup di sana condongnya.

Akhirnya sikap seperti ini akan menimbulkan 'fitnah' yang amat dahsyat. Kalau sudah fitnah menjadi, maka kehancuranlah yang akan dituju. Maka dalam hal ini keamanan sudah tidak dihiraukan, salah satu sebab ketidakamanan sesebuah negara adalah disebabkan adanya fitnah atau hasutan dari luar ataupun dalam negara.

Untuk mengatasi masalah fitnah ini, kita hendaklah banyak bersabar dan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala. Orang-orang yang sentiasa sabar akan mendapat rahmat dan keredaan Allah juga.

Bagi mereka yang sentiasa menabur fitnah atau menghasut, mereka itu adalah sebahagian dari golongan syaitan yang tidak disukai oleh Allah. Dalam hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Ahmad telah menyebutkan :

"Yang amat tercinta dari kamu semua di sisi Allah ialah yang terbaik akhlaknya, dermawan lagi gemar menjamu orang, yang dapat menyesuaikan diri lagi dapat diikuti penyesuaian dirinya itu, sedang yang amat dibenci dari kamu semua itu di sisi Allah ialah orang-orang yang suka berjalan dengan berbuat adu domba (fitnah) yang memecah-belah antara saudara-saudara, lagi pula yang mencari alasan untuk melepaskan diri dari kesalahan-kesalahan." (Ihya-Ulumuddin Imam Al-Ghazali, Bimbingan Untuk Mencapai Tingkat Mukmin, Penerbit Diponegoro, tahun 1975, muka surat 593).

KESELAMATAN yang hendak kita capai selepas mengisikan falsafah MIB, ialah selamat daripada merbahaya, bebas daripada gangguan dalam dan luar, bebas daripada pengaruh jahat, setiap orang yang berada dalam negeri ini akan berada dalam selamat, bebas daripada pencemaran, makan dan minum ditanggung halal dan lain-lain.

KESELAMATAN

Keselamatan yang hendak kita capai selepas mengisikan falsafah MIB, ialah selamat daripada merbahaya, bebas daripada gangguan dalam dan luar, bebas daripada pengaruh jahat, setiap orang yang berada dalam negeri ini akan berada dalam selamat, bebas daripada pencemaran, makan dan minum ditanggung halal dan lain-lain.

Bukannya mudah untuk memperolehi keselamatan, apa lagi untuk membulatkan masyarakat kepada satu pegangan bernegara. Sekalipun terdapat sesetengah orang bercakap, kalau ada wang semua boleh jadi, dari segi teorinya memang begitu, tetapi hakikat sebenarnya belum pasti tercapai.

Ada satu cerita seorang miskin menjadi seorang hartawan, kerana memperolehi harta karun. Oleh sebab terlalu memikirkan bagaimana hendak menyimpan hartanya yang banyak itu, ianya menjadi gelisah, fikirannya menjadi kacau, waktu malam sentiasa resah tidak dapat tidur kerana khuatir pencuri akan merompak dan membunuhnya.

Akhirnya semua pintu dan jendela rumahnya dibuatkan pagar supaya rumahnya tidak mudah dimasuki oleh pencuri. Oleh kerana dirinya merasa telah selamat dari gangguan pencuri, ia dapat tidur nyenyak.

Suatu malam sedang ia tidur nyenyak, rumahnya telah terbakar, orang ramai mahu menolongnya tetapi pintu pagarnya berkunci. Orang ramai kecewa kerana tidak dapat menolongnya, sementara tuan rumah pula tidur nyenyak, api terus menyala akhirnya matilah tuan rumah itu dijilat api.

Implikasi daripada cerita ini, penulis menyarankan janganlah kemewahan yang kita telah perolehi itu, menjadikan kita lalai dan leka sehingga menjadi beban sepenuhnya kerana memikirkan harta. Maka dalam hal ini mari kita hayati dan renung akan titah baginda sempena kedatangan tahun baru Masihi 1991 di Istana Nurul Iman antara lain berbunyi :

"Barangkali juga di antaranya kerana sebab-sebab yang berpunca daripada kelalaian, pertelingkahan sesama sendiri, kejahilan serta kemewahan yang berlebih-lebihan yang boleh melemahkan semangat patriotik dalam diri sesuatu bangsa. Oleh hal yang demikian, kita selaku bangsa yang ingin terus hidup dengan mempunyai sejarah yang panjang, maka mustahaklah bagi kita memiliki ciri-ciri kesedaran nasional yang tulen serta sifat-sifat kepahlawanan yang sejati, demi memelihara dan mempertahankan negara ini dari apa jua bahaya yang cuba didatangkan oleh sebarang anasir jahat, yang ingin menggugat keamanan dan kedaulatan negara. Dengan doa yang bulat dan pengaduan kepada Allah Subhanahu Wataala, beta berharap Brunei Darussalam akan terus selamat, sebagai negara yang satu-satunya tempat kita meneruskan usaha-usaha yang berkebajikan. Kerananyalah kita bekerja keras untuk menghasilkan apa-apa saja yang baik bagi kelangsungan atau survival bangsa." (Titah-titah, Jabatan Penerangan, 1992, halaman 2).

KEBAJIKAN

Pencapaian kebajikan dalam pengisian falsafah negara, telah pun dinikmati sejak pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien III.

Di dalam Panji-Panji Negara Brunei Darussalam telah dituliskan dalam bahasa Arab yang membawa maksud 'Sentiasa Membuat Kebajikan'.

Kewujudan kalimah yang dimaksudkan itu telah memberikan gambaran kepada kita, bahawa sikap pemedulian dan sentiasa prihatin terhadap hal ehwal negara, bangsa dan agama bukanlah suatu diayah kosong yang dicipta sebagai menyamankan citarasa orang yang merekanya tetapi ia adalah berdasarkan suatu petunjuk yang sukar difahami oleh setiap orang, kerana pada hakikatnya amalan membuat kebajikan itu menjadi kenyataan dalam pemerintahan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah negara yang sentiasa membuat kebajikan dengan petunjuk Allah jua. Salah satu rancangan pembangunan negara ialah menyediakan tempat kediaman bagi rakyat dan penduduk negara ini.

Kehebatan negara kita dalam mengendalikan rancangan ini adalah sangat mengkagumkan dan sekaligus telah menggambarkan kewibawaan negara kita sebagai sebuah negara yang setaraf dengan negara maju di dunia antarabangsa.

Sesungguhnya banyak sekali negara-negara di dunia yang gagal berbuat demikian kerana berpunca dari pelbagai sebab seperti kemiskinan dan sosiopolitik yang mengganggu pembangunan dan rancangan negara mereka.

Kehebatan perancangan negara bagi kebajikan dan kesejahteraan rakyat serta penduduk melalui rancangan perumahan negara dan perumahan bagi rakyat jati telah dititahkan oleh baginda ketika menyempurnakan penyerahan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Perumahan Negara Lambak Kanan Peringkat Ke-IV pada 3 Zulkaedah, 1411 bersamaan 18 Mei, 1991 yang antara lain bertitah :

"Tidak ada yang lebih mulia dan agung bagi sesebuah kerajaan atau negara itu, dari sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan-keperluan asasi rakyatnya terutama dalam menyediakan perumahan atau tempat tinggal untuk mereka." (Titah-titah, Jabatan Penerangan, 1992, halaman 51).

KEBAHAGIAAN

Kemajuan sesebuah negara bukanlah diukur dari segi bangunan-bangunan tinggi atau kekayaan, yang paling penting ialah rakyat dan penduduk sesebuah negara itu hidup aman dan bahagia.

Hari ini kita sering mendengar pergolakan masyarakat antarabangsa yang membawa kepada peperangan mengakibatkan korban jiwa yang tidak terhingga, kemiskinan, penyakit dan pelbagai masalah sosiomasyarakat.

Ada negara-negara yang maju dan besar cuba mendabik dada mahu mencampuri hal ehwal negara orang lain, sedangkan rakyat di dalam negara itu banyak yang bergelimpangan tidak mempunyai tempat tinggal, jenayah dan masalah sosiomasyarakat sering menjadi-jadi.

Rakyat sudah tidak tidur nyenyak, sentiasa diburu ketakutan dan keresahan, malapetaka sering menimpa kepada negara berkenaan. Kalau sudah begini halnya kebahagiaan sudah tidak wujud, mereka perlu mencari tempat yang damai dan selamat.

Justeru itulah kebahagiaan yang telah kita nikmati, adalah sebagai salah satu yang dihasratkan untuk kita pertahankan, setelah kita mengisikan beberapa ciri ke dalam falsafah negara Melayu Islam Beraja.

KESIMPULAN

Penjelasan yang telah dihuraikan di atas mungkin hanyalah sebahagian kecil dapat penulis muatkan dalam ruangan ini. Ungkayah dan pelaksanaan kerajaan pada menuju dasar falsafah negara itu telah banyak dan sedang berjalan, cuma ada sesetengah kitani tidak mahu melihat pencapaian dan kemajuan yang telah dibuat oleh kerajaan.

Maka dalam hal ini sikap kitani yang selalu berpandangan negatif dan selalu mengutamakan kepentingan diri sendiri mestilah dikikis.

Dasar falsafah kita mestilah disokong dengan padu, kerana tidak ada orang lain yang mengangkat martabat kita sebagai sebuah bangsa merdeka, bertamadun dan maju. 'Bangsa Maju Negara Permai' itulah mutu pengisian Melayu Islam Beraja satu pertahanan survival rumpun Melayu yang unggul.

KELUARAN KHAS
JABATAN RASMI KERAJAAN KERAJAAN BRUNEI DARUSSALAM
Pelita Brunei
قليتا برونى





KEMAJUAN dan pembangunan negara dalam apa jua bidang diselaraskan dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Pembangunan negara selaras dengan falsafah MIB

SUMBANGAN
HAJI SULAIMAN HAJI DURAMAN

KITA sudah menikmati dan berada dalam era kemerdekaan selama dua belas tahun. Kalau diibaratkan kepada seorang anak yang lahir ketika itu, tentulah anak itu sudah berada di bangku sekolah dalam tingkatan satu. Anak yang kita maksudkan itu sekarang sudah memasuki alam remaja.

Apabila kita bercakap mengenai alam remaja tentulah suatu yang paling rumit untuk kita menyesuaikan diri dengan mereka ini dalam mengatur serta membimbing supaya anak remaja itu tidak terjerumus ke arah yang tidak kita ingini.

Begitulah hal dengan negara kita dalam menguasai dan mengatur rancangan demi kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk yang berlindung di negara ini. Masa dua belas tahun itu ada orang mengatakan sudah cukup lama untuk kita melihat dan menilai hasil kemerdekaan.

Bagi penulis, kalau kita mahu mengukur pencapaian kemerdekaan negara berdasarkan kepada anak yang dilahirkan ketika kemerdekaan itu, rasanya pencapaian itu masih jauh untuk dipersoalkan, kerana hasil penilaian dan kepuasan seseorang ayah ialah apabila melihat anaknya benar-benar beriman dan bertakwa. Mungkin dalam kata lain anak itu sudah dewasa dan mendapat pekerjaan sebagai jaminan kehidupannya di masa hadapan.

Memperkatakan kemerdekaan memanglah mudah tetapi memperolehi kemerdekaan bukanlah suatu perkara yang mudah. Apabila kita menoleh sejarah hitam negara kita yang memperlihatkan sikap kitani yang tidak bersatu padu hanya mementingkan diri sendiri akhirnya negara kita dirakus dan dikuasai oleh orang lain.

Permintaan kita untuk mengembalikan kuasa pemerintahan dan kedaulatan kita daripada orang yang pernah menguasai negara kita ketika itu terpaksa memakan masa yang panjang.

Syukurlah kedaulatan dan kemerdekaan negara kita dikembalikan secara aman dengan penuh semangat keislaman yang kukuh. Menyebut tentang pengambilan kemerdekaan dan kedaulatan negara kita dari orang lain ada baiknya penulis catatkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut perayaan ulang tahun ketujuh hari kebangsaan negara kita pada 23 Februari, 1991 yang antara lain bertitah :

"Sesungguhnya, kemerdekaan bukanlah murah untuk dibeli dan memangnya ianya tidak boleh dibeli. Kerana itulah kadang-kadang orang terpaksa menebusnya dengan harga yang paling mahal sekali iaitu dengan darah dan nyawa."

Perancangan kemajuan negara sekarang ini sangat mencabar, kita telah pun berada dalam dunia antarabangsa, oleh yang demikian setiap rancangan kemajuan dan pembangunan negara, tidak lari dari perkembangan dunia antarabangsa. Bagaimanapun cara kita melaksanakan sesuatu pembangunan dalam negara kita adalah mengikut konsep kita sendiri.

Konsep yang penulis maksudkan itu ialah berdasarkan kepada falsafah negara kita MELAYU ISLAM BERAJA. Dalam hubungan ini ada baiknya kita tatapi titah baginda sempena menyambut hari keputeraan baginda di Daerah Belait pada 21 Julai, 1990 antara lain bertitah :

".... Kita perlu memiliki dasar dan filosofi sendiri, bukannya meminjam atau memakai kepunyaan orang lain. Dasar dan filosofi kita itu hendaklah yang tumbuh dan berasal dari bumi Brunei Darussalam sendiri, bukan yang diimport atau yang dipinjam-pinjam. Hal ini sungguh penting, umpama pakaian, bahawa yang akan memakai itu ialah kita sendiri, tubuh badan kita, di mana saiz dan fesyennya mestilah yang sepadan atau bertepatan dengan ukuran dan kehendak kita juga. Adapun yang dipinjam-pinjam itu belum tentu menepati dengan saiz dan kehendak-kehendak kita."

KEWIBAWAAN

Apabila dikaji dengan teliti secara mendalam titah baginda ini, adalah jelas pengukuran kemajuan dalam membangunkan negara demi kemakmuran yang membawa kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat dan penduduk serta isi di dalam negara ini, adalah berdasarkan kemampuan dan kewibawaan kita.

Kalau negara maju dan membangun sudah sepuluh kali melangkah ke hadapan maka kita kalau berjalan 4 atau 5 kali langkah di belakang mereka, itu pun sudah memadai dengan kemampuan dan saiz negara kita yang kecil ini.

Sehùbungan dengan kegiatan kita dalam mengembangkan kemajuan dan pembangunan negara untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini, ada satu cerita yang mengisahkan kura-kura berlawan lumba lari dengan arnab.

Keputusan perlawanan itu kura-kura telah memenanginya, manakala arnab yang sombong merasa malu dan terpaksa mengakui kekalahannya di tangan kura-kura.

Maka dalam hal ini penulis berpendapat 'biarlah kita menjadi kura-kura'. Kerana ada sesuatu fadilat yang tersirat terhadap kemenangan kura-kura yang sentiasa diperkecilkan khususnya kelambatan berjalan.

Menyentuh kemakmuran negara yang membawa kebahagiaan kepada rakyat dan penduduk serta isi di dalam Negara Brunei Darussalam ini; pada pendapat penulis memang banyak dan patut disyukuri dengan menambah kekuatan dedikasi serta bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala.

Menurut hemat penulis salah satu perancangan negara selepas era kemerdekaan ini ialah penempatan bagi rakyat dan penduduk yang tidak memiliki rumah dan tanah di negara ini.

Skim Rancangan Perumahan Negara dan Perumahan Rakyat Jati yang diusahakan secara besar-besaran adalah satu langkah yang bijak dan tepat.

Selain itu kerajaan juga telah memberikan pinjaman wang tanpa faedah kepada pegawai-pegawai kerajaan yang bermaksud untuk mendirikan rumah dengan bayaran pulangan mengikut jangka waktu pegawai itu bersara.

LIHAT MUKA XIX

SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM KE-50 TAHUN

DARI MUKA XVIII

Dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat dan penduduk negara ini kerajaan juga telah memberikan geran-geran tanah kepada mereka yang berhak menerimanya.

Sumbangan perancangan kerajaan mengenai penempatan rakyat dan penduduk negara ini adalah luar biasa jika dibandingkan dengan negara lain di dunia ini. Untuk melihat kenyataan ini ada baiknya kita merenung titah baginda di Majlis Penganugerahan Geran-geran Tanah, Skim Perancangan Semula Perpindahan Kampung-kampung Di Kawasan Anggerek Desa dan Berakas pada 13 Mac, 1991 yang bertitah :

"Setiap kali beta berpeluang menghadiri majlis seperti ini, maka setiap kali itu pula beta dapat merasakan betapa luasnya rahmat Allah kepada negara kita ini serta segala isi di dalamnya. Dan kemudian sekaligus, beta juga terbayang akan nasib setengah penduduk dunia yang pernah kita lihat atau baca, bahawa terdapat orang-orang yang terlantar, yang tidak mempunyai rumah atau tempat-tempat kediaman yang tetap, iaitu sebagai akibat dari kemiskinan dan sistem ekonomi dunia yang pincang yang tidak sahaja berlaku di negara-negara mundur, bahkan juga di negara-negara yang maju .... Sebagai bukti, cuba kita ingatkan nasib orang-orang malang yang tidak bertanah, mereka itu kadang-kadang menjadi setinggan yang sentiasa diburu-buru. Mereka tidak lagi mempunyai kebebasan, bahkan telah dianggap sebagai penjenayah kerana menduduki tanah-tanah yang bukan milik mereka."



SYIAR Islam terus disemarakkan dengan pembinaan lebih banyak masjid-masjid di seluruh negara bagi tujuan untuk melahirkan ummah yang berilmu dan beriman.



Pembangunan negara selaras dengan falsafah MIB

Stail kita dalam melaksanakan pemerintahan negara dengan berlatarbelakangkan falsafah negara Melayu Islam Beraja adalah satu keistimewaan dan keunikan negara kita jika dibandingkan dengan negara-negara wargadunia yang lain amnya dan negara-negara Islam khususnya.

Memperkatakan perkembangan agama Islam dalam era kemerdekaan ini begitu ketara sekali jika dibandingkan sebelum era kemerdekaan yang penuh lagi berdaulat. Sejauh pemerhatian saya pembinaan masjid-masjid di seluruh negara kita amat mengagumkan.

Kemajuan dan perkembangannya memanglah menjadi kebanggaan kita sebagai umat Islam, saya berpendapat pencapaian perkembangan pembangunan masjid di negara kita ini adalah yang terbaik di dunia Islam, kerana berdasarkan kepada kemampuan dan saiz kita sebagai sebuah negara yang kecil di dunia.

Bayangkanlah masa silam kita dalam tahun 50-an hingga 60-an, betapa sukarnya untuk membangunkan masjid-masjid yang kukuh dan indah ketika itu tetapi dengan limpah dan rahmat Allah ke atas bumi Brunei Darussalam dengan pemimpinannya yang berteraskan Islam, hampir seluruh pelusuk negara sama ada dalam bandar, luar bandar atau pertengahan bandar, kita akan melihat masjid yang indah dan kukuh, inilah kemakmuran negara kita yang membawa kebahagiaan kepada rakyat dan penduduknya.

SYIAR ISLAM

Dalam hal ini ada baiknya kita melihat dan merenung titah baginda untuk meninggikan serta mengembangkan syiar Islam ini melalui masjid.

Titah baginda itu telah dilafazkan sempena Majlis Pembukaan Rasmi Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampong Sungai Kebun pada hari Jumaat 17 Julai, 1987, antara lain titah bagìnda itu :

"Kerajaan beta sentiasa memberikan perhatian yang khusus ke atas perkembangan-perkembangan agama Islam di negara ini, terutama sekali dalam perkara penyebaran syiar Islam kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Dan adalah sentiasa dihasratkan oleh kerajaan beta untuk memberikan kemudahan-kemudahan beribadat kepada rakyat dan penduduk di negara ini yang beragama Islam sama ada di kawasan bandar mahupun pedalaman. Ini dapat dilihat dengan pembinaan banyak masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara, dan hasil daripadanya adalah sangat menggalakkan dalam mana semua masjid-masjid dan surau-surau tersebut sentiasa dipenuhi oleh ramai jemaah dari berbagai peringkat masyarakat, terutama sekali dari golongan belia-belia baik pada hari-hari biasa mahupun dalam bulan Ramadan."

Berbagai kegiatan-kegiatan telah disusun oleh pihak-pihak berkenaan untuk menyemarakkan masjid sebagai salah sebuah institusi penyebaran agama Islam, antaranya mengadakan kelas-kelas bacaan Al-Quran bagi kanak-kanak, tempat mengadakan pertandingan bacaan Al-Quran, kelas-kelas dikir dan lain-lain.

Baru-baru ini terdapat satu program Taman Bimbingan Islam bagi kanak-kanak untuk mencintai masjid, usaha-usaha seperti ini mestilah mendapat sokongan yang padu dari semua kalangan umat Islam.

Kemakmuran negara kita adalah dengan limpah rahmat Allah juga kepada bumi Brunei Darussalam, yang telah dapat memberikan kebahagiaan kepada rakyat dan penduduk negara ini melalui pelbagai rancangan pembangunan negara.

Kita mengakui bahawa sesungguhnya dalam kita menikmati kebahagiaan hidup di negara ini, tentulah ada juga mereka yang kurang bernasib baik tidak dapat menikmati kebahagiaan yang diharapkan bak kata pepatah Melayu 'pisang setandan tidak sama masaknya' bagaimanapun apabila cukup waktunya pisang yang belum masak itu pasti akan masak, begitulah halnya kepada rakyat dan penduduk dalam negara ini akan sama juga menikmati kemakmuran dan kebahagiaan, insya-Allah.

Mari kita tatapi dan hayati firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Muhammad ayat 7 yang bermaksud lebih kurang :

"Wahai orang-orang yang beriman kalau kamu membela (agama) Allah nescaya Allah membela kamu (untuk mencapai kemenangan) dan meneguhkan tapak pendirian kamu."

انيكا ANEKA Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

سستراداں بودايا

JIKA dalam perlembagaan ini telah menempatkan Islam di tempat yang sewajarnya, memandangkan bendera adalah melambangkan sebagai kedaulatan atau sesebuah negara. Justeru itu bendera Brunei yang ada pada masa ini berwarna kuning, putih hitam dan kuning mula digunakan sejak tahun 1906. Panji-panji di tengah bendera Brunei tersebut yang berwarna merah mula digunakan pada tahun 1959.

Islam di Negara Brunei Darussalam :

Kehidupan Berbangsa dan Bernegara

Oleh M.A. RAHMAN

KITA tinjau terlebih dahulu kedudukan agama Islam dalam Perjanjian dan Perlembagaan 1959. Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa agama Islam telah diberikan kedudukan yang selayaknya dalam kehidupan seharian hinggalah kepada perjanjian tahun 1906.

Jika ditinjau agama Islam dari sudut Perjanjian Persahabatan 1959 juga maseh tetap di berikan kedudukan yang lebih tinggi di Brunei jika dibandingkan dengan perkara-perkara lain, sebagaimana yang termaktub dalam perjanjian tersebut.

Dalam Perjanjian 1959 antara Brunei dengan Great Britain kita dapat saksikan Sultan Omar Ali Saifuddin menegaskan lagi peri agama Islam sebagaimana dalam Perjanjian 1906.

Kita petik Perjanjian 1959 mengenai dengan agama Islam, Fasa 4 dalam perjanjian ini memperuntukkan bahawa :

"Baginda Sultan menerima Pesuruhjaya Tinggi yang akan memberi nasihat atas segala perkara yang berkaitan dengan pemerintahan negeri kecuali perkara-perkara yang berkenaan dengan agama Islam dan adat istiadat orang Melayu."

Sungguhpun Perjanjian 1959 ini memang serupa dengan Perjanjian 1906 mengenai dengan mertabat agama Islam, tetapi ia berbeza mengenai kuasa dalam negeri, di mana dalam Perjanjian 1959 ia telah memperuntukkan supaya Brunei dapat mengadakan Pesuruhjaya Tinggi British dalam hal pemerintahan serta beragama supaya tidak akan mencampuri urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu.

PERLEMBAGAAN 1959

Perlembagaan Negeri Brunei 1959 mengenai agama Islam pada dasarnya menegaskan lagi kepentingan agama sebagai lanjutan daripada penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Undang-Undang Majlis Ugama Islam tahun 1955.

Perlembagaan 1959 telah memperuntukkan satu peruntukan khusus mengenai dengan bahagian agama yang bermaksud agama Islam sebagai menegaskan lagi periagama Islam mendapat kedudukan yang tinggi di Brunei.

Dalam permulaan Perlembagaan Brunei 1959 tercatat perkataan yang ada ditegaskan mengenai agama rasmi negara ialah agama Islam. Yang menjadi Ketua Agama dan Pegawai yang kanan sekali kepada sultan hendaklah yang beragama Islam, kita perhatikan Bahagian 2 mengenai bahagian agama. Bahagian II. Bab 3:

1. Agama rasmi bagi negeri ini ialah agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah tetapi agama-agama yang lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.

2. Ketua agama negeri ialah sultan.

3. Pegawai yang kanan sekali yang bertanggungjawab kepada sultan berkenaan dengan agama, adat istiadat dan kebajikan negeri ialah pertama Pengetua Agama, kedua Yang Dipertua Adat Istiadat dan ketiga Pegawai Kebajikan Masyarakat."

Bahagian ini memperuntukan bahawa agama rasmi ialah agama Islam, ketua agama ialah sultan dan pegawai yang kanan sekali bertanggungjawab kepada sultan terhadap agama ialah pengetua agama.

Islam dalam hal ini sebagaimana yang kita ketahui adalah menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Dalam konteks agama rasmi ini adalah yang utama pada masa itu hanyalah terdapat Jabatan Hal Ehwal Ugama sahaja. Kementerian Hal Ehwal Ugama mula diwujudkan pada 20 Oktober, 1986.

Di Malaysia walaupun terdapat peruntukan mengenai dengan agama Islam ini tetapi di sana tidak terdapat kementerian agama, hanya yang ada Bahagian Hal Ehwal Ugama di Jabatan Perdana Menteri yang diketuai oleh seorang Menteri yang bertindak sebagai penyelaras kegiatan yang berhubung dengan hal agama Islam tersebut antara negeri-negeri dengan Persekutuan.

Mengenai dengan kuasa memerintah iaitu Bahagian III Bab 4 Perlembagaan 1959 memperuntukkan bahawa :

1. Kuasa memerintah yang tertinggi bagi negeri adalah terletak di tangan Sultan.

2. Maka tidak siapa pun boleh dilantik menjadi Menteri Besar atau Setiausaha Kerajaan melainkan dia itu orang Melayu yang beragama Islam mengikut Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jamaah."

Kuasa memerintah yang tertinggi dalam negeri ialah Sultan yang beragama Islam selaku sifatnya sebagai Ketua Agama. Selain diri itu pegawai yang kanan sekali iaitu Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan pula adalah mesti terdiri yang beragama Islam.

Oleh yang demikian bererti seorang yang menjadi Sultan dan pegawai yang kanan sekali telah disyaratkan dalam Perlembagaan 1959 mestilah beragama Islam.

Bahawa agama Islam adalah sebagai syarat mutlak kerana sebagai agama rasmi. Sultan dan pegawai yang kanan sekali hendaklah beragama Islam. Dari sini kita nampak bahawa kedudukan agama Islam adalah ditempatkan pada kedudukan yang tertinggi sekali.

BENDERA BRUNEI

Jika dalam perlembagaan ini telah menempatkan Islam di tempat yang sewajarnya, memandangkan bendera adalah melambangkan sebagai kedaulatan atau sesebuah negara. Justeru itu bendera Brunei yang ada pada masa ini berwarna kuning, putih, hitam dan kuning mula digunakan sejak tahun 1906. Panji-panji di tengah bendera Brunei tersebut yang berwarna merah mula digunakan pada tahun 1959.

Pada lambang panji-panji itu terdapat tulisan berwarna kuning mengandungi ayat dalam bahasa Arab, ertinya dalam bahasa Melayu lebih kurang :

"Sentiasa membuat kebajikan dengan petunjuk." Juga adalah melambangkan unsur-unsur Islam dititikberatkan.

LAGU KEBANGSAAN BRUNEI

Tajuk lagu kebangsaan Brunei ialah Allah Peliharakan Sultan. Seni kata lagu tersebut mengandungi unsur-unsur keIslaman, kita perturunkan sepenuhnya senikata lagu itu :

"Ya, Allah lanjutkan usia,
Duli Tuanku Yang Maha Mulia,
Adil berdaulat,
menaungi nusa,
Memimpin rakyat
kekal bahagia;
Hidup sentosa,
Negara dan Sultan,
Ilahi selamatkan
Brunei Darussalam."

Bendera dalam lagu kebangsaan sebagai contoh dapat kita katakan bahawa agama Islam telah memberi kesan terhadap kehidupkan beragama di Brunei, tambahan lagi Perlembagaan 1959 memberikan kedudukan yang tinggi terhadap agama tersebut.

ISLAM DALAM SISTEM PENTADBIRAN AGAMA DI BRUNEI

Agama Islam telah diberikan kedudukan yang sewajarnya melalui Majlis Ugama Islam dan Perlembagaan 1959, adalah sangat wajar sebuah badan yang tertentu diberi bidang kuasa yang meluas bagi memelihara, mengembangkan dan mengendalikan perjalanan agama Islam.

MAJLIS UGAMA ISLAM

Majlis Ugama Islam merupakan sebuah badan yang tertinggi di Brunei dalam mengendalikan perjalanan agama Islam.

Sebelum wujud Majlis Ugama Islam pada tahun 1955 telah ada usaha-usaha pihak yang berkenaan bagi mengendalikan bidang kuasa agama Islam. Sebagaimana yang kita maklum, bidang agama adalah tanggungjawab kerajaan dalam negeri sejak Perjanjian 1906.

Kerajaan telah menubuhkan Pejabat Kadi bagi mengendalikan hal yang berhubung dengan agama Islam. Dengan erti kata lain bahawa soal nikah cerai dan seumpamanya. Wujud dan telah dilaksanakan pada tahun 1912/1913 sebagai kenyataannya adalah seperti berikut :

"Pejabat Kadi yang menguatkuasa Undang-Undang Islam (Mohammedan Laws) No. 1/1912 dan Undang-Undang Nikah Cerai Islam No. 3/1913 (Mohammedan Marriage and Divorce) Pentadbiran Hal Ehwal Ugama di bawah undang-undang ini terbatas kapada hal ehwal nikah cherai dan kesalahan-kesalahan dalam soal-soal seumpama itu iaitu yang disebutkan sabagai "personal laws".

Oleh kerana undang-undang 1912/1913 itu terdapat beberapa kekurangan, di bidang kuasanya yang tidak luas, maka pada tahun 1954 Majlis Mashuarat Shariah telah mengambil keputusan supaya diwujudkan Jabatan Hal Ehwal Ugama pada tahun 1955.

Majlis Ugama Islam sebagaimana yang telah diterangkan tadi telah memperuntukkan undang-undang bagi memansuhkan undang-undang 1912/1913. Satu Undang-Undang Ugama dan Mahkamah Kadi 1955 atau Undang-Undang No. 20/1955 telah berkuatkuasa hingga sekarang ini. Dari undang-undang ini maka wujudlah jawatan Mufti Kerajaan dan Kadi Besar dan Kadi-kadi.

Walaupun Kadi atau Pejabat Kadi telah wujud sebagaimana undang-undang 1912/1913 tetapi undang-undang 1955 ini lebih luas bidang kuasa bagi meninggikan taraf agama Islam supaya teratur perjalanannya.

Perlu dinyatakan bahawa jawatan Mufti Kerajaan dan Kadi Besar adalah sebagai puncak perkembangan agama Islam di Brunei yang sebelumnya tidak wujud. Jawatan Mufti Kerajaan hanya dapat diisikan pada tahun 1962 oleh Mufti Kerajaan yang ada pada masa ini.

Pejabat Hal Ehwal Ugama yang wujud pada tahun 1954 dan Majlis Ugama Islam pada tahun 1955 pada dasarnya adalah berasingan antara satu dengan lain tetapi mempunyai tujuan yang sama dalam hal ehwal agama.

Majlis Ugama Islam mempunyai bidang kuasa yang tertentu, walau bagaimanapun Pejabat Hal Ehwal Ugama pada dasarnya adalah menjalankan dasar-dasar dan matlamat yang ada pada Majlis Ugama Islam.

JABATAN/KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Sebagaimana yang telah diterangkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Ugama mula wujud pada tahun 1954. Mulai pada tahun 1986 melalui perubahan kabinet, ia telah dinaikkan sebagai sebuah kementerian dengan nama yang sama.

Jabatan/Kementerian Hal Ehwal Ugama mempunyai bahagian yang tertentu bagi mengendalikan dan menyebarkan fahaman beragama di kalangan rakyat sesuai dengan Perlembangan 1959 dengan diketuai oleh seorang yang berjawatan Pengarah dan dibantu oleh seorang Penolong Pengarah.

Bahagian-bahagian tersebut adalah seperti di bawah:

1. Bahagian Pengajian Islam.
2. Bahagian Pusat Dakwah.
3. Bahagian Urusan Haji.
4. Bahagian Syariah.
5. Bahagian Pentadbiran.

Secara ringkas kita huraikan bahagian-bahagian itu, yang tugasnya antara lain bagi mengendalikan dan mengurus perjalanan agama Islam seperti selayaknya.

Bersambung

SEBELUM wujud Majlis Ugama Islam pada tahun 1955 telah ada usaha-usaha pihak yang berkenaan bagi mengendalikan bidang kuasa agama Islam. Sebagaimana yang kita maklum, bidang agama adalah tanggungjawab kerajaan dalam negeri sejak Perjanjian 1906.

ANEKA انيكا Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

Islam di Negara Brunei Darussalam :

Kehidupan Berbangsa dan Bernegara

Sambungan minggu lepas

Oleh M.A. RAHMAN

BAHAGIAN JABATAN PENGAJIAN ISLAM

BAHAGIAN Pengajian Islam berfungsi untuk mengendalikan penyediaan dan penyebaran berhubung dengan hal pelajaran. Sejak dari persekolahan kanak-kanak hinggalah peringkat yang lebih tinggi sama ada dalam ataupun luar negeri, termasuk urusan pelajaran untuk orang-orang dewasa.

Bahagian ini dapat kita sifatkan sebagai pelaburan tenaga manusia untuk masa akan datang sebagai barisan pelapis yang bakal mengendalikan urusan keagamaan dan kehidupan bermasyarakat.

Antara bahagian-bahagian dalam Jabatan Pengajian Islam adalah seperti berikut :

1. Kegiatan Tambahan dan Pelajaran Lanjutan.
2. Latihan dan Dermasiswa.
3. Bahagian Peperiksaan.
4. Institusi Pengajian.
5. Kurikulum.
6. Kenaziran.

Bahagian Institusi Pengajian merupakan bahagian yang terpenting bagi menyediakan tenaga manusia yang mempunyai didikan keagamaan disalurkan melalui persekolahan yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bahagian ini mengendalikan seperti :

1. Sekolah agama penuh masa dan satu-mata pelajaran agama bahagian rendah.
2. Sekolah-sekolah Menengah Arab.
3. Maktab Perguruan kursus Pengajian Islam dan Tahfiz Al-Qur'an.

SEKOLAH AGAMA

Sekolah agama yang menggunakan bangunan sekolah Melayu dan selepas itu sekolah Inggeris hinggalah pada masa ini ada antaranya sekolah agama yang mempunyai bangunan sendiri untuk belajar sebelah pagi dan petang.

Sekolah agama belajar sebelah petang mula diadakan pada tahun 1956. Sekolah agama tersebut mengikut seperti sultan di Johor, begitu juga buku teks kebanyakannya adalah dari Johor.

Tujuan sekolah agama ialah untuk :

1. Mendidik kanak-kanak supaya dapat memahami dan mempercayai serta mengamalkan ajaran-ajaran agama Islam dengan keimanan kepada Allah yang Maha Esa.
2. Mengajar pelajaran-pelajaran agama supaya dapat menanamkan semangat kesedaran beragama di jiwa kanak-kanak.
3. Memimpin kanak-kanak supaya mereka cenderong dan berminat kepada ajaran-ajaran agama sehingga boleh memikul tanggungjawab yang sepenuhnya bila mereka dewasa.

SEKOLAH MENENGAH ARAB

Sebelum sekolah menengah Arab memulakan pengajian, Kerajaan Brunei melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama menghantar penuntut ke Singapura melanjutkan pelajaran dalam bidang agama Islam, selepas itu melanjutkan pelajaran ke Malaya seterusnya universiti di Mesir.

Tahun 1965 diadakan peperiksaan bagi pemilihan murid-murid melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah Arab. Murid-murid belajar di Madrasah Bandar Seri Begawan tahun 1966. Pada masa ini sekolah menengah Arab lelaki dan perempuan adalah berasingan. Selepas lulus penuntut-penuntut berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah di luar negeri.

Antara tujuan sekolah menengah Arab ialah berdasarkan titah Sultan Omar Ali Saifuddien semasa meletakkan batu asas Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah pada 24 September, 1964 yang antara lain berbunyi :

"Maka kerajaan telah menyedari betapa sudahlah tiba pada masanya diadakan sekolah-sekolah menengah agama dengan mempunyai dasar-dasar pelajaran yang sesuai menurut lajla kemajuan zaman, iaitu bukan saja di pengajaran ilmu-ilmu dan pengetahuan-pengetahuan syarak dan bahasa Arab bahkan juga pengetahuan-pengetahuan kenegaraan dan laila keduniaan untuk melayakkan murid-murid yang berkelulusan di sekolah menengah ini akan dapat melanjutkan pelajaran ke sekolah tinggi di luar negeri. Dan tujuannya bagi menggalakkan, utama sekali melagi melayakkan mereka menjadi rakyat yang mempunyai pengetahuan yang sempurna bagi mencari kehidupan yang lebih baik dan juga bagi faedah keamanan dan ketenteraman negara kita Brunei Darussalam ini, di samping menjadi seorang mukmin yang berilmu dan taat kapada Allah dan Rasul-Nya."

"TUJUAN am maktab ini ialah untuk melatih dan mengadakan guru-guru agama yang layak lagi sesuai bagi mengajar mata-mata pelajaran agama ..... Dengan tujuan membentuk satu rupa bangsa yang mempunyai agama Islam sebagai asas masyarakat mengikut aliran masa dan mendukung Perlembagaan Negeri Brunei Darussalam."

MAKTAB PERGURUAN UGAMA

Sebelum wujud maktab perguruan agama, Jabatan Hal Ehwal Ugama telah memberi bimbingan kepada guru-guru yang bertugas di sekolah agama dengan ilmu pengetahuan yang berkenaan dengan ilmu agama dan pendidikan.

Memandang keadaan memerlukan supaya guru-guru diberikan latihan melalui maktab sepenuh masa. Rancangan ini hanya dapat dilaksanakan pada 8 Januari, 1972 dengan pengambilan pertama sebanyak 30 orang penuntut.

Sehingga kini sudah ramai guru-guru yang keluar dari maktab ini bertugas di sekolah-sekolah. Tujuan maktab tersebut seperti berikut :

"Tujuan am maktab ini ialah untuk melatih dan mengadakan guru-guru agama yang layak lagi sesuai bagi mengajar mata-mata pelajaran agama ..... Dengan tujuan membentuk satu rupa bangsa yang mempunyai agama Islam sebagai asas masyarakat mengikut aliran masa dan mendukung Perlembagaan Negeri Brunei Darussalam."

INSTITUT PENGAJIAN ISLAM

Pada masa ini beberapa hal yang tidak dapat dielakkan, penuntut yang lulus antaranya tidak dapat melanjutkan pelajaran di luar negeri.

Kerajaan telah menubuhkan yang dinamakan Institut Pengajian Islam, penuntutnya berasal dari sekolah menengah Arab masa ini. Mereka memulakan pengajian berdekatan dengan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dengan tujuan supaya mereka akan menerima diploma dalam masa tiga tahun.

Institut ini telah memulakan pengajian pada 3 Julai, 1989 antara lain tujuan institut ditubuhkan:

"Meninggikan taraf pelajaran agama di negara ini dan seterusnya membantu pencapaian cita-cita ke arah pembentukan masyarakat dan bangsa yang mengamalkan dan menghayati ajaran-ajaran agama Islam di atas landasan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan Mazhab Syafie, dan sebagai pegangan cara-cara hidup yang lengkap serta mendukung konsep negara Melayu Islam Beraja."

KELAS DEWASA

Tugas memberikan pelajaran ini bukan sahaja terhad kepada kanak-kanak dan penuntut, bahkan sejak 20 Januari, 1963 Jabatan Hal Ehwal Ugama mengadakan Kelas Dewasa Al-Quran dan Agama kepada mereka yang tidak berpeluang menerima didikan pelajaran tersebut semasa kanak-kanak dan alam remaja.

Tujuan kelas dewasa antara lain adalah :

1. Untuk menyebarkan ajaran-ajaran Islam dari segi fardu 'ain dan fardu kifayah yang wajib diketahui oleh orang-orang Islam.
2. Untuk mengukuhkan taat setia kepada perintah Allah, Rasul dan sultan.
3. Bagi mengajarkan pembacaan kitab suci Al-Quran.

Di samping itu telah diadakan Kelas Bimbingan Mualaf bermula pada tahun 1975.

Huraian mengenai bahagian pengajian Islam dan bahagian-bahagian yang tertentu di bawahnya seperti sekolah agama, sekolah menengah Arab, maktab perguruan serta bahagian lain telah dinyatakan di atas ternyata mendukung antara satu sama lain dihasratkan sama-sama menyebarkan fahaman keagamaan di kalangan rakyat.

Bersambung

ANEKA انيكا Pelita Brunei

Sastera dan Budaya سستراداون بودايا

Islam di Negara Brunei :

Kehidupan Berbangsa dan Bernegara

Sambungan minggu lepas

Oleh M.A. RAHMAN

BAHAGIAN PUSAT DAKWAH

BAHAGIAN Pusat Dakwah ini pada mula nya adalah Bahagian Penerangan dan Tabligh, sebagaimana dinyatakan sebelum ini, sejak wujudnya Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bahagian Penerangan dan Tabligh diubah menjadi Bahagian Pusat Dakwah.

Bahagian-bahagian yang terkandung dalam Bahagian Pusat Dakwah adalah seperti berikut :

1. Bahagian Penyelidikan dan Kajian.
2. Bahagian Dakwah dan Tabligh.
3. Bahagian Penyebaran dan Rujukan.
4. Bahagian Pameran dan Arkib.

Pusat Da'wah Islamiah antaranya menerbitkan buku-buku agama hasil tulisan pegawai agama, kertas kerja yang dibukukan berasal dari seminar-seminar anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama.

URUSAN HAJI DAN PERHUBUNGAN MUSLIMIN

Bahagian ini terbahagi kepada dua bahagian :

1. Bahagian Urusan Haji.
2. Bahagian Perhubungan Muslimin.

Bahagian Urusan Haji kita dapat mengetahui tugas bahagian ini berkenaan urusan haji rakyat Brunei yang pergi munaikan haji di Mekah. Menyedari dari pengalaman-pengalaman yang lalu, itulah sebabnya Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui urusan haji mengendalikan kursus haji supaya memberi pengetahuan kepada jemaah haji demi mendapat kesempurnaan mengerjakan haji.

Bahagian Perhubungan Muslimin mulanya sebahagian daripada tugas penerangan dan tabligh, sekarang bahagian ini di bawah Urusan Haji. Sebahagian tugas itu seperti hubungan dengan Pertubuhan Islam luar negeri, acara keagamaan seperti Maulud Nabi, pertandingan membaca Al-Quran dan lain-lain lagi.

BAHAGIAN SYARIAH

Bahagian Syariah mengendalikan bahagian seperti di bawah :

1. Fatwa.
2. Mahkamah dan Masjid.
3. Penyiasatan dan Pendakwaan.
4. Majlis Ugama Islam dan Harta.

Sebelum wujud Kementerian Hal Ehwal Ugama, bahagian-bahagian di bawah Bahagian Syariah ini mempunyai ketua masing-masing. Tugas Pengarah Syariah adalah bertanggungjawab mengenai penyelarasan pentadbiran sahaja.

Bahagian Fatwa diketuai oleh Mufti Kerajaan, manakala Bahagian Mahkamah dan Masjid diketuai oleh Kadi Besar. Majlis Ugama Islam diketuai oleh Setiausaha Majlis Ugama Islam.

Sebelum wujud Kementerian Hal Ehwal Ugama bahagian ini adalah bahagian yang besar sama seperti Bahagian Pengajian Islam, Bahagian Pentadbiran dan lain-lain bahagian.

UPACARA KEAGAMAAN DI BRUNEI

Di Brunei acara-acara keagamaan peringkat negara seperti Israk Mikraj, Nuzul Al-Quran, Maulud Nabi, pertandingan membaca Al-Quran dan awal Hijrah dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Selain pertandingan membaca Al-Quran, acara-acara keagamaan tadi telah diisytiharkan sebagai hari kelepasan awam, memberi peluang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan serta orang ramai supaya dapat menghadiri acara tersebut.

Selain acara keagamaan yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai acara negara. Sambutan keagamaan juga diadakan oleh lain-lain kementerian, jabatan kerajaan, persatuan belia dan sebagainya di seluruh negeri.

Setakat yang diketahui masa ini sambutan orang ramai boleh dikatakan memuaskan bagi sama-sama mendengar syarahan menjadi bekal menempuh cabaran hidup. Ini adalah disebabkan menyebarkan agama, bukan hanya terletak pada sebelah pihak sahaja seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, bahkan orang ramai juga sama-sama bertanggungjawab.

Kesedaran ini dengan sendirinya menampakkan bahawa tidak dapat dinafikan kedudukan agama Islam di Brunei memang pada tempat yang selayaknya. Sambutan yang diberikan sekurang-kurangnya sebagai memberikan satu penghormatan sepatutnya terhadap agama Islam.

ISRAK MIKRAJ

Israk Mikraj diadakan pada 27 Rejab setiap tahun bertujuan bagi memperingati peristiwa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diangkat ke Sidratul Muntaha..

Acara kemuncak dalam sambutan Israk Mikraj ialah syarahan mengenai peristiwa yang telah dialami oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta pengajaran yang terdapat dari peristiwa tersebut.

NUZUL AL-QURAN

Sepanjang bulan puasa Ramadan selalunya di masjid-masjid seluruh Brunei selepas sembahyang sunat tarawih, mengadakan bertedarus atau yang hadir membaca ayat-ayat suci Al-Quran.

Peristiwa Nuzul Al-Quran diadakan pada 17 Ramadan setiap tahun. Selain bacaan Al-Quran acara yang menjadi tradisi dalam Nuzul Al-Quran syarahan yang berhubung dengan peristiwa tersebut.

Brunei mengadakan acara sempena Nuzul Al-Quran 1400 tahun secara besar-besaran pada 17 Ramadan, 1387 bersamaan dengan 19 Disember, 1967. Sebuah buku khas sempena sambutan tersebut diterbitkan bernama Nuzul Al-Quran 1400 Tahun antara kandungannya perkembangan Al-Quran, Al-Quran dan prinsip-prinsip kemanusiaan dan lain-lain lagi mengenai Al-Quran.

AWAL HIJRAH

Sambutan awal Hijrah diadakan pada 1 Muharram setiap tahun. Tujuan diadakan acara ini sebagai mengenang dan mengambil ajaran dari peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah.

Brunei mengadakan sambutan 1400 Hijrah ini secara besar-besaran dengan mengadakan berbagai-bagai acara seperti Pameran Sejarah Perkembangan Islam Di Brunei dan lain-lain. Acara ini diadakan pada 1 Muharram, 1400 bersamaan dengan 20 November, 1979 dengan tema 'Melangkah Dengan Yakin dan Penuh Harapan'.

MAULUD NABI MUHAMMAD

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan setiap tahun pada 12 Rabiulawal, bagi memperingati kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Beberapa malam sebelum sambutan Maulud Nabi ini diadakan, selepas sembahyang Isyak akan diadakan acara berdikir setiap malam. Acara kemuncak sambutan Maulud Nabi ialah perarakan dan perhimpunan di Ibu Kota Bandar Seri Begawan.

Acara dimulakan dengan bacaan Al-Quran, syarahan dan bacaan dikir. Kita akan saksikan dalam acara ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan berangkat dalam acara ini bagi bersama-sama dengan rakyat.

PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN

Pertandingan membaca Al-Quran ini dimaksudkan bahagian dewasa lelaki dan perempuan peringkat kebangsaan atau negara. Selalunya johan bagi kedua-dua bahagian akan menjadi wakil Brunei dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa yang diadakan setiap tahun di Kuala Lumpur.

Seperti juga sambutan Maulud Nabi demikian juga halnya pertandingan membaca Al-Quran ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan berangkat sama bercamar duli dalam majlis tersebut.

Pertandingan membaca Al-Quran bagi tahun 1405/1985 adalah genap kali ke-25 tahun pertandingan sejak mula-mula diadakan hinggalah pada masa ini dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bersambung

SETAKAT yang diketahui masa ini sambutan orang ramai boleh dikatakan memuaskan bagi sama-sama mendengar syarahan menjadi bekal menempuh cabaran hidup. Ini adalah disebabkan menyebarkan agama, bukan hanya terletak pada sebelah pihak sahaja seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama, bahkan orang ramai juga sama-sama bertanggungjawab.

BRUNEI mengadakan acara sempena Nuzul Al-Quran 1400 tahun secara besar-besaran pada 17 Ramadan, 1387 bersamaan dengan 19 Disember, 1967. Sebuah buku khas sempena sambutan tersebut diterbitkan bernama Nuzul Al-Quran 1400 Tahun antara kandungannya perkembangan Al-Quran, Al-Quran dan prinsip-prinsip kemanusiaan dan lain-lain lagi mengenai Al-Quran.

PERTANDINGAN membaca Al-Quran ini dimaksudkan bahagian dewasa lelaki dan perempuan peringkat kebangsaan atau negara. Selalunya johan bagi kedua-dua bahagian akan menjadi wakil Brunei dalam Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Antarabangsa yang diadakan setiap tahun di Kuala Lumpur.

انيكا ANEKA Pelita Brunei

Sastera dan Budaya

سستراداں بودايا

Islam di Negara Brunei :

Kehidupan Berbangsa dan Bernegara

Oleh M.A. RAHMAN

SIRI AKHIR

ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP

NEGARA Brunei berhasrat untuk menjadikan agama Islam sebagai cara hidup yang lengkap dan diredai dalam kehidupan seharian, itulah sebabnya kerajaan berhasrat supaya agama Islam dapat diserapkan dan menjadi amalan seharian.

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa agama Islam adalah yang diredai oleh Allah dan sebaik agama yang patut kita amal serta anuti. Selayaknya Islam kita beri kedudukan sebagai cara hidup di Brunei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah bagi menegaskan Islam sebagai cara hidup ini sebagaimana titah baginda yang disampaikan pada tahun 1387 Hijrah dalam perutusan sempena Hari Raya:

"Beta percaya rakyat beta yang dikasihi sekalian sedia memahami bahawa perkembangan-perkembangan bahagian agama yang telah di-lancarkan dengan baiknya itu adalah merupakan pada keseluruhan-nya sebagai alat atau sistem untuk terus mencapai satu matlamat yang menjadikan Islam itu sebagai satu cara hidup yang lengkap dan penuh nikmat bagi ke se luruhan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam ini".

KEMERDEKAAN BRUNEI

Sebagaimana yang samasama kita maklumi acara-acara kemerdekaan Brunei yang bermula pada 31 Disember, 1983 adalah melalui acara yang bercorak keagamaan. Bermula sembahyang Maghrib berjemaah dan membaca Surah Yaasiin, diikuti dengan sembahyang Isyak berjemaah.

Perisytiharan 1 Januari, 1984 dibacakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan diikuti dengan Paduka Seri Begawan Sultan mengucapkan kalimah 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali serta diikuti oleh yang hadir. Dalam titah itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan mengenai konsep Negara Brunei iaitu negara Melayu Islam Beraja :

"Dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala akan untuk selamalamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

"Sudah jelas kepada kita sekarang bahawa agama Islam telah menjadi cara hidup di samping sebagai konsep negara. Jelas agama diberikan kedudukan yang tinggi di Brunei bukan sahaja dari perlembagaan juga perisytiharan kemerdekaan."

PENTADBIRAN

Pentadbiran dalam erti kata yang mudah ada tiga proses, bertalian antara satu dengan yang lain untuk mencapai satu-satu perkara itu. Proses tersebut kata sepakat atau kata putus, proses penyediaan atau persediaan-persediaan dan proses ketiga iaitu perlaksanaan sesuatu perkara itu.

Kata sepakat dapat kita ertikan sebagai telah di putuskan untuk melaksanakan sesuatu perkara itu pada waktu yang tertentu. Selepas itu tiba pada peringkat kedua iaitu proses penyediaan atau bahan-bahan bagi melaksanakan sesuatu maksud atau perkara itu. Sesudah itu baharulah proses ketiga atau perlaksanaan yang telah diputuskan terlebih awal tadi, bagi mencapai maksud yang telah dirancangkan sebelum ini.

Peranan agama Islam sangat penting, seseorang yang sudah ada pengaruh agama dengan secukupnya sentiasa memelihara dan mengutamakan amanah Allah dalam satu-satu hal itu dengan perhitungan agama Islam. Akan berbuat dan percaya serta berkelakuan seperti :

1. Amanah, jujur dan bertanggungjawab.

2. Adil, insaf, timbang rasa, mengawal hak-hak manusia dengan amanah. Menolong kembalikan hak-hak kepada yang empunya dan menyerahkan hak-hak kepada tuannya dengan tidak berlengah-lengah dan tidak sambil lewa.

3. Perangai dan budi baik sedaya upaya kepada orang-orang yang datang kepadanya dalam sesuatu urusan.

ISLAM DALAM SISTEM PENDIDIKAN DI BRUNEI

Agama Islam dihasratkan menjadi cara hidup yang lengkap kerana diredai oleh Allah. Cara berkesan untuk mencapai hasrat ini adalah melalui bidang pendidikan, institusi sekolah cara yang sesuai menuju matlamat tersebut.

SISTEM PELAJARAN BRUNEI

Pada tahun 1969 Majlis Belia-Belia Negeri Brunei telah mengadakan Seminar Pendidikan. Seminar tersebut telah membuat beberapa cadangan yang dihadapkan kepada kerajaan untuk membentuk satu Sistem Pelajaran Brunei.

Kerajaan telah meneliti keputusan tersebut dan telah membentuk satu Suruhanjaya Pelajaran bagi mengkaji kemungkinan membentuk satu sistem pelajaran sebagaimana keputusan dari Seminar Pendidikan.

Suruhanjaya tersebut telah mengemukakan beberapa cadangan kepada kerajaan, hasil dari penelitian itu dinamakan Laporan Suruhanjaya Pelajaran 1972.

Dalam laporan suruhanjaya itu terdapat beberapa cadangan yang antara lain mengenai dengan pembentukan Sistem Pelajaran Brunei yang antara tujuannya :

Untuk lebih menitikberatkan pelajaran agama Islam seuai dengan kehendak perlembagaan.

Untuk menimbulkan, melalui saluran-saluran di atas, suatu identiti kebangsaan bagi tapak pertumbuhan rasmi menanam cinta kepada Brunei, dan juga membangun kecekapanan dan sifat melentur di dalam sistem pelajaran untuk memenuhi kehendak-kehendak pembangunan negeri ini.

SISTEM PENDIDIKAN MELAYU ISLAM BERAJA 1985

Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran dan Kesihatan masa itu telah memperkenalkan satu Sistem Pendidikan Melayu Islam Beraja pada tahun 1985. Dalam sistem itu selain mengenai konsep Melayu Islam Beraja juga diperkenalkan konsep Islamisasi.

Antara tujuan konsep Pendidikan Melayu Islam Beraja iaitu :

"Untuk mengasuh pemikiran, sikap hidup dan perwatakan kanak-kanak supaya akan tercapai maksud melahirkan rakyat yang selaras dengan sikap orang-orang Brunei yang taat beragama, setia kepada raja-raja dan mengingini kemajuan serta pembangunan yang seimbang.

Untuk menyalurkan tafsiran-tafsiran yang secocok mengenai konsep kenegaraan yakni negara Melayu Islam Beraja yang seharusnya dipikul dan dipertanggungjawabkan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira asal-usul kepercayaan, agama, adat resam dan lain-lain."

Jelas kepada kita Sistem Pendidikan Melayu Islam Beraja adalah mendukung konsep Melayu Islam Beraja sebagaimana titah, Islam sebagai cara hidup dan perisytiharan kemerdekaan. Semua ini adalah menegaskan lagi maksud yang terkandung dalam Perlembagaan 1959 menjadikan Islam sebagai agama rasmi.

KE ARAH MENGISLAMISASI PENTADBIRAN DI BRUNEI

Selain melalui institusi persekolahan, untuk mengisaimisasi agama Islam melalui bidang pentadbiran kerajaan. Cara ini lebih berkesan disebabkan jentera ini selalu berdamping dengan masyarakat.

PENERAPAN ISLAM

Maksud penerapan Islam dapat kita ertikan sebagai menyerapkan, meletakkan roh Islam dan iman yang berdasarkan rukun Islam dan iman yang terkandung di dalamnya supaya menjadi sebati dan pegangan setiap Muslim dalam tindakan kehidupan seharian.

Penerapan Islam dalam erti kata yang luas sebagaimana yang telah diterangkan tadi bersesuaian dengan titah untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap juga sebagaimana dalam konsep negara Melayu Islam Beraja.

Islam itu bukan hanya dalam acara-acara yang tertentu sahaja tetapi keseluruhan cara hidup kita sebagai seorang Muslim yang beragama Islam.

NILAI

Nilai yang utama dalam Islam adalah iman dan takwa, dalam kehidupan kita seharian nilai ini adalah sebagai panduan sama ada dalam bertindak atau kepercayaan kita berasaskan kepada iman kita dengan pengesaan kepada Tuhan. Di samping iman tadi kita akan bertakwa sebagaimana yang sepatutnya berdasarkan kepada keimanan kita tadi.

Nilai tambahan adalah berupa jujur, ikhlas, rajin, amanah dan lain-lain lagi sebagai pendukung nilai iman dan taqwa tadi, ertinya nilai tambahan ini sentiasa kita pandang sebagai asas dalam tindakan dan perlakuan kita termasuklah dalam kita berfikir berpandukan kepada keagamaan Allah.

"Oleh itu tindak-tanduk mulia seorang individu dalam sesebuah masyarakat tidak pernah merugikan, bahkan ia akan menguntungkan sebuah penduduk sesebuah negara, lebih-lebih lagi sekiranya sesebuah negara mempunyai penduduk yang beriman dan bertakwa kepada Allah."

PENUTUP

Sebagai penutup memang Islam telah diberikan kedudukan yang tinggi di Brunei, bukan sahaja pada masa yang lepas, masa kini bahkan masa yang akan datang. Perkara ini adalah selayaknya memandangkan agama Islam adalah agama Allah dan patut kita muliakan dalam bernegara dan kehidupkan kita.

Kedudukan agama Islam di Brunei yang tinggi dan mulia tempatnya ini agak ketara sejak 1906 hinggalah Perlembagaan 1959 memberikan peruntukan tertentu mengenai agama rasmi dan sultan sebagai ketua agama dan negara.

Penubuhan Jabatan/Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Majlis Ugama Islam, sebagai tempat yang sesuai mengendalikan perjalanan aga- ma Islam lebih-lebih lagi dengan wujudnya jawatan Kadi Besar, Mufti Kerajaan.

Penegasan yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjadikan Islam sebagai cara hidup yang lengkap memang sudah selayaknya, perkara agama Islam ini menjadi konsep negara iaitu negara Melayu Islam Beraja semasa perisytiharan kemerdekaan.

Sebab itulah acara keagamaan di Brunei menjadi acara tradisi dalam kehidupkan seharian. Perkara agama Islam ini menjadi sebahagian dalam sistem pendidikan di Brunei sebagai tempat menyalurkan penerapan dan nilai-nilai dalam kerajaan dan kehidupan.

JELAS kepada kita Sistem Pendidikan Melayu Islam Beraja adalah mendukung konsep Melayu Islam Beraja sebagaimana titah, Islam sebagai cara hidup dan perisytiharan kemerdekaan. Semua ini adalah menegaskan lagi maksud yang terkandung dalam Perlembagaan 1959 menjadikan Islam sebagai agama rasmi.

SUDAH jelas kepada kita sekarang bahawa agama Islam telah menjadi cara hidup di samping sebagai konsep negara. Jelas agama diberikan kedudukan yang tinggi di Brunei bukan sahaja dari Perlembagaan juga perisytiharan Kemerdekaan.

KELUARAN KHAS
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Pelita Brunei
قليتا برونى

DALAM Seminar Melayu Islam Beraja untuk pentadbir sekolah yang dianjurkan oleh Majlis Tertinggi Kebangsaan kelolaan Akademi Pengajian Brunei pada 6 hingga 9 Rabiulakhir, 1416 bersamaan dengan 2 hingga 5 September, 1995 tentang takrif Melayu Islam Beraja halaman iii berbunyi:

"Melayu Islam Beraja adalah falsafah kenegaraan Negara Brunei Darussalam. Ianya membawa erti bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang berpandukan kepada akidah Islam dengan raja yakni sultan menjadi pemerintah tertinggi negara."

Mengikut takrif di atas disebutkan sultan menjadi pemerintah tertinggi negara yang dalam bahasa Al-Quran disebut sebagai 'Ulul 'amri minkum' yang wajib ditaati'.

Dalam menghayati dan mengamalkan falsafah negara Melayu Islam Beraja, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin dalam kertas kerjanya bertajuk 'Melayu Islam Beraja Masa Kini dan Masa Depan' menjelaskan:

"Kita merasa sangat perlu untuk menuangkan aspirasi nasional ke dalam watikah pemasyhuran:

Pertama: Mengekalkan Brunei sebagai negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik dengan bersendikan ajaran-ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan, amanah dan kebebasan.

Kedua: Menerusi negara yang sedemikian itu dan petunjuk Allah jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan rakyat.

Ketiga: Memelihara perhubungan persahabatan di kalangan antarabangsa atas dasar saling hormat-menghormati terhadap kemerdekaan kedaulatan, persamaan dan keutuhan wilayah bagi semua negara bebas dari campur tangan asing.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pemerintah tertinggi negara yang wajib ditaati oleh seluruh rakyat dan penduduk di negara ini.

Oleh Drs. Khairudin Rofi'i

Pentingnya doa untuk ketua negara dalam menghayati dan mengamalkan falsafah MIB

Menurut teori negara Ibnu Abdul Rabi bahawa keberadaan sebuah negara adalah keberadaan sultan atau raja lebih dahulu baru selepas itu keberadaan rakyatnya. Ini bermakna kekuasaan yang diberikan kepada sultan atau raja adalah anugerah dari Allah Subhanahu Wataala sesuai dengan maksud firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 26: *"Wahai Allah, pemilik kekuasaan, Engkau memberi kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki, dan mencabut kekuasaan dari siapa yang Engkau kehendaki."*



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah raja yang sangat berjasa kepada kaum Muslimin dan rakyat di negara ini, yang sudah sehårusnya kita doakan keselamatan dan kebahagiaan baginda di dunia dan di akhirat.

KEBERADAAN doa yang kita ketahui dari sejarah nabi-nabi dan rasul-rasul adalah sangat penting, tidak hanya sebagai syarat diampuninya dosa, tetapi sebagai upaya mewujudkan sejarah kegemilangan.

Oleh yang demikian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, tidak hanya ditaati sahaja tetapi mesti didoakan sebagai satu usaha dan satu syarat yang sangat penting untuk mengekalkan berdirinya negara Melayu Islam Beraja.

Keberadaan doa yang kita ketahui dari sejarah nabi-nabi dan rasul-rasul adalah sangat penting, tidak hanya sebagai syarat diampuninya dosa, tetapi sebagai upaya mewujudkan sejarah kegemilangan.

Dr. Muhammad Aly Ash Shabuni dalam kitabnya 'Shofhatut Tafasir' jilid II halaman 100, mengatakan bahawa doa yang ketujuh daripada Nabi Ibrahim Alaihissalam adalah sepertimana yang tertulis dalam Al-Quran Surah Ibrahim ayat 41 yang bermaksud:

"Ya Tuhan kami, beri ampunlah aku dan kedua ibu bapaku dan sekalian orang-orang mukmin pada hari terjadinya hisab (Hari Kiamat)."

Islam menganjurkan kepada kita untuk mendoakan sesama kaum mukmin, baik laki-laki atau perempuan, baik yang kita kenal ataupun tidak dan terutama kepada orang-orang yang berjasa kepada kita, seperti ibu dan bapa.

LIHAT MUKA XIX

SEMPENA HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DYMM KE-51 TAHUN

DARI MUKA XVIII

Pentingnya doa untuk ketua negara dalam menghayati dan mengamalkan falsafah MIB

Dalam konteks negara Melayu Islam Beraja, sultan atau raja merupakan orang yang sangat berjasa kepada kita kaum mukminin di Negara Brunei Darussalam yang sudah seharusnya kita doakan keselamatan dan kebahagiaan baginda di dunia dan juga di akhirat.

Sebagai salah satu penghayatan dan pengamalan falsafah Melayu Islam Beraja yang sangat mustahak di Negara Brunei Darussalam yang sangat-sangat kita cintai ini.

Doa untuk sultan atau kepala negara bagi orang yang mengerti tentang ilmu-ilmu agama bukanlah suatu yang janggal. Bahkan doa untuk sultan atau ketua negara sangat-sangatlah pentingnya sehingga ulama-ulama terdahulu sepertimana Imam Ahmad ibnu Hanbal (164-241 Hijrah) berkata:

"Seandainya kita mempunyai doa yang (kita ketahui) makbul, nescaya doa itu kita gunakan untuk mendoakan sultan atau kepala negara."

Demikian dikutip oleh Syeikhul Islam ibnu Taimiyah (661-728 Hijrah) dalam bukunya 'Al-Siyasah Al-Syariyah' yang bila kita terjemahkan secara hartiah yang bererti 'Politik Keagamaan' (halaman 173).

Oleh yang demikian, apabila ada doa untuk sultan dibacakan, baik dalam acara-acara rasmi negara, di masjid-masjid atau di surau-surau, di majlis-majlis pembesar negara kita mesti berusaha untuk mengaminkan doa itu sebaik-baiknya.

Dalam budaya orang-orang Melayu doa merupakan perkara yang sudah menjadi adat resam dalam kehidupan dan hal ini sangat penting ertinya untuk mengatasi cabaran-cabaran dalam menuju suatu kejayaan seseorang atau bangsa.

Perlunya doa untuk suatu keberhasilan dan kejayaan tidak hanya diakui oleh orang-orang Islam sahaja, bahkan pakar-pakar bukan Islam mengakui manfaat doa sepertimana Profesor Alexis Carrel, seorang pakar bedah Perancis yang meraih dua kali hadiah novel, menegaskan bahawa kegunaan doa dapat dibuktikan secara ilmiah sama kuatnya dengan pembuktian di bidang sains fizikal.

Oliver Lodge secara halus menyindir mereka yang tidak melihat manfaat doa katanya:

"Kekeliruan mereka kerana menduga bahawa doa berada di luar fenomena alam. Doa harus diperhitungkan sebagaimana memperhitungkan sebab-sebab lain yang dapat melahirkan suatu peristiwa."

Doa bagi kita umat Islam sepertimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam adalah: "Sebagai otak daripada ibadah."

Oleh kerana sebagai otak harus kita gunakan, kita manfaatkan, kita fungsikan sebaik-baiknya. Kita mesti gunakan doa itu untuk hal-hal yang baik untuk diri kita, ibu bapa kita dan sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk raja atau sultan kita yang dikasihi dan para ahli kerabatnya.



DOA untuk Sultan dibacakan, baik dalam acara-acara rasmi negara, di masjid-masjid atau di surau-surau, dan kita selaku rakyat yang bernaung di bawah panji-panji Negara Brunei Darussalam memang sewajarnya mengaminkan doa-doa itu.



DOA adalah merupakan perkara yang sudah menjadi adat resam dalam kehidupan kita umat Islam.

OLEH kerana sebagai otak harus kita gunakan, kita manfaatkan, kita fungsikan sebaik-baiknya. Kita mesti gunakan doa itu untuk hal-hal yang baik untuk diri kita, ibu bapa kita dan sebagai rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam untuk raja atau sultan kita yang dikasihi dan para ahli kerabatnya.

انيكا
ANEKA

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

فليتا برونى
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

BILANGAN 8 | RABU 4 MAC, 1998 | رابو 5 ذوالقعده، 1418 | PERCUMA

Melayu Islam Beraja tunggak kepada calak Brunei

Oleh Mas Wardi

DALAM usaha memperkaya dan memperbanyakkan buku-buku yang bermutu tinggi maka Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam telah menerbitkan beberapa buah buku. Pelancaran buku-buku yang bermutu tinggi baik dari segi kandungan mahupun curahan ilmu yang terdapat di dalamnya baru-baru ini disempenakan dengan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-14 Tahun.

Buku-buku yang dilancarkan itu ialah 'Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan", "Menghayati Sastera Islam Abad Ke-21", "Melayu Brunei Abad Ke-21" dan "Novel Negara Brunei Darussalam 1940-1992".

"Pencapaian semula kemerdekaan bagi Brunei bukanlah setakat menguasai semula dengan sepenuhnya kedaulatan politik. Yang lebih penting dan serentak dengan penguasaan politik itu ialah Brunei yang merdeka mestilah tidak kehilangan teras kenegaraannya yang turun-temurun iaitu Brunei ialah negara Melayu yang kemudian telah dibentuk dengan mendapat coraknya daripada unsur dan pengaruh Islam lalu bekerjasama secara berpemerintahan beraja oleh sultan-sultan Melayu yang beragama Islam."

Demikian nukilan aspirasi nasional yang dimuatkan di muka surat 42 buku "Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan" hasil tulisan Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain bin Haji Serudin.

Yang Berhormat menekankan bahawa konsep Melayu Islam Beraja diproklamirkan di negara ini dengan tujuan supaya ia akan kekal dan dijadikan 'budaya hidup masyarakat' Negara Brunei Darussalam.



EMPAT buah buku yang diterbitkan dengan disempenakan dengan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-14 tahun masing-masing mengandungi curahan ilmu yang ditulis oleh empat orang tokoh. Sesungguhnya ia telah menambah lagi khazanah bacaan tempatan untuk memantapkan pemikiran dan sikap rajin membaca. – Gambar ihsan Dewan bahasa dan Pustaka.

Walaupun pada pandangan awal nampaknya seolah-olah Melayu Islam Beraja ini menekankan satu kelompok masyarakat (Melayu Islam) sahaja, nukil Yang Berhormat tetapi perlu pula diambil kira bahawa masalah perkauman tidak timbul kerana sememangnya negara ini milik orang Melayu Islam dengan unsur pemerintahan dan kebudayaan serta kegiatan hariannya berlandaskan Melayu Islam itu juga.

FALSAFAH NEGARA

Melayu Islam Beraja sebagai falsafah negara menjadi norma dalam kehidupan berbangsa dan bernegara dan menjadi asas perumusan dasar negara. Ia juga menjadi garis pandu dalam pembentukan peribadi, perwatakan,

Lihat muka 2

"PENCAPAIAN semula kemerdekaan bagi Brunei bukanlah setakat menguasai semula dengan sepenuhnya kedaulatan politik. Yang lebih penting dan serentak dengan penguasaan politik itu ialah Brunei yang merdeka mestilah tidak kehilangan teras kenegaraannya yang turun-temurun iaitu Brunei ialah negara Melayu yang kemudian telah dibentuk dengan mendapat coraknya daripada unsur dan pengaruh Islam lalu bekerjasama secara berpemerintahan beraja oleh sultan-sultan Melayu yang beragama Islam."

DI DALAM

* *Sastera & Budaya : Sejarah Perkembangan Pembacaan Al-Quran Di Mukim Saba* – muka 3
* *Rancangan Radio* – muka 4
* *Rancangan TV* – muka 5
* *Cerpen : 'Manisnya Iktibar'* – muka 8 & 9
* *Kuiz Forum Hari Kebangsaan dan Jawatan Kosong sebagai Penyelia dan penemuduga sementara* – muka 13

ANEKA انيكا Pelita Brunei

Dari muka 1

identiti dan cara hidup kebruneian.

Status quo kemelayuan, keislaman, kedudukan dan kekuasaan raja telah ditanamkan dan diperuntukan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 misalnya dengan mengadakan undang-undang Pendaftaran Kebangsaan, penyusunan jabatan-jabatan kerajaan (antaranya penubuhan Jabatan Hal Ehwal Ugama tahun 1954) dan Perancangan Kemajuan Negara Lima Tahun yang bermula dari tahun 60-an hingga sekarang.



YANG Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya penulis buku Menghayati Sastera Islam Abad Ke-21.

Di samping memperkuat dan memperluas perkembangan dakwah dan pelajaran agama dengan penubuhan sekolah rendah agama yang bersistem, sejak tahun 1956, penghantaran penuntut-penuntut ke seberang laut, latihan pegawai-pegawai di luar negeri serta penyusunan adat istiadat negara dan lain-lain.

Islam dalam konteks Melayu Islam Beraja, hujah Yang Berhormat merupakan pengukuhan kerana Islam itu sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna.

Cara hidup dan pentadbiran yang mengikuti lunas Islam yang cekap, bersih dan amanah tetap akan menjamin perpaduan kebangsaan oleh kerana unsur toleransi dalam Islam tetap menjamin keserasian hubungan dan menghormati pemeluk agama lain.

Falsafah Melayu Islam Beraja bukan idea, fikiran, fahaman, gambaran dan cita-cita yang cetek malah setiap unsur yang bersepadu dalam falsafah negara iaitu kemelayuan, keislaman dan kesultanan ialah unsur yang dinamik bagi kelangsungan hidup dan menghayati serta kekalnya Negara Brunei Darussalam serta sama sekali tidak membantutkan pengembangan masa depan negara.

NILAI DIRI

Akhlak adalah salah satu bahagian dalam fikah Islam. Ia dimasukkan dalam hukum wajib, haram, sunat, makruh dan harus serta diperhitungkan dari segi dosa dan pahala. Jadi untuk membangun bangsa dan negara maka akhlak patut diutamakan lebih-lebih lagi dalam sebuah negara yang berfalsafah Melayu Islam Beraja.

"Kebaikan atau keburukan akhlak seseorang Islam akan menentukan corak hidupnya dan nilai dirinya dalam pandangan dan hukum agama sama ada di dunia atau di akhirat. Akhlak bagi umat menjadi tonggak asasi pembentukan umat tanpa akhlak tidak ada kehidupan yang baik."

Demikian ditekankan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dalam bukunya bertajuk 'Menghayati Sastera Islam Abad Ke-21'.

Penyelewengan-penyelewengan terhadap nilai-nilai akhlak bermula daripada penyelewengan akidah. Apabila akidah telah rosak atau dirosakkan sama ada disedari atau tidak maka ia akan mengesani semua tindak-tanduk manusia, percakapannya, perangainya dan tujuan hidupnya.

Menurut Yahya M.S. (nama pena Yang Dimuliakan) dalam realitinya para penulis dan sasterawan ialah manusia yang bertanggungjawab terhadap sebarang apa jua kegiatannya. Dan oleh kerana karya sastera itu ialah pantulan daripada akalnya maka secara tabii karya itu mesti dipertanggungjawabkan.

Sastera Islam tidak diharuskan untuk digunakan untuk 'tiada tujuan'. Dalam konteks umum, Islam menghendaki setiap manusia mendakwahkan Islam dan kebaikan Islam – termasuk kebaikan akhlak – dalam setiap gerak mereka.

Bab "Persoalan Akhlak Dalam Sastera' dalam buku Yahya M.S. tersebut menjelaskan bahawa Allah Taala dengan terang menyatakan semua manusia akan dipertanggungjawabkan terhadap apa juga tindakannya, pemikiran, penglihatannya, pendengarannya, maka para penulis, sasterawan, pemikir sastera pun termasuk dalam kumpulan ini.

Beliau menyarankan alangkah baik kalau yang dipertanggungjawabkan itu mempunyai hasil dan nilai yang baik.

Adakah mereka tidak mahu menerima bahawa suatu masa mereka akan berhadapan dengan Allah dan disoal tentang apa yang mereka buat di dunia dahulu?

Bab 'Menghayati Kurun Kedua Puluh Satu' dalam buku Yang Dimuliakan ini menjelaskan bahawa tujuan besar Melayu Islam Beraja adalah untuk menjadi dasar penyelamat bangsa, tempat kembali ke pangkal jikalau sesat, tempat bergantung untuk timbul di lautan jikalau karam.

Melayu ertinya mengembangkan unsur kemelayuan, iaitu bahasa dan sasteranya, adat istiadatnya, pakaiannya, seni binanya dan lain-lain jelas Yang Dimuliakan.

Islam bererti Islam yang akan kita wariskan pada abad 21 itu ialah Islam yang maju yang boleh membawa kebahagiaan hidup yang menjadi puncak dan pengatur segala langkah, melarang yang jahat dan menyuruh yang baik.

Pencapaian budaya Islam dalam berbagai-bagai bentuk, baik yang terluah dalam pemikiran yang termasuk tulisan, rakaman, pengucapan serta bangunan fizikal jelas terdapat di negara bertuah ini.

Tertubuhnya Tabung Amanah Islam, Bank Islam Brunei, Takaful Bank Islam Brunei, Institut Pengajian Islam, masjid penuh dengan para jemaah di bulan Ramadan, amal jariah orang ramai dengan mewakafkan penyaman udara di masjid-masjid adalah pantulan dari amalan kita berbangsa dan bernegara yang berintikan Islam.

Beraja ertinya negara dan rakyat terus menghayati dan memperkuat institusi raja, tulis Yang Dimuliakan yang menjadi puncak kenaungan rakyat dan tumpuan pemerintahan negara.

Budaya beraja semenjak 600 tahun merupakan salah satu tunjang kesinambungan hidup Brunei Darussalam. Ia merupakan sistem yang telah pernah dicuba dan ternyata berjaya dalam keunggulannya.

Amalan mewariskan sesuatu yang baik dan berguna daripada turunan yang lama kepada turunan yang baru ialah perkara biasa dilakukan oleh semua bangsa.

Profesor Dato Dr. Awang Haji Mahmud Saedon bin Awang Othman dalam kertas kerjanya 'Peranan Agama Islam Dalam Mengembangkan Minda (Mindset) Melayu' yang dimuatkan dalam buku bertajuk 'Melayu Brunei Abad Ke-21' menekankan bahawa sememangnya jelas Islam telah berjaya mewujudkan tamadun di Alam Melayu iaitu tamadun Melayu Islam.

Islam telah berjaya memainkan peranannya dalam mengembangkan minda Melayu, mengubah corak kebudayaan mereka dari kebudayaan berasaskan fahaman tahayul, khurafat, unsur-unsur kehinduan dan kebuddhaan kepada kebudayaan berorientasikan Islam dan tauhid.

"Perkembangan akal fikiran dan ilmu pengetahuan didorong dan dipupuk oleh Islam hinggakan rantau ini berjaya melahirkan tokoh-tokoh ulama dan cendekiawan," jelas Profesor Dato.

Ilmu pengetahuan yang dikembangkan itu bukan hanya ilmu fardu ain tetapi juga ilmu fardu kifayah, jelas Profesor, masyarakat Alam Melayu akhirnya menjadi masyarakat yang cinta kepada ilmu pengetahuan dan menghormati orang yang berilmu.

KESEBATIAN PADU

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong pula berpendapat bahawa Melayu Islam Beraja bagi Negara Brunei Darussalam merupakan suatu kesebatian padu yang tidak dapat digugurkan mana-mana satu pun unsurnya.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain penulis buku Melayu Islam Beraja : Suatu Pendekatan.

Kerana kesebatian ketiga-tiga unsur inilah maka kita mengekalkan identiti kita selama berabad-abad tanpa kelunturan, demikian pendapat beliau dalam 'Sumbangan dan Peranan Institusi Pengajian Tinggi Dalam Mewujudkan Manusia Calak Brunei' yang dimuatkan dalam buku 'Melayu Brunei Abad Ke-21'.

"Melayu Islam Beraja ialah filsafat dan aspirasi nasional. MIB memberikan jaminan ketenteraman dan keselamatan, kebaikan serta kesejahteraan rakyat.

Di peringkat institusi pengajian tinggi Melayu Islam Beraja mengambil peranan bukan sahaja setakat menyampaikan ilmu tetapi menanamkan nilai-nilai yang menjiwai MIB. Pemahaman dan penghayatannya akan dapat menubuhkan ketahanan diri kepada setiap pelajar yang akan berfungsi sebagai benteng pertahanan nasional.

Manakala itu buku bertajuk 'Novel Negara Brunei Darussalam 1940-1992' yang ditulis oleh Profesor Madya Dr. Mohd. Yusof Hassan adalah merupakan kajian ilmiah yang memperkatakan mengenai novel di Negara Brunei Darussalam yang dihasilkan dari tahun 1940 hingga 1992 dengan melibatkan 16 novelis tanahair dalam 30 buah novel.

Keempat-empat buku yang baru dilancarkan ini amat baik untuk dibaca bagi mengetahui sejarah bangsa dan negara di samping menanamkan semangat cintakan tanahair.

Selamat membaca!

AKHLAK adalah salah satu bahagian dalam fikah Islam. Ia dimasukkan dalam hukum wajib haram, sunat, makruh dan harus serta diperhitungkan dari segi dosa dan pahala. Jadi untuk membangun bangsa dan negara maka akhlak patut diutamakan lebih-lebih lagi dalam sebuah negara yang berfalsafah Melayu Islam Beraja.

Masa depan Negara Brunei Darussalam terletak sejauh mana MIB dilaksanakan dan dihayati oleh rakyat dan penduduk negara ini," jelas Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap maka Melayu Islam akan menjadi teras kepada visi kita untuk mengatur strategi menuju abad akan datang.

ANEKA
Pelita Brunei
ANEKA 28 APRIL, 1999

Sastera dan Budaya سستراد ان بودايا

MEMPERKASA REMAJA DENGAN SIAP SIAGA KE ALAF BARU

OLEH
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DURAMAN

SESUAI dengan tema sambutan Hari Kebangsaan negara kita yang ke-15 (tahun 1999) 'Siap Siaga Ke Alaf Baru' adalah satu tema yang cukup menarik untuk kita bincangkan dalam ruangan ini. Dalam rencana ini saya melihat kalangan remaja adalah lebih sesuai untuk mengisikan ke alaf baru itu. Oleh yang demikian dalam rencana ini saya memberikan tajuk Memperkasa Remaja Dengan Siap Siaga Ke Alaf Baru.

Memperkasa bermaksud memberi kekuatan, kegagahan, kepahlawanan dalam perjuangan untuk mencapai cita-cita yang murni.

Remaja bermaksud golongan pelajar atau anak muda yang berumur dalam lingkungan 12 tahun hingga 20-an, mereka masih bujang.

Siap Siaga bermaksud sudah sedia untuk digunakan atau bertindak melakukan sesuatu.

Alaf baru bermaksud hitung masa seribu tahun yang ditandai dengan pelbagai teknologi tinggi dan peralatan canggih akan mewujudkan banyak cabaran dan saingan.

Bagaimanakah kita memperkasa atau menguatkan remaja kita untuk menghadapi dan mengisikan ke alaf baru?. Persediaan mengisikan golongan remaja ini telah pun diberikan dengan pelbagai kemudahan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti pendidikan, kesihatan, kesukanan, keagamaan dan sebagainya.

Saya ambil contoh dalam mendukung falsafah negara kita Melayu Islam Beraja, semua institusi sama ada pihak kerajaan, swasta atau individu telah merancang berbagai kegiatan untuk mendukung falsafah negara.

Dalam hal ini salah satu usaha Kementerian Pendidikan ialah mewujudkan kurikulum Melayu Islam Beraja sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari. Cuba perhatikan Rajah I , bagaimana usaha Kementerian Pendidikan mengisikan para pelajar yang satu hari ini mereka bekerja dalam kerajaan, swasta dan individu (rakyat dan penduduk).

Remaja harus ingat, apabila sudah siap siaga ke alaf baru, falsafah negara Melayu Islam Beraja tidak boleh dilupakan atau dibuang. Kerana falsafah negara itu adalah sebagai panduan atau hala tuju yang hendak kita capai. Cubalah kita renungkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena pengisytiharan kemerdekaan 1 Januari 1984 antara lain bertitah :

"Negara Brunei Darussalam dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja."

Falsafah Melayu Islam Beraja bukanlah satu falsafah tiruan yang diambil daripada orang lain. Falsafah negara kita adalah tulen dan sangat sesuai dengan budaya orang kitani. Mari kita amat-amati petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sempena Majlis Mengadap Hari Keputeraan Baginda Ke-44 di Daerah Belait pada 21 Julai 1990. Antara lain bertitah.

"Dasar dan filosofi kita itu hendaklah yang tumbuh dan berasal dari bumi Brunei Darussalam sendiri, bukan yang diimport atau dipinjam-pinjam. Hal ini sungguh penting, umpamanya pakaian, bahawa yang akan memakai itu ialah kita sendiri, tubuh badan kita, di mana saiz dan fesyennya mestilah yang sepadan atau bertepatan dengan ukuran dan kehendak kita juga. Adapun yang dipinjam-pinjam itu belum tentu menepati dengan saiz dan kehendak-kehendak kita."

Dalam membincangkan memperkasa remaja dengan siap siaga ke alaf baru, saya berpendapat ada tiga faktor utama untuk menjadikan remaja yang cemerlang dan terbilang dalam alaf baru. Pertama, budaya berkeluarga; kedua, budaya berilmu pengetahuan dan ketiga budaya beragama.



Rajah I

BUDAYA BERKELUARGA

Budaya berkeluarga yang saya maksudkan di sini ialah kehidupan atau amalan kita seharian. Budaya berkeluarga sebenarnya amat penting dalam menghadapi alaf baru. Keluarga pada asasnya memanglah terdiri daripada ibu, bapa, adik-beradik yang tinggal dalam sebuah rumah. Tetapi golongan remaja mestilah ingat di mana mereka berada atau tinggal.

Remaja akan menjadi satu kumpulan berkeluarga contohnya di sekolah, pelajar adalah ahli keluarga kepada sekolah, sekiranya mereka berada atau tinggal di kampung mereka adalah ahli keluarga kepada kampung itu, begitulah halnya apabila mereka menetap di Negara Brunei Darussalam dan menjadi warganegara (rakyat dan penduduk). Mereka menjadi ahli keluarga dalaam sebuah masyarakat yang lebih besar.

Apakah unsur yang penting dalam budaya berkeluarga ini?. Unsur atau ciri berkeluarga bagi mengisikan alaf baru itu banyak, saya nyatakan di sini sebahagiannya sahaja, iaitu taat setia, hormat-menghormati, berkasih sayang, tolong-menolong, pemedulian, bertimbang rasa dan sebagainya.

TAAT SETIA

Taat setia adalah merupakan sumpah yang tidak bertulis, ia lahir dari hati yang tulus dan ikhlas. Sebagai contoh ibu bapa adalah orang yang melahirkan kita ke dunia, kerana mereka berdua inilah kita boleh melihat dunia, membesar, sehingga menjadi orang yang pintar dan berguna kepada masyarakat dan negara.

Oleh yang demikian kita hendaklah mentaati kepada kedua ibu bapa kita. Mereka yang tidak taat setia kepada kedua ibu bapa akan dianggap sebagai derhaka. Allah telah berfirman dalam Al-Quran Surat Al-Ahqaf ayat 17-18, bermaksud lebih kurang :

"Dan (sebaliknya amatlah derhakanya) orang yang berkata kepada kedua ibu bapanya (ketika mengajaknya beriman) : "Ah! Bosan perasaanku terhadap kamu berdua!. Patutkah kamu menjanjikan kepadaku bahawa aku akan dibangkitkan keluar dari kubur, padahal berbagai umat sebelumku telah berlalu (tidak balik-balik lagi)? "Sambil mendengar kata-katanya itu, ibu bapanya merayu memohon pertolongan Allah (menyelamatkan anak mereka) serta berkata (kepada anaknya yang ingkar itu) : "selamatkan dirimu!. Berimanlah (tentang hidup semula menerima balasan amal) sesungguhnya janji Allah tetap benar." Lalu ia menjawab (dengan angkuhnya) : "Semuanya itu hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu kala!. Mereka

SIRI PERTAMA

(yang ingkar derhaka seperti itu) ialah orang-orang yang tetap menerima hukuman (azab) bersama-sama dengan umat-umat yang terdahulu daripada mereka dari kalangan jin dan manusia; kerana sesungguhnya mereka telah menyebabkan diri mereka menjadi orang-orang yang rugi."

Dari huraian tafsir Al-Quran ini dapat kita katakan : Sesungguhnya mereka yang derhaka kepada kedua ibu bapanya menerima kutukan daripada Allah Subhanahu Wataala. Mereka yang derhaka tidak dijamin masuk syurga. Segala amalannya tidak diterima. Pembalasan azab seksa yang disegerakan kepada mereka.

Dalam sekolah; pelajar hendaklah taat setia kepada perintah pengetua, guru-guru, ketua darjah, dan peraturan sekolah. Mereka yang ingkar atau tidak taat kepada peraturan sudah tentu akan menerima hukuman.

Begitulah halnya dalam konsep bernegara, kita mestilah memberikan taat setia kepada ketua negara, khususnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Taat setia ini juga hendaklah diberikan kepada pemimpin-pemimpin yang diamanahkan oleh baginda.

Dalam konsep taat setia ini, saya melihat sebagai memberikan kerjasama, sebagai contoh di rumah golongan remaja bolehlah membantu ibu bapa, adik-adik kamu belajar membaca, bermain dan sebagainya. Bagi negara, salah satu taat setia yang dicurahkan dengan memberikan kerjasama seperti melaporkan kepada pihak yang berwajib contohnya pendatang haram, orang-orang yang membawa masuk barang-barang yang ditegah, kebakaran, kemalangan dan sebagainya.

Golongan remaja hendaklah sentiasa bersikap positif terhadap apa jua sumbangan yang diberikan olah kerajaan, sebagai contoh penyediaan kemudahan awam atau orang ramai seperti penyediaan tandas, tempat pembuangan sampah, telefon, papan-papan tanda dan sebagainya

Kerjasama golongan remaja yang diberikan itu, adalah tidak lain demi kepentingan kita bersama iaitu menjaga keamanan, tanpa keamanan sudah tentu kita tidak akan dapat hidup bahagia, menikmati kemakmuran dan kemajuan pembangunan. Cubalah kamu bayangkan jika remaja banyak yang jadi penagih najis dadah, pemugut, penjenayah dan lain-lain. Tentulah sukar bagi kita memperkasa remaja untuk mengisikan alaf baru itu.

Mari kita hayati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan ke-14. Dalam titah ini baginda menekankan pentingnya keamanan dalam memasuki alaf baru, antara lain titah baginda:

"Tidak ada yang lebih bererti ketika kita memasuki alaf baru ini dari berbekalkan keamanan. Hanya dengan keamanan saja, kita dapat mencapai apa jua yang kita kehendaki."

Justeru itu golongan remaja hendaklah menyemai perasaan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara khususnya kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Bersambung

BAGAIMANAKAH kita memperkasa atau menguatkan remaja kita untuk menghadapi dan mengisikan ke alaf baru?. Persediaan mengisikan golongan remaja ini telah pun diberikan dengan pelbagai kemudahan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti pendidikan, kesihatan, kesukanan, keagamaan dan sebagainya.

ANEKA | Pelita Brunei

ANEKA 5 MEI, 1999

Sastera dan Budaya

MEMPERKASA REMAJA DENGAN SIAP SIAGA KE ALAF BARU

OLEH
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DURAMAN

SIRI AKHIR

HORMAT-MENGHORMATI

GOLONGAN remaja telah diajar sikap hormat-menghormati di dalam keluarga dan sekolah. Sebahagian mereka ini juga telah mengamalkan perbuatan hormat-menghormati ini. Dalam perbincangan ini, saya ingin menekankan untuk memperkasa kaum remaja dengan sifat hormat-menghormati mestilah dikekalkan dan wujud dalam sanubari/ hati mereka yang ikhlas.

Jika ini dapat dilakukan dan dipertahankan dalam alaf baru oleh remaja insya-Allah, memperkasa remaja dengan siap siaga ke alaf baru akan membawa kecemerlangan budaya berkeluarga.

Berberapa contoh hormat-menghormati yang patut dilakukan oleh remaja seperti jangan membuat bising ketika orang tua atau jiran sedang tidur, dalam majlis gunakanlah pakaian yang sesuai dengan majlis, bila ada orang memberi nasihat, ucapkanlah 'terima kasih' sebagai menghormati nasihatnya dan sebagainya.

BERKASIH SAYANG

Jangan anggap berkasih sayang yang saya maksudkan ini suatu yang buruk, oleh kerana kita mahu memperkasa remaja dalam budaya berkeluarga, tanamkanlah sifat berkasih sayang itu di dalam hati remaja. Berkasih sayang ini samalah ertinya bagaimana kita mengasihi adik-beradik, kedua orang tua dan sanak-saudara.

Apabila wujud perasaan berkasih sayang, kita telah mendapat suatu kebahagiaan dalam berkeluarga contohnya, bila melihat kawan dalam kesusahan atau kesakitan kerana sesuatu, kita mestilah memberikan pertolongan dengan ikhlas, kita tidak boleh membiarkan kawan kita itu dalam kesakitan atau kesusahan. Ada satu pepatah mengatakan "Hari ini kita tolong dia mungkin besok dia menolong kita."

Demikianlah secara ringkas saya terangkan mengenai budaya berkeluarga dalam memperkasa remaja dengan siap siaga ke alaf baru.

BUDAYA BERILMU

Sesiapa pun tidak menyangkal budaya berilmu pengetahuan amat penting dalam memperkasa remaja dengan siap siaga ke alaf baru. Ilmu yang saya maksudkan ialah ilmu dunia dan akhirat. Ilmu pengetahuan adalah sebagai pelita yang menerangi manusia dari kegelapan. Mengenai budaya berilmu pengetahuan ini, Allah Subhanahu Wataala telah berfirman dalam Al-Quran Surah Az-Zumar ayat 9, maksudnya :

"Adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu."

Daripada firman Allah ini jelas kepada kita bahawa sesungguhnya orang yang berilmu dengan tidak berilmu itu, mempunyai perbezaan yang sangat jauh iaitu antara langit dengan bumi. Orang berilmu akan mendapat kedudukan yang tinggi darjatnya baik di dunia atau di akhirat.

Berhubung dengan budaya berilmu ini, banyak terdapat hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, antaranya :

"Tuntutlah ilmu hingga ke liang lahad." "Tuntutlah ilmu sejak dari buaian." "Tuntutlah ilmu sehingga ke negeri China."

Golongan remaja atau pelajar yang berada di dalam negara ini, adalah orang-orang yang sangat beruntung, kerana Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan pelbagai kemudahan institusi dengan percuma. Cubalah kita bandingkan kemudahan pendidikan dalam tahun 50 hingga 60-an dengan kenikmatan kemudahan yang diberikan selepas merdeka (1984).

Sekarang pelajar-pelajar dihantar dan diambil dengan kereta atau bas, sekolah ada hawa dingin, ada televisyen, komputer dan lain-lain. Masa saya dulu kemudahan seperti ini tidak ada. Nah! Sekarang golongan pelajar atau remaja hendaklah merebut peluang ini dengan rajin-rajin belajar, jangan suka melepak (membuang masa yang tidak ada tujuan).

Dalam bidang keilmuan sekarang ini terlalu canggih, pelajar-pelajar sekarang terdedah dengan dunia teknologi maklumat sesuai dengan pengisian ke alaf baru. Adalah paling rugi jika golongan pelajar atau remaja tidak mengikuti atau belajar perkembangan teknologi maklumat ini.

Contoh yang paling ketara ialah komputer, Internet dan sebagainya. Masa saya dulu cuma mesin taip itu pun, ada orang yang tidak pandai menggunakannya. Ingatlah peribahasa ini , 'sesal dahulu jadi pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.'

Sebenarnya dalam dunia pendidikan ada tiga cara pelajar atau remaja boleh memperolehi ilmu pengetahuan; pertama, melalui rumahtangga (keluarga); kedua, sekolah dan ketiga, melalui masyarakat

Ertinya ada ilmu pengetahuan yang kamu perolehi dengan bimbingan dan asuhan, ada juga ilmu pengetahuan yang kamu perolehi dengan berdasarkan kepada pengalaman yang kamu perolehi. Maka untuk memperkasa remaja dalam budaya berilmu pengetahuan mestilah berakademik, berteknologi maklumat dan berkemahiran.

Mereka yang berilmu ini pula dapat menggunakan ilmu pengetahuannya dengan sempurna dan jalan yang benar. Memperkasa remaja melalui budaya berilmu pengetahuan tidak akan tercapai dan dapat mengisi ke alaf baru, jika mereka tidak pandai menggunakannya dan menggunakan ilmu pengetahuannya kepada jalan yang salah.

BUDAYA BERAGAMA

Dalam perbincangan saya ini, untuk memperkasa remaja dengan siap siaga ke alaf baru budaya beragama juga adalah merupakan satu komponen yang penting dalam diri remaja. Justeru itu pengetahuan dan nilai-nilai dalam ajaran Islam mestilah rakat dalam sanubari remaja. Tanpa agama remaja akan terasa pincang terumbang-ambing bagaikan kapal di laut dilambung ombak.

Sesungguhnya Allah telah menyeru kita supaya mengerjakan perbuatan yang berkebajikan (baik) dan meninggalkan perbuatan yang mungkar (jahat). Perintah Allah Subhanahu Wataala inilah yang akan kita semai di dalam memperkasa remaja bagi siap siaga ke alaf baru.

Sebagai seorang Muslim melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wataala seperti mengucap kedua kalimah syahadat, salat, berpuasa, mengeluarkan zakat dan naik haji bagi mereka yang mampu. Ini adalah tugas seorang Muslim yang mesti dilaksanakan.

Bagaimanapun dalam perbincangan ini untuk memperkasa remaja itu perlulah dengan akhlak yang murni. Ada banyak nilai-nilai yang baik diajarkan dalam Islam antaranya: menepati janji, pemurah, sabar, jimat cermat, bersih, menghadiri majis kebajikan, pakaian menutup aurat, dan lain-lain.

Nilai-nilai mungkar (yang ditegah) dalam ajaran Islam juga banyak, nilai-nilai ini sebagai lawan kepada nilai-nilai yang baik seperti mungkir janji (bohong, penipu), kedekut (lokek, bakhil), sombong, dengki, mengadu domba (membuat fitnah), dan sebagainya. Untuk mengakhiri perbincangan ini, marilah kita hayati dan ingatlah firman Allah Subhanahu Wataala dalam Al-Quran Surah Ar-Ra'd ayat 11, bermaksud lebih kurang:

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu sehingga kaum itu mengubah nasib mereka sendiri."

Sebagai penutup lihat Rajah 2.

APABILA wujud perasaan berkasih sayang, kita telah mendapat suatu kebahagiaan dalam berkeluarga contohnya, bila melihat kawan dalam kesusahan atau kesakitan kerana sesuatu, kita mestilah memberikan pertolongan dengan ikhlas, kita tidak boleh membiarkan kawan kita itu dalam kesakitan atau kesusahan. Ada satu pepatah mengatakan 'Hari ini kita tolong dia mungkin besok dia menolong kita'.

LAMPIRAN 2

MEMPERKASA REMAJA
DENGAN
SIAP SIAGA KE ALAF BARU



Rajah 2

Sastera dan Budaya

سستراداں بودایا

Kaedah projek dalam pengajaran dan pembelajaran Melayu Islam Beraja (MIB)

OLEH ROSLAN HAJI MOHD. JAAFAR

Siri pertama

DALAM projek lawatan di mana seorang guru Melayu Islam Beraja akan membawa pelajarnya melawat ke Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja. Jadi, seminggu sebelum membawa pelajar ke tempat lawatan, adalah perlu guru MIB itu memastikan semua pelajarnya memahami terlebih dahulu tentang kesemua alat-alat itu digunakan, dilihat gambarnya (jika ada) dan seumpamanya.

PENDAHULUAN

PENYALURAN ilmu pengetahuan dan pendidikan adalah sangat penting khasnya dalam menerajui kehidupan alaf baru yang semakin mencabar. Bagi menjalankan proses tersebut iaitu proses pendidikan dan pengajaran di sekolah, orang yang bertanggungjawab dan berperanan sekali iaitu guru atau pendidik, dan bagi memantapkan kefahaman para pelajar terhadap ilmu dan pengajaran yang diberikan, maka penggunaan pelbagai kaedah mengambil tempat bahkan penggunaan mana-mana kaedah turut membantu tercapainya objektif pengajaran.

Sehubungan dengan kaedah inilah, maka kaedah projek merupakan satu antara kaedah dalam pengajaran yang cuba ingin dijelaskan di sini khasnya dalam pengajaran dan pembelajaran Melayu Islam Beraja (MIB).

Kaedah

Ia merupakan satu perancangan atau prosedur bagi melaksanakan sesuatu pengajaran secara kemas, teratur dan sistematik atau satu siri tindakan guru yang sistematik dengan tujuan mencapai objektif pelajaran spesifik dalam jangka pendek.

Projek

Projek adalah rancangan (pembangunan, jambatan dan sebagainya). Projek dalam pengajaran dan pembelajaran sepertimana yang disarankan oleh Profesor William Heard Kilpatrick adalah bahawa murid-murid belajar melalui aktiviti permainan, kajian, kerja praktik dan lawatan dan dengan demikian, mereka dapat menjalankan aktiviti pembelajaran dengan penuh minat dan perhatian dalam satu situasi yang sebenar untuk mendapatkan sesuatu hasil yang diharapkan.

Kaedah projek

Satu Kaedah di mana para pelajar kemudian disertai lagi dengan menjalankan sesuatu kegiatan atau eksperimen dalam situasi sebenar dan bertujuan untuk mendapatkan sesuatu hasil.

Bila kaedah projek dijalankan?

Untuk menjalankan sesuatu projek dalam pembelajaran, selalunya ia dijalankan selepas para pelajar menguasai atau memperolehi kemahiran tertentu atau pembelajaran lepas jelas difahami sepenuhnya.

Contohnya, dalam projek lawatan di mana seorang guru MIB akan membawa pelajarnya melawat ke Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja. Jadi, seminggu sebelum membawa pelajar ke tempat lawatan, adalah perlu guru MIB itu memastikan semua pelajarnya memahami terlebih dahulu tentang kesemua alat-alat kebesaran diraja seperti diterangkan fungsinya bila alat itu digunakan, dilihatkan gambarnya (jika ada) dan seumpamanya.

Perkara seumpama ini cukup penting bagi menjamin keberkesanan pembelajaran melalui projek itu.

JENIS-JENIS PROJEK

Adapun setiap kaedah yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran pastinya sedikit sebanyak mempunyai jenis-jenisnya yang tersendiri, dan begitu pula halnya dengan kaedah projek.

Projek lawatan

Ia merupakan satu cara yang sangat menarik minat para pelajar kerana melaluinya, pelajar akan mendapat pengetahuan dan pengalaman yang lebih nyata atau ia memberi peluang kepada para pelajar memperolehi pengetahuan menerusi pengalaman sebenar dan inilah antara tujuan utama bagi projek lawatan.

Adapun ia sering dilakukan di luar kelas dan selalunya melibatkan satu rombongan kelas mahupun sekolah. Melalui lawatan, para pelajar akan dapat memerhati, mencatat hal-hal yang penting bahkan dapat membuat rumusan sendiri.

Keberkesanan suatu lawatan antaranya bergantung kepada kerja-kerja susulan dan ini selalunya dilakukan secara berkumpulan dalam kelas.

Contoh projek lawatan bagi pelajaran dan pendidikan MIB ialah melawat ke tempat Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja iaitu menerusi tajuk 'Alat-alat Kebesaran Diraja.'

Projek hasil tangan

Ia merupakan suatu yang menarik kerana ia memberi peluang kepada para pelajar untuk memilih dan membentuk suatu objek yang akan dibuat berdasarkan minat dan kebolehan. Ia melibatkan sama ada secara individu mahupun berkumpulan dan ia merupakan aktiviti susulan (selepas pelajar memahami dan menguasai kemahiran-kemahiran tertentu).

Melalui projek ini, setiap guru bahkan pelajar itu sendiri akan dapat menilai kemahiran psikomotor dan daya kreatif pelajar itu dan juga secara tidak langsung telah menggalakkan daya saing yang positif.

Contoh projek hasil tangan dalam bagi pelajaran dan pendidikan MIB ialah mengarah para pelajar membuat objek daripada kayu dan kain iaitu menerusi tajuk 'Kraftangan.'

Projek kaji selidik

Projek ini bertujuan dan mengarah para pelajar untuk menjalankan suatu kajian tentang sesuatu perkara secara mendalam lagi terperinci. Ia dilakukan sama ada secara individu mahupun berkumpulan dan dilakukan setelah para pelajar memahami dan menguasai kemahiran tertentu.

Melalui projek ini, para pelajar akan aktif berinteraksi dan bekerjasama iaitu merupakan satu nilai yang baik kerana di sinilah para pelajar akan membuat pemerhatian terhadap sesuatu perkara dan melatih pelajar untuk mengumpul data, maklumat dan sebagainya di samping melatih pelajar untuk menganalisis, membuat penilaian dan membuat rumusan.

Contoh projek kajiselidik bagi pelajaran dan pendidikan MIB ialah mengarah semua pelajar untuk mengkaji fungsi Pusat Dakwah Islamiah dalam menyebarkan agama Islam iaitu menerusi tajuk Sistem Pentadbiran Negara - Pusat Da'wah Islamiah.

MELALUI projek ini, para pelajar akan aktif berinteraksi dan bekerjasama iaitu merupakan satu nilai yang baik kerana di sinilah para pelajar akan membuat pemerhatian terhadap sesuatu perkara dan melatih pelajar untuk mengumpul data, maklumat dan sebagainya disamping melatih pelajar untuk menganalisis, membuat penilaian dan membuat rumusan.

Projek kegunaan

Adalah projek ini bertujuan untuk mengembangkan kemahiran psikomotor dan daya kreatif pelajar. Projek ini jelas memperlihatkan bagaimana pelajar bekerjasama dalam menghasilkan sesuatu yang berfaedah untuk digunakan atau dinikmati.

Projeknya seperti merancang sesuatu pertunjukan, pameran dan seumpamanya di mana ianya boleh dinikmati dan dihayati.

Contoh projek kegunaan bagi pelajaran dan pendidikan MIB ialah pameran kikik, permainan pasang, gasing, congkak dan permainan lainnya iaitu menerusi tajuk 'Mengenal dan Memahami Kesenian Asli Brunei.'

Projek masalah

Projek ini antara lain bertujuan supaya para pelajar dapat menyelesaikan sesuatu masalah sama ada masalah itu diselesaikan melalui perseorangan mahupun kerja kumpulan dan ini terpulang kepada kemahuan guru itu iaitu sama ada masalah yang hendak diselesaikan itu diselesaikan melalui kerja kumpulan mahupun secara individu sahaja.

Dalam projek ini, guru bertindak sebagai pemudah-cara dan tidaklah bermaksud memberikan gambaran yang jelas pada jawapan atau penyelesaiannya. Di samping itu, projek ini juga melatih para pelajar membuat hipotesis.

Contoh projek masalah bagi pelajaran dan pendidikan MIB ialah mengarah para pelajar melalui kerja kumpulan tentang bagaimana caranya mengurangkan gejala yang tidak sihat seperti mengambil dadah, menghidu gam dan sebagainya iaitu menerusi tajuk 'Kegiatan-kegiatan Yang Tidak Diingini.'

Projek pembelajaran khusus atau latih tubi

Menerusi projek ini, para pelajar dijangka memperolehi atau menguasai sesuatu kemahiran atau kecekapan atau sesuatu pengetahuan khusus iaitu secara tepat dan betul. Oleh itu, mereka akan diberi peluang secukupnya untuk mendapatkan sesuatu kemahiran dan pengetahuan yang khusus atau yang hanya difokuskan sahaja.

Contoh projek pembelajaran khusus atau latih tubi bagi pelajaran dan pendidikan MIB ialah mengenal dan memahami secara mendalam tentang nyanyian dan tarian asli iaitu menerusi tajuk 'Mengenal dan Memahami Kesenian Asli Brunei.'

Itulah antara lain berkenaan dengan jenis-jenis projek yang seringkali digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran MIB khasnya. Walau bagaimanapun, kebijaksanaan dan keprihatinan seseorang guru MIB dalam merencanakan langkah-langkah perlaksanaan mana-mana projek adalah sangat penting bagi melicinkan lagi projek yang akan dijalankan itu.

Bersambung

ANEKA
Pelita Brunei
ANEKA 3 MEI, 2000

Sastera dan Budaya

Kaedah projek dalam pengajaran dan pembelajaran Melayu Islam Beraja (MIB)

Siri Akhir

OLEH ROSLAN HAJI MOHD. JAAFAR

Tujuan-tujuan kaedah projek

Dalam kaedah projek, ia mempunyai tujuan-tujuan di mana tujuan-tujuan itu dapat dipecahkan kepada tiga perkara utama iaitu dari segi kognitif, dari segi psikomotor dan dari segi afektif.

Dari segi kognitif

Adapun kaedah projek adalah untuk memotivasikan para pelajar untuk minat belajar kerana aktiviti-aktiviti dalam sesuatu projek itu boleh menyeronokkan mereka sepertimana projek lawatan.

Kaedah projek juga bertujuan untuk memperkukuhkan dan memantapkan lagi kefahaman pelajar dalam pembelajaran kerana topik pelajaran baru yang hendak dijadikan projek merupakan lanjutan daripada pembelajaran lepas.

Daripada itu, kemahiran dan kefahaman pelajar akan lebih kukuh. Kaedah projek juga dapat melatih minda pelajar dalam menyelesaikan masalah dan membuat hipotesis sepertimana projek masalah.

Dari segi psikomotor

Melalui keadah projek contohnya projek hasil tangan, ia bertujuan untuk membenarkan lagi pembelajaran melalui membuat. Di samping itu, kaedah projek juga bertujuan untuk meningkatkan lagi daya kreativiti dan kemahiran para pelajar sehingga secara tidak langsung menggalakkan daya saing yang sihat dan positif.

Dari segi afektif

Kaedah projek sepertimana projek kegunaan di mana ia bertujuan untuk memupuk nilai-nilai murni seperti bantu-membantu, tolak ansur, bertoleransi dan seumpamanya. Di samping iaitu, kaedah projek juga bertujuan supaya para pelajar terlibat aktif dalam setiap aktiviti yang dijalankan dan membiasakan diri untuk bertukar-tukar idea dan berinteraksi sesama rakan sebaya.

Selain daripada itu, keadah projek juga dapat meningkatkan lagi rasa keyakinan dan kesedaran terhadap sesuatu perkara itu lebih-lebih lagi perkara yang memerlukan kajian yang mendalam contohnya projek kaji selidik.

Kebaikan dan kelemahan kaedah projek

Memang sudah menjadi kebiasaan bahawa sesuatu perkara itu tidak semestinya baik dan sempurna (100 peratus baik). Begitu halnya dengan kaedah projek di mana kaedah projek juga mempunyai kebaikan dan kelemahan tersendiri.

Kebaikan kaedah projek

Antara kebaikannya secara ringkas bahawa kaedah projek meliputi domain kognitif, afektif dan psikomotor. Ia bukan sekadar kepada pengetahuan sahaja tetapi juga melibatkan kemahiran dalam penggunaan tangan seperti dalam projek hasil tangan.

Dalam kaedah ini juga di mana semua pelajar bertindak aktif dari segi penyertaan dan pola persahabatan mereka juga secara tidak langsung akan bertambah akrab lebih-lebih lagi dalam membuat suatu kerja yang memerlukan perbincangan atau kerja kumpulan seperti dalam kaedah projek masalah dan juga projek kegunaan.

Kebaikannya juga ialah para pelajar bukan setakat akan lebih memahami secara mendalam tentang sesuatu hal atau perkara yang tersabit dengan pembelajaran, tetapi juga akan memperolehi pengalaman manis dan berguna dan inilah yang menambahkan dan menimbulkan lagi rasa minat pelajar untuk belajar atau ia sebagai motivasi kepada pelajar.

Contohnya ialah projek lawatan di mana para pelajar bukan sekadar memahami secara mendalam tentang apa yang dipelajari tetapi juga memperolehi pengetahuan dan pengalaman yang tidak dilupakan mereka.

Kelemahan kaedah projek

Antara kelemahannya yang dikenal pasti ialah peruntukan masa yang panjang. Adapun mana-mana projek yang dijalankan seringkali memakan masa yang panjang iaitu lebih-lebih lagi sebelum dan semasa pelaksanaan sesuatu projek.

Sesuatu projek juga sering melibatkan kewangan yang banyak. Contohnya ialah projek kegunaan seperti pameran di mana sebelum pelaksanaannya sahaja, ia memakan masa yang lama dan turut melibatkan kewangan.

Kelemahannya juga ialah kesukaran dalam memperolehi bahan mahupun sumber bagi sesuatu projek. Contohnya ialah projek kaji selidik di mana projek ini mengarah kepada para pelajar untuk mengkaji secara mendalam tentang sesuatu perkara dan selalunya untuk memperolehi bahan dan sumber sesuatu perkara yang dikaji itu adalah agak terhad bahkan ada pula tidak mendapat kerjasama dari pihak lain.

Di samping itu, objektif sesuatu projek itu sukar tercapai bahkan boleh terpesong. Contohnya dalam projek lawatan, mungkin setengah pelajar yang nakal akan lari dari tempat lawatan.

Jadi, bukan sekadar objektif tidak tercapai bahkan masalah disiplin pula timbul dan ini boleh menjejaskan nama baik sekolah. Perkara seumpama ini mungkin disebabkan kurangnya kawalan daripada guru dan pengawas.

Itulah antara kebaikan dan kelemahan yang dapat dikenalpasti dalam kaedah projek dan berhubung dengan kelemahannya, tidak ada kelemahan yang tidak dapat diatasi. Jadi, terpulang pada kebijaksanaan guru dalam mengatasi kelemahan yang ada dalam sesuatu projek.

KESIMPULAN

Daripada sedikit sebanyak yang telah dinyatakan berhubung dengan kaedah projek berserta dengan contoh-contoh yang ada diberikan, maka kaedah projek memang sesuai digunakan dalam mana-mana topik tertentu dalam pengajaran dan pembelajaran MIB.

Kaedah projek di samping memantapkan kefahaman pelajar terhadap apa yang dipelajari dan membantu objektif pengajaran tercapai, juga merangsang minat pelajar untuk belajar kerana kepelbagaian aktiviti yang terdapat dalam kaedah projek.

Walau bagaimanapun, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah projek bergantung kepada cara dan langkah serta kemahiran guru dalam melaksanakannya.

PRINSIP ATAU GARIS PANDU DALAM PERLAKSANAAN KAEDAH PROJEK

DALAM membahaskan perkara di atas, ada tiga perkara utama yang perlu difokuskan oleh setiap guru Melayu Islam Beraja (MIB) dalam perlaksanaan kaedah projek iaitu sebelum, semasa dan selepas projek.

SEBELUM PROJEK

Setiap guru MIB yang hendak memberi tugasan yang berupa projek kepada para pelajarnya perlu terlebih dahulu memperkenalkan tajuk perojek kepada pelajar dan tentukan bagaimana projek dijalankan iaitu adakah hanya daripada satu mata pelajaran atau gabungan beberapa mata pelajaran lain.

Kemudian, segala arahan dan penerangan yang jelas daripada guru adalah perlu dan ini termasuklah menentukan adakah projek ini secara individu mahupun kumpulan atau menentukan dan menyediakan lebih awal akan senarai tugas untuk pelajar.

Di samping itu, perlu juga memastikan adakah projek untuk jangka pendek atau panjang dan langkah-langkah mengatasi masalah wajar diatasi lebih awal agar projek berjalan lancar. Apa yang penting juga ialah guru perlu memastikan semua pelajarnya mempunyai pengetahuan dan kemahiran sedia ada sebelum projek dijalankan.

Contoh:-

Tajuk Pelajaran: Kegiatan-kegiatan Yang Tidak Diingini.

Projek Kegunaan - Pameran Kegiatan-kegiatan Yang Tidak Diingini.

Hubungkait dengan mata pelajaran lain: Pengetahuan agama Islam, lukisan dan lainnya.

Senarai tugas dan aktiviti kerja: Secara kerja kumpulan (empat kumpulan);

Kumpulan A: meluklis poster

kumpulan B - mencari rencana atau artikel dan lainnya.

Jangka masa projek: Satu minggu.

Contoh ringkas di atas adalah perlu bagi guru MIB untuk memberitahu dan menerangkan dengan jelas kepada pelajarnya sebelum projek dijalankan. Begitu juga dengan bahan-bahan yang diperlukan untuk projek tersebut seperti kayu, papan dan lainnya adalah wajar lebih awal disediakan dan jika melibatkan kutipan wang, maka ianya lebih awal ditentukan jumlahnya serta lebih awal dikutip.

Di samping itu, guru juga perlu memastikan bahawa para pelajar sudah memahami dengan mendalam tentang kegiatan-kegiatan yang tidak diingini.

SEMASA PROJEK

Ketika sesuatu projek berjalan atau berlangsung, adalah penting bagi guru MIB untuk memastikan semua pelajarnya yang terlibat dengan aktiviti projek untuk mendapat bimbingan dari masa ke semasa atau dalam erti kata lain, guru bertindak sebagai pemudah cara.

Guru juga perlu melantik beberapa pelajar untuk bertugas sebagai mencatat dan melapor pandangan orang ramai mahupun pandangan pelajar dari kelas lain tentang apa yang telah dipamerkan. Perkara seumpama ini sangat berguna untuk dijadikan sebagai rumusan bagi projek yang dijalankan.

SELEPAS PROJEK

Setelah projek selesai dan di samping penilaian gred daripada guru sendiri, guru juga seboleh-bolehnya memberi peluang kepada pelajarnya untuk menilai projek mereka iaitu menilai dari segi estetik.

Bagi menjamin keberkesanan projek yang telah dijalankan itu, adalah penting bagi guru memberikan kerja-kerja susulan seperti soalan-soalan ringkas dan mana-mana kerja-kerja projek yang kurang memuaskan, maka guru perlu memberi teguran yang membina dan langkah akhir ialah daripada guru sendiri tentang pembelajaran yang dijalankan melalui aktiviti projek itu.

ANEKA | Pelita Brunei
ANEKA 6 SEPTEMBER, 2000

Sastera dan Budaya سستراداں بودایا

Pendekatan Kaedah Diskusi di dalam pendidikan Melayu Islam Beraja di sekolah-sekolah menengah

OLEH SAFWAN NURSYAFIQAH

PENDAHULUAN

KAEDAH pengajaran di kebanyakan sekolah-sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam kini telah menghadapi pelbagai perubahan. Jika ditinjau dalam beberapa dekad ke belakang dahulu, rata-rata penggunaan kaedah 'chalk and talk' kerap digunakan untuk proses pengajaran dalam sekolah dan institusi pendidikan. Sungguhpun demikian, guru-guru pada masa itu mampu mendidik anak murid mereka hingga hampir semua pelajar mereka berjaya sampai ke menara gading.

Namun, dalam era kita menuju alaf baru, sudah banyak kaedah-kaedah khas di dalam mengajar telah dipraktikkan oleh guru untuk sesi pengajaran di sekolah seperti kaedah koperatif, kolaboratif, simulasi, inkuiri dan seumpamanya. Para guru yang mengajar mata pelajaran Melayu Islam Beraja (MIB) juga tidak turut ketinggalan kerana melalui penggunaan kaedah-kaedah tersebut, secara tidak langsung boleh menarik minat pelajar terhadap pembelajaran MIB sekali gus memudahkan guru untuk mengolah isi pelajaran dengan sistematik. Jadi, salah satu di antara kaedah yang boleh diterapkan di dalam pengajaran dan pembelajaran MIB ialah kaedah diskusi.

DEFINISI

Seperti yang sudah dimaklumi, kaedah boleh diertikan sebagai cara, prosedur atau perancangan yang sistematik. Perkataan diskusi pula secara umumnya adalah berasal dari bahasa Inggeris iaitu discussion yang bererti perbincangan. Manakala menurut Kamus Dewan, diskusi itu ialah perbincangan mengenai sesuatu hal. Sementara itu, beberapa orang ahli pedagogi telah memberi definisi yang khusus sesuai dengan tahap pemahaman masing-masing. Di antaranya ialah:

1) Diskusi ialah satu aktiviti di mana individu-individu dapat berinteraksi di antara satu sama lain serta berkongsi maklumat tentang sesuatu topik atau masalah dengan tujuan mencari suatu penyelesaian. (Ee Ah Meng, 1997)

Contohnya: Guru memberikan beberapa keping kad ukuran A 5 yang berisi dua soalan setiap kad bagi tajuk 'Peraturan dan Disiplin' (Menengah Satu). Para pelajar yang dikelompokkan kepada lima kumpulan diarahkan untuk berbincang sesama mereka bagi mendapatkan jawapan kepada soalan tersebut.

2) Diskusi ialah satu kaedah atau teknik mengajar yang melibatkan aktiviti perbualan (antara guru dengan pelajar-pelajar dalam kelas). (Mok Soon Sang, 1991)

Contohnya: Selepas sesi pengajaran, guru mengedarkan kertas puzzle yang memfokus kepada tajuk 'kraftangan' (Menengah Dua) kepada setiap pelajar di mana pelajar diarahkan untuk mendapatkan jawapan secara berpasangan (dua partner). Kemudian guru berinteraksi dengan setiap pasangan untuk memperolehi hasil diskusi mereka.

3) Diskusi ialah teknik atau aktiviti yang dirancangkan di bawah strategi pemusatan murid atau pelajar. Ia merupakan satu aktiviti yang membolehkan murid-murid berinteraksi di antara satu sama lain serta berkongsi maklumat untuk menyelesaikan sesuatu masalah. (Kamaruddin Haji Husin, 1990).

Contohnya: Perlembagaan - Agama Islam (Menengah III). Melalui tajuk ini, guru boleh memberikan tugasan kepada pelajar untuk dibincangkan sesama mereka seperti

- Menyenaraikan hari-hari kebesaran dalam Islam yang disambut di Brunei.

- Mencatatkan apakah di antara perkara yang terkandung dalam Rukun Iman dan Rukun Islam.

Berdasarkan kepada beberapa definisi yang telah diutarakan itu tadi, maka dapatlah disimpulkan secara globalnya bahawa kaedah diskusi ini adalah merupakan salah satu kaedah pengajaran yang mengutamakan aktiviti perbualan (perbincangan) yang melibatkan interaksi di antara dua orang individu atau lebih (interaksi dua hala) di dalam usaha untuk memperolehi seberapa banyak informasi bagi sesuatu topik atau masalah yang diperbincangkan.

TUJUAN KAEDAH DISKUSI

Setiap apa jua kaedah yang digunakan mempunyai matlamat atau tujuan yang tersendiri . Begitu juga dengan kaedah diskusi ini. Sebenarnya kalau ditinjau dari pelbagai sudut, ia merangkumi pelbagai tujuan khasnya di dalam proses pengajaran guru di sekolah.

Di bawah ini disenaraikan beberapa tujuan kaedah diskusi yang difokus dari tiga aspek utama iaitu pendidikan, psikologikal dan sosial.

1) Dari segi pendidikan:

(a) Para pelajar dapat menggunakan kemahiran lisan mereka untuk berinteraksi dan berkomunikasi sesama mereka di samping memperkayakan perbendaharaan kata.

(b) Para pelajar dapat berkongsi pengalaman mereka yang berkaitan dengan adat dan kebudayaan Brunei. Misalnya, berkemungkinan ada sebilangan pelajar yang mengetahui tentang budaya orang-orang Belait, sedangkan sebahagian yang lain tidak mengetahuinya.

2) Dari segi psikologikal:

(a) Untuk menggalakkan perkembangan mental pelajar, dalam erti mengasah minda mereka agar mengetahui perkara-perkara penting khasnya dalam hal-ehwal mengenai kebruneian selaras dengan apa yang diajarkan dalam mata pelajaran Melayu Islam Beraja.

(b) Melatih pelajar berfikir secara teliti dan rasional terutama dalam hal memerlukan pendapat yang bernas serta penghayatan yang baik terhadap setiap apa jua perbincangan.

(c) Pelajar dapat menyumbangkan idea dan pandangan mereka dengan cara sistematik.

3) Dari segi sosial:

(a) Mewujudkan interaksi sosial yang positif dan sihat khususnya di dalam pembelajaran MIB, selain interaksi dua hala antara guru dengan pelajar (atau sesama pelajar) yang sekali gus boleh menarik minat pelajar dalam mata pelajaran tersebut.

(b) Memupuk semangat bekerjasama di antara sesama pelajar bersesuaian dengan konsep bekerjasama seperti yang terdapat dalam salah satu topik mata pelajaran MIB (Menengah III).

PRINSIP-PRINSIP KAEDAH DISKUSI

1) Pemilihan tajuk diskusi:

(a) Sebaiknya ia berasaskan pengalaman, kebolehan dan minat para pelajar.

Contohnya: Majlis-majlis Keagamaan - Sambutan Hari Raya (Menengah II). Seperti yang kita sudah sedia maklum, setiap tahun umat Islam merayakan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha. Para pelajar sudah tentu mempunyai pengalaman beraya ke rumah-rumah orang Islam, jadi dengan menggunakan kaedah ini sedikit sebanyak akan menambah minat mereka terhadap topik tersebut.

(b) Seboleh-bolehnya ia memberi manfaat dan faedah kepada semua pelajar.

Ertinya, dari apa yang mereka telah bincangkan akan memberi kesan dan peringatan terhadap diri mereka sendiri. Contohnya, kegiatan yang tidak diingini.

- Penyalahgunaan dadah (Menengah I).

(c) Skop dan ruang lingkup bagi sesuatu tajuk akan dikupas itu hendaklah jelas dan khusus. Dalam pada itu juga, tujuan diadakan diskusi perlu diterangkan kepada para pelajar agar mereka dapat mendalami secara lebih spesifik lagi.

(d) Haruslah bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan supaya ia nampak lebih menarik perhatian pelajar terhadap pembelajaran. Sebaiknya, masa perbincangan itu dihadkan tidak terlalu lama.

2) Semasa aktiviti pembelajaran dijalankan, beberapa perkara perlu dilihat. Antaranya ialah seperti berikut:

(a) Peranan guru hanya sebagai pembimbing ataupun fasilitator. Guru boleh memberikan beberapa idea atau pembayang kepada setiap perbincangan yang diadakan.

(b) Guru haruslah menggalakkan setiap pelajar untuk melibatkan diri secara aktif sewaktu berbincang. Dalam sesi perbincangan, sebolehnya guru beredar dari satu kumpulan kepada satu kumpulan yang lain untuk memastikan perbincangan mereka berjalan dengan lancar.

(c) Pelajar disarankan untuk mencatatkan apa saja idea yang dikemukakan oleh rakan-rakan mereka di dalam kumpulan perbincangan. Dalam hal ini, setiap idea yang dikemukakan oleh ahli-ahli dalam kumpulan itu dicatat oleh salah seorang dari mereka untuk dibentangkan setelah selesai perbincangan.

3) Di akhir perbincangan pula:

(a) Semua idea-idea yang telah dicatatkan oleh para pelajar dirumuskan dan kemudian dibentangkan sama ada dengan cara salah seorang pelajar tampil menerangkan hasil perbincangan mereka secara lisan atau dengan menulisnya di papan tulis.

(b) Guru membuat ulasan terhadap setiap hasil perbincangan pelajar bagi setiap kumpulan di samping menambah penyataan bagi menguatkan lagi jawapan kepada perbincangan mereka. Selepas itu, guru membuat kesimpulan secara keseluruhan bagi tajuk yang telah dibincangkan.

(c) Sebaiknya pujian dan dorongan patut diberikan kepada para pelajar sebagai motivasi agar mereka merasakan bahawa usaha mereka telah dihargai seterusnya meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran.

KELEBIHAN DAN KELEMAHAN KAEDAH DISKUSI

Setiap kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru di sekolah tidak semestinya menunjukkan kaedah yang terbaik bagi satu-satu mata pelajaran. Namun, ia boleh membantu usaha guru dalam menjelaskan isi pelajaran dengan sebaik mungkin. Oleh kerana itulah, terdapat beberapa kelebihan dan kelemahan yang dinilai dari pelbagai aspek bagi setiap kaedah tersebut.

Adapun bagi kaedah diskusi khususnya di dalam pengajaran dan pembelajaran MIB juga tidak terkecuali mempunyai kelebihan dan kelemahannya yang tersendiri.

KELEBIHAN KAEDAH DISKUSI

1) Membuka minda pelajar dan memberi keyakinan kepada mereka.
2) Mewujudkan interaksi sosial yang positif.
3) Menggalakkan penglibatan semua pelajar.
4) Menitikberatkan konsep bekerjasama di antara sesama pelajar.
5) Menitikberatkan secara pemusatan pelajar (student-centered).

KELEMAHAN KAEDAH DISKUSI

1) Terdapat pelajar yang tidak aktif (tidak ikut serta) di dalam aktiviti perbincangan.

2) Tajuk perbincangan besar kemungkinan tidak menarik minat pelajar.

3) Tahap pemikiran pelajar agak terhad disebabkan mereka sukar berfikir secara ilmiah.

4) Pengurusan terutamanya penyusunan tempat duduk para pelajar mungkin menimbulkan masalah seperti mengganggu ketenteraman kelas lain.

JENIS-JENIS DISKUSI

Sejak akhir-akhir ini, timbul beberapa istilah baru bagi jenis diskusi seperti kolokium, simposium dan sebagainya. Namun di sini hanya empat saja daripadanya yang akan dikupas secara menyeluruh iaitu perbahasan, seminar, forum dan sesi buzz.

1) PERBAHASAN

Iaitu jenis perbincangan yang formal di mana ahli-ahli perbahasan telah membuat persediaan untuk menentang atau menyokong sesuatu isu atau tajuk.

Ahli-ahli perbahasan biasanya hanya terdiri daripada dua kumpulan iaitu pencadang dan penyanggah. Setiap kumpulan pula terdiri dari empat ahli. Di samping itu turut dilantik ialah seorang pengerusi, seorang penjaga masa, dan sekitar tiga atau empat orang hakim (biasanya para guru) yang ditugaskan untuk menghakimi perbahasan yang dijalankan. Masa untuk membahas hujah mungkin berbeza antara pembahas pertama, kedua dan ketiga.

Apa yang penting di dalam perbahasan ialah ditujukan kepada isu atau tajuk. Isi-isi hujah yang disampaikan pula mestilah relevan dan berkaitan dengan tajuk sementara hujah-hujah dari setiap pembahas membantu pembahas-pembahas yang lain untuk mengutarakan hujah mereka.

Antara contoh perbahasan ialah seperti Titian Minda atau Bridging Minds iaitu pertemuan di antara penuntut-penuntut Brunei dan Republik Singapura.

2) SEMINAR

Iaitu sejenis perbincangan yang mengutamakan pertemuan di antara pensyarah dengan sekumpulan pelajar untuk mendengar serta berbincang mengenai sesuatu topik. Biasanya dalam bentuk pembentangan kertas kerja dengan had masa yang ditentukan oleh pengerusi seminar bagi setiap pembentang. Selepas selesai seminar, soalan-soalan diajukan oleh penonton-penonton dan dijawab oleh pembentang itu sendiri. Termasuk juga dalam sesi seminar ini ialah Simposium dan Kolokium.

3) FORUM

Iaitu jenis perbincangan yang dikendalikan oleh para ahli panel yang terdiri dari tiga hingga lima orang. Seorang pengerusi memulakan forum dengan mengupas sedikit penerangan tentang tajuk sementara sesi perbincangan diteruskan oleh para ahli panel yang mengemukakan pandangan dan idea mereka terhadap setiap persoalan yang diutarakan oleh pengerusi khususnya menyentuh tentang tajuk forum. Masa forum juga ditentukan.

Para hadirin yang menyaksikan forum berpeluang untuk mengajukan pertanyaan kepada setiap ahli panel. Bagi pelajar di sekolah, aktiviti forum ini sememangnya dapat meningkatkan kebolehan mereka dari pelbagai segi seperti berfikir secara analitis dan kritis, membina keyakinan diri untuk mengemukakan pendapat dan menggalakkan perkembangan intelek.

Contohnya seperti Forum Perdana Ehwal Islam dan Forum Hari Guru.

4) SESI BUZZ

Iaitu perbincangan yang terdiri daripada beberapa kumpulan kecil di mana setiap kumpulan terdiri dari seorang pengerusi, seorang pelapor (setiausaha) dan beberapa orang ahli. Biasanya dijalankan selepas guru mengajar sesuatu pelajaran.

Dalam sesi buzz ini, setiap pelajar berpeluang menyampaikan idea dan pendapat mereka. Selesai sahaja perbincangan, setiap seorang wakil bagi kumpulan akan mengemukakan hasil perbincangan mereka. Guru yang sejak dari awal sesi perbincangan bertindak selaku pembimbing akan menambah dan merumuskan apa-apa yang telah mereka bincangkan.

Sesi buzz ini dapat melatih pelajar kemahiran bertutur dengan baik, mengemukakan pendapat, berfikir dan berusaha mencari jawapan dengan tekun.

KESIMPULAN

Setelah mengutarakan beberapa konsep penting di dalam kaedah diskusi ini, maka jelaslah bahawa kaedah ini boleh dipraktikan khasnya dalam mata pelajaran Melayu Islam Beraja. Sungguhpun begitu, tidak semua sukatan pelajaran MIB yang sesuai dengan penggunaan kaedah diskusi ini kerana ia banyak bergantung kepada topik itu sendiri dan kesesuaiannya dengan kaedah mengajar yang dipakai oleh guru.

Walau bagaimanapun, kaedah ini sedikit sebanyak mampu membantu para guru khasnya bagi yang mengajar mata pelajaran MIB untuk menerangkan isi pelajaran kepada pelajar secara rapi dan teratur. Namun apa yang penting ialah kebolehan guru itu sendiri dalam mengendalikan sesi diskusi di dalam pengajarannya.

ANEKA
Pelita Brunei
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

TAHUN 47 BILANGAN 4 RABU 23 JANUARI, 2002 1422 رابو 9 ذوالقعده، PERCUMA

Unsur-unsur pencemaran terhadap M.I.B.

OLEH
MASERI HALEH KALTHUM HAJI AKIF

MELAYU Islam Beraja (MIB) merupakan satu integrasi produk budaya Melayu tulen yang sudah lama wujud kira-kira 600 tahun yang lampau. Kandungannya melambangkan untaian ideologi, identiti dan falsafah kebruneian. Dasar MIB adalah bersusur-galur di atas sistem pemerintahan Melayu dalam budaya tempatan iaitu berpegang kuat kepada asas dan dasar-dasar Islam yang harus diketahui, difahami dan dilaksanakan melalui cara hidup yang lengkap bersendikan pemerintahan kesultanan yang berdaulat.

Namun, di sebalik pengalaman konsep MIB, wujud kepincangan yang berupa unsur-unsur pencemaran terhadap MIB dalam masyarakat Brunei. Di akhir abad ini, dunia semakin maju dengan berkembangnya sistem Koridor Raya Multimedia dan ledakan era globalisasi iaitu zaman sains dan teknologi yang sedia memberi sebarang khidmat dan maklumat di hujung jari. Dengan erti kata lain, media masa dan media elektronik adalah dua sumber terpenting yang boleh memainkan peranan dalam mempengaruhi gaya dan pola hidup masyarakat hari ini, khasnya masyarakat Brunei yang berpegang teguh kepada konsep MIB.

Dari itu, tiada pengawalan sistematik dan rapi terhadap kemasukan media cetak yang berupa risalah-risalah, makalah-makalah dari luar dan penyaringan terhadap media elektronik menerusi rancangan-rancangan televisyen, cakera padat yang berbau dan berunsur negatif. Malahan terdapatnya segelintir masyarakat yang menyalahgunakan, memanipulasikan dan mengekploitasikan bahan-bahan informasi atau maklumat melalui komputer dan internet akan melahirkan unsur-unsur pencemaran, bahkan akan memudaratkan lagi unsur-unsur pencemaran, yang sudah sedia ada dan setentunya bertentangan dengan falsafah MIB.

Secara am, unsur-unsur pencemaran terhadap MIB akan mudah mempengaruhi dan menjejaskan aspek-aspek yang berkaitan dengan keadaan hal-ehwal semasa dan persekitaran seperti sosiobudaya, sosiopolitik, sosioekonomi dan masyarakat sosial umumnya.

Seandainya kita lihat dan telusuri cara penghidupan orang-orang Melayu Brunei, adalah bersukut-sakatkan daripada amalan-amalan tradisi dan warisan kebruneian atau dikenali dengan istilah Adat Istiadat Melayu Brunei. Sudah menjadi resam dan budaya orang-orang timur, khasnya di gugusan Nusantara, memiliki nilai-nilai murni dan akhlak luhur seperti bersopan santun, hormat-menghormati, sandar-menyandar, bertegur sapa, berawar galat, berbudi pekerti mulia dan banyak lagi cabang-cabang dan norma-norma hidup orang-orang Melayu yang bercirikan kemelayuan tulen.

PENCEMARAN

Namun, sejak kebelakangan ini, unsur-unsur pencemaran terhadap MIB semakin ketara dan mula bertapak dalam masyarakat Brunei. Dalam mempertahankan adat resam kebruneian seperti dalam upacara-upacara atau majlis-majlis keraian, masyarakat Brunei memang peka dalam menjunjung budaya. Tetapi dilihat dari segi kaedah dan bagaimana masyarakat hari ini, terutamanya di era 90-an tepatnya lagi di akhir abad ke-20 ini mempraktikkannya adalah sama sekali berbeza daripada cara di zaman nenek moyang kita dahulu. Umpamanya dalam majlis perkahwinan, masyarakat moden lebih memandang kepada konsep materialisme. Di zaman dahulu majlis perkahwinan diserikan dengan adat resam kebruneian seperti bermukun, berdondang sayang, berpantun dan sebagainya dengan menggunakan peralatan tradisional.

Tetapi hari ini, hakikat itu telah berubah wajah iaitu dengan mempraktikkan konsep masuk, tekan dan picit disebabkan adanya set peralatan hiburan yang terkini dan serba canggih seperti set mini kompo dan karaoke. Walhal dalam konsep Islam telah menganjurkan agar umatnya sentiasa mengamalkan dan mengekalkan sikap kesederhanaan dan keserupaan sesama manusia iaitu dengan menjauhkan sikap pembazir-an. Dengan ini, secara tidak langsung terbuktilah akan wujudnya pencemar-



GAMBAR HIASAN ... Perkhidmatan yang cekap, amanah, bersih dan jujur berlandaskan konsep Melayu Islam Beraja (MIB) adalah perlu untuk menjaga imej dan kerukunan etika kerja.

an terhadap MIB dalam masyarakat Brunei dan ternyata bahawa konsep MIB disalahertikan istilah-nya kepada konsep 'Menunjuk Identiti Bersaing'.

Juga difokus dari aspek sosiobudaya, unsur-unsur pencemaran terhadap MIB sering kali dikaitkan dengan golongan belia remaja yang diketahui umumnya secara sifat semula jadi mereka mudah terpengaruh dengan perkembangan semasa melalui media masa dan media elektronik. Bertitik tolak dari amalan mudah terpengaruh sedemikian akan menjejaskan elemen keperibadian, penampilan, komunikasi, tabiat, tingkah laku, akhlak dan disiplin. Perubahan yang ketara dan mendadak tersebut akhirnya akan menyebabkan seseorang individu mengenepikan falsafah MIB dengan menjalankan dan melakukan pelbagai kegiatan yang bercanggah dengan konsep MIB iaitu seperti budaya lepak, pergaulan bebas, melakukan jenayah dan sebagainya.

ETIKA KERJA

Unsur-unsur pencemaran terhadap MIB di bidang politik adalah merangkumi hal-ehwal struktur pentadbiran yang berkaitan secara langsung berkenaan dengan kepentingan dan pertahanan bangsa, agama dan negara kerap kali kita dengar di tahun-tahun kebelakangan ini. Gejala yang dikaitkan dengan nepotisme, penyelewengan, rasuah seakan-akan menjadi satu amalan untuk mengecapi kesenangan secara mudah dalam sekelip mata tanpa berdaya usaha sebaliknya memperolehi rezeki melalui jalan yang salah dan tidak diredai. Setentunya situasi sebegini akan mencemarkan dan memburukkan reputasi sesebuah organisasi atau agensi kerajaan, swasta dan badan-badan pertubuhan bukan kerajaan. Dari itu seharusnyalah pihak yang berkenaan menerapkan nilai perkhidmatan secara cekap, amanah, bersih dan jujur berlandaskan konsep MIB untuk menjadi imej dan kerukunan etika kerja. Sebagai contoh, kerap berlaku masalah mencuri masa di kalangan kakitangan awam yang bertugas seperti datang lewat untuk bekerja sebaliknya pulang awal dari masa yang telah ditetapkan tanpa memberi sebarang sebab musabab yang praktikal.

Dasar ekonomi negara memainkan peranan penting dalam menstabilkan struktur pembangunan, perancangan, kajian dan bimbingan terhadap kesejahteraan dan kemuslihatan masyarakat Brunei. Kerajaan mengalu-alukan dan menggalakkan masyarakat bumiputera, khasnya masyarakat Brunei untuk sama-sama bersaing dalam pelaburan dengan mempelbagaikan kaedah jual beli berlandaskan konsep MIB yang berseragam untuk tempoh jangka masa panjang. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini sering dibicarakan mengenai isu pengeluaran daging-daging yang tidak halal iaitu padanya menjadi subahat dan keraguan untuk dibeli dan dimakan. Sedangkan diketahui bahawa pembekal daging-daging tersebut adalah terdiri daripada anak-anak tempatan menerusi agensi-agensi pembekal yang diiktiraf oleh kerajaan. Di sini jelaslah konsep MIB terpinggir jauh dalam usaha mengaut keuntungan tanpa memikirkan kepentingan dan keperluan masyarakat khasnya masyarakat Melayu yang beragama Islam.

CARA MENGHAPUSKANNYA

Sebagai penutup dapat disimpulkan bahawa cara menghapuskan unsur-unsur pencemaran terhadap MIB dalam masyarakat Brunei adalah dengan cara kita kembali kepada tunas asal bagaimana sistem perlaksanaan konsep MIB yang sebenar-benarnya. Bahkan dengan adanya sokongan ibu bapa dan para pendidik insya-Allah akan dapat mengurangkan pencemaran terhadap MIB dari aspek sosiobudaya, sosiopolitik, sosioekonomi dan masyarakat sosial walaupun tidak seratus peratus dapat dibanteras. Di samping itu, masyarakat Brunei iaitu masyarakat Melayu seharusnya berperanan untuk mengembalikan kesedaran, langkah dan kawalan bagi meninggalkan sebarang pengaruh yang bakal menjadi ikutan. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri memberi amaran tentang perilaku orang-orang Islam secara membuta tuli terpengaruh oleh fikiran-fikiran asing (bukan Islam) seperti sabda Baginda:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Kamu akan mengikut cara-cara hidup orang-orang sebelum kamu sejengkal sejengkal, sehasta sehasta sehinggakan kalau mereka masuk lubang biawak kamu pun akan mengikut mereka (masuk). Para sahabat bertanya: Ya Rasulullah, adakah mereka itu orang Yahudi dan Nasrani? Baginda menjawab : Kalau bukan mereka siapa lagi."

ANEKA Pelita BRUNEI

Sastera & Budaya

M.I.B. DAN NILAI-NILAI LUHUR YANG TERKANDUNG DI DALAMNYA

OLEH NOR YAT

ISTILAH Beraja di sini merujuk kepada satu sistem pemerintahan. Ini menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam akan kekal sebagai sebuah kerajaan yang bersultan atau beraja yang wajib diterima dan ditaati. Beraja juga bermaksud bahawa raja adalah sebagai ketua negara. Raja juga adalah ketua bagi menjalankan pemerintahan yang terdiri daripada kanun, syarak, resam dan adat istiadat. Raja adalah sebagai payung bagi negara dan perpaduan bangsa, sesuai dengan ungkapan bahawa 'Raja adalah ibarat payung Allah di muka bumi'.

PENGENALAN

SEBELUM saya menghuraikan definisi Melayu Islam Beraja (M.I.B.) satu persatu, ingin saya menyatakan bahawa Melayu Islam Beraja merupakan tiga komponen yang penting. Ianya adalah sesuatu yang utuh dan integral. Ia bukanlah tiga yang disatukan tapi adalah tiga yang bersatu. Namun harus diingat bahawa Islam adalah teras bagi M.I.B. Ini bermakna segala unsur-unsur yang terkandung di dalam komponen Melayu dan juga Beraja seperti kebudayaan, cara hidup, adat istiadat, cara pemerintahan dan sebagainya akan terus diterima pakai selagi ianya tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam. Ini bersesuaian dengan kata adat pepatih yang berbunyi 'adat itu bersendikan syarak (hukum), syarak (hukum) itu bersendikan Kitabullah'.

MELAYU

Apabila kita menyebut Melayu dalam konteks falsafah negara, tentulah ianya merujuk kepada bahasa, bangsa, tradisi, kebudayaan, cara hidup, adat istiadat, cara pemerintahan Melayu dan apa saja yang berhubung kait dengan Melayu. Jelasnya, Melayu itu bermaksud bahawa Bahasa Melayu itu telah dijadikan sebagai bahasa rasmi di negara ini. Ini bermakna Bahasa Melayu itu bukan sahaja dijadikan bagai alat pertuturan, malah juga sebagai alat perpaduan dan identiti bangsa. Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga adalah 'Negara Melayu' yang mengamalkan nilai tradisi atau kebudayaan Melayu dan mempunyai unsur-unsur kebaikan dan menguntungkan. Ini setentunya merangkumi nilai-nilai luhur dalam tradisi dan kebudayaan Melayu itu sendiri. Istilah Melayu di sini juga merupakan bangsa Melayu yang mempunyai tujuh rumpun seperti yang tercatat di dalam Perlembagaan iaitu Melayu Brunei, Belait, Bisaya, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong. Melayu juga bererti pengekalan sistem pemerintahan Melayu yang dipimpin oleh Sultan. Ini bermakna sistem pemerintahan bukan Melayu seperti sistem pemerintahan Presiden dan diktator tidak akan diamalkan.

ISLAM

Memperkatakan mengenai Islam bererti kita memperkatakan mengenai agama (Ad-Din). Nyatanya, Islam di sini membawa maksud bahawa agama Islam itu telah dijadikan agama rasmi negara. Agama Islam itu dijadikan sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna untuk dihayati oleh semua orang di negara ini. Justeru itu, agama Islam adalah teras kepada Melayu dan juga Beraja serta menjadi landasan atas segala tindakan. Oleh itu, segala tindakan, kebudayaan, tradisi, sistem pemerintahan dan apa saja yang dilakukan mestilah tidak bercanggah dengan hukum dan ajaran agama Islam. Jika sesuatu perkara itu bercanggah dengan hukum dan ajaran agama Islam, maka ianya tidak akan diamalkan. Apabila Islam telah dijadikan sebagai salah satu daripada falsafah negara bererti keazaman dan kepercayaan itu telah wujud untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam menurut akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah mengikut Mazhab Syafi'e.

BERAJA

Istilah Beraja di sini merujuk kepada satu sistem pemerintahan. Ini menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam akan kekal sebagai sebuah kerajaan yang bersultan atau beraja yang wajib diterima dan ditaati. Beraja juga bermaksud bahawa raja adalah sebagai ketua negara. Raja juga adalah ketua bagi menjalankan pemerintahan yang terdiri daripada kanun, syarak, resam dan adat istiadat. Raja adalah sebagai payung bagi negara dan perpaduan bangsa, sesuai dengan ungkapan bahawa 'Raja adalah ibarat payung Allah di muka bumi'. Dengan itu, rajalah yang melindungi negaranya dari segala ancaman atau gejala yang tidak diingini. Raja juga adalah selaku pemimpin dan penaung kepada rakyat serta memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara. Hasil dari sistem Beraja ini, wujudlah hubungan dua hala antara raja dan rakyat iaitu 'Raja tak boleh zalim, rakyat tak boleh derhaka', 'Raja untuk rakyat dan rakyat untuk Raja'.

Dari definisi yang telah dihuraikan di atas, elok rasanya dibuktikan lagi akan kebenarannya. Jadi, untuk lebih mengukuhkan hujah di atas ingin saya mengimbas kembali apa yang telah tercatat di dalam Perlembagaan negara pada tahun 1959, iaitu menegaskan bahawa bahasa rasmi negara adalah Bahasa Melayu. Manakala agama rasmi negara adalah Ugama Islam Ahlussunnah Wal-Jamaah Mazhab Asy-Shafi'e. Sementara itu, ketua agama negara adalah Sultan dan kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam terletak di tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semua ini telah dipertegaskan lagi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam Titah Pemasyhuran Kemerdekaan Brunei pada tahun 1984.

NILAI-NILAI LUHUR DI DALAM M.I.B.

Sebenarnya banyak nilai-nilai luhur yang terkandung di dalam Falsafah Melayu Islam Beraja itu sama ada ianya dicerai-ceraikan mengikut komponen masing-masing atau sebaliknya. Tetapi apa yang penting ialah nilai-nilai luhur yang terkandung di dalam komponen M, I dan B itu sebenarnya saling berhubung kait antara satu sama lain dan Islam menjadi terasnya.

Secara ringkasnya, nilai-nilai luhur yang terkandung di dalam komponen Melayu itu ialah seperti berawar galat, taat kepada ibu bapa dan pemimpin, tolong-menolong, memuliakan tetamu dan sebagainya. Jika kita teliti nilai-nilai luhur yang terkandung di dalam komponen Melayu tersebut, jelas kepada kita bahawa ianya tidak bertentangan dengan ajaran agama Islam kerana dalam Islam sendiri ada menegaskan mengenai perkara itu, iaitu menghendaki kita supaya saling tolong-menolong, taat kepada ibu bapa dan sebagainya. Nilai-nilai luhur dalam komponen Islam ialah bertakwa kepada Allah dan Rasul-Nya, sabar, tolong-menolong, ikhlas dan sebagainya. Sementara itu, nilai-nilai luhur yang terkandung dalam Beraja pula ialah nilai taat dan patuh kepada pemimpin serta raja itu perlu bersifat adil.

Dari semua contoh mengenai nilai-nilai luhur yang terkandung di dalam komponen M.I.B. di atas ingin saya mengambil satu contoh nilai leluhur yang dapat merangkumi atau mewakili ketiga-tiga nilai leluhur tersebut iaitu 'sikap menghormati dan taat kepada ibu bapa'. Di dalam kebudayaan Melayu, sikap menghormati ibu bapa itu dilihat sebagai satu nilai yang murni. Dari segi pandangan Islam pula, menghormati ibu bapa itu adalah wajib. Manakala dalam Beraja pula, raja itu adalah ibu bapa kepada rakyat kerana rajalah yang melindungi rakyatnya dan raja itu adalah sebagai payung Allah di muka bumi.

Apabila ditinjau, perbezaan sikap menghormati ibu bapa pada masa dahulu dan sekarang amatlah berbeza. Buktinya pada masa dulu seorang anak tidak akan berani membantah kehendak ibu bapanya. Segala urusan akan dihadapkan kepada 'indung' (ibu bapa) terlebih dahulu untuk mendapatkan persetujuan. Jika indung tidak membenarkan maka anak tersebut akan akur tanpa bersikap kurang ajar. Tetapi, apa yang jelas pada zaman sekarang ialah sikap taat kepada ibu bapa semakin pudar (tidak semua). Contohnya, sekarang ini banyak terjadi jenayah sosial seperti lari dari rumah, dadah, kes-kes rogol, khalwat dan sebagainya. Ini membuktikan kepada kita bahawa sikap mentaati ibu bapa itu kurang dihayati oleh generasi sekarang. Ini juga bererti bahawa generasi sekarang kurang ambil peduli pentingnya Falsafah Melayu Islam Beraja.

KESIMPULAN

Seperti yang kita tahu, Falsafah M.I.B. itu sebagai amalan dan wawasan negara untuk masa depan negara di masa akan datang. Dari dua senario mengenai sikap taat dan hormat kepada ibu bapa yang disebut di atas, jelas kepada kita bahawa Falsafah Melayu Islam Beraja itu seperti tidak diendahkan lagi dan nilai-nilai luhur yang terkandung di dalam M.I.B juga sudah turun nilainya. Oleh itu, di sinilah peranan kita untuk menjadikan M.I.B sebagai satu realiti iaitu bukan hanya menjadi sebutan di mulut. Kita juga berperanan untuk menghidupkan kembali nilai-nilai leluhur yang terkandung di dalam M.I.B. supaya wawasan negara ini tidak akan tinggal sebagai satu falsafah sahaja tanpa dipraktikkan. Jika semua ini dapat dicapai, insya-Allah negara kita akan menjadi sebuah negara *Baldatun Taiebatun Warabbul Ghafur.*

MELAYU itu bermaksud bahawa Bahasa Melayu itu telah dijadikan sebagai bahasa rasmi di negara ini. Ini bermakna Bahasa Melayu itu bukan sahaja dijadikan bagai alat pertuturan, malah juga sebagai alat perpaduan dan identiti bangsa. Selain itu, Negara Brunei Darussalam juga adalah 'Negara Melayu' yang mengamalkan nilai tradisi atau kebudayaan Melayu dan mempunyai unsur-unsur kebaikan dan menguntungkan. Ini setentunya merangkumi nilai-nilai luhur dalam tradisi dan kebudayaan Melayu itu sendiri.

ANEKA

Sastera dan Budaya

سستراداں بودایا

KAEDAH SOKRATIK DALAM PENGAJARAN MIB

OLEH AWANGKU SUHARMAN PENGIRAN TUAH

KAEDAH sokratik merupakan satu kaedah yang sangat baik untuk dipraktikkan di dalam pengajaran dan pembelajaran Melayu Islam Beraja (MIB). Oleh yang demikian rencana ini akan menerangkan apa yang dimaksudkan kaedah sokratik dan tujuannya dalam pengajaran dan pembelajaran MIB.

DEFINISI DAN KONSEP

Kaedah sokratik juga dikenali sebagai kaedah penyoalan. Socrates, seorang ahli falsafah menjadikan kaedah penyoalan seperti dalam seni halus dan menggunakannya sebagai tangga ke atas yang membawa murid-muridnya mencapai pengetahuan yang lebih penuh dengan fahaman yang lebih mendalam.

Dalam Kamus Dewan (1970 : 10), pengajaran bermaksud perihal mengajar, segala sesuatu mengenai mengajar atau cara mengajar. Menurut Thomas Green mengenai konsep pengajaran dan pengertian-pengertian lain yang berhampiran dengan pengertian mengajar seperti berikut (Sharifah Alwiah Alsagoff, 1983 : 105):



Menurut Thomas Green lagi, tujuan mengajar ialah untuk menukar tingkah laku dan kelakuan dan juga untuk mendapatkan pengetahuan atau kepercayaan baru. Dalam pola ini, kita ketahui bahawa latihan ialah usaha untuk menukarkan tingkah laku. Manakala instruksi pula adalah bertujuan memperoleh pengetahuan dan kepercayaan. Kedua-kedua latihan dan memberi arahan mewakili mengajar kerana termasuk dalam kawasan yang dapat diterima oleh kecergasan akal. Sebaliknya, ugutan dan ancaman fizikal sudah terkeluar daripada lingkungan kawasan kecergasan akal. Maka ia tidak dapat dikira sebagai mewakili mengajar. Manakala di sebelah kanan rajah di atas pula ialah instruksi yang sememangnya mewakili mengajar. Begitu juga indoktrinasi, kerana kedua-dua ini termasuk dalam kawasan kecergasan akal, maka dengan itu tidak dapat dikira sebagai mewakili mengajar (Ibid, 1983 : 106).

Konsep pembelajaran pula ialah perubahan tingkah laku hasil daripada pengalaman. Pengalaman seseorang adalah hasil pengolahan pemikiran ke atas rangsangan-rangsangan yang diterima oleh pancainderanya. Bila rangsangan ini diterima oleh pancaindera seseorang, ia akan dibawa ke otak untuk diproses dan rangsangan yang bermakna kepada orang yang berkenaan akan disimpan di dalam ingatan sebagai pengalaman (Atan Long, 1980 : 58).

Rangsangan → Pemikiran → Perubahan tingkah laku

Rajah : Konsep Pembelajaran

Menurut Asmah binti Haji Ahmad (1989:12), pembelajaran merupakan perubahan tingkah laku kesan daripada pengalaman. Kanak-kanak yang baru lahir juga sudah tentu mempunyai sedikit pengalaman semasa berada di dalam kandungan ibunya. Rangsangan-rangsangan yang diterima melalui pancainderanya (deria) akan terus dibawa ke otak untuk diproses dan rangsangan yang memberi makna akan disimpan di dalam ingatan sebagai pengalaman. Deria yang mendapatkan pengalaman-pengalaman tersebut adalah seperti mata, telinga, hidung, lidah dan kulit.

TUJUAN KAEDAH SOKRATIK/PENYOALAN

Setiap kaedah yang dijalankan atau dilaksanakan di sekolah-sekolah mempunyai tujuan yang tersendiri bagi memajukan lagi perlaksanaan pengajaran. Begitu juga halnya deangan kaedah sokratik. Ini penting bagi seorang guru MIB mengetahui tujuan kaedah sokratik. Antara tujuan yang penting dalam kaedah sokratik ini adalah seperti berikut:

Bagi menguji pengetahuan yang telah lalu :

Ini adalah penting bagi seorang guru menguji sejauh mana tahap pengetahuan pelajar bagi pengajaran yang telah lalu. Dengan menggunakan kaedah sokratik, maka pelajar terus akan mengimbas kembali pengajaran yang diajarkan oleh guru MIB.

Bagi merangsangkan fikiran :

Dengan adanya kaedah sokratik, murid-murid akan dapat dirangsang pemikiran mereka agar tidak terlalu sempit dengan mengajukan soalan-soalan yang berbentuk terbuka.

Bagi menggerakkan murid :

Dalam hubungan ini soalan boleh digunakan untuk menarik dan mengekalkan minat murid apabila guru memperkenalkan sesuatu topik. Oleh yang demikian agar murid akan sentiasa tertumpu kepada topik yang diajarkan agar tidak ada yang berangan-angan.

Menilai penyampaian guru dari segi pemahaman murid :

Umpamanya dengan menggunakan kaedah sokratik, guru dapat menunjukkan unsur-unsur kelemahan jawapan murid-muridnya, sehingga mereka sendiri sedar akan kesilapan mereka dan akhirnya memberi satu jawapan yang tepat (Isahak Haron (Prof. Dr.) dan Koh Boh Boon (Prof. Madya Dr.), 1985 : 112).

Untuk mengulang kaji pelajaran lepas :

Ini dilakukan melalui sesi soal jawab di mana seluruh kelas terlibat (Ibid, 1985:113). Dengan adanya sesi soal jawab maka pelajar akan segera memikirkan pelajaran yang lepas dari soalan-saolan yang diajukan oleh guru dengan merujuk tajuk yang lepas. Ini merupakan satu kebaikan bagi murid supaya sentiasa mengingati pelajaran yang lepas.

Bagi mengekalkan perhatian murid :

Soalan, terutama sekali, kalau ditujukan tiba-tiba kepada murid yang nampaknya berkhayal, boleh menarik perhatian murid-murid. Contoh, "Ahmad, ulang apa yang dikatakan oleh cikgu tadi!" (Ibid, 1985 : 113).

Menambahkan interaksi antara guru/murid dan sesama murid :

Dengan interaksi seumpama ini, satu suasana pembelajaran yang baik dapat diwujudkan (Ibid, 1985 : 113). Interaksi ini akan dapat dikekalkan dengan suasana yang baik, di samping murid akan memberikan perhatian apa yang diajar.

Maka dari tujuan kaedah sokratik akan dapat menyatakan kepentingan bagi mengunakan kaedah ini terlebih lagi dalam pengajaran dan pembelajaran MIB.

Peringkat-peringkat Penyoalan :

Dalam pengajaran MIB, guru haruslah mengetahui peringkat-peringkat penyoalan. Ini adalah wajar kerana dengan adanya pengetahuan mengenai peringkat-peringkat penyoalan maka guru akan menggunakan soalan-soalan yang betul kepada murid yang betul.

Mengikut pendapat Bloom (1956) ilmu manusia hierarki iaitu berperingkat-peringkat. Dari tingkatan yang paling rendah semakin meningkat ke peringkat yang lebih tinggi. Peringkat ini bermula daripada (Atan Long, 1983:137) :

* Pengetahuan
* Pemahaman
* Penggunaan
* Penganalisaan
* Penggabungan
* Penilaian

Huraian Peringkat-peringkat Penyoal Dari Bawah Hingga Ke Atas

1. Pengetahuan

Dalam kategori ini, murid-murid diminta mengingat kembali maklumat, fakta-fakta, definisi yang mereka telah pelajari atau baca daripada sesuatu sumber (Isahak Haron (Prof. Dr.) dan Koh Boh Boon (Prof. Madya Dr.), 1985:115). Pengetahuan memerlukan murid mengenal atau mengingat maklumat seperti fakta (pengetahuan yang dihasilkan daripada pemerhatian terus), Definisi (huraian makna perkataan), Penyeluruhan (kenyataan yang menerangkan persamaan sifat-sifat di antara sekumpulan ide atau benda), Nilai (kenyataan tentang pertimbangan atau kualiti) dan kemahiran (Atan Long, 1983:138).

Contoh soalan :

"Siapakah Sultan Brunei yang pertama?"

"Namakan ibu negeri Brunei Darussalam?"

2. Pemahaman

Soalan kategori pemahaman bertujuan mengembangkan kemahiran penuntut menyatakan idea-idea utama dalam perkataan-perkataan mereka sendiri. Soalan jenis ini berkehendakkan gerak balas buah fikiran mengenai sesuatu ataupun melakukan perbandingan (Isahak Haron (Prof. Dr.) dan Koh Boh Boon (Prof. Madya Dr.), 1985:115).

Contoh Soalan :

"Apakah yang dimaksudkan dengan istilah kebudayaan dalam buku itu?"

3. Aplikasi

Dalam kategori ini, murid-murid dikehendaki menggunakan pengetahuan dan kefahaman mereka untuk menyelesaikan masalah-masalah dalam situasi-situasi baru (Ibid, 1985:115).

Contoh soalan : "Berdasarkan keterangan tadi, bagaimanakah pengaruh Barat boleh menjejaskan kehidupan masyarakat Brunei."

4. Penganalisaan

Berkehendakkan pelajar-pelajar mengasingkan idea-idea ke dalam komponen-komponennya dan menunjukkan bahawa mereka memahami hubungan antara bahagian-bahagian tersebut (Ibid, 1985 : 116). Soalan penganalisaan juga memelurkan penyelesaian sesuatu masalah berdasarkan pengetahuan-pengetahuan yang disedari di dalam proses pentakkulan. Dengan sebab itu ia perlu didahului oleh arahan yang menerangkan pentakkulan yang diperlukan seperti induksi, kepalsuan, deduksi dan semantik (Atan Long, 1983:140).

Contoh soalan : "Mengapa anda berpendapat falsafah MIB boleh mencerminkan masyarakat Brunei?"

5. Penggabungan/Sintesis

Dalam kumpulan ini, soalan berkehendakkan murid menggunakan imaginasi dan pemikirannya dengan, umpamanya, mencantumkan unsur-unsur yang terdapat pada sesuatu untuk menghasilkan sesuatu yang baru (Isahak Haron (Prof. Dr.) dan Koh Boh Boon (Prof. Madya Dr.), 1985:116).

Contoh soalan :

"Apakah langkah-langkah bagi mengurangkan perasaan perkauman?"

6. Penilaian

Apabila murid menjawab soalan yang berupa penilaian, ia dikehendaki melakukan pemilihan, diskriminasi, memberi rasional, menyatakan pendapatnya dengan alasan-alasan tertentu (Ibid, 1985:116).

Contoh soalan :

"Pada pendapat anda, apakah cara yang paling baik untuk mengasuh kanak-kanak dalam zaman moden ini?"

PENGGOLONGAN SOALAN MENGIKUT FUNGSI ASASNYA

Penggolongan soalan mengikut fungsi asasnya amat penting untuk diketahui oleh guru MIB bagi membolehkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih sempurna.

SOALAN KONVERGEN

Soalan konvergen ialah soalan yang dapat memusatkan arah ke satu jawapan yang betul. Contoh soalan seperti soalan yang meminta makna sesuatu konsep, penggunaan peraturan atau prinsip-prinsip untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau meminta maklumat sesuatu dengan cara ingatan kembali daripada murid (Sharifah Alwiah Alsagoff,1985:219).

Contoh soalan : "Apakah dia konsep MIB?"

SOALAN DIVERGEN

Digunakan untuk menguji kebolehan di peringkat yang lebih tinggi seperti sintesis dan penilaian. Soalan divergen memerlukan jawapan yang divergen daripada murid, iaitu jawapan murid akan berbeza. Dengan itu soalan divergen akan melahirkan pemikiran konkrit dan abstrak, di samping pemikiran yang bebas dan terbuka (Ibid, 1985:219).

Contoh soalan :

"Pada fikiran anda, apakah akan terjadi kepada dunia kita jika matahari tidak akan terbit lagi?"

SOALAN TERBUKA

Soalan terbuka biasanya tidak mempunyai jawapan yang tepat dan digunakan untuk membimbing murid berfikir dengan lebih mendalam dan meluas (Isahak Haron (Prof. Dr.) dan Koh Boh Boon (Prof. Madya Dr.), 1985:118).

"Umpamanya, apakah kemungkinan akan berlaku jika penerbangan biasa ke bulan dapat dibuat?"

TEKNIK YANG BETUL DALAM PENYOALAN

Di dalam teknik penyoalan yang betul seharusnya mempunyai teknik yang tertentu bagi membolehkan guru MIB memberikan soalan yang terbaik. Menurut Isahak Haron (Prof. Dr.) dan Koh Boh Boon (Prof. Madya Dr.), 1985:118-119), antara teknik penyoalan ialah seperti berikut :

* Soalan harus dikemukakan mengikut turutan yang membawa kepada perkembangan satu-satu idea yang hendak ditegaskan.

* Guru harus menyediakan soalan mengikut kebolehan dan pengetahuan murid.

* Sedapat-dapatnya soalan guru harus menggalakkan pemikiran murid.

* Sesi penyoalan harus dijalankan dalam suasana yang mesta, tak formal dan 'natural'. Ini akan mengurangkan ketegangan atau ketakutan di kalangan murid.

* Masa yang cukup hendaklah diberikan harus menggalakkan pemikiran murid. Dengan itu soalan yang membayangkan jawapan hendaklah dielakkan. Contoh, "Adakah kamu berpendapat bahawa sajak ini berkesan."

* Guru harus menanyakan sesuatu soalan kepada seluruh kelas dan tidak kepada murid-murid tertentu sahaja. Soalan guru hendaklah ditujukan kepada yang rela dan yang segan. Perhatian juga harus diberikan kepada murid-murid yang duduk di belakang (supaya mereka tidak berangan-angan).

* Sebagai perubahan teknik, guru boleh menyuruh murid menyoal guru atau pun menyoal antara satu sama lain.

* Guru tidak perlu mengulang soalannya kecuali kalau soalan itu panjang atau rumit.

KESIMPULAN

Kaedah sokratik merupakan satu kaedah yang penting dalam pengajaran. Kaedah ini memberikan kepentingan terhadap murid yang diajar seperti menguji pengetahuan dan kefahaman murid, memberikan maklum balas dari pengajaran yang diajar sama ada murid dapat memahami atau sebaliknya. Guru-guru haruslah mengetahui jenis penyoalan mengikut peringkat yang diterangkan agar guru akan menyoal dengan lebih bersistematik dan mengikut urutan peringkat murid yang disoal.

Menurut Ee Ah Meng (1989:335), kesan penyoalan ke atas pengajaran dan pembelajaran memboleh pelajar bertambah aktif, daya pemikiran akan dapat bertambah, membantu membuat ulang kaji, memberikan minat terhadap pelajaran dan membantu meneguhkan pembelajaran konsep-konsep yang baru dipelajari.

TAFSIRAN TITAH PEMASHYURAN KEMERDEKAAN

Melayu Islam Beraja

Siri Pertama

Oleh
Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Pengetua Pusat Sejarah

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984: "... Negara Brunei kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Ugama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta." [1] Daripada petikan titah ini dapat ditafsirkan antara lain seperti berikut:

1. Negara Brunei Darussalam yang dihasratkan dengan izin Allah selama-lamanya kekal menjadi negara Melayu Islam Beraja itu hendaklah diusahakan kesempurnaannya, dipelihara kemakmurannya dijaga keselamatan dan ketenteramannya dan dikaji sesuatu sebab yang boleh menjadikan kemajuan atau kemundurannya supaya dapat diketahui dan difahami bagaimana hendak membangunkannya, serta dapat dijadikan sukat-sukat untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang boleh mengganggu keselamatan kemerdekaan itu.

2. Lazimnya negara yang merdeka itu bukan terus-menerus kekal melainkan tertakluk kepada keadaan persaingan yang dihadapinya, maka dengan sebab itulah usaha untuk memeliharanya sangat diperlukan bagi mengatasi masalah yang ditempuh supaya kemerdekaan itu selamat dan sesuatu perancangan yang akan dijalankan tidak terganggu; tetapi jika dibiarkan sahaja tanpa diusahakan pemeliharaannya, besar kemungkinan bukan saja kemerdekaan itu akan menurun tetapi boleh jadi akan hilang langsung.

3. Perlu difahamkan juga bahawa tabiat manusia hidup di dunia ini sentiasa hendak mementingkan dirinya sendiri, keluarganya sendiri, bangsanya sendiri dan negaranya sendiri manakala orang lain dan negara lain seberapa boleh akan dikalahkan supaya diri sendiri lebih berkuasa maka oleh yang demikian inilah bagi Negara Brunei dan rakyatnya perlu sedar dan insaf, tidak boleh berdiam diri atau hanya menikmati kekayaan yang telah didapati daripada penghasilan minyak dan gas sahaja melainkan berusaha terus untuk memelihara kemerdekaan itu.

4. Usaha yang dimaksud bukan hanya mengukuhkan kedudukan kestabilan kewangan yang diharapkan menjadi pembiayaan bangsa dan negara serta melengkapkan rakyat Brunei dengan ilmu pengetahuan termasuk teknologi yang canggih tetapi juga perlu berusaha untuk mengelakkan tindak-tanduk bangsa dan negara lain terhadap Negara Brunei Darussalam supaya terhindar daripada bahaya yang akan menggugat dan usaha yang akan dijalankan itu termasuk berbaik-baik dengan negara-negara jiran dan negara lain supaya Negara Brunei Darussalam selamat.

5. Demokrasi yang bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dalam titah itu bermaksud bahawa sesuatu dasar demokrasi yang hendak diikut dalam menjalankan sesuatu perkara perlu dirujuk kepada hukum Islam terlebih dahulu supaya maksud itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai misalnya jika menurut dasar demokrasi, sesuatu dasar yang hendak dijalankan perlu dibawa ke dalam permesyuaratan untuk dibahaskan sama ada bersesuaian perkara yang hendak dijalankan itu dengan maksud demokrasi yang berasaskan konsep 'By the people, for the people, to the people' atau sebaliknya.

6. Sesuatu perkara yang telah diputuskan dalam permesyuaratan itu memang bersesuaian dengan hukum Islam kerana bermesyuarat itu adalah suatu perkara yang dikehendaki oleh ajaran Islam seperti yang tersebut dalam Al-Quran Surah Ali-'Imran, ayat 159 tafsirannya: [2]

"Bermesyuaratlah kamu bagi sesuatu perkara yang hendak dijalankan dan apabila telah mendapatkan keputusan maka jalankanlah ia dengan bertawakkal kepada Allah Subhanahu Wataala."

Tetapi jikalau keputusan perkara yang dimesyuaratkan itu bercanggah dengan hukum syarak, misalnya oleh kerana ekonomi negara tidak kukuh untuk mengurangkan aliran wang ke luar negeri, majlis mesyuarat telah memutuskan semua orang Islam tidak boleh naik haji maka keputusan yang sedemikian itu tidak boleh diikut.

7. Keseluruhan titah itu bermaksud bahawa segala apa-apa jua yang hendak dijalankan perlulah menuju kepada maksud pencapaian dasar yang akan menjadikan Negara Brunei Darussalam ini negara Melayu Islam Beraja sejati dan keseluruhan rakyatnya hendaklah bersungguh-sungguh berusaha untuk menjayakan maksud titah itu untuk mendapatkan nikmat penghasilan daripada kemerdekaan itu.

MELAKSANAKAN TITAH PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

1. Orang yang bertanggungjawab menyempurnakan maksud titah itu ialah keseluruhan rakyat Brunei yang terdiri puak Brunei, Kedayan, Dusun, Bisaya, Murut, Belait atau Tutong dan orang yang telah menjadi rakyat secara penaungan menurut Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961 [3] terutama Menteri-menteri, Setiausaha Tetap, Ketua Jabatan, keseluruhan pegawai-pegawai kerajaan, pihak swasta dan orang ramai mengikut kedudukan dan pekerjaan masing-masing.

2. Untuk mencapai kesempurnaan maksud titah yang disebutkan pihak yang dipertanggungjawabkan perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan seluas-luasnya mengikut kemampuan masing-masing seberapa yang terdaya terutama yang bersangkutan dengan sesuatu kerja yang akan dipertanggungjawabkan kepadanya atau perusahaan yang akan dijalankannya dan ilmu pengetahuan itu perlu disertai dengan semangat kebangsaan mengikut calak Brunei yang berteraskan keislaman serta mempunyai kemahuan bekerja dengan gigih dan jujur sehingga tercapai hasrat yang dimaksudkan oleh titah yang disebutkan dan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang ditempuh.

3. Dalam melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh sesuatu pekerjaan dan perusahaan itu rakyat Brunei diberi peluang yang seluas-luasnya untuk medapatkan ilmu pengetahuan dengan matlamat untuk membolehkan mereka bekerja di mana-mana perusahaan, umpamanya bekerja di sektor swasta seperti Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad dan sebagainya atau di korporat yang ditubuhkan untuk menjadi peluang pekerjaan kepada rakyat Brunei atau digalakkan mereka menjalankan perusahaan sendiri dengan diberi pimpinan dan bantuan kewangan sebagai modal yang berpatutan bagi membolehkan sesuatu perusahaan yang mereka jalankan itu berjaya.

4. Untuk menguatkan fahaman terhadap maksud ini boleh dirujuk kepada sabda Al-Marhum Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien seperti berikut: *"Bukanlah Beta hendak bertiada terhadap keadaan negara kita yang sudah ramai mempunyai orang Brunei yang pandai-pandai kerana kepandaian mereka itu telah dibuktikan oleh tulisan di dalam Sijil atau Ijazah mereka tetapi kepandaian itu tidak memadai tanpa kebijaksanaan dan kejujuran lebih-lebih lagi kalau hasil daripada usaha yang telah dijalankan oleh seseorang itu belum nampak, kerana sesuatu penilaian terhadap kebolehan atau kecepakan yang dikehendaki bagi seseorang yang berkelulusan itu bukan sahaja dikira daripada bilangan ramai tubuhnya atau bilangan banyak kepingan-kepingan Sijil atau Ijazahnya, tetapi yang lebih penting berapa banyak sudah jasa-jasa yang telah dihasilkannya yang mendatangkan faedah kepada bangsa dan negara. Sebab itu kata orang tua-tua ilmu sedikit yang diamalkan itu lebih berfaedah daripada ilmu yang banyak yang hanya diambau-ambaukan, apatah lagi kalau ilmu itu semata untuk kepentingan diri sendiri tanpa disertai dengan kejujuran yang semata-mata kerana Allah sudah tentu ilmu yang sedemikian tidak mendatangkan manfaat kepada bangsa dan negara. Allah tidak mungkir kepada janji-Nya melainkan hamba-Nya juga yang menukar nasibnya."*

5. Berilmu pengetahuan yang disebutkan sahaja tidak mencukupi, melainkan penempatan orang yang akan ditugaskan menjalankan sesuatu pekerjaan itu disesuaikan ilmu pengetahuannya supaya ilmu pengetahuannya itu dapat dimanfaatkan dan penghasilan yang dihasratkan dapat dicapai lebih sempurna seperti yang telah disabdakan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, mafhumnya: *"Jika sesuatu pekerjaan ditugaskan kepada yang bukan ahlinya maka tunggulah kebinasaannya."*

6. Oleh kerana lapangan pekerjaan yang hendak dijalankan itu berbagai-bagai maka bidang pekerjaan yang hendak dilaksanakan itu perlu ditentukan banyaknya serta ditentukan juga jumlah rakyat Brunei yang hendak diaturkan untuk melaksanakannya dan apa keperluan pengetahuan yang dikehandaki oleh sesuatu pekerjaan atau perusahaan itu yang bersesuaian dengannya dapat disempurnakan.

7. Penyusunan pekerjaan untuk mencapai maksud ini memerlukan pemimpin yang bijak dan mahir dalam pengurusan untuk menentukan banyak orang yang diperlukan oleh tiap-tiap jenis bidang pekerjaan itu untuk disesuaikan dengan perancangan yang dimaksud dan ilmu pengetahuan yang dikehendaki oleh tiap-tiap orang yang ditugaskan menjalankan pekerjaan itu mengikut jenis perancangan yang akan dijalankan supaya usaha yang diadakan itu dapat dipenuhi oleh semua rakyat Brunei.

8. Untuk menjimatkan perbelanjaan dan meninggikan mutu pentadbiran, seberapa boleh jumlah pegawai kerajaan dihadkan bilanganannya kepada had minima yang dikehendaki menurut keperluan secara terperinci, tetapi mengutamakan kebijaksanaan dan kebolehan melaksanakan sesuatu tugas dengan efisien supaya mutu pentadbiran dapat ditinggikan ke tahap yang sesuai dengan maksud melayakkan pegawai itu dengan taraf pengetahuan yang dikehendaki kepadanya. Dengan ini juga dapat meninggikan taraf hidup pegawai yang berkenaan sesuai dengan kedudukannya sebagai pegawai kerajaan.

9. Tidak dapat dinafikan bahawa menyerahkan kepimpinan kepada rakyat Brunei yang belum berpengalaman dan baru sahaja hendak menghadapi persaingan di arena antarabangsa memang sukar untuk dilaksanakan kerana rakyat Brunei belum terdedah kepada masalah tersebut tetapi kesukaran dan masalah yang menyebabkan kegagalan inilah yang menjadi tanggungjawab kepada kementerian dan jabatan berkenaan.

10. Sesuatu kegagalan yang menimpa bukanlah disifatkan ketetapan mutlak tamad atau diambil kesimpulan bahawa rakyat Brunei memang tidak boleh langsung membuat sesuatu usaha yang seperti itu, mereka hendaklah diberi pimpinan untuk menyelesaikan bagi masalah mereka, selagi pengusaha pengusaha rakyat Brunei itu belum dapat menyaingi pengusaha lain, pimpinan terhadap mereka perlu diteruskan sehingga tercapai perkara yang dihasratkan.

11. Pemedulian terhadap rakyat Brunei dan perancangan kemajuan terhadap mereka yang selalu dititahkan adalah satu daripada tugas pemimpin yang perlu disempurnakan dan menjadi tanggungjawab untuk mencari jalan penyelesaiannya sehingga hasrat yang dimaksud tercapai kejayaannya. Sebagai misal yang tidak tahu diberitahu, yang kurang ilmu disuruh belajar, yang melanggar peraturan dibetulkan, yang malas disuruh rajin dan yang tidak bermodal diusahakan cara mendapat modal.

12. Untuk menyempurnakan maksud hendak menjadikan negara Melayu Islam Beraja yang dihasratkan, rakyat Brunei yang dihasratkan menjalankan sesuatu urusan kerja itu perlu digalakkan mempelajari ajaran Islam terutama yang bersangkut paut dengan kerja yang dijalankannya itu supaya perjalanan pekerjaan yang dibuatnya itu sesuai dengan maksud ajaran Islam. Peribadi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dapat dijadikan sebagai contoh seperti yang tersebut dalam Al-Quran Surah Al-Ahzab ayat 21 iaitu: *"Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagi kamu."*

BERSAMBUNG

KESELURUHAN titah itu bermaksud bahawa segala apa-apa jua yang hendak dijalankan perlulah menuju kepada maksud pencapaian dasar yang akan menjadikan Negara Brunei Darussalam ini negara Melayu Islam Beraja sejati dan keseluruhan rakyatnya hendaklah bersungguh-sungguh berusaha untuk menjayakan maksud titah itu untuk mendapatkan nikmat penghasilan daripada kemerdekaan itu.

[1] Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, *Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19*, Bandar Seri Begawan, 2003 h.11.

[2] Kata 'demokrasi' atau *democracy* berasal dari bahasa Greek iaitu *demos* yang bermaksud *people* atau 'rakyat' dan kratos yang bermaksud *rule* atau 'perintah' atau 'pemerintahan' (lihat: University of Chicago, *The New Encyclopedia Britannica*, Vol. 4, Chicago. 1974, h.5). Ini bermakna konsep 'demokrasi' itu mempunyai perkaitan dengan 'pemerintahan oleh rakyat, untuk rakyat dan kepada rakyat'.

[3] *Arkitek Brunei Moden:* Bandar Seri Begawan, 1989 (tidak kulit).

Melayu Islam Beraja

Oleh
Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Pengetua Pusat Sejarah

SIRI KEDUA

PERLAKSANAAN MEMBENTUK NEGARA DIHASRATKAN

1. SEBERAPA boleh Negara Brunei Darussalam ini hendak dijadikan negara yang seindah-indahnya, cukup lengkap dengan kemudahan keperluan asasnya seperti jalan raya, air, elektrik, telefon, sekolah-sekolah, universiti, rumah sakit, masjid-masjid, bangunan yang diperlukan, lengkap dengan gambaran kesenian, kebudayaan dan adat istiadatnya termasuk penggunaan bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasminya tersusun rapi dan berfungsi menjadi penyambung lidah bangsa dan negara, manakala sesuatu yang dibuat atau dilakukan di dalamnya merupakan gambaran ciri-ciri Melayu Islam Beraja.

2. Rakyatnya pula sentiasa sihat walafiat, hidup di dalam aman sentosa dan kemakmuran bertambah-tambah, masing-masing dengan tugas dan pekerjaannya yang dijalankan dengan bersungguh-sungguh sehingga menjadikan Negara Brunei Darussalam yang diselenggarakan oleh rakyatnya yang sentiasa hidup di dalam keadaan 'happy, wealthy and wise' yang diredai Allah seperti yang tersebut dalam Al-Quran Surah Saba' ayat 15: *"Baldatun taiibatun wa rabbun ghafur"* yakni negara indah dan mendapat pengampunan daripada Allah.

3. Maka untuk mencapai perkara yang disebutkan, apa jua usaha yang dijalankan oleh rakyat Brunei itu digalakkan supaya mereka mengerjakannya dengan bersungguh-sungguh seperti yang telah disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis Baginda: *"Bekerjalah bersungguh-sungguh untuk duniamu seolah-olah engkau hidup di dunia ini selama-lamanya dan beribadatlah untuk akhiratmu seolah-oleh engkau akan mati pada esoknya"*.[1]

4. Untuk menyempurnakan maksud yang disebutkan menjadi tanggungjawab kepada kementerian dan jabatan kerajaan yang berkenaan untuk mengadakan perancangan kemajuan yang bersesuaian dengan tanggungjawab kementerian dan jabatan masing-masing dan untuk mencapai kesempurnaan maksud rancangan kemajuan itu rakyat Brunei sendiri seberapa boleh digalakkan mengambil bahagian dalam melaksanakan usaha-usaha yang hendak dijalankan dan menyempurnakan usaha itu dengan bersungguh-sungguh sehingga tercapai kejayaan itu dengan sepenuhnya.

5. Memandang kepada pentingnya kesempurnaan sesuatu kemajuan yang hendak dirancang itu tertakluk kepada pendidikan ilmu pengetahuan yang bernilai bagi rakyat Brunei yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikannya, ada peruntukan wang yang mencukupi untuk membiayainya dan kecanggihan teknologi yang diperoleh, maka ketiga-tiga perkara ini perlu didapatkan supaya kemajuan yang dihasratkan dapat dicapai kejayaannya.

6. Sesuatu usaha yang dihasratkan itu seberapa boleh diambil perhatian berat seperti yang selalu dititahkan dan ditetapkan jangka masa yang dijadualkan untuk menyempurnakannya supaya dapat dilihat perjalanan pencapaian kemajuan itu. Selagi perkara yang dihasratkan oleh titah itu belum tercapai maka selagi itulah usaha untuk maksud itu perlu dijalankan dengan sedaya upaya yang boleh.

7. Sesuatu rancangan kemajuan yang dijalankan oleh kerajaan atau syarikat-syarikat yang besar seperti Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad seberapa boleh peluang pekerjaan untuk maksud itu diberikan kepada rakyat Brunei dan termasuk menjadikan pemborong kepada sesuatu projek untuk menjadi sumber pendapatan mereka. Pimpinan yang berhubung kait dengan sesuatu usaha itu perlu diberikan kepada mereka terutama mengenai syarat-syarat keperluan yang dikehendaki oleh sesuatu usaha itu, sehingga mereka dapat menjalankan kerja itu dengan sempurna dan masalah yang dihadapi dapat diatasi.

8. Untuk membolehkan keseluruhan pekerjaan dan pengurusannya dapat dijalankan oleh rakyat Brunei sendiri, mereka yang mempunyai bakat dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan perlu digalakkan untuk meninggikan ilmu pengetahuan mereka sehingga ke tahap kepakaran, terutamanya kepakaran yang diperlukan oleh sesuatu rancangan yang diperlukan supaya sesuatu perusahaan itu dapat dilaksanakan oleh rakyat Brunei sendiri tanpa memerlukan kepakaran daripada luar atau dengan kata lain rancangan ini dapat menjimatkan perbelanjaan dalam jangka masa yang panjang.

PEMBANGUNAN EKONOMI

1. Memandang kepada kewangan itu umpama nyawa kepada negara maka kestabilan ekonomi negara sangat perlu diusahakan penyusunannya dengan betul supaya penghasilannya stabil dan dapat membiayai keperluan perkembangan pentadbiran dan kemajuan bangsa dan negara untuk selama-lamanya. Sebab itu mereka yang ditugaskan untuk menyelenggarakannya hendaklah dipilih daripada kalangan rakyat Brunei yang berpengetahuan di bidang ekonomi yang bersifat jujur serta beriman supaya sumber kewangan yang dimaksud akan diperolehi sebanyak-banyaknya, dan dapat membiayai keperluan bangsa dan negara untuk selama-lamanya.

2. Pemilihan terhadap pegawai yang dimaksudkan di atas adalah bersesuaian dengan maksud Al-Quran, Surah Al-Mujaadilah, ayat 11 yang tafsirannya:

"Allah mengangkat darjat orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan."

3. Penilaian terhadap pegawai-pegawai yang dikehendaki menjalankan sesuatu rancangan atau ditugaskan untuk mendapatkan sumber kewangan itu hendaklah dipilih dengan teliti supaya mereka benar-benar layak; bukanlah diteliti daripada laporannya secara sepintas lalu tetapi yang lebih penting ianya dilihat daripada hasil yang pernah didapatinya daripada usaha yang telah dijalankannya pada masa lalu atau dilihat daripada perbandingan statistik yang menentukan hasil kerja yang dijalankannya ternyata berjaya dan menguntungkan.

4. Dalam melantik jawatan yang terpenting seperti ketua dalam hal mengusahakan sumber kewangan ini perlu dielakkan daripada melantik orang kafir kerana perkara ini telah nyata ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah An-Nisaa', ayat 144 yang tafsiranya:

"Hai orang beriman, janganlah kamu melantik orang kafir menjadi ketua atau pelindung atau pemimpin kepada orang-orang beriman (dalam menjalankan sesuatu dasar)."

5. Keadaan dunia sedang menghadapi persaingan ekonomi yang hebat, masing-masing hendak menghidupkan bangsa dan negaranya sendiri, maka hakikat ini perlu disedari dan diambil langkah sewajarnya untuk mengikuti langkah-langkah mereka itu dengan menyusun rancangan perekonomian yang bersistem yang dilengkapi dengan pakar-pakar ekonomi yang terdiri daripada rakyat Brunei sendiri yang akan jadi pemikir bagaimana hendak menghidupkan dan memajukan ekonomi Brunei, serta tahu bagaimana hendak mengatasi masalah-masalah yang telah dan akan menimpa ekonomi Brunei, termasuk pengurusan pemasaran minyak tanpa menggunakan orang tengah.

6. Cara mentadbir kewangan perlu dikaji dan diteliti dengan sedalam-dalamnya untuk menentukan perbelanjaan yang patut sama ada sesuatu harga yang ditawarkan itu bersesuaian dengan harga yang sebenarnya. Jangan sampai terjadi perlaksanaannya itu dikatakan seperti bidalan Inggeris 'penny wise pound foolish'.

7. Walaupun sumber kewangan yang sebanyak-banyaknya hendak diperlukan tetapi cara mengenakan cukai kepada orang ramai perlu juga dikaji dan ditimbang seluas-luasnya dalam menentukan keputusan yang hendak dibuat supaya tidak mendatangkan kesan buruk atau jahat sangka terhadap kerajaan atau dengan kata yang lain maksud itu hendaklah diseimbangkan pendapatan yang dihasilkan pengusaha dengan cukai yang hendak dibayar.

8. Oleh kerana perlaksanaan penyelenggaraan kestabilan kewangan terlalu berat, maka ahli ekonomi yang ditugaskan untuk menyempurnakan tugas yang dibebankan itu perlu dikhaskan untuk menjalankan tugas yang ditentukan sahaja tanpa menyandang tugas yang lain supaya khidmat mereka itu dapat berjalan dengan licin dan teratur, dan juga segala pemikiran untuk melaksanakan sesuatu usaha itu tertumpu kepada maksud itu sahaja supaya masalah yang dihadapi lebih mudah diselesaikan.

9. Sumber-sumber penghasilan yang ada sekarang perlu diusahakan dengan lebih meluas lagi umpamanya penapisan minyak yang ada sekarang hendaklah semuanya dijalankan di Brunei ini supaya dapat menambahkan peluang pekerjaan kepada rakyat Brunei dan juga perusahaan ini dapat dipelbagaikan dengan mengadakan usaha-usaha sampingan yang lain yang disebut 'value-added' (nilai tambah) seperti sisa-sisa minyak itu dijadikan plastik, baja, aspal dan lain-lain, sekurang-kurangnya dapat menampung kepada sesuatu yang diperlukan dalam negeri dan dapat mengelakkan pengaliran wang ke luar negeri.

10. Memandang kepada keadaan Brunei sekarang belum berupaya mengadakan perusahaan barangan yang boleh menyaingi pasaran dunia untuk mendapatkan sumber kewangan dari luar, maka perlu diadakan sesuatu perusahaan yang boleh menampung keperluan dalam negeri termasuk mengadakan beberapa perusahaan kecil-kecilan supaya kemasukan barangan dari luar dapat dikurangkan dan pengaliran wang negara dapat dibendung. Di samping itu perlu juga dipelajari selok-belok penghasilan barangan yang sesuai untuk dipasarkan ke luar negeri supaya barangan yang hendak dijual ke luar negeri dapat diusahakan pada masa akan datang.

BERSAMBUNG

MEMANDANG kepada pentingnya kesempurnaan sesuatu kemajuan yang hendak dirancang itu tertakluk kepada pendidikan ilmu pengetahuan yang bernilai bagi rakyat Brunei yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikannya, ada peruntukan wang yang mencukupi untuk membiayainya dan kecanggihan teknologi yang diperoleh, maka ketiga-tiga perkara ini perlu didapatkan supaya kemajuan yang dihasratkan dapat dicapai kejayaannya.





GAMBAR HIASAN ... Rakyat di Negara Brunei Darussalam sentiasa hidup di dalam keadaan sihat, gembira dan aman sentosa, lebih-lebih lagi dengan pemedulian dari kerajaan melalui Kementerian Kesihatan.

[1] Al-Baani, *Silsilatil Ad-Daif Wal-Mandhuah : Maklah Al-Maarif Ridly*, Jilid Pertama, 1412 (1992), halaman 63.

Melayu Islam Beraja

SIRI KETIGA

Oleh
Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar, Pengetua Pusat Sejarah

PENGAJARAN ISLAM

1. UNTUK mencapai maksud hendak menjadikan Brunei ini negara Islam, ajaran Islam yang telah diperintahkan oleh Allah Subhanahu Waatala melalui Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam wajib diketahui dan diamalkan oleh orang Islam mengikut setakat kemampuan masing-masing, sekurang-kurangnya mengetahui dan memahamkan perkara yang diwajibkan iaitu ilmu fiqeh sehingga dapat menentukan setiap apa yang dilakukan itu diketahui hukumnya sama ada wajib atau haram atau makruh atau sunat atau harus (mubah), dan juga sesuatu yang dibuat itu diketahui sah batalnya; bagi ilmu tauhid pula sehingga dapat mengetahui sah batal iktikadnya; dan bagi ilmu tasawuf sehingga mengetahui sesuatu hukum menyelami perasaan hati sama ada perasaan diri itu diredai Allah atau tidak sehingga terbentuk jiwa kehambaan yang sebati dengan amal ibadat.

2. Al-Quran kitab suci yang disampaikan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mestilah dijadikan panduan utama dan menjadi rujukan untuk mendapatkan sesuatu kepastian. Perlu difahamkan bahawa isinya sekali-kali tidak mngandungi keraguan dan di dalamnya mengandungi hidayat yang tidak akan dapat dicapai oleh sebarang pembacanya melainkan orang yang beriman dan bertaqwa seperti yang telah disebutkan dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat 2, tafsirannya:

"Kitab Al-Quran itu tidak ada keraguan di dalamnya, menjadi petunjuk bagi orang-orang yang taqwa."

Maka keseluruhan Al-Quran itu wajib kita percaya. Untuk mengetahui isinya dan memahamkan pengajaran dan hukum-hukum yang terkandung di dalamnya maka orang Islam digalakkan membacanya, manakala mentafsirkan maksudnya tidak boleh dilakukan selarah-larahnya melainkan bersandar kepada Al-Quran juga atau dirujuk kepada Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sifat orang-orang yang bertaqwa yang berkelayakan untuk mendapat hidayat itu telah disebutkan dalam Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 3-4, tafsiranya:

"Mereka yang beriman kepada yang ghaib, mendirikan salat dan memanfaatkan sebahagian daripada rezeki yang telah Kami kurniakan kepada mereka itu. Dan mereka yang beriman kepada apa yang telah diturunkan (Al-Quran) kepadamu (Muhammad) dan apa yang telah diturunkan sebelummu serta mereka yakin akan adanya Akhirat."

Perkara ghaib yang dimaksudkan beriman kepadanya, perkara yang tidak nampak dilihat dengan penglihatan seperti adanya Allah Subhanahu Wataala, Malaikat dan Nabi-Nabi yang terdahulu dan Hari Akhirat yang belum berlaku, tetapi tetap akan terjadi; orang yang mendirikan sembah-yang yang disebutkan itu ialah mereka yang terus-menerus mengerjakan sembah-yang, manakala orang yang memanfaatkan rezeki yang dikurniakan Tuhan kepadanya orang yang menafkahkan sebahagian daripada rezekinya kepada orang lain dengan tulus ikhlas, maka orang-orang yang tidak terkandung dalam kategori ini walaupun Al-Quran itu dibacanya berkali-kali, mereka tidak akan dapat petunjuk daripada Al-Quran yang dibacanya itu.

Orang yang beriman itu ialah orang yang percaya kepada perkara-perkara seperti berikut:

Adanya Allah yang menjadikan segala apa juga yang ada di alam ini dan yang mempunyai kuasa tanpa batasan; adanya Malaikat, Kitab-kitab yang diturunkan kepada Nabi-nabi itu daripada Allah seperti Zabur, Taurat, Injil dan Al-Quran adalah benar, Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul yang diutus oleh Allah untuk menyampaikan ajaran-ajaran yang ditentukan oleh Allah Subhanahu Wataala itu adalah benar, apa-apa yang terjadi kepada manusia sama ada mendapat kebahagiaan dan kesusahan atau apa jua adalah semata-mata datangnya daripada Allah Subanahu Wataala dan percaya kepada Hari Kiamat.

3. Sukat-sukat pandangan Allah terhadap manusia adalah diperhatikan daripada taqwanya seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah Al-hujuraat, ayat 13, tafsirnya:

"Sesungguhnya semuliamulia kamu di sisi Allah ialah kelebihan taqwa kamu."

Maka dengan itu mereka dikehendaki berlumba-lumba menambahkan ketaqwaan mereka dengan berpandukan syarat-syarat yang disebutkan orang yang dikategorikan bertaqwa itu.

4. Perlu difahamkan bahawa Allah menjadikan jin dan manusia di dunia ini semata-mata untuk beribadat kepada-Nya seperti maksud yang disebutkan dalam Al-Quran, Surah Adz-Zariat, ayat 56, tafsiranya:

"Tiada Aku jadikan jin dan manusia ini melainkan untuk beribadat kepada-Ku."

Maksud ayat yang disebutkan iaitu semasa hidup di dunia ini jin dan manusia hendaklah beribadat dan bertaqwa kepada Allah sebanyak-banyaknya untuk mendapatkan keredaan Allah, maka dengan sebab itu seberapa boleh keseluruhan umur manusia itu perlu diisi dengan ibadat dan bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wataala. Untuk menyempurnakan maksud tersebut manusia perlu mempelajari cara-cara beribadat itu supaya ibadat itu diterima dan diredai Allah.

5. Antara lain cara mengisi umur dengan beribadat kepada Allah Subhanahu Wataala itu telah disebutkan juga dalam Al-Quran, Surah Al-Qashas, ayat 77, tafsirnya:

"Dan dapatkanlah perkara-perkara yang dimaksud oleh Allah Subhanahu Wataala untuk mencapai kebahagiaan di akhirat tetapi jangan lupa nasib kamu di dunia, dan berbuat baiklah kepada orang lain sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu dan janganlah membuat kerosakan di bumi ini. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berbuat demikian."

6. Maksud ayat tersebut, perkara yang utama dilakukan oleh manusia semasa hidup di dunia ini seberapa boleh umurnya diisi dengan amal ibadat terutama yang diwajibkan seperti amalan fardu ain, manakala fardu kifayah akan dijalankan sebeapa banyak yang boleh juga untuk dijadikan ibadat menjadi bekal persediaan ke akhirat bagi mendapatkan keredaan Allah supaya di akhirat nanti orang yang disebutkan akan termasuk dalam kategori orang yang diredai Allah seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah Al-Fajr, ayat 21-30 yang tafsirnya:

"Hai orang-orang yang berjiwa tenang pulanglah kepada Tuhanmu yang reda kepada orang yang diredai-Nya dan masuklah ke dalam kumpulan hamba-Ku itu dan masuklah dalam Syurga-Ku."

7. Di samping mendapatkan bekal kesenangan di akhirat dikehendaki juga jin dan manusia jangan melupakan nasibnya di dunia ini kerana syarat manusia hidup di dunia ini telah ditentukan, antara lain manusia memerlukan makan, minum, tempat tinggal, berehat, kesenangan, berbangsa dan bernegara. Oleh kerana pencapaian bagi perkara tersebut memerlukan pemeliharaan dan penjagaan supaya semuanya dapat meneruskan hidup dalam selamat, maka untuk menjayakan maksud inilah manusia hendaklah mendapatkan sesuatu yang boleh menyempurnakan syarat bagi memenuhi keperluan kehidupan itu seumpama seperti wang dan untuk mendapatkannya yang lebih berkesan adalah berpunca daripada ilmu pengetahuan. Mendapatkan ilmu pengetahuan itu memang digalakkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seperti sabda Baginda mafhumnya: *"Tuntutlah ilmu itu walau ke Negeri China."*

8. Lazimnya manusia yang telah berjaya mencapai kesenangan tidak lagi mengambil berat untuk menolong orang lain. Dari itu Allah mengingatkan juga supaya jangan lupa membuat kebajikan kepada orang lain (amal salih) sebagaimana Allah Subhanahu Wataala telah memberi kesenangan kepada diri orang itu sendiri. Nabi Muhammad juga telah menegaskan hal ini dengan bersabda yang mafhumnya: *"Tidak sempurna iman seseorang itu jika dia tidak kasih kepada saudaranya (orang Islam) sama seperti kasih kepada dirinya sendiri."* Kemudian manusia dilarang juga membuat kerosakan di bumi ini kerana tabiat manusia apabila merasakan dirinya senang suka pula merosak orang lain.

9. Sesuatu ibadat itu tidak dapat dijalankan dengan cukup sempurna jika tidak diketahui selok-belok ilmu pengetahuan yang berhubung kait denganya. Dengan sebab itu juga tiap-tiap rakyat Brunei dikehendaki mempelajari ilmu pengetahuan Islam supaya dapat memahamkan dan melaksanakan sendiri maksud ajaran Islam itu sebagaimana yang telah dihukumkan. Memandangkan kepada ilmu pengetahuan itu terlalu banyak dan tidak dapat dipelajari semuanya, maka adalah tertakluk kepada kemampuan seseorang itu iaitu sekurang-kurangnya bagi amalan Fardu Ain setakat yang diwajibkan, manakala Fardu Kifayah tertakluk kepada jurusan-jurusan yang dikehendaki oleh pekerjaan-pekerjaan yang hendak dilaksanakan.

10. Perbandingan hidup di dunia dan di akhirat.

a. Menurut Islam kesenangan hidup di dunia ini adalah sementara dan memperdayakan kerana apabila sampai masanya manusia akan menemui ajalnya dan tinggallah kesenangan itu di dunia melainkan amal ibadat sahaja yang akan dibawa bersama. Perkara ini telah disebutkan dalam Al-Quran, Surah Al-Hadiid, ayat 20 tafsirannya: *"Dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang yang terpedaya."* Jangka waktu manusia hidup di dunia ini paling lama ialah 100 tahun; itu pun jarang orang yang dapat mencapainya. Dalam Surah Al-Alaa, ayat 17 yang tafsirnya: '*Dan kehidupan di akhirat itu adalah lebih baik dan lebih kekal."* Maka bagi orang yang telah mengetahui perkara ini daripada ayat-ayat tersebut tentulah akan memilih perkara yang lebih baik dan lebih kekal dengan memenuhkan masa hidup di dunia ini seberapa boleh untuk diisi dengan amal salih, dan kepentingan dunia seberapa boleh akan dielakkan.

b. Hidup di akhirat adalah kekal selama-lamanya tanpa berkesudahan; manamana yang ditakdirkan untuk masuk ke dalam Syurga maka akan kekal selama-lamanya di dalam Syurga itu merasai kenikmatan yang tidak ada bandingannya dengan kenikmatan yang ada di dunia; manakala bagi manusia yang ditakdirkan masuk ke dalam Neraka maka mereka akan menerima seksa yang amat pedih yang tidak ada bandingannya dengan kesusahan yang ada di dunia. Di dalam Neraka itu manusia bukan juga dikatakan hidup dan bukan juga mati, tetapi seksa yang dideritai itu berterusan selama-lamanya; kecuali bagi orang Islam, setelah selesai menjalani hukuman akan dimasukkan ke dalam Syurga.

c. Oleh kerana masa hidup di dunia ini sangat pendek dan kesenangan di dalamnya tidak dapat jadi jaminan maka bagi orang Islam yang mengetahui dan faham akan keadaan ini lebih mengutamakan persediaan untuk hidup di akhirat itu sebanyak-banyaknya, manakala hidup di dunia ini disifatkan sebagai jambatan tempat lalu sahaja tetapi mustahak dibina dengan kukuh juga supaya boleh bekalan yang berat-berat untuk dibawa melalui di atasnya tidak terganggu.

d. Daripada perbandingan yang telah disebutkan semasa hidup di dunia ini orang Islam digalakkan memenuhkan umurnya seberapa boleh diisi dengan ibadat seberapa banyak yang boleh atau diisikan dengan perkara-perkara yang berupa amal salih kepada Allah Subhanahu Wataala seperti yang dimaksudkan dalam hukum Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Untuk menjadikan segala apa jua yang dikerjakan akan menjadi ibadat dan amal yang salih, maka hendaklah kerja yang dibuat itu diniatkan semata-mata kerana Allah asalkan perkara itu bukan tegahan. Dengan kata yang lain segala perkara yang bersifat keduniaan seberapa boleh hendaklah dielakkan supaya umur semasa hidup di dunia ini dapat dipenuhkan dengan amal salih yang sebanyak-banyaknya kerana telah disebutkan dalam Al-Quran, Surah Al-Kahfi, ayat 106, bahawa orang beriman dan beramal salih itu akan ditempatkan oleh Allah di dalam Syurga iaitu:

"Siapa yang beriman kepada Allah Subhanahu Wataala dan melakukan amal yang salih, maka mereka itu ditempatkan di dalam Syurga Jannatul Firdaus serta tinggallah selama-lamanya di sana."

Bersambung

KUIZ PENTARAMA JABATAN PENERANGAN AKAN KE UDARA DI RADIO KRISTAL

BERAKAS, 5 Julai. - Kuiz Pentarama Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri sempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 Tahun akan ke udara melalui Radio Kristal bermula 12 Julai depan.

Kuiz Pentarama akan disiarkan selama enam hari menerusi Radio Kristal merupakan kerjasama Jabatan Penerangan, Radio Kristal dan DST Network Sendirian Berhad, sebagai usaha memupuk persefahaman dan kerjasama di antara jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta.

Perkara ini dinyatakan dalam mesyuarat dihadiri Pegawai-pegawai Eksekutif Pemasaran DST Network Sendirian Berhad para Pegawai Penerangan dan juruhebah Radio Kristal.

Rancangan tersebut akan ke udara mulai 12 Julai Selekta Kristal bermula jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Orang ramai yang berminat untuk menyertai kuiz ini hendaklah menghubungi DJ yang bertugas melalui talian 2611907 atau menggunakan SMS dengan talian 8888907.

Jabatan Penerangan akan menyediakan hadiah-hadiah istimewa yang ditaja oleh syarikat-syarikat swasta di negara ini untuk para pemenang.

Kuiz Pentarama adalah sebahagian projek Jabatan Penerangan bagi menyampaikan maklumat kerajaan di samping mendidik dan menyedarkan minda msyarakat yang berorientasikan kepada maklumat pendidikan dan hiburan, dalam usaha membangun dan meningkatkan kesedaran berbangsa, beragama dan bernegara.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut bergambar bersama Pegawai-pegawai Eksekutif Pemasaran DST Network Sdn. Bhd, para Pegawai Penerangan dan juruhebah Radio Kristal selepas mesyuarat bagi membincangkan Kuiz Pentarama Jabatan Penerangan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 Tahun. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

BUANG DUNIANYA

UNTUK membanyakkan bekal ke akhirat itu seberapa boleh perkara berkepentingan dunia hendaklah ditinggalkan supaya masa yang diuntukkan baginya itu dapat digunakan bagi mengisi umur dengan amal ibadat yang sebanyak-banyaknya. Cara memilih sesuatu perbuatan yang dilakukan itu supaya menjadi ibadat adalah tergantung kepada niat. Misalnya, seseorang membangun sebuah rumah, kalau diniatkan untuk menjadi tempat diam bersama anak isteri atau kaum keluarga yang memerlukan rumah boleh menumpang sama; kemudian rumah itu dihias dengan beberapa perabot yang elok-elok termasuk pemasangan tabir-tabir yang cantik supaya yang mendiami rumah itu merasa senang atau untuk menyenangkan hati tetamu yang datang atau apa jua niat yang baik, maka perkara yang disebutkan akan menjadi ibadat. Akan tetapi kalau rumah itu dibanggakan dan dimaksudkan untuk menghairankan segala orang yang melihatnya atau diniatkan supaya rumah itu tidak boleh ditandingi orang lain, maka perkara yang sedemikian inilah dikatakan kepentingan dunia yang perlu dibuang kerana perkara ini ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala.

MENJAGA AKIDAH

Untuk memelihara amal ibadat yang dilakukan itu tidak cacat, sesuatu perkara yang dibuat atau dilakukan atau dipercakapkan perlu diambil perhatian dengan hati-hati supaya perkara yang dilakukan itu tidak merosakkan aqidah kerana jikalau aqidah itu rosak maka segala amalan atau perbuatan yang berkebajikan yang telah dijalankan semuanya akan terhapus. Misalnya seseorang itu mengingkari atau menolak hukum-hukum yang telah ditentukan oleh Allah seperti hukum wajib bertudung bagi perempuan dikatakan tiada haram atau arak itu tidak patut diharamkan atau binatang yang disembelih oleh orang yang bukan Islam dikatakan boleh dimakan atau hukum yang mengatakan orang lelaki beristeri lebih daripada satu hingga empat dikatakan tiada patut atau hukum memotong tangan orang yang mencuri itu tiada sesuai kerana harga tangan yang dipotong itu tidak setanding harganya dengan harga barang yang dicurinya atau bagi orang yang telah mempelajari ilmu sains mengatakan sesuatu yang telah ditetapkan oleh ketetapan sains itu mesti berlaku tanpa mengatakan tertakluk kepada kuasa Allah, atau dikatakan api itu dikatakan mesti membakar tanpa bersandarkan kuasa Allah atau dikatakan doktorlah yang menyembuhkan sesuatu penyakit tanpa mengatakan kuasa Allah yang menyembuhkannya dan sebagainya. Perbuatan yang disebutkan itu jikalau diiktiqadkan dengan keyakinan yang putus, maka orang yang sedemikian itu akan terkeluar daripada agama Islam dan jikalau dia kembali semula kepada Islam maka segala apa yang wajib bagi dirinya pada masa lalu itu mesti diqada.

Sebelum Nabi Muhammad wafat, Baginda telah berpesan kepada umat Baginda seperti berikut:

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara iaitu Kitabullah (Al-Quran) dan Sunnah Rasul (Al-Hadis), jika kamu berpegang teguh kepadanya nescaya kamu tidak akan sesat pada kemudian hari buat selama-lamanya."

BERAJA

Sistem pemerintahan Beraja yang diamalkan turun-temurun sejak zaman-berzaman di Negara Brunei Darussalam ini telah menjadi tradisi budaya bangsa kepada rakyat Brunei dan terus-menerus hidup berkembang dengan suburnya hingga merupakan wadah untuk menyatupadukan rakyat Brunei dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Tradisi budaya tersebut menyifatkan Raja adalah teras atau tunggak negara yang menjadi tempat rakyat dan penduduk hidup bernaung, Raja juga melindungi orang-orang lemah, memberi pertolongan kepada orang-orang yang teraniaya atau disebut sebagai payung Allah di bumi ini.1 Justeru itu sebagai pemimpin dan penguasa tertinggi dalam pentadbiran negara, maka Raja itu sentiasa bersifat kasih sayang kepada rakyat dan sentiasa berusaha menyempurnakan tanggungjawab terhadap bangsa dan negara. Untuk melaksanakan maksud itulah baginda melantik pembesar-pembesar dan penasihat-penasihat sebagai pembantu untuk menjayakan berbagai-bagai usaha berkebajikan yang dihasratkan untuk kepentingan rakyat. Dasar utama yang jadi panduan pemerintahan beraja di Brunei ini ialah keadilan seperti yang tersebut dalam Al-Quran Surah An-Nisaa' ayat 58:

"Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia hendaklah dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

Kewujudan sistem Beraja di Brunei ini memang sudah lama dan pernah tercatat dalam historiografi China zaman Dinasti Liang (TM 502-556) yang menyebutkan bahawa Brunei pada masa itu sudah menjalankan pemerintahan Beraja, dan Rajanya memerintah 136 buah daerah.[2] Singgahsana baginda diperbuat daripada emas [3] dan tempat letak kaki baginda daripada perak[4] Ketika bersemayam pakaian baginda sutera berbunga, bermahkota emas[5] bertatah batu permata, tingginya mahkota itu kira-kira sekaki. Kerusi Raja itu berukiran yang dibuat daripada emas. Pada masa berangkat ke luar Istana baginda menggunakan gajah dan di atas belakang gajah itu diletakkan kenaikan yang diperbuat daripada bermacam-macam jenis kayu wangi. Perangkatan itu didahului oleh hulubalang dan pengawal yang memukul gendang.[6] Dalam TM 518 baginda telah menghantar utusan ke China membawa surat dan barang-barang hadiah.[7]

Bagi orang Brunei tradisi Beraja yang dipusakai turun-temurun sebati dengan bangsa Brunei itu dijadikan penghubung pertalian erat antara Raja dengan rakyat supaya bertambah kukuh dan padu. Untuk menambah kekukuhan maksud ini antara lain telah diabadikan gambaran perasaan itu dalam pepatah atau bidalan yang mengungkapkan perkara ini seperti Raja untuk rakyat, rakyat untuk Raja, Raja kasihkan rakyat, rakyat setia kepada Raja; ibarat aur dengan tebing, hidupnya sandar-menyandar; aur subur kerana tebing; tebing teguh kerana aur. Maka hubungan timbal-balik, dan ketaatsetiaan rakyat kepada Raja yang telah berakar umbi itu menjadi amalan warisan yang berterusan sehingga tercipta ketetapan bersama sebagai suatu perjanjian iaitu *"Raja tidak boleh zalim dan rakyat tidak boleh derhaka."*

Taat kepada Raja itu memang diwajibkan dalam Islam seperti yang tersebut dalam Al-Quran, Surah An-Nisaa' ayat 59, tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya dan juga orang yang memerintah kamu (Raja), akan tetapi apabila ada suatu perselisihan maka rujuklah perkara itu kepada perintah Allah dan Rasul. Jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian itu sebaik-baik jalan."

Oleh yang demikian apa-apa jua yang dititahkan Sultan wajib diikut kecuali perkara yang dititahkan itu adalah berlawanan dengan kehendak ajaran Islam. Misalnya oleh kerana ada suatu perayaan dikehendaki dijalankan pada hari Jumaat dan orang yang berkenaan dititahkan jangan menghadhiri salat Jumaat pada hari itu, jika ada titah perintah yang sedemikian maka hendaklah didahulukan salat Jumaat.

Selain menjunjung titah, taat setia kepada Raja itu juga adalah menjadi identiti dan balan semangat kepada orang Brunei yang menjadi ciri semula jadi dalam iklim politik bagi masyarakat Brunei yang mencintai Raja kerana Raja itu Khalifah di bumi yang mempunyai berkat dan daulat.[8] Ini bersesuaian dengan hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam: *"Sultan (Raja) yang adil dan merendah diri adalah payung dan tombak Allah di dunia."* Maka dengan sebab itulah Raja sentiasa melindungi dan menyayangi rakyat serta memerintah dengan adil dan saksama supaya semangat taat setia itu semakin subur.

Justeru sistem Beraja ini telah terasa persesuaian dan kebaikannya kepada orang Brunei dalam menangani masalah berbangsa dan bernegara yang sudah diamalkan turun-temurun. Oleh kerana itu sistem yang terbaik bagi Brunei Darussalam ini telah dikanunkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Bab 4 (1), (2),[9] dan dalam Surat Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja 1959.[10] Dengan kata lain oleh kerana sejak dahulu hingga sekarang bentuk dan coraknya bersifat secure, maka konsep Beraja dalam negara Melayu Islam Beraja (MIB) telah dapat diterima oleh rakyat dan penduduk Brunei sebagai satu kaedah bagi mewujudkan persatuan, perpaduan, keamanan dan survival bangsa dan Negara Brunei Darussalam.

Untuk mengekalkan kesinambungan sistem Beraja yang sudah serasi dengan Negara Brunei Darussalam maka sistem yang sedemikian itu dipelihara oleh orang Brunei dengan baik terutama keselamatan dan kesejahteraannya termasuk perlaksanaan sesuatu perkara yang hendak dijalankan. Sebab itu orang yang akan menjadi bakal Raja juga perlu diasuh dengan pendidikan khas termasuk penggunaan Bahasa Dalam yang lazim digunakan di dalam sesuatu majlis yang beristiadat supaya keindahan sistem Beraja yang tersebut itu semakin bertambah indah.

Pada zaman dahulu orang-orang yang akan menjadi bakal raja itu dikhaskan guru-guru yang mengajarnya terdiri daripada alim ulama dan orang yang akan mendampinginya juga dipilih daripada kalangan orang tertentu iaitu orang yang dipercayai boleh menyembahkan suatu pengajaran yang dianggap baik dan berfaedah sehingga Inang pengasuh dipilih daripada orang-orang yang sudah ditapis, dan orang yang dikhaskan untuk menyusukan juga dipilih daripada perbabuan yang warak supaya air susu yang diberikan itu mewarisi perkara baik. Pada masa Pengiran Muda Omar 'Ali Saifuddien menuntut di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak, dua orang yang dikhaskan untuk menjadi pendampingnya iaitu Pehin Datu Perdana Menteri Haji Awang Abdul Halim seorang alim yang termasyhur pada masa itu dan Pengiran Abdul Rahim seorang yang mahir dalam adat istiadat Diraja.

PENGUKURAN

Segala langkah yang telah dijalankan perlu diukur penilaiannya untuk mengetahui setakat mana kejayaan yang telah didapati. Apa yang menyebabkan sesuatu kegagalan atau yang menjadi halangan kepada rancangan yang telah dijalankan itu perlu diketahui. Kemudian dirancang apa yang patut dijalankan supaya rancangan yang dihasratkan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sebab itulah sebelum melaksanakan perancangan itu perlu dibuat pengkajian juga supaya dapat diketahui masalah-masalah yang dihadapi lebih jelas untuk memudahkan perancangan yang akan dijalankan. Untuk maksud ini perlu juga diketahui berapa banyak perkara yang telah dirancang dan dijalankan itu yang mendapat kejayaan dan apa yang menyebabkan sesuatu perancangan itu mendapat kegagalan dan kemudian dicari juga jalan keluar untuk mencapainya.

Untuk mengetahui maksud pengukuran kemajuan lebih mendalam perlu difahamkan perkara yang disebutkan di bawah ini:

* Mengapa pengukuran (penilaian) perlu dibuat?

* Jika pengukuran tidak dijalankan, keputusan kejayaan dan kegagalan tidak akan dapat diketahui.

* Jika kejayaan tidak diketahui, pemberian ganjarannya tidak akan dapat dilaksanakan.

* Jika mengganjari kejayaan tidak dapat dilakukan bererti, kegagalan yang diganjari.

* Jika kejayaan tidak diketahui, pengajaran daripadanya tidak akan diperolehi.

* Jika kegagalan tidak dikenal pasti, pembetulannya tidak akan dapat dilakukan.

* Jika kejayaan dapat dibuktikan, sokongan orang ramai akan diperolehi.

Untuk menjayakan sesuatu perancangan yang dimaksud, pemilihan kriteria tenaga manusia yang hendak ditugaskan menjalankan sesuatu kerja yang dihasratkan sangat mustahak diteliti penyesuaian penempatannya kerana penghasilan yang akan diperolehi daripada perancangan itu adalah tergantung kepada usaha pihak yang ditugaskan itu. Perkara ini boleh difahamkan seperti yang dikatakan dalam bahasa Inggeris "The people is not always an asset, except the right one but on the other hand the wrong people is a liability." "The right people" inilah yang mesti dicari orangnya supaya dapat dijadikan "thinker, planner and worker." Kesempurnaan maksud ini boleh dilakukan dengan menggunakan sistem atau keadah berikut:

1) Manual Prosedur Kerja (MPK)

2) Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR)

3) Laporan mudah dan senang difahami untuk menentukan sesuatu keputusan yang telah dilaksanakan.

Sistem ini dapat mencerminkan produk yang dijalankan oleh pegawai bawahan yang ditugaskan untuk melaksanakan sesuatu kerja yang dipertanggungjawabkan dan lebih mudah diketahui hasil produk itu. Dengan menggunakan 'routing slip' (slip arahan atau aturan) yang merekodkan tarikh semasa mengaturkan kerja-kerja itu dan menetapkan tarikhnya dikehendaki siap dengan berpandukan aspek-aspek (1) dan (2) di atas, juga dapat diketahui kecergasan atau kelambatan seorang pegawai bawahan yang disebutkan. Selain itu sistem ini juga dapat menjadi sukat-sukat untuk menilai prestasi bagi mengenal pasti kedudukan pegawai dalam menjalankan sesuatu kerja.

Penggunaan 'routing slip' ini juga boleh menjadi mekanisme yang mengkombinasikan dan mengintegrasikan Manual Prosedur Kerja (MPK) dengan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) bagi mencerminkan proses pembayaran secara pendekatan 'top-down' dan 'bottom-up' yang menjurus kepada ketulusan (transparency) dan akauntabiliti (kebertanggungjawaban) terhadap pegawai-pegawai dan kakitangan yang diamanahkan untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab bagi mencapai hasil yang cemerlang dan boleh memudahkan penentuan terhadap perjalanan 'tracing and tracking' (pengesanan) dokumen dan 'check and balances' (sekatan dan imbangan).

KESIMPULAN

Untuk menyempurnakan Titah Sultan yang hendak menjadikan Negara Brunei Darussalam ini menjadi Negara Melayu Islam Beraja yang demokratik dan berasaskan ajaran Islam maka segala usaha yang hendak mencapai maksud itu hendaklah dijalankan dengan bersungguh-sungguh sehingga berjaya mencapai penghasilannya.

(1) Tafsiran maksud titah itu perlu difahamkan dan dipisi maknanya dengan sejelas-jelasnya untuk jadi panduan kepada sesuatu perancangan yang hendak dijalankan bagi menentukan sama ada maksud rancangan menjadikan negara Melayu Islam Beraja itu telah tercapai atau sebaliknya supaya dapat diusahakan rancangan lain.

(2) Rakyat Brunei yang hendak dipertanggungjawabkan menjalankan seuatu tugas digalakkan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh sesuatu pekerjaan yang hendak dijalankannya bagi membolehkan mereka mengambil bahagian dalam melaksanakan maksud titah itu, dan bagi yang hendak menjalankan sesuatu perusahaan perlu diberi pimpinan dan diberi keutamaan supaya dapat melaksanakan perancangan yang hendak dijalankan itu.

(3) Oleh kerana asas perlaksanaan dasar ini berpandukan ajaran Islam, maka rakyat Brunei yang hendak melaksanakan sesuatu perkara yang dimaksud perlu mengetahui hukum-hukum Islam terutama yang berkenaan dengan perkara yang hendak dibuat itu supaya hasil pekerjaan itu tidak bercanggah dengan hukum Islam.

(4) Seperti yang telah disebutkan, orang-orang yang menjalankan sesuatu tugas seberapa boleh diminta meniatkan sesuatu kerja yang didibuat itu semata-mata kerana Allah supaya perkara yang dilakukan itu menjadi ibadat dan amal salih.

(5) Tiap-tiap kementerian dan jabatan perlu meneliti rancangan yang telah dijalankan mengenai maksud titah yang hendak menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara Melayu Islam Beraja dan menilai penghasilannya.

a) Apakah kejayaan yang telah didapati mengenai rancangan yang telah dibuat?

b) Jika gagal apakah punca yang menyebabkan kegagalan itu dan apakah rancangan yang akan dibuat untuk mengganti rancangan yang gagal itu?

c) Berapa banyak orang yang telah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang sesuai dengan kerja yang hendak dijalankan dan berapa banyak lagi yang belum sampai kepada tahap yang diperlukan supaya dapat diketahui apa kekurangan yang masih diperlukan.

d) Merancang jenis-jenis pekerjaan yang patut dibuat di dalam Negara Brunei Darussalam ini untuk membolehkan rakyat Brunei membuat persediaan bagi mendapatkan pekerjaan itu.

e) Mengkaji masalah-masalah yang menghalang sesuatu perancangan yang telah dijalankan dan mencari jalan untuk mengatasinya.

f) Mencari jalan bagaimana cara hendak membolehkan semua rakyat Brunei ini dapat mempelajari hukum yang diwajibkan dan bagaimana hendak menyampaikan kesempurnaan hasrat itu.

g) Berusaha mencari jalan bagaimana hendak menggalakkan rakyat Brunei berkemahuan hendak membuka sesuatu perusahaan untuk memakmurkan negara supaya mereka itu berjaya mencapai kemajuan yang dimaksudkan.

Melayu Islam Beraja

Oleh
Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar,
Pengetua Pusat Sejarah

SIRI AKHIR

h)

Menghubungi syarikat-syarikat dalam Negara Brunei Darussalam ini untuk mengetahui berapa banyak pekerja yang diperlukan supaya dapat kekurangan itu dipenuhi oleh rakyat Brunei sama ada untuk menjadi pegawai atau buruh yang hendak ditugaskan menjalankan sesuatu pekerjaan, dan syarikat yang dimaksud diminta menyatakan apakah kelulusan yang dikehendaki bagi memenuhi jawatan di dalam syarikat tersebut supaya dapat rakyat Brunei ditempatkan bekerja di syarikat itu.

i) Kedudukan kewangan perlu diambil perhatian berat dalam menentukan sesuatu perbelanjaan supaya sesuatu yang dibelanjakan itu patut harganya menurut penentuan harga yang betul atau sesuatu yang hendak dibiayai sama dengan keperluannya.

j) Mengadakan beberapa skim untuk menjadikan rakyat Brunei pakar dalam pelbagai bidang kerja yang diperlukan:

a) Memberi peluang kepada pegawai-pegawai yang mempunyai bakat kepakaran untuk menjalani kursus-kursus yang berkenaan dengan bakat kepakarannya.

b) Memilih kanak-kanak berbakat dalam sesuatu kemahiran untuk diasuh menjadi pakar yang dikehendaki.

c) Melatih pegawai-pegawai yang dihasratkan menjadi 'think-tank' (kumpulan pemikir).

RUJUKAN

1) Al-Baani, Silsilatul Ad-Daif wal-Mandhuah: Makalah Al-Maarif Ridly, Jilid Pertama, 1412 (1992).

2) Arkitek Brunei Moden: Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Bandar Seri Begawan, 1989 (tidak terbit).

3) Azyumardi Azra, "Pembentukan Tradisi Politik Kesultanan Melayu Pada Masa Awal Islam di Nusantara", dalam International Seminar on Brunei Malay Sultanate in Nusantara Proceedings, Vol. 1, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Gadong, 1996, h. 241 - 255.

4) Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, Titah 1959-1967: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Bandar Seri Begawan, 1971.

5) _____, Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19, Bandar Seri Begawan, 2003.

6) Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, An English-Malay Dictionary, Kuala Lumpur, 1992.

7) Groenoveldt, W.P., Notes ont the Malay Archipelago and Malacca Compiled from Chinese Sources, Batavia, 1876.

8) Grolier Electronic Publishing, Mindscape, Inc., California, 1995.

9) Hashim Haji Abd. Hamid, Haji, Junjung Tinggi, Haji Hashim Haji Abd. Hamid, Kuala Lumpur, 1993.

10) Harper, G.C., The Discovery and Development of the Seria Oilfield, Jabatan Muzium-Muzium, Bandar Seri Begawan, 1990.

11) Horton, A.V.M., The British Residency in Brunei 1906-1959, Occasional Papers No. 6, The University of Hull Centre for South East Asian Studies, Hull, 1984.

12) Hussainmiya, B.A., The Brunei Constitution of 1959: An Inside History, Brunei Press, Bandar Seri Begawan, 2000.

13) Jabatan Adat Istiadat Negara, Susunan Bahasa Dalam, Bandar Seri Begawan, (tanpa tarikh).

14) Laws of Brunei Darussalam, Revised Edition, Vol. 1, Chapters 1-6, Ministry of Law and Attorney General, Bandar Seri Begawan, 1984.

15) Muhammad Yussof Hashim, "Kegemilangan Peradaban Melayu di bawah Payung Kesultanan: Rujukan Khusus kepada Kesultanan Melaka dalam Sejarah Serantau Abad Kelima Belas dan Keenam Belas", dalam International Seminar on Brunei Malay Sultanate in Nusantara Proceedings, Vol. 1, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Gadong, 1996, h. 110-122.

16) Mahmud Yunus, Prof. Dr. H., Tafsir Quran Karim, Basheer Ahamed, Singapore, 1979.

17) Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, "Bahasa Dalam", dalam Seminar Antrabangsa Dialek-Dialek Austronesia di Nusantara, Jabatan Baasa Melayu dan Linguistik, Fakulti Sastera dan Sains Kemasyarakatan, Universiti Brunei Darussalam, Gadong, 26-29 Ogos 1996.

18) _____, Brunei Darussalam: The Road to Independence, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 1998.

19) _____, Perlaksanaan Dasar Negara Melayu Islam Beraja, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 1996.

20) _____, Survival Brunei dari Perspektif Sejarah, Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan, 1997.

21) Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain Haji Serudin, Brunei Sebuah Negara Islam: Latar Belakang Keislamannya, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Gadong, 1996.

22) Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, "Melayu Islam Beraja Negara Brunei Darussalam", dalam Melayu Islam Beraja, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Gadong, 1993, h. 4-26.

23) Perjanjian Negeri Brunei 1959, Bandar Brunei, 1959.

24) Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Bandar Brunei, 1959.

25) Sidhu, Jatswan S., Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1995.

26) "Sistem Beraja daripada Perspektif Islam", dalam Wanita, Kuala Lumpur, Mac 1997, h. 124-138.

27) Syeikh Ismail Muhammad bin Aljun, Kasyful Khafa wa Muzielul Libas: 'Amma Isythara Minal Hadith 'Ala Al-Sinatinnas, Jilid I & II, Darul Ihya At-Taraathu, Beirut, 1932.

28) Teuku Iskandar, Prof. Dr., "Kedudukan Raja dalam Melayu Islam Beraja" dalam Janang, Bil. 1, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Gadong, 1993, h. 154-161.

29) University of Chicago, The New Encyclopedia Britannica, Vol. 4, Chicago, 1974.

30) Yayasan Penyelenggara/-Pentafsir Al-Quran, Al-Quran dan Terjemahnya, Jakarta, 1971.

1. Syeikh Ismail Muhammad bin Aljun, Kasyful Khafa wa Muzlelul Libas: Amma Isytahara Minal Hadith Ala Alsinatinnas, Jilid I & II. Darul Ihya At-Taraathu, Beirut, 1932, h. 456.

2. Groenveldt, W.P., Notes on the Malay Archipelago and Malacca Compiled from Chinese Sources, Batavia, 1876, h. 80. Riwayat China meggunakan sebutan 'Po-li' untuk merujuk kepada Brunei.

3. Atau seumpamanya, untuk disediakan dengan hukum Syarak.

4. Ibid.

5. Atau seumpamanya, untuk disediakan dengan hukum Syarak

6. Groeneveldt, Notes on the Malay Archipelago . , h 80-81.

7. Ibid. , h.81.

8. Syeikh Ismail Muhammad bin Aljun, Kasyful Khafa wa Muzlelul Libas: ., h.456.

9. Surat-surat Perlembagaan Negeri Brunei 1959,h.34.

10. Ibid, h.160-218.

Pelita Brunei
KELUARAN KHAS

MIB CEMERLANGKAN NEGARA

OLEH HJ AHAT HJ ISMAIL



SELEPAS 20 tahun mencapai kemerdekaan, Negara Brunei Darussalam terus menempa arus perkembangan pembangunan yang pesat dalam pelbagai bidang, sejajar dengan falsafah pegangannya sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Pemasyhuran falsafah MIB menunjukkan salah satu ciri utama sejarah tamadun Islam di alam Melayu, dengan pemerintahan sedemikian diiktiraf oleh Islam dengan nama-nama yang berlainan seperti Khalifah, Amirul Mukminin, Al-Iman, Al-Malik dan Al-Sultan yang bertanggungjawab menjalankan syariat Islam dan mengawal kepentingan umat Islam.

Satu hakikat yang nyata bahawa Negara Brunei Darussalam menurut sejarahnya ialah sebuah negara Melayu yang tegak dengan unsur dan pengaruh ajaran Islam yang diperintah oleh Sultan-sultan Melayu yang berugama Islam.

Justeru MIB yang menjadi teras pegangan, adalah satu kesinambungan cara hidup orang Melayu Brunei dalam berbudaya, berugama dan sistem pemerintahan beraja yang telah diamalkan sejak sekian lamanya

Kini, falsafah MIB yang telah dimasyhurkan semasa kemerdekaan 1 Januari 1984 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkembang di segenap bidang sebanding dengan perkembangan globalisasi yang membawa kemajuan kepimpinan beraja, infrastruktur negara, pendidikan, ekonomi, kebudayaan, sosial, perkhidmatan dan pentadbiran.

Dengan demikian falsafah ini menjadi falsafah kenegaraan yang akan terus-menerus diprogramkan khusus ke dalam pelbagai bidang untuk menggerakkan bangsa Brunei menghadapi masa depan yang mencabar.

Falsafah Melayu dalam konteks Brunei adalah bangsa Melayu merupakan suku kaum peribumi yang keseluruhannya berugama Islam, tulisan jawi pula dapat dikatakan sebagai tulisan Islam, kerana huruf-huruf Al-Quran atau huruf-huruf Arab dan bahasa Melayu itu menerima pengaruh yang sangat banyak dari perkataan-perkataan Arab.

Dari segi aqidah dan syarak, tulisan jawi itulah yang lebih tepat dalam menggambarkan sesuatu perkataan Melayu yang berasal dari perkataan Arab jika dibandingkan dengan tulisan rumi yang berasal dari tulisan Inggeris dan diperkenalkan oleh orang-orang Inggeris. Kesemua institusi dan dokumen yang disebutkan menggunakan bahasa Melayu dan tulisan jawi. Di sini nampak bahawa bahasa Melayu dan tulisan jawi berdaulat.

Di Negara Brunei Darussalam, sebagaimana menurut Perlembagaannya 'Bahasa rasmi negeri ialah Bahasa Melayu' (Lihat Surat-Surat Perlembagaan Negeri Brunei, Bahagian XI Bab 82 (1). Bahasa Melayu merupakan bahasa yang dominan dalam negeri digunakan oleh semua lapisan masyarakat.

Di dalam Perlembagaan sendiri ditetapkan kerasmiannya seperti bagi menjalankan Majlis Mesyuarat Diraja, Majlis Mesyuarat Menteri-menteri dan Majlis Mesyuarat Negeri.

Majlis mesyuarat lain yang lazimnya juga menggunakan bahasa Melayu ialah Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan Majlis Ugama Islam.

Bahasa Melayu juga dipraktikkan dalam urusan pentadbiran kerajaan sebagaimana Surat Keliling Jabatan Setiausaha Kerajaan Brunei No. 52/1963 menekankan: "Ketua-ketua Pejabat adalah diminta untuk mengambil perhatian atas maksud-maksud Surat Keliling Pejabat Setiausaha Kerajaan No. 8. 1960 bertarikh 16 Februari, 1960 dan Surat Keliling yang berikut ini menegaskan penekanan bahasa Melayu dalam urusan kerajaan. Adalah diketahui ada lagi di antara pejabat-pejabat kerajaan yang masih belum menggunakan bahasa Melayu bagi urusan mereka di antara pihak pejabat mahupun pihak awam. Maka oleh yang demikian, kerjasama Ketua-ketua Pejabat adalah dengan ini diminta bagi menunaikan dasar kerajaan dan maksud Perlembagaan Negeri Brunei yang menetapkan bahasa Melayu itu adalah bahasa rasmi negeri ini."

Dalam memperkasakan dan agar bahasa Melayu digunakan lebih meluas, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah-langkah positif seperti menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang berfungsi bagi mengembangkan bahasa dan sastera Melayu yang telah membuat banyak aktiviti yang dapat dibanggakan, menubuhkan Kementerian Pendidikan (sebelum ini Kementerian Pelajaran) yang sejak tahun 1985 telah melaksanakan sistem dwibahasa dalam Dasar Pendidikan Negara dan di bawah sistem ini para pelajar dijangka akan dapat menguasai bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik, menubuhkan Kementerian Hal Ehwal Ugama (sebelum ini Jabatan Hal Ehwal Ugama) yang menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan pentadbiran dan pengajian Islam yang dikendalikannya.

Salah satu syarat untuk mendapat anugerah dermasiswa kerajaan bagi rakyat tempatan ialah lulus bahasa Melayu dalam peperiksaan Brunei Cambridge GCE Peringkat Biasa, juga salah satu syarat untuk mendapatkan kerakyatan Brunei ialah lulus ujian bahasa Melayu. Akta Majlis Ugama Islam digubal dalam bahasa Melayu dan bahasa Melayu juga dijadikan

Lihat muka VIII



KEBERANGKATAN 'Bersama Rakyat' semasa sambutan Hari Keputeraan di setiap daerah memperlihatkan baginda sebagai contoh terbaik dalam menjalinkan keharmonian dan perhubungan erat antara pemimpin dan rakyat.



TULISAN rumi dan jawi digunakan dengan menyeluruh di semua peringkat termasuk pada papan-papan tanda kedai dan bangunan-bangunan kerajaan.



BANGSA Melayu merupakan satu suku pribumi yang menghuni bumi Negara Brunei Darussalam dan keseluruhannya berugama Islam dengan pegangan Ahli Sunnah Waljamaah.

KELUARAN KHAS Pelita Brunei BRUNEI

MIB CEMERLANGKAN NEGARA

Dari muka VII

bahasa Mahkamah Syariah. Satu tanda yang menunjukkan iltizam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Ketua Negara ialah titah-titah baginda kepada rakyat jelata dilafazkan dalam bahasa Melayu, malah lebih menggembirakan lagi ialah watikah Perisytiharan Kemerdekaan Brunei pada tahun 1984 adalah dalam bahasa Melayu dan termaktub dalam tulisan jawi.

Apa yang menarik perhatian para pengunjung Negara Brunei Darussalam ialah melihat fenomena semua slogan dan papan-papan tanda bagi nama-nama kedai, syarikat, jabatan kerajaan, kementerian dan seumpamanya dikehendaki dibuat dalam bahasa Melayu dan ditulis dalam tulisan jawi yang huruf-hurufnya dua kali lebih besar daripada huruf-huruf rumi dan letaknya di bahagian atas.

Begitu juga kertas-kertas persuratan bagi sesebuah institusi akan menulis nama institusi itu dalam tulisan jawi diikuti dengan tulisan rumi. Demikian juga nama pemegang kad pengenalan di Brunei pada akhir-akhir ini ditulis dengan tulisan jawi di samping tulisan rumi.

Sehubungan ini, Pengarah DBP selaku pihak yang bertanggungjawab terhadap perkembangan bahasa Melayu telah mengambil inisiatif pada 16 Mac, 1963 mengadakan permuzakarahan bersama Jawatankuasa Tertinggi Dewan Perniagaan Tionghoa. Dalam perjumpaan tersebut Pengarah DBP telah melahirkan hasrat kerajaan supaya semua papan tanda dan kenderaan di seluruh negara ditulis dalam bahasa Melayu. Pada dasarnya Jawatankuasa Tertinggi Dewan Perniagaan Tionghoa menyambut baik hasrat kerajaan itu dan berjanji serta bersedia untuk bekerjasama ke arah usaha mendaulatkan bahasa Melayu dan tulisan jawi di Negara Brunei Darussalam.

Hasrat tersebut diperjelaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Kesyukuran Hari Keputeraan baginda ke-36 yang disembahkan oleh Dewan Perniagaan Tionghoa Brunei pada 1 September 1982 dengan titah: *"Pembentukan identiti kebruneian melibatkan beberapa perkara yang mustahak supaya diutamakan. Di antaranya ialah bahasa rasmi negeri, yakni bahasa Melayu dan adat istiadat, yakni adat resam orang-orang Brunei serta kebudayaannya.*

Dalam perkara bahasa Melayu ini, beta ingin mengingatkan kepada rakyat dan penduduk di negara ini yang berketurunan Tionghoa, supaya mereka mempelajari bahasa Melayu dengan bersungguh-sungguh dan terus-menerus serta menggunakankan pada setiap masa, sebagai satu bukti taat setia yang tulen dan sebenar-benarnya kepada Negeri Brunei ini, supaya mereka tidak dicurigai oleh rakyat Brunei yang terdiri daripada penduduk tempatan di negeri ini. Dengan amalan sedemikian, maka orang-orang yang berketurunan Tionghoa di negeri ini akan dapat membuktikan yang mereka mempelajari bahasa Melayu itu bukan setakat hanya untuk mendapatkan taraf kerakyatan Negeri Brunei, malahan menerima dan mengakui bahawa bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara dan menggunakannya pada setiap waktu."

Islam dalam konteks Melayu Islam Beraja (MIB) pula merupakan pengukuhan, kerana Islam itu sebagai cara hidup yang lengkap dan sempurna (Ad-Din), sebagai ugama yang hanya diakui oleh Allah Subhanahu Wataala, yang mengatur sistem hidup dan penghidupan sama ada sebagai individu ataupun dalam pelbagai hubungan. Islam dalam MIB juga memberi takrif bahawa Islam ialah ugama rasmi negara sebagai sistem yang memandu kehidupan rakyat dan pemerintahan di negara ini.

Islam yang dipraktikkan di Negara Brunei Darussalam adalah mengikut Ahli Sunnah Waljamaah dan amalan Mazhab Syafie. Cara hidup dan pentadbiran yang mengikut lunas Islam yang cekap, bersih dan amanah tetap menjamin perpaduan kebangsaan oleh kerana unsur toleransi dalam Islam tetap menjamin keserasian hubungan dan menghormati penganut ugama lain.

Pada segi kepimpinan beraja, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang pemimpin yang berwibawa dengan melaksanakan banyak kejayaan untuk kebajikan rakyat seperti melaksanakan skim-skim rancangan perumahan kepada rakyat yang kurang mampu, melaksanakan perbankan Islam, menubuhkan institusi-institusi pengajian tinggi dan sebagainya.



INSTITUSI pendidikan berkembang pesat dengan adunan falsafah Melayu Islam Beraja.

Baginda juga dilihat sebagai seorang raja atau pemimpin yang menjadi contoh terbaik mengenai keharmonian dan perhubungan yang erat antara pemimpin dan rakyat dalam kegiatan kemasyarakatan. Dalam sambutan Hari Keputeraan baginda umpamanya, baginda tidak jemu-jemu berangkat 'Bersama Rakyat' untuk menemui rakyat di setiap daerah seluruh negara bagi beramah mesra dan melihat sendiri perkembangan dan kemajuan setiap daerah.

Sambutan-sambutan hari perayaan seperti Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, baginda sering mengepalai perarakan umat Islam. Juga tidak terkecuali termasuklah acara-acara sambutan Awal Tahun Baru Hijrah, Israk Mikraj, Nuzul Al-Quran dan lainnya memperlihatkan penglibatan baginda.

Selain itu, baginda sebagai seorang pemimpin yang bersikap terbuka sering menunaikan sembahyang fardu Jumaat di pelbagai masjid dan surau seluruh negara secara bebas tanpa mengira protokal di kampung, mukim atau bandar di mana hal ini menarik perhatian setiap lapisan rakyat yang menunggu kesempatan untuk menjunjung ziarah atau beramah mesra ke hadapan majlis baginda.



PENDIDIKAN ugama sudah didedahkan kepada kanak-kanak sejak kecil lagi bagi melatih dan mengasuh mereka agar menjadi seorang Muslim yang berpengetahuan.

Semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri pula baginda bersama kerabat-kerabat diraja mengadakan 'Istana Terbuka' bagi kunjungan semua lapisan rakyat dan penduduk dari pelbagai bangsa dan ugama untuk sama-sama mengambil peluang menjunjung berziarah di mana perkara ini mengesankan dan menarik perhatian orang ramai dalam dan luar negara.

Kesemua ini memperlihatkan baginda seorang pemimpin yang terserlah dan penyayang sehingga amalan itu menjadi satu cara yang berkesan bagi menjalin kehidupan yang kukuh dan damai antara pemimpin dan rakyat.

Di peringkat antarabangsa pula baginda juga merupakan seorang pemimpin berwawasan dengan aktif berbincang bersama-sama lain-lain pemimpin dalam forum atau persidangan serantau dan antarabangsa dalam pelbagai isu. Penglibatan baginda nyata sekali berjaya meningkatkan imej Negara Brunei Darussalam di mata dunia.

Sebagai intipati pada pengamalan identiti orang Brunei yang berbudaya Melayu yang luhur, menerima dan menghayati Islam sebagai cara hidup yang lengkap lagi sempurna yang membina semangat dan kesedaran agar peranan orang Melayu Brunei sebagai bangsa yang dominan, berjaya mencorakkan Negara Brunei Darussalam dan sedia menghadapi cabaran masa depan serta bernaung di bawah sistem pemerintahan beraja.

Pengisytiharan MIB memberi penekanan utama bahawa Negara Brunei Darussalam ialah sebuah negara Melayu, negara Islam dan sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-jamaah dan ketiga-tiga identiti kenegaraan Melayu Islam Beraja akan terus kekal untuk selama-lamanya, insya-Allah.



MASJID menjadi lambang kepada perpaduan dan keutuhan bernegara, berbangsa dan bermasyarakat.



INILAH keistimewaan sistem pemerintahan beraja, hubungan antara raja dan rakyat amat penting bagi mengekal dan mengukuhkan sistem beraja kerana ia melambangkan satu kesatuan bagi sama-sama membangun negara.

FALSAFAH MIB KUKUHKAN KEMAJUAN DAN KEAMANAN

دولت كباوه دولي توان ڤاتيق

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

OLEH :
DK. HAJAH FATIMAH
PG. HAJI MD. NOOR
fatimah.noor@information.gov.bn

TAHUN ini merupakan mercu tanda dalam sejarah negara kerana genap sudah 25 tahun kita hidup bernegara dalam statusnya yang merdeka lagi berdaulat.

Tempoh waktu suku abad yang berlalu itu telah menguatkan lagi kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap institusi beraja yang pada kenyataannya sudah wujud sejak berkurun lamanya yang bersendikan kepada ajaran agama Islam dan ciri-ciri adat istiadat orang Melayu Brunei sebagai tatacara pemerintahan yang terbukti keberkesanannya dalam menjamin kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara

Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sudah sebati dengan adat dan kehidupan orang Brunei yang telah mencorakkan cara hidup kita sejak sekian lamanya dan terbukti berkesan dalam menentukan hala tuju negara dan merupakan paksi yang utuh dalam menjamin kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran negara pada keseluruhannya.

Konsep ini, telah mampu bertahan dengan megahnya biarpun terpaksa melalui peredaran masa dan keadaan yang membawa bersama berbagai cabaran termasuk perubahan iklim dan suasana sosiopolitik dan ekonomi dunia.

Dalam hubungan ini dan dengan berkat daulat dan kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan berterusan telah menikmati kemakmuran, kehidupan aman damai, maju, pesat membangun terutama dalam menyediakan segala bentuk prasarana bagi manfaat segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah di Majlis Forum Khas Melayu Islam Beraja (MIB) Sempena Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2009 pada 19 Mei anjuran Orang-orang Yang Dikurniai Gelaran yang dilangsungkan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, bersabda pegangan teguh dan penghayatan baik ajaran-ajaran Islam telah menjadi asas timbulnya segala kesedaran yang mendorong kita melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya sebagai warganegara yang cintakan tanah air sehingga negara dapat mengharungi pelbagai cabaran dan pengaruh negatif yang dibawa oleh keadaan dunia tanpa sempadan yang sudah tentu boleh saja melunturkan akidah dan keimanan kita.

Ke arah itu, Duli Yang Teramat Mulia penuh berharap akan meningkatkan lagi penghayatan kita terhadap isi kandungan Titah Pemasyhuran Kebawah DYMM, khususnya dalam menjadikan falsafah MIB sebagai calak hidup bernegara dan identiti orang Brunei yang unik yang akan selama-lamanya bertahan dengan megahnya dan tidak sekali-kali pupus ditelan arus perubahan masa dan keadaan.

"Konsep MIB ini sebenarnya bukanlah konsep baru, tetapi ia sudah lahir semenjak beberapa abad lagi. Ianya tidak lebih dari menunjukkan bentuk dan corak sebuah Kerajaan Brunei Darussalam yang tulen: Kerajaan Melayu Islam yang bersultan atau beraja. Dan sebagai sifatnya sebuah kerajaan Islam, maka ia adalah yang terbaik dari yang terunggul serta paling adil untuk lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, sama ada mereka beragama Islam atau tidak."

Dari tiga serangkai, Melayu, Islam dan Beraja terdapat unsur atau nilai yang positif untuk ketahanan negara umpamanya dari Melayu itu ialah bahasanya. Tiada siapa yang dapat menyangkal bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan yang paling efektif. Tanpa bahasa ini, setentunya kita tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti. Demikian juga Islam ialah agama yang menjamin seluruh kepentingan rakyat dan penduduk dengan tidak mengira apa jua agama, suku kaum dan keturunan. Pendeknya agama Islam adalah jaminan keselamatan dan kesejahteraan untuk semua. Kerana itu tiada siapa yang takut atau merasa ragu mengenainya. Sementara beraja pula adalah menunjukkan kepada kerajaan yang bersultan atau beraja, yang sudah wujud dan menjadi warisan zaman-berzaman semenjak dari beberapa abad lagi. Negara Brunei Darussalam telah menjalani zaman-zaman yang gemilang di bawah pemerintahan beraja, negara semakin maju dan makmur, semakin terkenal dan stabil serta digalati oleh di kalangan antarabangsa. Semua berkat rakyat dan penduduk dan hasil taat setia yang tiada berbelah bahagi di bawah pemerintahan beraja itu.

Ke arah ini adalah diserukan kita bersama-sama meneruskan usaha untuk menjaga dan memelihara semangat cintakan raja dan meyakini akan keunggulan institusi beraja itu yang telah terbukti membawa banyak kemanfaatan kepada kita semua.



NEGARA BRUNEI DARUSSALAM ... Mempertahankan kedaulatannya sebagai pewaris kesultanan beraja.

MEMBAWA KEBAIKAN

Sistem Pemerintahan Beraja di Negara Brunei Darussalam adalah satu sistem yang telah teruji kebaikannya sejak berkurun-kurun lama dan sanggup mengharungi perubahan zaman dan nyata ia membawa kebaikan dan kesejahteraan kepada rakyat dan penduduk di bawah kepimpinan bijaksana raja yang adil, pemedulian dan mengutamakan kebajikan rakyat. Menghayati dan mengukuhkan institusi beraja di bawah MIB adalah mematuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang menyuruh kita taat kepada raja.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain juga memberi pandangan bahawa Brunei sendiri, sistem pemerintahan beraja yang diwarisi dan dihayati lebih 500 tahun lalu sejak Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei Yang Pertama hinggalah sekarang ini Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Sultan Ke-29, tetap kukuh dan mantap sungguhpun sistem beraja itu menerima pelbagai ujian.

Ini dapat digambarkan oleh Kebawah DYMM dalam titah sulung baginda di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 21 September 1984:

"Negara kami bukan sahaja mengalami keamanan tetapi juga peperangan, kekayaan tetapi juga kemiskinan, perniagaan giat tetapi juga pemencilan, perkembangan tetapi juga eksploitasi, berkerajaan sendiri tetapi juga pengurusan asing. Kesemua ini mendatangkan faedah kepada kami. Ia mengajar kami menghargai hidup di dunia ini."

Dalam sistem pemerintahan beraja itu, kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduknya diutamakan, kesejahteraan itu sentiasa dirasai oleh rakyat dan penduduk, mereka mempunyai pendapatan dan kuasa membeli di tangan mereka, kesejahteraan itu diukur dari segi 'quality of life' yang mana kriterianya termasuklah hampir semua rakyat dan penduduk Brunei dapat merasai dan menikmati keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal, mudah menerima pendidikan dan pelbagai perkhidmatan yang diberikan secara percuma. Inilah kurnia Allah Ta'ala kepada Negara Brunei Darussalam yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja di bawah kepimpinan bijaksana raja Brunei yang adil, memeduli dan mengutamakan kebajikan dan kesejahteraan rakyat jelata.

Sungguhpun sistem pemerintahan beraja di dunia ini ada digambarkan dengan gambaran - gambaran negatif oleh sebahagian pemerhati politik moden, tetapi setakat pengalaman Brunei, hakikat yang wujud tidak seperti yang digambarkan itu, bahkan sebaliknya, sistem di Brunei yang bersendikan ajaran-ajaran Islam iaitu suatu cara hidup yang dihayati dengan baiknya dan nilai-nilai da-

☞ Lihat muka 11



PARA hadirin yang hadir di Majlis Forum Khas Melayu Islam Beraja (MIB) Sempena Jubli Perak Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 2009 pada 19 Mei anjuran Orang-orang Yang Dikurniai Gelaran yang dilangsungkan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Falsafah MIB kukuhkan kemajuan dan keamanan

Dari muka 10

lam kehidupan beradat dan berbudaya Melayu, raja yang mengutamakan kebajikan rakyat dan penduduk menurut sejarah telah membawa keamanan, kebaikan dan kesejahteraan.

Yang Berhormat menjelaskan, raja mempunyai kuasa memerintah yang tertinggi dan kuasa itu berpusat kepada raja, baik menurut ada istiadat mahupun pada zaman moden ini, ia termaktub secara bertulis dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Raja bukan hanya menjadi kepala negara bahkan baginda menjadi pemimpin dan tunggak yang memegang tampuk pimpinan dan teraju pemerintahan.

Pengalaman sistem beraja di Brunei sejak turun-temurun lebih 500 tahun yang lalu hingga sekarang, sehingga kepada keturunan yang ke-29, memberikan gambaran jelas bahawasanya Brunei hidup dalam keadaan aman damai dan sejahtera, serta mendapat keberkatan daripada Allah, berkat pegangannya ang teguh kepada ajaran-ajaran Islam, di bawah kepimpinan bijaksana rajanya turun-temurun hingga sekarang ini.

UNIK

Sistem pemerintahan beraja yang diwarisi lebih lima dekad adalah satu sistem Kesultanan Melayu yang unik yang telah dapat bertahan dan disesuaikan dengan arus perubahan dan kemajuan.

Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menekankan bahawa sistem Pemerintahan Beraja telah diberikan legitimasi dalam Perlembagaan Brunei 1959 dan Pemasyhuran Kemerdekaan Negara 1984. Dengan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang telah menerajui kepimpinan berasaskan kepada falsafah MIB selama 40 tahun telah berjaya membawa negara ini menjadi sebuah negara yang stabil, menikmati keamanan, ketenteraman dan mencapai tahap kemajuan dalam pelbagai bidang.

Pemasyhuran Kemerdekaan 1984 yang meletakkan negara dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara MIB yang merdeka, berdaulat, demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah, telah terpancar dalam realitinya sebagai satu sistem pemerintahan yang berdaya tahan dan dalam masa yang sama mewujudkan keamanan, kestabilan dan ketenteraman yang dengannya dapat pula menggerak dan memangkin kemajuan bagi kesejahteraan dan kemakmuran negara, rakyat dan penduduknya.

Kebawah DYMM dalam titah baginda, menurut Yang Berhormat lagi, telah menegaskan keyakinan bahawa 'sebagai sifatnya sebuah kerajaan Islam, maka ia adalah yang terbaik dan terunggul serta paling adil untuk semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini sama ada mereka itu beragama Islam ataupun tidak'.

Ke arah itu, tambah Yang Berhormat, semua pihak dan sektor meliputi seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini memainkan peranan masing-masing dalam mendukung pelaksanaan dan penghayatan konsep MIB.

Nilai-nilai MIB diterapkan dalam jentera Perkhidmatan Awam menerusi Rukun dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam bertujuan membentuk perwatakan dan sikap bekerja, menjadi model insan yang cekap, berkesan, bersih dan amanah menurut calak Islam.

Realitinya, MIB telah dapat membentuk jati diri setiap individu rakyat dan penduduk sebagai 'calak Brunei' menerusi sistem pendidikan negara yang menempatkan MIB sebagai mata pelajaran dalam kurikulum sekolah, dan mata pelajaran teras dalam SPN21 dan keputusan menjadikan MIB sebagai mata pelajaran wajib lulus di pusat-pusat pengajian tinggi adalah komitmen ke arah memastikan generasi muda bukan sahaja dilengkapi ilmu tetapi mengamalkan nilai-nilai luruh kebruneian yang menjadi modal insan yang kuat keislamannya. Begitu juga MIB menjadi teras kepada Dasar Belia Negara yang terus memainkan peranan yang amat penting dalam usaha ke arah membentuk belia yang berdisiplin dan bertanggungjawab kepada negara bangsa.

Dalam penghidupan bernegara, MIB dan khususnya pengamalan dan penghayatan nilai-nilai agama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah berperanan menjadi penjana perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk negara ini, dalam mewujudkan kehidupan bersatu padu, aman sejahtera.

Dengan sistem pentadbiran melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung yang berfungsi dalam memupuk semangat kenegaraan yang kesemua itu menjadi landasan kepada pembangunan dan kemajuan yang telah dicapai dalam berbagai bidang kehidupan. Namun apa yang ketara, ialah untuk meningkatkan penghayatan dan memperkukuhkan MIB khasnya kepada generasi muda yang akan bertanggungjawab meneruskannya.

Kedudukan perubahan yang tidak menentu dan kederasan arus perubahan dan cabaran-cabaran yang dibawa oleh gelombang globalisasi akan menjadi cabaran hebat kepada generasi akan datang. Selama ini penghayatan nilai-nilai luhur MIB dan pegangan teguh kepada ajaran-ajaran Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah serta Sistem Pemerintahan Beraja telah dapat bertindak menjadi benteng pertahanan yang kukuh dalam kita berhadapan dengan bermacam perubahan.

Kita telah menyaksikan contoh dan teladan di sekeliling kita. Ada negara yang sudah lama merdeka, tetapi masih bergelut dengan masalah perpaduan rakyat dan penduduknya. Ada negara yang kaya raya dengan sumber alamnya tetapi ketidakstabilan membantutkan kemajuannya.

Dalam hubungan ini, Menteri Perhubungan menambah seharusnya bersyukur dengan kepimpinan bijaksana serta visi dan wawasan jelas pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah dapat membawa negara kita dalam kestabilan, kemanan, ketenteraman di mana rakyat dan penduduknya hidup bersatu padu, penuh harmoni dan kesejahteraan.

IDENTITI

Selaku rakyat Brunei kita sangat berbangga kerana mempunyai falsafah MIB sebagai identiti bangsa. Konsep tiga serangkai yang mempunyai ikatan irama dan lagu, senyawa dan sehaluan hendaklah ditanamkan di setiap sanubari rakyat dan penduduk negara ini menuju dalam satu nafas, bersepadu untuk menjamin kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyatnya.

Dengan cara inilah, kita telah dapat membawa negara kita mencapai matlamat-matlamatnya dengan lancar dan selamat, dengan tiada perlu melalui rintangan-rintangan besar. Sekiranya pun ada terdapat sebarang masalah, semuanya itu dapat diurus dan diselesaikan berdasarkan semangat dan muafakat dan persefahaman yang ikhlas.

SISTEM pemerintahan beraja yang diwarisi lebih lima dekad adalah satu sistem Kesultanan Melayu yang unik yang telah dapat bertahan dan disesuaikan dengan arus perubahan dan kemajuan.

Sistem politik yang dapat menjamin kestabilan, keharmonian, menggerakkan kemajuan serta menegakkan keadilan, di samping kekukuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat adalah hasil dari rasa tanggungjawab yang akrab antara kerajaan dan rakyat yang diumpamakan, seperti isi dengan kuku, sama-sama menjunjung tinggi falsafah negara. Inilah kekuatan negara kita yang mengagumkan dunia.



SENI mempertahankan diri salah satu kebudayaan Melayu Brunei yang masih dipertahankan dan sering mengharumkan nama negara dalam sukan-sukan bertaraf antarabangsa.



PENDIDIKAN agama Islam terus bersemarak di negara ini.

MELAYU ISLAM BERAJA

Dari perspektif sejarah Brunei

"MAKA beta rasa, di sinilah peranan paling mencabar orang-orang bergelar, untuk membetulkan sebarang tanggapan salah oleh generasi baru terhadap warisan-warisan tradisi. Di antaranya yang disalah anggap itu ialah konsep Melayu Islam Beraja. Beta tidak faham mengapa orang harus mempertikaikannya? Mempertikaikan konsep ini bererti kita mempertikaikan diri kita sendiri, dan sekali gus juga mempertikaikan sejarah asal usul."

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Majlis Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-60 Anjuran Orang-Orang Yang Dikurniai Gelaran di Hotel Antarabangsa Rizqun pada 2 September 2006.

Berita dan Foto :
Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong
Pengarah Penerangan

TUNGKU GADONG, Isnin, 24 Ogos. - Dalam usaha untuk menanam dan menyemai nilai-nilai falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB), Jabatan Penerangan tanpa jemu-jemu terus bekerjasama dengan institusi-institusi kerajaan dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengasuh dan mendidik generasi muda masa kini supaya memahami dan mengetahui tentang sistem sosiobudaya dan politik negara ini demi survival bangsa dan negara. Dalam hal ini, Jabatan Penerangan sentiasa memberi kerjasama dengan semua pihak ke arah mencapai matlamat kewujudan satu negara yang aman damai berlandaskan falsafah MIB.

Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong telah diberi kesempatan untuk membentangkan dua tajuk kertas kepada 66 mahasiswa tahun pertama yang mengambil mata pelajaran MIB. Kertas kerja tersebut bertajuk Kesultanan MIB dan Kedatangan dan Perkembangan Islam di Brunei.

Menjadi MIB menjadi satu mata pelajaran wajib dalam kursus ijazah yang ditawarkan oleh Institut Teknologi Brunei (ITB) adalah merupakan satu tindakan yang bijak yang bertepatan dengan titah baginda sultan dalam memelihara dan mengekalkan survival bangsa Melayu Brunei di masa akan datang.

Langkah yang telah diambil oleh ITB mengadakan kursus MIB kepada mahasiswa yang mengikuti kursus berijazah adalah adalah juga selaras dengan dasar pendidikan SPN21 untuk membentuk dan melahirkan generasi muda Brunei yang mempunyai ciri-ciri kebruneian yang mencintai bangsa, raja dan agama Islam untuk kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat.



BATU Tarsilah yang terletak di Kubah Makam Diraja, Bandar Seri Begawan, yang berusia hampir 200 tahun. Ia adalah merupakan bukti peninggalan sejarah yang amat penting sebagai bukti akan kewujudan Kerajaan Kesultanan Melayu Islam yang diasaskan oleh Sultan Muhammad Pertama pada tahun 1368 Masihi.



DI ANTARA mahasiswi Institut Teknologi Tahun 1 yang hadir untuk mendengar pembentangan kertas kerja yang bertajuk, 'Kesultanan Melayu Islam'. Meskipun mata pelajaran ini merupakan satu kursus yang baru, tetapi mereka dapat memahami dan mengikuti perbincangan yang diadakan secara berkesan.

Dalam kertas kerja yang bertajuk, Kesultanan MIB, Dr. Muhammad Hadi membincangkan tentang kewujudan pemerintahan Kesultanan Melayu Islam dari sudut sejarah. Menurut beliau dengan pertapakan agama Islam secara rasmi di Brunei pada TM 1368 melalui pengislaman Sultan Muhammad Shah yang sebelum ini baginda bergelar Awang Alak Betatar dan berkahwin dengan puteri Johor (Singapura Tua) maka bermula satu Kerajaan Kesultanan Melayu Islam di Brunei yang terus diwarisi sehingga ke hari ini.

Salasilah Raja-Raja Brunei versi Al-Marhum Pengiran Di-Gadong Sahibul Mal Pengiran Haji Muhammad Salleh ada menyebutkan tentang pengislaman Sultan Muhammad Shah :

... kemudian kedengaran khabar ada Raja di negeri Brunei namanya Awang Alak Betatar ... maka dipanggil ... ke Johor. Maka dibuatkan menantu bernama Paduka Seri Sultan Muhammad ... Yang pertamatama kerajaan di Negeri Brunei membawa hukum Islam mengikut syariat Nabi Kita Muhammad Mustafa Sallallahu Alaihi Wasallam di Negeri Brunei iaitu Paduka Sultan Muhammad ...

Di Bandar Seri Begawan juga turut mencatatkan tentang pengislaman Sultan Muhammad Shah:

... samping itu, Batu Tarsilah yang terletak di Makam Diraja, adalah yang pertama kerajaan di negeri dan membawa agama Islam dan mengikut syariat Nabi kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu Paduka Seri Sultan Muhammad ...

Penemuan Batu Bertulis yang dijumpai di Sungai Singapura bertarikh antara 10M-14M juga mengukuhkan lagi keterangan perkahwinan antara Awang Alak Betatar dengan puteri di Negeri Singapura Tua tersebut. Ini bermakna bahawa sudah wujud sebuah Kerajaan Kesultanan Melayu Islam di Brunei ketika itu setelah berlakunya perkahwinan Sultan Muhammad Shah dengan Puteri Johor (Singapura Tua) yang keturunan dari Sang Nila Utama yang telah pun menganuti agama Islam sebagaimana yang tercatat dalam buku Sejarah Melayu yang disusun oleh Tun Seri Lanang.

Kepastian tentang kewujudan sebuah kerajaan Islam di Teluk Brunei dalam akhir abad ke 14 memang tidak dapat disangkalkan lagi berdasarkan sumber catatan rekod China pada zaman pemerintahan Dinasti Ming (TM 1368-1543) yang menyebutkan bahawa Raja Poni (Brunei) pada masa itu bernama Ma-ha-mo-sa. Sebutan nama ini adalah merujuk kepada nama Sultan Brunei Pertama Muhammad Shah. Turut dinyatakan juga bahawa pada bulan Ogos 1371 Raja Poni (Ma-ha-mo-sa) telah menghantar utusan ke China dengan membawa sepucuk surat berupa tulisan Hui-Ku (tulisan Jawi).

Sultan Abdul Majid telah bertolak dari istana baginda di Kota Batu menuju ke Nanjing, istana Maharaja Zhu Dhi. Baginda Sultan Brunei yang pertama belayar ke luar negeri dengan usia yang muda iaitu 28 tahun bersama keluarga dan kerabat-kerabat diraja yang berjumlah hampir 150. Mereka menggunakan kapal dengan mengharung Laut China Selatan yang memakan masa hampir dua bulan. Setiba baginda di Istana Nanjing, Maharaja Zhu Dhi memberi penghormatan yang tinggi terhadap baginda.

Di samping kenyataan rekod China di zaman Dinasti Ming, kewujudan Islam di Brunei diperkukuhkan lagi dengan penemuan makam 'Sultan Abdul Majid (Ma-na-je-ka-na)' yang terletak di Nanjing, China pada tahun 1958. Makam ini telah menjawab pertanyaan mengenai kehadiran seorang raja dari Poni yang lindung di Istana Nanjing pada tahun 1408. Di Brunei sendiri penemuan batu nisan 'Rokayah binti Sultan Abdul Majid ... ibnu Muhammad Shah Al-Sultan' bertarikh TM 1422 yang terletak di Perkuburan Islam, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan adalah bukti menunjukkan bahawa Islam telah dianuti dan dijadikan pegangan oleh sebahagian penduduk di Brunei setelah pengislaman dan perkahwinan Sultan Muhammad Shah dengan Puteri Johor (Singapura Tua).

Oleh yang demikian, Sultan Muhammad Shah adalah pengasas Kerajaan Kesultanan Melayu Islam di Teluk Brunei pada TM 1368 yang berkuasa mutlak di Pulau Borneo yang hanya satu-satunya masih kekal sehingga ke hari ini iaitu sebagai pewaris kesultanan Melayu Islam di Pulau Borneo. Maka berdasarkan fakta-fakta sejarah falsafah negara MIB pada kenyataan memang telah wujud sejak dari abad ke 14 Masihi. Sultan Muhammad Shah adalah merupakan sultan pertama Brunei yang mengasaskan penubuhan sebuah kerajaan yang berfalsafah MIB yang terus dipertahankan sehingga ke hari ini. Maka kenapa masih ada golongan yang mempertikaikan falsafah MIB, sedangkan fakta-fakta sejarah sudah cukup membuktikan akan kenyataannya, sebagaimana titah baginda sultan bahawa itu tidak pernah berbohong sejarah. Maka terimalah kenyataan ini dan jadikanlah falsafah MIB itu sebagai baju sendiri yang dapat mencerminkan identiti bangsa Melayu Brunei bagi menghadapi arus era globalisasi masa kini untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.



MAKAM Sultan Abdul Majid telah ditemui di Nanjing, China pada tahun 1958. Baginda telah lindung di Nanjing pada tahun 1408 iaitu dalam pemerintahanan Maharaja Zhu Dhi, Dinasti Ming.



ROKAYAH adalah merupakan Puteri Sultan Abdul Majid dan cucu kepada Sultan Muhammad pertama. Batu nisan ini juga telah mengukuhkan lagi kenyataan sejarah akan kewujudan Kerajaan Melayu Islam di Brunei Darussalam.